Syiekh Abu Abdullah bin Abd al-Salam 'Allusy

# إبانة الأحكام
## شرح
## بلوغ المرام

# IBANAH AL-AHKAM
# SYARAH BULUGH AL- MARAM
## (Jilid Keempat)

Penterjemah:
Nor Hasanuddin H.M. Fauzi

Disemak Oleh:
Dr. Mohd Puzhi Usop
Ustaz Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri

AL-HIDAYAH PUBLICATION
KUALA LUMPUR
2010

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

**Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang**

**Kami** adalah **penerbit** dan **pengedar buku-buku Islam** kontemporari dinihari. Bergerak bersama mendokong **kebenaran Al-Quran** dan As-sunnah sebagai teras pengabdian. **Menyebarkan ilmu** di mana dan ke mana saja demi **merealisasikan** cita-cita dan harapan **Membina generasi** di **masa depan.** Pastinya usaha kami **bukan meraih** keuntungan yang sedikit **di dunia** ini tetapi mahu melihat **generasi** dan **negara** ini mencapai mercu kecemerlangan di dunia dan di akhirat. Untuk itu kami sedia **memberi perkhidmatan** yang terbaik untuk keperluan masa **depan anda.**

AL-HIDAYAH

# AL-HIDAYAH PUBLICATION

# IBANAH AL-AHKAM
# SYARAH BULUGH AL- MARAM


| | | |
|---|---|---|
| Judul Asal | : | Ibanatu al-Ahkam Syarhu Bulughu al-Maram |
| Penulis | : | Syiekh Abu Abdullah bin Abd al-Salam 'Allusy |
| Penerbit Asal | : | Dar al-Haramain, Jeddah |
| Penterjemah | : | Nor Hasanuddin H.M. Fauzi |
| Penyunting | : | Ustazah Sabariah Bakri (IIUM) |
| Tata Letak | : | Tim al-Hidayah |

Cetakan Pertama ….…. 2010





*Diterbitkan Oleh:*

**AL-HIDAYAH PUBLICATION**
No. 27, Jalan DBP Dolomite Business Park 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-6185 3002, 61857006, 6185 4009
Fax: 03-6185 9006
laman web: www.hidayah.com.my
E-mail: hidayah@streamyx.com

*Diedarkan Oleh:*

**AR-RISALAH PRODUCT SDN. BHD**
No. 27, Jalan DBP Dolomite Business Park 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-6185 3002, 61857006, 6185 4009
Fax: 03-6185 9006
laman web: www.hidayah.com.my
E-mail: risalah@streamyx.com

*Dicetak Oleh:*

**PERCETAKAN ZAFAR SDN. BHD**
Lot 18, Jalan 4/10B, Spring Crest Industrial Park Batu Caves, 68100 Kuala Lumpur

بسم الله الرحمن الرحيم

## KATA PENGANTAR PENERBIT

SEGALA puji bagi Allah Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam disampaikan kepada junjungan Nabi Muhammad SAW, keluarga serta sahabat-sahabat baginda.

Dalam usaha untuk menambahkan buku-buku bacaan di kalangan masyarakat masa kini, dengan syukur dipanjatkan kepada Allah SWT kerana kami dapat menerbitkan sebuah lagi buku yang bertajuk **IBANAH AL-AHKAM SYARAH BULUGH AL-MARAM.**

Sebagai penerbit, besar harapan kami agar buku ini dapat bermanfaat kepada pembaca. Segala amalan yang baik ini semoga mendapat keredaan Allah SWT.

Segala kesilapan dan kekurangan adalah kelemahan daripada kami, oleh itu teguran membina amatlah dialu-alukan.

Sekian, Wabillahi Taufiq, Wassalamu'alaikum.

Penerbit,
Al-Hidayah Publication

# KATA PENGANTAR PENTERJEMAH

## A. Metode Penulisan Hadis

Ulama memiliki banyak metode dalam menyusun dan menghimpun hadis-hadis Rasulullah (s.a.w), dan setiap metode yang digunakan dalam penyusunan dan penghimpunan hadis itu memiliki tujuan dan matlamat yang tersendiri. Berdasarkan metode *al-Sihah* yang dipelopori oleh al-Bukhari dan Muslim, hadis-hadis Rasulullah (s.a.w) disusun mengikut bab dan sub-bab yang terdapat dalam kitab fiqh. Metode ini misalnya dimulakan dengan perbahasan bersuci dan setiap hadis yang berkaitan dengan masalah bersuci akan dihimpun dalam bab atau sub-bab bersuci itu begitu juga bab-bab yang lain. Metode ini sistematik dan tematik. Sistematik bermaksud antara satu bab dengan bab berikutnya saling berkaitan manakala hadis-hadis yang dihimpun dalam satu bab pula memiliki kaitan antara satu sama lain. Sedangkan tematik bermaksud hadis-hadis Rasulullah (s.a.w) yang disusun dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim adalah mengikut susunan bab tertentu dan semua hadis itu adalah sahih.

Metode *al-Sunan* seperti mana yang terdapat dalam kitab Sunan al-Tirmizi, Sunan Abu Daud dan Sunan Ibn Majah disusun secara tematik dan sistematik. Walaupun begitu kitab-kitab sunan itu memuatkan hadis-hadis sahih, hasan dan dha'if. Perbezaan antara metode *al-Sihah* dan *al-Sunan* adalah terletak dalam penghimpunan hadis, di mana metode *al-Sihah* hanya memuatkan hadis-hadis sahih sedangkan metode *al-Sunan* memuatkan hadis sahih, hasan dan dha'if sekali gus.

Sementara itu metode *al-Musnad* pula yang digunakan oleh Imam Ahmad dalam kitabnya *al-Musnad* menyusun dan menghimpun hadis berdasarkan sanad-sanad hadis itu. Jika ada bab Ibn 'Umar (r.a), maka bab ini memuatkan hadis-hadis yang hanya diriwayatkan oleh Ibn 'Umar (r.a) sahaja dan demikianlah seterusnya.

Menjelang abad ke-6 Hijriah, para ulama mula mengembangkan inovasi baru dalam penyusunan hadis. Mereka cuba menyusun hadis yang saling berkaitan mengenai sesuatu masalah tertentu di dalam satu buku. Misalnya

menyusun hadis-hadis yang perbahasannya hanya berkaitan dengan ilmu fiqh. Jadi di dalam kitab tersebut hanya dijumpai hadis-hadis yang berkaitan dengan hukum fiqh sahaja. Inilah yang disebut dengan metode *Hadis al-Ahkam*.

**B. Kitab-Kitab Hadis Hukum**

Ada beberapa ulama yang telah berjasa menyusun dan menghimpun hadis-hadis berkaitan hukum dalam satu kitab. Berikut nama-nama mereka sekali gus karya mereka:

1. *'Umdah al-Ahkam* karya al-Hafiz Taqiyyuddin 'Abd al-Ghani bin 'Abd al-Wahid al-Miqdasi al-Jam'ili al-Dimasyqi (541-600 H). Kitab ini memuatkan 1,419 hadis sahih yang diambil dari Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim. Sesuai dengan judul kitab ini, ia benar-benar menjadi asas bagi hadis-hadis hukum yang mesti dimiliki oleh setiap muslim sama ada kalangan penuntut ilmu mahupun ulama. Imam Taqiyyuddin Muhammad bin 'Ali al-Qusyairi yang dikenali dengan Ibn Daqiq al-'Id kemudian menjelaskan kitab 'Umdah al-Ahkam ini. Ibn Taimiyyah memberi komen tentang kitab ini: *"Ia adalah kitab yang benar-benar memuatkan seluruh hukum-hakam Islam. Sebelum ini tidak ada ulama yang pernah menyusun hadis hukum seumpama ini. Karya al-Hafiz al-Dhiya' dan karya datukku belum mampu menandingi karya hebat ini."*
2. *Muntaqa al-Akhbar fi al-Ahkam* karya Majduddin Abu al-Barakat 'Abd al-Salam bin 'Abd Allah bin Abu al-Qasim al-Harrani atau yang lebih dikenali dengan Ibn Taimiyyah al-Hanbali (590-652). Beliau adalah datuk kepada Syeikh al-Islam Taqiyydin Ahmad bin Taimiyyah. Hadis-hadis hukum dalam kitab ini diambil daripada Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Musnad Imam Ahmad, Sunan al-Tirmizi, Sunan al-Nasa'i, Sunan Abu Dawud dan Sunan Ibn Majah. Kitab ini sengaja tidak menyebutkan rujukan asal di mana hadis itu diambil supaya ia tidak terlampau tebal. Ia memuatkan 5,029 hadis hukum. Kitab ini kemudian dijelaskan oleh pakar hadis Yaman, al-Qadhi Muhammad bin 'Ali al-Syawkani (1173-1250 H) dan syarah itu kemudian diberi judul *Nayl al-Awtar*.
3. *Taqrib al-Asanid wa Tartib al-Masanid* karya Zainuddin Abu al-Fadhl 'Abd al-Rahim bin al-Husin al-'Iraqi (725-806 H). Kitab ini menghimpun hadis-hadis hukum yang pernah disusun oleh anaknya yang bernama Ibn Abu Zur'ah. Dalam bahagian mukaddimah, penulis berkata: "Saya ingin menghimpun hadis hukum yang pernah disusun oleh anak saya, Abu Zur'ah bersama dengan sanadnya. Adalah aib bagi seorang penuntut ilmu jika tidak mengetahui sanad-sanad hadis tertentu untuk dijadikan rujukan ketika mereka berdiskusi atau ada orang yang bertanya mengenainya. Saya faham bahawa menghafal sanad hadis itu tidaklah semudah yang dibayangkan kebanyakan orang. Tetapi setidaknya, orang yang berilmu semestinya mengetahui sanad daripada sesebuah hadis. Inilah yang saya tekankan dalam kitab ini."

Kitab ini kemudian dijelaskan oleh penulisnya sendiri. Namun sayang, penjelasan ini ternyata tidak selesai kerana penulisnya meninggal dunia sebelum projek besarnya itu selesai. Penjelasan ini kemudiannya diteruskan oleh anaknya, Abu Zu'rah yang meninggal dunia pada 826 H dan judul kitab penjelasan itu adalah *Tarh al-Tatsrib fi Syarh al-Taqrib*. Abu Zur'ah berjaya meneruskan projek agung ayahandanya. Karya yang ditulisnya menggunakan metode ilmiah yang bebas daripada sebarang taksub mazhab. Ia adalah kitab penjelasan yang memuatkan perbahasan fiqh sekali gus membahas ilmu-ilmu yang berkaitan dengan hadis.

4. *Bulugh al-Maram min Ahadits al-Ahkam* karya al-Hafiz Syihabuddin Ahmad bin 'Ali bin Ahmad bin Hajar al-'Asqalani (733-852 H). Kitab ini memuatkan 1,576 hadis. Ia kemudian dijelaskan oleh al-Sayyid Muhammad bin Isma'il al-Amir al-Shan'ani (1099-1182 H) yang diberi judul *Subul al-Salam*. Ia merupakan kitab penjelasan yang bermutu tinggi di mana kebenaran merupakan semangat utama dalam penulisan buku ini tanpa mempedulikan dalil yang dikemukakan bersesuaian dengan mazhab penghurai kitab ini atau sebaliknya.

## C. Syarah Kitab *Bulugh al-Maram*

Daripada keempat-empat kitab hadis hukum itu, kitab hadis hukum yang paling banyak mendapat perhatian ulama adalah kitab *Bulugh al-Maram*. Ini kerana kitab ini paling banyak dijelaskan oleh ulama-ulama yang datang setelah generasi penyusun *Bulugh al-Maram*, Ibn Hajar al-'Asqlani. Di sini penjelasan kitab *Bulugh al-Maram* diklasifikasikan menjadi dua kategori, iaitu penjelasan yang sudah diterbitkan dan penjelasan yang belum pernah diterbitkan.

Pertama, penjelasan kitab *Bulugh al-Maram* yang telah diterbitkan, antara lain adalah sebagai berikut:

1. *Al-Badr al-Tamam Syarh Bulugh al-Maram* oleh Syarafuddin al-Husin bin Muhammad Sa'id bin 'Isa al-La'i al-Maghribi, meninggal dunia pada tahun 1119 H namun ada yang mengatakan pada tahun 1115 H.
2. *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram* oleh Imam Muhammad bin Isma'il al-Amir al-Shan'ani, lahir pada tahun 1099 H dan meninggal dunia pada tahun 1182 H.
3. *Mukhtasar al-Kalam 'ala Bulugh al-Maram* oleh Syeikh Faisal bin Abd al-'Aziz bin Mubarak, meninggal dunia pada tahun 1376 H.
4. *Fiqh al-Islam Syarh Bulugh al-Maram* oleh Syeikh 'Abd al-Qadir Syaibah al-Hamd.
5. *Tawdhih al-Ahkam min Bulugh al-Maram* oleh Syeikh Abd Allah bin Abd al-Rahman al-Bassam.
6. *Hidayah al-Anam bi Syarh Bulugh al-Maram* oleh Dr. Abd al-Rasyid 'Abd al-'Aziz Salim.

7. *Al-Ifham Syarh Bulugh al-Marm* oleh Syeikh 'Abd al-'Aziz bin 'Abd Allah al-Rajihi.
8. *I'lam al-Anam Syarh Bulugh al-Maram bin Ahadits al-Ahkam* oleh Prof. Dr. Nur al-Din 'Atr.
9. *Qifw al-Atsar fi Syarh Bulugh al-Maram bi Kalam Ibn Hajar* oleh 'Abd al-Mun'im Ibrahim. Buku ini diterbitkan setebal lima jilid oleh Maktabah Nizar Mustafa al-Baz tahun 1420 H.
10. *Fath al-'Allam Syarh Bulugh al-Maram* oleh al-Syarif Sadiq bin Hasan Khan al-Qannuji al-Bukhari (1248-1307 H).
11. *Nayl al-Maram Syarh Bulugh al-Maram* oleh Muhammad Yasin bin 'Abdullah, salah seorang ulama Musol di Iraq.
12. *Ibanah al-Ahkam Syarh Bulugh al-Maram* oleh Hasan Sulaiman al-Nuri, 'Alwi 'Abbas al-Maliki dan Abu 'Abdullah bin 'Abd al-Salam 'Allusy.
13. *Tashil al-Ilmam bi Fiqh al-Ahadits min Bulugh al-Maram* oleh Syeikh Soleh bin Fauzan bin 'Abdullah al-Fauzan, anggota Majlis Fatwa Arab Saudi.
14. *Basyir al-Kiram bi Bulugh al-Maram* oleh Syeikh Muhammad Amin al-Kutibi, salah seorang tenaga pengajar di Masjid al-Haram dan Kulliyyah al-Mu'allimin.
15. *Ithaf al-Kiram bi al-Ta'liq 'ala Bulugh al-Maram* oleh Shafiyyurrahman al-Mubarakfuri.
16. *Hasyiyah al-Dihlawi 'ala Bulugh al-Maram* oleh Syeikh Ahmad bin Hasan al-Dihlawi, meninggal dunia pada tahun 1338 H.
17. *Syarh Bulugh al-Maram* oleh Abu Qutaibah Nazhar Muhammad al-Firyabi, diterbitkan oleh Dar al-Shumai'i setebal dua jilid pada tahun 1418 H.
18. *Tuhfah al-Kiram Syarh Bulugh al-Maram* oleh Dr. Muhammad Luqman al-Salafi.
19. *Hasyiyah al-Syeikh 'Abd al-'Aziz bin Abd Allah bin Baz*.
20. *Fath al-Wahhab Syarh Bulugh al-Maram* oleh Syeikh Muhammad Ahmad al-Rah al-Syanqithi.
21. *Fath al-Jalal wa al-Ikram bi Syarh Bulugh al-Maram* oleh Syeikh Muhammad bin Soleh al-'Utsaimin, meninggal dunia pada tahun 1421 H.

Sementara itu, syarah kitab *Bulugh al-Maram* yang belum pernah diterbitkan dan masih dalam bentuk manuskrip, antara lain adalah sebagai berikut:

1. *Ifham a;-Afham Syarh bUlugh al-Maram* oleh al-Sayyid Yusuf bin Muhammad al-Ahdal, meninggal dunia pada tahun 1242 H.
2. *Syarh al-Sayyid Muhammad Ali Ahmadain*, seorang tenaga pengajar jemputan dari Mesir untuk Institut Saudi di Makkah.
3. *Syarh Syeikh Muhammad 'Abid al-Anshari al-Hana* , beliau menetap di Madinah. Karyanya ini dimuatkan di dalam kitab *Kasyf al-Zhunun*.

4. *'Uddah al-Hukkam fi Syarh Bulugh al-Marm* oleh al-Fairuzzabadi.
5. *Tanwir al-Afham Syarh Bulugh al-Maram* oleh Syeikh Hasyim Sa'id al-Buqmi.
6. *Syarh Syeikh 'Utsman bin Soleh al-Qadhi 'ala Bulugh al-Maram.*
7. *Syarh Syeikh Soleh bin 'Utsman al-Qadhi 'ala Bulugh al-Maram.*
8. *Syarh Syeikh 'Abd al-'Aziz bin Abd Allah bin Baz* seperti mana yang disebut oleh Syeikh Abd al-'Aziz bin Qasim dalam mukaddimah tahqiqnya terhadap Hasyiyah Bulugh al-Maram.
9. *Syarh Bulugh al-Maram* oleh Ibrahim bin Abu al-Qasim bin Ibrahim bin 'Abdullah bin Jam'an. Beliau meninggal dunia pada tahun 922 H. karyanya ini dimuatkan oleh Nazhar al-Firyabi dalam mukaddimah *Syarh Bulugh al-Maram*.
10. *Syarh Bulugh al-Maram* oleh Sulaiman bin 'Umar al-Ahdal. Karyanya ini dimuatkan oleh Nazhar al-Firyabi yang berkata: "Sila rujuk indeks kitab Hadis Nabawi."
11. *Hasyiyah 'ala Bulugh al-Maram* oleh Musa Jarullah al-Turkistani, meninggal dunia pada tahun 1369 H. Karya beliau ini dimuatkan oleh al-Habasyi dalam kitab *Jami' al-Syuruh wa al-Hawasyi*..
12. *Minhah al-Kalam Syarh Bulugh al-Maram* oleh Jamaluddin Yusuf bin Syahin, cucu kepada Ibn Hajar al-'Asqalani. Beliau meninggal dunia pada tahun 899 H. Karyanya ini dimuatkan oleh al-Habasyi dalam kitab *Jami' al-Syuruh wa al-Hawasyi*..
13. *Hasyiyah 'ala Bulugh al-Maram* oleh 'Abd al-Rahman bin Muhammad al-Jimi al-Tamimi, meninggal dunia pada tahun 1068 H. Karyanya ini dimuatkan oleh al-Habasyi dalam kitab *Jami' al-Syuruh wa al-Hawasyi*..
14. *Hasyiyah Bulugh al-Maram* oleh 'Abd al-Rahman bin Sulaiman bin al-Ahdal, meninggal dunia pada tahun 1250 H. Karyanya ini dimuatkan oleh al-Habasyi dalam kitab *Jami' al-Syuruh wa al-Hawasyi*.
15. *Hasyiyah 'ala Bulugh al-Maram* oleh 'Ali bin Sulaiman al-Ahdal, meninggal dunia setelah tahun 1250 H. Karyanya ini dimuatkan oleh al-Habasyi dalam kitab *Jami' al-Syuruh wa al-Hawasyi.*

### D. Kitab *Ibanah al-Ahkam*

Kitab penjelasan *Bulugh al-Maram* ini semula dikarang oleh Hasan Sulaiman al-Nuri dan 'Alwi 'Abbas al-Maliki yang merupakan dua ulama terkemuka di Mekah. Tetapi baru menyelesaikan dua jilid penjelasan kitab ini, kedua-dua ulama ini meninggal dunia dan tidak sempat menyelesaikan penjelasan kitab ini secara keseluruhan. Kemudian Abu Abdullah bin Abd al-Salam 'Allusy meneruskannya dan menyelesaikan kitab penjelasan ini yang dimulai daripada jilid ketiga sehingga jilid keempat.

Kitab ini berbeza dengan kitab-kitab penjelasan *Bulugh al-Maram* yang lain di mana perbahasannya ditulis secara sistematik. Setiap hadis diberi makna secara umum. Dengan itu setiap pembaca mampu memahami maksud sesebuah hadis itu secara keseluruhannya. Ia juga dilengkapi dengan analisis lafaz supaya setiap pembaca mengetahui makna setiap kosa kata yang terdapat di dalam hadis berkenaan. Kemudian ia diikuti dengan fiqh hadis yang memuatkan hukum-hakam yang boleh dipetik atau diambil daripada hadis tersebut. Fiqh hadis ini ditulis secara ringkas dan padat. Bahkan dalam beberapa kesempatan turut dihuraikan juga biografi singkat sahabat yang meriwayatkan hadis-hadis itu. Pada bahagian akhir setiap bab dimuatkan soalan-soalan yang menanyakan apa-apa sahaja yang telah difahami dan maklumat yang diperoleh daripada hasil bacaan dalam setiap bab itu. Metode ini digunakan untuk memudahkan setiap pengajar, pelajar dan orang awam yang membacanya.

Nor Hasanuddin H. M. Fauzi

Samarinda, 15 Ogos 2010 M

05 Ramadan 1431 H

# ISI KANDUNGAN

# KITAB JENAYAH

# KITAB JENAYAH

*Jinayah* secara bahasa merupakan kata *mashdar* yang berasal dari kata terbitan "جنى الذنب يجنيه جناية" yang bermaksud memetik dosa. Jenayah adakalnya berlaku ke atas jiwa dan adakanya pula ke atas anggota tubuh, sama ada sengaja atau silap.

١- عَنْ اِبْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لاَ يَحِلُّ دَمُ امْرِئٍ مُسْلِمٍ يَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَأَنِّي رَسُولُ اللهِ إِلاَّ بِإِحْدَى ثَلاَثٍ: الثَّيِّبُ الزَّانِي، وَالنَّفْسُ بِالنَّفْسِ، وَالتَّارِكُ لِدِينِهِ الْمُفَارِقُ لِلْجَمَاعَةِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

1. Daripada Abdullah bin Mas'ud (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tidak halal darah seorang muslim yang sudah menyatakan tiada tuhan selain Allah dan aku adalah pesuruh Allah, kecuali apabila melakukan salah satu daripada tiga perkara berikut ini; pertama, orang yang pernah berkahwin kemudian berzina; kedua, orang yang membunuh orang lain tanpa ada dosa; ketiga, orang murtad meninggalkan agamanya lagi menjauhi kelompoknya." (Muttafaq 'alaih:1888)

٢- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا عَنْ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لاَ يَحِلُّ قَتْلُ مُسْلِمٍ إِلاَّ فِي إِحْدَى ثَلاَثِ خِصَالٍ: زَانٍ مُحْصَنٌ فَيُرْجَمُ، وَرَجُلٌ يَقْتُلُ مُسْلِمًا مُتَعَمِّدًا فَيُقْتَلُ، وَرَجُلٌ يَخْرُجُ مِنْ الْإِسْلاَمِ فَيُحَارِبُ اللهَ وَرَسُولَهُ فَيُقْتَلُ أَوْ يُصْلَبُ أَوْ يُنْفَى مِنْ الْأَرْضِ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

2. Daripada Aisyah (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Tidak halal darah seorang muslim kecuali apabila dia melakukan salah satu daripada tiga perkara berikut ini: penzina muhsan maka dia wajib direjam, seseorang yang

membunuh orang lain dengan sengaja maka dia wajin dijatuhi hukuman bunuh, atau seseorang keluar meninggalkan Islam dalam keadaan mengisytiharkan perang kepada Allah (s.w.t) dan Rasul-Nya maka wajib dibunuh atau disula atau dibuang negeri." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud, al-Nasa'i dan dinilai sahih oleh al-Hakim: 1189)

**Makna Hadis**

Darah seorang muslim wajib dijaga dan haram ditumpahkan kecuali apabila dia melakukan salah satu daripada tiga perkara berikut ini:

1. Melakukaan perbuatan zina, padahal dia adalah seorang yang sudah berkahwin. Dia meninggalkan sesuatu yang halal dengan mengerjakan sesuatu yang haram. Oleh itu, dia wajib direjam.
2. Melakukan pembunuhan ke atas orang muslim dengan sengaja, maka dia wajib dibunuh.
3. Murtad dengan meninggalkan agama Islam, maka dia wajib dijatuhi hukuman bunuh.

**Analisis Lafaz**

"دَمُ امْرِئٍ", menghilangkan nyawa. Perlu digunapakai kalimat ini, kerana untuk menunjukkan bahawa adakalanya pembunuhan dilakukan tanpa harus menumpahkan darah. Ini telah dijelaskan dalam riwayat kedua.

"يَشْهَدُ", bersaksi dengan segala apa-apa yang berkaitan dengannya seperti mengesakan Allah dan beriman kepada Rasul-Nya. Lafaz ini menunjukkan perkataan "مسلم" sebelum ini.

"بِإِحْدَى", dengan melanggar salah satu atau melakukan salah satu daripadanya.

"الثَّيِّبُ", orang yang sudah berkahwin.

"وَالنَّفْسُ", membunuh jiwa.

"لِلْجَمَاعَةِ", jama'ah kaum muslimin.

"مُحْصَنٌ", yang pernah berkahwin.

"فَيُرْجَمُ", dilempar dengan batu sampai mati.

"يُنفى", dibuang negeri atau dimasukkan ke dalam penjara.

**Fiqh Hadis**

1. Darah orang muslim wajib dilindungi dan tidak boleh diganggu keculai apabila dia melanggar salah satu daripada tiga perkara berikut syarat-

syaratnya.

2. Kafir harbi tidak bolah dibunuh kerana dipaksa supaya beriman, tetapi boleh dibunuh kerana ingin menolak perbuatan jahatnya. Al-Shan'ani berkata: "Pandangan ini perlu dikaji semula."

**Pembahasan**

Al-Shan'ani berkata: "Sabda Rasulullah (s.a.w): "يُحَارِبُ اللهَ عَزَّ وَجَلَّ وَرَسُولَه" disebut setelah sabdanya: "يَخْرُجُ مِنْ الإِسْلام" untuk menjelaskan keadaan yang lebih khusus bagi orang yang keluar meninggalkan agama Islam, iaitu *muharib*. Mereka ini memiliki hukuman khusus iaitu; dibunuh, disula atau dibuang negeri. Dengan demikian, hadis ini lebih khusus berbanding apa yang dapat difahami dalam hadis sebelumnya.

Dibuang negeri sama dengan dimasukkan ke dalam penjara menurut Imam Abu Hanifah. Menurut Imam al-Syafi'i, dibuang negeri adalah dibuang dari satu negeri ke negeri yang lain dan diburu secara berterusan. Ada yang mengatakan bahawa dibuang negeri adalah diasingkan daripada negeri asalnya.

Al-Shan'ani berkata: "Allah (s.w.t) berfirman: "*Hanyasanya balasan orang-orang yang memerangi Allah dan Rasul-Nya…*" (Surah al-Ma'idah: 33). Menurut zahir ayat dan hadis ini, seorang pemimpin boleh memilih antara hukuman-hukuman yang terdapat di dalamnya ke atas setiap orang yang menjadi *muharib* sama ada muslim ataupun kafir."

٣- وَعَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَوَّلُ مَا يُقْضَى بَيْنَ النَّاسِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِي الدِّمَاءِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

3. Daripada Abdullah bin Mas'ud (r.a), beliau berkata: Rasululah (s.a.w) bersabda: "Pertama sekali yang bakal diadili pada hari kiamat adalah tentang masalah masalah yang berkaitan dengan darah." (Muttafaq 'alaih: 1190)

**Makna Hadis**

Mendahulukan sesuatu pasti memiliki keistimewaan tersendiri dan pasti ada sebabnya. Demikian pula mendahulukan penyelesaian pertelingkahan antara sesama manusia pada hari kiamat kelak dalam masalah jenayah. Ini menunjukkan betapa besar masalah itu kerana darah seorang muslim itu diharamkan. Rasulullah (s.a.w) ketika melihat Ka'bah bersabda:

مَا أَعْظَمَكِ، وَمَا أَعْظَمَ حُرْمَتُكِ، وَالَّذِيْ نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ، لَحُرْمَةُ دَمِ الْمُؤْمِنِ – أَوِ الْمُسْلِمِ – أَعْظُمُ حُرْمَةً مِنْكِ.

"Betapa agung engkau dan betapa mulia engkau. Demi Allah yang jiwa Muhammad berada di dalam genggaman-Nya, sesungguhnya darah orang mukmin atau muslim lebih mulia daripada engkau."

**Analisis Lafaz**

"فِي الدِّمَاءِ", pertelingkahan yang terjadi di antara sesama manusia semasa di dunia.

**Fiqh Hadis**

Permasalahan paling pertama yang akan diadili pada hari kiamat kelak adalah masalah jenayah yang terjadi di antara sesama manusia.

Jika dilihat secara sekilas, hadis ini seolah-olah bercanggah dengan hadis Abu Hurairah (r.a) yang disebut oleh Ashab al-Sunan:

أَوَّلُ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ صَلاَتُهُ...

"Amal perbuatan yang pertama sekali dihisab pada hari kiamat adalah solat…"

Apapun, riwayat ini dapat dijawab bahawa pertama sekali permasalahan yang bakal diadili berkaitan hak-hak manusia adalah masalah yang berkaitan dengan darah, sedangkan permasalahan antara seorang manusia dengan Allah (s.w.t) yang pertama sekali dihisab adalah solat.

Ada pula jawapan lain yang menegaskan bahawa permasalahan antara sesama manusia itu adalah pengadilan sedangkan permasalahan antara manusia dengan Allah itu adalah hisab amal perbuatan.

Menggabungkan pemahaman ini disokong oleh hadis Ibn Mas'ud yang dikeluarkan oleh al-Nasa'i bahawa:

أَوَّلُ مَا يُحَاسَبُ عَلَيْهِ الْعَبْدُ صَلاَتُهُ، وَأَوَّلُ مَا يُقْضَى بَيْنَ النَّاسِ فِي الدِّمَاءِ.

"Pertama sekali seorang hamba itu dihisab adalah solatnya dan pertama sekali diadili permasalahan antara sesama manusia adalah masalah jenayah."

**Pembahasan**

Al-Bukhari dalam kitabnya al-Shahih mengeluarkan satu hadis yang diriwayatkan oleh Ali (r.a) bahawa orang pertama yang bangkit pada hari

kiamat untuk menyelesaikan sengketa dalam Perang Badar ialah Hamzah dan 'Ubaidah dengan musuh mereka, iaitu 'Utbah dan Syaibah; kedua-dua mereka anak Rubai'ah dan al-Walid bin 'Utbah yang telah melawan mereka sewaktu Perang Badar.

٤- وَعَنْ سَمُرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ قَتَلَ عَبْدَهُ قَتَلْنَاهُ، وَمَنْ جَدَعَ عَبْدَهُ جَدَعْنَاهُ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ وَحَسَّنَهُ التِّرْمِذِيُّ، وَهُوَ مِنْ رِوَايَةِ الْحَسَنِ الْبَصْرِيِّ عَنْ سَمُرَةَ، وَقَدْ اخْتُلِفَ فِي سَمَاعِهِ مِنْهُ.

وَفِي رِوَايَةٍ لِأَبِي دَاوُدَ وَالنَّسَائِيِّ: "وَمَنْ خَصَى عَبْدَهُ خَصَيْنَاهُ". وَصَحَّحَ الْحَاكِمُ هَذِهِ الزِّيَادَةَ.

4. Daripada Samurah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barang siapa yang membunuh hambanya, maka kami akan membunuhnya dan barang siapa yang mematahkan hidung, maka kami akan mematahkan pula giginya." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, al-Arba'ah dan dinilai hasan oleh al-Tirmidzi. Ia termasuk riwayat al-Hasan al-Bashri daripada Samurah, meskipun para ulama masih mempertikai sama ada beliau pernah mendengarnya secara langsung daripada Samurah)

Dalam riwayat Abu Dawud dan al-Nasa'i ditambahkan sebagai: "Barang siapa yang mengkebiri biji zakar hambanya, maka kami akan mengkebiri pula biji zakarnya." (Al-Hakim menilai sahih tambahan hadis ini: 1191)

## Makna Hadis

Firman Alalh (s.w.t): "*Orang merdeka mesti diqisas apabila berbuat jenayah kepada orang merdeka*." (Surah al-Baqarah: 178) memberikan satu pemahaman bahawa majikan tidak diqisas jika melakukan perbuatan jenayah ke atas hamba sahayanya. Hadis ini menegaskan sebaliknya. Ia menegaskan bahawa sesiapa pun yang membunuh hamba sahayanya wajib dijatuhi hukuman qisas dan demikian pula apabila dia berbuat jenayah ke atas anggota tubuh hamba sahaya miliknya. Dia tetap wajib dijatuhi hukuman qisas.

Ibn Hajar di sini sengaja membuatkan hadis ini untuk mengisyaratkan adanya perbezaan pemahaman dalam masalah ini, iaitu pemahaman antara al-Qur'an dengan hadis.

## Analisis Lafaz

"جَدَعَ", memotong hidung atau sebahagiannya. Ia kadang kala diungkapkan untuk menunjukan maksud memotong telinga, bibir dan anggota tubuh yang

lain.

"وَقَدْ اخْتُلِفَ فِي سَمَاعِهِ مِنْهُ", kami sebelum ini telah menyebutkan perbezaan mengenai masalah ini. Ada tiga pendapat yang masyhur dalam masalah ini:

1. Al-Hasan al-Bashri sama sekali tidak pernah mendengar hadis ini daripada Samurah (r.a). Ini pendapat Ibn Mu'in.
2. Al-Hasan al-Bashri mendengar hadis ini daripada Samurah (r.a), namun hadis yang berkaitan dengan masalah aqiqah.
3. Al-Hasan al-Bashri pernah mendengar hadis daripada Samurah (r.a) tetapi itu dilakukan secara umum. Ini pendapat Ibn al-Madini.

"خَصَى عَبْدَهُ", mengkebiri dua biji tostetoran hamba sahaya. *Al-Khushiyyah* merupakan alat reproduksi, iaitu dua biji buah zakar. Jika ia dikebiri, tidak ada lagi kemampuan untuk berjimak.

**Fiqh Hadis**

Majikan wajib diqisas apabila melakukan jenayah ke atas diri atau anggota tubuh hamba sahaya milik. Inilah pendapat Imam al-Nakha'i dengan berdalilkan hadis ini dan firaman Allah (s.w.t):

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَآ أَنَّ ٱلنَّفْسَ بِٱلنَّفْسِ ..... ﴿٤٥﴾

"*Dan kami telah tetapkan atas mereka di dalam kitab Taurat itu, bahawa jiwa dibalas dengan jiwa,….*" (Surah al-Ma'idah: 45).

Imam Abu Hanifah pula berpendapat bahawa orang merdeka wajib diqisas apabila dia bukan majikan kepada si hamba berkenaan. Beliau melandaskan pendapatnya dengan keumuman ayat qisas dan hadis Rasulullah (s.a.w):

لَا يُقَادُ مَمْلُوْكٌ مِنْ مَالِكِهِ وَلَا وَلَدٌ مِنْ وَالِدِهِ.

"Seorang majikan tidak wajib diqisas kerana melakukan jenayah ke atas hamba sahaya miliknya dan seorang ayah tidak wajib diqisas kerana berbuat jenayah ke atas anaknya." (Diriwayatkan oleh al-Baihaqi. Namun, hadis ini dikritik kerana di dalam sanadnya terdapat nama Umar bin Isa).

Imam Abu Hanifah turut menguatkan pendapatnya dengan hadis Rasulullah (s.a.w):

مَنْ مَثَّلَ بِعَبْدِهِ أَوْ حَرَّقَ بِالنَّارِ فَهُوَ حُرٌّ وَهُوَ مَوْلَى اللهِ وَرَسُوْلِهِ.

"Sesiapa yang menyeksa hamba sahaya miliknya dan membakarnya dengan api, maka hamba sahaya itu menjadi merdeka, kerana dia telah dimerdekakan oleh Allah dan Rasul-Nya." (Diriwayatkan oleh al-Baihaqi dan di dalam sanadnya terdapat al-Mutsanna bin al-Shabah, seorang perawi dha'if. Hadis ini dikritik oleh ramai ulama hadis).

Imam Malik, Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad berpendapat bahawa orang merdeka tidak diqisas kerana berbuat jenayah ke atas hamba sahaya secara mutlak. Mereka berdalilkan dengan firman Allah (s.w.t):

..... ٱلْحُرُّ بِٱلْحُرِّ ..... ﴿١٧٨﴾

"… *orang yang merdeka dengan yang merdeka*…" (Surah al-Baqarah: 178). Kedudukan perkataan "الحر" sebagai *mubtada'* yang dijadikan sebagai *ma'rifah* menunjukan hukum khusus mengikut pendapat menurut jumhur ulama. Selain itu, Allah pada permulaan ayat ini berfirman:

..... كُتِبَ عَلَيْكُمُ ٱلْقِصَاصُ ..... ﴿١٧٨﴾

"… *Diwajibkan kepada kamu qisas*…" (Surah al-Baqarah: 178) Ayat ini menunjukkan prinsip persamaan dan orang merdeka wajib diqisas apabila melakukan jenayah ke atas orang merdeka yang lain merupakan persamaan dalam qisas.

Jumhur ulama menyanggah mereka yang berhujjah dengan firman Allah: "… *jiwa dengan jiwa*…" (Surah al-Baqarah: 178) bahawa ayat ini bersifat mutlak dan oleh kerananya, ia mesti digabungkan dengan ayat yang *muqayyad* (ayat yang memberikan batasan).

Mereka turut menguatkan pendapat mereka dengan amalan para sahabat seperti Abu Bakar dan Umar, di mana mereka berdua tidak pernah menjatuhkan hukuman qisas ke atas orang merdeka lantaran membunuh hamba sahaya seperti mana yang diriwayatkan oleh Ibn Syaibah dan ulama yang lain.

Hadis yang serupa turut diriwayatkan daripada Ali dan Ibn Abbas, meskipun sanadnya tidak lepas daripada kritikan. Jumhur ulama pula menganggap hadis Samurah sebagai dha'if atau telah dimansukh.

Apapun, ulama telah bersepakat bahawa apabila seorang hamba sahaya membunuh orang merdeka, maka dia wajib diqisas.

**Pembahasan**

Al-Baghawi berkata: "Menurut kebanyakan ulama, anggota tubuh orang merdeka tidak boleh dipotong lantaran dia memotong anggota tubuh hamba sahaya." Menurut sebahagian ulama, qisas terhadap anggota tubuh itu mestilah sesuai dengan anggota tubuh yang sihat, lelaki wajib dipotong kerana memotong anggota tubuh wanita dan demikian pula sebaliknya. Seorang muslim tidak dipotong lantaran memotong anggota tubuh kafir dzimi, sedangakan kafir dzimi wajib dipotong lantaran memotong anggota tubuh orang Islam, hamba sahaya wajib dipotong lantaran memotong anggota tubuh hamba sahaya yang lain, meskipun harga mereka berdua berlainan. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i yang juga diriwayatkan daripada 'Umar dan Imam al-Nakha'i dan ulama yang lain.

Sedangkan ulama rasional mengatakan bahawa qisas itu tidak diberlakukan terhadap anggota badan antara lelaki dengan perempuan, antara sesama hamba sahaya dan antara orang merdeka dengan hamba sahaya. Qisas pada anggota tubuh hanya berlaku antara sesama lelaki merdeka atau antara sesama wanita merdeka.

Al-Baghawi berkata lagi: "Jika anggota tubuhnya berlainan dari aspek kesihatan seperti tangan orang yang dipotong itu tidak lagi berfungsi sedangkan tangan yang memotong masih berfungsi, maka ulama bersepakat untuk tidak memberlakukan qisas. Namun apabila sebaliknya, maka pihak yang dipotong boleh memilih sama ada memberlakukan qisas ataupun sebaliknya.

**Pembahasan**

Ulama yang mengatakan orang merdeka tidak diqisas kerana melakukan perbuatan jenayah ke atas hamba sahaya bahawa diyat tetap diwajibkan meskipun nilainya menyamai nilai diyat orang merdeka.

٥- وَعَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "لاَ يُقَادُ الْوَالِدُ بِالْوَلَدِ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالتِّرْمِذِيُّ وَابْنُ مَاجَه، وَصَحَّحَهُ ابْنُ الْجَارُودِ وَالْبَيْهَقِيُّ، وَقَالَ التِّرْمِذِيُّ: إِنَّهُ مُضْطَرِبٌ.

5. Daripada Umar bin al-Khatthab, beliau berkata: "Saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Tidak diqisas ayah kerana membunuh anaknya.*" (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, al-Tirmidzi dan Ibn Majah, dinilai sahih oleh Ibn al-Jarud dan al-Baihaqi. Menurut al-Tirmidzi, hadis ini mudhtarib: 1192).

**Makna Hadis**

Hadis ini secara lengkapnya diriwayatkan oleh sekumpulan ulama yang telah disebut oleh Ibn Hajar di mana lafaznya sebagai berikut: "Daripada Abdullah bin Amar, beliau berkata: "Seorang lelaki Bani Mudlaj pernah merogol seorang jariah hingga mempunyai anak. Lelaki itu masih menjadikannya sebagai jariah. Pada suatu hari ketika anaknya sudah besar, lelaki itu menyuruh jariah itu untuk melakukan sesuatu tugasan. Anaknya kemudian berkata: "Jangan, sampai bilakah anda menjadikan ibu saya ini sebagai jariah." Lelaki itu pun naik berang kemudian dia menebas leher anak itu dengan pedangnya namun pedang terkena kakinya hingga anak itu pun meniggal dunia. Lelaki itu bersama sekumpulan orang dari kalangan kaumnya berangkat mendatang Umar (r.a). Sebaik mendengar kisah itu, Umar (r.a) berkata: "Wahai musuh dirinya sendiri, anda yang telah memebunuh anakmu sendiri. Jika tidak aku pernah mendengar

sabda Rasulullah (s.a.w): "Tidak dibunuh seorang ayah kerana membunuh anaknya", nescaya aku akan membunuhmu. Kesinikan bayaran diyatnya…!"

**Analisis Lafaz**

"يُقَادُ", berasal dari perkataan "القود" yang bermaksud diseksa kerana membunuh.

"وَقَالَ التِّرْمِذِيُّ: إِنَّهُ مُضْطَرِبٌ", menurut al-Tirmidzi, hadis ini *mudhtharib*, kerana wujud perbezaan pada Amr bin Syu'aib. Kadang kala dia berkata: "Daripada Amr bin Syu'aib daripada bapanya daripada datuknya." Kadang kala pula ditambahkan perkataan: "Daripada 'Umar, malah kadang berkata: "Daripada Suraqah bin Malik sebagai ganti kepada Umar (r.a).

Pada saya, kebanyakan sanad hadis ini tidak terlepas dari kritikan, meskipun kadang kala kritikan itu tidak sebarapa dan tidak menjejaskan, namun tetap menimbulkan perselisihan pendapat dan pandangan. Apapun, hadis ini mempunyai *syahid* daripada Ibn Abbas yang dikeluarkan oleh sebagaian Ashab al-Sunan dan lain-lain. Sungguhpun, ia juga tidak terlepas daripada kritikan seperti mana yang telah disinggung oleh al-Tirmidzi.

Sekumpulan ulama menegaskan bahawa keseluruhan jalur hadis ini tidak terlepas daripada kritikan, seperti Imam al-Syafi'i, Abdul Haqq dan lain-lain. Apapun, keseluruhan hadis-hadis ini menunjukan yang ia memiliki landasan.

**Fiqh Hadis**

Seorang ayah tidak diqisas kerana membunuh anaknya. Inilah pendapat kebanyakan sahabat, mazhab al-Syafi'i, mazhab Hanafi, mazhab Hanbali, Ishaq dan ramai lain. Mereka mengemukakan alasan bahawa ayah merupakan sebab keberadaan anak dan oleh kerananya, tidak mungkin berlaku sebaliknya.

Imam Malik berkata: "Seorang ayah wajib diqisas apabila dia membunuh anaknya dalam keadaan berbaring dan kemudian menyembelihnya, kerana ini secara terang-terangan sengaja membunuhnya tanpa wujud kemungkinan yang lain.

**Pembahasan**

Ibu, datuk dan nenek menurut jumhur memiliki hukum yang dengan ayah di mana mereka tidak diqisas apabila membunuh anak mereka.

٦- وَعَنْ أَبِي جُحَيْفَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قُلْتُ لِعَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ: هَلْ عِنْدَكُمْ شَيْءٌ مِنَ الْوَحْيِ غَيْرَ الْقُرْآنِ؟ قَالَ: لاَ وَالَّذِي فَلَقَ الْحَبَّةَ وَبَرَأَ النَّسَمَةَ إِلاَّ فَهْمٌ يُعْطِيهِ

اللهُ رَجُلاً فِي الْقُرْآنِ، وَمَا فِي هَذِهِ الصَّحِيفَةِ. قُلْتُ: وَمَا فِي هَذِهِ الصَّحِيفَةِ؟ قَالَ: "الْعَقْلُ، وَفِكَاكُ الْأَسِيرِ، وَلاَ يُقْتَلُ مُسْلِمٌ بِكَافِرٍ". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

6. Daripada Abu Juhaifah (r.a), beliau berkata: "Saya pernah bertanya kepada Ali (r.a): "Apakah kamu menyimpan sedikit wahyu selain al-Qur'an?" Ali menjawab: "Demi Allah yang telah menciptakan jiwa dan menumbuhkan tumbuhan, kecuali pemahaman yang dianugerahkan oleh Allah kepada seseorang terhadap al-Qur'an dan apa yang ada di dalam lembaran ini." Saya bertanya lagi: "Apa yang ada di dalam lemabaran ini?" Ali (r.a) menjawab: "Diyat, membebaskan tawanan dan seorang muslim tidak boleh dibunuh kerana membunuh orang kafir." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1193).

٧- وَأَخْرَجَهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ مِنْ وَجْهٍ آخَرَ عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ وَقَالَ فِيهِ: "الْمُؤْمِنُونَ تَتَكَافَأُ دِمَاؤُهُمْ، وَيَسْعَى بِذِمَّتِهِمْ أَدْنَاهُمْ، وَهُمْ يَدٌ عَلَى مَنْ سِوَاهُمْ، وَلاَ يُقْتَلُ مُؤْمِنٌ بِكَافِرٍ، وَلاَ ذُو عَهْدٍ فِي عَهْدِهِ." وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

7. Imam Ahmad, Abu Dawud dan al-Nasa'i menyebutkan satu riwayat daripada jalur yang lain daripara Ali (r.a) yang di dalamnya beliau berkata: "Orang mukmin hendaklah saling menjaga untuk tidak menumpahkan darah di antara sesama mereka. setiap mereka berusaha untuk bertanggung jawab kepada orang yang paling rendah di kalangan mereka dan mereka hendaklah saling membantu antara satu sama lain. Seorang mukmin tidak boleh dibunuh kerana membunuh orang kafir dan demikian pula tidak qisas ke atas orang mukmin apabila membunuh mu'ahid." (Dinilai sahiholeh al-Hakim: 1194).

**Makna Hadis**

Abu Juhaifah (r.a) ragu bahawa apakah Rasulullah (s.a.w) pernah mengistimewakan Ali (r.a) berbanding sahabat-sahabat yang lain kerana kedudukan dan kedekatan dengan baginda? Inilah yang mendorong Abu Juhaifah (r.a) untuk meyakinkan perkara itu. Dia mendatangi Amirul Mukminin Ali (r.a) menanyakan masalah itu.

Namun, Rasulullah (s.a.w) ternyata tidak pernah mengistimewakan seorang pun di antara sahabatnya dalam apa-apa urusan yang berkaitan dengan agama, kerana baginda tidak pernah diperintah oleh Allah untuk berbuat demikian, bahkan Allah berfirman:

..... وَمَا عَلَى ٱلرَّسُولِ إِلَّا ٱلْبَلَٰغُ ٱلْمُبِينُ ﴿٥٤﴾

"*… dan (sebenarnya) Rasul Allah hanyalah bertanggungjawab menyampaikan perintah-perintah Allah dengan penjelasan yang terang nyata.*" (Surah al-Nur: 54)

Manakala menyimpan rahsia yang berkaitan dengan urusan agama sama sekali bertolak belakang dengan konsep penjelasan yang nyata seperti mana yang ditegaskan oleh ayat ini. Manakala urusan yang tidak ada kaitannya dengan masalah agama tidak dilarang dan tidak bercanggah dengan ayat ini, kerana Rasulullah (s.a.w) pernah merahsiakan nama-nama orang munafik kepada Hudzaifah (r.a)

Inilah jawapan Ali (r.a) bahawa tidak seorang pun sahabat yang diberi keistimewaaan dalam masalah agama selain kefahaman terhadap al-Quran sebagai satu kelebihan antara seseorang dengan orang lain dan apa yang terdapat dalam lembaran ini yang di dalamnya memuatkan masalah diyat, pembebasan tawanan, seorang muslim tidak boleh dibunuh kerana membunuh orang kafir, darah orang mukmin wajib dilindungi, wajib bersatu padu untuk mempertahankan diri daripada diserang musuh, saling melindungi antara satu sama lain dan mereka dilarang membunuh kafir mu'ahid.

Seperti sedia maklum, apa yang diceritakan oleh Ali (r.a) juga pernah disampaikan oleh sahabat yang lain dan bukannya satu keistimewaan bagi Ali (r.a). Barangkali tujuan Ali (r.a) memberitahukan isi lembaran ini ingin mengatakan bahawa apa yang dianggap tidak jelas oleh Abu Juhaifah (r.a) pada hakikatnya sudah jelas dan tidak samar lagi di sisi orang lain. Ada pula kemungkinan Abu Juhaifah (r.a) bertanya tentang apa yang ada dalam al-Qur'an seperti mana yang dinyatakan dalam beberapa riwayat hadis sahih.

**Analisis Lafaz**

"مِنْ الْوَحْيِ غَيْرَ الْقُرْآنِ", maksudnya Sunnah, kerana ia termasuk bahagian daripada wahyu, seperti mana firman Allah (s.w.t):

وَمَا يَنطِقُ عَنِ ٱلْهَوَىٰٓ ۝٣ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْىٌ يُوحَىٰ ۝٤

"*Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan ugama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.*" (Surah al-Najm: 3-4)

"فَلَقَ الْحَبَّةَ", mengeluarkan tumbuhan dari dalam tanah.

"بَرَأَ", yang telah menciptakan.

"النَّسَمَةَ", jiwa manusia.

"إِلاَّ فَهْمًا", dalam satu riwayat dibaca *dhammah* yang berkedudukan sebagai *badal* dan menjadi *istitsna' munqathi'*, kerana pemahahan tidak dikategorikan sebagai wahyu.

"الصَّحِيفَةِ", lembaran yang di dalamnya terdapat tulisan.

"الْعَقْلُ", diyat. disebut *al-'aql* kerana biasanya mereka mengikat unta mereka untuk membayar diyat di halaman rumah orang yang dibunuh.

"وَفَكَاكُ", huruf *fa'* boleh dibaca *fathah* dan *kasrah*, diambil dari kata terbitan "الفك" dan "الحل".

"تَتَكَافَأُ", senilai dan sama.

"تَتَكَافَأُ دِمَاؤُهُمْ", sama-sama wajib diqisas. Orang bangsawan wajib diqisas jika membunuh rakyat jelata, orang tua wajib diqisas jika membunuh kanak-kanak dan orang bijak wajib diqisas jika membunuh orang bodoh. Ini berbeza dengan budaya masyarakat Jahiliyah.

"يَسْعَى بِذِمَّتِهِمْ أَدْنَاهُمْ", *al-Sa'yu* adalah berjalan, ini adalah kata kiasan. *al-Dzimmah* adalah sumpah dan janji. *Al-Adna* lawan kepada tinggi. Maksudnya orang yang paling rendah kedudukannya di kalangan kaum muslimin apabila memberi jaminan keselamatan kepada orang kafir, maka haram bagi seluruh kaum muslimin mengganggu darah orang kafir itu, walaupun orang yang memberi jaminan keselamatan itu hamba sahaya muslim, wanita muslimah atau buruh muslim. Dalam sesetengah riwayat, hadis ini ditambahkan:

وَيُجِيْرُ عَلَيْهِمْ أَقْصَاهُمْ.

"Orang yang paling jauh tempat tinggalnya di kalangan mereka hendaklah turut memberi perlindungan." Maksud kalimat ini sama dengan kalimat sebelumnya, namun orang jauh misalnya diertikan sebagai orang fakir. Jadi menyelamatkan orang jauh sama hukumnya dengan menyelamatkan orang dekat dengan kawasan perumahan.

"فِيهِ", tambahan lafaz di sini dimuatkan oleh al-Baghawi dalam kitab Syarh al-Sunnah yang kemudian beliau memberikan komentar ke atasnya.

"وَهُمْ يَدٌ", *al-Yad* adalah perlindungan dan pertolongan ketika berperang melawan para penganut agama yang lain.

"سِوَاهُمْ", dari pelbagai macam agama lain.

"ذُو عَهْدٍ", orang yang mematerai perjanjian damai dengan orang Islam bahawa mereka tidak akan melakukan pembunuhan atau serangan.

"فِي عَهْدِهِ, selagi dalam tempoh perjanjian damai dan di daerah yang telah ditentukan. Jadi, mereka tidak boleh memulakan serangan namun jika mereka memulakan serangan, barulah dia boleh dibunuh.

**Fiqh Hadis**

1. Disunatkan meninggalkan keraguan dengan mengambil apa yang diyakini.

2. Disunatkan menambahkan jawapan ke atas inti soalan selagi itu dapat membantu menguatkan kefahaman kepada orag yang bertanya.
3. Dibolehkan menulis Sunnah dan ilmu.
4. Seorang ulama boleh memberitahukan ilmu yang ada pada dirinya.
5. Nabi (s.a.w) telah menerangkan diyat dalam nash yang terang dan jelas.
6. Disunatkan membebaskan tawanan perang musuh dan ini memiliki landasan di dalam Sunnah.
7. Seorang muslim tidak boleh diqisas kerana membunuh orang kafir. Inilah pendapat kebanyakan sahabat, tabi'in dan ulama sama ada orang kafir itu dzimmi yang telah mematerai perjanjian damai untuk selamanya atau perjanjian damai untuk sementara waktu.

   Namun al-Sya'bi, al-Nakha'i dan mazhab Hanafi berbeza pendapat dalam masalah ini di mana mereka berkata: "Orang muslim wajib diqisas jika dia membunuh kafir dzimmi. Mazhab Hanafi dan ulama yang sependapat dengan mereka mentakwilkan hadis: "*Seorang muslim tidak boleh diqisas apabila membunuh orang kafir*" dengan kafir harbi. Buktinya, kalimat tersebut diikuti oleh perkataan "dan orang yang telah mematerai perjanjian damai selagi masih dalam tempoh perjanjian damainya itu". Ini bermaksud kafir mu'ahid wajib dibunuh apabila membunuh kafir mu'ahid yang lain, namun tidak boleh dibunuh apabila dia membunuh kafir harbi. Mazhab Hanafi dan lain-lain mengatakan bahawa hadis ini bermaksud orang mukmin dan orang yang mematerai perjanjian damai tidak boleh diqisas apabila mereka membunuh kafir harbi.

   Mazhab Hanafi dan lain-lain turut berhujah dengan hadis yang diriwayatkan oleh Abdurrahman bin al-Bailamani bahawa:

   أَنَّ رَجُلاً مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ قَتَلَ رَجُلاً مِنْ أَهْلِ الذِّمَّةِ، فَرُفِعَ ذَلِكَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: أَنَا أَحَقُّ مَنْ أَوْفَى بِذِمَّتِهِ. ثُمَّ أُمِرَ بِهِ فَقُتِلَ.

   "Seorang lelaki muslim pernah membunuh seorang ahli dzimmah. Kes ini kemudian dilaporkan kepada Rasulullah (s.a.w). Mendengar itu, baginda bersabda: "Aku lebih berhak membela orang yang memenuhi janjinya." Lelaki muslim itu didatangkan dan dijatuhi hukuman qisas." Menurut satu riwayat lagi, hadis ini dinilai *mawshul* daripada Ibn 'Umar (r.a).

   Dalil mereka disanggah oleh jumhur ulama bahawa sabda Rasulullah (s.a.w): "Seorang muslim tidak boleh diqisas kerana membunuh orang kafir" sebagai perkataan yang berdiri sendiri dan tidak ada alasan untuk mengggabungkannya dengan kalimat sesudahnya hingga kemudian membatalkan hukum yang sudah zahir. Buktinya, ini telah diriwayatkan oleh al-Bukhari dan lain-lain tanpa memuatkan kalimat "orang yang

memateri perjanjian damai". Dengan demikian, penggabungan kalimat ini dengan hadis sebelumnya adalah tidak benar, kerana setiap satu daripadanya mempunyai makna yang tersendiri.

Dalil mazhab Hanafi turut disanggah bahawa pentakwilan dalil bererti memaksa mengambil makan yang tersirat sedangkan mengambil makna yang tersirat itu berlawanan dengan makna asal. Makna tersirat tidak boleh diambil melainkan dalam keadaan terpaksa sedangkan tidak ada keadaan yang memaksa dalam masalah ini.

Manakala hadis Ibn al-Bailamani pula al-Daruquthni berkata: "Hadis ini hanya diriwayatkan oleh Ibrahim bin Abu Yahya, seorang perawi *matruk*." Apa yang betul, hadis ini *mursal* daripada Ibn al-Bailamani. Sedangkan Ibn al-Bailmani dalam setiap riwayatnya seoranf yang dha'if dan tidak boleh dijadikan hujah apalagi dia menilai hadis *mawshul*, apatah lagi menilainya sebagai *mursal*. Al-Baihaqi berkata: "Ibn al-Bailamani sering melakukan kesilapan." Abu Ubaid sebelumnya pernah berkata: "Hadis ini tidak memiliki sanad dan ia tidak layak dijadikan sebagai landasan untuk membolehkan mengalirkan darah kaum muslimin." Imam al-Syafi'i setelah menyebut hadis Ibn al-Bailamani berkata: "Kalaupun hadis ini sahih, ia telah dimansukh, kerana hadis: "*Seorang muslim tidak boleh diqisas kerana telah membunuh seorang kafir*" disampaikan Rasulullah (s.a.w) semasa khutbah pembukaan kota Makkah seperti mana disebutkan dalam riwayat Amr bin Syu'aib. Sedangkan kisah Amr bin Umayah yang terdapat di dalam riwayat Ibn al-Bailamani sudah disebutkan sebelum itu. Setelah hadis al-Bailamani ini, kita akan mengemukakan penilaian dha'if yang dikemukakan oleh Ibn Hajar pada hadis no. 16 berikut.

8. Jika seorang muslim memberi jaminan keselamatan kepada orang kafir, maka seluruh kaum muslimin tidak boleh mengganggu orang kafir itu, sama ada penjamin keselamatan yang muslim itu seorang bangsawan atau sebaliknya, keluarga kerabat atau sebaliknya, lelaki ataupun perempuan.
9. Orang Islam diwajibkan saling tolong menolong di antara sesama mereka dalam mengahadapi serangan musuh hingga keamanan boleh dirasai.
10. Orang kafir mu'ahid yang telah memateri perjanjian damai dengan kaum muslimin tidak boleh diserang selagi mereka berkomitmen dengan perjanjian damai yang mereka sepakati.

٨- عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ جَارِيَةً وُجِدَ رَأْسُهَا قَدْ رُضَّ بَيْنَ حَجَرَيْنِ، فَسَأَلُوهَا: مَنْ صَنَعَ بِكِ هَذَا؟ فُلَانٌ، فُلَانٌ، حَتَّى ذَكَرُوا يَهُودِيًّا. فَأَوْمَأَتْ بِرَأْسِهَا، فَأُخِذَ اَلْيَهُودِيُّ، فَأَقَرَّ، فَأَمَرَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُرَضَّ رَأْسُهُ بَيْنَ

حَجَرَيْنِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ.

8. Diriwayatkan daripada Anas bin Malik (r.a) bahawa kepala seorang jariah dihimpit dengan dua biji batu, kemudian mereka bertanya tentang siapa yang melakukannya hingga masyarkat di sekitar kawasan itu menyebut seorang Yahudi. Jariah itu pun menganggukkan kepalanya sebagai bukti mengiyakan. Yahudi itu ditangkap dan dia mengaku atas perbuatannya. Rasululah (s.a.w) kemudian menyuruh agar kepala Yahudi itu juga dihimpit dengan dua biji batu". (Muttafaq 'alaihi dan lafaz hadis ini mengikut riwayat Muslim: 1195).

## Makna Hadis

Hadis ini memuatkan beberapa pokok penting, iaitu:

1) Lelaki wajib diqisas kerana melakukan jenayah terhadap wanita.
2) Kafir dzimi wajib diqisas jika melakuakn perbuatan jenayah.
3) Wajib membunuh pelaku pembunuhan sebagai balasan ke atas perbuatannya.

Dalam riwayat yang lain ditegaskan sebab orang Yahudi itu membunuh wanita tersebut kerana dia ingin merampas perhiasan yang dipakai oleh wanita tersebut.

## Analisis Lafaz

"رُضَّ", dalam bentuk *mabni li al-majhul*, maksudnya kepalanya diletakan di antara dua batu kemudian dijepitkan.

"فَأَوْمَتْ", mengisyaratkan.

## Fiqh Hadis

1. Boleh menggunakan isyarat dan dapat menggantikan perkataan selagi isyarat itu boleh difahami.
2. Wajib mengqisas pelaku jenayah dengan hukuman yang bersesuaian dengan apa yang dilakukannya. Seseorang yang membunuh dengan cara menjatuhkan korban dari tempat tinggi, membakar atau menenggelamkan hendaklah orang itu dijatuhi hukuman yang serupa.[1]

[1] Mereka mengecualikan beberapa cara yang dilarang diguna pakai oleh syariat Islam, seperti arak, melakukan perbuatan keji dan sihir. Ini dilarang. Ulama mazhab Syafi'i berbeza pendapat tentang melaksanakan qisas dengan cara dibakar.

Inilah pendapat al-Sya'bi, Umar bin Abdul Aziz, Imam Malik, Imam al-Syafi'i, Imam Ahmad, Ishaq dan sekumpulan ulama yang lain.

Tetapi ada sekumpulan ulama lain yang mengatakan hukuman qisas itu hanya dilakukan dengan satu cara, iaitu dengan pedang. Inilah pendapat Atha', al-Tsauri dan ulama-mazhab Hanafi. Mereka berdalil dengan hadis *marfu'* yang diriwayatkan oleh al-Nu'man bin Basyir bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

كُلُّ شَيْءٍ خَطَأٌ إِلَّا السَّيْفَ، وَلِكُلِّ خَطَاءٍ إِرْشٌ.

"Setiap sesuatu pasti ada kemungkinan untuk silap selain pedang dan setiap kesalahan mesti dibayar dengan tebusan." Status hadis ini sangat lemah, kerana di dalam sanadnya terdapat Jabir al-Ju'fi dan Qais bin al-Rubayi'.

Mereka juga berdalil dengan hadis yang menegaskan:

لَا قَوَدَ إِلَّا بِالسَّيْفِ.

"Tidak ada qisas kecuali dengan pedang." Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bazzar, Ibn 'Adi dan sekumpulan periwayat hadis dha'if. Menurut Ibn 'Adi, semua jalur riwayat hadis ini dha'if. Menurut al-Bazzar, hadis ini dha'if dan cacat.

Mereka juga berdalil dengan hadis-hadis yang melarang menjatuhkan hukuman qisas dengan cara yang serupa, meskipun hadis itu telah dikhususkan oleh hadis Anas.

3. Membunuh dengan menggunakan batu yang pada kebiasananya boleh menyebabkan kematian mewajibkan qisas dan dianggap sebagai pembunuhan sengaja. Inilah pendapat Imam Malik, Imam al-Syafi'i dan jumhur ulama, berbeza dengan pendapat ulama Kufah dan sekumpulan ulama yang lain.
4. Seorang lelaki wajib diqisas, kerana dia membunuh seorang wanita. Inilah pendapat ulama kebanyakan, kecuali pendapat yang dikemukakan oleh al-Hasan dan Atha'.

٩- عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ غُلَامًا لِأُنَاسٍ فُقَرَاءَ قَطَعَ أُذُنَ غُلَامٍ لِأُنَاسٍ أَغْنِيَاءَ، فَأَتَوا النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمْ يَجْعَلْ لَهُمْ شَيْئًا. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالثَّلَاثَةُ بِإِسْنَادٍ صَحِيحٍ.

9. Diriwayatkan daripada Imran bin Hushain (r.a) bahawa ada seorang pemuda milik orang fakir pernah memotong telinga pemuda milik orang kaya, kemudian mereka mendatangi Rasulullah (s.a.w), namun baginda tidak menjatuhkan hukuman sedikit pun ke atas mereka. (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Tsalatsah dengan sanad yang sahih: 1195).

### Makna Hadis

Jika difahami hadis ini dengan baik dapat diambil kesimpulan bahawa pemuda yang melakukan jenayah itu adalah orang merdeka dan perbuatan jenayahnya dilakukan secara tidak disengaja manakala keluarganya pula adalah keluarga fakir dan kewajipan membayar diyat hanya dilakukan oleh orang kaya yang mampu membayar diyat. Oleh yang demikian, orang fakir tidak mempunyai apa-apa kewajipan dan denda dibebaskan. *Wallahu a'lam*.

### Analisis Lafaz

"أَنَّ غُلَامًا", pelaku jenayah ini adalah orang merdeka. Kami mengatakan demikian, kerana andaikata dia seorang hamba dan melakuakan jenayah kepada hamba yang lain atau kepada orang merdeka, maka perbuatannya itu menjadi tanggung jawab tuannya. Penyebab dia dibebaskan daripada pembayaran diyat di sini bukan karena statusnya sebagai hamba sebaliknya karena dia adalah anak kepada orang fakir.

Abu Dawud membuat satu bab dengan judul: "Perbuatan jenayat yang dilakukan hamba milik orang fakir". Pernyataan ini dibolehkan, kerana teksnya tidak menjatuhkan hukuman apa pun ke atas mereka.

Namun dalam naskhah yang lain, hadis ini menggunakan lafaz "عليهم" dengan tambahamn *mim* yang menunjukan jamak dan ini menguatkan apa yang telah kami kemukakan di atas.

### Fiqh Hadis

Kewajipan membayar denda digugurkan dari orang fakir dan keluarganya apabila jenayah yang dilakukannya itu karena silap.

١٠- وَعَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَجُلًا طَعَنَ رَجُلًا بِقَرْنٍ فِي رُكْبَتِهِ، فَجَاءَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: أَقِدْنِي. فَقَالَ: "حَتَّى تَبْرَأَ". ثُمَّ جَاءَ إِلَيْهِ. فَقَالَ: أَقِدْنِي، فَأَقَادَهُ، ثُمَّ جَاءَ إِلَيْهِ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ، عَرِجْتُ، فَقَالَ: "قَدْ نَهَيْتُكَ فَعَصَيْتَنِي، فَأَبْعَدَكَ اللهُ بَطَلَ عَرَجُكَ". ثُمَّ نَهَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُقْتَصَّ مِنْ جُرْحٍ حَتَّى يَبْرَأَ صَاحِبُهُ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالدَّارَقُطْنِيُّ وَأُعِلَّ بِالْإِرْسَالِ.

10. Diriwayatkan daripada 'Amr bin Syu'aib daripada ayahndanya daripada datuknya bahawa seorang lelaki menusuk lutut lelaki lain dengan tanduk, kemudian dia mendatangi Rasulullah (s.a.w). Dia berkata: "Wahai Rasulullah, bayarlah qisas untuk diriku." Rasulullah (s.a.w) menjawab: "Tidak, hingga kamu sembuh (dari luka itu)." Dia kemudian datang lagi sambil berkata: "Bayarlahlah qisasku!" Baginda lalu mengambilkan hak qisasnya. Tidak lama kemudian, dia datang lagi sambil berkata: "Wahai Rasulullah, aku sekarang menjadi pincang." Baginda menjawab: "Aku telah melarang kamu tetapi kamu tidak mematuhiku. Allah pun menjauhkan kamu dan pincangmu itu kini tidak dikira lagi." Baginda kemudian melarang seseorang itu dijatuhi hukuman qisas sebelum orang yang dilukainya itu sembuh. (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Daruquthni secara *mursal*: 1197).

**Makna Hadis**

Kebanyakan luka atau patah tulang tidak kelihatan kesannya secara langsung sejurus luka itu terjadi atau ketika luka tersebut menjelang sembuh, kerana anggota tubuh memiliki kekebalan tubuh. Qisas disyariatkan untuk memenuhi hak orang yang dilukai akibat perbuatan penjenayah. Nah, jika orang yang dilukai tergesa-gesa dalam melaksanakn qisas, ada kemungkinan sebahagian kesan luka itu belum kelihatan dengan jelas. Akibatnya qisas dilakukan hanya berdasarkan luka yang zahir sahaja. Dengan demikian, tujuan qisas tidak dapat diwujudkan dan oleh kerananya, syariat Islam menyuruh bersabar dalam melaksanakan qisas supaya dapat dipastikan sejauh mana kesan luka mangsa yang dideritanya.

**Analisis Lafaz**

"أَقِدْنى", kata ini berasal kata *al-Qawad,* maksudnya qisas.

"أَبْعَدَكَ الله", ayat ini merupakan doa supaya orang didoakan celaka kerana dia membangkang terhadap Rasulullah (s.a.w). Ayat doa ini bermaksud semoga Allah menjauhkan kamu daripada rahmat-Nya. Ada kemungkinan pula doa di sini termasuk ke dalam apa yang disabdakan baginda:

أَيُّمَا عَبْدٍ دَعَوْتُ عَلَيْهِ فَاجْعَلْهَا لَهُ مَغْفِرَةً.

"Sesiapa pun aku doakan dengan kebinasaan, maka jadikan ia sebagai ampunan." Ada juga kemungkinan doa di atas bermaksud, semoga Allah menjauhkan kamu daripada memperoleh hak dirimu dengan sempurna lantaran kamu menyalahiku. Ada pula kemungkian ayat di atas bermaksud, semoga kamu beruntung dan tidak bermaksud doa. *Wallahu a'lam.*

"بَطَلَ", membatalkan.

"أُعِلَّ بالإرْسَال", al-Shan'ni berkata: "Meskipun ada yang mengatakn Syu'aib tidak pernah bertemu datuknya, namun hadis ini tetap dinilai *marfu'* kerana ada

yang menyebutkan Syu'aib pernah bertemu datuknya." Bagi pensyarah, tidak seperti itu alasannya, hadis ini cacat karena Ayub meriwayatkannya daripada Amr bin Syu'aib daripada Rasulullah (s.a.w).

Bagaimanapun, ini tidak menyebabkan hadis ini dinilai dha'if serta merta, kerana hadis ini memiliki *syahid*, antara lain hadis riwayat Jabir di mana hadis ini diriwayatkan secara *mawshul* dan *mursal*, dan diriwayatkan secara *mursal* daripada al-Sya'bi dan selainnya sepertimana dalam al-Sunan al-Kubra karya al-Baihaqi.

**Fiqh Hadis**

Dalam pelaksanan qisas disunatkan menunggu hingga orang yang dilukai benar-benar sembuh. Inilah pendapat al-Syafi'i dan sekumpulan ulama.

Ada yang mengatakan bahawa menunggu hingga sembuh itu hukumnya wajib, kerana menolak *mafsadah* itu wajib. Namun pendapat ini disanggah, seandainya menunggu hingga sembuh ini wajib, maka Rasulullah (s.a.w) tidak membenarkan untuk menjatuhkan qisas sebelum benar-benar sembuh. Namun pada kenyataannya tidak demikian.

١١- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: اِقْتَتَلَتِ اِمْرَأَتَانِ مِنْ هُذَيْلٍ، فَرَمَتْ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَى بِحَجَرٍ، فَقَتَلَتْهَا وَمَا فِي بَطْنِهَا، فَاخْتَصَمُوا إِلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَضَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّ دِيَةَ جَنِينِهَا غُرَّةٌ؛ عَبْدٌ أَوْ وَلِيدَةٌ، وَقَضَى بِدِيَةِ الْمَرْأَةِ عَلَى عَاقِلَتِهَا. وَوَرَّثَهَا وَلَدَهَا وَمَنْ مَعَهُمْ. فَقَالَ حَمَلُ بْنُ النَّابِغَةِ الْهُذَلِيُّ: يَا رَسُولَ اللهِ، كَيْفَ يَغْرَمُ مَنْ لَا شَرِبَ وَلَا أَكَلَ، وَلَا نَطَقَ وَلَا اسْتَهَلَّ، فَمِثْلُ ذَلِكَ يُطَلُّ، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّمَا هَذَا مِنْ إِخْوَانِ الْكُهَّانِ مِنْ أَجْلِ سَجْعِهِ الَّذِي سَجَعَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

11. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Dua perempuan Hudzail bergaduh. Salah seorang daripada keduanya melempar lawannya yang seorang lagi dengan batu hingga lawannya itu mati beserta janin yang ada di dalam perutnya. Mereka segera mengadukan masalah ini kepada Rasulullah (s.a.w) di mana baginda menetapkan bahawa diyat janinnya adalah *ghurrah* berupa hamba lelaki atau hamba perempuan sedangkan diyat wanita yang mati itu diwajibkan ke atas keluarga yang membunuh itu dan diterima sebagai waris oleh anak mangsa dan orang-orang yang bersama mereka. Hamal bin al-Nabighah al-Hudzaili berkata: "Wahai Rasulullah, bagaimana boleh seorang

janin yang belum minum, belum makan, belum boleh bercakap dan belum bersuara mesti dibayarkan diyatnya karena darahnya telah ditumpahkan?" Mendengar itu, Rasulullah (s.a.w) menjawab: "Sungguh orang ini seperti dukun, kerana sajak-sajaknya." (Muttafaq 'alaih: 1198).

**Makna Hadis**

Hamal bin Malik bin al-Nabighah al-Dzuhli mempunyai dua isteri; Malikah dan Ummu 'Afif, kemudian terjadi pertengkaran antara keduanya seperti mana lazimnya wanita yang dimadu sering kali bertengkar. Ummu 'fif melempar Malikah dengan batu. Ada yang mengatakan dia dilempar dengan objek tidak tajam. Ada yang mengatakan tiang khemah, sedangkan Malikah ketika itu sedang hamil. Malikah bersama bayi yang dia kandung akhirnya meninggal dunia.

Rasulullah (s.a.w) kemudian menetapkan bahawa keluarga pembunuh wajib membayar diyatnya ditambah dengan *ghurrah* sebagai pengganti di atas kematian bayi yang masih di dalam kandungan. Sebaik mendengar itu, Hamal hairan kerana bayi yang masih di dalam kandungan mesti wajib dibayar diyatnya, sehingga dia bersajak seperti mana di dalam hadis tersebut. Baginda menegaskan sajak orang Jahiliah pada hakikatnya mirip dengan sajak tukang tenung dan ia bercanggah dengan ajran Islam di samping sajak tersebut sama sekali ketetapan yang telah diturunkan oleh Allah (s.w.t).

**Analisis Lafaz**

"غُرَّةٌ", dibaca dhammah huruf ghain dan huruf ra' bertasydid, yakni hamba lelaki atau hamba perempuan. *Gurrah* pada mulanya bermaksud sesuatu yang berharga, sama ada manusia ataupun selainnya, lelaki ataupun perempuan.

Ulama berbeza pendapat sama ada huruf ta' di akhir perkataan "غُرَّة" bertanwin atau sebaliknya. Menurut al-Ismaili, kebanyakan ulama membacanya dengan cara *idhafat*, sedangkan yang lain pula membacanya dengan *tanwin*. Al-Qadhi 'Iyadh turut mengemukakan perbezaan pendapat ini dan berkata: "Perkataan tersebut hendaklah dibaca bertanwin dan itu lebih tepat, kerana dengan cara ini ia menjelaskan apa maksud sebenar *ghurrah* sedangkan jika dibaca *idhafat* maka itu bererti sesuatu telah disandarkan kepada dirinya sendiri dan ini jarang terjadi.

Menurut Abu Amr bin al-'Ala, *al-ghurrah* adalah hamba lelaki atau perempuan yang berkulit putih, namun seluruh ahli fiqh tidak mensyaratkan yang hamba itu berkulit putih ketika hendak membayar *ghurrah*.

"وَلِيدَةٌ", hamba perempuan seperti mana yang dijelaskan dalam riwayat yang lain.

"عَاقِلَتِهَا", yakni keluarga si pembunuh. *Al-'Aqilah* adalah keluarga yang mendapat bahagian 'asabah dari sebelah bapa, meskipun ulama berbeza pendapat dalam masalah *al-qasamah*.

"وَوَرَّثَهَا", kata ganti di sini bermaksud diyat atau wanita pembunuh.

"وَلَدَهَا", yakni anak orang yang dibunuh.

"يَغْرَمُ", membayar denda.

"اسْتَهَلَّ", *al-istihlal* adalah menguatkan suara, yakni tanda-tanda hidupnya tidak diketahui melalui suara, pertuturan dan tangisan.

"يُطَلُّ", dibaca dhammah huruf *ya'*, fathah huruf *tha'* dan tasydid huruf *lam*, kerana ia *fi'il mudhari' majhul* (kata kerja fasif) dan berasal dari kata "طل" ertinya menghancurkan dan membatalkan denda.

"إِخْوَانِ الْكُهَّانِ", biasanya jika seseorang itu dipanggil: "Wahai saudara orang Arab", maka bermaksud orang itu sam seperti orang Arab, sama halnya dengan dalam firman Allah (s.w.t): "Wahai saudara Harun...", (Surah Maryam: 28) kerana ia bermaksud seseorang yang dipanggila itu mirip dengan ketakwaan yang ada pada Nabi Harun (a.s) dan beliau saudara Nabi Musa (a.s). Maksud panggilan dalam hadis ini adalah wahai orang yang menyerupai dukun dalam bersajak. Hal ini dikuatkan lagi dalam riwayat lain: "Dia bersajak persis seperti sajak orang Jahiliah dan dukun mereka."

**Fiqh Hadis**

1. Jika ada janin mati akibat perbuatan jenayah, maka wajib padanya *ghurrah* sama ada bayi itu keluar dari kandungan ibunya ataupun mati di dalam rahimnya. Jika janin itu keluar kemudian setelah itu mati, maka wajib padanya diyat secara sempurna, tetapi hendaklah dipastikan bahawa anak itu betul-betul janin, misalnya tangan atau kakinya keluar dari dalam rahim. Jika tidak demikian, maka hendaklah kembali kepada hukum asal di mana tidak ada kewajipan membayar apa pun dan oleh kerananya, tidak wajib membayar *ghurrah*. *Al-Ghurrah* seperti mana ditafsirkan dalam hadis tersebut bermaksud hamba sahaya, sama ada lelaki ataupun perempuan. Menurut al-Sya'bi, *ghurrah* itu lima ratus dirham sedangkan dalam riwayat Abu Dawud dan al-Nasa'i dalam hadis Buraidah bahawa maksud *ghurrah* adalah seratus ekor kambing. Semua ketentuan berlaku ke atas janin orang merdeka. Ulama berbeza tentang perbuatan jenayah terhadap janin hamba sahaya. Ada yang mengatakan diyatnya dikhususkan berdasarkan bayaran diyat hamba sahy, iaitu lima persen diyat.
2. Tidak ada qisas ke atas pembunuhan yang dilakukan dengan objek yang biasanya tidak mematikan atau objek tersebut biasanya tidak biasa digunakan untuk membunuh. Inilah ketentuan pembunuhan mirip sengaja iaitu pembunuhan sengaja dengan pembunuhan silap. Dalam

kes ini pembunuh wajib membayar diyat dan tidak diqisas.

3. Diyat wajib dibayar oleh *'aqilah.* Ada yang mengatakan *'aqilah* adalah keluarga selain anak dan *zawil arham* dan ini mengikut pendapat jumhur ulama yang menyatakn diyat diwajibkan ke atas *'aqilah.* Ada yang mengatakan diyat tidak wajib ke atas *'aqilah*, kerana seorang tidak ada kewajipan membayar diyat orang lain meskipun itu keluarganya. Alasan mereka hadis yang diriwaytkan oleh Imam Ahmad dan Abu Dawud bahawa:

   أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لِرَجُلٍ فِي وَلَدِهِ: لَا يُجْنَى عَلَيْكَ وَلَا تُجْنَى عَلَيْهِ.

   "Rasulullah (s.a.w) bersabda kepada seorang lelaki tentang anaknya: "Tidak ada beban jenayah ke atas kamu kerana dia (anak anda), dan tidak ada beban jenayah kepadanya (anak anda) kerana (perbuatan jenayah) kamu." Ada pula satu hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Dawud daripada Amr bin al-Ahwash bahawa:

   لَا يَجْنِي جَانٍ إِلَّا عَلَى نَفْسِهِ.

   "Tidak ada yang berkewajipan menanggung akibat perbuatan jenayah melainkan ke atas dirinya sendiri." Dalil ini disanggah bahawa maksud hadis ini adalah balasan yang bakal di akhirat kelak. Sanggahan lain di sisi ulama yang tidak memasukan ayah dan anak ke dalam *'aqilah* adalah hadis ini tidak dapat dijadikan sebagai dalil.

4. Makruh bersajak. Menurut sebahagian ulama, Rasulullah (s.a.w) menilai makruh bersajak di sini kerana dua pertimbangan; pertama, sajak ini bercanggah dengan hukum syara'; kedua, berlebihan dalam menyusun kata-kata dan tidak ada kaitan dengan lawan bicara. Menurut mereka lagi, sajak yang dibolehkan oleh Rasulullah (s.a.w) itu tentu tidak termasuk ke dalam dua kategori ini. Sajak yang dibolehkan tidak digunakan untuk menyokong kebatilan, menentang kebenaran dan tidak berlebihan dalam menyusun kata-kata, sebaliknya sajak yang indah muncul dari naluri seorang pesajak dan ini tentunya tidaklah dilarang.

5. Diyat hendaklah diserahkan kepada anak dan ahli waris orang yang dibunuh, bukan kepada suaminya kerana suaminya dalam hal ini merupakan suami isteri yang membunuh juga suami yang dibunuh.

١٢- وَأَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ مِنْ حَدِيثِ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ سَأَلَ مَنْ شَهِدَ قَضَاءَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْجَنِينِ؟ قَالَ: فَقَامَ حَمَلُ بْنُ

النَّابِغَةِ، فَقَالَ: كُنْتُ بَيْنَ امْرَأَتَيْنِ، فَضَرَبَتْ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَى... فَذَكَرَهُ مُخْتَصَرًا. وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ.

12. Dikeluarkan oleh Abu Dawud dan al-Nasa'i daripada hadis Ibn 'Abbas (r.a) bahawa 'Umar (r.a) pernah menanyakan siapakah yang menghadiri Rasulullah (s.a.w) memutuskan hukum masalah janin yang mati dibunuh? Hamal bin al-Nabighah pun berdiri sambil berkata: "Aku yang tahu tentang dua orang perempuan yang membunuh temannya. Salah seorang daripadnya memukul temannya... Hamal bin al-Nabighah menceritakan kisah ini secara ringkas. (Hadis ini dinilai sahih oleh Ibn Hibban dan al-Hakim: 1199).

١٣- وَعَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ الرُّبَيِّعَ بِنْتَ النَّضْرِ -عَمَّتَهُ- كَسَرَتْ ثَنِيَّةَ جَارِيَةٍ، فَطَلَبُوا إِلَيْهَا الْعَفْوَ، فَأَبَوْا، فَعَرَضُوا الْأَرْشَ، فَأَبَوْا، فَأَتَوْا رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبَوْا إِلَّا الْقِصَاصَ، فَأَمَرَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْقِصَاصِ، فَقَالَ أَنَسُ بْنُ النَّضْرِ: يَا رَسُولَ اللهِ، أَتُكْسَرُ ثَنِيَّةُ الرُّبَيِّعِ؟ لَا، وَالَّذِي بَعَثَكَ بِالْحَقِّ، لَا تُكْسَرُ ثَنِيَّتُهَا، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "يَا أَنَسُ، كِتَابُ اللهِ الْقِصَاصُ". فَرَضِيَ الْقَوْمُ، فَعَفَوْا، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ مِنْ عِبَادِ اللهِ مَنْ لَوْ أَقْسَمَ عَلَى اللهِ لَأَبَرَّهُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ.

13. Diriwayatkan daripada Anas (r.a) bahawa al-Rubayyi' bin al-Nadhr, pakcik dari sebelah ayahnya, pernah mematahkan gigi hadapan seorang jariah. Keluarga al-Rubayyi' meminta maaf kepada keluarga perempuan tersebut, namun mereka menolak. Keluarga al-Rubayyi' pula menawarkan ganti rugi namun keluarga jariah tersebut tetap menolaknya. Mereka menghadap Rasulullah (s.a.w) dan menyatakan mereka menuntut hukuman qiasas dijatuhkan. Rasulullah (s.a.w) pun memerintahkan untuk dijatuhkan hukuman qisas. Anas bin al-Nadhr berkata: "Wahai Rasulullah, adakah gigi hadapan al-Rubayyi' mesti dipatahkan juga? Demi Allah yang mengutus tuan dengan kebenaran, (saya mohon) tuan tidak mematahkan gigi al-Rubayyi'." Mendengar itu, Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Wahai Anas, kitab Allah telah memerintahkan untuk dijatuhi hukuman qisas." Akhirnya keluarga jariah itu meredhai dan bersedia memaafkan perbuatan al-Rubayyi'. Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Di antara sekian hamba Allah ada seorang hamba yang kalau bersumpah, Allah tidak menjadikannya melanggar sumpah." (Muttafaq 'alaih dan lafaz hadis ini menurut al-Bukhari: 1200).

**Makna Hadis**

Mematahkan gigi wajib diqisas. Sesiapa pun yang mematahkan gigi orang lain dengan sengaja hendaklah orang itu wajib diqisas dengan cara giginya dipatahkan melainkan orang yang dipatahkan giginya itu bersedia memaafkan dan meredhainya dan orang yang dipatahkan giginya itu berhak menerima ganti rugi berupa harta sebagai bayaran ke atas gigi yang dipatahkan itu.

**Analisis Lafaz**

"الرُّبَيِّعَ", dalam bentuk *tashghir* dari perkataan "ربيع", maksudnya saluran air kecil. Dia adalah saudari Anas, bukan Anas perawi hadis, kerana dia merupakan makcik sebelah ayah dari periwayat hadis ini. Dia adalah Anas bin Malik bin al-Nadhr.

"جَارِيَةٍ", seorang gadis Anshar, bukan seorang hamba sahaya.

"ثَنِيَّةَ", gigi hadapan sama ada sebelah kanan ataupun sebelah kiri, geraham sebelah atas ataupun sebelah bawah.

"فَطَلَبُوا", yakni ahli keluarga al-Rubayyi'.

"إِلَيْهَا ", kepada perempuan itu.

"الْعَفْوَ", permintaan maaf tanpa ada ganti rugi sama sekali.

"فَأَبَوْا", mereka menolak.

"الأَرْشَ", harta.

"فَأَتَوْا", ada kemungkinan yang datang itu ahli keluarga al-Rubayyi' dan ada pula kemungkinan ahli keluarga perempuan tersebut.

"كِتَابُ اللهِ الْقِصَاصُ", mengikut pendapat yang masyhur dalam riwayat ini dibaca *dhammah*, tetapi ada pula yang membaca *fathah* sebagai *ighra'*. Ulama berbeza pendapat tentang maknanya. Ada yang mengatakan maksudnya hukum kitab Allah yang dijelaskan menerusi lisan Nabi-Nya. Ada juga yang mengatakan kalimat ini sebagai isyarat terhadap firman Allah:

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَآ أَنَّ ٱلنَّفْسَ بِٱلنَّفْسِ وَٱلْعَيْنَ بِٱلْعَيْنِ وَٱلْأَنفَ بِٱلْأَنفِ وَٱلْأُذُنَ بِٱلْأُذُنِ وَٱلسِّنَّ بِٱلسِّنِّ وَٱلْجُرُوحَ قِصَاصٌ ..... ﴿٤٥﴾

"*Dan kami telah tetapkan atas mereka di dalam kitab Taurat itu, bahawa jiwa dibalas dengan jiwa, dan mata dibalas dengan mata, dan hidung dibalas dengan hidung, dan telinga dibalas dengan telinga, dan gigi dibalas dengan gigi, dan luka-luka hendaklah dibalas (seimbang).*" (Surah al-Ma'idah: 45). Ada juga yang mengatakan kalimat tersebut sebagai isyarat kepada firman Allah:

وَإِنْ عَاقَبْتُمْ فَعَاقِبُوا۟ بِمِثْلِ مَا عُوقِبْتُم بِهِۦ ۖ وَلَئِن صَبَرْتُمْ لَهُوَ خَيْرٌ لِّلصَّـٰبِرِينَ

١٢٦

*"Dan jika kamu membalas kejahatan (pihak lawan), maka hendaklah kamu membalas dengan kejahatan yang sama seperti yang telah ditimpakan kepada kamu, dan jika kamu bersabar, (maka) sesungguhnya yang demikian itu adalah lebih baik bagi orang-orang yang sabar."* (Surah al-Nahl: 126)

"لأَبَرَّهُ", tidak menjadikannya melanggar sumpahnya.

**Fiqh Hadis**

1. Boleh meminta maaf kepada mangsa atau keluarganya semasa proses dalam mahkamah atau sebelum itu.
2. Boleh menawarkan wang sebagai ganti rugi dan menyebutnya tanpa memastikannya berapa jumlahnya.
3. Wajib qisas jika melakukan jenayah terhadap gigi. Jika gigi itu sudah tumbuh sempurna maka itu wajib diqisas berdasarkan firman Allah "*...dan gigi dibalas dengan gigi...*" (Surah al-Ma'idah: 45)**.** Ulama sepakat untuk mencabut gigi orang yang mencabut gigi orang lain dengan sengaj. Demikian pula mematahkan gigi seperti mana yang ditegaskan dalam hadis di atas. Ulama menegaskan qisas wajib dilakukan apabila seseorang mematahkan gigi orang lain dengan sengaja selagi memungkinkan untuk dilakukan qisas secara sebanding. Imam Ahmad berkata: "Dalam kes ini, gigi hendaklah disejukkan hingga gigi itu sama seperti yang dipatahkan. Adapun tulang yang bukan gigi dan dikhuatirkan menghilangakn nyawa apabila dipotong, maka ulama bersepakat untuk tidak dilakukan qisas padanya. Menurut al-Laits, al-Syafi'i dan ulama mazhab Hanafi, tidak ada qisas pada tulang selain gigi. Menurut Malik, wajib dilakukan qisas pada setiap tulang kecuali tulang mempunyai rongga maka padanya wajib diyat. Menurut al-Thahawi, ulama bersepakat tidak ada qisas pada tulang kepala dan pendapat ini mesti dikaji semula.
4. Ketika mengemukakan suatu permasalahan, digalakkan mengemukakan dalilnya meskipun itu secara umum.
5. Mengingatkan orang yang sedang bertengkar dengan ayat suci al-Qur'an.
6. Anas bin al-Nadhr memiliki keutamaan dan kedudukan yang mulia sebagai seorang sahabat.

**Penting**

Pengingkaran Anas bin al-Nadhr (r.a) di sini merupakan masalah pelik, kerana beliau seolah melakukan penentangan setelah Rasulullah (s.a.w) memberikan ketetapan hukum.

Kenyataan ini dapat disanggah dengan beberapa jawapan berikut; pertama, beliau bersumpah, kerana beliau tidak tahu qisas wajib dilaksankan sekiranya keluarga mangsa tidak memaafkan dirinya; kedua, sumpahnya tidak bermaksud menolak hukum, sebaliknya bertujuan menepis qisas itu dijatuhkan kerana beliau dengan rahmat Allah dan Allah tidak akan menghampakan sumpahnya itu. Beliau yakin pihak keluarga mangsa akan memaafkan dirinya; ketiga, beliau bersumpah untuk menekankan adanya syafaat (keringanan), tidak lebih dari itu.

Menurut pensyarah kitab ini, ada beberapa pengecualian dalam riwayat hadis yang lain yang dengannya kemusykilan memahami hadis ini menjadi tidak wujud lagi, seperti perkataan "hari ini" dan lain-lain.

١٤- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ قُتِلَ فِي عِمِّيًّا أَوْ رِمِّيًّا بِحَجَرٍ، أَوْ سَوْطٍ، أَوْ عَصًا، فَعَلَيْهِ عَقْلُ الْخَطَإِ، وَمِنْ قُتِلَ عَمْدًا فَهُوَ قَوَدٌ، وَمَنْ حَالَ دُونَهُ فَعَلَيْهِ لَعْنَةُ اللهِ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ وَابْنُ مَاجَهْ، بِإِسْنَادٍ قَوِيٍّ.

14. Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barangsiapa yang dibunuh dalam keadaan tidak diketahui pelakunya atau dilempar dengan batu atau dengan cemeti atau dengan tongkat, maka diyatnya sama seperti diyat pembunuhan karena silap. Barangsiapa yang dibunuh secara sengaja, maka wajib padanya qisas. Barangsiapa yang berusaha untuk menghalangi hukum Allah (supaya tidak dilaksanakan), maka laknat Allah ke atas orang itu. (Diriwayatkan oleh Abu Dawud, al-Nasa'i dan Ibn Majah dengan sanad yang kuat: 1201)

**Makna Hadis**

Seseorang yang mati dibunuh dan pembunuhnya tidak diketahui tidak bererti pelakunya bebas daripada kewajipan membayar diyat di atas perbuatannya itu karena orang seperti disamakn dengan pembunuhan karena silap, sama mangsa dipukul dengan menggunakan cemeti, tongkat ataupun batu. Diyat membunuh seseorang yang dipukul dan tidak diketahui pelakunya sama diyat pembunuhan yang tidak disengaja. Manakala seseorang yang membunuh secara sengaja pula wajib dihukum bunuh sebagai qisas dengan syarat keluarga mangsa tidak mahu

menerima pembayaran diyat dan Allah melaknat sesiapa pun yang berusaha menggagalkan pelaksanaan hukuman hudud yang telah ditetapkan Allah.

**Analisis Lafaz**

"عِمِّيًا", huruf 'ain dibaca kasrah, huruf mim bertasydid kemudian diikuti huruf ya' tanpa dibaca mad. Wazannya adalah "فعيلى" yang berasal dari perkataan "العماء" atau "العمي", yakni seseorang yang dibunuh dalam suatu keadaan pembunuhnya tidak diketahui.

"أَوْ رِمِّيًّا بِحَجَرٍ أَوْ سَوْطٍ أَوْ عَصًا", dalam riwayat Abu Dawud terdapat perkataan "dilempar dengan menggunakan batu atau dengan cemeti atau dipukul dengan menggunakan tongkat, maka itu termasuk pembunuhan karena silap dan diyatnya pula sam dengan diyat pembunuhan karena silap." Ayat ini lebih menerangkan lagi maksud hadis di atas.

"قَوَدٌ", huruf *qaf* dan huruf *waw* dibaca *fathah*, yakni qisas.

"حَال" menjadi penghalang.

"فَعَلَيْهِ لَعْنَةُ الله", Abu Daud dan selainnya menambahkan: "dan murka-Nya dan tidak diterima seluruh amal ibadahnya, sama ad ibadah fardu mahupun ibadah sunat."

**Fiqh Hadis**

1. Diyat mangsa bunuh yang tidak dikenal pasti siapa pembunuhnya adalah sama seperti diyat pembunuhan karena tersilap. Al-Khattabi mengatakan ulama berbeza pendapat tentang siapakah yang wajib membayar diyat tersebut. Menurut Malik, diyat itu wajib dibayar oleh mereka yang bermusuhan dengan keluarga mangsa, namun dalam riwayat yang lain, tidaka ada kewajipan membayar diyat. Menurut Imam Ahmad, diyat itu wajib dibayar oleh keluarga yang lain, kecuali mereka mengaku ada seseorang yang diyakini melakukan pembunuhan itu. Dalam keadaan ini, wajib padanya *qasamah*. Inilah pendapat Ishaq. Menurut Ibn Abu Laila dan Abu Yusuf, diyat pembunuhan itu wajib dibayar oleh kedua belah pihak yang saling bermusuhan. Menurut Imam al-Syafi'i, kes pembunuhan seumpama ini wajib dilakukan *qasamah*, di mana ada seseorang atau kelompok tertentu yang didakwa melakukan secara yakin pembunuhan tersebut. Jika tidak, maka tidak ada diyat dan qisas sama sekali. Menurut Abu Hanifah, diyatnya wajib dibayar oleh kabilah di mana mayat itu dijumpai di daerah mereka dan ketentuan ini berlaku jika keluarga mayat tidak mendakwa orang lain telah melakukan pembunuhan tersebut.
2. Seseorang yang membunuh secara sengaja wajib dijatuhi hukuman qisas. Inilah pendapat al-Hasan, al-Nakha'i, Malik dalam satu riwayat dan ulama Ahli al-Ra'yi yang mengatakan tidak ada pilihan bagi keluarga

mangsa selain qisas dan jika keluarga mangsa memberi kemaafan, maka tidak ada bayarn diyat melainkan si pembunuh redha membayarnya. Sedangkan Ibn 'Abbas, Ibn al-Musayyab, al-Sya'bi, Ibn Sirin, 'Atha, Qatadah, al-Syafi'i, Imam Ahmad, Malik, Ishaq dan sekumpulan ulama yang lain pula keluarga mangsa boleh memilih antara qisas atau diyat. Jika keluarga mangsa memaafkan dan menuntut bayaran diyat, maka pembunuh wajib membayar diyat itu. Hujah mereka adalah hadis yang dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Muslim berikut:

مَنْ قُتِلَ لَهُ قَتِيلٌ فَهُوَ بِخَيْرِ النَّظَرَيْنِ إِمَّا أَنْ يُقِيدَ وَ إِمَّا أَنْ يُفْدَى.

"Barangsiapa yang salah seorang keluarganya dibunuh, maka orang itu mempunyai dua pilihan; boleh menuntut qisas atau menuntut bayaran diyat." Hujah mereka yang lain adalah hadis yang dikeluarkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud dan selain mereka daripada Abi Syuraih secara *marfu'* bahawa:

مَنْ أُصِيبَ بِدَمٍ أَوْ جِرَاحٍ فَهُوَ بِالْخِيَارِ بَيْنَ إِحْدَى ثَلَاثٍ إِمَّا أَنْ يَقْتَصَّ أَوْ يَأْخُذَ الْعَقْلَ أَوْ يَعْفُوَ...

"Barangsiapa yang ditimpa musibah dengan pembunuhan atau dilukai, maka dia boleh memilih satu di antara tiga pilihan berikut; boleh menuntut qisas, mengambil diyat atau memaafkan..."

١٥- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِذَا أَمْسَكَ الرَّجُلُ الرَّجُلَ، وَقَتَلَهُ الْآخَرُ، يُقْتَلُ الَّذِي قَتَلَ، وَيُحْبَسُ الَّذِي أَمْسَكَ". رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ مَوْصُولًا وَمُرْسَلًا، وَصَحَّحَهُ ابْنُ الْقَطَّانِ، وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ، إِلَّا أَنَّ الْبَيْهَقِيَّ رَجَّحَ الْمُرْسَلَ.

15. Daripada Ibn Umar (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Jika seseorang menahan atau menangkap orang lain, kemudain dibunuh oleh orang yang berbeza, maka orang yang membunuh wajib dihukum bunuh dan orang yang menahannya wajib dipenjarakan." (Diriwayatkan oleh al-Daruquthni secar *mawsul* dan *mursal*, dinilai sahih oleh Ibn al-Qatthan sedangkan perawinya tsiqah, namun al-Baihaqi memilih hadis ini *mursal*: 1202)

**Makna Hadis**

Berkerjasama untuk membunuh orang lain tidak mengakibatkan qisas kepada orang yang terlibat dalam pembunuhan tersebut, sebaliknya qisas hanya

diwajibkan ke atas orang yang membunuh secara langsung dan hakim hendaklah memenjarakan orang yang membantu proses pembunuhan tersebut dengan jangka waktu yang sepatutnya.

**Analisis Lafaz**

"الا أن البيهقى رجح المرسل", tetapi Abu Dawud al-Hafri meriwayatkan hadis ini daripada al-Tsauri daripada Isma'il bin Umayah daripada Nafi' daripada Ibn Umar secara *mawshul*, manakala selain Abu Dawud pula meriwayatkannya daripada al-Tsauri dan selainnya daripada Isma'il bin Umayah secara *mursal*.

**Fiqh Hadis**

Sekumpulan orang yang terlibat dalam pembunuhan tidak mengakibatkan mereka seluruhnya wajib diqisas dengan cara dibunuh, sebaliknya hukuman qisas hanya diwajibkan ke atas orang yang melakukan pembunuhan secara langsung, sedangkan orang yang membantu proses pembunuhan tersebut dijatuhi hukuman penjara. Inilah pendapat kebanyakan ulama mazhab Hanafi dan Syafi'i dan jangka waktu penahanan mereka di penjara ditentukan oleh hakim. Sedangkan Malik, al-Nakha'i dan Ibn Abu Laila pula berpendapat seluruh mereka yang terlibat dalam pembunuhan wajib dibunuh.

**Penting**

Masalah ini berbeza dengan kes di mana terdapat sekumpulan orang yang kesemua mereka secara langsung melakukan pembunuhan, seperti mangsa ditusuk oleh dua orang secara bersamaan di mana tidak diketahui tusukan siapa yang menyebabkan mangsa tersebut meninggal dunia.

١٦- وَعَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ الْبَيْلَمَانِيِّ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَتَلَ مُسْلِمًا بِمَعَاهِدٍ. وَقَالَ: "أَنَا أَوْلَى مَنْ وَفَى بِذِمَّتِهِ". أَخْرَجَهُ عَبْدُ الرَّزَّاقِ هَكَذَا مُرْسَلًا، وَوَصَلَهُ الدَّارَقُطْنِيُّ بِذِكْرِ ابْنِ عُمَرَ فِيهِ، وَإِسْنَادُ الْمَوْصُولِ وَاهٍ.

16. Daripada Abdurrahman bin al-Bailamani bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah mengqisas seorang muslim kerana membunuh seorang *mu'ahid* (orang kafir yang telah dimaterai perjanjian damai dengan orang Islam dan hidup di negara Islam) dan baginda bersabda: "Aku adalah orang yang paling bertanggungjawab untuk melindungi orang yang mematuhi perjanjian damai." (Diriwayatkan oleh Abdurrazzaq seperti ini secar *mursal* sedangkan al-Daruquthni menilainya *mawshul* dengan menyebutkan Ibn Umar di dalamnya dan sanadnya yang

*mawshul* itu amat lemah: 1203)

Bagi pensyarah kitab ini, 'Abdurrahman seorang periwayat yang dha'if bahkan sekumpulan ulama telah menilainya dha'if. Oleh itu, ia tidak dapat dijadikan dalil.

*- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: "قُتِلَ غُلَامٌ غِيلَةً، فَقَالَ عُمَرُ: لَوْ اشْتَرَكَ فِيهِ أَهْلُ صَنْعَاءَ لَقَتَلْتُهُمْ بِهِ". أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ.

*- Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: "Seorang pemuda telah dibunuh secara kejam." 'Uamr (r.a) berkata: "Seandainya seluruh masyarkt Shan'a' berkerjasama secara bersamaan membunh pemuda itu tentu aku membunuh semua mereka." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

**Makna Hadis**

Sebelum telah dijelaskan hukum satu orang yang kerjasama dengan orang lain untuk melakukan pembunuhan sedangakan di sini pula dibahas kes sekumpulan orang yang secara bersamaan melakukan pembunuhan. Antara kedua kes ini mempunyai hukum yang berlainan, meskipun ada sekumpulan ulama yang menganggap tidak ada perbezaan hukum antara satu orang yang berkerjasam dengan orang lain untuk melakukan pembunuhan dengan sekumpulan orang yang secara bersamaan melakukan pembunuhan. Alasan mereka adalah atsar yang menjadi latar belakang ungkapan Umar (r.a) ini yang diriwayatkan oleh al-Thahawi dan al-Baihaqi daripada Ibn Wahab, beliau berkata: "Jarir bin Hazim menceritakan kepada saya bahawsa al-Mughirah bin Hakim al-Shan'ani menceritakan kisah ini daripada ayahnya bahawa seorang perempuan Shan'a' pernah kehilangan suaminya dengan meniggalkan seorang anak tiri bernama Ashil. Perempuan itu kemudian menjalin asmara dengan lelaki lain dan perempuan itu berkata: "Anak ini telah menghina saya, bunuhlah!" Kekasih wanita itu enggan melakukanya. Perempuan itu tetap memaksanya hingga kekasihnya itu mahu melakukannya dengan dibantu oleh seorang lelaki lain. Jadi anak itu dibunuh oleh empat orang; dua orang lelaki dan wanita tersebut serta pembantunya. Mereka tidak sekadar membunuhnya sebaliknya mencincangnya setelah dibunuh. Bangkainya dimasukkan ke dalam guni kemudian dibuang jauh dari kampungnya yang tidak dijumpai air. Setelah diadakan siasatan tentang pembunuhan tersebut, kekasih wanita ini ditangkap dan mengakui perbuatannya, kemudian pengakuan ini diikuti oleh yang lain. Ya'la yang merupakan gabenur Shan'a' ketika itu mengirim sepucuk surat kepada Umar (r.a) menceritakan tragedi pembunuhan kejam itu. 'Umar (r.a) menjawab surat tersebut yang isinya memerintahkan untuk membunuh seluruh pelaku pembunuhan anak tersebut.

Kumpulan ulama ini mengatakan dalam kes tidak semua orang terlibat secara langsung dalam melakukan pembunuhan. Bagi pensyarah kitab ini,

fahaman tidak bersifat mutlak kerana masih mempunyai kemungkinan lain, apatah lagi dalam riwayat Ibn Syaibah disebutkan pelaku pembunuhan tersebut seramai tujuh orang.

**Analisis Lafaz**

"غِيلَةً", huruf *ghain* dibaca kasrah, yakni secara kejam dan zalim.

**Fiqh Hadis**

Orang ramai wajib dijatuhi hukuman bunuh lantaran mereka secar berkumpulan membunuh satu orang. Ulama berbeza pendapat dalam masalah ini kepada beberapa pendapat: *pertama*, pendapat ini dipilih oleh 'Umar, 'Ali, Ibn 'Abbas, Ibn al-Musayyab, al-Hasan, 'Atha', Malik, al-Syafi'i, al-Auza'i, Imam Ahmad, Ishaq dan sekumpulan ulama mazhab Hanafi; *kedua*, ahli waris mangsa memilih satu orang di antara sekian pelaku pembunuhan itu dan inilah pendapat Mu'adz, Ibn Zuhri, al-Zuhri, Ibn Sirin, Malik dalam satu riwayat dan al-Syafi'i; *ketiga*, salah seorang di antara mereka hendaklah diundi dan namanya yang diundi keluar hendaklah orang itu yang dibunuh, sedangkan yang selainnya pula wajib membayar diyat; *keempat*, tidak ada qisas dalam kes ini, sebaliknya mereka diwajibkan membayar diyat dan inilah pendapat Rabi'ah dan ulama mazhab Zahiri.

١٧- وَعَنْ أَبِي شُرَيْحٍ الْخُزَاعِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "فَمَنْ قُتِلَ لَهُ قَتِيلٌ بَعْدَ مَقَالَتِي هَذِهِ، فَأَهْلُهُ بَيْنَ خِيرَتَيْنِ: إِمَّا أَنْ يَأْخُذُوا الْعَقْلَ أَوْ يَقْتُلُوا". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ.

17. Daripada Abu Syuraih al-Khuza'I (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barangsiapa yang membunuh setelah ucapanku ini, maka keluarganya dibolehkan memilih antara dua pilihan; mengambil diyat atau membunuh pelakunya." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Nasa'i: 1204).

١٨- وَأَصْلُهُ فِي "الصَّحِيحَيْنِ" مِنْ حَدِيثِ أَبِي هُرَيْرَةَ بِمَعْنَاهُ.

18. Asal hadis tersebut diambil dari Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim daripada Abu Hurairah dengan maksud yang sama: 1205.

**Makna Hadis**

Keluarga mangsa dibolehkan memilih antara qisas dan diyat, sama ada berdasarkan keredhaan si pembunuh ataupun sebaliknya. Inilah pendapat jumhur ulama.

**Soalan**

1. Apa definisi *jinayah*?
2. Sempurnakan dan jelaskan makna lafaz-lafaz asing dalam hadis Aisyah (r.a) "لايحل قتل امرئ مسلم الا...".
3. Bincangkan hadis berikut: "أول ما يقضى بين الناس يوم القيامة فى الدماء"?
4. Adakah hadis: "من قتل عبده قتلناه..." sahih atau sebaliknya?
5. Adakah orang merdeka diqisas lantaran membunuh hamba sahaya? Sebutkan pendapat ulama dalam masalah ini?
6. Adakah hadis: "لايقاد الوالد بالولد..." sahih atau sebaliknya?
7. Bagaimanakah pendapat ulama tentang hukum mengqisas bapa kerana membunuh anaknya?
8. Sebutkan teks hadis Abu Juhaifah ketika bertanya kepada Ali (r.a) dan jelaskan makna lafaz yang asing padanya?
9. Apakah orang muslim diqisas jika membunuh orang kafir dan tentukan pendapat yang benar dalam masalah ini?
10. Apakah pendapat ulama tentang qisas yang mesti dilakukan sebanding?
11. Adakah seorang lelaki dibunuh kerana membunuh seorang perempuan?
12. Sebutkan hadis yang tidak membolehkan untuk melakukan qisas pada anggota tubuh sehinggalah lukanya itu benar-benar sembuh dan jelaskan makna lafaz-lafaznya yang asing?
13. Huraikan makna lafaz yang terdapat dalam hadis yang menerangkan dua orang perempuan saling bergaduh hingga menyebabkan salah seorang daripadanya meninggal dunia: "غرة", "وليدة", "عاقلة", "يغرم", "استهل", dan "يطل" serta berilah baris kalimat-kalimat tersebut!
14. Berapakah diyat janin?
15. Bagaimana hukum bersajak dalam berbicara; adakah ia mubah atau makruh?
16. Huraikan maksud kalimat-kalimat dalam hadis Anas yang mematahkan gigi hadapan seorang jariah dan berilah baris kalimat tersebut; "الربيع", "ثنية", "أبوا", "الإرش" dan "أبره"!
17. Apakah pendapat ulama tentang hukum qisas terhadap tulang?

18. Bagaimana hukum jika pelaku pembunuhan tidak dikenal pasti sedangkan mangsa pembunuhan itu tergeletak di antara dua kelompok yang sedang bertikai?
19. Bagaimanakah qisas boleh dibebaskan daripada pelaku pembunuhan secara sengaja dan huraikan pendapat ulama dalam masalah ini?
20. Bagaimana hukum dua orang di mana salah seorang daripadanya menangkapnya dan seorang lain membunuhnya?
21. Adakah sekumpulan orang wajib dibunuh apabila bersama-sama dan terlibat secara langsung membunuh satu orang?

# BAB PERTAMA
# DIYAT

Perkataan "الديات" dibaca tanpa tasydid pada huruf *ya'*, merupakan bentuk jamak dari perkataan "دية", seperti perkataan "عدة" menjadi "عدات". Kalimat *diyat* berasal dari kata *al-widyah*, mashdar dari perkataan "ودى القتيل يديه", yakni dia memberikan diyat kepada keluarga mangsa. Huruf *fa' fi'il*-nya kemudian dibuang dan diganti dengan huruf *ta'* tanda perempuan, seperti kata perkataan *'iddah*. Ia merupakan kata benda yang mengandungi makna lebih luas termasuk di dalamnya kes yang menuntut adanya qisas ataupun tidak adanya qisas.

١٩- عَنْ أَبِي بَكْرِ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ عَمْرِو بْنِ حَزْمٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَتَبَ إِلَى أَهْلِ الْيَمَنِ... فَذَكَرَ الْحَدِيثَ، وَفِيهِ: "أَنَّ مَنِ اعْتَبَطَ مُؤْمِنًا قَتْلاً عَنْ بَيِّنَةٍ، فَإِنَّهُ قَوَدٌ، إِلَّا أَنْ يَرْضَى أَوْلِيَاءُ الْمَقْتُولِ، وَإِنَّ فِي النَّفْسِ الدِّيَةَ مِائَةً مِنْ الْإِبِلِ، وَفِي الْأَنْفِ إِذَا أُوعِبَ جَدْعُهُ الدِّيَةُ، وَفِي اللِّسَانِ الدِّيَةُ، وَفِي الشَّفَتَيْنِ الدِّيَةُ، وَفِي الذَّكَرِ الدِّيَةُ، وَفِي الْبَيْضَتَيْنِ الدِّيَةُ، وَفِي الصُّلْبِ الدِّيَةُ، وَفِي الْعَيْنَيْنِ الدِّيَةُ، وَفِي الرِّجْلِ الْوَاحِدَةِ نِصْفُ الدِّيَةِ، وَفِي الْمَأْمُومَةِ ثُلُثُ الدِّيَةِ، وَفِي الْجَائِفَةِ ثُلُثُ الدِّيَةِ، وَفِي الْمُنَقِّلَةِ خَمْسَ عَشْرَةَ مِنْ الْإِبِلِ، وَفِي كُلِّ إِصْبَعٍ مِنْ أَصَابِعِ الْيَدِ وَالرِّجْلِ عَشْرٌ مِنْ الْإِبِلِ، وَفِي السِّنِّ خَمْسٌ مِنَ الْإِبِلِ، وَفِي الْمُوضِحَةِ خَمْسٌ مِنْ الْإِبِلِ، وَإِنَّ الرَّجُلَ يُقْتَلُ بِالْمَرْأَةِ، وَعَلَى أَهْلِ الذَّهَبِ أَلْفُ دِينَارٍ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ فِي "الْمَرَاسِيلِ" وَالنَّسَائِيُّ وَابْنُ خُزَيْمَةَ وَابْنُ الْجَارُودِ وَابْنُ حِبَّانَ وَأَحْمَدُ، وَاخْتَلَفُوا فِي صِحَّتِهِ.

19. Daripada Abu Bakar bin Muhammad bin 'Amr bin Hazam daripada ayahnya daripada datuknya bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah mengirim sepucuk surat kepada masyarakat Yaman yang di dalamnya memuatkan beberapa kewajipan dan ketentuan termasuk diyat. Isi surat tersebut adalah: "Barangsiapa membunuh seorang mukmin tanpa dosa dengan sengaja, maka dia wajib diqisas, kecuali jika keluarga mangsa redha untuk menerima diyat. Diyat menghilangkan nyawa adalah seratus unta. Hidung yang dipotong wajib dibayar diyatnya, pada dua mata wajib diyat, pada lidah wajib diyat, pada dua bibir wajib diyat, pada zakar wajib diyat, pada dua buah zakar wajib diyat, pada tulang sulbi wajib diyat, pada satu kaki wajib setengah diyat, pada luka yang sampai ke lapisan tisu kepala wajib sepertiga diyat, pada luka yang sampai menembus tenggorokan wajib sepertiga diyat, pada setiap patah tulang wajib lima belas ekor unta sebagai diyatnya, setiap jari sama ada jari tangan mahupun jari kaki wajib sepuluh ekor unta sebagai diyatnya, pada satu gigi wajib lima ekor unta sebagai diyatnya, pada luka yang dapat memperlihatkan tulang wajib lima ekor unta sebagai diyatnya. Seorang lelaki wajib dibunuh jika membunuh seorang perempuan dan ke atas pemilik emas wajib membayar seribu dinar. (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dalam *al-Marasil*, al-Nasa'i, Ibn Khuzaimah, Ibn al-Jarud, Ibn Hibban dan Imam Ahmad, namun mereka berselisih pendapat tentang benar atau tidaknya kesahihan hadis ini: 1206).

**Makna Hadis**

Awal hadis ini adalah Rasulullah (s.a.w) mengirim sepucuk surat kepada masyarakat Yaman yang di dalamnya memuatkan ketentuan-ketentuan fardu, sunat dan diyat. Surat itu dibawa oleh 'Amr bin Hazam untuk dibacakan kepada masyarakat Yaman. Berikut isi surat tersebut: "Daripada Muhammad al-Nabi (s.a.w) untuk Syurahbil bin 'Abd Kulal, al-Harits 'Abd Kulal, Nu'aim bin 'Abd Kulal, namun ada yang mengatakan penguasa Dzi Ru'ain, Mu'afir dan Hamadan. Telah pulang utusan kamu…" Periwayat kemudian menyebut hadis dengan panjang lebar; sebahagian daripadanya dikemukakan oleh Ibn Hajar di atas. Surat ini memuatkan banyak permasalahan yang antara lain membahas tentang diyat.

**Analisis Lafaz**

"اعْتَبَطَ", menggunakan huruf *'ain*, disusuli huruf *ta'* kemudian huruf *ba'* dan diakhiri huruf *tha'*, yakni melakukan pembunuhan tanpa ada kesalahan yang mengharuskannya boleh dibunuh.

"قَوَدٌ", dibaca dengan *fathah* pada huruf *qaf*, yakni qisas.

"أُوعِبَ" huruf hamzah dibaca *dhammah* dan huruf *ra'* dibaca sukun, huruf *'ain* dibaca *kasrah* yang kemudian diikuti huruf *ba'*, yakni menyeluruh.

"جَدْعُهُ", mematahkan. Biasanya digunakan untuk menunjukan hidung yang

dipotong. Dengan erti kata lain, jika semua hidung dipotong, maka diyatnya wajib dibayar sempurna.

"الْبَيْضَتَيْنِ", dua buah zakar yang letaknya di bawah zakar.

"الصُّلْبِ", tulang belakang yang apabila salah satunya ada yang patah, maka itu mengakibatkan cacat.

"الْمَأْمُومَةِ", perbuatan jenayah yang lukanya sampai otak atau kulit nipis yang membungkusnya.

"الْجَائِفَةِ", tusukan yang lukanya sampai ke tenggorokan.

"الْمُنَقِّلَةِ", *isim fa'il* dai kata "نقل", yakni organ tubuh di mana tulang kecil boleh keluar dari tempat itu. Ada pula yang mengatakan perbuatan jenayah yang boleh mematahkan tulang.

"الْمُوضِحَةِ", *isim fa'il* dari kata "أوضح", yakni menjelaskan. Ia adalah perbuatan jenayah yang boleh membuka tulang sehingga kelihatan dengan jelas.

Ulama berbeza pendapat tentang kesahihan hadis ini. Abu Dawud dalam kitabnya *al-Marasil* mengatakan sanadnya tidak sahih. Orang yang mengatakan dalam sandanya terdapat Sulaiman bin Dawud itu salah, sebaliknya apa yang benar adalah Ibn Arqam. Abu Zur'ah berkata: "Saya pernah menanyakan masalah ini kepada Imam Ahmad." Imam Ahmad menjawab: "Sulaiman bin Dawud itu tidak ada masalah." Ibn Hibban berkata: "Sulaiman bin Dawud al-Yamani itu periwayat dha'if, sedangkan Sulaiman bin Dawud al-Khaulani itu tisqah, meskipun keduanya pernah meriwayatkan hadis daripada al-Zuhri. Jadi yang meriwayatkan hadis sedekah itu al-Khaulani. Orang yang menilai hadis sedekah dha'if kerana mengira periwayatnya adalh al-Yamani. Imam al-Syafi'i berkata: "Mereka tidak meriwayatkan hadis ini melainkan setelah mereka yakin itu adalah tulisan surat Rasulullah (s.a.w)." Ibn 'Abd al-Bar berkata: "Surat ini masyhur di kalangan ulama sirah malah isinya pula masyhur di kalangan ulama yang dengan kemasyhurannya itu tidak memerlukan lagi sanad, kerana ia mirip dengan hadis *mutawatir* yang setiap orang pasti menerimanya." Al-'Uqailil berkata: "Hadis ini sabit dan mahfuz."

Bagi pensyarah kitab ini, hadis ini dinilai sahih oleh Imam Ahmad, Ibn Hibban, al-Hakim, Ibn al-Jarud, al-Baihaqi dan sekumpulan ulama yang lain.

**Fiqh Hadis**

1. Pembunuhan yang dilakukan secar sengaja wajib qisas.
2. Diyat bagi orang merdeka adalah seratus unta dan membayar diyat dengan unta merupakan kewajipan, sedangkan selain itu tidak berdasarkan dengan ketetapan syariat, sebaliknya sebagai bentuk berdamai. Inilah Imam al-Syafi'i dan sekumpulan ulama.
3. Diyat bagi pemilik emas adalah seribu dinar dan ini merupakan kewajipan mereka untuk membayar diyat, bukannya unta. Ada pula kemungkinan membayar dengan emas jika tidak dijumpai unta. Inilah

pendapat yang paling kuat supaya tidak berlaku perbezaan nilai diyat dalam satu tempat.

4. Memotong hidung secara keseluruhan mewajibkan diyat secara sempurna. Hidung terdiri daripada empat bahagian:
   - *Al-Qashbah* iaitu tulang yang mempertemukan dua alis.
   - *Al-Marin* iaitu tulang rawan yang menghubungakan antara dua lubang hidung.
   - *Al-Rawtsah* iaitu hujung hidung.
   - *Al-Arnabah* iaitu hujung di bahagian atas.

   Menurut jumhur ulama, pada *al-marin* wajib diyat penuh sedangkan pada *al-rawtsah* wajib setengah diyat. Ada pula yang mengatakan jika ada yang memotong salah satu daripada empat bahagian ini, maka diyatnya ditentukan oleh hakim.

5. Memotong lidah wajib diyat secara sempurna. Menurut ulama fiqh, jika yang dipotong itu hanya sebahagian lisan sahaja, maka bayaran diyatnya disesuaikan dengan kadar kerosakan dalam menuturkan huruf. Sejauhmana kerosakan menuturkan huruf itu terjadi maka sejauh itu pula diyat ditetapkan.
6. Memotong dua bibir wajib diyat secara sempurna. Jika salah satu bibir sahaja yang dipotong, menurut jumhur ulama, wajib setengah diyat, sedangkan menurut Zaid bin Tsabit pula jika bibir bahagian atas yang dipotong, maka wajib sepertiga diyat, sedangkan jika bibir bahagian bawah yang dipotong, maka wajib dua pertiga diyatnya.
7. Memotong zakar wajib diyat secara sempurna, sama ada dipotong secara keseluruhan ataupun kepalanya sahaja. Imam al-Syafi'i berkata: "Dalam kaitan ini tidak ada perbezaan antara orang dewasa dengan kanak-kanak kecil, lelaki normal dengan lelaki mati pucuk." Namun menurut jumhur ulama, dalam kes ini memerlukan kebijaksanaan seorang hakim.
8. Memotong dua buah zakar, mengeluarkan atau menusuknya juga mewajibkan bayaran diyat secar sempurna. Menurut jumhur ulama, satu buah zakar wajib setengah diyat. Diriwayatkan daripada Ali dan Ibn al-Musayyab bahawa buah zakar yang sebelah kiri wajib dua pertiga diyat dan buah zakar yang sebelah kanan wajib sepertiga diyat.
9. Mematahkan tulang sulbi wajib diyat secara sempurna. Jika air mani tidak lagi keluar akibat patah tulang sulbi maka ada kewajipan membayar diyat dua kali dalam kes ini.
10. Pada kedua mata wajib diyat secara sempurna apabila kedua-dua mata itu sihat. Menurut ulama, melakukan jenayah terhadap satu biji mata bererti wajib membayar setengah diyat. Ulama berbeza pendapat tentang seseorang yang bermata satu. Ada dua pendapat dalam masalah ini. Menurut mazhab Hanafi dan mazhab Syafi'i, padanya wajib setengah diyat sedangkan menurut Imam Ahamad dan Malik, padanya wajib

diyat secara sempurna.

11. Memotong sebelah kaki wajib membayar setengah diyat jika kaki tersebut dipotong dari persendian kaki, namun jika dipotong dari lutut, maka wajib membayar diyat secara sempurna di samping tambahn yang disesuaikan dengan keputusan hakim.
12. Melukai yang sampai kepada tisu otak atau melukai yang sampai ke dalam tenggorokan wajib membayar sepertiga diyat. Imam al-Syafi'i berkata: "Setahu saya, tidak ada perbezaan pendapat dalam kes ini."
13. Mematahkan tulang wajib membayar lima belas ekor unta sebagai diyatnya.
14. Setiap jari yang dipotong wajib dibayar diyatnya sebanyak sepuluh ekor unta, sama ada jari kaki ataupun jari tangan. Seluruh jari dianggap sama oleh jumhur ulama berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Dawud:

    الْأَصَابِعُ سَوَاءٌ.

    "*Seluruh jari itu sama.*" Asal hadis ini ada di dalam Sahih al-Bukhari.
15. Mematahkan gigi atau mencabutnya wajib dibayar dengan lima ekor unta sebagai diyatnya menurut jumhur ulama
16. Melukai yang menyebabkan tulang terbuka wajib dibayar dengan lima ekor unta sebagai diyatnya.

٢٠- وَعَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "دِيَةُ الْخَطَأِ أَخْمَاسًا: عِشْرُونَ حِقَّةً، وَعِشْرُونَ جَذَعَةً، وَعِشْرُونَ بَنَاتِ مَخَاضٍ، وَعِشْرُونَ بَنَاتِ لَبُونٍ، وَعِشْرُونَ بَنِي لَبُونٍ". أَخْرَجَهُ الدَّارَقُطْنِيُّ.

وَأَخْرَجَهُ الْأَرْبَعَةُ، بِلَفْظِ: "وَعِشْرُونَ بِنِي مَخَاضٍ"، بَدَلَ: "بُنِيَ لَبُونٍ". وَإِسْنَادُ الْأَوَّلِ أَقْوَى، وَأَخْرَجَهُ ابْنُ أَبِي شَيْبَةَ مِنْ وَجْهٍ آخَرَ مَوْقُوفًا، وَهُوَ أَصَحُّ مِنَ الْمَرْفُوعِ.

20. Daripada Abdullah bin Mas'ud (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Diyat membunuh kerana silap ada lima kategori; dua puluh ekor unta *jadz'ah*, dua puluh ekor unta *hiqqah*, dua puluh ekor unta *banat labun*, dua puluh ekor unta *banat makhadh* dan dua puluh ekor unta *bani labun*. (Diriwayatkan oleh al-Daruquthni).

Hadis ini turut diriwayatkan oleh al-Arba'ah dengan menggunakan lafaz: "dua puluh ekor unta *bani makhadh*" sebagai pengganti kata "*labun*". Sanad pertama lebih kuat. Ia turut diriwayatkan oleh Ibn Abu Syaibah daripada jalur yang lain secara *mawquf* dan ini lebih sahih berbanding hadis *marfu'*: 1207.

٢١- وَأَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ مِنْ طَرِيقِ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ رَفَعَهُ: "الدِّيَةُ ثَلَاثُونَ حِقَّةً، وَثَلَاثُونَ جَذَعَةً، وَأَرْبَعُونَ خَلِفَةً، فِي بُطُونِهَا أَوْلَادُهَا.

21. Hadis ini turut diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Tirmizi daripad 'Amr bin Syu'aib daripada bapanya daripada datuknya secara marfu' bahawa diyat itu tiga puluh ekor hiqqah, tiga puluh ekor jadz'ah dan empat puluh ekor khalifah yang kesemuanya mengandung anak di dalam perutnya: 1208.

**Makna Hadis**

Ulama bersepakat bahawa diyat bagi orang muslim yang merdeka adalah seratus ekor unta.

Jika pembunuhan itu dilakukan secara sengaja, maka diyat itu *mughalladzah* (lebih berat) karena diyat ini diambil daripada harta si pelaku pembunuhan dan wajib dibayar secara tunai.

Jika pembunuhan itu dilakukan mirip dengan sengaja, maka diyat tetap *mughalladzah* (diberatkan) dan diyat wajib dibayar oleh *'aqilah* secara angsuran.

Jika pembunuhan itu dilakukan kerana silap, maka diyat itu *mukhaffafah* (diringankan), di mana ia wajib dibayar oleh *'aqilah* secara berangsur.

Berat atau ringannya diyat tersebut terletak pada usia unta yang wajib dibayarkan. Diyat *mughalladzah* adalah seperti mana yang disebut dalam hadis 'Amr bin Syu'aib yang dibahagikan kepada tiga bahagian; tiga puluh ekor *hiqqah*, tiga puluh ekor *jadz'ah* dan empat puluh ekor khalifah yang kesemuanya mengandung anak di dalam perutnya. Diyat *mukhaffafah* adalah seperti mana yang disebut dalam hadis Ibn Mas'ud yang dibahagikan kepada lima bahagian di atas.

**Analisis Lafaz**

"أَخْمَاسًا", yakni diyat yang berjumlah seratus ekor itu dibahagi kepada lima bahagian, iaitu setiap bahagian dua puluh ekor unta.

"حِقَّةً", unta yang berusia genap tiga tahun dan hendak memasuki usia empat tahun. Huruf *ha'* dibaca kasrah.

"جَذَعَةً", huruf jim, dzal dan 'ain dibaca fathah. Asal makna kalimat ini adalah jatuh. Diberi nama demikian kerana semua giginya sudah berganti. Ia adalah unta yang genap berusia empat tahun dan hendak memasuki lima tahun.

" بَنَاتِ مَخَاضٍ", yakni unta yang berusia setahun dan hendak memasuki usia dua tahun.

" بَنَاتِ لَبُونٍ", yakni unta yang berusia dua tahun dan hendak memasuki usia

tiga tahun.

"وَإِسْنَادُ الأَوَّلِ أَقْوَى", yakni sanad al-Daruquthni lebih kuat daripada sanad *al-Arba'ah*, kerana di sanad mereka terdapat Khusyaf bin Malik al-Tha'i dan al-Hajjaj bin Artha'ah, meskipun al-Baihaqi menyanggahnya.

"خَلِفَةً", yakni unta yang di dalamnya mengandung anak.

**Fiqh Hadis**

1. Diyat pembunuhan kerana silap dibahagikan kepada lima kategori sebagaimana yang disebut dalam hadis sebelum ini. Inilah pendapat Umar bin Abdul Aziz, Sulaiman bin Yasar, al-Zuhri, Rabi'ah, al-Laits, Malik dan al-Syafi'i di mana mereka berhujah dengan riwayat *bani labun* sebagaimana yang ditarjih oleh Ibn Hajar. Pendapat yang serupa turut dikemukakan Ibn Mas'ud, Imam Ahmad, Ishaq dan mazhab Hanafi namun mereka mengganti *bani labun* dengan bani *makhadh* di mana berhujah dengan riwayat al-Arba'ah. Ada yang mengatakan ini merupakan pendapat Imam al-Syafi'i namun beliau kemudian meninggalkannya.

   'Ali bin Abu, al-Sya'bi, al-Nakha'i dan al-Hasan al-Bashri berbeza pendapat dengan jumhur ulama dengan mengatakan diyat pembunuhan secara silap dibahagikan menjadi empat; dua puluh lima ekor *binti makhadh*, dua puluh lima ekor *binti labun*, dua puluh lima ekor *hiqqah* dan dua puluh lima ekor *jadz'ah*. Ini berdasarkan hadis yang kemudian dinilai dha'if oleh sekumpulan ulama hadis.

2. Diyat *mughalladzah* adalah seperti mana yang disebut dalam hadis 'Amr bin Syu'aib; tiga puluh ekor *hiqqah*, tiga puluh ekor *jadz'ah* dan empat puluh ekor *khalifah* yang mengandung anak di dalam perutnya. Ini diriwayatkan daripada Umar, Zaid bin Tsabit, Abu Musa dan merupakan pendapat Imam al-Syafi'i.

   Namun menurut Ibn Mas'ud, diyat *mughalladzah* dibahagikan kepad empat bahagian seperti mana yang disebut 'Ali, al-Sya'bi dan selain mereka dalam diyat pembunuhan kerana silap. Inilah pendapat Malik, Imam Ahmad, mazhab Hanafi, Ishaq dan sekumpulan ulama.

٢٢- وَعَنِ ابْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِنَّ أَعْتَى النَّاسِ عَلَى اللهِ ثَلَاثَةٌ: مَنْ قَتَلَ فِي حَرَمِ اللهِ، أَوْ قَتَلَ غَيْرَ قَاتِلِهِ، أَوْ قَتَلَ لِذَحْلِ الْجَاهِلِيَّةِ". أَخْرَجَهُ ابْنُ حِبَّانَ فِي حَدِيثٍ صَحَّحَهُ، وَأَصْلُهُ فِي الْبُخَارِيِّ مِنْ حَدِيثِ ابْنِ عَبَّاسٍ.

22. Daripada Ibn Umar (r.a) daripada Nabi (s.a.w) bahawa baginda bersabda: "Manusia yang paling membangkang kepada Allah ada tiga kumpulan; pertama, orang yang melakukan pembunuhan di tanah haram; kedua, seseorang yang membunuh orang yang tidak membunuh mangsa; ketiga, orang yang membunuh kerana balas dendam ketika masa jahiliah." (Diriwayatkan oleh Ibn Hibban dalam hadis yang dinilai sahih dan asalnya ada di dalam Sahih al-Bukhari daripada Ibn 'Abbas: 1209).

**Makna Hadis**

Pada permulaan hadis ini dalam riwayat Ibn Hibban dijelaskan bahawa kaum Khuza'ah, sekutu Rasulullah (s.a.w) mengadakan perjanjian dengan bani Bakr, sekutu Quraisy, namun bani Bakr tidak mematuhi isi perjanjian itu, bahkan mereka menyerang kaum Khuza'ah. Mereka terpaksa meminta bantuan Rasullah (s.a.w). Pada akhir bulan Ramadhan, Rasulullah (s.a.w) mengirim bantuan yang ketika itu juga merupakan pembebasan kota Mekah. Baginda memasuki kota Mekah sambil memberi arahan: "Gencatan senjata hendaklah diterapkan, kecuali bani Khuza'ah ke atas bani Bakr." Akhirnya datanglah seorang lelaki dan berkata: "Wahai Rasulullah, ada seorang lelaki mati dibunuh di al-Muzdalifah." Sejurus itu, Rasululah (s.a.w) bersabda: "Manusia yang paling membangkang kepada Allah ada tiga kumpulan; pertama, orang yang melakukan pembunuhan di tanah haram; kedua, seseorang yang membunuh orang yang tidak membunuh mangsa; ketiga, orang yang membunuh kerana balas dendam ketika masa jahiliah."

Di sini Rasulullah (s.a.w) melarang berperang di tanah haram, melarang seseorang membunuh orang lain yang bukan pelaku pembunuhan dan melarang seseorang dibunuh kerana balas dendam pada masa jahiliah.

**Analisis Lafaz**

"أعتى", huruf *hamzah* dibaca *fathah* dan huruf *'ain* dibaca *sukun* kemudian didikuti huruf *alif.* Ia merupakan bentuk superlatif dari perkataan "العتو" yang bermaksud sombong atau membangkang. Dengan erti kata lain, mereka itu adalah orang yang paling dahsyat seksanya.

"حرم الله", perkataan ini bersifat umum yang mencakupi seluruh tanah haram sama ada Madinah ataupun Makah, kerana apa yang mesti diambil kira adalah keumuman lafaz bukannya sebab yang khusus seperti mana telah dijelaskan dalam *asbab al-wurud* hadis ini.

"لذحل", huruf *dzal* dibaca *fathah* dan huruf ha' dibaca *sukun,* yakni balas dendam dan ada pula yang mengatakan permusuhan.

**Fiqh Hadis**

1. Pembunuhan yang dilakuakan di tanah haram lebih berat hukumannya berbanding di tempat yang lain. Imam al-Syafi'i berkata: "Barangsiapa membunuh di bulan haram atau di tanah haram atau sedang berihram, maka orang itu wajib membayar diyat *mughalladzah* yang dibahagikan kepada lima katagori seperti mana yang telah dihuraikan sebelum ini.
2. Membunuh orang yang bukan pelaku pembunuhan termasuk dosa besar.
3. Pembunuhan yang dilakukan kerana balas dendam atau karena permusuhan pada masa jahiliah termasuk dosa besar.

٢٣- وَعَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "أَلَا إِنَّ دِيَةَ الْخَطَأِ وَشِبْهِ الْعَمْدِ -مَا كَانَ بِالسَّوْطِ وَالْعَصَا- مَائَةٌ مِنَ الْإِبِلِ، مِنْهَا أَرْبَعُونَ فِي بُطُونِهَا أَوْلَادُهَا". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ وَابْنُ مَاجَه وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

23. Daripada Abdulah bin 'Amr bin al-'Ash (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Ingatlah bahawa diyat pembunuhan silap dan pembunuhan mirip sengaja yang menggunakan cemeti dan tongkat adalah seratus unta, di mana empat puluh daripadanya mengandung anak dalam perutnya." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud, al-Nasa'i dan Ibn Majah dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban: 1210).

٢٤- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "هَذِهِ وَهَذِهِ سَوَاءٌ -يَعْنِي: الْخُنْصَرَ وَالْإِبْهَامَ". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ. وَلِأَبِي دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيِّ: "دِيَةُ الْأَصَابِعِ سَوَاءٌ، وَالْأَسْنَانُ سَوَاءٌ: الثَّنِيَّةُ وَالضِّرْسُ سَوَاءٌ". وَلِابْنِ حِبَّانَ: "دِيَةُ أَصَابِعِ الْيَدَيْنِ وَالرِّجْلَيْنِ سَوَاءٌ، عَشَرَةٌ مِنَ الْإِبِلِ لِكُلِّ إِصْبَعٍ".

24. Daripada Abdullah bin 'Abbas (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Ini dan ini sama, yakni kelingking dan ibu jari." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari. Sedangkan riwayat Abu Dawud dan al-Tirmizi berbunyi: "Diyat seluruh jari itu sama, seluruh gigi itu sama, sama ada geraham ataupun gusi." Sedangkankan lafaz Ibn Hibban pula berbunyi: "Diyat jari kedua tangan dan kedua kaki itu sama; iaitu sepuluh ekor unta untuk setiap satu jari: 1211."

٢٥- وَعَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ رَفَعَهُ قَالَ: "مَنْ تَطَبَّبَ -وَلَمْ يَكُنْ بِالطِّبِّ مَعْرُوفًا- فَأَصَابَ نَفْسًا فَمَا دُونَهَا، فَهُوَ ضَامِنٌ". أَخْرَجَهُ الدَّارَقُطْنِيُّ وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ، وَهُوَ عِنْدَ أَبِي دَاوُدَ وَالنَّسَائِيِّ وَغَيْرِهِمَا إِلَّا أَنَّ مَنْ أَرْسَلَهُ أَقْوَى مِمَّنْ وَصَلَهُ.

25. Diriwayatkan daripada 'Amr bin Syu'aib daripada ayahnya daripad datuknya dalam hadis *marfu'* bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barangsiapa yang memaksakan diri melakukan praktik kesihatan sedangkan dia tidak mempunyai kepakaran dalam ilmu perubatan lalu akibat perbuatannya itu merugikan nyawa atau anggota tubuh pesakit, maka orang itu wajib bertanggungjawab di atas perbuatannya." (Diriwayatkan oleh al-Daruquthni dan dinilai sahih oleh al-Hakim. Hadis ini turut diriwayatkan oleh Abu Dawud, al-Nasa'i dan lain-lain, namun ulama yang menilai hadis ini *mursal* lebih kuat berbanding yang menilai hadis *mawsul*: 1212).

**Makna Hadis**

Setiap ilmu pasti mempunyai asas-asas yang dengannya ilmu tersebut menjadi mantap. Seorang ilmuwan tidak boleh bersikap cincai, apatah lagi seorang doktor itu jahil kerana tidak memiliki pengetahuan dan pengalaman ketika ingin melakukan praktik, padahal dia tidak boleh, kerana dengan kejahilannya itu dia berpotensi membinasakan nyawa orang lain dan merosak fizikal. Jika itu terjadi, dia wajib bertanggung jawab di atas tindakannya itu. Namun doktor jahil atau lalai ini tidak dijatuhi hukuman qisas, kerana dia melakukan tindakannya itu atas izin pesakit.

**Analisis Lafaz**

"تَطَبَّبَ", memaksakan diri menjadi doktor, padahal tidak memiliki pengalaman dan pengetahuan tentang ilmu kesihatan.

"مَعْرُوفًا", dengan cara mengubati orang ramai atau memperoleh sijil yang menerangkan dirinya pernah belajar ilmu perubatan kepada doktor pakar.

"فَأَصَابَ نَفْسًا", misalnya menghilangkan nyawa orang lain.

"فَمَا دُونَهَا", atau melakukan suatu perbuatan yang lebih rendah daripada pembunuhan.

"فَهُوَ ضَامِنٌ", wajib membayar diyat terhadap sesuatu yang telah dia rosakkan itu.

“مَنْ أَرْسَلَهُ أَقْوَى مِمَّنْ وَصَلَهُ”, ulama yang menilai hadis ini *mursal* lebih kuat berbanding ulama yang menilainya *mawsul*. Al-Daruquthni berkata: “Tidak ada orang yang meriwaytkan hadis ini daripada Ibn Juraij selain al-Walid bin Muslim, sedangkan yang lain meriwayatkannya secara *mursal*.” Abu Daud pula bersetuju dengan kenyataan ini dengan berkata: “Hadis ini hanya diriwayatkan oleh al-Walid yang kami sendiri tidak tahu sama ada sahih ataupun sebaliknya.” Abu Dawud kemudian meriwayatkan hadis yang serupa sebagai *syahid*, tetapi sanad hadis tersebut terdiri daripada periwayat *majhul* yang tidak disebut namanya.

**Fiqh Hadis**

Seseorang yang melakukan praktik kesihatan dan perubatan, padahal dia tidak memiliki pengetahuan dan pengalaman mengenainya, maka dia wajib bertanggungjawab ke atas segala sesuatu yang dilakukannya jika berlaku perkara yang tidak diinginkan, tetapi tidak ada kewajipan qisas. Inilah pendapat ulama kebanyakan dan dendanya pula dibayar oleh kelaurganya.

**Penting**

Bahaya terhadap pesakit yang dilakukan doktor jika itu terjadi secara tidak langsung, maka doktor berkenaan tidak dikenakan sebarang tuntutan atau tanggungjawab berdasarkan kesepakatan ulama. Ini kerana bahaya tersebut sememangnya dibenarkan oleh syarak dan pembedahan itu juga diizinkan oleh pesaki. Demikian pula setiap bahaya yang terjadi secara tidak langsung selagi itu dibenarkan di sisi syarak seperti bahaya yang terjadi dalam hudud dan qisas. Inilah pendapat jumhur ulama, berbeza dengan Abu Hanifah, di mana beliau mewajibkan denda dalam kes seperti ini. Sedangkan Imam al-Syafi’i pula membezakan antara perbuatan yang telah diberi batasan oleh syari’at Islam seperti hudud dengan perbuatan yang tidak diberikan batasan oleh syari’at Islam seperti *ta’zir*. Menurutnya, tidak ada denda dalam perbuatan yang telah diberi batasan oleh syariat sedangkan dalam perbuatan yang tidak diberi batasan oleh syariat wajib denda, kerana kes ini merujuk kepada ijtihad dan kemungkinan besar menimbulkan bibit permusuhan. Imam al-Syaf’i berkata: “Jika bahaya itu dilakukan secara langsung, maka itu wajib membayar denda ke atas pelakunya jika itu dilakukan secara sengaja dan jika itu dilakukan kerana silap maka pembayaran denda dibebankan kepada keluarganya.”

٢٦- وَعَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "فِي الْمَوَاضِحِ خَمْسٌ، خَمْسٌ مِنَ الْإِبِلِ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ، وَزَادَ أَحْمَدُ: "وَالْأَصَابِعُ سَوَاءٌ، كُلُّهُنَّ عَشْرٌ، عَشْرٌ مِنَ الْإِبِلِ". وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ وَابْنُ الْجَارُودِ.

26. Daripada Amr bin Syu'aib bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Pada luka yang menyebabkan kelihatan tulang wajib dibayar dengan lima ekor unta." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Arba'ah dan Imam Ahmad menambahkan: "Seluruh jari itu sama; semuanya wajib dibayar dengan sepuluh ekor unta." Ia dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah dan Ibn al-Jarud: 1213).

٢٧- وَعَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "عَقْلُ أَهْلِ الذِّمَّةِ نِصْفُ عَقْلِ الْمُسْلِمِينَ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ.

وَلَفْظُ أَبِي دَاوُدَ: "دِيَةُ الْمُعَاهِدِ نِصْفُ دِيَةِ الْحُرِّ".

وَلِلنِّسَائِيِّ: "عَقْلُ الْمَرْأَةِ مِثْلُ عَقْلِ الرَّجُلِ، حَتَّى يَبْلُغَ الثُّلُثَ مِنْ دِيَتِهَا". وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ.

27. Daripada Amr bin Syu'aib, beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Diyat ahli zimmah adalah separuh diyat kaum muslimin." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Arba'ah).

Sedangkan menurut lafaz Abu Dawud berbunyi: "Diyat mu'ahid (orang kafir yang mematerai perjanjian damai dengan orang Islam) ialah separuh diyat orang merdeka."

Sedangkan menurut riwayat al-Nasa'i berbunyi: "Diyat perempuan sama dengan diyat lelaki hingga mencapai sepertiga daripada diyat perempuan itu." (Dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah: 1214).

**Makna Hadis**

Diyat kafir mu'ahid dan kafir zimmi separuh diyat orang muslim merdeka, kerana orang muslim lebih mulia berbanding orang yang selainnya lantaran dia beragama Islam.

Menaksir pembayaram luka bagi seorang perempuan sama seperti menaksir pembayaran luka bagi lelaki sehingga taksiran itu mencapai satu pertiga. Jika itu taksiran itu luka melebihi satu pertiga diyat perempuan, maka taksiran lukanya berbeza dengan lelaki dan di sini tidak lagi berlaku prinsip persamaan dalam kes taksiran pembayaran luka tersebut.

**Analisis Lafaz**

"عقل", yakni diyat. Diberi nama *'aql* kerana mereka biasanya mengikat unta di sebelah rumah mangsa.

"الحر", muslim yang merdeka.
"حتى يبلغ", yakni diyatnya.

**Fiqh Hadis**

1. Diyat kafir zimmi dan kafir mu'ahid seperuh diyat orang muslim. Inilah pendapat Umar bin Abdul Aziz, Urwah, Ibn Syabrumah, Malik dan Imam Ahmad, namun Imam Ahmad menetapkan itu berlaku dalam kes pembunuhan kerana silap. Jika pembunuhan itu disengaja, menurutnya tidak ada hukuman qisas, sebaliknya bayaran diyat mesti digandakan. Menurut Sufyan al-Tsauri dan ulama mazhab Hanafi, diyatnya sama dengan diyat orang muslim. Ini juga pendapat al-Sya'bi dan al-Nakha'i. Demikian pula pendapat Umar dan Ibn Mas'ud. Dalil mereka adalah firman Allah (s.w.t):

..... وَإِن كَانَ مِن قَوْمٍۭ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُم مِّيثَٰقٌ فَدِيَةٌ مُّسَلَّمَةٌ إِلَىٰٓ أَهْلِهِۦ وَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُّؤْمِنَةٍ ۖ ..... ﴿٩٢﴾

"*Dan jika ia (orang yang terbunuh dengan tidak sengaja itu) dari kaum (kafir) yang ada ikatan perjanjian setia di antara kamu dengan mereka, maka wajiblah membayar 'diyat' (denda ganti nyawa) kepada keluarganya serta memerdekakan seorang hamba yang beriman.*" (Surah al-Nisa': 92) Bagi mereka, al-Qur'an tidak ada membuat perincian lain yang lebih jelas dan oleh kerananya, zahir ayat ini menunjukan pembayaran itu sama, baik muslim mahupun selainnya.

Dalil mereka yang lain adalah hadis yang diriwaytkan oleh al-Baihaqi dan selainnya daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata:

كَانَتْ دِيَةُ الْيَهُوْدِيِّ وَالنَّصْرَانِيِّ فِي زَمَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِثْلَ دِيَةِ الْمُسْلِمِيْنَ.

"Diyat Yahudi dan Nasrani pada zaman Nabi (s.a.w) sama dengan diyat orang muslim." Hadis ini *mursal* dan dha'if. Imam Shan'ani mengatkan, para ulama ini berdalil dengan perkataan para sahabat yang semuanay itu dho'if sanadnya. Menurut al-Shan'ani, kumpulan ini banyak mengemukakan atsar-atsar yang kesemua sanadnya dha'if.

Menurut Imam al-Syafi'i dan Ishaq, diyat kafir mu'ahid dan kafir zimmi sepertiga diyat orang muslim. Kedua-dua ulama ini berdalil dengan hadis yang diriwayatkan oleh 'Amr bin Hazam bahawa:

وَدِيَةُ النَّفْسِ الْمُؤْمِنَةِ مِائَةٌ.

"Diyat jiwa seorang mukmin adalah seratus ekor unta". Dari sini dapat difahami diyat jiwa selain orang mukmin bererti tidak sama seperti itu.

Dalil mereka yang lain adalah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Syafi'i dari 'Umar (r.a) bahawa beliau menetapkan keputusan diyat bagi Yahudi dan Nasrani sebanyak empat ribu sedangkan diyat Majusi sebanyak lapan ratus." Namun sanad atsar ini *munqathi'* mengikut pendapat yang kuat, kerana Ibn al-Musayyab tidak mendengar atsar ini secara terus daripada Umar dan atsar yang serupa turut diriwayatkan daripada Utsman.

2. Taksiran denda luka bagi perempuan sama dengan taksiran luka bagi lelaki sehinggalah nilainya mencapai satu pertiga. Jika melebihi satu pertiga, maka taksiran denda luka tidak lagi disamakan. Ulama berbeza pendapat menentukan taksiran denda luka bagi perempuan jika sudah melebihi nilai satu pertiga itu.

   Menurut sekumpulan ulama, denda perempuan setelah itu separuh diyat lelaki. Dalil mereka adalah ulama telah bersepakat bahawa diyat perempuan separuh diyat lelaki dan oleh kerananya, kes ini diqiyaskan dengan ketentuan tersebut. Inilah pandangan jumhur ulama fiqh.

   Menurut kumpulan yang lain, diyat luka perempuan adalah separuh diyat lelaki dan diyat lelaki itu bersifat mutlak. Mereka ini terdiri daripada ulama mazhab Hanafi dan mazhab Syafi'i. Mereak menilai hadis yang menjelaskan tentang masalah ini sebagai dha'if, kerana berasal daripada riwayat Isma'il bin 'Ayyasy daripada periwayat selain orang Syam sedangkan riwayat Isma'il bin 'Ayyasy daripada selain orang Syam pasti dha'if.

   Bagi pensyarah kitab ini, inilah pendapat yang benar. Kelemahan pendapat jumhur dapat dilihat sekiranya empat jari seorang perempuan dipotong, maka diyatnya menurut pendapat jumhur selain mazhab Hanafi dan Syafi'i adalah dua puluh ekor unta, kerana pada asal diyat lelaki adalah empat puluh ekor unta dan ketika nilai sampai satu pertiga, maka jumlah empat puluh ekor unta tersebut dibahagi menjadi separuh. Dengan itu, diyat kembali menjadi dua puluh ekor unta. Jika hanya dua sahaj dipotong, maka diyatnya juga tetap dua puluh ekor unta. Jika yang dipotong itu tiga jari, kami tidak tahu apa yang bakal dilakukan jumhur ulama sama ada menetapkan diyat tiga puluh ekor unta atau lima belas ekor unta. Ini berdasarkan perbezaan pemahaman terhadap perkataan "يبلغ" di dalam hadis tersebut di atas.

٢٨- وَعَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "عَقْلُ شِبْهِ الْعَمْدِ مُغَلَّظٌ مِثْلُ عَقْلِ الْعَمْدِ، وَلَا يَقْتَلُ صَاحِبُهُ، وَذَلِكَ أَنْ يَنْزُوَ الشَّيْطَانُ، فَتَكُونُ دِمَاءٌ بَيْنَ النَّاسِ فِي غَيْرِ ضَغِينَةٍ وَلَا حَمْلِ سِلَاحٍ". أَخْرَجَهُ الدَّارَقُطْنِيُّ وَضَعَّفَهُ.

28. Daripadanya ('Amr bin Syu'aib (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Diyat pembunuhan mirip sengaja diberatkan, iaitu sama dengan diyat pembunuhan yang dilakukan secara sengaja, namun pelaku pembunuhan tidak boleh dibunuh, kerana dikhuatiri permasalahan ini disesat syaitan hingga akhirnya malah terjadi pertumpahan darah di kalangan masyarakat luas meskipun mereka tidak terlibat dalam permusuhan dan tidak terlibat dalam mengangkat senjata." (Diriwayatkan oleh al-Daruquthni dan menilainya dha'if: 1215).

**Makna Hadis**

Menetapakan adanya pembunuhan merip sengaja, berbeza dengan sebahagian ulama yang mengikari kewujudannya jika hadisnya sahih, namun ada dalil yang lain yang menetapkan kewujudannya itu. Pelaku pembunuhan mirip sengaja tidak dibunuh tetapi diyatnya sama dengan diyat pembunuhan sengaja yakni diyat yang diberatkan.

Rasulullah (s.a.w) mengemukakan alasan yang demikian itu kerana tidak ada unsur kesungguhan dari orang yang melakukannya dan tidak memukulnya dengan objek yang biasanya mengakibatkan orang lain mati. Ini kerana semua itu merupakan godaan syaitan.

**Analisis Lafaz**

"ينزو", yakni, syaitan tampil di hadapan dirinya dan membujuknya supaya melakukan pembunuhan.

"ضغينة ", kebencian.

"وضعفه", namun sekumpulan ulama ada yang menilai hadis ini hasan antara lain al-Baihaqi, sedangkan Abu Dawud tidak ada memberi sebarang komentar.

**Fiqh Hadis**

1. Menetapkan adanya pembunuhan mirip sengaja. Inilah pendapat jumhur ulama.
2. Diyat pembunuhan sengaja dan pembunuhan mirip sengaja adalah sama, di mana diyatnya *mughalladzah* (diberatkan).

3. Tidak ada qisas dalam pembunuhan mirip sengaja.
4. Pembunuhan mirip sengaja terjadi ketika tidak unsur kesengajaan dan niat membunuh oleh pelaku di samping ia dilakukan dengan tidak menggunakan senjata tajam.

٢٩- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَتَلَ رَجُلٌ رَجُلًا عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَجَعَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دِيَتَهُ اِثْنَيْ عَشَرَ أَلْفًا. رَوَاهُ الْأَرْبَعَةُ، وَرَجَّحَ النَّسَائِيُّ وَأَبُو حَاتِمٍ إِرْسَالَهُ.

29. Daripada Ibn 'Abbas (r.a), beliau berkata: "Seorang lelaki membunuh seorang lelaki yang lain pada zaman Rasulullah (s.a.w) lalu baginfa menetapkan diyatnya dua belas ribu." (Diriwayatkan oleh al-Arba'ah, namun al-Nasa'i dan Abu Hatim menyokong hadis ini *mursal*: 1216)

**Makna Hadis**

Setelah menyebutkan diyat seorang muslim berupa unta dan emas, Ibn Hajar di sini mengemukakan hadis ini yang menjelaskan bayaran diyat dengan perak sejumlah sepuluh ribu dirham.

Al-Nasa'i dan Abu Hatim mengunggulkan hadis ini *mursal*. Abu Dawud, al-Tirmizi dan selainnya turut mengisyaratkan *mursal*. Hadis serupa turut diriwayatkan daripada Ali, Aisyah, Abu Hurairah dan Umar bin al-Khattab yang semua itu telah dikeluarkan oleh Baihaqi.

**Fiqh Hadis**

Jika pembayaran diyat menggunakan perak, maka jumlahnya adalah dua belas ribu dirham. Inilah pendapat al-Hasan, 'Urwah, Malik, Imam Ahmad dan Ishaq dan sekumpulan ulama yang lain. Manakala al-Tsauri, Ibn Syabrumah dan Abu Hanifah pula mengatakan sepuluh ribu dirham. Pendapat ini dirwayatkan daripada 'Ali bin Abu Thalib.

٣٠- وَعَنْ أَبِي رِمْثَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: أَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمَعِي اِبْنِي. فَقَالَ: "مَنْ هَذَا؟" قُلْتُ: اِبْنِي، أَشْهَدُ بِهِ. قَالَ: "أَمَّا إِنَّهُ لَا يَجْنِي عَلَيْكَ، وَلَا تَجْنِي عَلَيْهِ". رَوَاهُ النَّسَائِيُّ وَأَبُو دَاوُدَ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ وَابْنُ الْجَارُودِ.

30. Daripada Abu Ramtsah (r.a), beliau bersabda: "Saya pernah mendatangi Rasulullah (s.a.w) bersama anak saya." Baginda bertanya: "Siapa orang ini?" Saya menjawab: "Anak saya dan saya bersaksi tentangnya." Baginda bersabda: "Ingat kamu tidak boleh menangung jenayah ke atasnya, sebaliknya dia pula tidak boleh menanggung jenayah ke atas dirimu." (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i dan Abu Daud serta dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah dan Ibn al-Jarud: 1217).

**Makna Hadis**

Allah (s.w.t) berfirman:

..... كُلُّ ٱمۡرِيِٕۭ بِمَا كَسَبَ رَهِينٌ ﴿٢١﴾

"*... tiap-tiap seorang manusia terikat dengan amal yang dikerjakannya.*" (Surah al-Tur: 21). Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزۡرَ أُخۡرَىٰۚ ..... ﴿١٦٤﴾

"*... dan seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja)...*" (Surah al-An'am: 164). Hadis ini menguatkan semua itu, meskipun orang lain itu anak atau bapa sendiri tanpa kecuali. Ada yang mengatakan anak itu hasil usaha bapa, tetapi itu bermaksud bapa menjadi sebab kewujudan seorang anak, namun tidak dalam masalah dosa dan perbuatan jenayah.

Jadi pelakuk jenayah yang dituntut bertanggungjawab di atas perbuatannya dan bukannya orang lain.

**Analisis Lafaz**

"واشهد", saya mengaku dia anak saya, sedangkan menurut riwayat Abu Dawud: "Rasululllah (s.a.w) bersabda: "Adakah ini anak anda?" Dia menjawab: Ya benar." Ini kerana anak amat mirip dengan ayahnya seperti mana yang ada dalam riwayat Abu Dawud dan selainnya.

"لَا يَجْنِي عَلَيْكَ", jenayah bermaksud dosa yang dilakukan oleh seorang manusia. Dengan erti kata lain, tidaklah seseorang itu melakukan dosa kemudain dosa itu menjadi tanggung jawab kamu. Manakala penulis kitab *al-Mirqah* mentafsirkan kalimat ini sama dengan ayat sesudahnya, yakni kamu tidak diseksa lantaran dosa orang lain.

**Fiqh Hadis**

1. Seseorang tidak boleh dituntut lantaran perbuatan jenayah orang lain, meskipun itu anak atau ayahnya.
2. Ayah dan anak tidak dikategorikan ke dalam *'aqilah* (keluarga yang bertanggungjawab membayar diyat.

**Periwayat Hadis**

Abu Rimtsah, ulama berbeza pendapat tentang siapa nama yang sebenar. Beliau pernah datang menghadap Rasulullah (s.a.w) dan termasuk ulama Kufah.

**Soalan**

1. Apa takrif diyat dan bagaimana pula barisnya mengikut tulisan Arab?
2. Sebutkan teks hadis Amr bin Hazm tentang diyat dan jelaskan?
3. Sebutkan ulama yang menilai sahih hadis 'Amr bin Hazm tentang diyat!
4. Sebutkan diyat *mughalladzah* (yang diberatkan) mengikut ulama fiqh?
5. Sebutkan diyat *mukhaffafah* (yang diringankan) mengikut ulama fiqh?
6. Sebutkan bentuk-bentuk diyat dan kepada siapa diyat itu diwajibkan?
7. Apakah *asbab al-wurud* hadis: "إن أعتى الناس على الله ثلاثة.." dan tulis teks hadis ini secara sempurna?
8. Sebutkan hadis yang melarang untuk melakukan praktik perubatan kepada orang yang tidak memiliki pengalaman dan pengetahuan tentangnya, kemudian jelaskan makna lafaz-lafaznya yang dianggap asing!
9. Bagaimanakah hukum seorang doktor pakar jika membahayakan pesakit yang dirawatnya?
10. Berapakah diya kafir zimmi, apa pula dalillnya dan huraikan pendapat ulama fiqh dalam masalah ini?
11. Berapakah diyat luka perempuan dan sebutkan dalilnya?
12. Sebutkan teks hadis yang secara jelas menerangkan diyat pembunuhan mirip sengaja?
13. Bagaimanakah cara mengenal pasti pembunuhan mirip sengaja?
14. Berapakah diyat orang muslim merdeka apabila membayarnya dengan perak?
15. Bagaimankah cara memahami sabda Rasulullah (s.a.w) Kepada Abu Rimtsah: "لَا يَجْنِي عَلَيْكَ وَلَا تَجْنِي عَلَيْهِ"?

# BAB KEDUA
# MENDAKWA PEMBUNUHAN DAN *QASAMAH* (SUMPAH)

*Al-Qasamah* dibaca *fathah* huruf *qaf* dan huruf *sin* tidak ber-tasydid. Ia berasal dari perkataan "أقسم قسما وقسامة" yakni sumpah yang diungkapkan kepada keluarga mangsa jika mereka menuduh melakukan pembunuhan atau sebaliknya. Sumpah dalam masalah ini disebut *qasamah.* Imam al-Haramain berkata: "*Qasamah* menurut pakar bahasa adalah satu istilah yang digunakan untuk menyebut suatu masyarakat yang bersumpah, sedangkan menurut ulama fiqh pula adalh istilah yang menunjukkan sumpah.

Dalam kitab *al-Dhiya'* disebutkan *qasamah* adalah sumpah yang diungkapkan kepada lima puluh lelaki sebuah adedg yang di dalamnya terdapat mangsa bunuh tanpa diketahui siapa sebenarnya pelakunya dan keluarga mangsa pula tidak dapat memastikan tuduhan kepada satu orang di antara mereka.

٣١- عَنْ سَهْلِ بْنِ أَبِي حَثْمَةَ عَنْ رِجَالٍ مِنْ كُبَرَاءِ قَوْمِهِ أَنَّ عَبْدَ اللهِ بْنَ سَهْلٍ ومُحَيِّصَةَ بْنَ مَسْعُودٍ خَرَجَا إِلَى خَيْبَرَ مِنْ جَهْدٍ أَصَابَهُمْ، فَأُتِيَ مُحَيِّصَةُ فَأُخْبِرَ أَنَّ عَبْدَ اللهِ بْنِ سَهْلٍ قَدْ قُتِلَ، وَطُرِحَ فِي عَيْنٍ، فَأَتَى يَهُودَ، فَقَالَ: أَنْتُمْ وَاللهِ قَتَلْتُمُوهُ. قَالُوا: وَاللهِ مَا قَتَلْنَاهُ، فَأَقْبَلَ هُوَ وَأَخُوهُ حُوَيِّصَةُ وَعَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ سَهْلٍ، فَذَهَبَ مُحَيِّصَةُ لِيَتَكَلَّمَ، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "كَبِّرْ كَبِّرْ" يُرِيدُ: السِّنَّ، فَتَكَلَّمَ حُوَيِّصَةُ، ثُمَّ تَكَلَّمَ مُحَيِّصَةُ، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِمَّا أَنْ يَدُوا صَاحِبَكُمْ، وَإِمَّا أَنْ يَأْذَنُوا بِحَرْبٍ". فَكَتَبَ إِلَيْهِمْ فِي ذَلِكَ كِتَابًا. فَكَتَبُوا: إِنَّا وَاللهِ مَا قَتَلْنَاهُ، فَقَالَ لِحُوَيِّصَةَ وَمُحَيِّصَةُ وَعَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنَ سَهْلٍ: "أَتَحْلِفُونَ وَتَسْتَحِقُّونَ دَمَ

صَاحِبَكُمْ؟" قَالُوا: لَا. قَالَ: "فَتَحْلِفُ لَكُمْ يَهُودُ؟" قَالُوا: لَيْسُوا مُسْلِمِينَ فَوَدَاهُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ عِنْدِهِ، فَبَعَثَ إِلَيْهِمْ مَائَةَ نَاقَةٍ. قَالَ سَهْلٌ: فَلَقَدْ رَكَضَتْنِي مِنْهَا نَاقَةٌ حَمْرَاءُ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

31. Daripada Sahl bin Abu Hatsmah daripada sekumpulan pemuka kaumnya bahawa Abdullah bin Sahl dan Muhayyishah bin Mas'ud keluar menuju Khaibar kerana terjadi kekurangan bekalan makanan yang menimpa mereka. Tidak lama kemudian, ada berita bahawa Abdullah bin Sahl mati dibunuh dan jenazahnya dihumban di suatu tempat. Muhayyishah segera mendantangi orang Yahudi dan berkata: "Kalian telah membunuhnya!" Orang Yahudi menjawab: "Sumpah, bukan kami yang membunuhnya." Muhayyishah pun pulang. Sesampainya di kampong halaman, beliau mnceritakan peristiwa itu. Beliau bersama abangnya bernama Huwayyishah dan ditemani Abdurrahman bin Sahl menghadap Rasulullah (s.a.w). Muhayyishah segera bangkit untuk berbicara. Melihat itu, baginda bersabda: "Dahulukan orang yang lebih tua, dahulukan orang yang lebih tua." Maksud baginda adalah orang yang lebih tua usianya. Huwayyishah pun berbacakap dan kemudian disusuli Muhayyishah. Rasulullah (s.a.w) bersabada: "Kini kamu mempunyai dua pilihan; menuntut bayaran diyat atau mereka diperangi." Rasulullah (s.a.w) kemudian mengirim sepucuk surat kepada orang Yahudi dan merekan pun segera menjawab surat tersebut yang isinya: "Sumpah, kami tidak melakukan pembunuhan itu." Rasulullah (s.a.w) berkata kepada Huwayyishah, Muhayyishah dan Abdurrahman bin Sahl: "Apakah kamu berani bersumpah dan kamu berhak ke atas diyat saudara kamu?" Mereka menjawab: "Tidak." Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Mahukah kamu jika orang Yahudi itu yang bersumpah?" Mereka menjawab: "Mereka (orang Yahudi) bukan orang Muslim." Maka Rasulullah (s.a.w) menebus diyatnya dengan seratus ekor unta. Sahl menceritakan: "(Oleh kerana unta itu terlampau banyak), unta merah itu sampai menginjak saya." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim: 1218)

**Makna Hadis**

Jika ada seseorang mati dibunuh yang didapati di tengah-tengah suatu masyarakat lalu mereka didakwa melakukan pembunuhan itu, maka mereka tidak wajib membayar diyat sehinggalah keluaraga mangsa bersumpah sebanyak lima puluh kali sambil mendakwa salah seorang di antara telah melakukan pembunuhan itu. Jika tidak, masyarkat itu wajib bersumpah sebanyak lima puluh kali bahawa mereka tidak melakukan pembunuhan tersebut dan dengan itu merek atidak ada kewajipan membayar diyat.

Dalam kisah ini, ketika pendakwa menolak bersumpah dan tidak menerima sumpah pihak yang didakawa atas pertimbangan mereka bukan orang muslim., maka Rasulullah (s.a.w) membayarkan diyat pembunuhan itu dari baitul mal.

**Analisis Lafaz**

"...وَرِجَالٌ مِنْ كُبَرَاءِ قَوْمِهِ أَنَّ عَبْدَ اللهِ", ini menunjukan dalam sanad hadis ini ada seseorang yang tidak disebut namanya, sedangkan di dalam riwayat al-Bukhari kadang kala disebut: "Sekumpulan pembesar kaumnya pergi menuju Khaibar." Al-Bukhari menyebut nama tersebut dalam riwayat bab jizyah: "Daripada Sahl bahawa Abdullah bin Sahal dan Muhayyishah".

Dalam kitab *Adab al-Mufrad* pula disebutkan: "Daripada Sahl dan Rafi' bin Khudaij, mereka berdua menceritakan bahawa Abdullah bin Sahl dan Muhayyishah…". Ini pula yang disebut oleh Imam Muslim.

"مُحَيِّصَةُ ",huruf *mim* dibaca dhammah, *fathah* huruf *ha'* dan *kasrah* huruf *ya'* di samping ber-*tasdid* dan *fathah* huruf *shad*.

"جَهْدٍ", dibaca *dhammah* huruf *jim* atau *fathah*.

"طُرِحَ ", melemparkan

"أَتَى", datang Muhayyishah.

"يَهُود", kata benda yang menunjukan kumpulan tertentu, yakni Yahudi Khaibar.

"حُوَيِّصَةَ", sama dengan bacaan Muhayyishah.

"ذَهَبَ", menginginkan.

" كَبِّرْ ", hendaklah orang yang paling tua yang berbicara.

" يَدُوا", meyerahakan diyat.

"وَتَسْتَحِقُّونَ دَمَ صَاحِبِكُمْ ", yakni kamu berhak ke atas diyat darah saudara kamu atau boleh pula memilih qisas.

"فَوَدَاهُ ", menyerahkan diyatnya.

"مِنْ عِنْدِهِ ", daripada hartanya.

"فَرَكَضَتْنِي", menginjak diriku

**Fiqh Hadis**

1. Boleh menjadikan *qasamah* sebagai satu cara yang diguna pakai di mahkamah. Inilah pendapat jumhur ulama.
2. *Qasamah* tidak boleh diambil kira dengan sekadar adanya dakwaan pembunuhan ke atas pihak terdakwa tanpa adanya bukti lain yang menguatkannya. Inilah pendapat ulama yang menetapkan *qasamah* sebagai salah satu cara yang boleh diguna pakai di mahkamah, berbeza dengan al-Auza'I dan Dawud al-Zahiri.

Ada yang menjadikan lumuran darah sebagai bukti pembunuhan di mana ada satu orang saksi yang menyaksikan mangsa mengatakan bahawa orang yang memebunuh dirinya adalah si fulan atau ada dua orang saksi yang mengetahui adanya permusuhan di antara mangsa dan pihak yang

disangka atau ada ancaman dari pihak yang disangka.

Ada yang mengatakan kewujudan mangsa di kawasan masyarakat yang diyakini musunya sudah memadai untuk dijadikan bukti yang mereka pembunuhnya. Inilah pendapat Malik dan al-Syafi'i.

3. Pendakwa hendaklah memulakan *qasamah* terlebih dahulu dengan mengucapkan sumpah sebanyak lima puluh kali seperti mana yang dijelaskan dalam riwayat Imam Muslim dalam hadis berikut:

يُقْسِمُ خَمْسُوْنَ مِنْكُمْ عَلَى الرَّجُلِ مِنْهُمْ فَيُدْفَعَ بِرُمَّتِهِ.

"Salah seorang kamu hendaklah bersumpah sebanyak lima puluh kali untuk mendakwa seorang di antara mereka (yang didakwa melakukan pembunuhan), sehingga dengan demikian dia wajib membayar seluruh diyat." Dengan demikian, dakwan dapat diterima. Ulama yang berpendapat sumpah pendakwa hendaklah dimulakan terlebih dahulu adalah Malik, al-Syafi'I dan Imam Ahmad. Dalil mereka adalah hadis ini.

Mereka berbezda pendapat tentang pembahagian mengucapkan sumpah itu? Ada dua pendapat dalam masalah ini. Pertama, setiap orang wajib bersumpah yang kadarnya disesuaikan dengan kedudukannya dalam waris sedangkan kekuranganya hendaklah ditutupi. Kedua, setiap orang wajib bersumpah sebanyak lima puluh kali. Jika pendakwa enggan bersumpah, maka pengucapan sumpah dikembalikan kepada pihak terdakwa; dia wajib bersumpah lima puluh kali untuk menafikan pembunuhan tersebut ke atas dirinya. Jika pihak tertuduh itu terdiri daripada sekumpulan orang, maka pengucapan sumpah disesuaikan dengan jumlah mereka.

Abu Hanifah berpendapat sumpah tidak dimulakan dengan pihak pendakwa, sebaliknya pihak terdakwa yang terlebih dahulu memulakan sumpah. Menurut mereka, jika ada seseorang mati dibunuh di suatu tempat, pemimpin hendaklah memilih lima puluh lelaki yang dinilai di kawasan itu, kemudian disuruh bersumpah bahawa mereka tidak membunuhnya dan tidak mengetahui siapa pelakunya. Diyat hendaklah diambil dari orang yang membuat rencana pembunuhan jika itu telah dikenal pasti. Jika tidak diketahui orang yang merencanakannya, diyat hendaklah diambil dari penduduk adedg itu.

4. Wajib dilaksanakan qisas setelah dilakukan *qasamah* berdasarkan ulama yang mentafsirkan sabda Rasulullah (s.a.w): "Kamu berhak ke atas darah saudara kamu" sebagai qisas. Pendapat ini diriwayatkan daripada Ibn al-Zubair yang juga pendapat Malik dan masyarakat Madinah, Imam Ahmad dan Abu Tsaur. Ketetapan ini berlaku apabila dakwaan ditujukan kepada orang tertentu di samping sudah memenuhi syarat. Namun sekumpulan ulama berpendapat tidak wajib qisas dalam masalah ini, sebaliknya wajib membayar diyat *mughalladzah* yang diambil dari

harta terdakwa. Pendapat ini diriwayatkan daripada Ibn Abbas yang juga merupakan pendapat al-Tsauri, al-Syafii dalam qaul aded, Abu Hanifah dan Ishaq. Dalil mereka sabda Rsulullah (s.a.w): "Kamu berhak mengambil diyat saudara kamu."

5. Dibolehkan berpandu kepada surat dalam masalah informasi.

**Penting**

Al-Shan'ani berkata: "Hadis Rasulullah (s.a.w): "Maka Rasulullah (s.a.w) menebusnya dari harta miliknya sendiri" dan dalam riwayat yang lain berbunyi: "Rasulullah (s.a.w) menebusnya dengan unta hasil zakt sedekah." Ada yang mengatakan Rasulullah (s.a.w) menghutangi bayaran unta itu. Ini kerana ketika baginda membayarkan diyat tersebut dengan tujuan mendamaikan dua kumpulan yang bertikai, maka tindakan itu merupakan satu usaha untuk melangsaikan hutang bagi orang yang berhutang dengan tujuan mendamaikan dua pihak yang bertikai. Baginda tidak mengambil harta zakat untuk kepentigan peribadi, kerana ia bagi baginda tidak dihalalkan. Pendapat yang mengatakan Rasulullah membayarkan diyat tersebut dari zakat bahagian orang yang berhutang adalah tidak benar, kerana ahli zimmah meskipun dibelit hutang tidak dibenarkan menerima bahagian zakat."

Al-Shan'ani berkata: "Pendapat ini perlu dikaji semula, kerana orang Yahudi tidak ada kewajipan membayar diyat, kerana orang yang mendakwa mereka enggan menerima sumpah atas  dakwaan yang mereka ajukan. Jadi apa yang dikeluarkan oleh Rasulullah (s.a.w) hanyalah sukareala supaya darah mangsa tidak sia-sia begitu sahaja. Adapun riwayat al-Nasa'i yang menegaskan Rasulullah (s.a.w) memberiakn bahagian (zakat) kepada Yahudi dan membantu mereka, menurut Ibn al-Qayyim hadis ini tidak kuat."

٣٢- وَعَنْ رَجُلٍ مِنَ الْأَنْصَارِ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَقَرَّ الْقَسَامَةَ عَلَى مَا كَانَتْ عَلَيْهِ فِي الْجَاهِلِيَّةِ، وَقَضَى بِهَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ نَاسٍ مِنَ الْأَنْصَارِ فِي قَتِيلٍ ادَّعَوْهُ عَلَى الْيَهُودِ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

32. Daripada seorang lelaki Anshar bahawa Rasulullah (s.a.w) mengakui sumpah seperti mana yang berlaku pada masa jahiliah, malah baginda pernah menetapkan keputusan dengan menggunakan sumpah itu untuk memutuskan sengketa yang terjadi di kalangan Anshar berkaitan tuduhan pembunuhan kepada orang Yahudi." (Diriwaytkan oleh Muslim: 1219)

**Makna Hadis**

Dalam Sahih al-Bukhari ada seorang lelaki bani Hasyimi pada masa jahiliah yang ceritanya adalah Abu Thalib pernah berkata kepada pelaku pembunuhan: "Silakan kamu memilih salah satu daripada tiga pilihan kami berikut ini; kamu boleh menyerahkan seratus ekor unta, kerana kamu telah membunuh saudara kami secara tidak sengaja, atau ada lima puluh orang dari masyarakatmu yang bersumpah bahawa kamu tidak melakukan pembunuhan itu, atau jika menolak itu, maka kami akan membunuhmu…".

Hadis ini menetapkan adanya qasamah sebagai sanggahan ke atas orang yang menyangkalnya.

**Analisis Lafaz**

"أقر", diambil dari kata "الإقرار" iaitu menyetujui sesuatu dan tidak menggantikannya dengan yang lain.

"ناس من الأنصار", maksudnya orang yang disebutkan di dalam hadis ini.

**Fiqh Hadis**

*Qasamah* boleh diguna pakai dalam masalah jenayah. Ia sudah diamalkan sejak masa jahiliah yang kemudian dikekalkan oleh Islam. Inilah pendapat jumhur ulama. Ada pula yang tidak memberikan apa-apa sikap tentang *qasamah* ini; mereka tidak menolaknya dan tidak pula menerima sebagai salah satu kaedah dalam menyelesaikan masalah jenayah. Inilah pendapat al-Hakam bin 'Utbah, Abu Qilabah, Salim bin Abdullah, Sulaiman bin Yasar, Qatadah, Muslim bin Khalid dan Ismail bin 'Aliyyah dan al-Bukhari mengikut pengakuan 'Iyadh, namun Ibn Hajar membantah itu. Bagi mereka, *qasamah* bercanggah dengan kaedah yang telah ditetapkan Islam di mana bukti merupakan kewajipan pendakwa sedangkan sumpah kewajipan terdakwa, di samping sumpah tidak mendatangkan apa-apa kesan dalam kes pembunuhan, malah Islam melarang bersumpah melainkan ke atas sesuatu yang telah dikenal pasti atau disaksikan oleh panca indera.

Bagi mereka, Rasulullah (s.a.w) dalam hadis ini hanya ingin menunjukkan sikap tolak angsur kerana tidak mungkin mereka disuruh bersumpah ke atas sesuatu yang masih belum dipastikan sama ada peristiwa itu benar-benar terjadi atau sebaliknya.

Semua apa yang mereka katakan di sini dapat dibantah bahawa tidak boleh mengkhususkan suatu hukum tanpa ada dalil yang menyokongnya, kerana *qasamah* berlandaskan kepada hadis Rasulullah (s.a.w).

Di sini wujud perbezaan antara jenis *qasamah* yang diterapkan pada masa jahiliah dengan jenis *qasamah* dalam hadis Sahl yang diputuskan oleh Rasulullah (s.a.w). Inilah yang mendorong al-Shan'ani untuk berkata: "Ini tidaklah

membuat cacat riwayat sahabat yang meriwayat hadis ini, kerana ia merupakan *istinbat* (hasil penggaliannya) terhadap hukum. Hadis ini menegaskan bahawa beliau meng-*istibat* keputusan hukum Rasulullah (s.a.w) dengan cara *qasamah* sebagaimana diambil dari kisah masyarakat Khaibar. Kesalahan dalam *istinbat* adalah dibenarkan. Apa yang menjadi permasalahan adalah periwayatannya terhadap hadis sama ada menggunakan lafaz atau makna yang dengannya dapat ditentukan sama ada ia boleh diterima atau sebaliknya."

Bagi pensyarah kitab ini, meskipun kami pada bersetuju dengan al-Shan'ani, namun *istinbat* sahabat di sini adalah benar. Inilah pendapat sekumpulan ulama. Adapun perbezaan bahawa diyat diambil dari harta pelaku pembunuhan seperti mana dalam hadis riwayat Abu Thalib maka itu belum dapat dipastikan, kerana Abu Thalib berkata: "Kamu boleh membayarnya.." yang bermaksud dirinya sendiri atau masyarakatnya.

Pendapat ini diungkapkan al-Syafi'i dalam masalah hudud sementara mazhab Hanafi mengatakan diyat diambil daripada harta pelaku pembunuhan. Adapun perbezaan pendapat Rasulullah (s.a.w) tidak pernah memutuskan demikian maka alur hadis ini menegaskan baginda memutuskan seperti itu kerana ketika kaum muslimin enggan menerima sumpah bukan muslim, baginda memilih perdamaian dalam membuat keputusan.

Sekumpulan ulama menjadikan hadis ini sebagai dalil *qasamah* dan ada pula menjadikannya dalil qisas. Dengan demikian, dapatlah diambil kesimpulan bahawa hadis ini menjelaskan diyat, qisas dan lima puluh kali sumpah dalam masalah jenayah. Jadi tidak mungkin sahabat salah dalam meng-*istinbat* hukum.

**Soalan**

1. Apakah definisi *qasamah?*
2. Sebutkan hadis Sahl bin Khatsmah dalam masalah *qasamah* dan jelaskan lafaz-lafaznya?
3. Siapakah yang mesti memulakan sumpah menurut pandangan ulama fiqh dan bagaimana cara sumpah ini dibahagikan?
4. Bolehkah qisas diterapkan berdasarkan *qasamah*?
5. Sebutkan sebahagian pendapat yang menolak *qasamah* disertai dalilnya dan bagaimana pula menyanggahnya?

# BAB KETIGA
# MEMERANGI PEMBERONTAK

Pemberontakan dalam bahasa Arab disebut "البغي" yang merupakan kata masdar "بغى", yang bermaksud melakukan perbuatan zalim dan menyimpang daripada kebenaran.

٣٣- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ حَمَلَ عَلَيْنَا السِّلَاحَ، فَلَيْسَ مِنَّا". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

33. Daripada Abdullah bin 'Umar (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barangsiapa membawa senjata (dengan tujuan memerangi) kami berarti orang itu tidak termasuk golongan kami." (Muttafaq 'alaih: 1220)

**Makna Hadis**

Allah (s.w.t) berfirman:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ ..... ﴿١٠﴾

"*Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara…*" (Surah al-Hujurat: 10).

Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِيْنَ فِي تَوادِّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ الْوَاحِدِ.

"Perumpamaan orang yang beriman dalam saling mencintai, saling menyayangi dan saling mengasihi ibarat satu tubuh…".

Orang yang beriman itu saling mencintai, saling membantu, saling berpangkau tangan, saling menolong, saling mengasihi dan saling bersaudara. Mereka tidak boleh saling memutuskan silaturrahim, saling bermasam muka

dan saling memusuhi, apatah lagi saling berperang antara satu sam lain.

Inilah makna hadis yang mengatakan seorang mukmin yang mengangkat senjata untuk menyerang orang mukmin yang lain tidak termasuk golongan mereka. Hadis ini mengecualikan sekumpulan umat Islam pemberontak.

**Analisis Lafaz**

"حمل السلاح علينا", yakni tidak sekadar membawa senjata, sebaliknya ia merupakan satu ungkapan yang menunjukan adanya serangan atau bertujuan ingin berperang. Dikatakan demikian, kerana membawa senjata lazimnya bertujuan untuk berperang.

"ليس منا", perkataan ini mempunyai dua pemahaman. Pertama, keluar dari agama Islam jika pemberontak itu beranggapan ini halal dengan apa yang dilakukannya bukan kerana salah dalam mentafsirkan nash. Kedua, tidak mengikuti jalan dan petunjuk Islam, kerana petunjuk Islam dalam masalah itu adalah saling menolong, saling bersaudara dan saling membantu. Namun ada pula pemahaman ketiga yang mengatakan lafaz ini tidak boleh ditakwilkan supaya tetap menjadi larangan yang keras bagi mereka yang ingin melakukan pemberontakan. Inilah pendapat pilihan kebanyakan ulam salaf.

**Fiqh Hadis**

Diharamkan membunuh atau memerangi orang muslim.

**Penting**

Hadis ini dalam riwayat lain dengan lafaz:

مَنْ شَهَرَ عَلَيْنَا السِّلَاحَ.

"Barangsiapa yang mengancam dengan senjata kepada kami." (Diriwayatkan oleh al-Bazzar daripada Abu Bakrah, Samurah dan Amr bin Auf)

Dalam Musnad Imam Ahmad pula dengan lafaz:

مَنْ رَمَانَا بِالنَّبْلِ فَلَيْسَ مِنَّا.

"Barangsiapa yang melempar kami dengan panah, maka orang itu tidak termasuk golongan kami." (Diriwayatkan daripada Abu Hurairah).

Menurut riwayat al-Thabarani pula dengan lafaz:

مَنْ رَمَانَا بِاللَّيْلِ فَلَيْسَ مِنَّا.

"Barangsiapa yang memanah kami pada waktu malam hari, maka orang itu tidak termasuk golongan kami." (Diriwayatkan daripada Abu Hurairah dan diriwayatkan oleh al-Bazzar daripada Buraidah).

٣٤- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ خَرَجَ عَنِ الطَّاعَةِ وَفَارَقَ الْجَمَاعَةَ وَمَاتَ، فَمِيتَتُهُ مِيتَةٌ جَاهِلِيَّةٌ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

34. Daripada Abu Hurairah (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Barangsiapa keluar daripada ketaatan dan memisahi jamaah lalu orang itu mati, maka kematiannya sama dengan kematian jahiliah." (Diriwaytkan oleh Muslim: 1221).

**Makna Hadis**

Hadis ini menjelaskan hukum pemberontak yang tidak boleh diperangi. Mereka adalah orang yang tidak mematuhi perlembagaan negara dan tidak tunduk kepada kerajaan yang sah, namun tidak menyerang atau menghulurkan bantuan untuk memerangi kaum muslimin. Kematian mereka sama denga kematian jahliah, kerana mereka tidak menolong saudara mereka yang sesama muslim dan tidak mahu mempertahankan negara dari ancaman luar.

**Analisis Lafaz**

"خرج عن الطاعة", yakni taat kepada raja, menteri atau gabenor, walaupun ketua rombongan dalam suatu perjalanan selagi kepemimpinan mereka patuh dan tunduk kepada pemimpin tertinggi negara; khalifah.

"وفارق الجما عة", jamaah yang memiliki struktur organisasi dan memiliki kesatuan kata untuk taat kepada Allah.

"ميتة جاهلية", dinisbatkan kepada jahiliah sebelum kedatangan Islam, di mana tidak ada syari'at dan tidak ada hukum yang diturunkan dari Allah. Jadi, kematiannya sama dengan kematian salah seorang dari orang jahiliah itu. Al-Shan'ani berkata: "Adanya persamaan ini kerana kematian mereka tidak berada di bawah naungan seorang imam, kerana orang yang keluar daripada mematuhi imam sama halnya dengan orang jahiliah yang tidak dipimpin oleh seorang imam."

**Fiqh Hadis**

1. Larangan keluar daripada mematuhi kumpulan kaum muslimin.
2. Larangan berpisah daripada jamaah dan mengumpamakan orang yang

keluar daripada mematuhi imam kaum muslimin sam dengan orang jahiliah.

3. Orang yang keluar daripada mematuhi kaum muslimin tidak boleh diperangi selagi tidak membantu orang lain memerangi dan tidak meyerang umat Islam. Sikap kita terhadap mereka adalah membiarkan mereka sambil menasihati untuk menghentikan tindakan mereka itu. Dengan demikian, mereka tidak dikatakan keluar dari agama Islam. Jika dianggap keluar Islam tentu mereka boleh diperangi. Diriwayatkan daripada Ali (r.a), beliau berkata kepada Khawarij: "Silakan kamu seperti apa yang kamu inginkan. Antara kami dengan kamu tidak boleh ada pertumpahan darah, tidak boleh menghalangai jalan, tidak boleh menzalimi sesiapa pun. Jika kamu melanggar itu, aku mengisytiharkan perang ke atas kamu." Atsar ini diriwayatkan oleh Imam Ahmad, al-Thabarani dan al-Hakim di beberapa tempat di kitab *al-Mustadrak*. Saya menjumpai satu kenyataan dalam kitab *al-Dark bi Takhrij al-Mustadrak* bahawa Ibn Katsir menilai atsar ini hasan.

٣٥- عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "تَقْتُلُ عَمَّارًا اَلْفِئَةُ الْبَاغِيَةُ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

35. Daripada Ummu Salamah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Amar bakal dibunuh oleh kumpulan pemberontak." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1222).

**Makna dan Kedudukan Hadis**

Ini menguatkan keterangan dalam hadis pertama di mana seorang muslim yang tidak termasuk kelompok pemberontak tidak boleh diperangi, bahkan orang yang memeranginya dianggap sebagai pemberontak terhadapnya.

Selain itu, hadis ini pula menguatkan keterangan dalam hadis kedua di mana sekadar tidak mentaati pemimpin tidak bererti orang itu boleh diperang, kecuail mereka menyerang orang muslim atau menghulurkan bantuan untuk memerangi orang muslim. Maka seketika itu pula mereka dikategorikan pemberontak dan boleh diperangi.

Bukti hadis ini menguatkan maksud dua hadis sebelum ini bahawa jika ada kelompok umat Islam yang bertikai dapat dipastikan salah satu kelompok itu berada di jalan yang benar sedangkan kelompok yang satu lagi sebagai pembangkang sama ada memiliki landasan yang sah untuk memberontak atau sebaliknya tanpa melihat batasan orang yang dianggap pemberontak dan tanpa harus mengenal pasti siapa yang memulakan serangan.

Apapun, Ibn Hajar sebaiknya tidak menyebut hadis ini di sini kerana masalah ini mengundang banyak perdebatan, bahkan boleh menyulut fitnah yang lebih besar lagi.

Hadis ini *mutawatir* menurut sekumpulan ulama hadis meskipun ada yang menilainya sahih sahaja. Adapun kenyataan yang diceritakan oleh Ibn al-Jauzi daripada Imam Ahmad, beliau berkata: "Hadis ini diriwayatkan oleh dua puluh lapan orang sahabat yang kesemua jalurnya tidak ada yang sahih."

Ini tidak benar. Ini keran Ya'qub bin Syaibah meriwayatkannya daripada Imam Ahmad, beliau berkata: "Hadis ini sahih." Bagi pensyarah kitab ini, Imam Ahmad mengeluarkan hadis ini dalam al-Musnad daripada ramai sahabat dengan sanad yang kuat dan oleh kerananya, kenyataan Ibn al-Jauzi itu tidak mempengaruhi kesahihan hadis tersebut.

Ibn Abd al-Barr berkata: "Hadis ini *mutawatir* bahkan termasuk hadis paling sahih." Hadis ini dimuatkan oleh kebanyakan ulama yang mengarang kitab *al-Mushannaf*. Hadis ini turut dinilai sahih oleh al-Bukhari, Muslim, al-Humaidi, Abu Dawud, al-Tirmizi, Ibn Khuzaimah, al-Isma'ili, al-Daruquthni, al-Hakim, al-Qurthubi dan al-Dzahabi dan ulama kebanyakan.

٣٦- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "هَلْ تَدْرِي يَا ابْنَ أُمِّ عَبْدٍ، كَيْفَ حُكْمُ اللهِ فِيمَنْ بَغَى مِنْ هَذِهِ الْأُمَّةِ؟" قَالَ: اَللهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ. قَالَ: "لَا يُجْهَزُ عَلَى جَرِيحِهَا، وَلَا يُقْتَلُ أَسِيرُهَا، وَلَا يُطْلَبُ هَارِبُهَا، وَلَا يُقْسَمُ فَيْؤُهَا". رَوَاهُ الْبَزَّارُ وَالْحَاكِمُ وَصَحَّحَهُ فَوَهِمَ، فَإِنَّ فِي إِسْنَادِهِ كَوْثَرَ بْنَ حَكِيمٍ، وَهُوَ مَتْرُوكٌ.

36. Daripada Abdullah bin 'Umar (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Adakah kamu tahu wahai Ibn Ummi 'Abd tentang hukum Allah ke atas orang yang memberontak di kalangan umat ini?" Dia menjawab: Allah dan Rasul-Nya yang lebih mengetahui." Baginda bersabda: "Orang luka di kalangan mereka tidak boleh ditolong, tawann mereka tidak boleh dibunuh, orang yang melarikan diri tidak boleh dikejar dan harta rampasan tidak boleh dibahagikan." (Diriwayatkan oleh al-Bazzar dan al-Hakim, kemudian menilainya sahih, namun penilaian beliau silap, kerana di dalam sanadnya terdapat Kautsar bin Hakim, seorang periwayat *matruk*: 1223).

*- وَصَحَّ عَنْ عَلِيٍّ مِنْ طُرُقٍ نَحْوُهُ مَوْقُوفًا. أَخْرَجَهُ اِبْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَالْحَاكِمُ.

Hadis tersebut juga diriwayatkan dengan sanad sahih daripada Ali (r.a) dari pelbagai jalur yang memiliki makna yang sama namun hadis tersebut *mawquf*.

(Diririwayatkan oleh Ibn Abu Syaibah dan al-Hakim).

## Makna Hadis

Allah (s.w.t) berfirman:

.... فَإِنۢ بَغَتۡ إِحۡدَىٰهُمَا عَلَى ٱلۡأُخۡرَىٰ فَقَٰتِلُواْ ٱلَّتِي تَبۡغِي حَتَّىٰ تَفِيٓءَ إِلَىٰٓ أَمۡرِ ٱللَّهِۚ

..... ﴿٩﴾

"*... jika salah satunya berlaku zalim terhadap yang lain, maka lawanlah puak yang zalim itu sehingga ia kembali mematuhi perintah Allah...*" (Surah al-Hujurat: 9) Di sini, Allah menjelaskan tujuan memerangi pemberontak iaitu menyedarkan pemberontak daripada tindakannya yang memberontak itu dan kembali tunduk kepada hokum syariat Islam supaya kembali berpegang kepada hukum Allah. Memerangi pemberontak bukan untuk membunuh atau menghalalkan darah mereka. Inilah yang ditekankan dalam hadis ini, di mana ia melarang sedaya upaya untuk tidak terjadi pembunuhan, kerana dilarang membunuh pemberontak yang luka, ditawan dan mengejar mereka yang melarikan diri.

Hadis ini turut menjelaskan kedudukan harta pemberontak di mana ia tidak sama seperti harta kafir harbi. Larangan ini bagi mengelakkan terjadinya peperangan kerana menginginkan harta *ghanimah*.

## Analisis Lafaz

"ابن أم عبد", namanya Abdullah bin Mas'ud (r.a).

"بغى", sombong untuk menerima kebenaran dan melanggar hukum syariat, sehingga dengan demikian halal dibunuh.

"يجهز", mempercepat kematian orang yang mengalami luka.

"يطلب", dicari atau dikejar.

"فيئها", asal makna *faye'* adalah harta yang diperoleh tentera muslim hasilkan adanya pertempuran, namun apa yang dimaksud di sini adalah harta *ghanimah.*

## Fiqh Hadis

1. Disunatkan memulakan penjelasan suatu hukum dengan soalan.
2. Dilarang melakukan serangan secar mengejut ke atas pembrontak yang luka, kerana mereka boleh dibunuh itu ketika mereka berniat untuk

memerangi kaum muslimin. Jika tidak mampu melakukan peperangan, mereka tidak boleh diperangi.

3. Dilarang membunuh pemberontak yang ditawan.
4. Dilarang mengejar pemberontak yang melarikan diri untuk ditawan atau dibunuh atau diambil hartanya.
5. Harta yang diperoleh daripada pemberontak tidak boleh dibahagikan dan tidak boleh dijadikan harta *ghanimah.* Inilah pendapat mazhab Syafi'i, mazhab Hanafi dan riwayat Ali.
6. Dibolehkan memerangi pemberontak. Ini merupakan ijma' ulama.

٣٧- وَعَنْ عَرْفَجَةَ بْنِ شُرَيْحٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "مَنْ أَتَاكُمْ وَأَمَرُكُمْ جَمِيعٌ يُرِيدُ أَنْ يُفَرِّقَ جَمَاعَتَكُمْ، فَاقْتُلُوهُ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

37. Daripada 'Arfajah bin Syuraih (r.a), beliau berkata: "Saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barangsiapa yang didatangi seseorang yang menyuruh membunuh orang lain dengan tujuan memecah belah perpaduan kamu, maka bunuhlah orang itu." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1224)

**Makna Hadis**

Maksud hadis ini mentafsirkan hadis lain di mana Rasulullah (s.a.w) bersabda:

إِذَا بُويِعَ لِخَلِيفَتَيْنِ فَاضْرِبُوا عُنُقَ الْآخَرِ مِنهُمَا.

"Jika ada dua orang khalifah yang berebut untuk dibai'at (dalam waktu bersamaa), maka penggallah leher salah seorang daripada mereka." Mengapa haris dibunuh? Ini kerana membiarkan adanya kelompok yang boleh memecah belah perpaduan umat Islam lebih berbahaya berbanding sekadar satu orang. Oleh kerana perbalahan itu merupakan azab sedangkan perpaduan merupakan rahmat, maka benarlah firman Allah (s.w.t):

وَٱعْتَصِمُوا۟ بِحَبْلِ ٱللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا۟ ..... ﴿١٠٣﴾

"*Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (ugama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai;...*" (Surah Ali Imran: 103)

**Analisis Lafaz**

"عرفجة", huruf *'ain* dibaca *dhammah, sukun* huruf *ra', dhammah* huruf *fa'* dan fathah huruf *jim*. Ada pula yang membaca *fathah* kesemua huruf itu kecuali huruf *ra'* dibaca *sukun*.

"شريح", dibaca *tasghir* dari perkataan "شرح", namun ada pula yang membaca "صريح", bahkan ada yang pula membaca "ضريح". Inilah pendapat Asyja'i.

"أمركم جميع", bersatu dalam satu kesepakatan untuk melantik seorang pemimpin

**Fiqh Hadis**

1. Dilarang memecah belah perpaduan umat Islam.
2. Dibolehkan membunuh orang yang ingin memecah belah perpaduan umat Islam.

**Soalan**

1. Apa maksud sabda Rasulullah (s.a.w) "من حمل علين السلا ح فليس منا"?
2. Bolehkan membunuh orang yang memisahkan diri daripada jama'ah umat Islam dan tidak mematuhi pemimpin jika tidak menghulurkan bantuan dan bersekutu dengan mereka, sebaliknya pemberontak ini hidup seorang diri dan sebut pula dalilnya?
3. Sebutkan sekumpulan ulama yang menilai sahih hadis ini: "تقتل عمارا الفئة الباغية"?
4. Rasulullah (s.a.w) bersabda kepada Abdullah bin Mas"ud: "هل تدرى يا ابن أم عبد كيف حكم الله فيمن بغى من هذه الأمة". Sempurnakan hadis ini dan ceritakan fiqh hadis yang ada di dalamnya!
5. Sebutkan hadis yang melarang untuk memecah perpaduan umat Islam?

## BAB KEEMPAT
## MEMERANGI PELAKU KEJAHATAN DAN ORANG MURTAD

٣٨- عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ قُتِلَ دُونَ مَالِهِ فَهُوَ شَهِيدٌ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ وَالتِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ.

38. Daripada Abdullah bin 'Umar (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barangsiapa mati dibunuh kerana mempertahkan harta miliknya, maka dia mati syahid." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud, al-Nasa'i dan al-Tirmizi yang menilainya sahih: 1225).

### Makna Hadis

Setiap orang wajib menjaga hartanya, meskipun itu bakal mengakibatkan nyawa pemilik harta terbabit, malah Islam menganggap kematiannya sebagai syahid supaya setiap manusia termotivasi untuk mempertahankan hartanya.

Hikmah Islam menjadikan kematian seseorang yang mempertahankan hartanya sebagai syahid ini adalah sebagai benteng yang dapat menghalang orang lain yang ingin merampas harta orang lain, kerana dia tahu bahawa pemilik harta tidak akan membiarkannya dirampas orang lain.

### Analisis Lafaz

"دون ماله", yakni dia mempertahankan hartanya dan menghalang orang lain daripada merampasnya.

"شهيد", mati syahid, namun tidak diberlakukan hukum orang yang mati syahid di medan perang seperti tidak dimandikan dan lain-lain.

"رواه أبو داود", menurut riwayat al-Bukhari, hadis ini daripada Abdullah bin 'Amr dan menukil hadis dari Sahih al-Bukhari tentu lebih baik.

**Fiqh Hadis**

1. Seseorang yang hendak merampas harta orang lain tanpa kebenaran boleh diperangi oleh pemilik harta berkenaan, meskipun itu bakal mengakibatkannya mati dibunuh. Menurut jumhur ulama, keadaan ini tanpa mengira harta itu banyak atau sebaliknya. Namun menurut sebahagian mazhab Maliki, jika harta itu sedikit, tidak boleh sampai terjadi pembunuhan. Al-Qurthubi berkata: "Sebab perbezaaan pendapat dalaam masalah ini adalah apakah membunuh di sini lantaran mencegah terjadinya perbuatan mungkar sehingga tidak ada perbezaan antara harta banyak mahupun harta sedikit atau lantaran untuk mencegah terjadinya kejahatan."
2. Dibolehkan membunuh orang yang berbuat zalim dengan syarat tidak mungkin menyelamatkan diri daripada perbuatan jahatnya kecuali dengan cara membunuhnya. Ibn al-Mundzir menegaskan bahawa Imam al-Syafi'i berkata: "Barangsiapa yang harta, nyawa atau isterinya diancam orang lain untuk dibunuh dan tidak ada cara lain untuk menyelamatkannya kecuali dengan membunuhnya, maka dia dibolehkan membunuhnya dan tidak ada qisas, diyat ataupun kifarat ke atas dirinya." Pada pendapat pensyarah kitab ini, pandangan ini disokong oleh hadis *marfu'* dalam Sahih Muslim daripada Abu Hurairah (r.a):

   أَرَأَيْتَ إِنْ جَاءَ رَجُلٌ يَأْخُذُ مَالِي، قَالَ: قَاتِلْهُ، قَالَ: أَرَأَيْتَ إِنْ قَتَلْتُهُ، قَالَ هُوَ فِي النَّارِ.

   "Bagaimana kalau ada seseorang yang ingin mengambil harta saya?" Rasulullah (s.a.w) menjawab: "Bunuh saja orang itu." Abu Hurairah bertanya: "Bagaimana kalau saya bunuh?" Rasulullah (s.a.w) menjawab: "Dia masuk neraka.'' Ibn al-Mundzir berkata: "Apa yang menjadi pegangan ulaman adalah setiap orang berhak menjaga hak miliknya termasuk dirinya sendiri jika ada orang yanga hendak berbuat zalim ke atas dirinya. Ulama hadis bersepakat untuk mengecualikan pemimpin dalam kes ini, kerana beberapa dalil menjelaskan kewajipan bersabar di atas perbuatan zalim dilakukannya dan tidak perlu mengadakan perlawanan ke atasnya.

**Tambahan**

Al-Shan'ani berkata: "Bolehkah orang yang hartanya hendak dirompak berdiam diri dan tidak membela diri dengan cara membunuh perompak itu? Sepintas lalu, itu boleh sahaja. Ini disokong oleh hadis yang berbunyi: "Jadilah kamu hamba Allah yang terbunuh." Ini menunjukan seseorang dibolehkan tidak melawan dan menyerahkan kalah meskipun itu bakal dibunuh oleh perompak dan demikian pula harta."

"Jadi sabda Rasulullah (s.a.w) dalam Sahih Muslim yang ketika ditanya: "Bagaimana kalau ada seseorang yang hendak merompak harta saya?" Baginda menjawab: "Jangan engkau memberinya" merupakan larangan yang tidak menunjukkan hukum haram."

Bagi pensyarah kitab ini, berhujah dengan hadis "Jadilah kamu hamba Allah yang terbunuh" dalam kes in tidaklah benar, kerana tujuan setiap hadis ini berlainan antara satu sama lain. Hadis "Jadilah kamu hamba Allah yang terbunuh" itu ketika terjadi fitnah. Jadi perintah supaya mati dibunuh dalam keadaan seperti ini supaya fitnah tidak semakin membesar dan pembunuhan pun kian marak. Ketika terjadi fitanh, tidak ada lagi sikap berhati-hati dan tidak jelas lagi mana yang boleh dibunuh dengan sebaliknya. Berbeza dengan masalah perompakan di sini dan oleh kerananya, qiyas tidak dibenarkan, di samping kalimat perintah tersebut tidak lagi menunjukkan hukum wajib melainkan hukum sunat disebabkan adanya bukti-bukti lain yang menunjukkan demikian.

٣٩- وَعَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: "قَاتَلَ يُعْلَى بْنُ أُمَيَّةَ رَجُلًا فَعَضَّ أَحَدُهُمَا صَاحِبَهُ فَنَزَعَ ثَنِيَّتَهُ، فَاخْتَصَمَا إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: "أَيَعَضُّ أَحَدُكُمْ أَخَاهُ كَمَا يَعَضُّ الْفَحْلُ؟ لَا دِيَةَ لَهُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ.

39. Daripada 'Imran bin Hushain (r.a), beliau berkata: "Ya'la bin Umayyah pernah bergaduh dengan seorang lelaki dan salah seorang daripadanya menggigit tangan yang lain hinggga orang pihak yang digigit tangannya berusaha melepaskan tangannya daripada gigitan sehingga gigi orang itu tanggal. Mereka mengadukan masalah ini kepada Rasulullah (s.a.w) lalu baginda bersabda: "Apakah kamu mengigit saudaranya sama seperti seekor haiwan jantan melakukan gigitan? Dalam kes ini tidak ada diyat." (Muttafaq 'alaih sedangkan lafaznya ada di dalam Sahih Muslim: 1226).

**Makna Hadis**

Dengan hadis ini, Ibn Hajar ingin menjelaskan bahawa perbuatan jenayah yang dilakukan kerana untuk menyelamatkan diri daripada bahaya, sama ada berkaitan dengan jiwa ataupun harta adalah dibolehkan.

**Analisis Lafaz**

"رجلا", lelaki ini adalah buruh Ya'la dan saya tidak dapat mengenal pasti namanya.

" أحدهما", orang yang menggigit itu adalah Ya'la.

" فانتزع", menarik tangannya dengan keras.

" فنزع", mencabut.

"ثنيته", gigi hadapan, sama ada bahagian atas atau bahagian bawah.

" الفحل ", unta jantan.

"لادية", tidak ada diyat, yakni membiarkan gigi itu rusak tanpa bayaran ganti rugi.

**Fiqh Hadis**

1. Bagi orang yang digigit tidak wajib diqisas atau diyat, kerana kedudukannya sama dengan orang yang mempertahankan diri. Inilah pendapat jumhur ulama. Dalil mereka adalah ijma di mana seseorang yang mempermainkan senjata miliknya untuk membunuh orang lain, kemudian orang lain itu mempertahankan dirinya sehingga membunuh orang yang mempermainkan senjata itu, maka tidak wajib qisas dan tidak pula diyat ke atasnya. Demikian pula hukum orang yang digigit.

   Jumhur ulama berkata: "Meskipun orang yang digigit itu melukai anggota tubuh yang lain lain, maka tetap tidak ada apa-apa kewajipan ke atas dirinya. Syarat tidak adanya hukuman ini adalah orang yang digigit mesti merasa sakit dan tidak mungkin menyelamatkan diri daripada gigitan itu melainkan dengan perbuatan itu. Jika ada cara lain untuk menyelamatkan diri kemudian pindah kepada perbuatan yang lebih berat, maka orang tetap dikenakan hukuman. Syarat ini diambil berdasarkan kaedah umum, bukannya berdasarkan hadis.

   Menurut satu pendapat mazhab Syafi'i, seseorang yang berbuat demikian tetap dibebaskan daripada hukuman walau apapun keadaannya. Malik pula mempunyai dua riwayat, namun menurut pendapat yang paling masyhur adalah mesti ada ganti rugi.

2. Menghimbau untuk tidak mudah terpancing oleh sifat marah dan seseorang semestinya berusaha sedaya upaya meredam sifat marah.
3. Melaporkan perbuatan jenayah kepada hakim untuk diputuskan dan seseorang tidak diqisas kerana dirinya.
4. Seorang yang melakukan jenayah kadang kala gugur kerana adanya orang lain melakukan jenayah ke atas dirinya.
5. Dibolehkan menyamakan perbuatan manusia dengan perbuatan haiwan dengan tujuan mereka menjauhi suatu perbuatan tidak terpuji.

٤٠- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ أَبُو الْقَاسِمِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَوْ أَنَّ امْرَأً اِطَّلَعَ عَلَيْكَ بِغَيْرِ إِذْنٍ، فَحَذَفْتَهُ بِحَصَاةٍ، فَفَقَأْتَ عَيْنَهُ، لَمْ يَكُنْ عَلَيْكَ جُنَاحٌ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ. وَفِي لَفْظٍ لِأَحْمَدَ وَالنَّسَائِيِّ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ: "فَلَا دِيَةَ لَهُ وَلَا قِصَاصَ".

40. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Abu al-Qasim (Rasulullah) (s.a.w) bersabda: "Seandainya ada seseorang yang menilik tanpa seizinmu, kemudian kamu melemparinya dengan kerikil lalu kerikil itu masuk ke dalam matanya, maka tidak ada dosa bagimu." (Muttafaq 'alaih. Dalam riwayat yang dikeluarkan oleh Imam Ahmad dan al-Nasa'i yang dinilai sahih oleh Ibn Hibban berbunyi: "Tidak ada diyat dan tidak ada qisas baginya.": 1227)

**Makna Hadis**

Pertahanan yang dilakukan mangsa apabila menimbulkan jenayah baru maka perbuatannya tidak dimaafkan. Mengapa demikian? Ini kerana orang yang menilik orang lain kadang kala melihat aurat yang pada hakekatnya tidak dibenarkan baginya. Ketika orang yang ditilik menusuk mata orang yang menilik, maka tidak ada apa-apa kewajipan ke atas orang yang ditilik itu.

**Analisis Lafaz**

"فحذفته", melempar kerikil dalam bahasa Arab disebut *hadzfan.*

"جناح", dibaca dengan *dhammah* huruf *jim,* yakni dosa.

## Fiqh Hadis

1. Diharamkan menilik orang lain tanpa memperoleh kebenaran sebelumnya khususnya mengintip sesuatu yang tidak boleh dilihat oleh orang lain.
2. Jika ada orang yang mengintip orang lain dalam hal yang haramkan untuk dilihat, maka orang yang diintip boleh melemparnya dengan kerikil atau objek lain. Jika objek tersebut terkena matanya, maka tidak ada apa-apa kewajipan ke atas orang yang melemparinya itu. Inilah pendapat jumhur ulama. Mazhab Syafi'i dalam salah satu pendapatnya mensyaratkan selagi seorang yang mengintip itu berada di tanah milik orang yang diintip.

   Ibn Daqiq al-'Id berkata: "Ulama fiqh dalam kes ini banyak mengemukakan pandangan-pandangan dan syarat-syarat yang antar lain membezakan antara orang yang mengintip di jalanan dengan seseorang yang berada di tanah milik orang yang diintip dan seseorang yang berada di bawah jembatan yang berlubang. Apapun mengikut pendapat yang paling masyhur, tidak ada perbezaan dalam kes ini di mana seseorang tidak dibolehkan menolehkan pandangan mata kepada sesuatu yang tidak boleh dilihat dari orang lain, walau apa pun keadaannya."

## Soalan Penting

Bolehkah melempar orang yang mengintip sebelum memberinya amaran dan teguran? Dalam kes ini, mazhab Syafi'i memiliki dua pendapat, tetapi pendapat yang paling sahih adalah pendapat yang membolehkannya dengan dalil bahawa:

فَجَعَلَ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخْتِلُ الْمُطَّلِعَ لِيُطْعِنَهُ.

"Rasululah (s.a.w) pernah berusaha untuk secara diam-diam untuk menusuk orang yang meniliknya." *Al-Khatl* seperti mana yang ditafsirkan oleh pengarang kitab *al-Nihayah* adalah mengejar seseorang tanpa sepengetahuannya, sedangakan dalam kitab *Fath al-Bari* kalimat tersebut bermaksud mengejutnya namun tanpa disedari pihak lain.

Bagi pensyarah kitab ini, Rasulullah (s.a.w) melakukan sesuatu secara diam-diam itu ketika dipastikan tidak ada aurat yang terdedah di dalam rumah. Jika ada aurat yang terdedah, tentu baginda segera melarang orang yang menilik itu daripada perbuatannya dan menyuruhnya mengalihkan pandangan matanya di samping tidak akan membiarkannya hingga matanya hendak ditusuk.

Kami sengaja menafikan adanya aurat yang terdedah di rumah kerana ini berdasarkan riwayta hadis yang sahih, di antaranya ialah sabda Rasulullah (s.a.w) dalam hadis Sahl: "Sekiranya aku tahu kamu melihatku." Demikian

pula fakta yang menegaskan bahawa Anas ketika bersama Rasulullah (s.a.w), baginda sentiasa menutup auratnya. Dari sini, kita dapat mengambil dalil untuk membolehkan melempari mata orang yang tidak menjaganya, walaupun di dalam rumah itu tidak ada aurat yang terdedah.

Dalam kes ini, ulama fiqh berbeza pendapat. Mereka mengemukakan dua pendapat dalam masalah ini. Pendapat yang paling zahir ialah pendapat yang membolehkannya berdasarkan alasan tersebut di atas di samping hadis ini bersifat umum tanpa mengaitkannya dengan adanya aurat yang terdedah, ditambah pula tidak adanya waktu yang jelas bila aurat itu mesti ditutup ketika berada di dalam rumah.

**Penting**

Penulis kitab *Fath al-Bari* berkata: "Jika pemilik rumah membiarakan pintu rumahnya terbuka sedangkan yang melintas di hadapan rumahnya lalu secara tidak sengaja melihat ke dalam rumahnya, maka orang itu tidak boleh dilempar dengan apa-apa objek. Jika sengaja melihatnya, maka ada dua pendapat dalam masalah ini dan pendapat yang paling sahih adalah tidak boleh dilempari dengan apa-apa objek kerana melihat ke dalam rumah tersebut. Demikian pula orang yang melihat dari atas rumahnya, meskipun ada perbezaan pendapat dalam masalah ini.

**Tambahan**

Sebahagian ulama meng-*istinbat* hadis ini untuk tidak membolehkan mendirikan bangunan yang tinggi apabila itu menyebabkan dapat melihat aurat orang jiran tetangga. Dalil mereka adalah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Abd al-Hakam ketika menjelaskan pembebasan Mesir daripada Yazid bin Abu Hubaib, beliau berkata: "Orang pertama membangun bilik di Mesir adalah Kharijah bin Hudzafah. Berita itu kemudian sampai kepada Umar bin al-Khatthab lalu beliau mengirim surat kepada 'Amr bin al-'Ash yang isinya: "Salam sejahtera bagimu. *Amma ba'du*. Telah sampai berita kepadaku bahawa Kharijah bin Hudzafah telah membina satu bangunan kerana inign melihat aurat jiran tetangganya. Jika kamu menerima suratku ini, maka hancurkan bangunan, insya Allah. *Wassalam*."

Bagi pensyarah kitab ini, Yazid lahir setelah beberapa tahun Umar bin al-Khatthab meninggal dunia. Jadi *atsar* ini terputus, tetapi ia sah-sah sahaja bila dijadikan dalil. Namun, untuk itu ia mesti memenuhi beberapa syarat. Jadi, tidak ada larangan secara umum, kerana itu bakal mengakibatkan umat manusia dalm kesusahan, di samping merujuk hukum adat juga dibolehkan.

٤١- وَعَنِ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَضَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّ حِفْظَ الْحَوَائِطِ بِالنَّهَارِ عَلَى أَهْلِهَا، وَأَنْ حِفْظَ الْمَاشِيَةِ بِاللَّيْلِ عَلَى أَهْلِهَا، وَأَنَّ عَلَى أَهْلِ الْمَاشِيَةِ مَا أَصَابَتْ مَاشِيَتُهُمْ بِاللَّيْلِ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ إِلَّا التِّرْمِذِيَّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ وَفِي إِسْنَادِهِ اخْتِلَافٌ.

41. Daripada al-Bara' bin 'Azib (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) menetapkan bahawa kewajipan menjaga kebun pada waktu siang itu kepada pemiliknya, kewajipan menjaga haiwan ternakan pada waktu malam hari itu kepada pemiliknya dan pemilik ternak wajib bertanggung jawab di atas apa yang dilakukan haiwan ternakannnya pada waktu malam hari." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Arba'ah kecuali al-Tirmizi dan dinilai sahih oleh Ibn Hiban, namun ada perbezaan pendapat di dalam sanadnya: 1228).

**Makna Hadis**

Pemilik kebun biasanya bekerja pada waktu siang dan menjaga seluruh pelusuk-pelosok kebun itu. Mereka bertanggung jawab menjaga kebun mereka daripada dirosakkan haiwan ternak dan pemilik ternak tidak dikenakan apa-apa denda apabila ternak mereka memasuki kebun itu pada waktu siang hari. Berbeza dengan waktu malam, kerana biasanya peladang beristirehat setelah mereka bekerja pada waktu siang hari. Peternak wajib menjaga haiwan ternaknya dan jika haiwan ternak miliknya merosak kebun milik orang lain, mereka wajib bertanggung jawab kerosakan yang dilakukan ternakan mereka.

**Analisis Lafaz**

"الحوائط", kebun atau lain-lain sebagainya.

"أصابت", memakan atau merosakkan.

"وفى اسناده خلاف", daripada al-Zuhri daripada Haram bin Muhayyishah daripada ayahnya bahawa unta milik al-Barra' memasuki kebun...

Daripada al-Zuhri daripada Haram bin Muhayyishah daripada al-Barra'. Daripada al-Zuhri daripada Haram bin Muhayyishah bahawa unta al-Barra'… Hadis ini *mursal*. Oleh itu, ada ulama mengatakan hadis ini *mawshul* dan ada pula ulama yang menilainya *mursal.*

**Fiqh Hadis**

1. Pemilik kebun wajib menjaga kebunnya pada waktu siang hari.
2. Peternak wajib menjaga haiwan ternakannya pada waktu malam hari.
3. Apa yang dirosak oleh haiwan ternak pada waktu malam hari itu menjadi tanggung jawab peternak, tetapi mereka tidak bertanggung jawab terhadap apa-apa yang dirosakkan haiwan ternak pada waktu siang hari. Inilah pendapat Malik, al-Syafi'i dan Imam Ahmad. Abu Hanifah berkata: "Tidak ada denda ke atas pemilik ternak dan dalilnya hadis berikut:

   الْعَجمَاءُ جُرْحُهَا جُبَارٌ.

   "Kerosakan yang dilakukan oleh haiwan tidak ada tanggung jawabnya."

   Al-Thahawi berkata: "Pendapat Abu Hanifah yang mengatakan tidak ada denda walau dalam keadaan apapun apabila peternak itu melepas haiwan ternak itu bersama seorang pengembala. Jika ia dilepas tanpa disertai pengembala, maka tuannya wajib bertanggung jawab di atas kerosakan yang dilakukan ternakannya."

٤٢- وَعَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ -فِي رَجُلٍ أَسْلَمَ ثُمَّ تَهَوَّدَ-: "لَا أَجْلِسُ حَتَّى يُقْتَلَ، قَضَاءُ اللهِ وَرَسُولِهِ، فَأُمِرَ بِهِ، فَقُتِلَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَفِي رِوَايَةٍ لِأَبِي دَاوُدَ: وَكَانَ قَدِ اسْتُتِيبَ قَبْلَ ذَلِكَ.

42. Daripada Mu'adz bin Jabal (r.a) tentang seorang lelaki yang masuk Islam kemudian memeluk agama Yahudi: "Saya tidak akan duduk sebelum orang itu dibunuh sebagai kepututsan Allah dan Rasul-Nya. Lelaki itu kemudian diperintahkan untuk dibunuh." (Muttafaq 'alaih).

Dalam riwayat Abu Dawud: "Lelaki itu telah disuruh bertaubat sebelum dia dijatuhi hukuman bunuh.": 1229.

**Makna Hadis**

Hadis ini merupakan penggalan hadis panjang yang diriwayatkan oleh al-Bukhari. Dalam hadis itu Nabi (s.a.w) bersabda: "Pergilah kamu ke Yaman wahai Abu Musa -sebagai gabenor-! Keberangkatan Abu Musa itu kemudian diikuti oleh Mu'adz bin Jabal. Ketika Mu'adz tiba di Yaman, Abu Musa melemparinya bantal sambil berkata: "Turunlah." Ketika itu, ada seorang lelaki yang diikat di sebelah Abu Musa. Mu'adz bertanya: "Apa ini?" Abu Musa menjawab: "Ini

orang Yahudi masuk Islam, namun kemudian masuk agama Yahudi lagi." Abu Musa mempelawa duduk, tetapi Mu'adz menjawab: "Aku tidak mau duduk sebelum dia itu dibunuh." Hadis ini menjelaskan Rasulullah (s.a.w) menyuruh untuk membunuh orang Yahudi yang murtad.

**Analisis Lafaz**

"قضاء", dibaca *rafa'* sebagai *khabar* dari *mubtada mahdzuf* yang bentuknya adalah "هذا", tetapi boleh pula dibaca *nashab* sebagai *maf'ul* dari *fi'il mahdzuf* yang bentuknya "إفعل" atau "نفذ".

"أمر", bentuk kata kerja fasif sedangkan yang memerintahkan itu adalah Abu Musa.

"استتيب", disuruh untuk bertaubat.

**Fiqh Hadis**

Orang murtad wajib dibunuh. Ini merupakan ijma' ulama. Ulama berbeza pendapat sama ada sebelum dibunuh wajib disuruh bertaubat terlebih dahulu atau langsung dibunuh. Menurut jumhur ulama, wajib disuruh bertaubat terlebih dahulu. Dalilnya hadis sahih bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah menyuruh Mu'adz mengajak bertaubat sebelum membunuh orang murtad. Ibn Hajar menilai hadis ini hasan dalam kitab *Fath al-Bari*. Menurut al-Hasan, Thawus dan mazhab Zahiri pula tidak wajib disuruh bertaubat terlebih dahulu. Dalilnya hadis yang berbunyi:

مَنْ بَدَّلَ دِيْنَهُ فَاقْتُلُوْهُ.

"Barangsiapa yang mengganti keyakinan agamanya, maka bunuhlah orang itu." Hadis ini berlaku umum dan oleh kerananya, tidak dapat dijadikan hujah di samping tidak ada disebutkan perintah yang memintanya supaya bertaubat terlebih dahulu. Apapun, sebetulnya perintah supaya bertaubat itu telah disebutkan dan tempoh yang diberikan kepada orang murtad supaya bertaubat itu selama dua puluh malam. Lagi-lagi hadis ini tetap tidak dapat dijadikan hujah.

Ibn Abbas dan Atha' berkata: "Jika seseorang itu menjadi muslim sejak dilahirkan, maka tidak ada perintah supaya bertaubat terlebih dahulu sekiranya dia murtad, sebaliknya orang yang disuruh bertaubat itu adalah seseorang yang asalnya tidak beragama Islam, kemudian masuk Islam tetapi kemudian murtad lagi." Pendapat ini dinukil oleh al-Thahawi.

Ulama berbeza pendapat tentang orang zindiq sama ada tetap disuruh bertaubat terlebih dahulu atau sebaliknya. Imam al-Syafi'i secara tegas mewajibkannya disuruh bertaubat terlebih dahulu, manakala Imam Ahmad dan Abu Hanifah memiliki dua riwayat dalam masalah ini.

**Tambahan**

Setelah jumhur ulama bersepakat bahawa wajib disuruh bertaubat terlebih dahulu bagi orang murtad, mereka berbeza pendapat sama ada perintah bertaubat itu hanya dilakukan satu kali atau tiga kali dan sama ada dilakukan di satu tempat ataupun di beberapa tempat. Menurut Ali bin Abu Thalib (r.a), orang murtad wajib disuruh bertaubat yang tempohnya selama satu bulan.

٤٣- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ بَدَّلَ دِينَهُ فَاقْتُلُوهُ". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

43. Daripada Abdullah bin Abbas (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barangsiapa mengganti keyakinan agamanya, maka bunuhlah orang itu." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1230).

**Makna Hadis**

Orang murtad wajib dibunuh.

**Analisis Lafaz**

"من ", ditujukan kepada orang yang berakal, sama ada lelaki mahupun perempuan.

**Fiqh Hadis**

1. Orang yang mengganti keyakinan agamanya wajib dibunuh, sama ada lelaki mahupun perempuan. Inilah pendapat jumhur ulama. Dalilnya keumuman hadis ini dan hadis yang diriwayatkan oleh Ibn al-Mundzir daripada Ibn Abbas bahawa perempuan yang murtad wajib dibunuh. Selain itu, hadis lain yang diriwayatkan oleh Ibn al-Mundzir dan al-Daruquthni bahawa Abu Bakar (r.a) membunuh perempuan yang murtad dan tidak seorang sahabat pun yang memprotes tindakannya itu. Sanad *atsar* ini *hasan*. Ada pula dalil lain yang dimuatkan oleh Ibn Hajar dalam *Fath al-Bari* dengan sanad yang *hasan* bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda kepada Mu'adz:

   وَأَيُّمَا امْرَأَةٍ ارْتَدَّتْ عَنِ الْإِسْلَامِ، فَإِنْ عَادَتْ، وَإِلَّا فَاضْرِبْ عُنُقَهَا.

"Jika ada perempan yang murtad lalu kembali semula masuk agama Islam, maka bebaskanlah, tetapi jika tidak, maka penggellah lehernya."

Menurut mazhab Hanafi, seorang perempuan yang murtad tidak boleh dibunuh, kerana ada hadis yang menjelaskan dilarang membunuh perempuan. Alasan mereka ini ditolak kerana maksud hadis tersebut adalah perempuan yang kafir asli dan ini dapat difahami berdasarkan alur cerita hadis tersebut di samping perempuan sememangnya tidak boleh diperangi. Jadi, ia tidak ada kaitannya dengan hadis ini.

2. Tidak ada perbezaan antara muslim dengan orang selain muslim. Jika ada orang Nasrani atau Yahudi mengganti keyakinan agamanya, maka dia tetap wajib dibunuh. Inilah pendapat sebahagian ulama mazhab Syafi'i, sama ada agama yang mengakui kewajipan membayar *jizyah* atau sebaliknya. Berbeza dengan jumhur yang mengatakan jika lelaki kafir itu masuk Islam, maka tidak boleh dibunuh. Namun, hadis ini tidak boleh difahami secara umum. Jumhur ulama mengatakan agama kafir itu sama saja. Jadi, jika orang Yahudi masuk agama Kristian, maka orang itu belum lagi keluar dari agama kafir. Jumhur ulama mengatakan Allah (s.w.t) berfirman:

إِنَّ ٱلدِّينَ عِندَ ٱللَّهِ ٱلْإِسْلَٰمُ ..... ﴿١٩﴾

"*Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam.*" (Surah Ali 'Imran: 19). Inilah yang dimaksudkan oleh hadis di sini.

٤٤- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ أَعْمَى كَانَتْ لَهُ أُمُّ وَلَدٍ تَشْتُمُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَتَقَعُ فِيهِ، فَيَنْهَاهَا، فَلَا تَنْتَهِي، فَلَمَّا كَانَ ذَاتَ لَيْلَةٍ أَخَذَ الْمِعْوَلَ، فَجَعَلَهُ فِي بَطْنِهَا، وَاتَّكَأَ عَلَيْهَا، فَقَتَلَهَا فَبَلَغَ ذَلِكَ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: "أَلَّا اِشْهَدُوا أَنَّ دَمَهَا هَدَرٌ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَرُوَاتُهُ ثِقَاتٌ.

44. Daripada Abdullah bin 'Abbas (r.a) bahawa ada orang buta mempunyai hamba ummu walad yang gemar memaki Rasulullah (s.a.w). Tuannya pun melarang berbuat demikian, namun hamba itu tidak mengendahkannya. Pada suatu malam, tuannya mengambil alat pukul dan meletakkannya di atas perut hambanya kemudain dia mendudukinya hingga meninggal dunia. Peristiwa ini kemudian sampai kepada Rasulullah (s.a.w) dan baginda bersabda: "Saksikanlah bahawa darah hamba sahya ini tidak ada qisas padanya." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dengan para periwayat yang tsiqah: 1231).

**Makna Hadis**

Ibn Hajar menyebut hadis ini secara ringkas dari riwayat Abu Dawud untuk menunjukan orang yang menghina Nabi (s.a.w) wajib dibunuh dan orang yang membunuhnya tidak dikenakan apa-apa tanggung jawab, meskipun tindakannya itu tidak berdasarkan peintah pemimpin.

**Analisis Lafaz**

"أم ولد", hamba perempuan yang sudah melahirkan seorang anak atau lebih. Ada yang mengatakan hamba perempuan tidak semestinya seorang muslimah, namun riwayat ini tidak kuat.

"تشتم", mencaci.

"تقع" mencaci dan mencela.

"المعول", dibaca dengan *kasrah* huruf *mim*, *sukun* huruf *'ain,* yang didikuti dengan huruf *waw* yang berbaris *fathah*; alat untuk memahat.

Dalam kebanyakan nuskhah Abu Dawud ditulis dengan menggunakan huruf *ghin*; (المغول), yakni pedang pendek yang dapat disimpan di dalam baju. Ada yang mengatakan pisau belati yang tajam. Ada pula yang mengatakan cemeti yang pada hujungnya terdapat ketajaman yang menyamai pedang dan biasanya digunakan untuk menculik orang lain.

"هدر", tidak perlu diqisas.

**Fiqh Hadis**

Orang yang menghina Rasulullah (s.a.w) wajib dibunuh. Jika yang menghina ini seorang muslim, maka wajib dibunuh berdasarkan kesepakatan ulama. Namun adakah dia dituntut supaya bertaubat terlebih dahulu ataupun tidak. Dalam kes ini, ulama berbeza pendapat. Jika yang menghina itu kafir zimmi, Imam al-Syafi'i mengatakan wajib dibunuh dan tidak ada qisas atau diyat ke atasnya. Ini juga pendapat Imam Ahmad, Ishaq, al-Laits dan al-Auza'i. Mereka mengatakan tidak perlu dituntut untuk bertaubat terlebih dahulu. Abu Hanifah berpendapat, kafir zimmi itu tidak boleh dibunuh, kerana dosa musyrik mereka lebih besar. Sungguhpun demikian, diwajib ditakzir. Alasannya Rasulullah (s.a.w) tidak membunuh Yahudi yang mengatakan: "Semoga negkau mati." Malik pula berpendapat kafir zimmi itu wajib dibunuh, kecuali jika dia mahu masuk Islam. Menurut pensyarah kitab ini, pendapat Malik lebih bijaksana.

**Soalan**

1. Bagaimanakah pendapat ulama fiqh tentang batasan harta yang membolehkan seorang pencuri boleh dibunuh jika mencuri harta orang lain? Sebuatkan pula sebab mereka berbeza pendapat?
2. Untuk membunuh seorang penjahat, ulama mensyaratkan beberapa syarat. Apakah syarat itu?
3. Apakah dalil bagi seseorang yang diancam dan berusaha mempertahkan diri hingga terpaksa membunuh penjahat tersebut namun tidak apa-apa kewajipan ke atasnya?
4. Adakah orang yang dizalimi itu wajib dikenakan qisas dan sebutkan dalilnya!
5. Sebutkan hadis yang menceritakan Ya'la dan pekerjanya membuat aduan serta hikmah yang terkandung di dalamnya?
6. Lanjutkan teks hadis: "لو أن امرأ اطلع عليك بغير اذن..." dan jelaskan pula fiqh hadisnya?
7. Bolehkah melempari orang yang mengngintip sebelum dikeluarkan larang dan amaran?
8. Sebutkan hadis yang menerangkan Umar pernah menghancurkan bangunan Kharijah bin Zaid dan jelaskan!
9. Apakah hukum tanaman yang dirosak oleh haiwan ternak dan siapakah pula yang bertanggung jawab untuk membayar ganti rugi?
10. Bagaimanakah hukum membunuh orang murtad?
11. Apakah orang murtad wajib diminta untuk bertaubat sebelum dibunuh?
12. Apa makna hadis: "من بدل دينه فاقتلوه" dan jelaskan perbezaan pendapat ulama dalam menjelaskan hadis ini?
13. Bagaimana hukum orang yang menghina Rasulullah (s.a.w)?

# KITAB HUDUD

# KITAB HUDUD

Perkataan "الحدود"ْ merupakan bentuk jamak kalimat "حد" yang asal maknanya adalah pemisah antar dua sesuatu supaya tidak terjadi percampuran. Menurut istilah syariat Islam pula kalimat ini diungkapakan untuk menunjukan hukuman tertentu. Diberi nama demikian kerana, ia dapat menghalangi permusuhan daripada terus berulang.

Kalimat ini pula turut diungkapakan untuk menunjukan batasan, keraan batasan hukuman ini ditentukan oleh syari'at Islam. Selain itu, perkataan hudud turut diungkapakan untuk menunjukkan dosa itu sendiri sebagai majaz dengan menekankan pada akibatnya, seperti firman Allah (s.w.t):

..... تِلْكَ حُدُودُ ٱللَّهِ فَلَا تَقْرَبُوهَا ..... ﴿١٨٧﴾

"… *Itulah batas-batas larangan Allah, maka janganlah kamu menghampirinya...*" (Surah al-Baqarah: 187)

## BAB PERTAMA
## HUKUMAN ORANG BERZINA

٤٥- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ وَزَيْدِ بْنِ خَالِدٍ الْجُهَنِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَجُلًا مِنَ الْأَعْرَابِ أَتَى رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ، أَنْشُدُكَ بِاللهِ إِلَّا قَضَيْتَ لِي بِكِتَابِ اللهِ، فَقَالَ الْآخَرُ - وَهُوَ أَفْقَهُ مِنْهُ - نَعَمْ. فَاقْضِ بَيْنَنَا بِكِتَابِ اللهِ، وَأْذَنْ لِي، فَقَالَ: "قُلْ". قَالَ: إِنَّ ابْنِي كَانَ عَسِيفًا عَلَى هَذَا فَزَنَى بِامْرَأَتِهِ، وَإِنِّي أُخْبِرْتُ أَنْ عَلَى

ابْنِي الرَّجْمَ، فَافْتَدَيْتُ مِنْهُ بِمَائَةِ شَاةٍ وَوَلِيدَةٍ، فَسَأَلْتُ أَهْلَ الْعِلْمِ، فَأَخْبَرُونِي: أَنَّمَا عَلَى ابْنِيْ جَلْدُ مَائَةٍ وَتَغْرِيبُ عَامٍ، وَأَنَّ عَلَى اِمْرَأَةِ هَذَا الرَّجْمَ، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ، لَأَقْضِيَنَّ بَيْنَكُمَا بِكِتَابِ اللهِ، الْوَلِيدَةُ وَالْغَنَمُ رَدٌّ عَلَيْكَ، وَعَلَى اِبْنِكَ جَلْدُ مِائَةٍ وَتَغْرِيبُ عَامٍ، وَاغْدُ يَا أُنَيْسُ إِلَى اِمْرَأَةِ هَذَا، فَإِنْ اِعْتَرَفَتْ فَارْجُمْهَا." مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، هَذَا وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ.

45. Daripada Abu Hurairah (r.a) dan Zaid bin Khalid al-Juhani (r.a) bahawa ada seorang lelaki Badwi datang menghadap Rasululah (s.a.w) dan berkata: "Wahai Rasulullah, saya memohon kepada tuan untuk menghukum diriku sesuai dengan hukum Allah. Kemudian berkatalah (pihak kedua yang menjadi lawan kepada lelaki itu dan dia lebih cerdik daripadanya): "Ya, hukumlah kami sesuai dengan kitab Allah dan izinkan diriku untuk menjelaskan peristiwa itu." Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Silakan." Orang itu berkata: "Anak saya ini pekerja kepada lelaki itu. Dia kemudian berzina dengan isterinya itu dan aku mendapat tahu bahawa anak say itu wajib direjam. Lalu, saya menebus kesalahannya dengan membayar sebanyak seratus ekor kambing dan satu orang jariah. Kemudian saya menanyakan masalah ini kepada orang yang berilmu dan memberitahu kepadaku bahawa anak saya wajib direjam dan diasingkan selama satu tahun, sedangkan perempuan itu wajib direjam. Maka, Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Demi Allah, aku akan memutuskan hukum permasalahan kamu berdua ini sesuai dengan kitab Allah. Jariah dan kambing itu silakan kamu mengambilnya dan anakmu wajib disebat sebanyak seratus kali lalu diasingkan selama setahun. Sedangkan kamu wahai Unais, bertugas mendatangi perempuan ini. Jika dia mengakui perbuatan zinanya itu, maka rejamlah dia." (Muttafaq 'alaih dan lafaz hadis ini menurut riwayat Muslim: 1232).

**Makna Hadis**

Hadis ini mencakupi hukum-hakam zina. Oleh itu, Ibn Hajar memulai bab ini dengan mengemukakan hadis tersebut. Di dalamnya teradapat hukum zina bagi janda, zina bagi perawan, rejam, sebat dan buang negeri serta hukum pengakuan. Hadis ini menegaskan bahawa seorang yang belum pernah berkahwin lalu berzina dengan wanita yang pernah berkahwin hukumannya adalah rejam kalau dia mengakui perbuatannya dan hukuman bagi yang belum pernah kahwin adalah disebat seratus dan dibuang negeri selama setahun.

## Analisis Lafaz

"أنشدك الله", dibaca *fathah* huruf *alif* dan huruf *nun* dibaca *sukun*. Maksudnya, aku memohon kepadamu atas nama Allah. Perkataan "أنشدك" bermaksud aku mengingatkanmu, kemudian huruf *ba'* pada kalimat itu dibuang, yakni aku mengingatkanmu sambil mengangkat suara aku. Kalimat ini kemudian diungkapkan untuk mengungkapkan permohonan.

"قضيت", kamu menetapkan.

"أفقه منه", kelihatannya perawi sudah mengetahui sebelumnya atau mengetahui setelah mendengarkan percakapannya bahawa orang lebih alim dibandingkan dengan orang pertama.

"عسيفا", buruh.

"على هذا", yakni di sisi orang ini.

"وليدة", hamba perempuan. Dalam riwayat al-Bukhari menggunakan kata "خادم" dan tidak ada percanggahan antara kedua-dua riwayat itu kerana kalimat ini bermaksud pembantu digunakan untuk lelaki atau perempuan. Malah dalam riwayat yang lain pula dikatakan "جارية" yang bermaksud hamba perempuan yang masih muda usianya.

"رد عليك", yakni kamu menjawab.

"جلد مائة", maksudnya jatuhi hukuman bagi orang yang belum pernah berkahwin jika dia berzina, seolah-olah dia memahami ini daripada orang yang bertanya.

"أنيس", Unais. Ini merupakan bentuk *tashghir* dari kalimat Anas.

## Fiqh Hadis

1. Wajib menjatuhkan hukuman bagi orang yang berzina bukan *muhshan* dengan seratus kali sebat dan dibuang negeri selama setahun. Hukuman seratus kali sebatan itu turut ditegaskan oleh al-Quran dan merupakan ijma' ulama sedangkan buang negeri selama setahun itu masih diperdebatkan.
2. Wajib merejam orang yang berzina *muhshan*. Ini merupakan ijma' ulama dan tidak boleh digabungkan antara rejam dengan sebatan.
3. Dalam mengakui perbuatn zina sudah memadai dilakukan dengan sekali pangakuan sama seperti hukum-hukum yang selainnya. Inilah pendapat al-Hasan, Malik dan al-Syafi'i, Dawud dan lain-lain. Manakala mazhab Hanafi dan mazhab Hanbali pula berpendapat pengakuan mestilah diucapkan sebanyak empat kali. Alasan mereka adalah kisah Ma'iz berikut ini.

4. Hakim boleh menetapkan hukum dalam masalah hudud berdasarkan pengakuan pihak lawan yang ada di sisinya. Inilah salah satu pendapat al-Syafi'i namun berbeza dengan pendapat jumhur ulama.
5. Dibolehkan bersumpah terhadap sesuatu untuk menguatkannya.
6. Dibolehkan bersumpah meskipun tidak diminta untuk sumpah.
7. Seorang pemimpin boleh memberi izin kepada dua orang yang bertikai jika mereka datang bersamaan sebagai penuntut.
8. Disunatkan meminta izin terlebih dahulu jika hendak bercakap.
9. Mengakui perbuatan yang mewajibkan dirinya dijatuhi hukumam hudud menuntut hukuman itu wajib dilaksanakan ke atas dirinya.
10. Dibolehkan mengemukakan fatwa kepada dua orang yang bersengketa di hadapan hakim yang diungkapakan oleh yang lain.
11. Dibolehkan meminta fatwa kepada seseorang yang sebenarnya ada orang lain yang lebih unggul daripada dirinya.
12. Dibolehkan menyuruh seseorang bertaubat terlebih dahulu sebelum hukuman hudud dilaksanakan ke atas dirinya.

٤٦- وَعَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "خُذُوا عَنِّي، خُذُوا عَنِّي، فَقَدْ جَعَلَ اللهُ لَهُنَّ سَبِيلاً؛ اَلْبِكْرُ بِالْبِكْرِ جَلْدُ مِائَةٍ وَنَفْيُ سَنَةٍ، وَالثَّيِّبُ بِالثَّيِّبِ جَلْدُ مِائَةٍ وَالرَّجْمُ." رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

46. Daripada 'Ubadah bin al-Shamit (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Ambillah dariku, ambilah dariku! Allah telah memberi jalan bagi mereka (wanita); teruna dengan dara wajib disebat seratus kali dan dibuang negeri selama setahun, sedangkan janda dengan duda (dua pasangan yang pernah menikah) wajib disebat seratus kali dan direjam. (Diriwayatkan oleh Muslim: 1233).

**Fiqh Hadis**

Sebelum Rasululah (s.a.w) mengemukakan hadis ini, Allah (s.w.t) menurunkan ayat berikut:

وَٱلَّٰتِى يَأْتِينَ ٱلْفَٰحِشَةَ مِن نِّسَآئِكُمْ فَٱسْتَشْهِدُوا۟ عَلَيْهِنَّ أَرْبَعَةً مِّنكُمْ ۖ فَإِن شَهِدُوا۟ فَأَمْسِكُوهُنَّ فِى ٱلْبُيُوتِ حَتَّىٰ يَتَوَفَّىٰهُنَّ ٱلْمَوْتُ أَوْ يَجْعَلَ ٱللَّهُ لَهُنَّ

سَبِيلًا ﴿١٥﴾

*"Dan sesiapa yang melakukan perbuatan keji (zina) di antara perempuan-perempuan kamu, maka carilah empat orang lelaki di antara kamu yang menjadi saksi terhadap perbuatan mereka. Kemudian kalau keterangan-keterangan saksi itu mengesahkan perbuatan tersebut, maka kurunglah mereka (perempuan yang berzina itu) dalam rumah hingga mereka sampai ajal matinya, atau hingga Allah mengadakan untuk mereka jalan keluar (dari hukuman itu)."* (Surah al-Nisa':15)

Perkataan *al-Sabil* tersebut dijelaskan dalam hadis ini sebagai rejam bagi orang yang pernah berkahwin lalu berzina, dan bagi orang yang belum pernah berkahwin lalu berzina dihukum dengan seratus kali sebat dan dibuang negeri setahun.

**Analisis Lafaz**

"البكر", maksudnya, seseorang yang baligh, merdeka dan belum pernah melakukan hubungan suami isteri yang halal dengan cara menikah mengikut syariat Islam, sama da lelaki mahupun perempuan.

"بالبكر", *mafhum mukhlafah* perkataan ini tidak dimaksudkan di sini, kerana seorang yang belum pernah berkahwin dijatuhi hukuman sebat seratus kali sama ada dia berzina dengan orang sudah berkahwin ataupun sebaliknya.

"نفي سنة", dibuang negeri selama seratus tahun.

"الثيب", orang merdeka, baligh dan pernah berjimak secara halal menurut syariat Islam sama ada lelaki mahupun perempuan.

"بالثيب", *mafhum mukhalafah* perkataan ini tidak dimaksudkan di sini.

"الرجم", dilempari dengan batu hingga meninggal dunia.

**Fiqh Hadis**

1. Pezina bukan *muhsan* dijauthi hukuman dengan seratus kali sebatam seperti mana yang ditegaskan al-Quran dan merupakan ijma' ulama.
2. Dibuang negeri selama setahun sebagai tambahan ke atas hukuman sebat yang berjumlah seratus kali itu. Inilah hukuman hudud bagi orang yang belum pernah berkahwin lalu berzina. Hukuman buang negeri ini merupakan pendapat Khulafa' Rasyidin, Malik, al-Syafi'i, Imam Ahmad, Ishaq dan ulama yang lain. Abu Hanifah berpendapat tidak wajib dibuang negeri. Alasannya kerana hukuman buang negeri ini tidak disebut dalam surah al-Nur. Oleh yang demikian, hukuman ini dianggap sebagai menambah-nambah ke atas *nash* yang keberadaannya hanya ditetapkan dengan *khabar ahad*. *Khabar ahad* di sini tidak boleh dijadikan

sebagai landasan amalan kerana dianggap me-*mansukh* al-Qur'an, padahal tidak mungkin *khabar ahad* menggantikan dalil yang *mutawatir*. Mereka kemudian disanggah bahawa hadis ini masyhur dan dijadikan landasan beramalan oleh sahabat, di samping mazhab Hanafi lumrah menjadikan hadis seperti ini sebagai landasan beramal bahkan kadang kala kedudukannya lebih rendah daripada itu, seperti batal wuduk keran tertawa terbahak-bahak, boleh berwuduk dengan menggunakan perahan angggur dan lain-lain. Ibn al-Mundzir berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersumpah dalam kisah buruh dalam hadis sebelum ini bahawa baginda menetapkan hukum berlandaskan kitab Allah. 'Umar (r.a) pun pernah berkhuthbah bahawa pezina bukan *muhsan* wajib disebat seratus kali dan dibuang negeri selama setahun. Ulama yang mengatakaan wajib dibuang negeri berpendapat paling dekat jarak buang negeri itu adalah sejauh jarak yang membolehkan seseorang mengqasar solat. 'Umar (r.a) pernah membuang negeri dari Madinah ke Syam, sedangkan 'Utsman (r.a) pula pernah melakukan buang negeri ke Mesir. Jika orang yang hendak dibuang negeri itu seorang pengembara yang tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap, maka dibuang negeri dari tempat di mana dia berzina ke tempat yang lain.

3. Orang yang pernah berkahwin lalu berzina wajib disebat seratus kali, kemudian direjam jika telah dinyatakan telah berzina. Inilah pendapat Ali (r.a) seperti mana yang diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada Ali (r.a) bahawa beliau pernah menyebat Syurahah pada hari Khamis dan kemudian merejamnya pada hari Jumaat. Dalam kaitan ini, Ali (r.a) berkata: "Saya menyebatnya berdasarkan ketentuan di dalam kitab Allah dan merejamnya berdasarkan Sunnah Rasulullah (s.a.w). Inilah pendapat Imam Ahmad, Ishaq dan Ibn al-Mundzir. Menurut jumhur ulama, tidak boleh digabungkan antara sebat dan rejam. Hadis yang menetapkan hukuman sebat bagi orang yang pernah kahwin lalu berzina itu telah dimansukh dengan hadis Ma'iz ketika berzina seorang perempuan dari al-Ghamidi di mana Rasulullah (s.a.w) hanya merejam mereka tanpa dijatuhi sebatan. Dengan demikin, tidak ada kewajipan untuk menyebatnya lagi. Pendapat jumhur ulama ini disanggah, kerana ketiadaan menyebut sebat berserta rejam dalam hadis tersebut tidak bererti itu tidak dilakukan, kerana ada kemungkinan bahawa ketiadaan mennyebutnya di dalam hadis tersebut disebabkan sudah lumrah kerana ia merupakan hukuman yang asas bagi kes perzinahan seperti ini.

٤٧- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: أَتَى رَجُلٌ مِنْ الْمُسْلِمِينَ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ -وَهُوَ فِي الْمَسْجِدِ- فَنَادَاهُ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنِّي زَنَيْتُ، فَأَعْرَضَ عَنْهُ، فَتَنَحَّى تِلْقَاءَ وَجْهِهِ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنِّي زَنَيْتُ، فَأَعْرَضَ عَنْهُ، حَتَّى ثَنَّى

ذَلِكَ عَلَيْهِ أَرْبَعَ مَرَّاتٍ، فَلَمَّا شَهِدَ عَلَى نَفْسِهِ أَرْبَعَ شَهَادَاتٍ، دَعَاهُ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: "أَبِكَ جُنُونٌ؟" قَالَ: لَا، قَالَ: "فَهَلْ أَحْصَنْتَ؟" قَالَ: نَعَمْ، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "اِذْهَبُوا بِهِ فَارْجُمُوهُ." مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

47. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: “Seorang lelaki muslim pernah mendatangi Rasulullah (s.a.w) yang ketika itu baginda berada di dalam masjid. Lelaki itu memanggil baginda dan berkata: “Saya telah berzina wahai Rasulullah.” Baginda malah berpaling dari arah lelaki itu. Lelaki itu mengulangi pernyataannya: “Saya berzina wahai Rasulullah.” Baginda tetap berpaling daripadanya hingga lelaki itu mengulangi pernyataannya sebanyak empat kali. Setelah lelaki itu bersaksi ke atasnya empat kali, Rasulullah (s.a.w) memanggilnya dan bertanya: “Adakah kamu gila?” “Tidak”, jawab lelaki itu. “Adakah kamu pernah kahwin?”, tanya baginda. “Ya”, jawabnya. Rasulullah (s.a.w) kemudian bersabda: “Bawalah lelaki ini dan rejamlah dia.” (Muttafaq ‘alaih: 1234).

**Makna Hadis**

Telah dijelaskan sebelum ini bahawa dengan pengakuan seseorang boleh dijatuhi hukuman. Namun di sini Ibn Hajar mengemukakan satu hadis yang menegaskan pengakuan tidak cukup hanya sekali, melainkan mesti dilakukan diulangi sebanyak empat kali supaya orang yang membuat pengakuan boleh dijatuhi hukuman. Selain itu, hadis ini juga menjelaskan bahawa soalan yang diarahkan kepada orang yang mengaku berzina supaya benar-benar meyakini dirinya telah berzina di samping memastikan beberapa tidak adanya sebab-sebab yang boleh menghilangkan hukuman hudud seperti gila misalnya dan lain-lain.

**Analisis Lafaz**

“فأعرض”, yakni memalingkan wajahnya ke arah lain dan tidak menjawab soalannya.

“فتنحى تلقاء وجهه”, berpindah ke arah yang kemudian menjadi di hadapan wajahnya.

“ثنى”, mengulanginya.

“أحصنت”, sudah pernah kahwin.

**Fiqh Hadis**

1. Dalam mengakui perbuatan zina disyaratkan untuk membuat pengakuan sebanyak empat kali bagi memastikan pengakuan tersebut benar-benar diyakini oleh pelaku. Inilah pendapat mazhab Hanafi dan mazhab Hanbali yang berdalil kepada hadis tersebut di atas dan qiyas kepada kesaksian dalam berzina. Manakala al-Hasan, Malik, al-Syafi'i dan Dawud tidak mensyaratkan pengakuan berzina mesti diucapkan sebanyak empat kali dan dalil mereka adalah hadis sebelum ini tentang kisah *'asif* (buruh) di mana Rasulullah (s.a.w) bersabda kepada Unais: "Jika perempuan itu mengakui (perbuatannya), maka rejamlah dia." Jika pengakuan itu mesti dibuat secara berulang-ulang tentu Rasululah (s.a.w) menjelaskannya, kerana tidak dibolehkan mengakhirkan penjelasan daripada waktu di mana ia sudah diperlukan.

   Kumpulan al-Syafi'i ini menyanggah hadis tersebut di atas bahawa ia hadis yang *mudhtarib* dari segi riwayat, malah dalam Sahih Muslim disebutkan: "Pengakuan itu dibuat sebanyak dua atau tiga kali." Mereka menambahkan syarat berulang itu bukannya bertujuan untuk mengesahkan pengakuan, sebaliknya untuk mengukuhkan pengakuan belaka.

   Kumpulan al-Syafi'i ini kemudian disanggah oleh kumpulan mazhab Hanafi bahawa sabda Rasulullah (s.a.w): "Jika perempuan itu membuat pengakuan" itu ada kemungkinan bermaksud sebagai pengakuan yang syar'i dan oleh kerananya, ia masih bersifat umum yang kemudian diperinci oleh hadis-hadis yang lain. Hadis yang bersifat umum tidak dapat dijadikan hujah. Kedudukan hadis ini yang dianggap *mudhtarib* riwayatnya tidaklah menjadikannya cacat, kerana setiap periwayat menceritakan apa yang dia lihat dan periwayt yang mempunyai hujah meriwayatkan kepada yang tidak mempunyai hujah. Dalil yang menetapkan didahulukan ke atas dalil yang menolak. Selain itu, angggapan bahawa tindakan Rasulullah (s.a.w) di sini hanya bertujuan menguatkan pengakuan yang pertama adalah memerlukan dalil qath'i namun tidak ada dalil qath'i itu.

2. Wajib membuat penyelidikan secara terperinci dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan hukuman hudud. Malah dalam hadis ini ada perkataan: "Apakah kamu gila?" dan Adakah kamu sudah pernah berkahwin?" Dalam hadis Buraidah (r.a) pula disebutkan: "Apakah kamu meminum arak sebelumnya?", kemudian Rasululah (s.a.w) berdiri untuk menghidu kalau orang itu sebelumnya telah meminum arak. Dalam hadis Ibn Abbas (r.a) disebutkan: "Mungkin kamu hanya mencium atau merabanya saja." Dalam riwayat yang lain disebutkan: "Apakah kamu menyetubuhinya, adakah kamu menidurinya atau hanya menaikinya." Dalam hadis Abu Hurairah yang lain disebutkan: "Apakah itu kamu masuk dalam itunya perempuan itu?" Dia menjawab: "Ya."

Baginda bertanya lagi: "Seperti alat celak masuk dalam kotak celak dan seperti gayung masuk dalam sumur?" "Ya", jawabnya. Rasulullah (s.a.w) bertanya lagi: "Apakah kamu tahu apa itu zina?" Dalam kes yang lain, Ali bertanya kepada Syurahah: "Adakah kamu dipaksa?" "Adakah kamu bermimpi?". Inilah pendapat jumhur ulama, kecuali mazhab Maliki di mana mereka mengatakan tidak perlu ditanya seseorang yang sudah dikenal melakukan perkara-perkara yang diharamkan.

3. Seorang pemimpin boleh mewakilkan orang lain untuk melaksanakan hukuman rejam dan hudud.

٤٨- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: لَمَّا أَتَى مَاعِزُ بْنُ مَالِكٍ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَهُ: "لَعَلَّكَ قَبَّلْتَ أَوْ غَمَزْتَ أَوْ نَظَرْتَ؟" قَالَ: لَا يَا رَسُولَ اللهِ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

48. Daripada Ibn 'Abbas (r.a), beliau berkata: "Ketika Ma'iz bin Malik datang menghadap Rasululah (s.a.w), baginda bersabda kepada Ma'iz: 'Mungkin kamu hanya menciumnya atau hanya memegangnya atau hanya mencumbunya?" Ma'iz menjawab: "Tidak wahai Rasulullah!" (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1235).

**Fiqh Hadis**

Telah dijelaskan sebelum ini seorang hakim wajib meminta keterangan secara terperinci kepada orang yang mengakui berzina bahawa dia benar-benar zina tanpa ada unsur paksaan orang lain di samping tahu apa itu zina dan yakin kalau terjadi senggama yang menyebabkannya wajib dijatuhi hukuman hudud.

**Analisis Lafaz**

"غمزت", memberi isyarat dengan mata sebagai tanda hendak melakukan perbuatan zina, namun apa yang dimaksudkan di sini adalah meraba wanita dengan tangan, kerana dalam riwayat lain disebutkan: "Mungkin kamu memegangnya."

**Fiqh Hadis**

Memastikan bahawa perbuatan zina itu benar-benar terjadi di samping memberitahu orang yang mengaku itu sebab-sebab yang boleh mengugurkan hukuman hudud.

٤٩- وَعَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ خَطَبَ فَقَالَ: إِنَّ اللهَ بَعَثَ مُحَمَّدًا بِالْحَقِّ، وَأَنْزَلَ عَلَيْهِ الْكِتَابَ، فَكَانَ فِيمَا أَنْزَلَ اللهُ عَلَيْهِ آيَةُ الرَّجْمِ، قَرَأْنَاهَا وَوَعَيْنَاهَا وَعَقَلْنَاهَا، فَرَجَمَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَرَجَمْنَا بَعْدَهُ، فَأَخْشَى إِنْ طَالَ بِالنَّاسِ زَمَانٌ أَنْ يَقُولَ قَائِلٌ: مَا نَجِدُ الرَّجْمَ فِي كِتَابِ اللهِ، فَيَضِلُّوا بِتَرْكِ فَرِيضَةٍ أَنْزَلَهَا اللهُ، وَإِنَّ الرَّجْمَ حَقٌّ فِي كِتَابِ اللهِ عَلَى مَنْ زَنَى، إِذَا أُحْصِنَ مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ، إِذَا قَامَتِ الْبَيِّنَةُ أَوْ كَانَ الْحَبَلُ أَوِ الاِعْتِرَافُ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

49. Daripada 'Umar bin al-Khattab (r.a), beliau pernah berkhutbah yang di dalam khutbahnya itu berkata: "Sesungguhnya Allah mengutus Muhammad dengan kebenaran dan menurunkan kepadanya kitab suci. Antara ajaran yang diturunkan kepadanya adalah ayat rejam. Kami membaca, menghafal dan memahaminya. Rasulullah (s.a.w) menerapkan hukum rejam dan kami juga menerapkan hukuman rejam setelah kewafatan baginda. Saya khuatir setelah berlalunya zaman kelak ada orang yang mengatakan tidak hukuman rejam dalam kitab Allah, sehingga mereka tersesat lantaran meninggalkan kewajipan yang diturunkan Allah. Sesungguhnya rejam merupakan satu kewajipan kepada orang yang berzina jika dia *muhshan*, sama ada lelaki, mahupun wanita setelah adanya bukti, adanya hamil atau pengakuan." (Muttafaq 'alaih: 1236).

**Makna Hadis**

Telah dijelaskan sebelum ini beberapa bentuk mansukh; ada yang dimansukh tulisannya namun hukumnya tetap berlaku, iaitu ayat berikut:

وَالشَّيْخُ وَالشَّيْخَةُ إِذَا زَنَيَا فَارْجُمُوهُمَا الْبَتَّةَ نَكَالًا مِنَ اللهِ وَاللهُ عَزِيْزٌ حَكِيْمٌ.

"Atuk dan nenek apabila mereka berzina, rejamlah sebagai pengajaran dari Allah. Dan Allah Maha Mulia dan Maha Bijaksana."

Ayat ini ada di Surah al-Ahzab seperti mana yang ditegaskan dalam riwayat al-Isma'ili, Malik dalam al-Muwatth' dan al-Nasa'i.

Umar (r.a) khuatir lantaran sikap kehati-hatiannya akan ada ada satu generasi kelak yang mengatakan kami tidak menjumpai hukuman rejam dalam kitab Allah, hingga mereka lagi tidak melaksanakannya dan mereka tersesat. Umar (r.a) segera khutbah dan ini merupakan sebahagian daripada khutbahnya yang diriwayatkan oleh al-Bukhari.

**Analisis Lafaz**

"ووعيناها وعقلناها", kalimat kedua menjelaskan kalimat yang pertama.

**Fiqh Hadis**

1. Hukuman hudud bagi orang yang berzina *muhshan* adalah rejam sama ada lelaki mahupun perempuan.
2. Zina itu boleh diputuskan berdasarkan sumpah, adanya hamil dan pengakuan. Ulama berbeza pendapat tentang perempuan yang tidak bersuami atau tidak mempunyai majikan, kemudian hamil dan tidak ada kecurigaan yang dia melakukan perbuatan zina. Adakah dia wajib dijatuhi hukuman hudud? 'Umar (r.a) berpendapat perempuan itu wajib dijatuhi hukuman hudud dan inilah pendapat Malik. Imam al-Syafi'i dan Abu Hanifah mengatakan dia tidak dijatuhi hukuman hudud kecuali ada saksi atau adanya pengakuan, kerana hudud boleh digugurkan sebab adanya *syubuhat.*

٥٠- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "إِذَا زَنَتْ أَمَةُ أَحَدِكُمْ، فَتَبَيَّنَ زِنَاهَا، فَلْيَجْلِدْهَا الْحَدَّ، وَلَا يُثَرِّبْ عَلَيْهَا، ثُمَّ إِنْ زَنَتْ فَلْيَجْلِدْهَا الْحَدَّ، وَلَا يُثَرِّبْ عَلَيْهَا، ثُمَّ إِنْ زَنَتِ الثَّالِثَةَ، فَتَبَيَّنَ زِنَاهَا، فَلْيَبِعْهَا وَلَوْ بِحَبْلٍ مِنْ شَعَرٍ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ وَهَذَا لَفْظُ مُسْلِمٍ.

50. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jika hamba perempuan salah satu kamu berzina dan terbukti melakukan zina, maka hendaklah dia dipukul dan tidak boleh dimaki. Jika berzina lagi untuk kali kedua dan terbukti melakukan zina, maka hendaklah dia dipukul dan jangan dimaki. Jika berzina lagi untuk kali ketiga dan terbukti melakuakan zina, maka pukulah dia dan hendaklah dijual, meskipun denga satu ikat kacang". (Muttafaq 'alaih dan lafaz hadis ini milik Muslim: 1237).

**Makna Hadis**

Di sini Ibn Hajar menjelaskan hukum hamba perempuan di mana mereka juga wajib dijatuhi hukuman hudud dan tidak ada kata maaf jika terbukti melakukan perbuatan zina. Di sini Rasulullah (s.a.w) mendorong majikan menjual hamba perempuan milik mereka jika telah terbukti berbuat zina meskipun dengan harga yang murah.

## Analisis Lafaz

"يثرب", diawali dengan huruf *ya'*, kemudian huruf *ra'* yang selanjutnya huruf *ba'*. *Al-Tastrib* pula bermaksud dan memaki hamun.

"بحبل من شعر", seikat kacang. Dalam satu riwayat disebutkan: "dengan sehelai kain." Dalam riwayat lain pula disebutkan: "walaupun dengan seutas tali." Maksudnya adalah hamba perempuan yang berzina itu hendaklah dijual walau dengan harga murah sekalipun.

## Fiqh Hadis

1. Seorang majikan yang mengetahui hamba perempuan miliknya berzina sudah memadai untuk dijatuhi hukuman hudud ke atasnya, tidak perlu adanya saksi dan pengakuan. Inilah pendapat sekumpulan ulama, namun berbeza dengan jumhur ulama yang berpendapat saksi dibawa di hadapan hakim meskipun tidak demikian di hadapan majikan.
2. Wewenang menyebat hamba perempuan kerana berzina adalah majikannya. Inilah pendapat al-Syafi'i, Malik, Imam Ahmad, Ishaq, al-Hasan, al-Tsauri, al-Auza'i, 'Alqamah dan al-Aswad. Diriwayatkan daripada Ibn Mas'ud, Ibn Umar, Fatimah di mana mereka turut mengemukakan pendapat yang serupa. Bahkan Ibnu Hazim menuturkan ini merupakan pendapat dua belas orang sahabat. Sedangkan mazhab Hanafi berpendapat kes zina hamba perempuan hendaklah dilaporkan kepada pemimpin dan tidak boleh menjatuhkan hukuman hudud sendiri.
3. Majikan setelah menyebat hamba perempuan miliknya tidak boleh menghina atau mencacinya.
4. Hukuman hudud hendaklah dijatuhkan setiap kali ada perbuatan berzina.
5. Hamba perempuan yang sudah tiga kali berzina wajib dijual. Inilah pendapat Dawud al-Zahiri, namun menurut jumhur ulama, hukumnya sunat bukannya wajib.
6. Mencerai hamba perempuan yang berzina tidaklah wajib, kerana perkataan "*al-amah*" mencakupi hamba perempuan wanita yang sudah dijimak oleh majikannya dan perempuan yang belum dijimak oleh majikannya.

   Dalam kaitan ini ada satu soalan, adakah seorang hamba perempuan sama ada *muhshan* atau tidak kalau berzina wajib dijatuhi hukuman hudud? Ali (r.a) berkata: "Laksanakan hudud ke atas hamba kamu baik *muhshan* mahupun sebaliknya. Inilah pendapat jumhur ulama dan dalilnya hadis ini. Ibn 'Abbas dan Thawus berpendapat tidak ada hukuman hudud ke atas hamba perempuan yang belum pernah

berkahwin apabila dia berzina dan dalilnya firman Allah (s.w.t):

..... فَإِذَآ أُحۡصِنَّ فَإِنۡ أَتَيۡنَ بِفَٰحِشَةٖ فَعَلَيۡهِنَّ نِصۡفُ مَا عَلَى ٱلۡمُحۡصَنَٰتِ مِنَ ٱلۡعَذَابِۚ ..... ﴿٢٥﴾

"*Kemudian setelah mereka (hamba-hamba perempuan itu) berkahwin, lalu mereka melakukan perbuatan keji (zina), maka mereka dikenakan separuh dari (hukuman) seksa yang ditetapkan ke atas perempuan-perempuan yang merdeka*." (Surah al-Nisa': 25) Dalam ayat ini disyaratkan adanya *ihshan.* Apapun, pendapat ini disanggah bahawa ayat tersebut hanya menyebutkan hukuman rejam kerana hukuman ini tidak mungkin diambil setengahnya sahaja, sedangkan rejam hanya dijatuhkan ke atas orang *muhshan*. Oleh itu, *ihshan* disebutkan di sini namun berbeza dengan sebat, kerana ia boleh diambil setengahnya sahaja.

٥١- وَعَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَقِيمُوا الْحُدُودَ عَلَى مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ. وَهُوَ فِي "مُسْلِمٍ" مَوْقُوفٌ.

51. Daripada Ali (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Laksanakanlah hukuman hudud ke atas hamba sahaya milik kamu." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan hadis ini dalam Sahih Muslim *mawquf*: 1238).

### Makna Hadis

Ibn Hajar mengemukakn hadis ini bagi menyokong pendapat jumhur ulama di mana hamba perempuan wajib dijatuhi hukuman hudud apabila berzina, sama ada *muhshan* ataupun sebaliknya.

### Analisis Lafaz

"وهو فى مسلم موقوف", ini mengisyaratkan hadis ini *mawquf* bukannya *marfu'*, kerana Abdul A'la bin Amir al-Tsa'labi yang menjadikannya *marfu'* meskipun dia banyak melakukan kesalahan dan sering menyalahi periwayat yang lebih *tsiqah*.

### Fiqh Hadis

1. Hukuman hudud wajib dilaksanakan ke atas hamba sahay, sama ada *muhshan* ataupun sebaliknya dan inilah pendapat jumhur ulama.

2. Pelaksana hukuman hudud ke atas hamba yang berzina adalah majikannya dan pendapat jumhur ulama dalam masalah ini lebih bersesuaian dengan *atsar*.

٥٢- وَعَنْ عِمْرَانَ بْنِ حَصِينٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ اِمْرَأَةً مِنْ جُهَيْنَةَ أَتَتْ نَبِيَّ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ -وَهِيَ حُبْلَى مِنَ الزِّنَا-فَقَالَتْ: يَا نَبِيَّ اللهِ، أَصَبْتُ حَدًّا، فَأَقِمْهُ عَلَيَّ، فَدَعَا نَبِيُّ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلِيَّهَا. فَقَالَ: "أَحْسِنْ إِلَيْهَا فَإِذَا وَضَعَتْ فَائْتِنِي بِهَا"، فَفَعَلَ. فَأَمَرَ بِهَا فَشُكَّتْ عَلَيْهَا ثِيَابُهَا، ثُمَّ أَمَرَ بِهَا فَرُجِمَتْ، ثُمَّ صَلَّى عَلَيْهَا، فَقَالَ عُمَرُ: أَتُصَلِّي عَلَيْهَا يَا نَبِيَّ اللهِ وَقَدْ زَنَتْ؟ فَقَالَ: "لَقَدْ تَابَتْ تَوْبَةً لَوْ قُسِّمَتْ بَيْنَ سَبْعِينَ مِنْ أَهْلِ الْمَدِينَةِ لَوَسِعَتْهُمْ، وَهَلْ وَجَدَتْ أَفْضَلَ مِنْ أَنْ جَادَتْ بِنَفْسِهَا لِلَّهِ؟". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

52. Daripada 'Imran bin Hushain (r.a) bahawa seorang perempuan Juhainah mendatangi Rasulullah (s.a.w) -dalam keadaan hamil kerana berbuat zina- dan wanita itu berkata: "Wahai Nabi Allah, Saya telah melakukan satu perbuatan yang mewajibkan diri saya dijatuhi hukuman hudud dan laksanakanlah hukuman itu ke atas diri saya." Rasulullah (s.a.w) kemudian memanggil walinya. Baginda bersabda: "Perlakukan perempuan ini dengan baik. Jika dia sudah bersalin, bawalah dia kemari." Walinya mematuhi apa yang diperintah Rasulullah (s.a.w). Setelah bersalin, perempuan itu didatangkan lagi dan bajunya diikat kemudian direjam hingga meninggal dunia dan kemudian jenazahnya disolatkan. Melihat itu, Umar berkata: "Wahai Rasulullah, patutkah kita mensolatkan jenazahnya padahal dia seorang yang telah berbuat berzina?" Baginda menjawab: "Dia telah bertaubat dengan taubat yang seandainya dibahagikan kepada tujuh puluh orang penduduk Madinah tentu sudah cukup bagi mereka. Adakah kamu pernah menjumpai seseorang yang lebih mulia daripada keikhlasannya kepada Allah?" (Diriwayatkan oleh Muslim: 1239).

**Makna Hadis**

Zina yang dilakukan oleh seseorang tidak mengakibatkan apa-apa kesan kepada anaknya dan oleh kerananya, dia tidak boleh dibunuh meskipun itu anak zina. Dalam kaitan itu, Rasulullah (s.a.w) menunda pelaksanaan hukuman zina sehinggalah perempuan hamil akibat itu melahirkan anaknya. Hadis ini juga menyuruh untuk segera bertaubat dengan cara melaksanakan qisas bagi membersihkan diri seseorang yang berzina dan 'Ubadah bin al-Shamit meriwayatkan satu hadis daripada Rasulullah (s.a.w):

فَمَنْ أَصَابَ حَدًّا فَعُوْقِبَ بِهِ فِي الدُّنْيَا فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَهُ.

"Barangsiapa yang melakukan perbuatan yang mengakibatkan dirinya dijatuhi hukuman hudud, kemudiaan dijatuhi hukuman hudud (diseksa) di dunia, maka itu menjadi kifarat baginya."

**Analisis Lafaz**

"امرأة جهينة", perempuan ini dikenal sebagai seorang wanita dari al-Ghamidiyah.

"أصبت", saya melakukan.

"حدا", sesuatu yang mewajibkan untuk dijatuhi hukuman hudud.

"أقمه", laksanakanlah.

"وضعت", melahirkan.

"شكت", *mabni lil majhul*, yakni diikat dengan kuat.

"لوسعتهم", mencukupi mereka

" جادت", berasal perkataan *al-jud* , yakni menawarkan diri

**Tambahan**

Dalam riwayat Muslim disebutkan rejam dilaksanakan setalah anaknya selesai menyusu dan sudah dapat memakan roti. Al-Nawawi berkata: "Hadis pertama yang menjatuhkan hukuman rejam sejurus setelah melahirkan hendaklah ditakwilkan dengan hadis kedua ini."

**Fiqh Hadis**

1. Perempuan *muhshan* wajib direjam jika dikenal pasti telah berzina berdasarkan ijma' ulama.
2. Perempuan hamil akibat berzina hendaklah ditangguhkan pelaksanaan hukuman hududnya sehingga melahirkan dan kemudian diberi kesempatan untuk menyusui bayinya.
3. Pakaian wanita yang hendak direjam mestilah diikat kuat supaya tidak terbuka auratnya ketika direjam. Ulama bersepakat wanita dirajam dalam keadan duduk, sedangkan lelaki pula direjam dalam keadaan berdiri, kecuali Malik di mana beliau berpendapat lelaki juga mesti direjam dalam keadaan duduk.
4. Pemimpin disunatkan menyembahyangkan jenazah orang yang mati direjam kerana diyakini mereka benar-benar bertaubat. Namun ada

yang mengatakan bahawa riwayat hadis ini menggunakan bentuk *mabni lil majhul* seperti mana yang ditegaskan al-Thabari dan selainnya berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dawud: "Rasulullah (s.a.w) menyuruh untuk menyembahyangkan jenazahnya." Sedangkan perkataan 'Umar (r.a): "Tuan menyembahyangkan jenazahnya" sebagai perintah kepada orang lain untuk menyembahyangkannya. Namun perbuatan ini kemudian disandarkan kepada Rasulullah (s.a.w), kerana baginda yang menyuruh untuk itu. Bagi pensyarah kitab ini, riwayat yang menyebutkan: "menyuruh mereka untuk menyembahyangkan jenazahnya" tidak ada percanggahan dengan riwayat yang menjelaskan Rasulullah yang menyembahyangkan jenazahnya. Menggabungkan maksud dua hadis ini lebih baik berbanding mengabaikannya dan membenturkan zahir nas itu tidak dibolehkan tanpa ada dalil yang jelas.

5. Taubat tidak menggugurkan kewajipan pelaksanaan hudud. Inilah pendapat jumhur ulama. Mengikut pendapat yang paling sahih menurut mazhab Syafi'i, jika bertaubat sebelum dilaksanakan hukuman hudud, tidak gugur kewajipan hukuman hudud.

**Penting**

Dalam riwayat Muslim disebutkan: "Rasulullah (s.a.w) sendiri yang menggalikan tempat rejam hingga setinggi dadanya." Dalam riwayat Buraidah tentang kisah rejam Ma'iz disebutkan: "Rasulullah (s.a.w) menggalikan lubang untuk orang itu."

Al-Baghawi berkat: "Kebanyak riwayat tidak ada menyebutkan adanya penggalian. Dalam riwayat Abu Sa'id disebutkan: "Demi Allah, kami tidak mengikatnya dan tidak pula menggalikannya lubang." Atas dasar ini ulama berbeza pendapat." Sebahagian ulama berpendapat lelaki yang hendak direjam hendaklah digalikan lubang dan inilah pendapat Imam Ahmad sedangkan Qatadah pula berpendapat lelaki dan perempuan hendaklah digalikan lubang jika hendak dilaksanakan hukum rejam ke atasnya. Sekumpulan ulama lagi mengatakan tidak mesti digalikan lubang untuk lelaki namun mesti digalikan lubang untuk perempuan ketika hendak dilaksanakan hukuman rejam. Inilah pendapat Abu Yusuf dan Abu Tsawur.

٥٣- وَعَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: رَجَمَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلًا مَنْ أَسْلَمَ، وَرَجُلًا مِنَ الْيَهُودِ وَامْرَأَةً. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

53. Daripada Jabir bin Abdullah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah merejam seorang lelaki dari Aslam, dan seorang lelaki Yahudi dan seorang perempuan." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1240).

٥٤- وَقِصَّةُ رَجْمِ الْيَهُودِيَّيْنِ فِي "الصَّحِيحَيْنِ" مِنْ حَدِيثِ ابْنِ عُمَرَ.

54. Kisah rejam dua orang Yahudi dalam Sahih al-Bukahri dan Sahih Muslim daripada Ibn 'Umar.: 1241.

**Makna Hadis**

Ibn Hajar mengemukakan hadis ini untuk menjelaskan keumuman hadis sebelum ini di mana pelaksanaan hukuman zina tidak sebatas kepada orang muslim, sebaliknya ia juga diwajibkan kepada orang ahli kitab, orang musyrik dan orang kafir dengan berlandaskan firman Allah (s.w.t):

لَّقَدْ كَفَرَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓاْ إِنَّ ٱللَّهَ ثَالِثُ ثَلَٰثَةٍ ..... ﴿٧٣﴾

"*Demi sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang berkata: "Bahawasanya Allah ialah salah satu dari tiga tuhan*." (Surah al-Ma'idah: 73) Demikian pula firman Allah (s.w.t):

لَّقَدْ كَفَرَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓاْ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْمَسِيحُ ٱبْنُ مَرْيَمَ ..... ﴿١٧﴾

"*Demi sesungguhnya! Telah kafirlah orang-orang yang berkata: "Bahawasanya Allah ialah al-Masih Ibni Maryam...*" (Surah al-Ma'idah: 17)

**Analisis Lafaz**

"في الصحيحين", lafaz hadis ini sebagai berikut:

أَنَّ الْيَهُودَ جَاءُوا إِلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَذَكَرُوا لَهُ أَنَّ رَجُلًا مِنْهُمْ وَامْرَأَةً زَنَيَا، فَقَالَ لَهُمْ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَا تَجِدُونَ فِي التَّوْرَاةِ فِي شَأْنِ الرَّجْمِ؟ فَقَالُوا: نَفْضَحُهُمْ وَيُجْلَدُونَ، فَقَالَ عَبْدُ اللهِ بْنُ سَلَامٍ: كَذَبْتُمْ إِنَّ فِيهَا الرَّجْمَ، فَأَتَوْا بِالتَّوْرَاةِ فَنَشَرُوهَا، فَوَضَعَ أَحَدُهُمْ يَدَهُ عَلَى آيَةِ الرَّجْمِ، فَقَرَأَ مَا قَبْلَهَا وَمَا بَعْدَهَا، فَقَالَ لَهُ عَبْدُ اللهِ بْنُ سَلَامٍ: ارْفَعْ يَدَكَ فَرَفَعَ يَدَهُ، فَإِذَا فِيهَا آيَةُ الرَّجْمِ، فَقَالُوا: صَدَقَ يَا مُحَمَّدُ، فِيهَا آيَةُ الرَّجْمِ، فَأَمَرَ بِهِمَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَرُجِمَا، قَالَ عَبْدُ اللهِ: فَرَأَيْتُ الرَّجُلَ يَجْنَأُ عَلَى الْمَرْأَةِ يَقِيهَا الْحِجَارَةَ.

"Orang Yahudi datang menghadap Rasulullah (s.a.w) menceritakan ada seorang lelaki dengan perempuan dari kalangan mereka telah berzina. Baginda bertanya kepada mereka: "Apa yang kamu jumpai dalam Kitab Taurat tentang rejam?" Mereka menjawab: "(Orang yang berzina itu) kami telanjangi dan kami memukul mereka." Abdullah bin Salam berkata: "Kamu ini berbohong, kerana di dalam kitab Taurat itu ada hukum rejam." Mereka kemudian dibawakan kitab Taurat dan dibentangkan di hadapan mereka. Salah seorang mereka meletakan tangannya pada ayat rejam (supaya tidak kelihatan oleh Rasulullah (s.a.w). Abdullah bin Salm membacakan ayat sebelum dan sesudahnya. Abdullah bin Salam lalu berkat: "Angkat tanganmu! Kamu meletakkan tangan di situ kerana di dalamnya ada ayat rejam." Mereka akhirnya mengakui: "Benar wahai Muhammad. Di dalam kitab Taurat ada hukuman rejam!" Lelaki dan perempuan yang berzina itu kemudian disuruh supaya dijatuhi hukuman rejam oleh Rasulullah (s.a.w). Abdullah bin Salam berkata: "Saya melihat lelaki itu melindungi perempuan tersebut daripada lemparan batu."

**Fiqh Hadis**

Orang musyrik jika berzina wajib direjam. Inilah pendapat jumhur ulama termasuk al-Syafi'i, Imam Ahmad dan Ishaq. Mazhab Maliki dan majoriti mazhab Hanafi berpendapat orang musyrik tidak wajib direjam. Alasan mereka rejam itu disyaratkan adanya *ihshan,* sedangakn antara syarat *ihshan* itu mesti seseorang beragama Islam. Mereka menyanggah pendapat pertama dengan mengatakan Rasulullah (s.a.w) merejam orang Yahudi itu bukan berlandaskan perintah yang ada di dalam al-Qur'an sebaliknya berdasarkan perintah yang ada di dalam kitab Taurat.

Sanggahan mereka dapat dibantah dengan mengatakn mereka datang menanyakan keputusan Rasulullah (s.a.w) bukan menanyakan keputusan hukum mereka. Dengan demikian, itu merupakan syariatnya. Namun Rasulullah (s.a.w) ingin memperlihatkan hujah kepada mereka di samping mereka telah memalsukan kitab Taurat dan hukum-hakam yang ada di dalamnya. Di sini Rasulullah (s.a.w) mengingatkan bahawa hukum rejam sama dengan hukum rejam yang ada di dalam kitab Taurat. Selain itu, Allah (s.w.t) berfirman:

وَأَنِ ٱحْكُم بَيْنَهُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ ..... ﴿٤٩﴾

"*Dan hendaklah engkau menjalankan hukum di antara mereka dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah*." (Surah al-Ma'idah: 49) Dengan ayat ini, tidak mungkin Rasulullah (s.a.w) meninggalkan hukum Allah kepada mereka kemudian menjatuhkan hukuman kepada mereka berdasarkan syariat mereka yang telah di-*mansukh*.

٥٥- وَعَنْ سَعِيدِ بْنِ سَعْدِ بْنِ عِبَادَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَ بَيْنَ أَبْيَاتِنَا رُوَيْجِلٌ ضَعِيفٌ، فَخَبَثَ بِأَمَةٍ مِنْ إِمَائِهِمْ، فَذَكَرَ ذَلِكَ سَعْدٌ لِرَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: "اِضْرِبُوهُ حَدَّهُ". فَقَالُوا: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنَّهُ أَضْعَفُ مِنْ ذَلِكَ، فَقَالَ: "خُذُوا عِثْكَالًا فِيهِ مِائَةُ شِمْرَاخٍ، ثُمَّ اِضْرِبُوهُ بِهِ ضَرْبَةً وَاحِدَةً". فَفَعَلُوا. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالنَّسَائِيُّ وَابْنُ مَاجَه، وَإِسْنَادُهُ حَسَنٌ. لَكِنْ اخْتُلِفَ فِي وَصْلِهِ وَإِرْسَالِهِ.

55. Daripada Sa'id bin 'Ubadah (r.a), beliau berkata: "Di rumah kami ada lelaki kecil yang berzina dengan seorang hamba perempuan. Sa'ad kemudian menceritakan peristiwa ini kepada Rasulullah (s.a.w) dan baginda bersabda: "Pukullah dia sebagai hukuman hudud ke atasnya." Para sahabat berkata: "Dia seorang lelaki lemah dan tidak mampu dijatuhi hukuman itu." Baginda bersabda: "Ambillah tandan kurma yang mempunyai seratus cabang lembut, kemudian pukullah dengan itu satu kali pukulan." Mereka kemudian melaksanakannya." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, al-Nasa'i dan Ibn Majah dengan sanad hasan, namun ulama berbeza pendapat sama ada hadis ini *mawsul* atau *mursal*: 1242).

**Makna Hadis**

Hudud boleh diringankan bagi orang lemah jika diyakni hukuman itu bakal mengakibatkan kematiannya, kerana tujuan menyebat itu untuk membuatnya berhenti mengulangi jenayahnya dan tidak lagi berbuat zina, bukan untuk merosakkan fizikalnya apatah lagi membunuhnya. Ini berbeza dengan hukuman rejam, di mana tujuannya membersihkan dirinya daripada dengan cara membunuhnya.

**Analisis Lafaz**

"أبياتنا", bentuk jamak dari perkataan "بيت" yang bermaksud rumah.

"رويجل", bentuk *tashghir* dari perkataan "رجل" yang bermaksud lelaki.

"ضعيف", lemah fizikalnya.

"فخبث", yakni berkelakukan tidak senonoh.

"أضعف من ذلك" tidak akan mempu menahan hukuman itu dan mati jika dilaksanakan hukuman itu ke atas dirinya.

"عثكالا", dibaca *kasrah* huruf *ain*, kemudain diikuti huruf *tsa'*, yakni tandan kurma.

"شمراخ", sama seperti timbangan "عثكال" yang dimulakan dengan huruf *syin*, kemudian diikuti huruf *mim*, setelah itu huruf *ra'* lalu huruf *alif* dan huruf *kha'*, yakni pelapah lembut yang keluar dari pangkal tandan.

**Fiqh Hadis**

Seseorang yang lemah kerana sakit atau sebab-sebab yang lain dan tidak mampu menanggung beban hukuman sebat hendaklah dihukum dengan sesuatu yang dianggap dia mampu untuk memikulnya. Inilah pendapat jumhur ulama. Dalam kaitan ini, ulama mensyaratkan seluruh pelapah lembut itu hendaklah mengenai tubuh orang yang disebat itu supaya tujuan hukuman hudud itu sudah memadai, namun ada ulama yang tidak mensyaratkan demikian. Inilah pendapat yang paling mendekati makna zahir hadis.

**Periwayat Hadis**

Sa'id bin Sa'ad bin 'Ubadah, Abu Sa'ad seorang pemimpin Anshar. Al-Waqidi menambahkan Sa'ad seorang sahabat malah pernah menjadi gubenor Yaman pada masa pemerintahan Khilafah Ali (r.a).

٥٦- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ وَجَدْتُمُوهُ يَعْمَلُ عَمَلَ قَوْمِ لُوطٍ، فَاقْتُلُوا الْفَاعِلَ وَالْمَفْعُولَ بِهِ، وَمَنْ وَجَدْتُمُوهُ وَقَعَ عَلَى بَهِيمَةٍ، فَاقْتُلُوهُ وَاقْتُلُوا الْبَهِيمَةَ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ، وَرِجَالُهُ مُوَثَّقُونَ، إِلَّا أَنَّ فِيهِ اخْتِلَافًا.

56. Daripada Ibn 'Abbas (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barangsiapa yang mendapati orang yang melakukan perbuatan keji yang pernah dilakukan oleh kaum Nabi Luth (liwat), maka bunuhlah orang yang meliwat dan orang yang diliwat. Barangsiapa yang mendapati seseorang menyetubuhi haiwan, maka bunuhlah orang itu dan haiwan tersebut." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan *al-Arba'ah*, sedangkan perawinya *tsiqah* meskipun ada perbezaan pendapat: 1243).

**Makna Hadis**

Hadis ini mengandungi dua makna; *pertama*, seseorang yang meliwat lelaki lain hendaklah kedua-duanya sama-sama dibunuh; *kedua*, seseorang yang menyetubuhi haiwan hendaklah orang itu dan haiwan yang disetubuhinya

dibunuh. Alasannya menurut Ibn 'Abbas adalah khuatir dagingnya dimakan oleh manusia.

## Analisis Lafaz

"عمل قوم لوط", ini yang diceritakan oleh Allah dalam al-Qur'an di mana Nabi Luth mengingkari perbuatan keji ini:

أَتَأْتُونَ ٱلذُّكْرَانَ مِنَ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٦٥﴾

"*Kenapa kalian menggauli lelaki dari alam.*" (Surah al-Syu'ara': 165)

"الا أن فيه اختلافا", inilah yang diisyaratkan oleh Abu Dawud setelah meriwayatkan hadis ini, di mana beliau meriwayatkannya daripada Ibn Abbas secara *mawquf* yang berkata: "Seorang yang masih belum menikah lalu ketahuan melakukan liwat dengan lelaki lain hendaklah dijatuhi hukuman direjam." Abu Dawud berkata: "Hadis 'Ashim melemahkan hadis Amr bin Abu Amr, yakni hadis ini." Abu Dawud lalu meriwayatkan hadis 'Ashim daripada Abu Razin daripada Ibn Abbas, beliau berkata: "Seseorang yang menggauli binatang tidak semestinya dijatuhi hukuman hudud."

Menurut pensyarah kitab ini, jika Ibn 'Abbas memfatwakan itu, meskipun ia bercanggah dengan apa yang diriwayatkannya, maka kesahihan hadisnya diragukan persis seperti mana yang diungkapkan oleh Abu Dawud sebelum ini.

## Fiqh Hadis

1. Orang yang melakukan liwat seperti kaum Nabi Luth hendaklah orang yang meliwat dan orang yang diliwat dibunuh. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i dalam qawl qadim dan sekumpulan ulama yang lain, sama ada mereka *muhshan* atau tidak. Ada yang mengatakan hukuman liwat sama seperti hukuman zina[2]. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i dalam qawl jadid dan sekumpulan ulama salaf dan khalaf. Ada pula yang mengatakan mereka wajib dibakar dengan api. Pendapat ini diriwaytkan daripada Abu Bakar, 'Ali, Abdullah bin al-Zubair dan Hisyam bin Abdul Malik. Ada juga yang mengatakan mereka dihumban dari atas binaan paling tinggi di suatu negeri lalu dijatuhkan dalam keadaan kepala menjurus ke bawan kemudian diikuti dengan batu. Pendapat ini diriwaytkan daripada Ali dan Ibn Abbas. Ada juga yang mengatakan mereka wajib

[2] Jika orang yang meliwat *muhshan*, maka dia direjam, namun jika tidak, maka hendaklah dia disebat. Pendapat ini diriwayatkan daripada al-Hasan, Atha', Ibn al-Musayyab, Qatadah, al-Nakha'i dan Sufyan al-Tsawri dan al-Auza'i.

direjam. Inilah pendapat Malik, Imam Ahmad dan Ishaq, sama ada mereka *muhshan* ataupun tidak.

2. Orang yang menyetubuhi binatang, maka orang itu sekali gus bintang yang disetubuhinya wajib dibunuh. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i dan berkata: "Jika hadis ini sahih, itulah pendapatku." Pendapat ini diriwayatkan daripada al-Qasim dan Ishaq. Dalam pendapat yang lain, Imam al-Syafi'i berpendapat, mereka wajib dijatuhi hukuman hudud kerana diqiyaskan kepada orang yang berzina dan sama pula dengan orang yang melakukan liwat. Imam Ahmad dan sekumpulan ulama mengatakan mereka wajib di-*ta'zir*. Pendapat ini diriwayatkan daripada Atha', al-Nakha'i, al-Hakam, Malik dan Sufyan al-Tsauri dan kebanyakan mazhab Hanafi. Al-Zuhri berkata: "Orang yang menyetubuhi haiwan hendaklah disebat seratus kali, sama ada *muhshan* atau tidak."

٥٧- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ضَرَبَ وَغَرَّبَ، وَأَنَّ أَبَا بَكْرٍ ضَرَبَ وَغَرَّبَ، وَأَنَّ عُمَرَ ضَرَبَ وَغَرَّبَ. رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ، إِلَّا أَنَّهُ اخْتُلِفَ فِي رَفْعِهِ وَوَقْفِهِ.

57. Daripada Ibn 'Umar (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah memukul dan membuang negeri, Abu Bakar pula pernah memukul dan membuang negeri, dan 'Umar juga pernah memukul dan membuang negeri." (Diriwaytkan oleh al-Timizi dengan periwayatnya yang *tsiqah*, tetapi ulama berbeza pendapat sama ad ia *marfu'* atau *mawquf*: 1244).

**Makna Hadis**

Dengan hadis ini, Ibn Hajar ingin menegaskan bahawa hukuman bagi orang yang belum pernah berkahwin apabila berzina hendaklah disebat seratus kali dan dibuang negeri. Dalam kaitan ini, ada hadis sahih yang *marfu'*. Adapun perbezaan pendapat ulama ini tentang hadis ini sama ada ia *marfu'* atau *mawquf* lantaran tidak ada menyebut Rasulullah (s.a.w), itu tidak menjadikan hadis ini cacat untuk dijadikan dalil, kerana hadis ini sememangnya *marfu'*.

٥٨- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: لَعَنَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُخَنَّثِينَ مِنَ الرِّجَالِ، وَالْمُتَرَجِّلَاتِ مِنَ النِّسَاءِ، وَقَالَ: "أَخْرِجُوهُمْ مِنْ بُيُوتِكُمْ". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

58. Daripada Ibn 'Abbas (r.a), beliau berkata: "Rasululah (s.a.w) melaknat lelaki yang menyerupai perempuan dan permpuan yang menyerupai lelaki." Baginda

bersabda: "Halaulah mereka dari rumah kamu." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1245).

### Makna Hadis

Allah menciptakn makhluk; lelaki dan perempuan. Setiap mereka mempunyai ciri tersendiri yang membezakan mereka secara fizikal selari dengan apa yang hendak dilakukannya. Allah (s.w.t) berfirman:

..... فِطْرَتَ ٱللَّهِ ٱلَّتِى فَطَرَ ٱلنَّاسَ عَلَيْهَا ۚ لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ ٱللَّهِ ۚ ..... ﴿٣٠﴾

"*...(turutlah terus) agama Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu;...*" (Surah al-Rum: 30) Sedangkan syaitan sentiasa berusaha membisikkan percanggahan tentang itu. Allah menggambarkan perkataan syaitan:

..... وَلَأٓمُرَنَّهُمْ فَلَيُغَيِّرُنَّ خَلْقَ ٱللَّهِ ۚ ..... ﴿١١٩﴾

"*... dan aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah...*" (Surah al-Nisa': 119).

Jadi mana-mana lelaki yang menyerupai perempuan atau mana-mana perempuan menyerupai lelaki bererti dia mematuhi perintah iblis dan meninggalkan fitrah yang telah diciptkan Allah pada dirinya. Dia dilaknat dan mesti dikeluarkan dari tempat tinggalnya supaya tidak merosak fitrah orang lain atau mengotori yang lain akibat perilakunya itu.

### Analisis Lafaz

"لعن", mendoakan laknat, yakni dijauhkan dari rahmat Allah

"المخنثين", betuk jamak dari perkataan "مخنث"; huruf *mim, kha, nun* yang ber*tasydid* kemudian diikuti huruf *tsa'* merupakan *isi maf'ul* sekali gus *isim fa'il*, yakni lelaki yang menyerupai perempuan dalam hal-hal yang menjadi ciri khas perempuan, seperti bercakap, berjalan dan segala gerak-gerinya.

"المترجلات", perempuan yang menyerupai lelaki

### Fiqh Hadis

1. Lelaki diharamkan menyerupai perempuan dan demikian pula sebaliknya dalam hal-hal yang menjadi ciri khas mereka masing-masing.
2. Orang yang menyerupai lelaki atau sebaliknya wajib dikeluarkan dari rumah.

٥٩- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "اِدْفَعُوا الْحُدُودَ مَا وَجَدْتُمْ لَهَا مَدْفَعًا". أَخْرَجَهُ اِبْنُ مَاجه، وَإِسْنَادُهُ ضَعِيفٌ.

59. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Hindarilah menjatuhkan hukuman hudud seboleh yang mungkin selama ada alasan untuk itu." (Diriwayatkan oleh Ibn Majah dengan sanad yang dha'if: 1246).

٦٠- وَأَخْرَجَهُ التِّرْمِذِيُّ وَالْحَاكِمُ مِنْ حَدِيثِ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا بِلَفْظِ: ادْرَأُوا الْحُدُودَ عَنِ الْمُسْلِمِينَ مَا اسْتَطَعْتُمْ". وَهُوَ ضَعِيفٌ أَيْضًا.

60. Al-Tirmizi dan al-Hakim pula meriwayatkan daripada Aisyah (r.a) dengan lafaz: "Cegahlah menjatuhkan hukuman hudud daripada umat Islam seboleh yang mungkin." Hadis ini dha'if.: 1247.

٦١- وَرَوَاهُ الْبَيْهَقِيُّ عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ (مِنْ) قَوْلِهِ بِلَفْظِ: "ادْرَأُوا الْحُدُودَ بِالشُّبُهَاتِ".

61. Al-Baihaqi pula meriwayatkan daripad Ali (r.a) dengan lafaz: "Hindarilah menjatuhkan hukuman hudud jika ada perkara yang masih samar-samar.": 1248.

**Makna Hadis**

Al-Tirmizi meriwayatkan hadis ini dengan lebih panjang daripada teks hadis ini di mana teks hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi adalah sebagai berikut:

ادْرَءُوا الْحُدُودَ عَنْ الْمُسْلِمِينَ مَا اسْتَطَعْتُمْ فَإِنْ كَانَ لَهُ مَخْرَجٌ فَخَلُّوا سَبِيلَهُ فَإِنَّ الْإِمَامَ أَنْ يُخْطِئَ فِي الْعَفْوِ خَيْرٌ مِنْ أَنْ يُخْطِئَ فِي الْعُقُوبَةِ.

"Tolaklah hukuman hudud daripada umat Islam semampu yang mungkin. Selagi ada cara untuk mengelakkannya, maka bebaskan orang yang diduga melakukan kesalahan itu, kerana kesalahan seorang imam kerana tidak menjatuhkan hukuman adalah lebih baik daripada kesalahan dalam menjahtuhkan hukuman."

Ada baiknya di sini diungkapkan bukti hadis ini dalam riwayat sebelumnya di mana seorang hakim misalnya menanyakan: "Apakah kamu gila?", "Barangkali kamu sekadar mencium atau merabanya sahaja?", "Barangkali kamu hanya menaikinya sahaja" dan ungkapan seumpamanya yang sudah dibahas dalam permasalahan seorang pemimpin disunatkan bertanya kepada yang mengaku berzina.

Al-Thibi berkata: "Hadis ini ditafsirkan dengan hadis yang lain, iaitu:

تَعَافَوا الْحُدُوْدَ فِيْمَا بَيْنَكُمْ، فَمَا بَلَغَنِي مِنْ حَدٍّ فَقَدْ وَجَبَ.

"Maafkan hukuman hudud yang terjadi di antara kamu, kerana segala bentuk hukuman kalau sudah sampai kepadaku, maka itu wajib dilaksanakan."

Al-Qari mengkritik al-Thibi dengan berkata: "Tafsiran hadis al-Thibi ini tidak bersesuaian dengan maksud hadis, kerana sabda Rasulullah (s.a.w): "Jika masih ada jalan lain, maka lepaskanlah" ditujukan kepada pemimpin dan ini menguatkan tafsiran yang pertama."

Bagi pensyarah kitab ini, ada tafsiran lain tentang hadis ini dan saya pernah menulisnya kitab saya yang lain, namun oleh kerana tafsiran itu sangat lemah, saya tidak memuatnya di sini.

**Analisis Lafaz**

"ادفعوا", tolaklah, batalkanlah.

"مدفعا", sesuatu yang boleh menghalangi dan membatalkannya kerana ada acara lain seperti mana yang ditegaskan dalam riwayat al-Timizi.

"باسناد ضعيف", dengan sanad yang dha'if, kerana terdapat Ibrahim bin al-Fadhl al-Makhzumi yang dinilai dha'if oleh Imam Ahmad, Ibn Mu'in, al-Bukhari dan lain-lain.

"ادرؤا", tolak dan batalkanlah.

"وهو ضعيف جدا", ia amt dha'if, kerana terdapat Yazid bin Ziyad al-Syami, seorang periwayat *matruk*. Ini berbeza dengan riwayta Waki', dia pernah meriwaytkannya secara *mawquf* dan inilah yang benar seperti mana yang ditegaskan oleh al-Bukhari dan lain-lain.

**Fiqh Hadis**

Menghindari daripada menjatuhkan hukuman hudud lantaran adanya *syubhuhat* (perkara-perkara yang masih samar), seperti adanya dugaan jenayah itu dilakukan kerana dipaksa atau pengakuan seorang perempuan bahawa dirinya digauli tanpa disedari, kerana dalam keadaan tidur.

٦٢- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "اِجْتَنِبُوا هَذِهِ الْقَاذُورَاتِ الَّتِي نَهَى اللهُ تَعَالَى عَنْهَا، فَمَنْ أَلَمَّ بِهَا فَلْيَسْتَتِرْ بِسِتْرِ اللهِ تَعَالَى، وَلِيَتُبْ إِلَى اللهِ تَعَالَى، فَإِنَّهُ مَنْ يَبْدِ لَنَا صَفْحَتَهُ نُقِمْ عَلَيْهِ كِتَابَ اللهِ تَعَالَى." رَوَاهُ الْحَاكِمُ، وَهُوَ فِي "الْمُوَطَّإِ" مِنْ مَرَاسِيلِ زَيْدِ بْنِ أَسْلَمَ.

62. Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jauhilah kebusukan-kebusukan ini yang telah Allah dilarang oleh Allah. Barangsiapa yang melakukannya, maka hendaklah dia menutupinya dengan rahsia Allah (s.w.t) dan hendaklah bertaubat kepada Allah (s.w.t) kerana seseorang yang membuka lembaran aibnya kepada kami, kami akan melaksanakan hukuman kitab Allah ke atas dirinya." (Diriwayatkan oleh al-Hakim dan ia terdapat di dalam al-Muwattha' yang termasuk hadis *mursal* Zaid bin Aslam: 1249).

**Makna Hadis**

Ketika Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barangsiapa yang melakukan suatu jenayah hingga mengakibatkan dirinya dijatuhi hukuman hudud, kemudian dijatuhi hukuman di dunia, maka itu dianggap menyucikan dirinya." Ini bermaksud melakukan suatu jenayah namun tidak dilaksankan hukuman hudud ke atas pelakunya dianggap najis dan kotor. Oleh itu, lelaki dan perempuan yang berzina dan datang menghadap Rasulullah (s.a.w) berkata: "Sucikan diri saya."

Jadi wajarlah istilah kotor ini digunakan kepada orang yang melakukan suatu jenayah yang mewajibkan dirinya dijatuhi hukuman hudud seperti mana dalam hadis ini. Dalam hadis ini diperintahkan untuk menjauhi perbuatan kotor itu dan sesiapa yang melakukannya hendaklah merahsiakannya kemudian segeralah bertaubat. Ini kerana jika kes tersebut sampai kepada pemimpin maka wajib hudud itu dilaksanakan seperti mana dalam hadis lain dikatakan: "Jika perbuatan jenayah itu sampai kepadaku, maka hudud wajib dilaksankan."

**Analisis Lafaz**

"القاذورات", merupakan bentuk jamak dari perkataan "قاذورة", yakni perbuatan-perbuatan yang dilarang oleh Allah, namun menurut alur kisah ini lebih khusus lagi di mana perkataan ini bermaksud perbuatan-perbuatan yang mewajibkan seseorang dijatuhi hukuman hudud jika itu dilakukan.

"ألم", melakukan.

"يبد", nampak.

"صفحته", yakni perbuatannya.

"نقم عليه كتا ب الله تعالى", yakni kami melaksanakan hukuman hudud sesuai dengan yang tertera dalam al-Qur'an melalui lisan Rasul-Nya.

**Fiqh Hadis**

1. Bagi seseorang yang berbuat maksiat hendaklah menutupi perbuatannya itu dan jangan mempermalukan diri sendiri dengan mengakui perbuatannya itu dan hendaklah langsung bertaubat.
2. Bagi seorang pemimpin jika suatu kes telah dilaporkan kepadanya hendaklah melaksanakan hukuman hudud.
3. Dosa itu ibarat kotoran.

**Soalan**

1. Apalah takrif hudud?
2. Apakah hudud orang yang berzina bukan *muhshan?*
3. Apakah hudud orang yang berzina *muhshan?*
4. Cukupkah dengan satu kali pengakuan dalam menetapkan seseorang itu berzina? Bagaimana pendapat ulama fiqh dalam masalah ini dan apa pula dalil mereka?
5. Sebutkan teks hadis seorang pekerja yang berzina di samping menyebut hukum hakam yang ada di dalamnya!
6. Apakah maksud firman Allah (s.w.t): "قد جعل الله لهن سبيلا"!
7. Bagaimanakah pendapat ulama tentang hukuman buang negeri selama setahun sebagai tambahan ke atas hukuman sebat dan apa pula dalil mereka?
8. Bolehkah digabung antara sebat dengan rejam dan bagaimana pula pendapat ulama dalam masalah ini?
9. Wajibkah merinci perkara-perkara yang diselidiki dan disiasat bagi memastikan hudud mesti dilaksanakan dan apa pula dalilnya?
10. Sebutkan satu hadis yang menjelaskan kepada orang yang membuat pengakuan berzina yang dengannya hudud boleh digugurkan?
11. Bagaimanakah pendapat ulama tentang perempuan yang tidak memiliki suami dan tidak pula mempunyai majikan, tetapi hamil?
12. Sebutkan nash ayat rejam yang telah dimansukh bacaannya namun hukumnya masih tetap berlaku?
13. Adakah kesaksikan majikan bahawa hamba miliknya berzina sudah memadai dijadikan landasan untuk dilaksanakan hudud ke atasnya?

14. Adakah kekuasaan menyebat hamba merupakan merupakan hak sepenuhnya majikan? Apa dalilnya dan siapa pula yang mengemukakan pendapat seperti itu?
15. Apakah hamba yang zina secara berulang wajib harus dijual?
16. Adakah hukuman hudud wajib dilaksanakan ke atas hamba perempuan sama ad *muhshan* atau tidak? Sebutkan dalilnya?
17. Apa yang mesti dilakukan kepada orang yang hendak direjam?
18. Apakah pemimpin boleh menyembahyangkan jenazah yang mati kerana direjam? Apa dalilnya?
19. Apakah orang yang hendak direjam mesti dibuatkan galian? Apa dalilnya?
20. Apakah orang musyirk yang berzina mesti direjam? Apa dalilnya?
21. Apakah dalil yang membolehkan untuk meringankan hukuman bagi seseorang yang fizikalnya lemah? Sebutkan hadisnya dan jelaskan kalimat-kalimat secara perkata?
22. Apakah hukuman orang yang melakukan perbuatan kaum Nabi Luth? Sebutkan pendapat ulama fiqh dalam masalah ini?
23. Apa hukuman bagi orang yang menyetubuhi binatang? Huraikan pendapat ulama dalam masalah ini?
24. Apakah makna kata "المخنثين" dan "المترجلات" dan tulisa hadis yang mengharamkan untuk menyerupai perempuan atau sebaliknya?
25. Apa makna hadis: "ادرؤا الحدود بالشبهات"?
26. Rasulullah (s.a.w) bersabda: "اجتنبوا القاذورات...", sempurnakan hadis ini dan jelaskan apa maksudnya!

# BAB KEDUA
# HUKUMAN *QAZAF* (ORANG YANG MENUDUH ORANG LAIN BERZINA)

*Qazaf* mengikut bahasa adalah menuduh melakukan sesuatu, manakala mengikut syarak pula adalah menuduh orang lain berzina yang mewajibkan hukuman hudud dijatuhkan ke atas orang yang dituduhnya.

٦٣- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: لَمَّا نَزَلَ عُذْرِي، قَامَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى الْمِنْبَرِ، فَذَكَرَ ذَلِكَ وَتَلَا الْقُرْآنَ، فَلَمَّا نَزَلَ أَمَرَ بِرَجُلَيْنِ وَامْرَأَةٍ فَضُرِبُوا الْحَدَّ. أَخْرَجَهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ.

63. Daripada Aisyah (r.a), beliau bertaka: "Ketika turun ayat yang membebaskan diriku (daripada cerita bohong itu), Rasulullah (s.a.w) berkhutbah di atas mimbar sambil menjelaskan itu dan membacakan ayat suci al-Qur'an. Setelah turun dari atas mimbar, baginda terus menyuruh untuk menghukum dua orang lelaki dan seorang perempuan. Para sahabat pun segera melakukan hukuman hudud yang diperintahkan itu." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan *al-Arba'ah*: 1250).

**Makna Hadis**

Hadis ini merupakan sebahagian hadis bohong yang menuduh Aisyah (r.a) melakukan perbuatan tidak senonoh. Ringkasnya, ada sesetengah orang menuduh Aisyah (r.a) berbuat zina tanpa ada bukti dan saksi. Isu ini tersebar luas hingga dalam waktu lama tanpa ada wahyu yang menjelaskan mana yang benar dalam masalah ini. Betapa sedih Rasulullah (s.a.w) dan Aisyah (r.a) ketika itu malah seluruh keluarga dan para sahabat pun turut merasakan kesedihan itu hingga akhirnya turunlah surah al-Nur yang menjelaskan betapa bohong khabar buruk ini. Allah (s.w.t) berfirman:

إِنَّ ٱلَّذِينَ جَآءُو بِٱلْإِفْكِ عُصْبَةٌ مِّنكُمْ ۚ ..... ﴿١١﴾

"*Sesungguhnya orang-orang yang membawa berita yang amat dusta itu ialah segolongan dari kalangan kamu*." (Surah al-Nur: 11)

Sejurus itu Rasulullah (s.a.w) menyampaikan dan membacakan ayat di atas ini dan menyuruh untuk menjatuhkan hukuman hudud ke atas orang yang terlibat dalam tuduhan bohong ini.

**Analisis Lafaz**

"عذرى", diriku tidak terlibat.

"وتلا القران", membaca ayat mulai firman Allah: "ان الذين جاؤا بالافك" hingga akhir ayat ke-18.

"فلما نزل", turun dari atas mimbar.

"برجلين", Hassan bin Tsabit dan Masthah bin Atsatsah.

"وامرأة", Hamnah binti Jahsy.

"فضربوا الحد", yakni hukuman hudud qazaf yang Allah turunkan termasuk ke dalam ayat:

وَٱلَّذِينَ يَرْمُونَ ٱلْمُحْصَنَٰتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا۟ بِأَرْبَعَةِ شُهَدَآءَ فَٱجْلِدُوهُمْ ثَمَٰنِينَ جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا۟ لَهُمْ شَهَٰدَةً أَبَدًا ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿٤﴾

"*Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka delapan puluh kali sebat; dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya; kerana mereka adalah orang-orang yang fasik.*" Surah al-Nur: 4)

**Fiqh Hadis**

1. Disunatkan berkhutbah di atas mimbar ketika ada urusan yang penting.
2. Disunatkan merahsiakan identiti orang yang melakukan dosa dan kemudian bertaubat supaya tidak dia merasa malu.
3. Hukuman hudud bagi orang yang menuduh orang berzina adalah lapan puluh kali sebatan seperti mana yang telah ditetapkan di dalam al-Qur'an.

**Penting**

Hadis ini seolah-olah menegaskan hukuman qazaf jika pelakunya terdiri daripada tiga orang, padahal Allah berfirman:

..... وَٱلَّذِى تَوَلَّىٰ كِبْرَهُۥ ..... ﴿١١﴾

"*… dan orang yang mengambil bahagian besar…*" (Surah al-Nur: 11) Maksud ayat ini adalah Abdullah bin Ubay bin Salul. Ibn al-Qayyim berkata: "Tidak ada keterangan yang menunjukan Rasululah (s.a.w) menjatuhkan hudud *qazaf* ke atas Abdullah bin bin Ubay bin Salul." Menurut pensyarah kitab ini, al-Hakim dalam kitabnya *al-Iklil* meriwayatkan hadis yang menerangkan Rasulullah (s.a.w) menjatuhkan hukuman hudud qazaf ke atasnya. Barangkali Ibn al-Qayyim menilai sanad hadis ini dha'if atau beliau tidak pernah menjumpai hadis ini.

Untuk menjawab kenapa hadis 'Aisyah ini hanya menyebut tiga orang yang menyebar cerita bohong itu dapat disanggah dengan tiga jawapan berikut: *Pertama*, Aisyah (r.a) hanya menceritakan apa yang beliau ingat dan ini tidak menafikan ada orang selain tiga orang itu. *Kedua*, 'Aisyah menyebut ketiga-tiga orang itulah yang langsung dijatuhi hukuman hudud *qazaf* sejurus Rasulullah (s.a.w) turun dari mimbar namun ini tidak menutup kemungkinan baginda juga menjatuhkan hukuman ke atas Abdullah bin Ubay bin Salul setelah itu.

٦٤- وَعَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: أَوَّلَ لِعَانٍ كَانَ فِي الْإِسْلَامِ أَنَّ شَرِيكَ بْنُ سَمْحَاءَ قَذَفَهُ هِلَالُ بْنُ أُمَيَّةَ بِامْرَأَتِهِ، فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "اَلْبَيِّنَةَ وَإِلَّا فَحَدٌّ فِي ظَهْرِكَ". الْحَدِيثَ. أَخْرَجَهُ أَبُو يَعْلَي، وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ.

64. Daripada Anas bin Malik (r.a), beliau berkata: "Pertama kali li'an dalam Islam adalah ketika Syarik bin Samha' diqazaf oleh Hilal bin Umayah bahawa beliau berbuat tidak senonoh dengan isterinya. Isterinya segera melapor perkara itu kepada Rasulullah, (s.a.w) dan baginda bersabda: "Wahai Hilal, kamu wajib menghadirkan empat saksi atau malah kamu yang dijatuhi hukuman di bahagian tulang belakangmu." (Diriwayatkan oleh Abu Ya'la dan periwayatnya pula *tsiqah*: 1251).

٦٥- وَهُوَ فِي الْبُخَارِيِّ نَحْوُهُ مِنْ حَدِيثِ ابْنِ عَبَّاسٍ.

65. Dalam Sahih al-Bukhari hadis yang serupa dengannya diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas (r.a).: 1252.

**Makna Hadis**

Hadis ini menegaskan jika seorang suami menuduh isterinya berzina dan tida mampu membuktikannya dengan saksi, maka suaminya mesti dijatuhi hukuman *qazaf*, namun setelah itu turunlah ayat tentang *li'an* yang menghapus ketentuan dalm hadis ini.

*- وَعَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَامِرِ بْنِ رَبِيعَةَ قَالَ: لَقَدْ أَدْرَكْتُ أَبَا بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمْ وَمِنْ بَعْدَهُمْ، فَلَمْ أَرَهُمْ يَضْرِبُونَ الْمَمْلُوكَ فِي الْقَذْفِ إِلَّا أَرْبَعِينَ. رَوَاهُ مَالِكٌ، وَالثَّوْرِيُّ فِي "جَامِعِهِ".

*. Daripada Abdullah bin 'Amir bin Rabi'ah, beliau berkata: "Saya sempat menemui zaman pemerintahn Abu Bakar, Umar, Utsman dan khalifah-khalifah setelah mereka dan saya tidak pernah menyaksikan seorang pun dari mereka memukul hamba lebih dari empat puluh kali." (Diriwayatkan oleh Imam Malik dan Sufyan al-Tsauri dalam kitabnya *al-Jami'*).

**Makna Hadis**

Hukuman hudud zina bagi hamba sahaya adalah setengah dari hukuman hudud orang merdeka, kerana Allah (s.w.t) berfirman:

..... فَإِذَآ أُحْصِنَّ فَإِنْ أَتَيْنَ بِفَٰحِشَةٍ فَعَلَيْهِنَّ نِصْفُ مَا عَلَى ٱلْمُحْصَنَٰتِ مِنَ ٱلْعَذَابِ ..... ﴿٢٥﴾

"*Kemudian setelah mereka (hamba-hamba perempuan itu) berkahwin, lalu mereka melakukan perbuatan keji (zina), maka mereka dikenakan separuh dari (hukuman) seksa yang ditetapkan ke atas perempuan-perempuan yang merdeka*." (Surah al-Nisa': 25). Oleh itu, ulama yang menegaskan Abdullah bin Amir menjadikan hukuman *qazaf* itu empat puluh kali sebatan merupakan setengah dari hukuman orang merdeka.

**Analisis Lafaz**

"أدركت", menemui dan menyaksikan.

" المملوك", hamba lelaki atau perempuan.

**Fiqh Hadis**

Hukuman *qazaf* bagi hamba adalah setengah dari hukuman *qazaf* orang merdeka; empat puluh kali sebatan. Inilah pendapat jumhur ulama, manakala Ibn Mas'ud, Umar bin Abdul Aziz dan mazhab Zhahiri pula mengatakan hukuman hudud *qazaf* itu tidak boleh dibahagi menjadi setengah, melainkan tetap kekal menjadi lapan puluh kali sebatan.

٦٦- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ قَذَفَ مَمْلُوكَهُ يُقَامُ عَلَيْهِ الْحَدُّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، إِلَّا أَنْ يَكُونَ كَمَا قَالَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

66. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barangsiapa menuduh hamba miliknya berzina, padahal tidak demikian, maka pada hari kiamat kelak orang itu akan dijatuhi hukuman hudud, kecuali kalau hambanya benar-benar melakukan seperti yang dia katkan." (Muttafaq 'alaih: 1253).

**Makna Hadis**

Hadis ini mengisyaratkan adanya pengecualian bagi seseorang yang menuduh orang lain berzina, iaitu majikan menuduh hambanya berzina, maka dalam kes ini tidak dijatuhi hukuman hudud qazaf ke atas hamba berkenaan. Namun Rasulullah (s.a.w) memberi amaran bagi para majikan untuk tidak menuduh berzina sesuka hati mereka kepada hamba milik mereka dengan seksa yang pedih pada hari kiamat kelak jika mereka berbohong dalam tuduhan itu di samping mereka tidak berlaku sewenang-wenang menuduh orang lain berzina meskipun orang itu hamba miliknya. Ini kerana meskipun seseorang itu berstatus hamba sahaya namun dia tetap seorang manusia yang mesti dihormati dan tidak ada perbezaan di sisi Allah selain dengan bertakwa.

**Analisis Lafaz**

"كما قال", benar adanya seperti yang dikatakan oleh majikan bahawa tuduhannya itu benar. Dengan serta merta, hukuman hudud qazaf pun digugurkan.

**Fiqh Hadis**

Seorang majikan yang menuduh hambanya berzina tidak dijatuhi hukuman hudud *qazaf* berdasarkan ijma' ulama. Menurut mereka, demikian pula hukumnya jika seorang merdeka menuduh hamba yang bukan miliknya berzina, maka

dia juga tidak dijatuhi hukuman hudud *qazaf*, melainkan hamba sahaya yang berstatus *ummul walad* di mana dalam masalah ini ada perbezaan pendapat.

Ibn 'Umar, al-Hasan dan mazhab Zhahiri berpendapat jika seseorang menuduh hamba *ummul walad* milik orang lain berzina, maka orang yang menuduh itu mestilah dijatuhi hukuman hudud *qazaf*. Ini juga merupakan pendapat Malik dan sekumpulan ulama. Ini juga qiyas yang digunakan al-Syafi'i jika majikannya sudah meninggal dunia di mana *ummul walad* menjadi merdeka setelah kematian majikannya dan di sini orang yang menuduhnya berzina wajib dijatuhi hukuman hudud *qazaf*. Jika itu dilakukan sebelum kematian majikannya, menurut al-Syafi'i dan Abu Hanifah orang yang menuduhnya berzina tidak dijatuhi hukuman hudud *qazaf*.

**Soalan**

1. Apakah takrif *qazaf* mengikut bahasa dan syarak?
2. Ceritakan secara ringkas kisah *al-ifk* dengan memberi tumpuan pada masalah *qazaf*?
3. Apakah hukuam bagi orang yang menuduh hambanya berzina dan apa pula dalilnya?
4. Apakah orang yang menuduh hamba berzina wajib dijatuhi hukuman hudud *qazaf*?

# BAB KETIGA
# HUKUMAN MENCURI

٦٧- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : "لَا تُقْطَعُ يَدُ سَارِقٍ إِلَّا فِي رُبُعِ دِينَارٍ فَصَاعِدًا". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ. وَلَفْظُ الْبُخَارِيِّ: "تُقْطَعُ الْيَدُ فِي رُبُعِ دِينَارٍ فَصَاعِدًا".

وَفِي رِوَايَةٍ لِأَحْمَدَ: "اِقْطَعُوا فِي رُبُعِ دِينَارٍ، وَلَا تَقْطَعُوا فِيمَا هُوَ أَدْنَى مِنْ ذَلِكَ".

67. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Tidak boleh memotong tangan pencuri kecuali dia mencuri satu perempat dinar atau lebih daripada itu." (Muttafaq 'alaih sedangkan lafaznya milik Muslim). Sedangkan menurut lafaz al-Bukhari disebutkan: "Tangan pencuri wajib dipotong dalam jika mencuri satu perempat dinar atau lebih daripada itu."

Dalam riwayat Imam Ahmad disebutkan: "Potonglah tangan pencuri jika mencuri satu perempat dinar, namun jangan memotong jika mencuri sesuatu di bawah jumlah itu.: 1254.

**Makna Hadis**

Seorang penyair mayshur, Abu al-'Ala' al-Ma'arri pernah bermadah:

*Sungguh bercanggah meski kita hanya mampu diam*

*Kami mohon Tuhan selamatkan kami dari api neraka*

*Diyat satu tangan dibayar dengan dua ratus gram emas*

*Tapi kenapa ia dipotong kerana mencuri seperempat dinar?*

Abu al-'Ala menyebutkan diyat tangan lima ratus dinar emas adalah bercanggah dengan ketetapan ia mesti dipotong hanya ketika mencuri seperempat dinar. Di sini Abu al-'Ala seolah-olah ingin menyamakan antara kedua-dua kes itu. Inilah yang mendorongnya berkata: "Prasangaka itu selalunya bohong

dan satu-satunya pembimbingnya hanyalah akal." Pernyataan Abu al-'Ala' itu kemudian disanggah oleh al-Qadhi Abdul Wahab al-Maliki:

*Menjaga tubuh itu nilainya amatlah mahal*

*Menjaga harta itu mudah, fahamilah hikmah Allah.*

Maksud perkataan Abdul Wahab al-Miliki adalah Allah menginginkan supaya membinasakan anggota tubuh orang lain tidak dianggap remeh, Allah menjadikan diyatnya dengan harga yang amt mahal. Namun ketika ingin melindungi harta, maka harga tubuh menjadi murah supaya manusai tidak menganggap remeh jenayah mencuri dan hikmahnya adalah mencegah terjadinya perbuatan jenayah.

**Analisis Lafaz**

"أدنى", lebih sedikit.

**Fiqh Hadis**

Orang yang mencuri kurang daripad nilai seperempat dinar tidak dipotong tangannya, namun jika mencuri lebih seperempat dinar, ulam berbeza pendapat dalam masalah ini.

Pertama, tangan dipotong jika seseorang mencuri seperempat dinar atau lebih. Pendapat ini diriwayatkan daripada Abu Bakar, 'Umar, Utsman, 'Ali, Aisyah, Umar bin Abdul Aziz, al-Auza'i dan al-Syafi'i. Dalil mereka hadis 'Aisyah sebelum ini dan hadis Ibn Umar yang akan disebut kemudian serta beberapa *atsar* sahabat. Menurut mereka, tiga dirham itu sama dengan seperempat dinar. Malik berkata: "Tiga dirham yang dicuri itu mewajibkan pencurinya wajib dipotong tangan. Jika ada orang yang mencuri emas atau barang yang selainnya, maka hendaklah dinilai dengan harga dirham. Jika mencapai tiga dirham, maka wajib dipotong tangannya. Jika kurang daripada itu, maka tidak dipotong tangannya. Imam Ahmad berkata: "Jika ada yang mencuri emas yang mencapai seperempat dinar, maka wajib dipotong tangannya dan mencuri perak yang mencapai tiga dirham atau seperempat dinar wajib dipotong tangan kerana mengamalkan hadis Aisyah (r.a) dan hadis Ibn Umar (r.a).

Bagi pensyarah kitab ini, pendapat Imam Ahmad dan Malik ini menunjukan tiga dirham itu lebih banyak daripada seperempat dinar. Ini kerana dinar bagi mereka sama dengan sepuluh dirham sedangkan menurut al-Syafi'i tiga dirham sama nilainya dengan seperempat dinar. Inilah pendapat yang benar kerana ada beberapa *atsar* sahabat yang menegaskan satu dinar sama nilainya dengan dua belas dirham.

Kedua, tangan itu tidak boleh dipotong apabila mencuri sesuatu yang nilainya kurang daripada satu dinar atau sepuluh dirham. Pendapat ini

diriwayatkan daripada Ibn Mas'ud, Sufyan al-Tsauri dan pakar fiqh mazhab Hanafi di Irak. Dalil mereka hadis yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi dan al-Thahawi daripada Ibn 'Abbas bahawa harga baju perisai itu sepuluh dirham. Ini turut ditegaskan dalam hadis Abdullah bin 'Amr. Jika pernyataan ini digabung dengan apa yang ditegaskan dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim daripada Ibn Umar (r.a) menyatakan bahawa Rasululah (s.a.w) pernah memotong tangan yang mencuri baju perisai. Dengan demikian, hukuman potong tangan sudah boleh diterapkan jika mencuri satu dinar.

Mereka menyangggah pendapat sebelum ini bahawa hadis Ibn Umar yang menjelaskan harga baju perisai itu lebih sahih dan oleh kerananya, ia lebih utama untuk diamalkan. Selain itu, mereka juga tidak mempunyai jawapan yang boleh dijadikan pegangan mengenai hadis Aisyah. Ibn Umar (r.a) menegaskan harga baju perisai yang menyebabkan tangan wajib dipotong jika mencurinya adalah tiga dirham. Dari mana kita tahu kalau baju perisai yang dibincangkan Ibn Abbas itu adalah yang mesti dipotong tangan, sedangkan harga kebanyakan peralatan berbeza-beza antara satu sam lain, apatah lagi setelah adanya cacat.

Ketiga, tidak ada batasan untuk hukuman potong tangan dan oleh kerananya, mencuri dalam kadar yang banyak atau sedikit tetap wajib dipotong tangan. Inilah pendapat al-Hasan dan mazhab Zhahiri. Dalil mereka hadis berikut:

"Allah melaknat orang yang mencuri, dia mencuri telur, kemudian dipotong tangannya…". Demikian pula dengan keumuman yang terdapat firman Allah:

وَٱلسَّارِقُ وَٱلسَّارِقَةُ فَٱقْطَعُوٓا۟ أَيْدِيَهُمَا ..... ﴿٣٨﴾

"*Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka…*" (Surah al-Maidah: 38). Apapun, ayat ini bersifat mutlak, sedangakn hadis ini *muqayyad*. Jadi tidak ada percanggahan di antara keduanya. Hadis: "Allah melaknat orang yang mencuri, dia mencuri telur dan kemudian dipotong tangannya…" tidak bererti perintah untuk memotong tangan orang yang mencuri telur, sebaliknya ia menegaskan betapa hina kedudukan orang yang mencuri dan orang yang terbiasa mencuri barang-barang remeh temeh kelak akan menjadi kebiasaan sehingga berani mencuri barang yang lebih mahal harganya. Kadang kala anjuran dan celaan tidak bermaksud makna yang sebenarnya dan ini sama halnya dengan hadis berikut:

مَنْ بَنَى لِلّٰهِ مَسْجِدًا وَلَوْ كَمِفْحَصِ قِطَاهُ...

"*Barangsiapa membangun masjid kerana Allah, walaupun sebesar sarang burung…*". Dan demikian pula hadis berikut:

تَصَدَّقِي وَلَوْ بِظَلْفٍ مُحَرَّقٍ...

"*Bersedekahlah walaupun dengan kaki kambing yang sudah dibakar…*"

٦٨- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَطَعَ فِي مِجَنٍ، ثَمَنُهُ ثَلَاثَةُ دَرَاهِمَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

68. Daripada Abdullah bin Umar (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah memotong tangan (seseorang) kerana mencuri sesuatu yang nilainya sama dengan harga baju perisai; iaitu senilai tiga dirham." (Muttafaq 'alaih: 1255).

٦٩- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَعَنَ اللهُ السَّارِقَ؛ يَسْرِقُ الْبَيْضَةَ، فَتُقْطَعُ يَدُهُ، وَيَسْرِقُ الْحَبْلَ، فَتُقْطَعُ يَدُهُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ أَيْضًا.

69. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Allah melaknat pencuri yang mencuri baju telur kemudian tangannya dipotng, dan mencuri tali lalu tangannya dipotong." (Muttafaq 'alaih: 1256).

**Makna Hadis**

Hadis ini telah dijelaskan sebelum ini dan perkataan "المجن" dibaca *kasrah* huruf *mim* dan *fathah* huruf *jim*, yakni baju perisai yang biasa digunapakai dalam peperangan. Perkataan "الجن" pula merupakan kata *mashdar* yang bermaksud menutupi.

٧٠- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "أَتَشْفَعُ فِي حَدٍ مِنْ حُدُودِ اللهِ؟" ثُمَّ قَامَ فَاخْتَطَبَ، فَقَالَ: "أَيُّهَا النَّاسُ، إِنَّمَا هَلَكَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ أَنَّهُمْ كَانُوا إِذَا سَرَقَ فِيهِمُ الشَّرِيفُ تَرَكُوهُ، وَإِذَا سَرَقَ فِيهِمُ الضَّعِيفُ أَقَامُوا عَلَيْهِ الْحَدَّ . . . الْحَدِيثَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ . وَلَهُ مِنْ وَجْهٍ آخَرَ عَنْ عَائِشَةَ: كَانَتِ امْرَأَةٌ تَسْتَعِيرُ الْمَتَاعَ، وَتَجْحَدُهُ، فَأَمَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِقَطْعِ يَدِهَا.

70. Daripada Aisyah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Apakah kamu hendak membela orang lain supaya dibebaskan daripada hukuman hudud Allah?" Baginda kemudian berkhutbah dan bersabda: "Wahai umat manusia, sesungguhnya orang sebelum kamu binasa kerana kalau ada orang kaya

mencuri, mereka membiarkannnya, tetapi kalau ada orang lemah yang mencuri, mereka menghukumnya…". (Muttafaq 'alaih, dan ini menurut lafaz Muslim). Muslim memiliki riwayat lain daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Ada seorang perempuan meminjam barang, namun kemudian enggan memulangkannya lalu Rasulullah (s.a.w) supaya tangannya dipotong.": 1257.

**Makna Hadis**

Permulaan hadis ini sepereti mana yang terdapat dalam Sahih al-Bukhari adalah kaum Quraisy merasa resah dan berhasrat menyelamatkan seorang wanita makhzum daripada dipotong tangan kerana mencuri. Mereka berkata: "Tidak ada yang sanggup merayu Rasulullah (s.a.w) dalam kes ini selain Usamah, kerana kedekatannya dengan baginda dan Usamah akhirnya Usamah datang menghadap baginda. Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Wahai Usamah, apakah kamu hendak menolong seseorang supaya hukuman hududnya digugurkan …".

Di akhir hadis, Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Demi Allah, andai kata Fatimah binti Muhammad mencuri, aku pasti potong tangannya." Hadis ini membahas dua prinsip: *Pertama*, dilarang menolong seseorang supaya lolos daripada hukuman hudud setelah kesnya dilaporkan ke mahkamah, malah al-Bukhari membuat satu bab khusus untuk ini; *Kedua*, adakah enggan memulangkan pinjaman atau titipan itu mewajibkan seseorang itu dihukum potong tangan? Dan ini akan dibahas kemudian.

**Analisis Lafaz**

"أتشفع", orang yang diajak berbicara di sini adalah Usamah bin Zaid.

"في حد", yakni menolak dijatuhi hukuman hudud dan menghentikan pelaksanaannya.

"الشريف", orang yang terhormat dan mempunyai kedudukan.

"تجحده", mengingkarinya.

**Fiqh Hadis**

1. 1Dilarang membela orang lain supaya bebas daripada dijatuhi hukuman hudud. Al-Bukhari menambahkan satu bab: "Ketika suatu kes sudah dilaporkan ke mahkamah…" bermaksud tidak dilarang menolong orang yang bersengketa sebelum dilaporkan kesnya ke mahkamah, kerana banyak dalil yang menguatkan pengecualian ini. Antaranya hadis Ibn Sa'ad tentang tambahan hadis ini adalah:

فَإِنَّ الْحُدُوْدَ إِذَا انْتَهَتْ إِلَيَّ فَلَيْسَتْ بِمَتْرُوْكَةٍ.

"Jika suatu jenayah yang mewajibkan hukuman hudud telah dilaporkan kepadaku, maka itu tidak mungkin lagi untuk dibiarkan." Ada pula hadis Amr bin Syu'aib daripada ayahnya daripada datuknya bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

تَعَافَوْا الْحُدُوْدَ فِيْمَا بَيْنَكُمْ، فَمَا بَلَغَنِي مِنْ حَدٍّ فَقَدْ وَجَبَ.

"Maafkan permasalahan yang berkaitan dengan hukuman hudud di antara kamu, kerana hukuman apa pun kalau sudah dilaporkan kepadaku, maka itu sudah wajib dilaksanakan. Hadis ini dinilai sahih oleh al-Hakim dan lain-lain. Ada pula hadis al-Zubair:

اشْفَعُوْا مَا لَمْ يَصِلْ إِلَى الْوَالِيِّ، فَإِذَا وَصَلَ إِلَى الْوَالِيِّ فَعَفَا فَلَا عَفَا اللهُ عَنْهُ.

"Tolonglah sebelum sampai kepada gabenor, kerana suatu kes itu kalau sudah sampai kepada gabenor kemudian baru ad kata maaf, Allah tidak memaafkannya." Hadis ini diriwayatkan oleh al-Daruquthni dengan sanad yang dha'if.

Ada pula hadis Shafwan bin Umayyah yang menegaskan kenapa kes itu tidak dimaafkan sebelum datang kepada Rasulullah (s.a.w). Hadis ini dinilai sahih oleh Ibn al-Jarud dan al-Hakim. Ibn Abdul Barr menukil bahawa ulama bersepakat mengenai masalah ini.

2. Enggan memulangkan titipan atau pinjaman jika barang itu melebihi seperempat dinar wajib dipotong tangan. Inilah pendapat Imam Ahmad, Ishaq dan mazhab Zhahiri. Alasan mereka adalah beberapa riwayat hadis yang antara lain hadis yang diriwayatkan oleh Abdurrazzaq dengan sanad yang sahih daripada Abu Bakar Abdurrahman secara *mursal* bahawa seorang wanita datang sambil berkata: "Si Fulanah ada meminjam perhiasan. Setelah dipinjamkan, barang itu tidak kelihatan lagi. Ketika ditanya tentang keberadaan barang itu, dia menafikan kalau dia meminjam perhiasan. Orang yang memberi pinjaman itu pun segera mendatangi Rasulullah (s.a.w) dan baginda memanggil perempuan yang meminjam barangan itu. Perempuan itu berkata: "Demi Allah yang telah mengutusmu dengan kebenaran, saya tidak ada meminjam apa-apa daripadanya." Baginda bersabda: "Datangilah rumahnya dan kamu akan menjumpai barangan itu ada di tempat tidurnya." Mereka segera mengambil barang itu dan akhirnya wanita yang meminjam itu dipotong tangannya.

Namun jumhur ulama berpendapat seseorang tidak boleh dihukum potong tangan kerana menolak memulangkan pinjaman. Alasan mereka ayat yang menyuruh potong tangan dan orang yang enggan

memulangkan pinjaman tidak disebut sebagai pencuri. Selain itu di dalam hadis wanita Makhzum itu menggunakan perkataan "mencuri" dan hadis ini diriwayatkan daripada sekumpulan sahabat; Aisyah, Jabir dan lain-lain. Mereka mengatakan kisah potong tangan yang enggan memulangkan pinjaman tidak menunjukan bahawa potong tangan itu dilaksanakan kerana menolak untuk memulangkan barangan itu, sebaliknya ini sekadar menggambarkan sifat perempuan itu dan dalil mereka adalah hadis berikut ini:

٧١- وَعَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَيْسَ عَلَى خَائِنٍ وَلَا مُنْتَهِبٍ وِلَا مُخْتَلِسٍ، قَطْعٌ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ، وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ وَابْنُ حِبَّانَ.

71. Daripada Jabir (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Orang yang berkhianat, orang yang merampas dan orang yang mengambil sesuaut dengan cara pukau tidak mesti dipotong tangan." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Arba'ah dan dinilai sahih oleh al-Tirmizi dan Ibn Hibban: 1258).

**Makna Hadis**

Al-Qadhi 'Iyadh berkata: "Allah mensyariatkan potong tangan kepada orang yang mencuri namun tidak kepada orang yang tidak mencuri, seperti memukau, merompak dan merampas, kerana itu lebih sedikit bahanya berbanding mencuri, di samping ada kemungkinan untuk memulangkan semua barang yang dipukau, dirampas atau dirompak itu dengan cara meminta bantuan kerajaan dan mudah untuk mendatangkan saksi untuk itu, berbeza dengan mencuri. Oleh itu, hukuman hudud mencuri lebih berat supaya pencuri menghentikan perbuatannya.

**Analisis Lafaz**

"خائن", orang yang berpura-pura berbuat baik. Dengan erti kata lain, orang yang mengambil harta orang lain dengan cara menipu seolah-olah dia berbuat baik kepadanya.

"مختلس", orang yang mengambil sesuatu secara terang-terngan dengan cepat, sama ada pad waktu siang mahupun pada waktu malam.

"منتهب", orang yang mengambil secara paksa dan secara terang-terangan.

**Fiqh Hadis**

1. Perampas, perompak dan pemukau tidak dipotong tangan apabila mengambil harta orang lain. Inilah pendapat jumhur ulama, meskipun ada ulama yang mendakwa ini adalah ijma' ulama.
2. Orang yang enggan untuk memulangkan barang yang dipinjamnya tidak wajib dipotong tangan. Inilah pendapat jumhur ulama dan bagi mereka, enggan memulangkan pinjaman dianggap sebagai perbuatan khianat.

٧٢- وَعَنْ رَافِعِ بْنِ خَدِيجٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "لَا قَطْعَ فِي ثَمَرٍ وَلَا كَثَرٍ". رَوَاهُ الْمَذْكُورُونَ، وَصَحَّحَهُ أَيْضًا التِّرْمِذِيُّ وَابْنُ حِبَّانَ.

72. Daripada Rafi' bin Khadij (r.a), beliau berkata: "Saya mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tidak ada potong tangan ke atas orang yang mencuri buah-buahan dan bahagian tengah pokok kurma." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Arba'ah dan dinilai sahih oleh al-Tirmizi dan Ibn Hibban: 1259).

**Makna Hadis**

Dalam Sunan Abu Dawud terdapat satu kisah yang menurut Rafi' hadis ini *marfu'* sekali gus menjelaskan maksud hadis di atas. Daripada Yahya bin Hibban bahawa seorang hamba mencuri bibit kurma dari kebun milik orang lain, kemudian menanamnya di kebun majikannya. Pemilik bibit itu kemudian mencari apa yang dicuri hamba itu dan berjaya menemukannya. Perbuatan hamba itu kemudian dilaporkan dan ditangkap oleh Marwan bin al-Hakam yang ketika itu menjadi gabenor Madinah. Hamba itu pun dipenjara malah Marwan berhasrat memotong tangannya. Majikan hamba itu kemudian mendatangi Rafi' untuk menanyakan kes ini dan ada yang mengatakan bahawa dia mendengar Rasululah (s.a.w) bersabda: "Tidak ada ada potong tangan dalam kes mencuri buah dan biji buah." Marwan kemudian membebaskan hamba itu.

**Analisis Lafaz**

"كثر", dibaca fathah huruf *kaf* dan huruf *tsa'*, yakni isi biji kurma dan boleh dimakan. Ada yang mengatakan bunganya ketika pertama keluar.

"المذكورون", yakni Imam Ahmad dan al-Arba'ah.

**Fiqh Hadis**

Tidak ada hukuman potong tangan kerana mencuri buah dan biji buah sama ada masih di atas pohon ataupun sudah dipetik. Inilah pendapat Abu Hanifah di mana beliau berkata: "Tidak ada potong tangan ke atas orang yang mencuri buah-buahan yang masih basah sama ada dilindungi pagar ataupun tidak. Demikian pula daging, susu dan minuman." Jumhur ulama pula mengatakan wajib dipotong kalau buah-buahan itu dilindungi pagar, sama ada masih di pohon ataupun sudah dipetik, sama ada tumbuh-tumbuhan halal dimakan ataupun sebaliknya, kerana ayat dan hadis yang membincangkan masalah ini bersifat umum. Mereka menyanggah hadis tersebut di atas seperti mana yang dikatakan al-Syafi'i bahawa hadis ini bukanlah kebiasaan penduduk Madinah di mana kebun itu tidak dilindungi pagar dan oleh kerananya, tidak ada hukuman potong tangan, kerana ia tidak diberi pagar. Alasan mereka yang mewajibkan adanya pagar bagi kebun itu adalah hadis Abdullah bin Amr yang akan disebut setelah tiga hadis berikut ini.

٧٣- وَعَنْ أَبِي أُمَيَّةَ الْمَخْزُومِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: أُتِيَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِلِصٍّ قَدِ اعْتَرَفَ اعْتِرَافًا، وَلَمْ يُوجَدْ مَعَهُ مَتَاعٌ، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَا إِخَالُكَ سَرَقْتَ". قَالَ: بَلَى، فَأَعَادَ عَلَيْهِ مَرَّتَيْنِ أَوْ ثَلَاثًا، فَأَمَرَ بِهِ فَقُطِعَ. وَجِيءَ بِهِ، فَقَالَ: "اسْتَغْفِرِ اللهَ وَتُبْ إِلَيْهِ"، فَقَالَ: أَسْتَغْفِرُ اللهَ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ، فَقَالَ: "اللَّهُمَّ تُبْ عَلَيْهِ" ثَلَاثًا. أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَاللَّفْظُ لَهُ، وَأَحْمَدُ، وَالنَّسَائِيُّ، وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ.

73. Daripada Umayah al-Makhzumi (r.a), beliau berkata: "Pernah ada seorang pencuri yang dihadirkan kepada Rasulullah (s.a.w) yang mengakui perbuatannya, tetapi barang curiannya tidak dibawanya. Rasulullah (s.a.w) bertanya: "Benarkah kami kamu mencuri?" Dia menjawab: "Ya." Dia mengulangi jawapan itu hingga dua dan tiga kali. Mendengar itu, baginda menyuruh untuk dipotong tangannya. Setelah itu, dia dibawa semula ke hadapan Rasulullah (s.a.w) dan baginda bersabda: "Bacalah istighfar dan bertaubatlah kepada Allah." Dia menjawab: "Ya Allah, aku memohon ampunan kepada Allah dan terimalah taubat daku." Dia membaca doa ini sebanyak tiga kali." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud – lafaznya milik Abu Dawud, Imam Ahmad dan al-Nasa'i dengan periwayat yang *tsiqah*: 1260).

٧٤- وَأَخْرَجَهُ الْحَاكِمُ مِنْ حَدِيثِ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، فَسَاقَهُ بِمَعْنَاهُ، وَقَالَ فِيهِ: "اذْهَبُوا بِهِ، فَاقْطَعُوهُ، ثُمَّ احْسِمُوهُ". وَأَخْرَجَهُ الْبَزَّارُ أَيْضًا، وَقَالَ: لَا بَأْسَ

بِإِسْنَادِهِ.

74. Al-Hakim meriwayatkan daripada Abu Hurairah (r.a) dengan mengemukakan hadis yang semakna dengannya, namun ada tambahan: "Bawalah pergi, potonglah tangannya dan kemudian ubatilah dengan lukanya itu." Al-Bazzar turut meriwayatkan hadis ini dan berkata: "Tidak ada masalah dengan sanad hadis ini.": 1261.

**Makna Hadis**

Hadis ini mengandungi dua asas, iaitu; *Pertama*, pencuri hendaklah dikenal pasti ketika membuat pengakuan dengan cara menyebut sesuatu yang boleh membebaskan dirinya daripada hukuman, kerana ada kemungkinan dia mencuri dalam keadaan tidak sedar dan hakim perlu mengingatkan beberapa perkara yang kalau salah satu daripadanya dilakukan maka pencuri itu bebas daripada dijatuhi hukuman; *Kedua*, perkara-perkara yang disunatkan ketika hendak memotong tangan, seperti membaca istighfar bagi orang yang hendak dipotong tangannya dan mengikat tangannya setelah dipotong.

**Analisis Lafaz**

"متاع", barang milik orang yang kecurian.

"اخالك", dibaca *kasrah* atau *fathah* huruf *hamzah*, namun dibaca *kasrah* lebih diutamakan, yakni saya mengira kamu.

"فقال اللّٰهُمَّ تب عليه –ثلاثا–", orang yang membacakan ini adalah Rasulullah (s.a.w).

"احسموه", yakni diubati dengan panasnya api untuk menghentikan darah daripada terus mengalir, kerana saliran darah akan tertutup apabila diubati dengan panasnya api.

**Fiqh Hadis**

1. Seorang hakim hendaklah memastikan terlebih dahulu apa yang dilakukan pencuri. Inilah pendapat jumhur ulama.
2. Pengakuannya hendaklah dilakukan secara berulang. Ulama berbeza pendapat dalam kes itu. Imam Ahmad dan Ishaq mengatakan seorang pencuri ditetapkan bersalah apabilah sudah membuat pengakuan sebanyak dua kali manakala jumhur ulama mengatkan pencuri sudah dapat ditetapkan bersalah jika telah membuat satu kali pengakuan.

3. Tangan yang sudah dipotong hendaklah diberi pengubatan. Al-Shan'ani berkata: "Upah orang yang memotong tangan dan orang yang memberi ubat hendaklah diambil dari baitul mal dan demikian pula biaya perubatannya.
4. Disunatkan menyuruh bertaubat dan beristighfar kepada orang yang hendak diopotong tangannya.
5. Disunatkan mendoakan pencuri supaya bertaubat setelah dia beristighfar.

٧٥- وَعَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ؛ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَا يَغْرَمُ السَّارِقُ إِذَا أُقِيمَ عَلَيْهِ الْحَدُّ". رَوَاهُ النَّسَائِيُّ، وَبَيَّنَ أَنَّهُ مُنْقَطِعٌ. وَقَالَ أَبُو حَاتِمٍ: هُوَ مُنْكَرٌ.

75. Daripada Abdurrahman bin Auf (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Pencuri yang sudah dipotong tangannya tidak dibenarkan lagi membayar ganti rugi barang yang telah dia curi." (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i dan menegaskan hadis ini munqathi' dan Abu Hatim berkata: "Hadis ini *munkar.*": 1262).

**Makna Hadis**

Ibn Hajar memuatkan hadis ini untuk menyanggah dalil ulama yang mengatakan jika pencuri sudah dipotong tangannya lalu barang hasil curiannya sudah tidak wujud lagi, maka dia tidak lagi berkewajipan membayar ganti rugi barang yang dicurinya itu. Ibn Hajar setelah itu mengingatkan betapa lemah pendapat ini. Inilah prinsip yang diterapkan dalam perpindahan hak milik harta, kerana Allah (s.w.t) berfirman:

وَلَا تَأْكُلُوٓا۟ أَمْوَٰلَكُم بَيْنَكُم بِٱلْبَٰطِلِ ..... ﴿١٨٨﴾

"*Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah...*" (Surah al-Baqarah: 188). Rasulullah (s.a.w) bersabda:

لَا يَحِلُّ مَالُ امْرِئٍ مُسْلِمٍ إِلَّا بِطِيْبِ نَفْسٍ مِنْهُ.

"Tidak halal harta seseorang kecuali atas dasar keikhlasan daripadanya". Dengan demikian, atas landasan apa seorang pencuri berhak memiliki harta yang dia curi meskipun barang yang dicurinya sudah habis dimakannya?

**Analisis Lafaz**

"يغرم", mengganti harga barang yang telah dia curi.

"وبين أنه منقطع", menjelaskan al-Miswar bin Ibrahim tidak pernah berjumpa dengan Abdurrahman bin Auf. Menurut al-Nasa'i, hadis ini tidak sahih.

**Fiqh Hadis**

Barang curian apabila sudah dihabiskan oleh pencuri dan tanganya sudah dipotong maka dia tidak berkewajipan menggantinya. Inilah pendapat Abu Hanifah dalam satu riwayat dan alasannya potong tangan merupakan pengganti daripada membayar ganti rugi barang yang telah dicurinya dan menggabungkan dua hak dalam satu hak itu bercanggah dengan kaedah usul fiqh. Bagi pensyarah kitab ini, ini boleh diterapkan sekiranya potong tangan itu merupakan pengganti daripada harta yang telah dicurinya itu, namun kenyataannya tidak seperti itu. Abu Hanifah dalam satu riwayat yang lain, al-Syafi'i, Imam Ahmad dan sekumpulan ulama mengatakan pencuri meskipun telah dipotong tanganya tetap berkewajipan membayar ganti rugi barang yang dicurinya. Alasan mereka adalah hadis berikut:

عَلَى الْيَدِ مَاأُخِذَتْ حَتَّى تُؤَدِّيَهُ.

"Tangan berkewajipan membayar apa yang dia ambil hingga ia melunasinya."
Allah (s.w.t) pula berfirman:

وَلَا تَأْكُلُوٓاْ أَمْوَٰلَكُم بَيْنَكُم بِٱلْبَٰطِلِ ..... ﴿١٨٨﴾

"*Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah...*" (Surah al-Baqarah: 188)

Mereka mengatakan, dalam kes mencuri terdapat dua pelanggaran; *pertama*, hak kepada Allah; *kedua*, hak kepada sesama manusia. Di sini setiap hak wajib dipenuhi sesuai dengan tuntutannya[3] dan hadis ini menurut mereka dha'if.

٧٦- وَعَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنْ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ سُئِلَ عَنِ التَّمْرِ الْمُعَلَّقِ؟ فَقَالَ: "مَنْ أَصَابَ بِفِيهِ مِنْ ذِي حَاجَةٍ، غَيْرَ مُتَّخِذٍ خُبْنَةً، فَلَا شَيْءَ عَلَيْهِ، وَمَنْ خَرَجَ بِشَيْءٍ مِنْهُ، فَعَلَيْهِ الْغَرَامَةُ وَالْعُقُوبَةُ،

[3] Inilah pendapat yang benar, bukan pendapat Abu Hanifah dalam riwayat yang satu lagi di mana beliau mengatakan penggabungan dua hak dalam satu hak itu tidak dibenarkan.

وَمَنْ خَرَجَ بِشَيْءٍ مِنْهُ بَعْدَ أَنْ يُؤْوِيَهُ الْجَرِينُ، فَبَلَغَ ثَمَنَ الْمِجَنِّ فَعَلَيْهِ الْقَطْعُ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

76. Daripada Abdullah bin Amr bin al-'Ash (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w) bahawa baginda pernah ditanya tentang buah kurma yang masih ada pohonnya. Baginda menjawab: "Barangsiapa yang mengambil kerana untuk mengganjal perutnya kerana kelaparan dan tidak sedikit pun dia membawanya keluar dari kawasan kebun itu, maka tidak ada salahnya baginya berbuat demikian. Tetapi jika orang itu membawa buah kurma itu keluar dari kawasan kebun tersebut, dia wajib membayar kerugian yang diderita oleh pemiliknya di samping wajin dijatuhi hukuman. Barangsiap mengambil buah yang sudah diletakkan di suatu tempat untuk dikeringkan dan nilai yang diambil itu mencapai nilai baju perisai, maka tangannya wajibj dipotong." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud, al-Nasa'i dan dinilai sahih oleh al-Hakim: 1263).

**Makna Hadis**

Masalah ini kerap terjadi dan oleh itu, Rasululah (s.a.w) ditanya tentang hukumnya. Baginda menjawab bahawa dibolehkan mengambil buah-buahan sekadar mengganjal rasa lapar namun tidak dibolehkan membawa buah-buahan itu sebagai bekalan. Jika seseorang itu membawa keluar buaha-buahan itu dari kebun yang tidak dipagar, maka dia tetap berkewajipan membayar ganti ruginya, bahkan jika kebun itu dipagar dia wajib membayar sebanyak dua kali ganda selagi tidak mencapai nilai yang mewajibkan dirinya dipotong tangan, kerana jika mencapai nilai yang mewajibkan dirinya dipotong tangan, maka tanganya wajib dipotong.

**Analisis Lafaz**

"أصاب بفيه", yakni dengan mulutnya, maksudnya memakan sekadar untuk mengganjal rasa lapar.

"متخذ خبنة" dibaca *dhammah* huruf *kha'* dan *fathah* huruf *kha'*, yakni hujung pakaian. Maksudnya tidak membawa buah kurma itu di dalam pakaian.

"فعليه الغرامة والعقوبة", jika kebun itu tidak dipagar dan buahnya tidak dimasukan ke dalam bakul. Dalam riwayat Abu Dawud dikatakan: "Dia wajib membayar dua kali ganda." Dalam riwayat Imam Ahmad pula disebutkan: "Wajib membayar dua kali ganda harganya."

"وأما العقوبة", sedangkan dalam riwayat Imam Ahmad disebutkan "pukulan sebagai pengajaran."

"يؤيه الجرين", yakni sudah di tempat yang biasa digunakan untuk mengeringkan kurma. Ini bererti buah-buahan itu sudah dipanen.

"الحجن", pelindung.

"فعليه القطع", Abu Dawud menambahkan: "Barangsiapa mencuri kurang daripada itu, maka dia wajib membayar dua kali ganda di samping dijatuhi hukuman." Namun ungkapan seperti ini hanya didapati dalam sebahagian nuskhah.

**Fiqh Hadis**

1. Dibolehkan bagi orang lapar mengambil buah kurma yang masih ada di pohonnya sekadar mengganjal rasa lapar dengan syarat tidak mengambil lebih daripada keperluannya itu.
2. Orang yang mengambil kurma namun belum diletakan di tempat pengeringan diwajibkan membayar ganti rugi selari dengan harganya atau dua kali ganda harganya ditambah pula dengan hukuman *ta'zir*. Al-Syafi'i dalam *qawl qadim* membolehkan mengambil bayaran dua kali ganda harga buah yang diambil di tempat yang belum diletak di tempat pengeringan, namun beliau kemudian merujuk pendapatnya.
3. Orang yang mengambil kurma yang sudah dimasukkan ke tempat pengeringan dan tidak mencapai harga baju perisai yang merupakan kadar yang mewajibkan seseorang wajib dipotong tangan apabila mengambilnya, maka dia wajib membayar dua kali ganda harganya ditambah dengan hukuman *ta'zir*. Pendapat Imam al-Syafi'i ini sama seperti pendapat sebelumnya.
4. Orang yang mengambil kurma yang sudah diletakkan di tempat pengeringan dan mencapai kadar yang mewajibkan dirinya dijatuhi hukuman potong tangan hendaklah dipotong tangannya.
5. Disyaratkan untuk menjatuhkan hukuman potong tangan bahawa buah kurma itu telah disimpan di tempat penyimapanan dan difahami dari hadis yang mengatakan: "setelah dimasukkan ke tempat pengeringan." Alasan mereka adalah hadis yang diriwayatkan oleh al-Nasa'i:

   لَا قَطْعَ فِي ثَمَرٍ وَلَا فِي حَرِيْسَةِ الْجَبَلِ، فَإِذَا آوَاهُ الْجَرِيْنُ أَوِ الْمِرَاحُ فَالْقَطْعُ فِيْمَا بَلَغَ ثَمَنُ الْمِجَنِّ.

   "Tidak ada potong tangan terhadap buah yang masih di pohonnya atau buah yang masih ada di pegunungan. Jika sudah dibawa ketempat pengeringan atau ke tempat penyimpanan, maka kalau sudah mencapai kadar yang mewajibkannya dihukum potong tangan maka orang itu wajib dipotong tangan." Inilah pendapat jumhur ulama, manakala ulama Zhahiri tidak mensyaratkan buah-buahan itu dimasukkan ke tempat pengeringan atau penyimpanan, kerana berlandaskan kepada keumuman ayat.

٧٧- وَعَنْ صَفْوَانَ بْنِ أُمَيَّةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ اَلنَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَهُ لَمَّا أَمَرَ بِقَطْعِ الَّذِي سَرَقَ رِدَاءَهُ، فَشَفَعَ فِيهِ: "هَلَّا كَانَ ذَلِكَ قَبْلَ أَنْ تَأْتِيَنِي بِهِ؟" أَخْرَجَهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ الْجَارُودِ وَالْحَاكِمُ.

77. Daripada Shafwan bin Umayah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Ketika menyuruh untuk memotong tangan orang yang mencuri serbannya lalu ada yang membelanya dengan berkata: "Kenapa tidak sejak tadi sebelum orang ini dibawa ke sini?" (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, al-Arba'ah dan dinilai sahih oleh Ibn al-Jarud dan al-Hakim: 1264).

**Makna Hadis**

Hadis ini mempunyai sambungan yang lebih mendetil seperti mana diriwayatkan oleh Abu Dawud yang lafaznya berbunyi: "Ketika saya tidur di dalam mesjid dengan memakai *khumayyishah* seharga tiga puluh dirham. Lalu datanglah seorang lelaki mengambil dengan cara pukau, kemudian lelaki itu ditangkap dan dibawa ke hadapan Rasulullah (s.a.w) dan baginda menyuruh tangannya dipotong. Saya berkata: "Apakah tuan memotongnya kerana tiga puluh dirham itu? Biarlah saya jual barang itu dan bayarannya diangsur oleh lelaki itu…".

Hadis ini memiliki dua makna; *pertama*, dilarang membela orang yang hendak dijatuhi hukuman setelah kesnya dilaporkan ke mahkamah; *kedua*, barang disimpan di dalam tempat penyimpanan merupakan syarat hukum potong tangan dilakukan.

**Analisis Lafaz**

"وصححه ابن الجارود والحاكم", ulama hadis berbeza pendapat sama hadis ini *mursal* ataupun *mawsul*.

**Fiqh Hadis**

1. Dilarang menolong seseorang supaya bebas daripada hukuman hudud setelah kesnya dilaporkan ke mahkamah namun disunatkan menolong untuk membebaskan hukuman hudud sebelum dilaporkan ke mahkamah.
2. Barang yang dicuri itu diletakkan di dalam tempat penyimpanan merupakan syarat bagi pelaksanaan hukuman potong tangan mengikut pendapat jumhur ulama. Imam al-Syafi'i berkata: "Serban Shafwan

termasuk dijaga kerana pemiliknya menjadikannya sebagai bantal." Inilah pendapat mazhab Hanafi dan Maliki. Menurut mazhab Hanafi, barangsiapa mencuri barang di dalam mesjid sedangkan pemilik barang itu di dalamnya maka pencuri itu wajib dipotong tangan, meskipun barang itu tidak disimpan di dalam tempat penyimpanan, kerana mesjid dibangun untuk menjaga harta. Menurut mazhab Maliki pula seseorang yang tidur menjadikan barangnya sebagai bantal, maka tindakannya itu sudah dianggap melindungi hartanya. Ringkasnya, meskipun jumhur ulama setelah bersepakat bahawa barang yang disimpan di dalam tempat penyimpanan merupakan syarat untuk pelaksanaan hukuman potong tangan namun mereka berbeza pendapat tentang kriteria penjagaan itu sendiri.

٧٨- وَعَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: جِيءَ بِسَارِقٍ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: "اُقْتُلُوهُ". فَقَالُوا يَا رَسُولَ اللهِ، إِنَّمَا سَرَقَ. قَالَ: "اِقْطَعُوهُ"، فَقَطَعَ، ثُمَّ جِيءَ بِهِ الثَّانِيَةُ، فَقَالَ "اُقْتُلُوهُ" فَذَكَرَ مِثْلَهُ، ثُمَّ جِيءَ بِهِ الرَّابِعَةُ كَذَلِكَ، ثُمَّ جِيءَ بِهِ الْخَامِسَةُ فَقَالَ: "اُقْتُلُوهُ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ، وَاسْتَنْكَرَهُ.

78. Daripada Jabir bin Abdullah (r.a), beliau berkata: "Pernah seorang pencuri didatangkan kepada Rasulullah (s.a.w) lalu baginda bersabda: "Bunuhlah!" Para sahabat berkata: "Dia hanya mencuri wahai Rasulullah." Baginda bersabda: "Potonglah tangannya!" Jabir berkata: "Pencuri itu pun akkhirnya dipotong tangannya." Dia kemudain dibawa lagi untuk kedua kalinya kepada Rasulullah (s.a.w). Baginda bersabda: "Bunuhlah!" Para sahabat berkata: "Dia hanya mencuri wahai Rasulullah!" Baginda bersabda: "Potonglah tangannya!" Jabir berkata: "Dia pun akhirnya dipotong tangannya. Dia kemudian dibawa lagi untuk ketiga kalinya dan baginda bersabda: "Bunuhlah!" Para sahabat berkata: "Dia hanya mencuri wahai Rasulullah." Baginda bersabda: "Potonglah tangannya!" Jabir berkata: "Dia pun akhirnya dipotong tanganya." Dia kemudian dibawa lagi untuk keempat kalinya dan baginda bersabda: "Bunuhlah!" Para sahabat berkata: "Dia hanya mencuri wahai Rasulullah." Baginda bersabda: "Potonglah tangannya!" Jabir berkata: "Dia akhirnya dipotong tangannya." Dia kemudian dibawa lagi untuk kelima kalinya dan baginda bersabda: "Bunuhlah!" (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Nasa'i dan menilainya hadis *munkar*: 1265).

٧٩- وَأَخْرَجَ مِنْ حَدِيثِ الْحَارِثِ بْنِ حَاطِبٍ نَحْوَهُ، وَذَكَرَ الشَّافِعِيُّ أَنَّ الْقَتْلَ فِي الْخَامِسَةِ مَنْسُوخٌ.

79. Hadis ini turut diriwayatkan daripada al-Harits bin Hathib dan Imam al-Syafi'i menyebutkan hadis yang menyebutkan wajib dibunuh untuk yang kelima

kalinya itu sudah dimansukh.: 1266.

## Makna Hadis

Allah mensyariatkan hudud untuk mencegah jenayah daripada berlaku dan menyucikan pelakunya daripada dosa. Ini kerana hukuman hudud ketika diterapkan ke atas pelakunya akan mengakibatkannya berhenti daripada terus mengulangi perbuatannya. Ada sesetengah orang yang berani melakukan jenayah dan di sinilah peranan hudud mesti dilakukan secara berulang jika jenayah itu pula dilakukan secara berulang. Adapun menjatuhkan hudud yang bakal mengakibatkan pelaku jenayah mesti dihukum mati lantaran hudud itu tidak diambil pengajaran oleh pelaku jenayah berkenaan, maka ulama dalam masalah ini masih berbeza pendapat. Ada yang mengatakan ini tidak pernah terjadi, namun ada pula yang mengatakan itu pernah terjadi ketika permulaan Islam, namun kemudian dimansukh.

## Analisis Lafaz

"انما سرق", maksud mereka adalah hukumannya dipotong tangan, bukannya dibunuh.

"واستنكره", dia menilainya hadis *munkar* sedangkan Mush'ab bin Tsabit pula tidak kuat hafalannya dalam hadis ini.

"وأخرج", yakni al-Nasa'i.

"نحوه", al-Hakim meriwayatkan hadis ini dan al-Nasa'i berkata: "Dalam bab ini saya tidak tahu kalau ada hadis yang sahih." Ibn Abdul Barr berkata: "Hadis yang mengatakan wajib dibunuh itu kedudukannya *munkar* yang tidak ada asasnya."

"أن القتل فى الخامسة منسوخ", perkataannya secara lengkap: "Tidak ada perbezaan di kalangan ulama dalam masalah ini."

## Fiqh Hadis

1. Hukuman potong tangan berulang jika perbuatan mencuri itu dilakukan secara berulang. Ulama bersepakat tentang hukuman potong tangan yang mesti dilakukan secara berulang ini, tetapi mereka berbeza mengenai bilangan dan caranya. Malik, al-Syafi'i dan sekumpulan ulama yang lain berpendapat apa yang wajib adalah memotong tangan kanan ketika mencuri pertama kali dan ini merupakan ijma' ulama. Ketika mencuri kali kedua kali, kaki kiri yang dipotong. Ketika mencuri kali ketiga kalinya, tangan kiri dipotong. Ketika mencuri kali keempat, kaki kanan dipotong.

Alasan mereka adalah hadis yang diriwayatkan oleh al-Daruquthni daripada Abu Hurairah secara marfu' yang di dalam sanadnya terdapat al-Waqidi, namun al-Syafi'i meriwayatkannya dari jalan yang lain. Al-Thabarani dan al-Daruquthni turut meriwayatkan hadis serupa daripada Ishmah bin Malik, namun sanandnya dha'if.

Untuk mencuri kali pertama dan kedua, Imam Ahmad bersetuju dengan pendapat jumhur ulama, namun ketika mencuri kali ketiga, Imam Ahmad berkata: "Hukumannya adalah wajib dipenjara." Dalil mereka adalah hadis yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi daripada Ali (r.a) bahawa setelah memotong kaki pencuri itu dan kemudian mencuri lagi, beliau berkata: "Dengan apa dia mengusap dan dengan apa pula dia makan." Ketiak ditanya mengapa tangan kiri yang dipotong, Ali (r.a) menjawab: "Kalau saya potong kakinya, dengan apa dia berjalan. Saya malu kepada Allah." Beliau kemudian menyebatnya dan memasukkan penjara itu ke dalam penjara.

Jumhur ulama menyanggah kisah ini sebagai pendapat peribadi Ali (r.a) dan sekadar pendapat itu tidak selayaknya dibenturkan dengan nash.

2. Orang yang mencuri kali kelima hendaklah dibunuh. Al-Syafi'i berkata: "Pendapat ini dimansukh." Ada yang mengatakan dalil yang memansukhnya adalah hadis: "*Tidak halal darah seorang muslim, kecuali dengan salah satu daripada tiga berikut…*". Al-Khattabi berkata: "Saya tidak pernah tahu ada seorang yang menghalalkan darah orang yang mencuri, walaupun dia mencuri berulang kali. Kalaupun ada pendapat seperti itu dikemukakan oleh mazhab fiqh bahawa orang yang mencuri secara berulang kali wajib dibunu, maka orang itu telah diklasifikasikan sebagai *mufsidin* (orang yang selalu membuat kerosakan di muka bumi). Di sinilah peranan seorang hakim untuk berijtihad bagi menentukan hukuman yang sepatutnya; jika yang lebih baik itu dibunuh, maka dibunuh atau sebaliknya. Pendapat ini disandarkan kepada Imam Malik bin Anas dan hadis Jabir jika sahih maka ia menguatkan pendapat ini.

**Penting**

Kebanyakan ulama fiqh mengatakan tangan itu hendaklah dipotong mulai pergelangan yakni persendian telapak tangan. Dalam masalah ini ada hadis *marfu'* yang diriwayatkan oleh al-Daruquthni daripada Abdullah bin 'Amr dengan sanad dha'if dan ada pula hadis yang diriwayatkan daripada Adi bin Hatim, Jabir dan Umar yang kesemuanya tidak terlepas daripada kritikan, malah menurut Ali (r.a) potong tangan itu dimulai dari pangkal-pangkal jari tangan.

**Soalan**

1. Apakah untuk melaksanakan potong tangan mesti ada jumlah nilai tertentu tentang barang yang dicurinya dan berapa pula batasannya serta apa pula dalilnya?
2. Sebutkan nash hadis Usamah bin Zaid yang berusaha membela orang yang bakal kena hukuman?
3. Apakah dilarang menolong orang yang sudah dinyatakan bersalah dalam hukuman hudud dan apa pula dalilnya?
4. Apakah keengganan untuk memulangkan pinjaman atau titipan yang jumlahnya mewajibkan seseorang mesti dijatuhi hukuman potong tangan dan apa pula dalilnya?
5. Sempurnakan hadis ini: "ليس على خائن ولا ..." dan jelaskan kalimat-kalimatnya?
6. Apakah orang yang mencuri buah-buahan mesti dipotong tangan?
7. Sebutkan nash hadis Abu Umayyah al-Makhzumi dalam masalah mencuri dan jelaskan fiqh hadisnya?
8. Apakah disyaratkan berulang kali ketika membuat pengakuan yang seseorang itu mencuri dan apa pula dalilnya?
9. Apakah pencuri yang sudah dipotong tangan mesti mengganti barang yang dicurinya dan apa pula pendapat ulama fiqh serta apa pula dalilnya?
10. Daripada Abdullah bin Amr bin al-Asah dalam hadis marfu': "من أصاب بفيه..." , sempurnakan hadis ini dan huraikan kosa katanya?
11. Bagaimana hukuman orang yang mencuri buah-buahan?
12. Apakah disyaratkan suatu barang itu disimpan di tempat penyimpanan bagi membolehkan seseorang yang mencurinya itu dipotong tangan? Huraikan perbezaan pendapat ulama dalam masalah ini?
13. Bagaimana hukuman bagi orang yang mencuri secar berulang kali?
14. Adakah pencuri yang mencuri untuk kali kelima mesti dijatuhi hukuman bunuh?
15. Dari manakah potong tangan itu dilakukan?

# BAB KEEMPAT
# HUKUMAN BAGI PEMINUM KHAMAR

٨٠- عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَتَى بِرَجُلٍ قَدْ شَرِبَ الْخَمْرَ، فَجَلَدَهُ بِجَرِيدَتَيْنِ نَحْوَ أَرْبَعِينَ. قَالَ: وَفَعَلَهُ أَبُو بَكْرٍ، فَلَمَّا كَانَ عُمَرُ اسْتَشَارَ النَّاسَ، فَقَالَ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَوْفٍ: أَخَفَّ الْحُدُودِ ثَمَانُونَ، فَأَمَرَ بِهِ عُمَرُ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

80. Daripada Anas bin Malik (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah ada seorang lelaki meminum arak lalu didatangkan kepada baginda untuk disebat dua pelapah kurma sebanyak empat puluh kali. Anas (r.a) berkata: "Abu Bakar (r.a) juga pernah melakukan perkara yang sama. Namun ketika masa pemerintahan Umar (r.a), beliau meminta pandangan orang ramai tentang hukuman meminum arak ini. Abdurrahman bin Auf (r.a) mencadangkan bahawa seringan-ringan hukumam bagi peminum arak adalah lapan puluh kali sebatan." Umar (r.a) pun menerima cadangan ini dan mempraktikkannya." (Muttafaq 'alaih: 1267).

٨١- وَلِمُسْلِمٍ عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ -فِي قِصَّةِ الْوَلِيدِ بْنِ عَقَبَةَ- جَلَدَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَرْبَعِينَ، وَأَبُو بَكْرٍ أَرْبَعِينَ، وَعُمَرُ ثَمَانِينَ، وَكُلٌّ سُنَّةٌ، وَهَذَا أَحَبُّ إِلَيَّ. وَفِي هَذَا الْحَدِيثِ: أَنَّ رَجُلًا شَهِدَ عَلَيْهِ أَنَّهُ رَآهُ يَتَقَيَّأُ الْخَمْرَ، فَقَالَ عُثْمَانُ: إِنَّهُ لَمْ يَتَقَيَّأْهَا حَتَّى شَرِبَهَا.

81. Dalam Sahih Muslim daripada Ali (r.a) -dalam kisah al-Walid bin 'Aqabah- dikatakan bahawa Rasulullah (s.a.w) menyebat empat puluh kali sebatan, Abu Bakar menyebat empat puluh kali sebatan dan Umar menyebat lapan puluh

kali sebatan. Semua itu merupakan Sunnah dan inilah yang lebih saya sukai." Dalam hadis ini disebutkan ada seorang lelaki yang kelihatan memuntahkan arak lalu 'Utsman berkata: "Dia tidak akan memuntahkannya melainkan telah meminumnya.": 1268.

**Makna Hadis**

Ibn Hajar mengemukakan kedua hadis ini untuk mengisyaratkan adanya perbezaaan pendapat tentang hukuman minum arak, di mana ada dua pendapat masyhur dalam masalah ini sama ada empat puluh kali sebat atau lapan puluh kali sebat. Abu Dawud dan ulama hadis yang lain menceritakan sebab Umar (r.a) meminta pendapat sahabat tentang hukuman minum arak. Di situ disebutkan bahawa Khalid bin al-Walid pernah mengirim sepucuk surat kepada Umar (r.a) yang isinya: "Ramai orang sudah telah terlena untuk meminum arak. Mereka memandang remeh hukumannya." Umar (r.a) segera bertanya kepada sahabat Muahjirin dan Anshar hingga akhirnya mereka bersepakat untuk memukul lapan puluh kali sebatan sebagai hukuman bagi peminum khamar. Tujuan utama hukuman itu untuk menyucikan diri dan menjauhkan umat manusia daripada perbuatan maksiat. Oleh itu, Umar (r.a) segera memberatkan hukuman yang dengannya diharapkan umat manusia berhenti meminum arak.

**Analisis Lafaz**

"جريدتين", merupakan bentuk *tatsniyah* dari perkataan "جريدة" yang bermaksud pelapah kurma panjang, sama ada sudah kering mahupun masih basah. Al-Nawawi berkata: "Ulama berbeza pendapat tentang maksud "memukulnya dengan dua pelapah kurma sebanyak empat puluh kali." Ulama mazhab Syafi'i mengertikan dua pelapah itu adalah berasingan. Dengan erti kata lain, setiap satu daripada dua pelapah itu dipukulkan sebanyak empat puluh kali sedangkan ulama yang lain berpendapat hukuman minum arak adalah lapan puluh kali kerana mereka mengertikan dua pelapah kurma itu digabungkan antara satu sama lain kemudian dipukulkan sebanyak empat puluh kali yang kesemuanya menjadi lapan puluh kali pukulan.

"فى قصة الوليد بن عقبة", kisah ini menceritakan bahawa Abu Sasan al-Raqasyi berkata:: "Saya menyaksikan Utsman bin Affan didatangi al-Walid bin Uqbah yang disaksikan oleh Humran dan seorang lelaki yang selainnya. Saksi pertam bersaksi melihat al-Walid meminum arak sedangkan saksi kedua bersaksi melihatnya memuntahkan arak." Utsman berkata: "Dia tidak memuntahkan melainkan telah meminumnya." Beliau berkata kepada Ali: "Laksankan hudud ke atasnya!" Ali berkata kepada al-Hasan: "Laksanakan hudud ke atasnya!" Al-Hasan berkata: "Keluarkan minuman itu dari dalam perutnya." Ali berkata kepada Abdullah bin Ja'far: "Laksanakan hudud ke atasnya!" Jafar mengambil

cemeti dan memukulnya hingga empat puluh kali." Dia berkata: "Cukuplah seperti itu seperti mana Rasulullah (s.a.w) pernah melakukan sebatan demikian….".

"وهذا أحب الي", yakni empat puluh kali sebatan. Ada yang mengatakan maksudnya lapan puluh kali, kerana benar bahawa Ali pernah menyebatnya lapan puluh kali.

**Fiqh Hadis**

1. Rasulullah (s.a.w) menetapkan hukuman minum arak ini sebanyak empat puluh kali sebatan. Inilah pendapat al-Syafi'i, Imam Ahmad, Ishaq dan mazhab Zahiri. Demikian pula Abu Bakar, Umar dan sekumpulan sahabat. Menurut mereka, tambahan hukuman yang dilakukan oleh 'Umar bukan hukuman hudud sebaliknya ta'zir.
2. Umar (r.a) pernah menyebat peminum khamar lapan puluh kali dan itu disetujui oleh sekumpulan sahabat. Ini juga merupakan pendapat Abu Hanifah, Malik dan Imam Ahmad dalam satu riwayat. Demikian pula Ali, Khalid bin al-Walid dan Mu'awiyah. Dalam hadis ini ditegaskan seorang lelaki melihatnya memuntahkan arak lalu Utsman berkata: "Tidak mungkin dia memuntahkan kecuali setelah meminumnya."

**Fiqh Hadis**

Hadis kedua ini merupakan penggalan hadis sebelumnya. Ibn Hajar memilih hadis ini untuk menjelaskan hukuman hudud orang yang memuntahkan arak dengan hujah kalau dia memuntahkan pasti dia telah meminumnya seperti yang telah ditegaskan Utsman (r.a).

**Analisis Lafaz**

"رآه", dia melihat al-Walid bin 'Uqbah.

**Fiqh Hadis**

Memuntahkan arak itu merupakan bukti seseorang telah meminumnya. Inilah pendapat Malik. Al-Nawawi berkata: "Mazhab Syafi'i menegaskan tidak boleh seseorang dihukum lantaran memuntahkan arak, kerana ada kemungkinan dia meminumnya dalam keadaan tidak tahu itu adalh arak atau tidak tahu arak itu dilarang dan pelbagai alasan lain yang boleh menggugurkan hukuman hudud.

٨٢- وَعَنْ مُعَاوِيَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ فِي شَارِبِ الْخَمْرِ: "إِذَا شَرِبَ فَاجْلِدُوهُ، ثُمَّ إِذَا شَرِبَ الثَّانِيَةَ فَاجْلِدُوهُ، ثُمَّ إِذَا شَرِبَ الثَّالِثَةَ فَاجْلِدُوهُ، ثُمَّ إِذَا شَرِبَ الرَّابِعَةَ فَاضْرِبُوا عُنُقَهُ". أَخْرَجَهُ أَحْمَدُ وَهَذَا لَفْظُهُ وَالْأَرْبَعَةُ. وَذَكَرَ التِّرْمِذِيُّ مَا يَدُلُّ عَلَى أَنَّهُ مَنْسُوخٌ، وَأَخْرَجَ ذَلِكَ أَبُو دَاوُدَ صَرِيحًا عَنِ الزُّهْرِيِّ.

82. Daripada Mu'awiyah bin Abu Sufyan (r.a) daripada Rasulullah, (s.a.w), baginda bersabda mengenai orang yang meminum arak: "Jika dia meminum arak untuk kali pertama, maka sebatlah. Jika dia minum arak lagi untuk kali kedua, maka sebatlah. Jika minum lagi untuk kali ketiga, maka sebatlah. Jika dia minum arak lagi untuk kali keempat,maka tebaslah lehernya." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan hadis ini berdasarkan lafaznya serta al-Arba'ah sedangkan al-Tirmizi mengemukakan satu kenyataan yang menunjukkan hadis ini telah dimansukh dan Abu Dawud meriwayatkan hadis ini secara jelas daripada al-Zuhri: 1269).

**Fiqh Hadis**

Hukum hudud yang disyari'atkan Allah (s.w.t) pada hakekatnya untuk menyucikan diri pelaku jenayah sekali gus mencegah terjadinya jenayah daripadanya berulang. Oleh itu hukuman hudud disyariatkan berulang kepada orang yang melakukan jenayah secara berulang. Inilah yang ditegaskan oleh Rasululah (s.a.w) dalam hadis ini di mana baginda menyuruh orang yang meminum arak dipukul setiap kali meminum arak dan pada kali keempat baginda bersabda: "Tebaslah lehernya." Namun beberapa hadis lain menunjukan bahawa hukuman potong leher ini tidak semestinya dilaksankan di mana seorang imam dibolehkan memilih sesuai dengan hukuman yang paling tepat. Jika itu terbaik, maka dia boleh membunuhnya, tetapi jika sebatan sudah memadai, maka itu pun sudah memadai.

**Analisis Lafaz**

"ثم اذاشرب الرابعة", dalam riwayat yang lain disebutkan: "الثالثة" dan dalam riwayat lain pula disebutkan: "الخامسة". Riwayat-riwayat ini tidak terlepas daripada kritikan sedangkan riwayat yang boleh dijadikan sandaran adalah: "فان شرب فى الرابعة", seperti mana telah dibahas dalam kitab *al-Intiha'*.

**Fiqh Hadis**

1. Berulang meminum arak mengakibatkan hukuman pula dilaksanakan secara berulang. Ini merupakan ijma' ulama.
2. Seseorang yang meminum arak untuk kali keempat setelah dihukum sebanyak tiga kali, maka hukumannya dibunuh. Ini pendapat mazhab Zhahiri, namun berbeza dengan mazhab yang empat, di mana menurut mereka hukuman bunuh untuk kali keempat sudah dimansukh dengan hadis: "Tidak halal membunuh orang muslim, kecuali dengan satu daripada tiga factor berikut…". (Muttafaq 'alaih). Demikian pula hadis ini dimansukh oleh hadis Jabir yang menyebutkan bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah menghukum orang yang meminum arak untuk kali keempat namun tidak membunuhnya.

٨٣- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا ضَرَبَ أَحَدُكُمْ فَلْيَتَّقِ الْوَجْهَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

83. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau bersabda: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jika salah seorang kami memukul saudaranya, maka hindarilah daripada memukul muka." (Muttafaq 'alaih: 1270)

**Makna Hadis**

Dalam masalah bergaul dengan isteri, suami tidak dibolehkan memukul wajah. Jadi dalam hadis ini ditegaskan memukul wajah ketika melaksanakn hukuman hudud juga tidak dibolehkan, kerana dikhuatirkan tertusuk mata atau bibir koyak di samping Allah (s.w.t) memuliakan wajah manusia berbanding anggota tubuh yang lain.

**Analisis Lafaz**

"فليتق", hendaklah menjauhi.

**Fiqh Hadis**

Dilarang memukul wajah ketika melaksanakan hukuman hudud.

**Penting**

Sa'id bin Mansur, Ibn Abu Syaibah dan Abdurrazaq meriwayatkan satu hadis daripada Ali (r.a), beliau berkata kepada algojo: "Pukulah setiap anggota tubuhnya, tetapi elakkan daripada memukul wajah dan zakarnya." Ini kerana algojo itu ketika menjatuhkan hukuman dikhuatiri turut memukul kedua-dua anggota tubuh itu.

٨٤- وَعَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا تُقَامُ الْحُدُودُ فِي الْمَسَاجِدِ". رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَالْحَاكِمُ.

84. Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tidak boleh melaksanakan hukuman hudud di dalam mesjid." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan al-Hakim: 1271)

**Makna Hadis**

Mesjid merupakan tempat paling mulia di sisi Allah. Allah memerintah untuk membersihkan segala bentuk kotoran yang ada di dalamnya, sedangkan orang yang dijatuhi hukuman dikhuatiri mengeluarkan kotoran, najis atau menitiskan darah yang tentunya mengotori mesjid. Oleh itu dilarang melaksanakan hukuman hudud di dalam mesjid.

**Analisis Lafaz**

"رواه الحاكم والترمذى", di dalam sanad hadis ini terdapat Isma'il bin Muslim al-Makki di mana ulama meragui kekuatan hafalannya. Apapun, dia telah di-*mutaba'ah* seperti mana yang telah dijelaskan dalam kitab *al-Dark bi takhrij al-Mustadrak*. Hadis ini juga memiliki *syahid* yakni hadis Hakim bin Hizam yang diriwayatkan oleh Abu Dawud, al-Hakim, Ibn al-Sakan, al-Daruquthni dan sekumpulan sekelompok ulama yang lain sedangkan sanadnya pula layak.

**Fiqh Hadis**

Dilarang melaksanakan hukuman hudud di dalam mesjid. Inilah pendapat Imam Ahmad, Ishaq, ulama Kufah dan sekumpulan ulama yang lain di mana menurut mereka tidak boleh melaksanakan hukuman hudud dilaksanakan di dalam mesjid. Namun Ibn Abu Laila dan al-Sya'bi malah membolehkannya tanpa disokong oleh hujah yang kuat.

٨٥- وَعَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: لَقَدْ أَنْزَلَ اللهُ تَحْرِيمَ الْخَمْرِ وَمَا بِالْمَدِينَةِ شَرَابٌ يَشْرَبُ إِلَّا مِنْ تَمْرٍ. أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

85. Daripada Anas bin Malik (r.a), beliau berkata: "Allah menurunkan ayat yang mengharamkan arak malah di Madinah tidak ada yang meminum minuman kecuali hasil perahan kurma." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1272).

٨٦- وَعَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: نَزَلَ تَحْرِيمُ الْخَمْرِ، وَهِيَ مِنْ خَمْسَةٍ: مِنَ الْعِنَبِ وَالتَّمْرِ وَالْعَسَلِ وَالْحِنْطَةِ وَالشَّعِيرِ. وَالْخَمْرُ: مَا خَامَرَ الْعَقْلَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

86. Daripada Umar (r.a), beliau berkata: "Pengharaman arak itu berasal daripada lima unsur; dari anggur, kurma, madu, gandum dan barli. Apa yang disebut *khamar* (arak) adalah sesuatu yang boleh merosakkan akal fikiran." (Muttafaq 'alaih: 1273).

٨٧- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "كُلُّ مُسْكِرٍ خَمْرٌ، وَكُلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمُ.

87. Daripada Abdullah bin 'Umar (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Setiap yang memabukan itu arak dan setiap arak itu haram." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1274).

٨٨- وَعَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَا أَسْكَرَ كَثِيرُهُ، فَقَلِيلُهُ حَرَامٌ". أَخْرَجَهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

88. Daripada Jabir bin Abdullah (s.a.w) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Setiap yang memabukan itu sama ada baik ataupun sedikit tetap diharamkan." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Arba'ah serta dinilai sahih oleh Ibn Hibban: 1275).

**Makna Hadis**

Ibn Hajar memuat hadis-hadis ini untuk menyanggah pendapat ulama Kufah yang mengatakan arak itu hanya dibuat daripada anggur. Jika dibuat daripada benda lain itu tidak disebut arak. Pendapat ini tentunya tidak selari dengan istilah bahasa, hadis sahih dan pandangan sahabat. Ini kerana ketika diturunkan ayat yang mengharamkan arak, mereka memahami arak itu diharamkan dan

diharamkan pula seluruh jenis yang memabukan tanpa membezakan itu dibuat daripada anggur atau daripada unsur yang lain. Para sahabat itu memahami ini, kerana al-Qur'an diturunkan sesuai bahasa mereka.

**Analisis Lafaz**

"أنزل تحريم الخمر", yakni firman Allah:

.... إِنَّمَا ٱلْخَمْرُ وَٱلْمَيْسِرُ وَٱلْأَنصَابُ وَٱلْأَزْلَٰمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ ٱلشَّيْطَٰنِ فَٱجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

"*Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya semoga kamu menjadi orang-orang yang beruntung*" (Surah al-Ma'idah: 90).

"شراب يشرب", kerana memabukan.

"الحنطة", tepung gandum.

"خامر", yakni menutupi sehingga keluarlah perkataan-perkataan orang gila dari orang yang meminum arak seolah-olah dia berbicara tanpa akal. Dengan keadaan seperti ini, akalnya seolah-oleh tertutup.

"مسكر", yakni menyebabkan peminumnya mabuk. Ulama berbeza pendapat tentang batasan mabuk itu. Menurut Abu Hanifah, orang mabuk adalah orang yang tidak mampu memahami sesuatu dan tidak berfikiran logik, bahkan tidak mampu lagi membezakan antara lelaki dengan perempuan, bumi atau langit. Pendapat ini berbeza dengan pendapat Abu Yusuf dan Muhammad serta ulama yang lain, di mana menurut mereka orang mabuk adalah hampir seluruh bicaranya tidak tentu hala, namun tidak semestinya sampai kepada batsan yang dikatakan oleh Abu Hanifah.

**Fiqh Hadis**

1. Diharamkan arak yang dibuat daripada kurma yang menurut ulama ada dua jenis; *sakr* dan *fadhikh*. Ulama bersepakat bahawa kedua-dua jenis arak ini diharamkan, meksipun berbeza pendapat tentang takrifnya. Menurut Abu Hanifah, *sakr* adalah perasan kurma basah yang tidak pernah dipanaskan api atau air kurma rutab ketika dipanaskan hingga mengeluarkan buih. Ini berbeza dengan Abu Yusuf dan Muhammad serta tiga imam mazhab yang lain, di mana menrurut mereka, *sakr* adalah arak yang sudah panas dan mendidih, meskipun mengeluarkan buih. *Fadikh* pula adalah air kurma yang belum menjadi *ruthab* (kurma basah) ketika

dipanaskan. Abu Hanifah menambahkan dua syarat seperti mana dalam *sakr* iaitu; pertama, tidak lagi mendidih; kedua, mengeluarkan buih. Tetapi ulama yang lain tidak mensyaratkan ini.

2. Diharamkan arak yang dibuat daripada anggur. Jenis ini ada lima jenis; (a). *khamr* adalah air (yang tidak mengembang atau yang tidak dipanaskan api) dari air anggur setelah mendidih dan panas. Ini merupakan pendapat tiga imam mazhab dan dua orang murid Abu Hanifah. Abu Hanifah seperti mana biasanya menambahkan dua syarat; pertama, mengeluarkan buih; kedua, tidak lagi mendidih. (b). *naqi' zabib* adalah air anggur yang direndam di dalam air hingga aromanya keluar tanpa dimasak. Jika aromanya sudah sangat tajam, maka haram diminum air itu. Menurut Abu Hanifah, ia mestilah mengeluarkan buih namun berbeza dengan ulama yang lain. (c). *thala'* atau *mutsallats* adalah air anggur yang dimasak yang sisanya hanya sepertiganya dan dua pertiganya lagi sudah hilang. Hukumnya haram mengikut kesepakatan ulama, namun Abu Hanifah mengatakan ia boleh diminum untuk menguatkan tubuh dan tujuan perubatan. (d). *badziq* atau *munasshaf* adalah air anggur yang dipanaskan dalam waktu yang singkat sehinga air itu berkurang dua pertiganya. Ini diharapkan menurut kesepakatan ulama. (e). *jumhuri* adalah air anggur yang sudah jadi *thala'* yang ditambah air biasa agar cair seperti semula, kemudian dimasak dalam waktu yang singkat dan ini memabukan. Ia haram diminum menurut tiga imam mazhab, namun menurut Abu Hanifah dan dua orang pengikutnya haram jika meminumnya untuk tujuan hura-hura.

3. Diharamkan meminum arak yang dibuat dari madu yang disebut *al-bit'u*. Ia merupakan perasan madu sama ada telah dimasak ataupun tidak. Jika dalam kadar yang banyak boleh memabukan, maka dalam kadar yang sedikit pun tetap diharamkan mengikut pendapat ulama fiqh, berbeza dengan Abu Hanifah yang mengatakan halal sama ada dimasak ataupun tidak apabila seseorang meminumnya dengan kadar yang tidak mengakibatkan mabuk, tetapi jika sampai memabukan maka ini tetap diharamkan.

4. Diharamkan arak yang dibuat dari gandum dan barli. Ia terdiri daripada beberapa jenis; pertama, *ji'ah* adalah perasan gandum dan barli; kedua, *mirz* adalah perasana jagung; ketiga, *sukrukah* adalah perasan beras. Kesemua ini menurut tiga imam mazhab hukumnya haram selagi kalau diminum dalam kadar yang banyak dapat memabukan, namun Abu Hanifah mengatakan halal, sama ada dimasak atau tidak apabila seseorang itu meminumnya tidak sampai memabukan dan bukan untuk tujuan berfoya-foya.

5. Setiap sesuatu yang banyaknya memabukan, maka sedikitnya pun diharamkan. Inilah pendapat jumhur ulama.

**Penting**

Sebab perbezaan pendapat antara Abu Hanifah dengan ulama yang lain adalah apa sebenarnya yang dimaksudkan dengan memabukan; adakah yang dimaksudkan haram itu batasan yang memabukan atau tidak boleh meminumnya sama sekali, meskipun kadar yang sedikit itu tidak memabukan.

Jumhur ulama mengatakan arak secara mutlak haram diminum, kerana ada hadis-hadis sahih yang antar lain kami muat dalam buku *Jana al-Jannatain* di mana Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Setiap yang memabukan itu arak dan setiap yang mamabukan itu haram." Dalam lafaz lain disebutkan: "Setiap yang memabukan itu arak dan setiap arak itu haram." Dan nash yang lain disebutkan: "Setiap yang banyaknya itu boleh memabukan, maka sedikitnya pun diharamkan." Dalam nash yang lain disebutkan: "Sesuatu yang boleh memabukan dengan kadar yang sedikit, maka sepenuh telapak tangannya juga haram." Dalam nash yang lain pula disebutkan: "Maka satu tegukan pun haram." Bahkan hadis yang semakna dengannya telah diriwayatkan oleh dua puluh enam orang sahabat dan ini sudah mencapai jumlah *mutawatir* dan oleh kerananya, tidak ada alasan untuk mengabaikan pendapat ini, di samping ulama selain jumhur tidak memiliki landasan kuat untuk membantah ini selain hadis-hadis dha'if yang sebahagian besar daripadnya kami muat dalan buku *Jana al-Jannatain.*

**Penting**

Setiap yang mamabukan itu pasti haram. Dalam kaitan ini, Ibn Hajar dalam kitab *Fath al-Bari* berkata: "Barangsiapa yang mengatakan ganja itu tidak memabukan, sebaliknya ia hanya memeningkan kepala maka orang itu pembohong. Ini kerana ganja itu seseorang menjadi mabuk, pening kepala dan hilang pertimbangan akal sihat persis seperti orang yang meminum arak." Ibn Hajar melanjutkan: "Kalau pun ganja itu tidak memabukan, tetapi tubuh menjadi lemah tidak berdaya. Abu Dawud meriwayatkan satu hadis bahawa Rasulullah (s.a.w) melarang setiap yang memabukan dan yang membuat tubuh lemah tidak berdaya. Menurut l-Khattabi, lemah tidak berdaya itu bermaksud seseorang malas bekerja dan banyak berkhayal. Al-'Iraqi dan Ibn Taimiyyah menegaskan bahawa ulama telah berijma' untuk mengharamkan ganja dan orang yang menilainya halal dianggap kafir."

٨٩- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُنْبَذُ لَهُ الزَّبِيبُ فِي السِّقَاءِ فَيَشْرَبُهُ يَوْمَهُ وَالْغَدَ وَبَعْدَ الْغَدِ، فَإِذَا كَانَ مَسَاءُ الثَّالِثَةِ شَرِبَهُ وَسَقَاهُ، فَإِنْ فَضَلَ شَيْءٌ أَهْرَاقَهُ. أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

89. Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah dibuatkan perahan anggur kering lalu diletak di dalam bekas minum, kemudian baginda meminumnya pada hari itu, kemudian pada keesokan harinya dan kemudian meminumnya lagi pada hari ketiga. Pada waktu petang pada hari ketiga, baginda meminumnya dan bakinya baginda tumpahkan." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1276)

**Makna Hadis**

Apa yang diharamkan dari air anggur kering adalah aromanya keluar tanpa perlu dimasak sebelumnya dan ini memerlukan waktu beberapa hari dan tidak mungkin dilakukan dua sampai tiga hari. Betapa bertakwa Rasulullah (s.a.w) hingga tidak pernah menyisakan minuman anggur kering selama hari ketiga kerana dikhuatiri keluar aromanya, apatah lagi kalau sudah mulai berubah rasanya.

**Analisis Lafaz**

"السقاء", bekas minuman.

"فضل", sisa.

"أهراقه", menuangkannya ke tanah.

**Fiqh Hadis**

1. Boleh memeras anggur selagi sesuai dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan ulama.
2. Tidak boleh menyisakan perasan anggur melebihi waktu tiga hari, kemudian diminum setelah itu.

٩٠- وَعَنْ أُمِّ سَلَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِنَّ اللهَ لَمْ يَجْعَلْ شِفَاءَكُمْ فِيمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ". أَخْرَجَهُ الْبَيْهَقِيُّ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

90. Daripada Ummu Salamah daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Allah tidak menjadikan kesihatan atau kesembuhan kamu itu pada sesuatu yang diharamkan ke atas kamu." (Diriwayatkan oleh al-Baihaqi dan dinilai sahih oleh Ibn Hiban: 1277).

## Makna Hadis

Setiap penyakit yang Allah turunkan pasti ada ubatnya. Allah menciptakan makanan dan minuman; ada yang halal dan ada pula yang haram, namun Allah tidak menjadikan apa yang diharamkan dijadikan ubat, kerana dengan demikian Allah menyuruh untuk memakan sesuatu yang diharamkan. Ini merupakan suatu percanggahan. Selain itu, hadis ini memberitahukan sesuatu yang haram itu tidak mengandungi ubat.

Jika ada yang bertanya bahawa ada sebahagian sesuatu yang diharamkan itu dapat menjadi ubat, maka jawapannya itu mungkin saja terjadi di mana sebahagian yang diharamkan itu boleh dijadikan ubat, namun ada pula kemungkinan barang haram yang mengandungi ubat ini juga mengandungi penyakit yang justeru lebih berat. Kadeah syarak mengharamkan segala sesuatu yang bahayanya lebih besar daripada manfaatnya. Dalam kaitan ini, Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَإِثْمُهُمَآ أَكْبَرُ مِن نَّفْعِهِمَا ..... ﴿٢١٩﴾

"*… tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya…*" (Surah al-Baqarah: 219). Allah mengharamkan arak dan judi kerana bahayanya lebih besar berbanding manfaatnya, sama ada bahaya ukhrawi mahupun bahaya duniawi. Bahkan setiap bahaya ukhrawi pasti mengandungi bahaya dunia, walaupun tidak setiap orang mengetahuinya.

Dalam Sahih Ibn Hiban, hadis ini diawali dengan kisah bahawa Ummu Salamah pernah membuat perasan anggur dalam mangkuk, kemudian datanglah Rasulullah (s.a.w) ketika perasan ini sedang mendidih. Rasulullah (s.a.w) bertanya: "Apa ini?" Ummu Salamah menjawab: "Anak perempuan saya menangis." Ummu Salamah menceritakannya kepada baginada bahkan dalam sebahagian lafaz dikatakan: "Ini penyakit, bukannya ubat." Hadis ini juga diriwayatkan oleh perawi selain Ummu Salamah.

## Analisis Lafaz

"وصححه ابن حبان", dalam Sahih Muslim hadis ini diriwayatkan oleh Wa'il bin Hajar. Hadis ini dinilai sahih oleh sekumpulan ulama seperti Ibn Hajar, Ibn Abdul Barr dan lain-lain.

## Fiqh Hadis

Tidak boleh berubat dengan sesuatu yang diharamkan sama ada makanan ataupun minuman. Inilah pendapat jumhur ulama. Abu Hanifah mengatakan

boleh berubat dengan arak seperti mana dibolehkan meminum air kencing, darah dan selain itu untuk tujuan perubatan, walaupun itu benda najis. Pendapat ini dibantah dengan dua jawapan berikut; peratama, qiyas yang dikemukakan oleh Abu Hanifah batal kerana bercanggah dengan nash; kedua, Abu Hanifah menggunakan dalil yang masih diperdebatkan kerana ulama tidak bersepakat mana ubat yang dianjurkan dan mana pula ubat yang diharamkan. Ini tidak mungkin menyamakan antara dua perkara yang saling bertentangan ini yang pada dasarnya ada nash yang membolehkannya dan ada nash pula yang mengharamkannya.

٩١- وَعَنْ وَائِلٍ الْحَضْرَمِيِّ أَنَّ طَارِقَ بْنَ سُوَيْدٍ الْجُعْفِيَّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْخَمْرِ يَصْنَعُهَا لِلدَّوَاءِ؟ فَقَالَ: "إِنَّهَا لَيْسَتْ بِدَوَاءٍ، وَلَكِنَّهَا دَاءٌ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ وَأَبُو دَاوُدَ وَغَيْرُهُمَا.

*91. Daripada Wa'il al-Hadhrami bahawa Thariq bin Suwaid al-Ju'fi bertanya kepada Rasulullah (s.a.w) tentang arak yang digunakan untuk tujuan perubatan. Baginda bersabda: "Itu bukan ubat, tetapi penyakit." (Diriwayatkan oleh Muslim, Abu Dawud dan lain-lain: 1278).*

**Soalan**

1. *Apa hukuman hudud bagi peminum arak dan apa pula dalilnya? Sebutkan pendapat ulama fiqh dalam masalah ini!*
2. *Apakah orang yang memuntahkan arak dianggap sama dengan orang yang meminumnya?*
3. *Apakah orang yang berulang meminum arak mesti dijatuhi hukuman berulang?*
4. *Apakah orang yang meminum arak kali keempat secara berturut-turut mesti dibunuh dan apa pula dalilnya?*
5. *Sebutkan tempat-tempat di mana algojo dilarang menyebat orang yang dijatuhi hukuman sebat dan apa pula dalilnya?*
6. *Bagaimanakah pendapat ulama tentang pelaksanaan hukuman hudud di dalam mesjid?*
7. "عن عمر رضى الله عنه أنه قال: نزل تحريم الخمر وهى خمسة..." *sempurnakan atsar ini?*
8. *Apakah definisi mabuk di sisi ulama?*
9. *Sebutkan jenis-jenis arak yang dibuat daripada anggur dan ciri khususnya?*
10. *Sebutkan jenis-jenis arak yang dibuat daripada kurma dan ciri khususnya?*
11. *Sebutkan jenis-jenis arak yang dibuat daripada madu dan ciri khsususnya?*

12. *Sebutkan jenis-jenis arak yang dibuat daripada gandum dan kacang dan ciri khususnya?*
13. *Apakah hadis "*ما أسكر كثيره فقليله حرام*" sahih?*
14. *Apakah ganja itu diharamkan dan apa pula dalilnya?*
15. *Sebutkan nash hadis yang menyebutkan Rasulullah (s.a.w) tidak meminum perasan anggur?*
16. *Bolehkah berubat dengan sesuatu yang diharamkan dan apa pula dalillnya serta manakah pendapat mana yang paling kuat?*

# BAB KELIMA
# TA'ZIR DAN *SHA'IL* (ORANG (YANG MEMBALA DIRI

Ta'zir merupakan *mashdar* dari perkataan *'azr* yang bermaksud menolak. Diberi nama demikian kerana hukuman ini dapat mencegah perbuatan dosa daripada diulangi. Menurut istilah syarak pula ta'zir adalah memberi pengajaran ke atas pelaku dosa yang tidak ada hukman hududnya. Ada tiga perbezaan antara ta'zir berbeza dengan hudud, iaitu:

1. Ta'zir itu tidak baku, meskipun untuk dosa yang sama, sebaliknya ia disesuaikan dengan orang yang melakukannya.
2. Dibolehkan membela orang yang dijatuhi hukuman ta'zir.
3. Orang yang dijatuhi hukuman ta'zir mesti bertanggung jawab ke atas barang yang telah dia rosakkan, berbeza dengan pendapat Malik dan Abu Hanifah.

Sha'il merupakan *isim fa'il* dari perkataan "صال" yang bermaksud menyerang atau menyergap.

٩٢- عَنْ أَبِي بُرْدَةَ الْأَ نْصَارِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "لَا يُجْلَدُ فَوْقَ عَشَرَةِ أَسْوَاطٍ إِلَّا فِي حَدٍّ مِنْ حُدُودِ اللهِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

92. Daripada Abu Burdah al-Anshari (r.a) bahawa saya pernah mendengar Rasululllah (s.a.w) bersabda: "Tidak boleh seseorang disebat lebih sepuluh kali sebatan, kecuali dalam hukuman hudud yang telah ditetapkan oleh Allah." (Muttafaq 'alaih: 1279).

**Makna Hadis**

Allah mengkhususkan hukuman hudud untuk beberapa dosa yang memang dosanya besar, namun meniadakan hudud ke atas dosa-dosa kecil. Antara dosa

besar dan dosa kecil ada dosa yang tidak besar dan tidak kecil. Di sinilah Allah mensyariatkan ta'zir di mana hukuman itu tidak seberat hukuman hudud, bahkan tidak sampai kepada batasan yang menurut syari'at amat berat namun tetap mengandungi hikmah. Hukuman itu sepuluh kali sebatan dan tidak lebih daripada itu.

### Analisis Lafaz

"لايجلد", ada riwayat yang menggunakan huruf *na* , huruf *dal* dibaca *dhammah* dan ada pula yang membaca *sukun* huruf *dal* sebagai bentuk larangan.

"حد من حدود الله", Ibn Hajar berkata: "Apa yang dimaksudkan dengan hudud adalah hukuman di mana syari'at telah menetapkan bilangan tertentu, baik berupa sebatan, pukulan atau hukuman tertentu. Namun ada ulama lain yang menegaskan bahawa apa yang dimaksudkan dengan hudud dalah hak Allah." Ibn Hajar kemudian menukil pendapat Ibn Daqiq al-'Id yang melemahkan pendapat ini.

### Fiqh Hadis

1. Disyariatkan hukuman ta'zir dan ini merupakan ijma' ulama.
2. Dalam hukuman ta'zir tidak boleh lebih daripada sepuluh kali sebatan. Inilah pendapat Imam Ahmad, Ishaq dan sebahagian mazhab Syafi'i. Ulama yang lain mengatakan boleh lebih daripada sepuluh sebatan dengan berlandaskan kepada beberapa *atsar* daripada sahabat meskipun mereka berbeza pendapat tentang jumlah sebatan yang melebihi sepuluh kali sebatan itu. Al-Syafi'i berkata: "Kadar ta'zir tidak boleh sampai kepada hukuman hudud yang paling rendah sekalipun. Namun apakah yang dimaksudkan dengan hudud paling rendah itu hudud untuk orang merdeka atau hamba ataupun disesuaikan dengan jenis dosa yang dilakukan? Ada yang berpendapat separuh daripada hudud orang merdeka, ada pula yang mengatakan separuh hudud hamba dan ada yang menyebut hendaklah disesuaikan dengan jenis dosa yang dilakukannya." Abu Hanifah berkata: "Ta'zir tidak boleh sampai empat puluh kali sebatan." Menurut satu riwayat daripada Malik, ta'zir tidak boleh sampai lapan puluh kali sebatan. Ulama yang lain pula berpendapat kadar ta'zir itu sebaiknya diserahkan kepada ijtihap hakim, kerana ada riwayat daripada Umar dan Ibn Mas'ud yang menyebutkan beliau menyebat hingga seratus kali.

### Tambahan

Ibn Hajar berkata: "Jenayah telah disepakati ada hududnya adalah zina, minum arak, *hirabah*, menuduh berzina, membunuh, qisas terhadap jiwa, qisas terhadap

anggota tubuh dan murtad, meskipun qisas terhadap anggota tubuh dan murtad masih diperdebatkan sama ada termasuk hudud ataupun sebaliknya. Ulama berbeza pendapat tentang beberapa perkara sama ada hukumannya itu hudud atau sebaliknya, iaitu; enggam memulangkan pinjaman, liwat, menggauli haiwan, wanita yang berhubungan dengan haiwan, lesbian, memakan darah dan bangkai dengan sengaja, memakan daging babi, sihir, menuduh orang lain meminum arak, meninggalkan solat kerana malas, berbuka pada waktu siang di bulan Ramadan dan mengajak orang lain berzina dengan sindiran."

٩٣- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "أَقِيلُوا ذَوِي الْهَيْئَاتِ عَثَرَاتِهِمْ إِلَّا الْحُدُودَ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ.

93. Daripada Aisyah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Sedikitkan kesalahan orang yang dijadikan panutan di tengah masyarakat, kecuali yang berkaitan dengan hukuman hudud." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Nasa'i: 1280).

**Makna Hadis**

Oleh kerana batasan ta'zir diserahkan kepada hakim, Rasulullah (s.a.w) memberikan catatan bagi orang yang bertanggung jawab menentukan batasan ta'zir tentang unsur penting yang mesti diperhatikan, iaitu mengambil berat sejauh mana seseorang itu bersungguh-sungguh merubah tingkah lakunya jika dijatuhi hukuman ta'zir tertentu, kerana seseorang yang sentiasa berusaha merubah dirinya namun kemudian tergelincir dalam melakukan kesalahan hendaklah dimaafkan. Setiap orang tidak luput dari kesalahan.

**Analisis Lafaz**

"أقيلوا", yakni membatalkan dan penjual yang bersetuju membatalkan jual beli disebut *maqil*. Apa yang dimaksudkan di sini adalah persetujuan seorang hakim terhadap orang yang bersalah untuk tidak menghukum atau malah meringankannya. Perintah di sini ditujukan kepada pemimpin.

"ذوي الهيئات", al-Syafi'i berkata: "Mereka adalah yang tidak dikenali sebagai pelaku kejahatan namun ia melakukan itu kerana sifatnya sebagai manusia hingga terjebak ke dalam perbuatan jahat. Ada yang mengatakan maksudnya dosa kecil, namun pendapat ini lemah."

"عثراتهم", jamak dari kata *'atsrah* yang bermaksud kesalahan atau terjerjmus ke dalam perbuatan dosa namun itu jarang terjadi.

"رواه أحمد", riwayat hadis ini banyak yang dengannya hadis ini menjadi kuat.

**Fiqh Hadis**

Disunatkan meringankan hukuman ta'zir ke atas orang yang jarang melakukan perbuatan jahat.

**Tambahan**

Sama dengan pemimpin, seorang ayah ketika menghukum anaknya, majikan ketika menghukum anaknya, suami ketika menghukum isterinya, guru ketika menghukum muridnya, pemilik usaha ketika menghukum pekerjanya.

*- وَعَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: مَا كُنْتُ لِأُقِيمَ عَلَى أَحَدٍ حَدًّا فَيَمُوتَ، فَأَجِدُ فِي نَفْسِي إِلَّا شَارِبَ الْخَمْرِ، فَإِنَّهُ لَوْ مَاتَ وَدَيْتُهُ. أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ.

*. Daripada Ali bin Abu Thalib (r.a), beliau berkata: "Saya tidak pernah merasa bersalah dalam melaksanakan hukuman hudud, kemudian orang yang dihukum itu mati, kecuali jika orang yang dihukum itu orang yang meminum arak, kerana jika dia mati saya akan membayar diyatnya." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

**Makna Hadis**

Dalam kitab Sahih al-Bukhari hadis ini masih panjang dan Ibn Hajar sebaiknya memuatnya secara sempurna, kerana dengan demikian dapat mengungkap sebab Ali (r.a) berkata seperti ini. Lengkapnya adalah Rasulullah (s.a.w) tidak meninggalkan sunnah." Dengan erti kata lain, Rasulullah dalam hal ini tidak meninggalkan sunnah yang jelas seperti mana yang dikatakan oleh Ali (r.a). Beliau khuatir kalau orang yang dijatuhi hukuman itu mati yang kematianya lantaran adanya tambahan hukuman yang tidak dibenarkan. Jika itu terjadi, maka wajiblah membayar diyat. Ibn Hajar dengan menyebut hadis ini seolah-olah mengisyaratkan wajib membayar ganti rugi akibat ta'zir. Inilah kaitan hadis tersebut dengan bab ini.

**Analisis Lafaz**

"لأقيم", huruf *lam* di sini untuk menguatkan.

"فيموت فأجد", kedua-dua kalimat ini dibaca *nashab*. Perkataan "فأجد" berasal dari kata *al-wijd* yang bermaksud kesedihan. Ibn Hajar berkata: "Inilah tafsiran yang sesuai dengan kalimat, meskipun ada tafsiran lain terhadapnya."

"وديته", saya menyerahkan diyatnya yang dia sendiri tidak berhak mendapatkannya.

**Fiqh Hadis**

1. Ali (r.a) tidak memiliki landasan Sunnah untuk menjatuhkan hukuman bagi peminum arak dan pernyataannya: "Itu lebih saya sukai" merupakan hasil ijtihadnya. Namun ini tidak bereti tidak ada hadis di sisi sahabat yang lain, seperti mana dalam hadis Anas (r.a).
2. Hukuman sebat jika bilangannya berdasarkan hasil ijtihad hakim, maka dia mesti bertanggung jawab ke atas kerugian yang dialami orang yang disebat sama seperti ta'zir. Inilah pendapat jumhur jumhur, berbeza apabila seseorang itu mati kerana dijatuhi hukuman yang bukan keran minum arak, seperti berzina atau menuduh orang lain berzina, di mana ulama bersepakat tidak ada kewajipan membayar diyat dan tidak ada pula kifarat.

٩٤- وَعَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ خَبَّابٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتَ أَبِي يَقُولُ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "تَكُونُ فِتَنٌ، فَكُنْ فِيهَا عَبْدَ اللهِ الْمَقْتُولَ، وَلَا تَكُنْ الْقَاتِلَ". أَخْرَجَهُ ابْنُ أَبِي خَيْثَمَةَ وَالدَّارَقُطْنِيُّ.

94. Daripada Abdullah bin Khabbab (r.a), beliau berkata: "Saya pernah mendengar ayah saya berkata: "Saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Akan tiba suatu masa yang di dalamnya banyak fitnah. Jika itu terjadi, jadilah kamu hamba Allah yang mati terbunuh dan janganlah kamu menjadi yang membunuh." (Diriwayatkan oleh Ibn Abu Khaitsamah dan al-Daruquthni: 1281).

٩٥- وَأَخْرَجَ أَحْمَدُ نَحْوَهُ عَنْ خَالِدِ بْنِ عُرْفُطَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ.

95. Sedangkan Imam Ahmad meriwayatkan hadis yang serupa daripada Khalid bin 'Urfuthah (r.a).: 1282.

**Makna Hadis**

Hadis ini membahas bab kedua iaitu hukum orang yang mempertahankan diri, di mana Ibn Hajar memuatkan hadis ini bersamaan dengan hadis yang lain bagi memastikan pembunuhan yang dilakukan oleh orang yang mempertahaknan diri dianggap sebagai *syubhat* (ada kesamaran) seperti ketika terjadi kekacauan. Di sini apa yang lebih baik adalah menahan diri untuk tidak terlibat di dalamnya dan seorang muslim sebaiknya memilih menjadi mangsa pembunuhan daripada melakukan pembunuhan.

Berbeza kalau orang mempertahankan diri itu kelihatan memang berniat jahat dan sengaja melakukan perbuatn zalim, di mana di sini dia wajib dibunuh dan orang yang mempertahankan dirinya jika mati maka dia mati syahid.

**Analisis Lafaz**

"سمعت أبى يقول", dia adalah Khabbab bin al-Art, seorang sahabat. Sebab Abdullah berkata demikian kerana orang Khawarij memasuki suatu kampung, lalu datanglah Abdullah bin Khabbab sahabat Rasulullah (s.a.w) dalam keadaan ketakutan sambil menarik selendangnya. Beliau berkata: "Demi Allah, kamu benar-benar telah membuat diriku ketakutan." Mereka berkata: "Adakah kamu Abdullah bin Khabbab?" Khabbab menjawab: "Ya." Mereka bertanya: "Apakah kamu pernah mendengar daripada ayahmu sesuatu yang boleh diceritakan kepada kami?" Beliau menjawab: "Oh iya, saya pernah mendengar ayah saya menceritakan daripada Rasulullah (s.a.w) tentang fitnah di mana orang yang duduk lebih baik daripada orang yang berdiri, orang yang berdiri lebih baik daripada orang yang berjalan dan orang yang berjalan lebih baik daripada orang yang berlari. Jika kamu sempat menemui masa itu, maka jadilah kamu hamba Allah yang terbunuh." Orang Khawarij kemudian mengheret Abdullah ke tepi sungai dan memenggal lehernya bahkan mereka membelah perut isteri Abdullah yang ketika itu sedang hamil.

"وأخرج أحمد بنحوه من حديث خالد بن عرفطة", Imam Ahmad meriwayatkan seperti hadis ini daripada Khalid bin 'Urfuthah yang lafaznya: "Tidak lama lagi akan tiba fitnah, huru hara, peristiwa menggerunkan dan pertelingkahan. Jika kamu sempat menemui masa itu, maka jadilah kamu hamba Allah yang terbunuh bukan yang membunuh."

Hadis serupa turut diriwayatkan oleh al-Thabarani dan Ibn Qani'. Dalam bab ini pula ada hadis yang diriwayatkan daripada Sa'ad dalam Sunan al-Timizi, daripada Ibn 'Umar dalam Musnad Imam Ahmad dan daripada Abu Musa dalam Sahih Ibn Hiban.

**Fiqh Hadis**

Diperintahkan menahan diri daripada turut serta dalam pembunuhan ketika terjadi fitnah dan dilarang ikut campur di dalamnya. Al-Qurthubi berkata: "Ulama salaf berbeza pendapat dalam masalah ini. Sa'ad bin Abu Waqqash, Abdullah bin 'Umar, Muhammad bin Maslamah dan lain-lain mengatakan wajib menahan diri daripada turut serta dalam fitnah itu, kemudian mereka juga berbeza pendapat tentang bagaimanakah cara menahan diri itu. Ada yang mengatakan berdiam di dalam rumah. Jika ada orang yang menyerang, barulah dia membela diri, keluarga dan hartanya. Dalam keadaan seperti ini, jika dia terbunuh atau membunuh, maka orang itu dimaafkan. Ada pula yang berpendapat berpindah meninggalkan tempat fitnah bergejolak. Ada pula yang

mengatakan sudah memadai untuk tidak ikut serta bergaduh. Bahkan ada pula yang mengatakan kalau pun ada yang orang hendak membunuhnya, sebaiknya dia tidak perlu membela diri."

Lanjut al-Qurthubi lagi: "Jumhur sahabat dan tabi'in berpendapat wajib membela kebenaran dan memerangi para pemberontak. Mereka mentafsirkan hadis-hadis yang melarang turut serta dalam fitnah bahawa hadis ini ditujukan kepada orang yang tidak mamapu berperang atau orang yang tidak mampu mengatahui mana yang benar dan mana yang salah. Dalam kaitan ini, al-Auza'i berkata: "Jika terjadi peperangan antara dua kumpulan di mana kedua-dua kumpulan itu tidak memiliki pemimpin, maka dilarang terlibat dalam peperangan mereka. Inilah maksud hadis yang melarang ikut serta dalam peperangan. Jika salah satu kumpulan itu memiliki imam, maka seseorang itu wajib berperang bersama kumpulan yang memiliki imam.

٩٦- وَعَنْ سَعِيدِ بْنِ زَيْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مِنْ قُتِلَ دُونَ مَالِهِ فَهُوَ شَهِيدٌ". رَوَاهُ الْأَرْبَعَةُ وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ.

96. Daripada Sa'id bin Zaid, beliau bersabda: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barangsiapa yang mati dibunuh kerana mempertahankan hartanya, maka orang itu mati syahid." (Diriwayatkan oleh al-Arba'ah dan dinilai sahih oleh al-Tirmizi: 1283).

**Makna Hadis**

Ibn Hajar memuatkan hadis ini bagi menegaskan bahawa seseorang dibolehkan membunuh untuk mempertahankan diri apabila diserang oleh orang lain yang sengaja berbuat zalim ke atas dirinya.

**Soalan**

1. Apakah takrif ta'zir dan apa pula perbezaan ta'zir dengan hudud?
2. Apakah takrif sha'il?
3. Sebutkan satu hadis yang mengatakan ta'zir itu dibenarkan di sisi syariat?
4. Bagaimana pendapat ulama tentang menambah hukuman ta'zir lebih daripada sepuluh kali sebatan dan pendapat yang lebih kuat?
5. Sebutkan lima jenis hudud yang disepakati oleh ulama dan lima hudud yang masih dipertikai?
6. Apa maksud hadis: "اقيلوا ذوى الهيئات عثراتهم"?
7. Apakah kerugian akibat ta'zir wajib diganti rugi?

8. Sebutkan satu hadis yang menjelaskan hukum mempertahankan diri dan itu tidak boleh dilakukan?
9. Huraikan pendapat ulama salaf dalam masalah berperang ketika terjadi kekacauan atau fitnah?
10. Sebutkansatuhadisyangmengharuskanseseorangyangmempertahankan diri boleh membunuh dan bincangkan?

# KITAB JIHAD

# KITAB JIHAD

Jihad merupakan kata *mashdar* (جاهدت جهادا) yang bermaksud mencapai punca kesusahan manakala mengikut istilah syarak pula jihad adalah mencurahkan segala usaha untuk memerangi orang kafir, pemberontak dan perompak.

٩٧- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ مَاتَ وَلَمْ يَغْزُ وَلَمْ يُحَدِّثْ نَفْسَهُ بِهِ، مَاتَ عَلَى شُعْبَةٍ مِنْ نِفَاقٍ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

97. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barangsiapa mati tanpa dalm keadaan berperang dan tidak terbesit dalam dirinya tentang jihad, maka dia mati dengan membawa salah satu sifat orang munafik." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1284).

## Makna Hadis

Allah menciptakan kebenaran dan kebatilan. Dia menyuruh pembela kebenaran tetap mempertahankan kebenaran dan menjauhi kebatilan, kemudian mengajak orang yang larut dalam kebatilan kembali menuju kebenaran. Semua itu dilakukan supaya kehidupan makhluk menjadi normal dan agama Allah tetap berjaya.

Setiap orang yang merasa dirinya seorang muslim, jihad membela kebenaran merupakan satu kewajipan. Seseorang yang tidak mahu melaksanakannya atau tidak memiliki keinginan untuk melakukannya akan mati dengan membawa salah satu sifat orang munafik. Ini kerana berjihad atau berniat untuk berjihad tidak sesuai dengan kata hati orang munafik.

## Analisis Lafaz

"به", dengan perang atau jihad.

"شعبة", salah satu sifat.

**Fiqh Hadis**

Wajib bagi setiap orang berniat jihad. Jika tidak, dia akan mati dengan membawa salah satu sifat daripada sifat orang munafik.

Menurut ulama, jika sesuatu yang hendak dikerjakan itu merupakan kewajipan yang bersifat mutlak seperti jihad, maka kitab wajib berniat untuk melaksanakannya. Jika sesuatu yang hendak dikerjakan itu merupakan kewajipan yang bersifat terbatas seperti puasa yang dibatasi oleh waktu tertentu, maka kitab wajib berniat melaksanakannya ketika tiba masanya.

**Penting**

Al-Shan'ani berkata: "Niat yang dimaksudkan oleh hadis di atas bukankah sekadar bisikan di dalam hati bahawa dia ingin berjihad, sebaliknya ia adalah tekad yang wajib wujud di dalam hati setiap muslim meskipun tekad itu hanya muncul sekali seumur hidupnya."

٩٨- وَعَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ اَلنَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "جَاهِدُوا الْمُشْرِكِينَ بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ وَأَلْسِنَتِكُمْ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالنَّسَائِيُّ، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

98. Daripada Anas (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Berjihadlah melawan orang musyrik dengan harta, jiwa dan dengan lisan kamu." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Nasa'i dan dinilai sahih oleh al-Hakim: 1285).

**Makna Hadis**

Allah menciptakan makhluk lalu memberi mereka pemberian dan menambah pemberian itu kepada orang tertentu yang Dia kehendaki, seperti bertubuh kuat, harta berlimpah dan akal yang cerdas dan banyak lagi. Ketika Allah menyuruh hamba-Nya beriman dan berjihad memerangi orang musyrik, maka secara tidak langsung Dia menyuruh mereka mengorbankan segala apa yang dimilikinya. Jika tidak mampu dengan tenaga, maka korbankan segal apa termampu. Ini seperti mana yang dilakukan Hissan ketika disuruh Rasulullah (s.a.w): "Makilah mereka. Demi Allah, makianmu itu daya tusuknya lebih tajam daripada anak panah."

**Analisis Lafaz**

"وَصَحَّحَهُ الحَاكِم", hadis ini dinilai sahih oleh al-Hakim dan Ibn Hibban.

**Fiqh Hadis**

Wajib berjihad memerangi orang kafir mengikut kemampuan setiap orang. Jika tidak mampu tenaga, maka dengan harta yang dibahagikan kepada pasukan perang atau dengan lidah yang digunakan untuk berdebat mematahkan hujah musuh atau apa-apa yang dapat dikategorikan jihad.

٩٩- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللهِ عَلَى النِّسَاءِ جِهَادٌ؟ قَالَ: "نَعَمْ. جِهَادٌ لَا قِتَالَ فِيهِ؛ اَلْحَجُّ وَالْعُمْرَةُ". رَوَاهُ ابْنُ مَاجَه، وَأَصْلُهُ فِي الْبُخَارِيِّ .

99. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Saya pernah bertanya kepada Rasulullah (s.a.w): "Wahai Rasulallah, bolehkah perempuan berjihad?" Baginda menjawab: "Ya, jihad yang tidak memerlukan pertarungan, iaitu: berhaji dan berumrah." (Diriwayatkan oleh Ibn Majah dan hadis ini asalnya diambil dari Sahih al-Bukhari: 1286).

**Makna Hadis**

Jihad memerlukan kekuatan fizikal dan keberanian. Itu tentu di luar kemampuan kaum perempuan yang disuruh oleh syari'at Islam menetap di dalam rumah dan menjauhi pergaulan dengan kaum lelaki. Jihad atau berperang hanya dilakukan di luar rumah dan bergabung dengan kaum lelaki. Oleh itu, perintah jihad bagi perempuan disesuaikan dengan keadaan mereka dan jihad yang paling sesuai dengan mereka adalah berhaji dan berumrah.

**Analisis Lafaz**

"عَلَى النِّسَاءِ جِهَادٌ", bolehkah perempuan turut serta berjihad? Kalimat ini berbentuk berita, tetapi ia bersifat soalan. Dalam riwayat lain disebutkan kalimat ini malah ditambah dengan *hamzah istifham*.

**Fiqh Hadis**

1. Bagi kaum perempuan, jihad secara fizikal tidak diwajibkan.
2. Mereka disunatkan berhaji dan berumrah.

**Penting**

Al-Bukhari meriwayatkan hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah ini dan membahasnya dalam bab: jihad bagi kaum perempuan. Dalam mensyarah hadis ini, Ibn Hajar mengutip perkataan Ibn Batthal: "Hadis riwayat Aisyah ini menegaskan kaum perempuan tidak wajib berjihad, namun tidak bererti mereka tidak dibolehkan berjihad andaikan mereka ingin turut serta dalam berperang." Menurut Ibn Hajar, al-Bukhari turut sependapat dengan kenyataan ini di mana kaum perempuan dibolehkan turut serta dalam berjihad.

Bagi pensyarah kitab ini, bab yang dibuat oleh al-Bukhari: kaum perempuan berperang di laut memuatkan satu hadis di mana Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Sekumpulan umatku akan menaiki kapal mengharungi lautan berperang di jalan Allah..". Di dalam hadis ini ditegaskan baginda mendoakan Ummu Milhan termasuk ke dalam kumpulan umatnya yang berperang di lautan itu.

Al-Bukhari juga membuat satu bab: suami membawa isterinya berperang dengan menyebut satu hadis tentang undian yang dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w) untuk mengundi mana satu isteri baginda yang bakal turut serta berperang dan undian akhirnya dimenangkan oleh Aisyah (r.a).

Al-Bukhari membuat satu bab lain dengan judul: peperangan Perempuan dan pertarungan mereka bersama lelaki dengan menyebut satu hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah dan Ummu Sulaim. Kedua-dua perempuan ini pada waktu perang Uhud bertugas mengisi air minum yang diagihkan kepada tentera-tentera muslim yang sedang dahaga.

Al-Bukhari membuat lagi satu bab yang berjudul: perempuan yang membawa bekas air sewaktu perang Uhud yang kemudian disusuli dengan satu hadis yang menceritakan tentang peristiwa itu.

Al-Bukhari membuat satu lagi bab dengan judul: perempuan yang bertugas mengubati tentera muslim yang luka ketika perang Uhud yang di dalamnya ada satu hadis yang diriwayatkan oleh al-Rabi' binti Mu'awwadz yang berbunyi:

كُنَّا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ نَسقِي وَنُدَاوِى الجَرْحَى وَنَرُدُّ القَتلَى لِلْمَدِينَةِ.

"Kami pernah bersama Rasulullah (s.a.w) memberi air minum, mengubati tentera yang luka dan menghantarkan mangsa perang yang terbunuh pulang ke Madinah."

Al-Bukhari membuat satu bab lagi: perempuan yang memulangkan pasukan tentera yang luka dengan menyebut satu hadis berkaitan denganya.

Bagi pensyarah kitab ini, Muslim dan selainnya turut meriwayatkan hadis daripada Anas bahawa Ummu Sulaim pernah membawa pisau bermata dua sewaktu perang Hunain. Dia berkata kepada Rasulullah (s.a.w): "Jika ada orang musyrik yang menghampiriku, aku belah perutnya." Ketika Hissan enggan berperang dengan musyrik, kaum perempuan malah yang berani menyerang mereka. Jadi, kaum perempuan dibolehkan berperang melawan orang musyrik

jika tidak ada lagi lelaki yang mahu berperang melawan mereka.

١٠٠- وَعَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَأْذِنُهُ فِي الْجِهَادِ. فَقَالَ: "أَحَيٌّ وَالِدَاكَ؟" قَالَ: نَعَمْ: قَالَ: "فَفِيهِمَا فَجَاهِدْ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

100. Daripada Abdullah bin Umar (r.a), beliau berkata: "Ada seorang lelaki datang kepada Rasulullah (s.a.w) meminta izin kepada baginda untuk ikut turut serta berjihad. Baginda bertanya: Apakah kedua ibu bapamu masih hidup?" Lelaki itu menjawab: "Ya." Baginda bersabda: "Hendaklah kamu berjihad untuk berbakti kepada kedua ibu bapamu. (Muttafaq 'alaih: 1287).

١٠١- وَلِأَحْمَدَ وَأَبِي دَاوُدَ مِنْ حَدِيثِ أَبِي سَعِيدٍ نَحْوُهُ، وَزَادَ: "اِرْجِعْ فَاسْتَأْذِنْهُمَا، فَإِنْ أَذِنَا لَكَ، وَإِلَّا فَبِرَّهُمَا".

101. Imam Ahmad dan Abu Dawud turut meriwayatkan hadis serupa daripada Abu Sa'id dan menambahkan: "Pulanglah kamu dan mintalah kebenaran kepada kedua ibu bapamu. Jika mereka memberi kebenaran, silakan berjihad, namun jika tidak, maka berbaktilah kamu kepada mereka berdua.": 1288.

**Makna Hadis**

Setelah disebut hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar yang melarang seseorang berjihad selagi ada kedua ibu bapanya, Ibn Hajar mengemukakan satu lagi hadis yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id yang mengharuskan seseorang berjihad apabila memperoleh kebenaran daripada kedua ibu bapanya. Ringkasnya, jihad dibolehkan bagi seseorang setelah mendapat kebenaran kedua ibu bapanya.

Ini merupakan rahmat Allah. Kadang kala kita mempunyai kedua ibu bapa atau salah seorang daripadanya yang amat memerlukan bantuan anaknya. Jika anaknya pergi berjihad, maka secara tidak langsung tidak ada lagi harapan baginya dan pasti bersedih kalau nasib buruk menimpa anaknya itu.

**Analisis Lafaz**

"رجل", seorang lelaki yang namanya Jahimah bin al-'Abbas, kerana Imam Ahmad dan al-Nasa'i meriwayatkan satu hadis yang menjelaskan nama lelaki itu.

"ففيهما فجاهد", berbakti kepada keduanya sudah dianggap berjihad. Menurut Ibn Hajar, Rasulullah (s.a.w) menegaskan berbakti kepada kedua ibu bapa

merupakan jihad dengan cara mencari redha mereka.

Bagi pensyarah kitab ini, maksud perkataan "ففيهما" ialah mengorbankan diri untuk berbakti kepada kedua ibu bapa. Jadi seolah-olah Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Buatlah hati keduanya gembira dan bantulah mereka. Lakukan perbuatan yang menurutmu mampu menyenangkan hati keduanya."

**Fiqh Hadis**

Tidak dibolehkan berjihad selama ada kedua ibu bapa atau salah seorang daripada keduanya, melainkan setelah mendapat kebenaran daripada mereka. Inilah pendapat jumhur ulama. Mereka mengatakan jika kedua ibu bapa melarang seseorang berjihad, maka jihad menjadi diharamkan ke atasnya apabila kedua ibu bapa itu beragama Islam. Ini kerana berbakti kepada kedua ibu bapa hukumnya fardhu 'ain, sedangkan berjihad hukumnya fardhu kifayah. Menurut mereka lagi, jika dalam keadaan tertentu di mana jihad menjadi fardhu 'ain, maka dalam keadaab ini tidak diperlukan lagi meminta kebenaran kedua ibu bapa, kerana kemaslahatan umum lebih penting berbanding kemaslahatan peribadi. Pendapat ini berlandaskan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Hibban daripada Abdullah bin 'Amr (r.a), beliau berkata:

أَنَّ رَجُلًا جَاءَ إِلَى رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَسَأَلَهُ عَنْ أَفْضَلِ الْأَعْمَالِ، قَالَ: فَقَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الصَّلَاةُ، قَالَ : ثُمَّ مَهْ؟ قَالَ: ثُمَّ الْجِهَادُ فِي سَبِيْلِ اللهِ، قَالَ : فَإِنَّ لِي وَالِدَيْنِ، فَقَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: آمُرُكَ بِوَالِدَيْكَ خَيْرًا، فَقَالَ: وَالَّذِي بَعَثَكَ نَبِيًّا، لَأُجَاهِدَنَّ وَلَأَتْرُكَنَّهُمَا، فَقَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: فَأَنْتَ أَعْلَمُ.

"Telah datang seorang lelaki menjumpai Rasulullah (s.a.w). Dia bertanya: "Manakah amal ibadah yang paling afdhal?" Rasulullah (s.a.w) menjawab: "Solat." Lelaki itu bertanya lagi: "Apa lagi?" Baginda menjawab: "Berjihad di jalan Allah." Lelaki itu berkata: "Aku mempunyai kedua ibu bapa." Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Aku menyuruhmu berbakti kepada keduanya." Lelaki itu berkata lagi: "Demi Allah yang mengutusmu dengan kebenaran, aku akan berjihad dan akan meninggalkan keduanya." Baginda bersabda: "Engkau lebih mengetahui mana yang lebih baik." Ulama memahami hadis ini bahawa jihad merupakan fardhu 'ain.

١٠٢- وَعَنْ جَرِيرٍ الْبَجَلِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَنَا بَرِيءٌ مِنْ كُلِّ مُسْلِمٍ يُقِيمُ بَيْنَ الْمُشْرِكِينَ". رَوَاهُ الثَّلَاثَةُ وَإِسْنَادُهُ صَحِيحٌ، وَرَجَّحَ

الْبُخَارِيُّ إِرْسَالَهُ.

102. Daripada Jarir al-Bajali (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Aku tidak bertanggungjawab ke atas setiap muslim yang bertempat tinggal di kalangan orang musyrik." (Diriwayatkan oleh al-Tsalatsah dan sanadnya sahih sedangkan al-Bukhari menilainya *mursal*: 1289).

**Makna Hadis**

Jika benar hadis ini sahih, maka keengganan Rasulullah (s.a.w) bertanggung jawab terhadap muslim tersebut berlandaskan kepada beberapa alas an berikut:

1. Seorang muslim dituntut menegakkan syiar Islam dan syiar Islam di negeri kafir adalah dilarang.
2. Seorang muslim disuruh memperbanyak jumlah masyarakat muslim.
3. Menjauhi negeri muslim menjadikan seseorang banyak melalaikan pelbagai kewajipan seperti menolong orang fakir, melawat orang sakit, melayat jenazah, menghadiri jemputan, membela yang dizalimi dan banyak lagi.

**Analisis Lafaz**

"بريء", berlepas dan tidak lagi bertanggung jawab. Di sini ada soalan penting jika Rasulullah (s.a.w) berlepas tangan daripada seseorang, lalu apakah itu bermaksud orang itu keluar dari Islam? Secara zahir, tidak keluar dari Islam, kerana Rasulullah (s.a.w) di dalam hadis ini masih menyebutnya muslim. Jadi, maksud hadis ini orang itu tidak mengikuti ajaran dan sunnahku. Larangan di dalam hadis ini menegaskan bahawa seseorang di mana Rasulullah (s.a.w) telah berlepas tangan daripadanya kelak pada hari kiamat tidak mendapatkan syafaatnyta, kerana antara dirinya dengan baginda sudah putus ikatan.

**Fiqh Hadis**

Wajib berpindah meninggalkan negeri orang musyrik selagi ada kemampuan. Inilah mazhab jumhur ulama. Dalil mereka firman Allah (s.w.t):

إِنَّ ٱلَّذِينَ تَوَفَّىٰهُمُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ ظَالِمِىٓ أَنفُسِهِمْ قَالُوا۟ فِيمَ كُنتُمْ ۖ قَالُوا۟ كُنَّا مُسْتَضْعَفِينَ فِى ٱلْأَرْضِ ۚ قَالُوٓا۟ أَلَمْ تَكُنْ أَرْضُ ٱللَّهِ وَٰسِعَةً فَتُهَاجِرُوا۟ فِيهَا ۚ فَأُو۟لَٰٓئِكَ

مَأْوَىٰهُمْ جَهَنَّمُ ۖ وَسَآءَتْ مَصِيرًا ﴿٩٧﴾

"*Sesungguhnya orang-orang yang diambil nyawanya oleh malaikat semasa mereka sedang menganiaya diri sendiri (kerana enggan berhijrah untuk membela Islam dan rela ditindas oleh kaum kafir musyrik), mereka ditanya oleh malaikat dengan berkata: "Apakah yang kamu telah lakukan mengenai ugama kamu?" Mereka menjawab: "Kami dahulu adalah orang-orang yang tertindas di bumi". Malaikat bertanya lagi: "Tidakkah bumi Allah itu luas, yang membolehkan kamu berhijrah dengan bebas padanya?" Maka orang-orang yang sedemikian itu keadaannya, tempat akhir mereka ialah neraka jahanam, dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali.*" (Surah al-Nisa': 97)

Selain itu, mereka juga berdalil dengan hadis yang diriwayatkan oleh al-Nasa'i dengan sanad yang hasan, iaitu:

لَا يَقبَلُ اللهُ مِن مُشرِكٍ عَمَلًا بَعدَمَا أَسلَمَ حَتَّى يُفَارِقَ المُشرِكِينَ.

"*Allah tidak menerima amal ibadah seorang musyrik yang sudah masuk Islam, kecuali dia bersedia berpisah meninggalkan orang musyrik itu.*" Namun ada sebahagian ulama yang mengatakan berpindah itu hukumnya tidak wajib kerana hadis ini sudah dimansukh oleh hadis berikut:

١٠٣- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا هِجْرَةَ بَعْدَ الْفَتْحِ،وَلَكِنْ جِهَادٌ وَنِيَّةٌ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

103. Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tidak ada lagi hijrah setelah penaklukkan kota Makah, tetapi yang masih ada hanya jihad dan niat." (Muttafaq 'alaih: 1290).

Menurut jumhur ulama, hadis ini bersifat umum yang memansukh perintah berhijrah setelah Makkah ditakluki.

Ada lagi hadis di mana Rasulullah (s.a.w) berpesan kepada panglima perang: "Jika kamu berjumpa musuhmu dari kalangan kaum musyrikin, serulah mereka untuk memilih antara tiga pilihan. Jika mereka memilih salah satu daripadanya, maka terimalah mereka dan hentikan serangan. Pertama, serulah mereka masuk Islam. Jika mereka bersedia, terimalah mereka. Kemudian ajaklah mereka berhijrah ke negeri orang muhajirin. Jika mereka tidak mahu, beritahukan kepada mereka bahawa mereka memiliki hak yang sama dengan dengan Arab yang beragama Islam."

Ulama menyanggah hadis-hadis yang dijadikan oleh jumhur ulama sebagai dalil untuk mewajibkan jihad bahawa hadis-hadis itu ditujukan kepada seorang muslim sudah merasa agamanya terancam.

Sanggahan ini dibantah oleh jumhur ulama bahawa maksud daripada hadis riwayat Ibn 'Abbas: "Tidak ada lagi hijrah setelah kemenangan kota Makkah" adalah tidak ada lagi hijrah bagi orang Makkah atau bagi Rasulullah (s.a.w)

seperti mana pendapat Ibn al-Arabi. Selain itu, jumhur ulama menguatkan pendapat mereka dengan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, iaitu:

إِنَّ الهِجرَةَ لَاتَنقَطِعُ مَا كَانَ الجِهَادُ.

"Hijrah itu tidak putus selagi dibolehkan berjihad." (Hadis ini sanadnya kuat).

Sekarang kita membahas kalimat: "tetapi yang masih ada hanya jihad dan niat". Menurut al-Thibi, kalimat ini menafikan maksud kalimat sebelumnya. Jadi makna hadis ini adalah berhijrah ke Madinah yang dahulu fardhu 'ain namun sekarang tidak diwajibkan lagi, kecuali hijrah itu dengan tujuan berjihad. Begitu pula jika tujuan hijrah itu adalah niat yang baik, seperti melarikan diri dari negeri orang kafir, pergi menuntut ilmu, lari dari fitnah dan banyak lagi.

Menurut al-Nawawi, kebaikan atau pun pahala yang dahulu putus dengan sebab adanya hijrah pada hakekatnya masih dapat diperoleh dengan cara berjihad dan berniat baik.

**Penting**

Apa yang dimaksudkan dengan negeri yang wajib ditinggalkan adalah jika negeri itu merupakan negeri orang kafir yang belum ditakluki oleh tentera muslim. Jika negeri itu sudah ditakluki, maka tidak lagi wajib berhijrah meskipun kebanyakan masyarkatnya orang muysrik.

**Penting**

Kewajiban berhijrah di sini ditujukan kepada muslim yang tidak mampu lagi menjalankan ajaran agamanya secara terang-terangan di negeri itu. Inilah pendapat jumhur. Menurut mereka, jika umat Islam masih mampu menjalankan syari'at Islam dengan aman di negeri itu, maka hukum berhijrah menjadi sunat kerana berpindah ke negeri muslim dalam keadaan seperti ini pada hakekatnya memperbanyak jumlah umat Islam, membantu perjuangan mereka, menolak serangan musuh dan menenangkan hati kerana tidak lagi melihat banyak kemungkaran di negeri musyrik itu. Jika ada halangan untuk berhijrah seperti sakit atau ditawan, maka tidak ada salahnya bermukim di negeri itu, namun jika memaksakan diri berhijrah, maka dia mendapatkan ganjaran pahala.

١٠٤- وَعَنْ أَبِي مُوسَى الْأَشْعَرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ قَاتَلَ لِتَكُونَ كَلِمَةُ اللهِ هِيَ الْعُلْيَا، فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللهِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

104. Daripada Abu Musa al-Asy'ari (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barangsiapa berperang dengan niat memuliakan kalimah Allah, maka dia telah berjuang di jalan Allah." (Muttafaq 'alaih: 1291).

**Makna Hadis**

Hadis ini merupakan sebahagian daripada hadis yang langkapnya adalah sebagai berikut:

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: الرَّجُلُ يُقَاتِلُ لِلْمَغْنَمِ، وَالرَّجُلُ يُقَاتِلُ لِلذِّكْرِ، وَالرَّجُلُ يُقَاتِلُ لِيُرَى مَكَانُهُ، فَمَنْ فِي سَبِيلِ اللهِ؟ قَالَ: مَنْ قَاتَلَ لِتَكُونَ كَلِمَةُ اللهِ هِيَ الْعُلْيَا فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللهِ.

"Telah datang seorang lelaki kepada Rasulullah (s.a.w) dan berkata: "Orang itu berperang kerana harta, orang itu berperang kerana ingin populariti, orang itu berperang kerana inginkan jawatan. Lalu, siapakah yang berperang di jalan Allah? Rasulullah (s.a.w) menjawab: "Barangsiapa berperang dengan niat memuliakan kalimah Allah, maka dia telah berjuang di jalan Allah." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari).

Baginda menjelaskan jihad yang diterima di sisi Allah ialah jihad yang berjuang di jalan-Nya tanpa dicampur dengan tujuan hawa nafsu atau tujuan ingin balas dendam. Jihad yang diterima di sisi Allah ialah jihad bertujuan menegakkan kalimah Allah, menyebarkan Islam dan menegakkan keadilan di muka bumi.

**Analisis Lafaz**

"كلمة الله", menurut Ibn Hajar, apa yang dimaksudkan dengan kalimah Allah adalah dakwah Islam. Tapi menurut pensyarah kitab ini, maksud kalimah Allah ialah syari'at Allah. Apa yang dimaksudkan dengan memuliakan ialah memenagkannya ke atas agama lain.

**Fiqh Hadis**

Jihad yang diterima di sisi Allah dan mendapatkan pahala syahid ialah jihad yang bertujuan menegakkan syari'at Allah dan memenangkannya ke atas agama-agama yang lain.

**Tambahan**

Ulama berbeza pendapat jika niat berjihad itu dicampur dengan niat yang lain, adakah jihad itu tetap dinilai sah? Menurut al-Thabari, jika niat asal adalah ingin menegakkan kalimah Allah lalu muncul niat lain, maka itu tidak ada salahnya. Pendapat ini disetujui oleh jumhur ulama dengan dalil-dalil sebagai berikut:

Pertama, Allah (s.w.t) berfirman:

لَيۡسَ عَلَيۡكُمۡ جُنَاحٌ أَن تَبۡتَغُواْ فَضۡلٗا مِّن رَّبِّكُمۡۚ ..... ﴿١٩٨﴾

"*Tidak menjadi salah kamu mencari limpah kurnia dari Tuhan kamu (dengan meneruskan perniagaan ketika mengerjakan Haji)...*" (Surah al-Baqarah: 198). Orang yang berhaji tidak ada salahnya membawa barang perniagaan dan ini tidak menghilangkan pahala haji. Apa yang berlaku terhadap haji tentu berlaku pula terhadap ibadah yang lain.

Kedua, hadis Abdullah bin Hiwalah yang diriwayatkan oleh Abu Dawud dengan sanad yang hasan bahawa: "Kami telah diutus untuk berperang oleh Rasulullah (s.a.w) untuk memperoleh harta ghanimah.

Ketiga, hadis yang menceritakan ada seorang lelaki datang kepada Rasulullah (s.a.w) mengadukan kemiskinan yang dialaminya. Rasulullah (s.a.w) mengirimnya ke beberapa medan peperangan supaya lelaki itu mendapat harta ghanimah.

Keempat, hadis yang menceritakan Rasulullah (s.a.w) pada suatu ketika bersujud dalam waktu yang lama kerana ada seorang anak kecil sedang menaiki bahunya lehernya. Baginda bersabda: "Aku sengaja tidak mempercepat solatku."

Menurut jumhur ulama, hadis-hadis ini tidaklah bercanggah dengan hadis kita bincangkan ini, kerana hadis ini termasuk *jawami' al-kalim* di mana ia menegaskan wajib berjihad di jalan Allah, sama ada ada niat lain yang menyertai niat jihad ataupun tidak.

Menurut Ibn Batthal, Rasulullah (s.a.w) dalam hadis ini tidak memberi jawapan secara langsung, kerana kadang kala marah itu hanya kerana Allah. Namun Abu Daud dan al-Nasa'i meriwayatkan hadis daripada Abu Umamah (r.a) dengan sanad yang baik, beliau berkata:

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: أَرَأَيْتَ رَجُلًا غَزَا يَلْتَمِسُ الْأَجْرَ وَالذِّكْرَ، مَالَهُ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا شَيْءَ لَهُ، فَأَعَادَهَا ثَلَاثَ مَرَّاتٍ، يَقُولُ لَهُ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا شَيْءَ لَهُ، ثُمَّ قَالَ: إِنَّ اللهَ لَا يَقْبَلُ مِنْ الْعَمَلِ إِلَّا مَا كَانَ لَهُ خَالِصًا وَابْتُغِيَ بِهِ وَجْهُهُ.

"Telah datang seorang lelaki kepada Rasulullah (s.a.w) dan bertanya: "Wahai Rasulallah, bagaimanakah jika ada seseorang berperang ingin mengharapkan pahala dan populariti? Baginda menjawab: "Tidak ada salahnya." Lelaki itu mengulangi soalannya sebanyak tiga kali dan baginda pun tetap menjawab dengan jawaban yang sama. Kemudian baginda bersabda: "Allah tida menerima amal ibadah kecuali jika amal ibadah itu ikhlas dan hanya mengharap redha-

Nya."

Hadis ini disanggah bahawa Rasulullah (s.a.w) melarang jihad yang tidak ikhlas di mana di dalam dirinya ada dua dorongan yang membangkitkannya untuk berangkat berjihad. Kedua-kedua dorongan itu sama kuatnya, sedangkan jika dorongan yang paling kuat adalah ingin menegakkan kalimah Allah, lalu muncul niat lain seperti ingin menjadi pahlawan, maka itu tidak ada salahnnya.

Selain itu, Rasulullah (s.a.w) melarang lelaki itu berjihad jika tidak ikhlas, kerana niat yang menyertai perang itu merupakan kebalikan ikhlas, iaitu popularity dan ingin dipuji. Ikhlas dan populariti tidak boleh bertemu dalam diri seseorang dan berbeza mengharapkan harta ganimah. Keinginan memperoleh harta ghanimah boleh juga disertai niat yang ikhlas dan itu tidak ada salahnya. Bukankah Allah menerima sikap orang mukmin apa adanya ketika mereka terjun ke medan perang Badar. Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَتَوَدُّونَ أَنَّ غَيْرَ ذَاتِ ٱلشَّوْكَةِ تَكُونُ لَكُمْ ..... ﴿٧﴾

"*...sedang kamu suka kiranya (angkatan perniagaan) bukan angkatan (perang) yang mempunyai kekuatan itu yang dijadikan untuk kamu (menghadapinya)...*" (Surah al-Anfal: 7)

١٠٥- وَعَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ السَّعْدِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا تَنْقَطِعُ الْهِجْرَةُ مَا قُوتِلَ الْعَدُوُّ". رَوَاهُ النَّسَائِيُّ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

105. Daripada Abdullah bin al-Sa'di (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Hijrah sentiasa ada selama musuh masih diperangi." (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban: 1292).

**Makna Hadis**

Pembahasan tentang hijrah telah disebut dalam hadis Ibn Abbas (r.a) dan hadis Abdullah bin al-Sa'di di mana di dalamnya ditegaskan sama hijrah masih tetap ada atau sebaliknya.

**Periwayat Hadis**

Abdullah bin al-Sa'di, nama panggilanya Abu Muhammad. Tentang gelaran al-Sa'di ada banyak pendapat. Diberi gelaran al-Sa'di kerana beliau pernah menyusu kepada perempuan bani Sa'ad. Beliau seorang sahabat dan meriwayatkan hadis. Abdullah ini pernah tinggal di Jordan. Meninggal dunia di negeri Syam pada tahun 50.

١٠٦- وَعَنْ نَافِعٍ قَالَ: أَغَارُ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى بَنِي الْمُصْطَلِقِ، وَهُمْ غَارُّونَ، فَقَتَلَ مُقَاتِلَتَهُمْ، وَسَبَى ذَرَارِيَّهُمْ. حَدَّثَنِي بِذَلِكَ عَبْدُ اللهِ بْنُ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ. وَفِيْهِ أَصَابَ يَوْمَئِذٍ جُوَيْرِيَةُ.

106. Daripada Nafi', beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah menyerang Bani al-Mushtaliq dan mereka telah bersiap sedia menghadapi serangan itu. Baginda membunuh tentera mereka dan menawan perempuan mereka. Telah menceritakan kepadaku yang demikian itu oleh Abdullah bin Umar (r.a). (Muttafaq 'alaih). Ada riwayat lain menambahkan, pada hari itu Juwairiyah berjay ditawan.: 1293.

**Makna Hadis**

Sebab perang bani al-Mushtaliq adalah seperti mana yang diriwayatkan oleh Ibn Ishaq dengan sanad mursal bahawa Rasulullah (s.a.w) mendengar khabar yang bani al-Mushtaliq berkumpul untuk menyerang baginda. Panglima perang mereka bernama al-Harits bin Abu Dhirar. Baginda pergi mendatangi mereka di salah satu tempat perairan milik mereka yang bernama al-Muraisi' berhampiran pantai. Lalu, berperanglah dua pasukan Islam dan bani al-Mushtaliq. Baginda pun Berjaya mengalahkan pasukan mereka dengan izin Allah.

Kisah ini dinilai kuat oleh beberapa ulama termasuk Ibn Ishaq dan Ibn Sa'ad dalam kitabnya al-Thabaqat sedangkan Ibn Hajar dalam kitab al-Fath menilai kuat kisah yang ada dalam kitab Sahih al-Bukhari di mana Rasulullah (s.a.w) menyerang mereka pada waktu malam dalam keadaan tidur, meskipun Ibn Hajar menyedari adanya kemungkinan dua kisah ini digabungkan pemahamannya.

Bagi pensyarah kitab ini, cara menggabungkan pemahaman dua kisah ini adalah bani Mustaliq sudah menyedari Rasulullah (s.a.w) bakal menyerang mereka. Namun ketika tiba di kawasan mereka, baginda menyerang mereka dalam keadaan waktu tidur malam hingga mereka tidak sedar bahawa baginda sudah menyerang mereka, kerana mereka mengira baginda masih di Madinah.

**Analisis Lafaz**

"المصطلق", al-Mustaliq merupakan salah satu cabang suku Khuza'ah.

"غارّون" lalai dan tidak menyedari serangan Rasulullah (s.a.w).

"سبى", mengambil atau menawan. Kalimat ini digunakan terhadap tawanan kaum perempuan.

"جويرية", anak al-Harits yang kemudian menjadi isteri Rasulullah (s.a.w).

**Fiqh Hadis**

1. Dibolehkan memerangi musuh sebelum mengajak mereka masuk Islam dan sebelum memberi amaran perang kepada mereka apabila mereka sebelum ini sudah mendengar tentang dakwah Islam. Inilah pendapat beberapa ulama yang disebut oleh Ibn al-Mundzir sebagai jumhur ulama. Menurut Ibn al-Mundzir, dalil mereka adalah hadis yang menceritakan pembunuhan Ka'ab bin al-Asyraf dan pembunuhan Ibn Ab al-Haqiq. Namun, ada sebahagian ulama yang mewajibkan untuk memberi amaran terlebih dahulu sebelum dilakukan serangan. Dalil mereka ini hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah (r.a): "Jika kamu berjumpa musuh dari kalangan kaum musyrik, maka ajaklah mereka…". Namun ada pula beberapa ulama yang mengungkapkan pendapat lain dengan mengatakn jika kaum kafir itu sudah mendenggar tentang dakwah Islam, maka tidak wajib memberi amaran kepada mereka sebelum dilakukan serangan, tetapi sebaiknya diberi amaran terlebih dahulu sebelum dilakukan serangan. Jika mereka belum pernah mendengar dakwah Islam, mereka wajib diberi amaran tentang serangan yang bakal dilakukan ke atas mereka.
2. Dibolehkan menjadikan orang Arab sebagai hamba sahaya, kerana bani al-Mushtaliq merupakan sebahagian daripada suku Khuza'ah, salah suku Arab. Inilah pendapat jumhur ulam termasuk Malik, al-Syafi'i dan Abu Hanifah. Dalil mereka adalah kenyataan yang menegaskan bahawa dibolehkan menjadikan musyrik Arab selain Nasrani dan Yahudi sebagai hamba sahaya seperti suku Hawazin. Mereka turut berpegang dengan sabda Rasulullah (s.a.w) kepada penduduk Mekkah: "Pergila kamu, kerana kamu adalah orang yang merdeka." Selain itu, baginda pernah menebus tawan Arab yang ditawan ketika perang Badar dan dalam Islam tidak ada perbezaan antara ditebus, dibunuh dan dijadikan hamba, di mana ketiga-tiga pilihan itu sama. Hadis ini tidak berlaku *mansukh* atau *takhsis*. Namun ada pula sekumpulan ulama yang tidak mengharuskan untuk menjadikan orang Arab sebagai hamba sahaya. Pendapat ini diriwayatkan daripada Umar bin al-Khattab (r.a).

١٠٧- وَعَنْ سُلَيْمَانَ بْنِ بُرَيْدَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَمَّرَ أَمِيرًا عَلَى جَيْشٍ أَوْصَاهُ بِتَقْوَى اللهِ وَبِمَنْ مَعَهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ خَيْراً، ثُمَّ قَالَ: "أُغْزُوا بِسْمِ اللهِ، فِي سَبِيلِ اللهِ، قَاتِلُوا مِنْ كَفَرَ بِاللهِ، أُغْزُوا، وَلَا تَغُلُّوا، وَلَا تَغْدُرُوا، وَلَا تُمَثِّلُوا، وَلَا تَقْتُلُوا وَلِيداً، وَإِذَا لَقِيتَ عَدُوَّكَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ فَادْعُهُمْ إِلَى ثَلَاثِ خِصَالٍ، فَأَيَّتُهُنَّ أَجَابُوكَ إِلَيْهَا، فَاقْبَلْ مِنْهُمْ

وَكُفَّ عَنْهُمْ: اُدْعُهُمْ إِلَى الْإِسْلَامِ فَإِنْ أَجَابُوكَ فَاقْبَلْ مِنْهُمْ، ثُمَّ اُدْعُهُمْ إِلَى التَّحَوُّلِ مِنْ دَارِهِمْ إِلَى دَارِ الْمُهَاجِرِينَ، فَإِنْ أَبَوْا فَأَخْبِرْهُمْ أَنَّهُمْ يَكُونُونَ كَأَعْرَابِ الْمُسْلِمِينَ وَلَا يَكُونُ لَهُمْ فِي الْغَنِيمَةِ وَالْفَيْءِ شَيْءٌ إِلَّا أَنْ يُجَاهِدُوا مَعَ الْمُسْلِمِينَ، فَإِنْ هُمْ أَبَوْا فَاسْأَلْهُمُ الْجِزْيَةَ، فَإِنْ هُمْ أَجَابُوكَ فَاقْبَلْ مِنْهُمْ، فَإِنْ أَبَوْا فَاسْتَعِنْ بِاللهِ وَقَاتِلْهُمْ، وَإِذَا حَاصَرْتَ أَهْلَ حِصْنٍ فَأَرَادُوكَ أَنْ تَجْعَلَ لَهُمْ ذِمَّةَ اللهِ وَذِمَّةَ نَبِيِّهِ، فَلَا تَفْعَلْ وَلَكِنْ اِجْعَلْ لَهُمْ ذِمَّتَكَ؛ فَإِنَّكُمْ إِنْ تُخْفِرُوا ذِمَمَكُمْ أَهْوَنُ مِنْ أَنْ تُخْفِرُوا ذِمَّةَ اللهِ، وَإِذَا أَرَادُوكَ أَنْ تُنْزِلَهُمْ عَلَى حُكْمِ اللهِ فَلَا تَفْعَلْ بَلْ عَلَى حُكْمِكَ؛ فَإِنَّكَ لَا تَدْرِي أَتُصِيبُ فِيهِمْ حُكْمَ اللهِ أَمْ لَا". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

107. Daripada Sulaiman bin Buraidah daripada bapanya daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) apabila sudah melantik seorang panglima perang untuk memimpun pasukan perangan, baginda berpesan kepada mereka untuk sentiasa bertakwa kepada Allah dan berlaku baik kepada pasukan muslim yang bersamanya. Baginda berpesan: "Berperanglah atas nama Allah dan di jalan Allah. Perangi orang yang kafir kepada Allah. Berperanglah! Jangan kamu melampaui batas, jangan menipu, jangan mencincang dan jangan membunuh budak kecil. Jika kamu berjumpa musuhmu dari kalangan kaum musyrikin, serulah mereka untuk memilih antara tiga pilihan. Jika mereka memilih salah satu daripadanya, maka terimalah mereka dan hentikan serangan. Pertama, serulah mereka masuk Islam. Jika mereka bersedia, terimalah mereka. Kemudian ajaklah mereka berhijrah ke negeri orang muhajirin. Jika mereka tidak mahu, beritahukan kepada mereka bahawa mereka memiliki hak yang sama dengan dengan Arab yang beragama Islam namun mereka tidak berhak mendapatkan harta rampasan perang ataupun faye' melainkan mereka turut serta berperang bersama kaum muslimin. Jika mereka tidak menerima tawaran ini, kedua pintalah kesediaan mereka untuk membayar jizyah. Jika mereka menerima tawaran ini, terimalah mereka. Namun jika tidak, maka mintalah pertolongan kepada Allah dan perangi mereka. Jika kamu mengepung orang yang berlindung di dalam benteng pertahanan, lalu mereka ingin membuat perjanjian atas nama Allah dan Nabi-Nya, maka jangan kamu melakukan itu. Engkau hanya dibolehkan membuat perjanjian atas namamu sahaja, kerana membatalkan perjanjian yang engkau materai lebih ringan berbanding membatalkan perjanjian yang menggunakan atas Allah. Jika mereka menginginkanmu menggunakan hukum Allah, maka jangan kamu lakukan itu. Buatlah hukum atau keputusan kamu sendiri, kerana kamu tidak tahu sama ada keputusan kamu itu sudah menepati hukum Allah atau sebaliknya." (Dikeluarkan oleh Muslim: 1294).

## Makna Hadis

Hadis ini mengandungi banyak hukum di mana Rasulullah (s.a.w) menghimpunnya dalam satu hadis.

## Analisis Lafaz

"سرية", pasukan kecil yang dikirim oleh Rasulullah (s.a.w) untuk berperang tanpa disertai secara langsung oleh baginda.

"خاصته", dirinya.

"تغلوا", berkhianat dalam harta ghanimah.

"تمثلوا", mencincang.

"وليدا" anak kecil.

"فادعهم", ajaklah mereka. Dengan erti kata lain, suruh mereka menerima dan tunduk.

"إلى ثلاث", yakni kepada salah satu tiga tawaran ini secara berurutan.

"خصال", perkara, keadaan.

"كف عنهم", jangan perangi mereka.

"التحول", berpindah.

"كأعراب المسلمين", Yakni, mereka disamakan dengan orang badwi; tidak mendapat bahagian harta ghanimah dan harta faye'.

"الغنيمة", harta yang diperoleh dari orang kafir melalui perang.

"الفىء", harta yang diperoleh dari orang kafir tetapi tidak melalui perang.

"أبوا", menolak, yakni menolak masuk Islam dan berhijrah.

"فاسألهم", suruh mereka, yakni wajibkan kepada mereka.

"الجزية", sebahagian harta yang diserahkan kepada pemerintah muslim setiap tahun dan ini diwajibkan ke atas setiap orang.

"أبوا", yakni menolak untuk membayar jizyah.

"ذمة", perjanjian.

"تخفروا", membatalkan perjanjian.

## Fiqh Hadis

1. Disyari'atkan melantik pemimpin pasukan perang ketika hendak terjun ke medan perang.
2. Disunatkan memberi nasihat kepada panglima perang supaya bertakwa kepada Allah dan berlaku baik terhadap pasukan yang dipimpinnya.

3. Berperang atas nama Allah dan berniat memerangi musuh-musuh Allah.
4. Diharamkan curang dalam masalah harta ghanimah berdasarkan kesepakatan ulama.
5. Dilarang mencabuli perjanjian berdasarkan ijma' ulama.
6. Dilarang mencincang musuh yang sudah mati berdasarkan ijma' ulama.
7. Dilarang membunuh anak orang musyrik yang belum baligh dan tidak turut serta berperang berdasarkan ijma' ulama.
8. Sebelum berperang hendaklah memberi amaran perang terlebih dahulu dan tidak dibenarkan menyerang musuh secara mengejut.
9. Orang yang telah memeluk Islam hendaklah disuruh berhijrah ke negeri muslim.
10. Tidak ada yang berhak menerima ghanimah melainkan orang yang telah berhijrah ke negeri muslim dan orang Arab badwi tidak berhak menerima harta ghanimah melainkan jika mereka turut serta berjihad. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i, namun ada sebahagian ulama yang mengatakan bahawa pendapat ini telah dimansukh.
11. Jizyah diwajibkan ke atas setiap orang kafir. Inilah pendapat Malik, al-Auza'i dan ulama yang lain sedangkan menurut al-Syafi'i, jizyah hanya diambil dari orang kafir ahli kitab dan orang majusi, sama ada Arab ataupun bukan Arab, kerana Allah (s.w.t) berfirman: "*…sehingga mereka membayar jizyah…*" (Surah al-Taubah: 29) di mana orang yang dimaksudkan dalam ayat ini adalah ahli kitab. Demikian pula sabda Rasulullah (s.a.w) tentang orang majusi: "*Perlakukan mereka sama seperti ahl kitab*." Sedangkan orang selain yang disebut di sini termasuk orang yang disebut dalam ayat berikut: "*Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah, dan (sehingga) menjadilah agama itu semata-mata kerana Allah…*" (Surah al-Baqarah: 193) dan ayat "*…maka bunuhlah orang-orang musyrik itu di mana sahaja kamu menemuinya,…*" (Surah al-Taubah: 5). Menurut al-Syafi'i, hadis yang diriwayatkan oleh Sulaiman itu dimansukh, kerana hadis itu diucapkan sebelum penaklukan kota Makkah dengan dalil bahawa perpindahan, hijrah dan ayat-ayat yang berkaitan masalah ini diturunkan setelah hijrah, meskipun ada kemungkinan hadis ini bermaksud ahli kitab.
12. Panglima perang dilarang membuat perjanjian atas nama Allah dan Rasul-Nya, sebaliknya perjanjian itu hendaklah dibuat atas nama peribadinya sendiria. Namun ulama masih berbeza pendapat tentang larangan ini sama ada bersifat haram atau makruh.
13. Panglima perang boleh berijtihad dalam urusan perang selagi tidak ada dalil al-Quran dan hadis yang memberikan penjelasan mengenainya.

١٠٨- وَعَنْ كَعْبِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا أَرَادَ غَزْوَةً وَرَّى بِغَيْرِهَا. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

108. Daripada Ka'ab bin Malik (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) apabila hendak berperang, baginda ber-*tawriah* (membuat sindiran-sindiran) dengan kalimat-kalimat yang lain." (Muttafaq 'alaih: 1295).

**Makna Hadis**

Rasulullah (s.a.w) menyukai sesuatu menjadi rahsia bagi memastikan perancangannya Berjaya, namun hadis ini dinilai dha'if oleh ulama. Ketika ingin berangkat untuk menaklukkan kota Makkah, baginda berdoa:

اَللّٰهُمَّ خُذِ العُيُونَ وَالأَخْبَارَ عَنَّا.

"Ya Allah, lindungilah kami daripada mata-mata dan perisikan." Selain itu, baginda gemar merahsiakan isi khutbah dan perkara-perkara penting yang lain, kerana dikhuatiri ada orang yang merosakkan rencana itu atau ada orang lain yang dengki lalu merosak rancangan yang sudah dipersiapkan. Sungguhpun begitu, semua itu tentunya dengan takdir Allah jua. Faktor rahsia amatlah penting, terlebih-lebih lagi dalam masalah perang. Bukankah perang itu bahagian daripada tipu daya? Jika Rasulullah (s.a.w) hendak berperang, baginda menggunakan istilah-isitilah yang sulit difahami oleh orang lain.

**Analisis Lafaz**

"ورّى", *tawriah* ialah menyamarkan sesuatu, yakni baginda merahsiakan sesuatu dengan menggunakan kata-kata sindiran. Jika ingin menuju suatu tempat, baginda malah bertanya tentang jalan yang tidak ingin duitujunya.

**Fiqh Hadis**

Disunatkan merahsiakan strategi atau taktik perang supaya tidak diketahui oleh musuh.

١٠٩- وَعَنْ مَعْقِلِ بْنِ النُّعْمَانَ بْنَ مُقَرِّنٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: شَهِدْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا لَمْ يُقَاتِلْ أَوَّلَ اَلنَّهَارِ أَخَّرَ الْقِتَالِ حَتَّى تَزُولَ الشَّمْسُ وَتَهُبَّ الرِّيَاحُ وَيَنْزِلَ النَّصْرُ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالثَّلَاثَةُ وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ، وَأَصْلُهُ فِي الْبُخَارِيِّ.

109. Daripada Ma'qil bin al-Nu'man bin Muqarrin (r.a), beliau berkata: "Saya pernah menyaksikan Rasulullah (s.a.w) apabila tidak sempat berperang pada permulaan siang, baginda menangguhkan peperangan itu hingga matahari tergelincir, angin sudah bertiup dan kemenangan akan turun." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, al-Tsalatsah dan dinilai sahih oleh al-Hakim serta hadisnya diambil daripada Sahih al-Bukhari: 1296).

**Makna Hadis**

Lafaz hadis dalam Sahih al-Bukhari banyak memuatkan sebab-sebab mengapa Rasulullah (s.a.w) menangguhkan serangan hingga matahari tergelincir. Di dalam Sahih al-Bukhari disebutkan:

إِذَا لَم يُقَاتِل أَوَّلَ النَّهَارِ انْتَظِرْ حَتَّى تَهَبَّ الأَروَاحُ وَتَحضُرَ الصَّلَاةُ.

"Jika tidak sempat berperang pada waktu pagi, maka tunggulah hingga angin berhembus dan waktu solat tiba." Ini kerana ketika waktu solat sudah tiba, ketika itu doa dimakbulkan. Demikian pula ketika angin berhembus menjadi sebab untuk memperoleh kemenangan dalam berperang, kerana angin yang sejuk dapat menyegarkan tubuh hingga kian bersemangat.

**Analisis Lafaz**

"تزول الشمس", matahari sudah mulai condong ke sebelah barat.

**Fiqh Hadis**

Disunatkan menangguhkan perang bagi pasukan yang tidak sempat memulakan serangan pada waktu pagi hari. Tunggulah hingga matahari tergelincir matahari, iaitu ketika waktu solat zohor sudah tiba. Lakukanlah solat kemudian berperanglah.

**Periwayat Hadis**

Ma'qil bin al-Nu'man bin Muqarrin. Menulis nama Ma'qil di dalam kitab Bulug al-Maram merupakan satu kesilapan, kerana dalam biografi al-Nu'man tidak ada disebutkan nama Ma'qil, malah dalam kitab al-Tahdzib pun tidak disebutkan nama itu. Ini menunjukkan nama Ma'qil adalah satu kesilapan dan tidak betul.

١١٠- وَعَنِ الصَّعْبِ بْنِ جَثَّامَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سُئِلَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الدَّارِ مِنَ الْمُشْرِكِينَ يُبَيَّتُونَ فَيُصِيبُونَ مِنْ نِسَائِهِمْ وَذَرَارِيهِمْ، فَقَالَ: "هُمْ مِنْهُمْ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

110. Daripada Sha'ab bin Jattsamah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah ditanya tentang penduduk negeri yang kesemuanya musyrik. Mereka diserang pada waktu malam. Lalu, ternyata mereka bercampur dengan kaum perempuan dan anak-anak kaum muslimin. Nabi saw pun menjawab: perempuan dan anak-anak itu termasuk daripada mereka (musyrik). (Muttafaq 'alaih: 1297).

**Makna Hadis**

Dalam suatu peperangan, kaum muslimin kadang kala terpaksa menyerang kaum musyrikin pada waktu malam, di mana mereka ketika itu mereka sedang tidur lena dan ketika itu pula kaum musyrikin itu sedang bercampur dengan kaum perempuan dan kanak-kanak, sehingga sukar untuk membezakan mana yang mesti diserang dan mana pula yang tidak boleh diserang. Keadaan ini memaksa mereka menyerang secara rambang bahkan ada kemungkinan terkena kaum perempuan dan kanak-kanak. Di sini Rasulullah (s.a.w) memberitahukan bahawa itu memang tidak dapat dielakkan, kerana perempuan dan kanak-kanak itu sudah dianggap sebahagian daripada mereka.

**Analisis Lafaz**

"سئل", orang yang bertanya di sini periwayt itu sendiri, yakni al-Sha'ab, sepertimana yang ditegaskan oleh Ibn Hibban. Al-Sha'ab di ini merahsiakan namanya.

"يبيتون", diserang pada waktu malam hari hingga sukar membezakan mana teman dan mana lawan.

"فيصيبون", terkena luka-luka atau bahkan terbunuh.

"من نسائهم", terkena perempuan, kerana bercampur dengan kaum lelaki musyrik.

"وذراريهم", anak-ana mereka.

"هم", yakni kaum perempuan dan kanak-kanak.

"منهم", yakni bahagian daripada kaum musyrikin.

**Fiqh Hadis**

Dibolehkan menyerang kaum musyrikin pada waktu malam hari, meskipun kaum musyrikin ketika sedang tidur lena bersama isteri dan anak mereka. Dalam masalah ini, ulama berbeza pendapat. Menurut Malik dan al-Auza'i, kaum wanita dan kanak-kanak itu tidak boleh dibunuh sekalipun musuh menggunakan mereka sebagai benteng atau mereka sama-sama berada di dalam satu perahu. Dalil pendapat ini adalah sebagai berikut:

- Hadis al-Sha'ab yang diriwayatkan oleh Ibn Hibban yang lafanya berbunyi: "Kemudian Rasulullah (s.a.w) melarang tindakan seperti sewaktu perang Hunain."
- Rasulullah (s.a.w) pernah menyuruh seseorang menjumpai Khalid dan menyampaikan kepadanya untuk tidak membunuh kanak-kanak dan kaum perempuan padahal Khalid ketika itu baru masuk Islam.
- Hadis yang diriwayatkan oleh al-Thabarani dalam kitab *al-Ausath* daripada Ibn Umar (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) ketika masuk kota Makkah, baginda mendatangi jenazah seorang wanita yang mati terbunuh. Baginda lalu bersabda: "Tidak sepatutnya wanita ini ikut berperang." Baginda melarang membunuh kaum perempuan. Hadis ini turut diriwayatkan di dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim.

Menurut al-Syafii dan Abu Hanifah pula membunuh kaum wanita dan kanak-kanak dibolehkan ketika kaum lelaki mereka menjadikan mereka pertahanan. Jika tidak, maka membunuh mereka tentu tidak dibenarkan.

١١١- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لِرَجُلٍ تَبِعَهُ يَوْمَ بَدْرٍ: "اِرْجِعْ، فَلَنْ أَسْتَعِينَ بِمُشْرِكٍ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

111. Daripada Aisyah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah menyuruh seorang lelaki yang mengikutinya sewaktu perang Badar: "Pulanglah. Aku tidak pernah meminta bantuan seorang musyrik pun." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1298).

**Makna Hadis**

Ibn Hajar menyebut hadis ini secara ringkas. Lafaz hadis ini diambil dari riwayat Muslim yang isinya adalah pada waktu perang Badar, Rasulullah (s.a.w) berangkat menuju Badar dan kemudian tiba di Bahrah al-Wabar, lalu baginda menjumpai seorang lelaki yang gagah berani dan gemar menghulurkan bantuan. Melihat itu, sahabat senang hati. Setelah perjumpaan itu, lelaki itu berkata kepada baginda: "Aku datang kemari untuk mengikuti serta bersamamu dan berjuang di medan perang bersamamu. Rasulullah (s.a.w) bertanya: "Apakah kamu beriman kepada Allah?" Dia menjawab: "Tidak." Baginda bersabda:

"Pulanglah. Aku tidak memerlukan bantuan orang musyrik." Ketika lelaki itu berislam, baginda pun kembali memberinya izin untuk bersamanya ke medan perang.

**Analisis Lafaz**

"أستعين", meminta bantuan untuk berperang.

**Fiqh Hadis**

Tidak dibolehkan meminta bantuan orang musyrik ketika berperang. Inilah pendapat jumhur ulama. Menurut mazhab Hanafi pula boleh meminta bantuan orang musyrik, kerana Rasulullah (s.a.w) pernah meminta bantuan Shafwan bin Umayyah pada waktu perang Hunain. Baginda pula pernah meminta bantuan seorang Yahudi al-Qainuqa' malah memberinya imbuhan di atas bantuannya itu. Kisah ini diriwayatkan oleh Abu Dawud dalam kitab *al-Marasil* dan al-Tirmizi daripada Zuhri secara *mursal*.

Apapun, pendapat ini ditentang oleh sebahagian ulama dengan alasan hadis *mursal* itu dha'if, apatah lagi ia bercanggah dengan hadis *mawsul* yang diriwayatkan daripada Abu Humaid al-Sa'idi, di mana Rasulullah (s.a.w) menolak bantuan orang musyrik dan hadis ini dinilai sahih oleh al-Baihaqi dan lain-lain.

Menurut Ibn Hajar, menggabungkan dua hadis yang pada zahirnya berbeza fahaman ini masih boleh dilakukan. Orang yang batuannya ditolak Rasulullah (s.a.w) ketika perang Badar sebenarnya dia sudah memperlihatkan bukti-bukti yang dia menyukai Islam. Baginda pun menolak bantuannya dengan harapan orang itu mahu masuk Islam. Dan ternyata benar. Harapan baginda pun dimakbulkan oleh Allah. Ada pula kemungkinan meminta bantuan kepada orang musyrik sememangnya dilarang, namun kemudian dibolehkan. Menurut Ibn Hajar, kemungkinan yang terakhir ini lebih mendekati kebenaran.

Bagi pensyarah kitab ini, pendapat Ibn Hajar ini pada hakekatnya memansukh bukannya menggabungkan pemahaman antara dua hadis yang bercanggah antara satu sama lain.

Menurut al-Syafii, jika orang kafir itu cerdik dan mahu membantu Islam dan umat Islam memerlukan kecerdikannya itu, maka dibolehkan meminta bantuannya. Jika tidak, maka hukum meminta bantuan itu makruh.

**Penting**

Ulama bersepakat bahawa hukum meminta bantuan orang munafik dibolehkan, kerana Rasulullah (s.a.w) sering memminta bantuan Abdullah bin Ubay.

١١٢- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأَى اِمْرَأَةً مَقْتُولَةً فِي بَعْضِ مَغَازِيهِ، فَأَنْكَرَ قَتْلَ النِّسَاءِ وَالصِّبْيَانِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

112. Daripada Ibn Umar (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah melihat seorang perempuan mati dibunuh di salah satu peperangan yang baginda pimpin. Melihat itu, baginda mengecam pembunuhan terhadap kaum wanita dan kanak-kanak. (Muttafaq 'alaih: 1299).

١١٣- وَعَنْ سَمُرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "اُقْتُلُوا شُيُوخَ الْمُشْرِكِينَ وَاسْتَبْقُوا شَرْخَهُمْ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ.

113. Daripada Samurah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Bunuhlah orang tua kaum musyrikin tetapi jangan kamu bunuh anak-anak mereka." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan dinilai sahih oleh al-Tirmizi: 1300).

**Makna Hadis**

Allah (s.w.t) berfirman:

وَقَٰتِلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ ٱلدِّينُ لِلَّهِ ۖ فَإِنِ ٱنتَهَوْا۟ فَلَا عُدْوَٰنَ إِلَّا عَلَى ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٩٣﴾

"*Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah, dan (sehingga) menjadilah ugama itu semata-mata kerana Allah. Kemudian jika mereka berhenti maka tidaklah ada permusuhan lagi melainkan terhadap orang-orang yang zalim.*" (Surah al-Baqarah: 193)

Ulama tafsir berpendapat apa yang dimaksudkan fitnah di sini ialah sesuatu yang menggangu agama umat Islam. Gangguan itu mungkin mengganggu orang lain yang hendak masuk Islam. Gangguan ini mesti dicegah dengan kekuatan. Perintah berperang di sini ditujukan kepada mereka yang mampu melakukannya. Kaum perempuan dan kanak-kanak tidak memiliki kemampuan untuk itu dan oleh yang demikian, dilarang membunuh mereka, melainkan mereka dijadikan sebagai perisai atau perempuan itu seorang tentera yang turut berperang, maka dia pun boleh dibunuh.

**Analisis Lafaz**

"في بعض مغازيه", pada salah satu peperangan yang Rasulullah (s.a.w) pimpin. Ada kemungkinan ini terjadi ketika membuka kota Makkah, seperti mana yang diriwayatkan oleh al-Thabarani.

"شيوخ", orang tua yang berusia lebih lima puluh tahun, namun apa yang dimaksudkan orang tua dalam hadis ini ialah lelaki yang masih kuat dan mampu berperang. Ada lagi yang mengataan maksud tua di sini ialah orang dewasa.

"استبقوا", jangan kamu bunuh.

"شرخهم", kanak-kanak yang masih kecil.

"وصححه الترمذى" ini menurut mereka yang menganggap benar bahawa al-Hasan pernah mendengar daripada Samurah.

**Fiqh Hadis**

Tidak dibolehkan membunuh kaum wanita dan kanak-kanak. Ini merupakan ijma' kecuali dalam dua kes berikut:

a. Ketika mereka dijadikan perisai.
b. Jika perempuan atau kanak-kanak turut terjun ke medan perang, maka mereka boleh dibunuh. Inilah pendapat al-Syafi'i dan dalilnya hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dawud daripada 'Ikrimah di mana Rasulullah (s.a.w) melihat seorang perempuan mati terbunuh di al-Tha'if. Lalu, baginda bersabda: "Bukankah aku sudah melarang daripada membunuh kaum perempuan? Siapa yang membunuhnya?" Ada seorang lelaki menjawab: "Saya wahai Rasulallah. Saya membonceng perempuan itu di atas kudaku. Dia malah hendak menghajar dan membunuhku. Saya pun segera membunuhnya." Mendengar itu, baginda tidak menegur lelaki dan menyuruh jenazah perempuan itu dikebumikan.

١١٤- وَعَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُمْ تَبَارَزُوا يَوْمَ بَدْرٍ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ، وَأَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ مُطَوَّلاً.

114. Daripada Ali (r.a) bahawa mereka pernah bertarung ketika perang Badar. (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan diriwayatkan oleh Abu Dawud secara panjang lebar: 1301).

**Makna Hadis**

Al-Bukhari meriwayatkan satu hadis daripada Ali (r.a), beliau berkata: "Pada hari kiamat kelak, aku menjadi orang pertama yang menuntut supaya sengketa

diselesaikan." Dalam kaitan ini, ada ayat yang menceritakan tentang Ali, Hamzah dan 'Ubaidah bin al-Harits, iaitu:

﴿ هَـٰذَانِ خَصۡمَانِ ٱخۡتَصَمُواْ فِي رَبِّهِمۡۖ ..... ﴾

"*Inilah dua golongan (mukmin dan kafir) yang berbantah-bantahan tentang Tuhan mereka…*" (Surah al-Hajj: 19) Ketiga-tiga orang ini di hari kiamat kelak akan bersengketa melawan Syaibah, 'Utbah bin Rabi'ah dan al-Walid bin 'Uabah ketika mereka bertarung di medang perang Badar. Ali dan Hamzah berjaya membunuh musuh mereka. Mereka berdua kemudian menghampiri musuh 'Ubaidah hingga Berjaya membunuh musuh 'Ubaidah itu.

**Analisis Lafaz**

"تبارزوا", bertarung. Pertarungan ini selalunya dilakukan sebelum perang dilangsungkan. Orang Arab mengadakan pertarungan ini dengan tujuan membangkitkan semangat berperang.

**Fiqh Hadis**

Disyari'atkan bertarung satu lawan satu sebelum perang dikobarkan. Inilah pendapat jumhur ulama, namun tidak diwajibkan kerana Rasulullah (s.a.w) tidak sering melakukannya.

Menurut al-Hasan al-Basri, pertarungan seperti itu tidak dibolehkan sedangkan menurut al-Auza'i, al-Tsauri, Imam Ahmad dan Ishaq pula pertarungan satu lawan satu tidak boleh dilakukan kecuali mendapat kebenaran daripada pemimpin.

١١٥- وَعَنْ أَبِي أَيُّوبَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: إِنَّمَا أُنْزِلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ فِينَا مَعْشَرَ الْأَنْصَارِ يَعْنِي: "وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ"، قَالَهُ رَدًّا عَلَى مَنْ أَنْكَرَ عَلَى مَنْ حَمَلَ عَلَى صَفِ الرُّومِ حَتَّى دَخَلَ فِيهِمْ. رَوَاهُ الثَّلَاثَةُ وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ وَابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ.

115. Daripada Abu Ayyub (r.a), beliau berkata: "Ayat ini diturunkan hanya tentang kami orang Anshar, iaitu firman Allah (s.w.t): "*…dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil)…*" (Surah al-Baqarah: 195). Abu Ayyub berkata demikian sebagai bantahan ke atas orang yang merasa hairan terhadap orang yang menyerang pasukan Rom sampai bercampur baur dengan mereka. (Diriwayatkan oleh al-Tslatsah dan

dinilai sahih oleh al-Tirmizi, Ibn Hibban dan al-Hakim: 1302).

**Makna Hadis**

Hadis ini menjadi lebih jelas lagi apabila kita melihat kisahnya yang lebih sempurna, di mana diriwayatkan daripada Aslam bin Yazid, beliau berkata: "Waktu itu, kami sedang berada di Constantinopel. Lalu, datanglah pasukan Rom dengan jumlah pasukan yang amat besar. Tiba-tiba, salah seorang kaum muslimin keluar menyerang mereka seorang diri. Dia kemudian balik lagi. Lalu, orang ramai pun berteriak: "Subhanallah! Orang itu telah membinasakan dirinya sendiri." Melihat itu, Ayyub berkata: "Wahai sahabat, seperti itukah kamu mentafsirkan ayat ini? Tahukah kamu ayat itu diturunkan kepada kita sebagai orang Anshar. Setelah Allah memuliakan agama ini di mana ramai orang yang menjadi pengikutnya, kami pun berbisik di antara sesama kami: "Harta kita sudah hilang. Andaikan kita bertempat tinggal di sana dan mengembalikan apa yang telah hilang…" Lalu, turunlah ayat ini. Apa yang dimaksudkan dengan membinasakan diri di sini ialah bertempat tinggal di suatu tempat yang dulu pernah kami inginkan.

**Analisis Lafaz**

"حمل", menyerang.

"صف الروم", pasukan Rom semasa perang Constantinopel.

**Fiqh Hadis**

1. Dilarang meninggalkan jihad lalu memilih bertani atau pekerjaan lain yang seumpamanya, kerana menekuni bercucuk tanam atau perkerjaan lain sementara berjihad masih menjadi suatu pekerjaan yang mesti diutamakan bakal mengancam keselamatan negara dan agama.
2. Dibolehkan satu orang melawan sepasukan tentera, meskipun dia yakin tidak mungkin memenangi pertarungan itu. inilah pendapat jumhur ulama. Jika orang itu seorang yang pemberani dan keberanian itu diyakininya mampu membuat musuh ketakutan atau dapat membuat kaum muslimin lebih bersemangat atau ada tujuan lain yang tujuannya mulia, maka itu dianjurkan. Namun jika perbuatan itu dianggap sebagai bunuh diri dan malah membuat kaum muslimin bertambah ketakutan, maka itu tidak boleh dilakukan. Dalilnya adalah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dawud daripada Ibn Mas'ud secara *marfu'*:

عَجِبَ رَبُّنَا مِن رَجُلٍ غَزَا فِي سَبِيلِ اللهِ، فَانهَزَمَ أصحَابُهُ، فَعَلِمَ مَا عَلَيهِ، فَرَجَعَ رَغبَةً فِيمَا عِندِي وَشَفَقَةً مِمَّا عِندِي حَتَّى أُهرِيقَ دَمُهُ.

"Allah amat gembira terhadap seorang lelaki yang berperang di jalan Allah, padahal pasukannya sudah kalah dan dia menyedari itu. Lalu, dia kembali menyerang kerana mengharap apa yang ada di sisiku dan kasih sayang terhadap apa yang aku miliki hingga akhirnya dia bertarung sampai titik darah penghabisan." Selan hadis itu ada pula hadis yang diriwayatkan daripada beberapa sahabat seperti Abu Salamah (r.a), Abu Bakrah (r.a) dan Khalid (r.a).

١١٦- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: حَرَقَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَخْلَ بَنِي النَّضِيرِ وَقَطَعَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

116. Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah membakar dan menebang pokok-pokok kurma milik suku Bani al-Nadhir." (Muttafaq 'alaih: 1303).

**Makna Hadis**

Untuk memahami hadis ini ada baiknya riwayat berikut ini disebutkan bahawa di suatu tempat bernama Buairah, Allah menurunkan ayat:

مَا قَطَعْتُم مِّن لِّينَةٍ أَوْ تَرَكْتُمُوهَا قَآئِمَةً عَلَىٰٓ أُصُولِهَا فَبِإِذْنِ ٱللَّهِ وَلِيُخْزِىَ ٱلْفَـٰسِقِينَ ۝٥

"*Mana-mana jua pohon kurma (kepunyaan musuh) yang kamu tebang atau kamu biarkan tegak berdiri seperti keadaannya yang asal, maka yang demikian adalah dengan izin Allah (kerana Ia hendak memberi kemenangan kepada orang-orang mukmin), dan kerana Ia hendak menimpakan kehinaan kepada orang-orang yang fasik.*" (Surah al-Hasyr: 5). Jumlah pohon yang ditebang menurut catatan sejarah berjumlah sekitar enam pohon. Tujuan penebangan itu untuk melemahkan kekuatan musuh dan meluaskan sempadan negara Islam. Kaum mukminin sendiri berbeza pendapat tentang penebangan pokok ini. Ada yang berkata: "Jangan kamu menebang rizeki yang telah Allah berikan kepada kita." Ada lagi yang berkata: "Tebanglah pohon-pohohn itu supaya mereka bertambah marah." Lalu, turunlah ayat tersebut di atas untuk menyokong kedua-dua pendapat tersebut.

**Analisis Lafaz**

"نخل", pohon kurma, yakni beberapa pohonkurma, bukan secara keseluruhan yang ditebang. Ada yang mengatakan enam pohon kurma yang ditebang. Menurut Ibn Ishaq pula mereka menebang sebatang pokok dan membakar sebatang pokok.

"بنى النضير", suatu daerah yang terletak antara kota Madinah dengan Taima'. Letaknya ke arah kiblat masjid Quba'. Peperangan itu terjadi pada tahun keempat Hijrah.

**Fiqh Hadis**

Dibolehkan membakar dan merobohkan bangunan musuh apabila tujuan yang boleh menguntungkan kaum muslimin. Inilah pendapat jumhur ulama. Al-Bukhari membuat satu bab dengan judul: membakar bangunan dan pohon kurma. Al-Bukhari pula meriwayatkan hadis Jarir (r.a) yang di dalamnya dijelaskan tentang pembakaran pohon kurma dan bangunan kaum Dzu al-Khilshah dan Rasulullah (s.a.w) malah mendoakan dengan keberkatan kepada orang yang membakarnya itu dan orang yang ikut besamanya.

Menurut al-Auza'i, al-Laits dan Abu Tsaur pula pembakaran itu dimakruhkan dan dalil mereka adalah wasiat Abu Bakar (r.a) kepada pasukan perang yang bakal diberangkatkan untuk memerangi orang murtad supaya mereka tidak melakukan perbuatan itu. Pendapat ini ditentang oleh sebahagian ulama di mana pembakaran itu dilarang jika tidak diperlukan.

لَا أُلفِيَنّ أَحَدَكُم يومَ القِيَامَةِ عَلَى رَقَبَتِهِ شَاةٌ لَهَا ثَغَاءٌ أو فَرَسٌ لَهَا حَمحَمَةٌ يَقُولُ : يَا رَسُولَ اللهِ أَغِثنِي...

117. Daripada 'Ubadah bin al-Shamit (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jangan kamu berbuat khianat, kerana perbuatan itu akan menjadi api dan aib bagi pelakunya di dunia ataupun di akhirat." (Dirwayatkan oleh Imam Ahamd dan al-Nasa'i serta dinilai sahih oleh Ibn Hibban: 1304).

**Makna Hadis**

Perbuatan curang tentu diharamkan di sisi syari'at Islam, apa pun bentuknya. *Ghulul* merupakan perbuatan curang yang dilakukan seorang tentera terhadap harta ghanimah, di mana dia menyorok sebahagian harta itu tanpa sepengetahuan tentrra yang lain supaya dia yang paling banyak memperoleh harta ghanimah itu. ini merupakan perbuatan paling keji, kerana merugikan

umat Islam. Berperang di jalan Allah menuntut seseorang mesti mempunyai niat ikhlas. Ketika berperang di jalan Allah tidak mungkin menjadi ikhlas apabila ada seseorang yang tergamak berbuat curang seperti ini.

**Analisis Lafaz**

"تغلّوا", asal katanya adalah "الغلول" yakni perbuatan curang. Menurut Ibn Qutaibah, disebut demikian kerana pelakunya telah menyorok barang itu secara rahsia. *Ghulul* adalah merahsiakn harta orang kafir yang telah Berjaya dirampas ketika perang. Ini dilakukan supaya orang lain tidak mendapat bahagian harta itu. Ada yang mengatakan *ghulul* adalah setiap perbuatan curang yang dilakukan terhadap harta oramg ramai. Dengan demikian, seorang amil zakat juga dapat dikatakan *ghulul* (berbuat curang) apabila tidak jujur mengagihkan zakat itu.

"نار", api. Rasulullah (s.a.w) seolah-olah mengatakan sebagai hukuman ke atas perbuatan itu, pelakunya dimasukkan ke dalam neraka. Allah (s.w.t) berfirman:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَٰلَ ٱلْيَتَـٰمَىٰ ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِى بُطُونِهِمْ نَارًا ۖ وَسَيَصْلَوْنَ سَعِيرًا ﴿١٠﴾

"*Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka; dan mereka pula akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala.*" (Surah al-Nisa': 10) Ada pula kemungkinan maksud api di sini api yang sebenar, kerana ada sebahagian ulama yang menfatwakan harta yang telah dicuri itu mesti dibakar.

"عار", aib.

"فى الدنيا", aib itu dia alami di dunia jika perbuatan curang itu terbongkar dan diketahui orang lain.

"وفى الآخرة", aib itu pula bakal dirasakan di akhirat seperti mana yang ditegaskan oleh hadis Abu Hurairah yang diriwayatkan oleh al-Bukhari secara *marfu'*:

لَا أُلْفِيَنّ أَحَدَكُم يومَ القِيَامَةِ عَلَى رَقَبَتِهِ شَاةٌ لَهَا ثُغَاءٌ أو فَرَسٌ لَهَا حَمحَمَةٌ يَقُولُ : يَا رَسُولَ اللهِ أَغِثنِي...

"Aku takkan mahu menjumpai salah seorang kamu yang pada lehernya digantung seekor kambing yang mengembik atau kuda meringkik. Dia berteriak: "Wahai Rasulallah, tolonglah daku…"

**Fiqh Hadis**

Diharamkan berbuat curang, kerana ia dosa besar dan ini merupakan kesepakatan ulama seperti mana dinukil oleh al-Nawawi.

**Penting**

Ibn al-Mundzir berkata: "Ulama bersepakat bahawa orang yang curang wajib memulangkan harta itu sebelum ia diagihkan. Jika harta itu dipulangkan setelah diagihkan, menurut al-Tsauri, al-Auza'i, al-Laits dan Malik, harta itu diserahkan kepada pemimpin dan bakinya wajib disedekahkan sedangkan menurut al-Syafi'i, semua harta itu wajib diserahkan kepada pemimpin di mana hukumnya sama dengan harta yang hilang.

١١٨- وَعَنْ عَوْفِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ اَلنَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَضَى بِالسَّلَبِ لِلْقَاتِلِ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ، وَأَصْلُهُ عِنْدَ مُسْلِمٍ.

118. Daripada 'Auf bin Malik (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) memutuskan bahawa harta yang dirampas daripada musuh yang terbunuh dalam perang menjadi milik bagi siapa yang membunhnya. (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan asalnya diambil dari dalam Sahih Muslim: 1305).

**Makna Hadis**

Sudah menjadi tabiat manusia kalau menyukai hadiah atau penghargaan. Dengan hadiah itu dia menjadi kian bertambah semangat untuk mencapai apa yang mesti menjadi miliknya. Nah, keputusan Rasulullah (s.a.w) yang bersabda: "Barangsiapa berjaya membunuh musuh, maka dia berhak mengambil barang apa sahaja yang ada di tangan musuh itu." Ketetapan ini dibuat untuk menambah semangat kaum muslimin ketika berperang dan ini belum lagi ganjarn pahala yang bakal mereka terima di akhirat kelak. Selain itu, ia bertujuan untuk menegakkan keadilan dalam pengagihan harta ghanimah, kerana sebesar mana perjuangan yang dilakukan oleh seseorang, maka sebesar itu pulalah hadiah yang berhak dia terima. Jadi tidak ada lagi orang yang berkata: "Aku sudah banyak berbuat tetapi tidak memperoleh bahagian seperti orang itu. Ketentuan ini ditetapkan baginda selepas perang selesai dan memberi motivasi yang lain untuk bercita-cita: "Nanti aku akan berperang seperti yang dilakukan orang itu."

### Analisis Lafaz

"السَلَب", barang yang diperoleh seorang tentera muslim dari musuh yang berjaya dia bunuh. Menurut al-Syafi'i, *salab* adalah alat-alat perang yang berjaya dirampas dari musuh yang telah dia bunuh. Menurut Imam Ahmad, haiwan tunggangan tidak termasuk *salab*.

"للقاتل", huruf *lam* di sini bermaksud kepemilikan. Dengan erti kata lain, barangsiapa berjaya membunuh musuh, maka dia boleh memiliki barang yang ada di tangan musuh itu.

### Fiqh Hadis

Menurut jumhur ulama, barang milik musuh telah dibunuh ketika dalam perang dibahagikan kepada siapa yang telah berjaya membunuhnya, sama ada panglima perang telah mengisytiharkan ketentuan itu ataupun sebaliknya, sama ada si pembunuh itu menyerang musuh secara berhadapan ataupun dengan cara berlari lalu menikamnya dari arah belakang, sama ada si pembunuh itu sudah mendapat bahagian harta ghanimah ataupun tidak. Jadi, hukum ini bersifat mutlak.

Menurut Abu Hanifah, si pembunuh tidah boleh mengambil barang itu kecuali jika sebelumnya sudah diizinkan oleh panglima perang. Pendapat ini berdasarkan hadis yang berbunyi:

مَن قَتَلَ قَتِيلًا فَلَهُ سَلَبُهُ.

"*Barangsiapa berjaya membunuh musuh, maka dia boleh mengambil barang yang ada padanya*." Rasulullah (s.a.w) menyampaikan pesanan ini sebelum terjadi peperangan.

Apapun, pendapat Abu Hanifah ini ditentang oleh sebahagian ulama. Menurut mereka, hadis yang digunakan Abu Hanifah sebagai dalil malah menyokong hukum yang terdapat di dalam hadis sebelumnya sekali gus menggabungkan antara hadis-hadis yang saling berlawanan maknanya secara zahir.

### Penting

Lanjutan hadis ini ada di dalam riwayat Abu Dawud di mana isinya adalah Rasulullah (s.a.w) tidak membahagi harta *salab* itu seperlima. Abu Dawud kemudian membuat satu bab dengan tajuk: *salab* yang tidak boleh dibahagi seperlima. Hadis ini dijadikan sebagai landasan fatwa oleh Imam Ahmad, Ibn al-Mundzir dan Ibn Jarir.

١١٩- وَعَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ فِي - قِصَّةِ قَتْلِ أَبِي جَهْلٍ - قَالَ: فَابْتَدَرَاهُ بِسَيْفَيْهِمَا حَتَّى قَتَلَاهُ، ثُمَّ انْصَرَفَا إِلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَخْبَرَاهُ، فَقَالَ: "أَيُّكُمَا قَتَلَهُ؟ هَلْ مَسَحْتُمَا سَيْفَيْكُمَا؟" قَالَا: لَا. قَالَ: فَنَظَرَ فِيهِمَا، فَقَالَ: "كِلَاكُمَا قَتَلَهُ، سَلْبُهُ لِمُعَاذِ بْنِ عَمْرِو بْنِ الْجَمُوحِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

119. Daripada Abdurrahman bin 'Auf tentang kisah terbunuhnya Abu Jahal, beliau berkata: "Dua orang itu terus berlomba menyerang Abu Jahal dengan pedang mereka hingga akhirnya Abu Jahal mati terbunuh. Kedua orang itu segera mendatangi Rasulullah (s.a.w) kemudian menyampaikan berita itu kepada baginda dan baginda pun bertanya: "Siapakah di antara kamu yang membunuhnya? Apakah pedang kamu berdua yang telah menyentuhya?" Mereka berdua menjawab: "Tidak." Baginda menatap kedua orang itu lalu bersabda: "Kamu berdualah yang telah membunuhnya." Akhirnya baginda memutuskan harta *saab* itu untuk Mu'dz bin 'Amr bin al-Jamuh. (Muttafaq 'alaih: 1306).

**Makna Hadis**

Ibn Hajar menyebut hadis ini sebagai lanjutan daripada hadis sebelumnya. Beliau menjadikan hadis ini sebagai dalil bagi mereka yang mengatakan bahawa sebelum terjadi pertempuran, panglima perang hendaklah mengumumkan harta *salab* merupakan hak milik bagi orang yang berjaya secara langsung membunuh musuh. Inilah pendapat Abu Hanifah. Jadi, si pembunuh tidak boleh terus mengambil harta itu seperti mana pendapat jumhur ulama.

Menurut Abu Hanifah, jika harta itu sudah menjadi hak milik si pembunuh, untuk apa lagi panglima perang menyampaikan ketetapan ini sebelum terjadi pertempuran? Bukankah Rasulullah (s.a.w) tidak membolehkan harta itu hanya diambil oleh salah seorang daripada dua orang yang telah berjaya membunuh musuh? Baginda malah membahagikan harta itu kepada keduanya. Oleh kerana betapa penting mengembalikan suatu permasalahan itu kepada pemimpin, maka harta itu diserahkan kepada orang yang menurut pemimpin lebih berhak mendapatkannya.

**Analisis Lafaz**

"قتل أبى جهل", Abu Jahal mati dibunuh pada waktu perang Badar.

"فابتدراه", keduanya berlomba menyerangnya. Dua orang itu adalah anak Afra'.

"فنظر فيهما", yakni Rasulullah (s.a.w) melihat pedang keduanya

**Fiqh Hadis**

1. Seorang pemimpin boleh membahagikan harta *salab* itu sesuai dengan ijtihadnya. Inilah pendapat Abu Hanifah. Pendapat ini ditentang oleh sebahagian ulama di mana menurut mereka, harta itu dibahagikan kepada Mu'adz, kerana Rasulullah (s.a.w) melihat bekas tebasan pedang Mu'adz lebih jelas kelihatan berbanding yang lain dab harta itu diberikan kepada Mu'adz. Betapa gembira hati kedua anak Afra' ketika mendengar keputusan Rasulullah (s.a.w): "Kamu berdua yang telah membunuhnya." Dengan erti kata lain, kamu berdua sama-sama ingin membunuhnya. Menurut mereka lagi, apa yang menguatkan pendapat ini adalah ketika baginda melihat pedang keduanya. Andaikan bebas menentukan pendapat membahagi *salab* in, tentu baginda tidak perlu melihat pedang itu atau baginda membahagikan harta itu secara sama rata. Inilah pendapat ini yang lebih mendekati kebenaran.
2. Kembali kepada pemimpin ketika terjadi perselisihan.
3. Menggunakan bukti untuk mencari kebenaran.

١٢٠- وَعَنْ مَكْحُولٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَصَبَ الْمَنْجَنِيقَ عَلَى أَهْلِ الطَّائِفِ. أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ فِي "الْمَرَاسِيلِ" وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ، وَوَصَلَهُ الْعُقَيْلِيُّ بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ.

120. Daripada Makhul (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) memasang manjaniq untuk menyerang penduduk al-Tha'if. (Diriwayatkan oleh Abu Dawud di dalam kitab *al-Marasil* sedang para perawinya tsiqah, namun hadis ini dinilai mawsul oleh al-'Uqaili dengan sanad yang dha'if daripada Ali (r.a).: 1307.

**Makna Hadis**

Rasulullah (s.a.w) ketika mengepung al-Tha'if selama satu bulan untuk membuka negeri, baginda membedil manjaniq bagi memaksa mereka keluar dan menyerah kalah. Manjaniq merupakan senjata mirip rudal yang isinya adalah batu besar atau bola api lalu dibedilkan ke sasaran musuh. Senjata ini mampu merobohkan dan menghancurkan suatu bandar. Senjata ini tidak memerlukan tenaga manusia yang berjumlah ramai dan digunakan dari jarak jauh. Baginda menggunakan senjata ini untuk menunjukkan bahawa menggunakan senjata semacam itu dibolehkan dalam perang.

**Analisis Lafaz**

"نصب المنجنيق", menggunakan manjaniq sebagai senjata. Manjaniq merupakan senjata yang mampu melempar jauh batu atau bola api.

"على أهل الطائف" menyerang masyarakat al-Thaif. Peristiwa ini terjadi setelah kota Makkah dibuka atau terjadi di akhir hayat Rasulullah (s.a.w).

"بإسناد ضعيف عن عليّ", dengan sanad dha'if daripada Ali (r.a). Ia juga diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan dibahas dalam kitab *al-Isti'dzan* daripada Tsaur bin Yazid. Dalam kitab al-Marasil, Abu Dawud turut meriwayatkan hadis ini daripada Yahya bin Abu Kutsair, beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) mengepung mereka selama sebulan.

Al-Auza'i berkata: "Saya pernah bertanya kepada Yahya: "Tahukah kamu bahawa Rasulullah (s.a.w) menyerang mereka dengan menggunakan manjaniq?" Yahya tidak membenarkan berita itu dan berkata: "Kami tidak mengenali senjata itu."

**Fiqh Hadis**

Dibolehkan menyarang musuh dengan mengggunakan manjaniq jika itu diperlukan ketika mereka berlindung di dalam benteng. Hukum ini difatwakan oleh ulama yang namanya sudah disebut ketika membahas hadis riwayat al-Sha'ab bin Jattsamah.

Di zaman sekarang, banyak senjata mirip manjaniq dari segi kegunaanya, apatah lagi zaman sekarang sudah canggih dan maju, tentu saja senjata yang digunakan sekarang lebih hebat dan boleh mengenai sasaran dengan tepat.

**Periwayat Hadis**

Makhul, namanya Ibn Abdullah al-Syami, panggilannya Abu Abdullah). Makhul ini termasuk tawanan perang. Dia kemudian dibebaskan oleh seorang perempuan dari suku Qais. Makhul ini berasal dari bangsa Sind, tidak fasih berbahasa Arab dan salah seorang ulama negeri Syam. Dalam masalah fatwa, tidak seorang pun yang mampu menyainginya. Beliau pernah berguru kepada Anas, Watsilah dan ramai lagi. Beliau mempunyai murid seperti Zuhri, Rabi'ah dan ramai lagi. Beliau meninggal dunia pada tahun 118 H.

١٢١- وَعَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَخَلَ مَكَّةَ وَعَلَى رَأْسِهِ الْمِغْفَرُ، فَلَمَّا نَزَعَهُ جَاءَهُ رَجُلٌ، فَقَالَ: ابْنُ خَطَلٍ مُتَعَلِّقٌ بِأَسْتَارِ الْكَعْبَةِ، فَقَالَ: "اُقْتُلُوهُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

121. Daripada Anas (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) masuk ke kota Makkah sedangkan di atas kepala baginda memakai *mighfar* (topi perang). Setelah baginda menanggalkannya, datanglah seorang lelaki dan berkata: "Ibn Khathal sedang bergantung di kain Ka'bah." Mendengar itu, Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Bunuhlah dia." (Muttafaq 'alaih: 1308).

**Makna Hadis**

Ibn Khatal pernah masuk Islam dan pernah diutus oleh Rasulullah (s.a.w) sebagai perisik bersama seorang lelaki Anshar dan seorang bekas hamba sahaya yang beragama Islam. Bekas hamba ini diberi tugas membantu keperluan Ibn Khatal. Pada suatu hari, Ibn Khatal singgah di suatu tempat dan menyuruh bekas hamba itu menyembelih haiwan sekali gus menyediakan makan. Setelah bangun tidur, Ibn Khatal menjumpai bekas hamba itu belum lagi menyediakan makanan. Melihat itu, Ibn Khatal marah dan membunuh bekas hamba itu. Ibn Khatal pun segera menjadi murtad dan kembali menjadi musyrik. Dia memiliki dua orang hamba perempuan yang mendendangkan kalimat-kalimat hinaan kepada Rasulullah (s.a.w). Baginda menghalalkan darah mereka dan Ibn Khatal akhirnya Berjaya dibunuh ketika Makkah ditakluki.

**Analisis Lafaz**

"دخل مكة", masuk Makkah ketika menaklukinya.

"المِغْفَر", sejenis pakaian perang yang dipakai di bawah topi perang atau lingkaran yang menjaga diri seseorang daripada serangan senjata tajam.

**Fiqh Hadis**

1. Rasulullah (s.a.w) dibolehkan memasuki kota Makkah tanpa berihram, kerana ketika itu Makkah dihalalkan (dibolehkan memasuki tanah haram tanpa memakai ihram) selama setengah hari.
2. Tanah haram tidak melindungi darah orang yang sememangnya wajib dijatuhi hukuman qisas. Ulama berbeza pendapat dalam masalah ini. Malik dan al-Syafi'i berpendapat qisas wajib dilaksanakan tanpa mengira tempat sedangkan jumhur ulama berpendapat qisas di tanah haram tidak boleh dilaksanakan seperti mana firman Allah (s.w.t):

   ..... وَمَن دَخَلَهُۥ كَانَ ءَامِنًا ..... ﴿٩٧﴾

   "*...Dan sesiapa yang masuk ke dalamnya aman tenteramlah dia....*" (Surah Ali 'Imran: 97) dan sabda Rasulullah (s.a.w):

   أُحِلَّت لِي سَاعَةٌ مِن نَهَارٍ وَلَا تَحِلُّ لِأَحَدٍ مِن بَعدِي.

"Kota Makkah pernah dihalalkan (boleh masuk kota Makkah tanpa memakai kain ihram) selama setengah hari dan itu tidak lagi dihalalkan kepada seorang pun setelah aku wafat kelak. Ada pula sabda Rasulullah (s.a.w): "Tidak boleh ditumpahkan darah di kota Makkah". Bagaimanapun, larangan ini berlaku apabila seseorang itu melakukan jenayah di luar tanah haram, lalu dia dibawa masuk ke tanah haram untuk dijatuhi hukuman qisas.

3. Dibolehkan membunuh tawanan secara perlahan. Al-Bukhari membuat satu bab yang membahas masalah ini. Inlah pendapat jumhur ulama. Bagi mereka, seorang pemimpin dibolehkan mengambil dasar selagi itu mendatangkan kemaslahatan bagi bangsanya. Dia memilih antara membunuh tawanan atau menerima tebusan atau mereka dijadikan hamba sahaya. Ini berbeza dengan al-Auza'i dan mazhab Hanafi di mana menurut mereka, seorang pemimpin tidak boleh menerima tebusan tawanan perang, sebaliknya tawanan itu wajib dibunuh.

١٢٢- وَعَنْ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَتَلَ يَوْمَ بَدْرٍ ثَلَاثَةً صَبْراً. أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ فِي "الْمَرَاسِيلِ" وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ.

122. Daripada Sa'id bin Jubair bahawa Rasulullah (s.a.w) ketika perang Badar telah berjaya membunuh tiga orang musuh." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dalam kitab al-Marasil dan para perawinya pula tsiqah: 1309).

**Makna Hadis**

Ibn Hajar mengemukakan hadis ini untuk menguatkan hadis sebelumnya bahawa membunuh musuh secara perlahan hukumnya dibolehkan selagi pemimpin melihat itu adalah yang terbaik untuk negara.

**Analisis Lafaz**

"ثلاثة" tiga orang musuh, iaitu Thu'imah bin 'Adi, al-Nadhar bin al-Harits dan 'Uqbah bin Abu Mu'ith.

"صبرا", yakni membunuh secara perlahan dengan cara ditahan lalu dilempari batu sampai mati.

**Fiqh Hadis**

Dibolehkan membunuh musuh secara perlahan mengikut pendapat jumhur, namun ada yang mengatakan hadis ini dimansukh dengan hadis: "لا يُقتَلَنَّ قُرَيشٌ بَعدَ

هَذَا صَبرًا", meskipun kedudukan hadis ini masih diperdebatkan.

١٢٣- وَعَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَدَى رَجُلَيْنِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ بِرَجُلٍ مِنَ الْمُشْرِكِينَ. أَخْرَجَهُ التِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ، وَأَصْلُهُ عِنْدَ مُسْلِمٍ.

123. Daripada 'Imran bin Hushain (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) menebus dua orang muslim dengan satu orang musyrik. (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi sekali gus menilainya sahih dan asal lafaznya diambil dari dalam Sahih Muslim: 1310).

**Makna Hadis**

Ibn Hajar mengemukakan hadis ini untuk menegaskan bahawa pertukaran tawanan hukumnya dibolehkan.

**Analisis Lafaz**

"برجل مشرك", dengan satu orang musyrik dari bani 'Uqail seperti mana dalam riwayat Imam Ahmad).

"وأصله عند مسلم", lafaznya diambil dari dalam Sahih Muslim.

**Fiqh Hadis**

Dibolehkan menebus tawanan muslim dengan tawanan musyrik mengikut pendapat jumhur ulama. Dalil mereka adalah firman Allah (s.w.t):

..... فَإِمَّا مَنًّا بَعْدُ وَإِمَّا فِدَآءً حَتَّىٰ تَضَعَ ٱلْحَرْبُ أَوْزَارَهَا ..... ﴿٤﴾

"*...Setelah selesai pertempuran itu maka (terserahlah kepada kamu) sama ada hendak memberi kebebasan (kepada orang-orang tawanan itu dengan tiada sebarang penebusnya) atau membebaskan mereka dengan mengambil penebusnya....*" (Surah Muhammad: 4). Menurut al-Auza'i dan Abu Hanifah, tawanan hanya boleh dibunuh atau dijadikan hamba sahaya. Menurut al-Zuhri dan Mujahid pula tawanan kafir tidak boleh ditebus. Menurut al-Hasan dan Atha', tawanan tidak boleh langsung dibunuh, tetapi pemimpin mestilah mempertimbangkan antara membunuh atau menebusnya. Menurut Imam Malik, tawanan perang tidak boleh dibebaskan tanpa ada tebusan.

١٢٤- وَعَنْ صَخْرِ بْنِ الْعَيْلَةِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِنَّ الْقَوْمَ إِذَا أَسْلَمُوا أَحْرَزُوا دِمَاءَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ، وَرِجَالُهُ مُوَثَّقُونَ.

124. Daripada Shakhr bin al-'Aylah bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Suatu kaum apabila mereka berislam, maka darah dan harta mereka wajib dijaga." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan para perawinya pula dapat dipercaya: 1311).

**Makna Hadis**

Hadis ini ditafsirkan oleh hadis muttafaq 'alih berikut:

أُمِرتُ أن أُقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَقُولُوا لا إله إلا الله، فَإِذَا قَالُوهَا فَقَد عَصَمُوا مِنِّي دِمَاءَهُم وَ أَموَالَهُم إِلَّا بِحَقِّهَا وَحِسَابُهُم عَلَى اللهِ.

"Aku diperintahkan untuk memerangi orang musyrik hingga mereka mengucap "لا إله إلا الله". Jika mereka mengucapkan kalimat ini, mereka telah menjaga darah dan harta mereka daripadaku, melainkan atas nama hak daripada kalimat itu dan biarlah hisab amal mereka diserahkan kepada Allah."

Setelah masuk Islam, orang yang dahulunya musyrik itu tidak boleh lagi hartanya diambil, dirompak ataupun orangnya dibunuh kecuali atas nama hak-hak dan ketentuan-ketentuan Islam seperti zakat dan qisas apabila terbukti melakukan jenayah.

**Analisis Lafaz**

"صخر", huruf *shad* dibaca *fathah*, huruf *kha'* dibaca *sukun* dan huruf *ra'* dibaca *fathah*, nama periwayat.

"العيلة", huruf *'ain* dibaca *fathah*. Ada yang mengatakan Ibn Abu al-'Ailah. Periwayat hadis ini juga meriwayatkan hadis selain hadis ini seperti mana ditegaskan oleh Ibn al-Sakan, al-Baghawi dan Ibn Sa'ad. Ada yang mengatakan al-'Ailah itu adalah ibu kepada Shakhr, periwayat hadis ini.

"أحرَزُوا دِمَاءَهُم وَأموَالَهُم", mereka menjaga darah dan harta mereka. Jadi, harta mereka tidak boleh lagi diambil sebagai harta ghanimah ataupun faye'. Harta mereka tidak boleh diambil lagi kecuali atas nama hukum Islam seperti zakat atau qisas.

**Fiqh Hadis**

Jika ada orang kafir yang sudah masuk Islam, maka darah dan harta mereka diharamkan. Berikut penjelasan ulama secara mendetil:

1. Barangssiapa yang berislam secara damai tanpa melalui perang, maka harta dan tanah orang itu tetap menjadi miliknya seperti negeri Yaman.
2. Barangsiapa yang berislam setelah berperang, maka darah mereka tida boleh lagi ditumpahkan manakala harta mereka pula mengikut pendapat *manqul* harta tersebut dinilai sebagai ghanimah, sedangkan menikut pendapat yang bukan *manqul* harta itu dianggap sebagai faya'. Ulama berbeza pendapat tentang harta faye', iaitu:
   - Harta faye' itu berstatus sebagai harta waqaf dan hasil yang diperoleh daripadanya diagihkan untuk keperluan umat Islam, gaji tentera, membangun masjid, membuat perairan perkebunan dan sawah. Jika pada suatu waktu kelak pemimpin ingin harta itu diagihkan kepada seluruh kaum muslimin maka itu pun tetap dibolehkan. Inilah pendapat Malik dan disokong oleh Ibn al-Qayyim bahkan pendapat ini merupakan pendapat jumhur ulama dan metode para khalifah.
   - Pemimpin dibolehkan memilih mana yang lebih mendatangkan kemaslahatan bagi Negara dan bangsa. Jika menurutnya harta faye' itu lebih baik diagihkan untuk keperluan umat, maka itu boleh dilakukan. Jika menurutnya harta faye' itu lebih baik diwaqafkan, itu juga dibolehkan. Jika menurutnya separuh harta faye itu diagihkan dan separuhnya lagi diwaqafkan, itu juga dibolehkan. Inilah pendapat Imam Ahmad. Dalil mereka adalah Rasulullah (s.a.w) pernah membahagi tanah milik bani Quraizhah dan bani al-Nadhir namun tidak membahagi harta faye' kota Makkah. Baginda pula membahagi sebahagian tanah Khaibar dan tidak membahagi ebahagiannya lagi untuk kepentingan kaum muslimin.

١٢٥- وَعَنْ جُبَيْرِ بْنِ مُطْعَمٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فِي أُسَارَى بَدْرٍ: "لَوْ كَانَ الْمُطْعِمُ بْنُ عَدِيٍّ حَيًّا، ثُمَّ كَلَّمَنِي فِي هَؤُلَاءِ النَّتْنَى لَتَرَكْتُهُمْ لَهُ". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

125. Daripada Jubair bin al-Muth'im (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda tentang tawanan perang Badar: "Andaikan al-Muth'im bin 'Adi masih hidup lalu berbicara denganku mengenai mayat-mayat yang telah membusuk itu, tentu aku akn serahkan tawanan itu kepadanya." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1312).

**Makna Hadis**

Dalam sejarah dikisahkan Rasulullah (s.a.w) ketika kembali pulang dari al-Tha'if, baginda memasuki kota Makkah di bawah jaminan keselamatan al-Muth'im bin 'Adi supaya tidak diganggu penduduk Makkah. Al-Muth'im menyuruh keempat-empat anaknya memegang senjata. Setiap orang daripada keempat orang itu berdiri di sisi Ka'bah dan memberitahukan bahawa mereka sedang menjaga Rasulullah (s.a.w). Setelah kaum Quraisy mengetahui itu, mereka berkata: "Kamulah seorang yang tidak pernah mengkhianati janji."

Al-Muth'im seorang yang disegani dan sentiasa berjuang untuk membatalkan boikot kaum Quraisy ketika mereka mengepung Rasulullah (s.a.w) dan kaum muslimin. Oleh kerana perjuangan al-Muth'im yang sentiasa berusah melindungi Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda tentang keistiewaan al-Muth'im. Baginda percaya al-Muth'im mampu menyelesaikan masalah tawanan perang Badar. Pujian ini layak diterima al-Muth'im jika melihat perjuangannya yang hebat itu, namun sayangnya al-Muth'im meninggal dunia sebelum terjadi perang Badar.

**Analisis Lafaz**

Al-Muth'im bin 'Adi adalah ayah Jubair, periwayat hadis ini. Jubair merupakan seorang sahabat masyhur dan mengetahui ilmu nasab.

"كلمنى فى هؤلاء", berbicara denganku tentang orang busuk itu. Dengan erti kata lain, dia membincangkan nasib para tawanan itu sama ada dibebaskan atau sebaliknya.

"النتنى", orang busuk itu. Dikatakan busuk, kerana mereka musyrik. Allah (s.w.t) berfirman:

..... إِنَّمَا ٱلْمُشْرِكُونَ نَجَسٌ ..... ﴿٢٨﴾

"*...Sesungguhnya (kepercayaan) orang-orang kafir musyrik itu najis,...*" (Surah al-Taubah: 28)

"لتركتهم له", tentu akan aku serahkan tawanan itu kepadanya, tanpa tebusan.

**Fiqh Hadis**

1. Dibolehkan membebaskan tawanan tanpa tebusan.
2. Dibolehkan menerima bantuan orang besar, sekalipun dia bukan orang muslim apabila dia mempunyai wibawa yang bertujuan membantu kaum muslimin.
3. Dibolehkan menggunakan kalimat "seandainya" dalam percakapan.
4. Betapa pemaaf Rasulullah (s.a.w) di mana baginda membalas kebaikan dengan kebaikan.

١٢٦- وَعَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: أَصَبْنَا سَبَايَا يَوْمَ أَوْطَاسٍ لَهُنَّ أَزْوَاجٌ، فَتَحَرَّجُوا، فَأَنْزَلَ اللهُ تَعَالَى: "وَالْمُحْصَنَاتُ مِنَ النِّسَاءِ إِلَّا مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

126. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a), beliau berkata: "Kami pernah menangkap para tawanan wanita yang sudah bersuami pada waktu perang Awthas. Mereka merasa tidak nyaman dengan penangkapan itu lalu Allah menurunkan ayat berikut: "*Dan (diharamkan juga kamu berkahwin dengan) perempuan-perempuan isteri orang, kecuali hamba sahaya yang kamu miliki…*" (Surah al-Nisa': 24)." (Dikeluarkan oleh Muslim: 1313).

**Makna Hadis**

Ada riwayat yang menjelaskan maksud hadis ini bahawa ketika perang Hunain saat berada di Authas, Rasululah (s.a.w) pernah mengutus satu pasukan. Pasukan itu berjumpa dengan pasukan musuh dan terjadilah pertempuran hingga akhirnya ditawan kaum perempuan musuh itu. Namun, ada sebahagian kaum muslimin merasa tidak sampai hati untuk menggauli (menjimak) mereka layaknya seorang hamba, kerana mereka masih mempunyai suami. Lalu, turunlah ayat: "*Dan (diharamkan juga kamu berkahwin dengan) perempuan-perempuan isteri orang, kecuali hamba sahaya yang kamu miliki…*" (Surah al-Nisa': 24) Ini bermaksud wanita-wanita itu halal bagi kamu selagi iddah mereka sudah berakhir.

**Analisis Lafaz**

"سبايا", tawanan wanita yang telah menjadi ghanimah.

"فتحرجوا", yakni, mereka tidak sampai hati menjimak mereka, kerana wanita-wanita tersebut masih bersuami.

**Fiqh Hadis**

Dengan adanya penawanan, ikatan perkahwinan seorang tawanan dengan pasangannya menjadi putus. Wanita-wanita itu boleh dijimak setelah masa *istibra'* sudah selesai. Inilah ulama mazhab yang empat dan Ishaq, walaupun mereka masih mempunyai suami.

Namun ulama berbeza pendapat tentang sampai bilakah masa *istibra'* itu berakhir? Jumhur ulama berpendapat itu dilakukan setelah satu kali haid sedangkan bagi wanita hamil pula setelah melahirkan.

**Soalan Penting**

Apakah tawanan itu disyaratkan masuk Islam terlebih dahulu sebelum dijimak?

Menurut al-Syafi'i dan jumhur ulama, wanita tawanan selain Yahudi dan Nasrani tidak boleh dijimak, kecuali mereka sudah masuk Islam. Pendapat ini berlandaskan larangan al-Quràn daripada menikahi wanita musyrik.

Menurut Thawus pula wanita tawanan itu boleh dijimak setelah habis masa iddahnya, sekalipun mereka belum berislam, kerana tidak ada ayat dan hadis yang mensyaratkan tawanan wanita mesti masuk Islam.

Menurut riwayat yang dikeluarkan oleh al-Tirmizi daripada al-'Irbadh bin Sariah bahawa Rasulullah (s.a.w) mengharamkan menjimak tawanan wanita hingga mereka melahirkan.

Dalam kitab al-Sunan, ada hadis *marfu'* yang menegaskan:

لَا يَحِلُّ لِامرِىءٍ يُؤمِنُ بِاللهِ وَاليَومِ الآخِرِ أَن يَقَعَ عَلَى امرَأَةٍ مِنَ السَّبيِ حَتَّى يَستَبرِئَهَا.

"Seorang yang beriman kepada Allah dan hari kiamat tidak dibolehkan menjimak perempuan tawanan sebelum habis masa istibra'nya."

Dalam Musnad Imam Ahmad ada riwayat hadis yang berbunyi:

مَن كَانَ يُؤمِنُ بِاللهِ وَاليَومِ الآخِرِ فَلَا يَنكِحُ شَيئًا مِنَ السَّبَايَا حَتَّى تَحِيضَ حَيضَةً.

"Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari kiamat, maka janganlah menjimak wanita tawanan sampai dia menjalani satu kali haid."

Menurut Atha', hadis-hadis itu tidak mensyaratkan wanita itu masuk Islam terlebih dahulu dan di sinilah nyatalah keislaman tidak menjadi syarat bagi wanita tawanan untuk dijimak.

١٢٧- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: بَعَثَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَرِيَّةٍ وَأَنَا فِيهِمْ قِبَلَ نَجْدٍ فَغَنِمُوا إِبِلاً كَثِيرَةً، فَكَانَتْ سُهْمَانُهُمْ اثْنَيْ عَشَرَ بَعِيراً، وَنُفِّلُوا بَعِيراً بَعِيراً. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

127. Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah mengirim pasukan *sariyyah* menuju Najd dan aku bersama mereka. Setelah menang, mereka Berjaya memperoleh banyak unta sebagai harta ghanimah. Setiap orang mendapat bahagian dua belas ekor unta, sedangkan untuk tambahannya, setiap orang mendapatkan satu ekor unta. (Muttafaq 'alaih: 1314).

### Makna Hadis

Al-Bukhari membuat satu bab: Sebahagian dalil bahawa seperlima dibahagikan kepada panglima perang kaum muslimin ketika orang Hawazin meminta Rasulullah (s.a.w) memulangkan harta mereka dengan pertimbangan baginda pernah menyusu kepada salah seorang wanita suku mereka dan baginda meminta halal kepada kaum muslimin tentang masalh itu, kerana mereka tidak biasa menerima faye' dan harta lebihan yang dambil dari seperlima.

Hadis ini mengandungi dua pengertian. Pertama, membagikan harta *anfal* (tambahan) kepada tentera, kerana harta tambahan itu tidak hanya diperuntukkan kepada Rasulullah (s.a.w). Kedua, pembahagian harta tambahan itu diambil dari seperlima.

### Analisis Lafaz

"سرية", *sariyyah* adalah satu pasukan yang dikirim untuk berperang tanpa disertai Rasulullah (s.a.w). Tidak dibatasi seberapa ramai jumlah pasukan perang ini. Pasukan ini berangkat pada waktu malam hari menurut jumhur ulama, manakala pasukan yang berangkat untuk berperang pada waktu siang hari pula disebut *saariyah*.

"قبل", ke arah.

"سهمانهم", bahagian mereka.

"نفّلوا", mereka mendapatkan bahagian sebagai tambahan daripada bahagian asal. Ulama berbeza pendapat tentang siapa yang mesti membahagi harta itu. Muslim meriwayatkan daripada al-Laits bin Sa'ad daripada Nafi' daripada Ibn 'Umar bahawa orang yang berhak membahagi harta tambahan ini adalah panglima tentera, iaitu Abu Qatadah sedangkan riwayat Abu Daud pula pemimpin kami membahagi unta itu satu-persatu. Lalu, kami menjumpai Rasulullah (s.a.w) dan baginda membahagi harta itu kepada kami…

Menurut hadis yang diriwayatkan oleh Muslim bahawa Rasulullah (s.a.w) membahagi kepada setiap seorang daripada kami seekor unta. Menurut al-Nawawi, orang yang membahagi harta tambahan itu kepada pasukan tentara adalah Rasulullah (s.a.w), kerana baginda yang menetapkan hukum itu.

### Fiqh Hadis

1. Dibolehkan membahagi harta tambahan (*anfal*) kepada tentera mengikut pendapat jumhur ulama. Menurut Malik pula jika pimpinan membuat syarat, maka hukum membahagikan itu dimakruhkan seperti syarat yang menetapkan: "Barangsiapa dapat melakukan ini dan itu, maka dia akan mendapatkan ini dan itu." Demikian pula jika perang itu dilakukan untuk memperoleh tujuan duniawi. Akan tetapi, pendapat ini ditolak

oleh sabda Rasulullah (s.a.w): "Barangsiapa yang membunuh musuh, maka dia berhak mengambil barang yang ada pada musun itu." Selagi niat seseorang dalam berperang adalah untuk menegakkan kalimah Allah, mengapa dia tidak boleh meminta bahagian tambahan? Ada beberapa ulama yang berpendapat bahawa orang yang dibolehkan membahagikan harta itu adalah Rasulullah (s.a.w). Selain baginda, tidak seorang pun yang berhak membahagikannya sepertimana hadis yang diriwayatkan oleh Amr bin Syu'aib yang menjelaskan tentang hal ini.

2. Pasukan tentera yang apabila berjaya memenangi peperangan, maka harta ghanimah hanya dibahagikan kepada mereka. Menurut Ibn Abdul Barr, pendapat ini merupakan ijma' ulama, tetapi menurut al-Nakha'i, pembahagian harta ini boleh dilakukan jika perang yang dihadapi oleh pasukan sariyyah.

**Soalan Penting**

Apakah pembahagian harta tambahan itu diambil daripada ghaanimah atau dari seperlima atau dari seperlima dari seperlima atau ada hitungan lain lagi selari dengan perbezaan pendapat ulama? Imam al-Syafi'i bersetuju dengan tiga cara pembahagian di atas, namun pendapat yang paling sahih menurut al-Syafi'i adalah seperlima dari seperlima. Pendapat ini dinukil daripada Malik, tetapi hadis yang kita bahas ini menolak pendapat ini yang mengatakn seperlima dari seperlima. Bukankah seeekor unta melebihi seperlima dari seperlima?

Al-Auza'i, Imam Ahmad dan Abu Tsaur berpendapat harta tambahan itu diambil dari harta ghanimah. Malik pula berpendapat harta tambahan itu diambil dari seperlima. Pendapat ini disokong oleh hadis riwayat 'Amr bin Syu'aib daripada bapanya daripada datuknya dengan sanad yang hasan di mana Rasulullah (s.a.w) berabda:

مَالِي مِمَّا أَفَاءَ اللهُ عَلَيكُم سِوَى الخُمُسِ وَهُوَ مَردُودٌ عَلَيكُم.

"Harta faye yang aku ambil hanya seperlima dan itu pun dikembalikan lagi kepada kamu." (Diriwayatkan oleh oleh Malik, al-Nasa'i dan lain-lain) Jadi, hadis ini menegaskan bahagian yang berada di luar seperlima mestilah dibelanjakan untuk keperluan perang.

١٢٨- وَعَنْهُ قَالَ: قَسَمَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ خَيْبَرَ لِلْفَرَسِ سَهْمَيْنِ، وَلِلرَّاجِلِ سَهْمًا. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ.

128. Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: "Pada hari ketika perang Khaibar, Rasululah (s.a.w) membahagikan dua bahagian untuk kuda dan satu bahagian untuk pejalan kaki. (Muttafaq 'alaih dan lafaznya diambil dari dalam Sahih al-Bukhari: 1315).

١٢٩- وَلِأَبِي دَاوُدَ: أَسْهَمَ لِرَجُلٍ وَلِفَرَسِهِ ثَلَاثَةَ أَسْهُمٍ: سَهْمَيْنِ لِفَرَسِهِ، وَسَهْماً لَهُ.

129. Ada riwayat Abu Dawud yang menyebutkan: "Rasulullah (s.a.w) membahagikan untuk seekor kuda dan satu orang tentera sebanyak tiga bahagian: dua bahagian untuk kuda dan satu bahagian untuk penunggangnya.": 1316

**Makna Hadis**

Kadang kala pertempuran itu terdiri daripada dua pasukan: pasukan berkuda dan pasukan pejalan kaki. Bahagian yang mereka peroleh juga tentu berbeza. Bahagian pasukan berkuda tidak sama dengan bahagian yang diperoleh pejalan kaki. Ini bagi memastikan penunggang kuda tidak merasa dirugikan dan tidak ada kecemburuan antara sesama muslim, di samping pembahagian seperti ini dilakukan supaya penunggang kuda bertambah semangat, kerana berperang yang terdiri daripad pasukan berkuda merupakan salah satu kunci kemenangan, seperti mana firman Allah (s.w.t):

وَأَعِدُّواْ لَهُم مَّا ٱسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ وَمِن رِّبَاطِ ٱلْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِۦ عَدُوَّ ٱللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَءَاخَرِينَ مِن دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ ٱللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ۚ وَمَا تُنفِقُواْ مِن شَيْءٍ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿٦٠﴾

"*Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya.*" (Surah al-Anfal: 60)

**Analisis Lafaz**

"للرجل ولفرسه", yakni, satu orang tentera bersama kudanya.

**Fiqh Hadis**

Penunggang kuda mendapat bahagian harta ghanimah sebanyak tiga bahagian; satu bahagian untuk dirinya, dua bahagian untuk kudanya. Inilah pendapat Malik, al-Syafi'i, Imam Ahmad dan jumhur ulama.

Abu Hanifah berpendapat bahawa untuk kuda memperoleh satu bahagian dan untk penunggangnya satu bahagian. Abu Hanifah berdalil dengan hadis yang riwayatnya *syadz*, berbeza dengan hadis yang diriwayatkan dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim. Abu Hanifah berkomentar ke atas hadis-hadis tersebut: "Saya tidak mahu melebihkan pemberian terhadp haiwan berbanding seorang muslim." Pendapat Abu Hanifah ini disanggah di mana jika bahagian haiwan lebih banyak, bukankah anda menganggap darjat haiwan sama dengan manusia? Dua bahagian itu sebetulnya diberikan kepada pemilik kuda itu.

Ibn Hazm berkata: "Saya tidak menyukai haiwan dilebihkan daripada seorang muslim. Dalam masalah diyat pembunuhan, anjing juga dilebihkan ke atas manusia." Ibn Hazm menambahkan: "Andaikata ada anjing penjaga yang membunuh manusia dan diyat yang mesti dibayar ternyata melebihi diyat manusia, maka hukumnya dibolehkan."

١٣٠- وَعَنْ مَعْنِ بْنِ يَزِيدَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "لَا نَفْلَ إِلَّا بَعْدَ الْخُمُسِ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ، وَصَحَّحَهُ الطَّحَاوِيُّ.

130. Daripada Ma'an bin Yazid (r.a), beliau berkata: "Saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Harta tambahan tidak boleh dibahagikan kecuali setelah harta ghanimah sudah dibahagi menjadi lima. (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Dawud serta dinilai sahih oleh al-Thahawi: 1317)

**Makna Hadis**

Sebelum ini disebutkan hadis riwayat Ibn Umar yang membolehkan pembahagian harta tambahan (*anfal*). Kini tinggal lagi beberapa soalan yang memerlukan jawapan: berapakah ukuran apa jenisnya harta tambahan itu sama ada emas ataupun perak? Abu Dawud membuat satu bab: harta *na* (harta tambahan) berupa emas dan perak dan siapa orang pertama yang mendapat harta ghanimah. Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dawud daripada Abu al-Juwairiyah, beliau berkata: "Di negeri Rom, saya pernah menjumpai satu kantong berwarna merah. Di dalamnya terdapat banyak wang dinar dan itu terjadi era pemerintahan Mu'awiah. Bersama kami ada seorang sahabat Rasulullah (s.a.w) dari bani Sulaim bernama Ma'an bin Yazid. Lalu, dinar itu aku bawa ke hadapannya. Dinar itu dia bahagikan kepada kaum muslimin. Dia juga membahagikan kepadaku dengan bahagian yang sama dengan mereka. Ma'an berkata: "Andaikan Rasulullah tidak bersabda: "Harta tambahan tidak boleh dibahagikan kecuali setelah semuanya menerima seperlima, nescaya aku memberimu bahagian." Dia menawarkan kepadaku bahagian yang ada padanya, namun saya tidak mahu menerimanya."

**Analisis Lafaz**

"لا نفل إلا بعد الخمس", harta *anfal* (tambahan) tidak boleh dibahagikan melainkan setelah harta ghanimah sudah dibahagi kepada lima bahagian. Menurut al-Shan'ani, maksud hadis ini adalah sebelum membahagikan harta tambahan tersebut terlebih dahulu ghanimah hendaklah dibahagi kepada lima bahagian. Menurut penulis kitab Fath al-Wadud, maksud hadis ini ialah harta tambahan itu diambil daripada harta ghanimah, kerana harta ghanimah itulah bahagian yang sudah dibahagi kepada lima bahagian. Inilah harta yang diperoleh Abu al-Juwairiah. Harta itu bukan ghanimah dan oleh kerananya, tidak dibahagikan sebagai harta tambahan.

Syekh Abdul Haq al-Dahlawi turut mengemukakan pendapat yang serupa dan demikian pula al-Qadhi 'Iyadh. Inilah pendapat yang benar, kerana selari dengan konteks hadis, manakala pendapat al-Shan'ani yang mengatakan harta tambahan itu diambil dari harta ghanimah masih diperdebatkan di samping tidak selari dengan isi kandungan hadis. Jadi, apa yang dikemukakannya itu tidak betul.

**Fiqh Hadis**

Harta tambahan itu boleh berupa emas atau perak seperti mana yang dikemukakan oleh Abu Dawud dalam bab khusus tentang masalh ini. Ini merupakan pendapat jumhur ulama selain al-Auza'i. Jumhur ulama berpandangan dmeikian berdasarkan hadis yang di dalamnya Ma'an berkata: "Andaikan Rasulullah (s.a.w) tidak bersabda: "Harta tambahan tidak boleh dibahagikan melainkan setelah semuanya sudah menerima seperlima, nescaya aku memberi bahagian kepadamu." Jadi faktor yang menyebabkan harta tambahan itu tidak boleh dibahagi kerana ia bukan harta ghanimah. Jika itu harta ghanimah, tentu ia sudah dibahagi dan harta yang ada dalam bakul itu adalah emas atau perak. Beginilah penjelasan Abu Dawud, namun pandangan ini ditolak oleh al-Shan'ani.

١٣١- وَعَنْ حَبِيبِ بْنِ مَسْلَمَةٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: شَهِدْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَفَّلَ الرُّبْعَ فِي الْبَدْأَةِ، وَالثُّلُثَ فِي الرَّجْعَةِ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَصَحَّحَهُ ابْنُ الْجَارُودِ وَابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ.

131. Daripada Hubaib bin Maslamah (r.a), beliau berkata: "Saya pernah menyaksikan Rasulullah (s.a.w) membahagikan harta tambahan pada permulaan perang sebanyak seperempat dan pada akhir perang sebanyak sepertiga." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan dinilai sahih oleh Ibn al-Jarud, Ibn Hibban dan al-Hakim: 1318).

## Makna Hadis

Ulama fiqh berbeza-beza dalam memahami hadis ini. Pendapat yang paling masyhur dikemukakan oleh Ibn al-Atsir bahawa apa yang dimaksudkan dengan *bad'ah* dalam hadis ini adalah waktu permulaan pertempuran dan apa yang dimaksudkan dengan *raj'ah* adalah waktu akhir pertempuran. Dengan erti kata lain, Rasulullah (s.a.w) apabila mengutus satu pasukan tentera untuk berperang dan telah bersiap sedia untuk menyerang, baginda menetapkan bahagian harta tambahan sebanyak seperempat daripada harta ghanimah. Jika pasukan itu sudah pulang, baginda membahagikan harta itu sebanyak sepertiga. Ini kerana kali kedua ini lebih melelahkan dan risikonya pun lebih besar. Ketika pergi menyerang musuh, tentera itu bersemangat, namun jika sudah selesai berperang, tentu mereka kelelahan dan semangat pun sudah luntur. Selain itu, rasa rindu mereka terhadap negeri sendiri terlalu besar. Jadi wajar ketika pulang dari peperangan, mereka mendapat bahagian lebih banyak berbanding kali yang pertama ketika hendak berangkat.

Ketetapan ini berlaku jika harta tambahan itu diambil daripada harta ghanimah di mana seperempat dan sepertiga itu diambil daripada harta ghanimah dan dibahagi kepada pasukan yang dikirim untuk berperang sedangkan bakinya diagihkan kepada seluruh tentera lain yang tidak turut serta dalam peperangan.

Namun, ada satu riwayat yang mengatakan Rasulullah (s.a.w) membahagikan harta tambahan itu sebanyak seperempat setelah membahagikan seperlima dan membahagikan sebanyak sepertiga setelah diambil seperlima. Masalah ini dibahas oleh Abu Dawud dalam bab tersendiri. Menurut Abu Dawud pula seperlima itu dibahagikan sebelum membahagi harta tambahan.

Menurut al-Khatthabi pula maksud hadis ini adalah Rasulullah (s.a.w) membahagi kepada mereka seperempat atau sepertiga setelah membahagi harta ghanimah menjadi lima bahagian. Jadi, seolah-olah baginda sudah melakukan dua cara pembahagian ini.

## Analisis Lafaz

"نفّل", membahagi harta *anfal* (tambahan).

"البدأة", awal pertempuran, bukan ketika pasukan mahu berangkat dari rumah.

"الرجعة" selesai dari pertempuran.

## Fiqh Hadis

Dalam membagikan harta tambahan, Rasulullah (s.a.w) tidak pernah membahagikan kepada mereka melebihi sepertiga. Atas dasar inilah Makhul

dan al-Awza'i berpendapat seorang pemimpin tidak boleh membagikan harta tambahan melebihi sepertiga.

Menurut al-Syafi'i, pembahagian harta tambahan tidak perlu dibatasi. Hadis di atas tidak bermaksud melarang harta itu dibahagi lebih daripada sepertiga. Imam al-Syafi'i berdalil dengan firman Allah (s.w.t):

يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْأَنفَالِ ۖ قُلِ ٱلْأَنفَالُ لِلَّهِ وَٱلرَّسُولِ ۖ ..... ﴿١﴾

"*Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang harta rampasan perang. Katakanlah: "Harta rampasan perang itu (terserah) bagi Allah dan bagi RasulNya (untuk menentukan pembahagiannya)…*" (Surah al-Anfal: 1). Jadi, urusan pembahagian itu diserahkan kepada kebijaksanaan pemimpin. Namun di sini ada soalan penting: "Dari manakah harta tambahan itu diambil; dari harta ghanimah atau dari seperlima?" Hadis ini tidak ada memberi jawapan dalam masalah ini.

١٣٢- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُنَفِّلُ بَعْضَ مَنْ يَبْعَثُ مِنَ السَّرَايَا لِأَنْفُسِهِمْ خَاصَّةً، سِوَى قَسْمِ عَامَّةِ الْجَيْشِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

132. Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah membahagikan harta tambahan secara khusus kepada beberapa orang tentera yang dikirim untuk berperang dan bahagian itu di luar bahagian wajib yang mesti diterima oleh seluruh tentera." (Muttafaq 'alaih: 1319).

**Makna Hadis**

Seorang pemimpin dibolehkan menetapkan satu dasar selagi mendatangkan kemaslahatan bagi kaum muslimin. Dia boleh membahagi harta tambahan itu kepada sesiapa sahaja yang menurutnya layak menerimanya. Namun Ibn Daqiq al-'Id berkata: "Hadis ini menjelaskan betapa penting ikhlas dalam beramal. Untuk memahaminya diperlukan ketajaman fikiran yang tajam. Ini kerana pembahagian harta tambahan itu dilakukan untuk menambah semangat dalam beramal di samping menaikkan lagi keberanian melawan segala rintangan ketika berperang. Imbalan untuk menerima harta tambahn seperti ini pada hakekatnya tidak merosakkan keikhlasan seseorang bertempur di medan perang, kerana sayambara itu merupakan keputusan Rasulullah (s.a.w). Jadi, hadis ini menunjukkan bahawa tujuan sampingan selain menegakkan kalimah Allah tidaklah merosakkan keikhlasan seseorang dalam berperang atau ibadah-ibadah yang lain. Akan tetapi peraturan yang ditentukan atau perbezaan pembahagian, inilah kadang kala mengganggu keikhlasan tersebut."

Bagi pensyarah kitab ini, inilah yang membuat kami sering mengulangi pendapat Imam Malik yang memakruhkan seorang pemimpin mensyaratkan

harta itu dibahagikan.

**Analisis Lafaz**

"سوى قسمة عامة الجيش", di luar bahagian wajib yang mesti diterima oleh seluruh tentra. Muslim menambahkan: "seperlima wajib dibahagikan terlebih dahulu sebelum membahagi harta tambahn tambahan itu."

**Fiqh Hadis**

Dibolehkan membahagi harta tambahan itu kepada pasukan tertentu tanpa melibatkan seluruh pasukan. Inilah pendapat Ibn Hajar dalam kitab Fath al-Bari, walaupun kalimat dalam hadis ini masih bersifat umum. Dengan erti kata lain, ada kemungkinan harta itu dibahagikan kepada pasukan tertentu atau orang tertentu yang ada dalam pasukan itu. Pendapat Ibn Hajar ini lebih beralasan, kerana jika hadis itu menginginkan maksud yang lain, tentu kalimatnya berbunyi: "Rasulullah (s.a.w) membahagikan harta tambahan kepada sebahagian pasukan sahaja.

١٣٣- وَعَنْهُ قَالَ: كُنَّا نُصِيبُ فِي مَغَازِينَا الْعَسَلَ وَالْعِنَبَ، فَنَأْكُلُهُ وَلَا نَرْفَعُهُ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ. وَلِأَبِي دَاوُدَ: فَلَمْ يُؤْخَذْ مِنْهُمْ الْخُمُسُ. وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

133. Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: "Dalam suatu peperangan, kami berjaya mendapatkan madu dan anggur. Madu dan anggur itu kami makan dan kami tidak melaporkanya." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari sedangkan riwayat Abu Dawud berbunyi: "Madu dan anggur itu tidak dimasukkan ke dalam ketentuan seperlima. Hadis ini dinilai sahih oleh Ibn Hibban: 1320).

**Makna Hadis**

Apa-apa yang dijumpai oleh tentera seperti makanan atau lain-lain seumpamanya hukumnya boleh dimakan dan makanan itu tidak dimasukkan ke dalam ghanimah dan tidak pula termasuk ke dalam bahagian seperlima. Memakan makanan itu tidak ada salahnya.

**Analisis Lafaz**

"نصيب", kami mendapatkan.

"نرفعه", menurut Ibn Hajar, maksudnya ialah kami tidak membawanya untuk disimpan atau kami tidak melaporkanya kepada pengurus ghanimah atau kepada Rasulullah (s.a.w) dan kami tidak minta izin kepada baginda.

**Fiqh Hadis**

Dibolehkan bagi setiap tentera memakan makanan yang biasa dimakan oleh orang lain kebanyakan dan demikian pula makanan yang biasa dimakan oleh haiwan mengikut pendapat jumhur ulama. Makanan itu boleh diambil sama ada sebelum atau setelah harta ghanimah dibahagikan, meminta izin ataupun tidak meminta izin pemimpin. Selain hadis di atas, mereka juga berdalil dengan hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Ibn Mughaffal, beliau berkata: "Saya menjumpai sebakul mentega sewaktu perang Khaibar." Saya berkata dalam hati: "Saya tidak ingin membahagikan makanan ini kepada sesiapa pun." Setelah saya menoleh ke belakang, tiba-tiba ada Rasulullah (s.a.w). Mendengar kata-kata saya itu, baginda hanya tersenyum.

Ada yang mengatakan hadis ini termasuk hadis yang melarang seseorang untuk tidak berbuat khianat terhadap harta ghanimah. Al-Awza'i mengemukakan syarat bahawa apa-apa barangan yang diperoleh sewaktu berperang apabila sudah selesai digunakan hendaklah dipulangkan dan hanya untuk tujuan berperang. Pendapat ini turut dikemukakan oleh al-Zuhri dan Sulaiman bin Musa yang berpegang dengan hadis Ruwaifi' bin Tsabit secara *marfu'*:

مَن كَانَ يُؤمِنُ بِاللهِ وَاليَومِ الآخِرِ فَلَا يَأخُذ دَابَّةً مِنَ المَغنَم فَيَركَبُهَا حَتَّى إِذَا أعجَفَهَا رَدَّهَا إِلَى المَغَانِمِ.

"Barangsiapa beriman kepada Allah dan hari kiamat lalu mengambil haiwan tunggangan yang ada pada harta ghanimah dan menggunakannya hingga haiwan itu puas digunaka, maka pulangkan haiwan itu kepada pengurus ghanimah." (Hadis hasan).

Pendapat ini ditentang dengan mengatakan bahawa hadis tersebut menyangkut seseorang yang tidak memerlukan lagi harta ghanimah. Namun bagaimana pula jika barang itu dalam bentuk makanan yang apabila dimakan tidak ada lagi sisanya? Inilah yang akan dibahas berikut ini.

١٣٤- وَعَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ أَبِي أَوْفَى رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: أَصَبْنَا طَعَاماً يَوْمَ خَيْبَرَ، فَكَانَ الرَّجُلُ يَجِيءُ، فَيَأْخُذُ مِنْهُ مِقْدَارَ مَا يَكْفِيهِ، ثُمَّ يَنْصَرِفُ. أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَصَحَّحَهُ ابْنُ الْجَارُودِ وَالْحَاكِمُ.

134. Daripada Abdullah bin Abu Aufa (r.a), beliau berkata: "Kami pernah mendapatkan makanan ketika perang Khaibar. Lalu ada seorang lelaki datang dan mengambil makanan itu secukup keperluannya. Lalu, dia pun pergi." (Diriwayatkan oleh oleh Abu Dawud dan dinilai sahih oleh Ibn al-Jarud dan al-Hakim: 1321).

١٣٥- وَعَنْ رُوَيْفِعِ بْنِ ثَابِتٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَا يَرْكَبُ دَابَّةً مِنْ فَيْءِ الْمُسْلِمِينَ، حَتَّى إِذَا أَعْجَفَهَا رَدَّهَا فِيهِ، وَلَا يَلْبَسُ ثَوْباً مِنْ فَيْءِ الْمُسْلِمِينَ حَتَّى إِذَا أَخْلَقَهُ رَدَّهُ فِيهِ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَالدَّارِمِيُّ وَرِجَالُهُ لَا بَأْسَ بِهِمْ.

135. Daripada Ruwaifi' bin Tsabit (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barangsiapa beriman kepada Allah dan hari kiamat, maka janganlah mengenderai haiwan tunggangan yang merupakan harta faye' milik umat Islam di mana ketika haiwan tunggangan itu sudah teruk, dia pun memulangkannya. Janganlah kamu memakai pakaian yang merupakan harta faye' milik umat Islam di mana ketika sudah buruk, dia pun baru memulangkan pakaian itu. (Diriwayatkan oleh Abu Dawud, al-Darimi dan para perawinya tidak ada masalah: 1322).

**Makna Hadis**

Abu Dawud membuat satu bab: seorang lelaki yang mengambil manfaat dari harta ghanimah. Hadis ini mengharuskan seorang tentera mengambil manfaat dari harta ghanimah dengan syarat barang itu tidak sampai rosak jika ia berbentuk peralatan perang atau haiwan tunggangan. Jika barang itu berupa makanan, maka itu boleh makan dan tidak perlu dipulangkan semula.

**Analisis Lafaz**

"فىء المسلمين" harta faye' umat Islam dan termasuk pula harta ghanimah. Jika ketentuan itu berlaku untuk harta faye', maka demikian pula terhadap harta ghanimah.

"أعجفها", penat, lemah.

"ردّها فيه", ia hendaklah dikembalikan kepada asalanya sebagai harta faye'.

"أخلقه", membuat pakain itu lusuh, berbau dan lain sebagainya.

**Fiqh Hadis**

Dibolehkan menunggang haiwan dan memakai pakaian yang keduanya merupakan harta faye'. Apa yang dilarang oleh hadis ini adalah merosakannya. Menurut al-Khatthabi, pedang dan haiwan tunggangan hukumnya boleh diguna

pakai dan ulama tidak berbeza pendapat dalam masalah ini. Jika perang sudah selesai, barang itu wajib dipulangkan kepada kedudukan asalnya sebagai harta ghanimah. Pakaian dan peralatan yang lain tidak boleh diguna pakai jika tidak diperlukan. Jika diperlukan dan kemudian dipakai, maka setelah perang itu selesai hendaklah barang itu dipulangkan.

Al-Awza'i mensyaratkan bahawa memakai barang itu mestilah terlebih dahulu meminta kebenaran pemimpin sedangkan pakaian pula menurut al-Awza'i juga dilarang untuk dipakai melainkan dia takut mati jika tidak memakainya seperti cuaca yang terlampau sejuk.

١٣٦- وَعَنْ أَبِي عُبَيْدَةَ بْنِ الْجَرَّاحِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "يُجِيرُ عَلَى الْمُسْلِمِينَ بَعْضُهُمْ". أَخْرَجَهُ ابْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَأَحْمَدُ وَفِي إِسْنَادِهِ ضَعْفٌ.

136. Daripada Abu 'Ubaidah bin al-Jarrah (r.a), beliau berkata: "Aku pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Umat Islam hendaklah saling melindungi antara satu sama lain." (Diriwayatkan oleh Ibn Abu Syaibah dan Imam Ahmad, namun sanadnya dha'if: 1323).

١٣٧- وَلِلطَّيَالِسِيِّ مِنْ حَدِيثِ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ: "يُجِيرُ عَلَى الْمُسْلِمِينَ أَدْنَاهُمْ".

137. Al-Thayalisi turut meriwayatkan hadis ini daripada 'Amr bin al-'Aash: "Umat Islam hendaklah saling melindungi khususnya mereka yang lebih rendah kedudukannya.": 1324.

١٣٨- وَفِي "الصَّحِيحَيْنِ" عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "ذِمَّةُ الْمُسْلِمِينَ وَاحِدَةٌ يَسْعَى بِهَا أَدْنَاهُمْ". زَادَ ابْنُ مَاجَه مِنْ وَجْهٍ آخَرَ: "يُجِيرُ عَلَيْهِمْ أَقْصَاهُمْ".

138. Dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim daripada Ali (r.a), beliau berkat: "Jaminan keamanan umat Islam hanya satu, di mana setiap muslim hendaklah memberi jamina keselamatan kepada muslim yang lebih rendah kedudukannya." Ibn Majah menambahkan dari riwayat yang lain: "saling melindungi di antara sesama mereka khususnya yang lebih jauh tempat tinggalnya.": 1325.

١٣٩- وَفِي "الصَّحِيحَيْنِ" مِنْ حَدِيثٍ أُمِّ هَانِئٍ: قَدْ أَجَرْنَا مَنْ أَجَرْتِ".

139. Dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim ada hadis yang diriwayatkan daripada Ummu Hani: "Kami melindungi orang yang engkau lindungi.": 1326.

**Makna Hadis**

Setiap muslim, lelaki atau perempuan, merdeka atau hamba, diberi kebenaran atau sebaliliknya, dibolehkan menjamin keselamatan dan keamanan terhadap orang kafir dan umat Islam wajib menghormati penjanjian itu. Mereka tidak boleh mengganggu keamanan orang kafir tersebut, kerana jaminan umat Islam hanya satu di mana tidak ada dua dasar yang berbeza antara satu sama lain.

Ada ulama yang tidak membolehkan untuk memberi jaminan keamaan itu kepada perempuan, tetapi hadis Ummu Hani yang dikemukakan oleh Ibn Hajar sudah memadai menyanggah pendapat ini.

١٤٠- وَعَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "لَأُخْرِجَنَّ الْيَهُودَ وَالنَّصَارَى مِنْ جَزِيرَةِ الْعَرَبِ، حَتَّى لَا أَدَعَ إِلَّا مُسْلِماً". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

140. Daripada Umar (r.a) bahawa beliau pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Aku benar-benar akan mengeluarkan Yahudi dan Nasrani dari semenanjung Arab ini agar tidak ada lagi yang tinggal di sini kecuali orang Islam. (Diriwayatkan oleh Muslim: 1327).

**Makna Hadis**

Allah (s.w.t) menyucikan Baitullah dan menyuruh Nabi Ibrahim dan anaknya Nabi Ismail untuk turut menyucikannya. Allah (s.w.t) berfirman:

..... أَن طَهِّرَا بَيْتِيَ لِلطَّآئِفِينَ وَٱلْعَٰكِفِينَ وَٱلرُّكَّعِ ٱلسُّجُودِ ﴿١٢٥﴾

"*...Dan Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (dengan berfirman): "Bersihkanlah Rumahku (Kaabah dan Masjid al-Haraam dari segala perkara yang dilarang) untuk orang-orang yang bertawaf, dan orang-orang yang beriktikaf (yang tetap tinggal padanya), dan orang-orang yang rukuk dan sujud".*" (Surah al-Baqarah: 125) Selain itu, Allah (s.w.t) juga menyucikan tanah sekitar Baitullah itu dan menjadikannya tanah haram yang aman. Allah telah menentukan waktu tertentu supaya umat Islam melaksanakn ibadah haji. Rasulullah (s.a.w) kemudian menilai suci semenanjung Arab seperti mana sabdanya:

إِنَّ الشَّيطَانَ قَد يَئِسَ أَن يُعبَدَ فِي أَرضِكُم.

"Sesungguhnya syaitan sudah berputus asa untuk disembah di bumi kamu." Ini kerana orang yang menyembah syaitan tentu kafir dan musyrik dan Allah (s.w.t) berfirman:

..... إِنَّمَا ٱلۡمُشۡرِكُونَ نَجَسٞ ..... ﴿٢٨﴾

"*...Sesungguhnya (kepercayaan) orang-orang kafir musyrik itu najis, ...*" (Surah al-Taubah: 28). Suci dan najis tidak boleh disatukan. Oleh itu, Rasulullah (s.a.w) menyuruh orang Yahudi dan Nasrani dikeluakan dari semenanjung Arab supaya tidak lagi yang tinggal di dalamnya selain orang Islam.

**Analisis Lafaz**

"اليهود والنصارى", yakni orang Yahudi dan orang Nasrani. Tidak hanya mereka yang mesti dihalau dari semenanjung Arab termasuk orang musyrik juga wajib dihalau. Sabda baginda: "supaya tidak ada lagi yang tinggal di dalamnya selain orang Islam menunjukkan orang musyrik pun wajib dikeluarkan dari semenanjung Arab. Ada hadis Ibn Abbas yang menceritakan ketika hendak wafat, Rasulullah (s.a.w) mewasiatkan tiga perkara yang antara lain: "Keluarkanlah orang musyrik dari semenanjung Arab." Malik juga meriwayatkan satu hadis daripada Ibn Syihab secara mursal:

لَا يَجْتَمِعُ دِينَانِ فِي جَزِيرَةِ الْعَرَبِ.

"*Di semenanjung Arab ini, tidak boleh berkumpul dua agama yang berbeza*."

"جزيرة العرب", semenanjung Arab meliputi kawasan yang bersempadan dengan laut India, laut negeri Syam, kawasan sekitar sungai Dajlah dan Furat. Berdasarkan bujur (timur-barat), semenanjung Arab meliputi 'Adan hingga ke negeri Syam, sedangkan berdasarkan lintang (utara-selatan), semenanjung Arab meliputi kota Jeddah hingga ke perkampungan Iraw. Inilah peta yang digambarkan oleh seorang pakar goegrafi bernama al-Ashmu'i. Diberi nama semenanjung Arab, kerana kawasan tersebut dikelilingi lautan India, laut merah, teluk Parsi dan luat Habsyah. Menurut al-Mugirah bin Abdurrahman dan Malik, apa yang dimaksudkan dengan semenanjung Arab adalah wilayah yang meliputi Makkah, Madinah, Yamamah dan Yaman.

**Fiqh Hadis**

Diwajibkan mengeluakan orang bukan dari negeri Arab. Menurut jumhur ulama, Yaman tidak termasuk negeri Arab, kerana ada hadis yang diriwayatkan oleh Abu Ubaidah bahawa ada perintah Rasulullah (s.a.w) yang menyuruh untuk mengusir orang kafir dari negeri Hijaz sedangkan Hijaz merupakan bahagian daripada negeri Arab dan Yaman tidak termasuk negeri Hijaz.

Imam al-Syafi'i berkata: "Saya belum pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) atau khalifahnya mengusir orang kafir itu dari negeri Yaman. Dengan demikian, seolah-olah ini menjadi *ijma' sukuti* bahawa Yaman tidak termasuk negeri Arab.

Pendapat ini ditolak oleh al-Shan'ani dengan berkata: "Hadis ini tidak boleh dijadikan dalil, kerana mengikut kaedah usul fiqh, hukum yang bersifat umum yang dikenakan ke atas satu individu dari sekian orang yang mesti dikenakan hukum itu tidak dapat dikatakan sebagai pengkhususan hukum. Hukum itu tetap berada dalam bentuknya sebagai hukum yang bersifat umum. Nah, Rasulullah (s.a.w) tidak mengusir mereka dari negeri Yaman tidak boleh dijadikan dalil bahawa Yaman bukan negeri Arab. Alasan tidak mengusir itu mengandungi banyak kemungkinan dan ini tidak bererti Yaman tidak termasuk negeri Arab. Abu Bakar ketika dilantik sebagai khalifah tidak pernah mengusir mereka dari negeri Hijaz, padahal semestinya orang kafir itu wajib diusir. Abu Bakar tidak mengusir mereka kerana beliau sibuk dengan urusan jihad untuk memerangi orang murtad. Jadi, ini tidak dapat dijadikan dalil bahawa orang kafir tidak diusir. Pada era pemerintahan Umar (r.a), orang kafir itu pun diusir dari negeri Arab.

**Soalan Penting**

Bolehkah seorang musyrik semenanjung Arab seperti melancong misalnya?

- Menurut Imam Malik, orang musyrik boleh memasuki semenanjung Arab dengan tujuan berniaga.
- Menurut Imam al-Syafi'i, orang musyrik tidak boleh memasuki semenanjung Arab melainkan setelah mendapat kebenaran pemerintah dan lawatan itu mesti mendatangkan kemaslahatan bagi kaum muslimin.
- Menurut al-Nawawi pula orang kafir tidak dilarang keluar masuk negeri Hijaz, namun mereka tidak boleh bermukim di dalamnya melebihi waktu tiga hari. Apapun, Imam al-Syafi'i berpendapat orang kafir tidak dibolehkan memasuki negeri Hijaz melainkan setelah mendapat izin khusus dan itu pun mesti mendatangkan kemaslahatan bagi kaum muslimin. Jika mereka masuk secara diam-diam, maka mereka wajib dikeluarkan. Jika mereka mati ketika berada di semenanjung Arab, maka jenazah mereka wajib dibongkar selagi jasadnya berubah berbau busuk dan lain-lain sebagainya.

١٤١- وَعَنْهُ قَالَ: كَانَتْ أَمْوَالُ بَنِي النَّضِيرِ مِمَّا أَفَاءَ اللهُ عَلَى رَسُولِهِ مِمَّا لَمْ يُوجِفْ عَلَيْهِ الْمُسْلِمُونَ بِخَيْلٍ وَلَا رِكَابٍ، فَكَانَتْ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَاصَّةً، فَكَانَ يُنْفِقُ عَلَى أَهْلِهِ نَفَقَةَ سَنَةٍ، وَمَا بَقِيَ يَجْعَلُهُ فِي الْكُرَاعِ وَالسِّلَاحِ عُدَّةً فِي سَبِيلِ اللهِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

141. Daripada Umar (r.a), beliau berkata: "Harta bani al-Nadhir yang sudah diberikan oleh Allah kepada Rasul-Nya dianggap sebagai harta faye' di mana kaum muslimin tidak pernah menunggang kuda atau haiwan tunggangan lain untuk memperolehinya. Harta itu khusus milik Rasulullah (s.a.w). Harta itu baginda belanjakan untuk keperluan keluarganya selama setahun. Bakinya baginda gunakan untuk membeli kuda dan senjata sebagai persedian berperang di jalan Allah. (Muttafaq 'alaih: 1328).

**Makna Hadis**

Bani al-Nadhir merupakan kabilah besar orang Yahudi. Rasulullah (s.a.w) telah mematerai perjanjian dengan mereka untuk tidak saling berperang antar sesama mereka dan tidak membantu musuh untuk melawan sesame mereka. Harta, rumah dan tanah perkebunan mereka berada di salah satu sudut kota Madinah. Namun, bani al-Nadhir ternyata mereka mencabuli perjanjian itu di mana Ka'ab bin al-Asyraf membawa empat puluh tentera penunggang kuda menjumpai kaum Quraisy. Peristiwa itu terjadi enam bulan sebelum perang Badar atau setelah perang Bi'ir Ma'unah seperti mana diriwayatkan oleh Ibn Ishaq.

Rasulullah (s.a.w) pernah meminta bantuan mereka untuk menyelesaikan diyat dua orang lelaki yang telah dibunuh oleh 'Amr bin Umayyah al-Dhamari. Namun mereka malah ingin menjatuhkan batu besar ke atas kepala baginda dan orang yang melakukan itu ialah 'Amr bin Jahasy. Baginda segera diberitahu oleh Allah (s.w.t) tentang rencana jahat itu. Lalu, baginda pun berpura-pura ingin ke tandas dan bersabda kepada sahabatnya: "Kamu jangan kemana-mana!" Baginda segera pulang menuju Madinah. Para sahabat yang berada di tengah-tengah bani al-Nadhir itu merasa terlalu lama menunggu baginda keluar tandas hingga mereka akhirnya mengetahui kepulangan baginda ke Madinah. Sahabat segera menyusul pulang ke Madinah dan baginda menyuruh untuk menyerang bani al-Nadhir. Namun, Bani al-Nadhir ternyata berselindung di dalam benteng dan baginda menyuruh sahabatnya membakar dan menebang pohon kurma mereka. Baginda mengepung mereka selama beberapa malam hingga akhirnya Allah (s.w.t) membuat hati mereka merasa ketakutan. Mereka meminta baginda supaya dibolehkan pergi meninggalkan negeri mereka asalkan mereka dibenarkan membawa harta yang mampu dipikul oleh unta mereka. Tetapi, mereka tidak diizinkan membawa senjata dan baginda menyetujui perdamaian itu.

Harta yang diambil dari mereka merupakan harta faye' iaitu suatu keuntungan yang diperoleh tanpa melalui pertempuran. Harta itu boleh digunakan untuk biaya nafkah Rasulullah (s.a.w) dan keluarganya selama setahun sedangkan bakinya disalurkan untuk keperluan berjihad di jalan Allah (s.w.t).

**Analisis Lafaz**

"مما أفاء الله", harta bani al-Nadhir yang sudah diberikan oleh Allah kepada Rasul-Nya dijadikan sebagai harta faye'.

"يوجف", berjalan dengan cepat.

"ركاب", unta.

"الكُرَاع", nama untuk semua jenis kuda.

**Fiqh Hadis**

1. Harta faye' adalah milik Rasululla (s.a.w). Baginda dibolehkan menggunakan harta itu sesuai dengan keputusan baginda kerana ia dianggap sebagai milik baginda sendiri.
2. Harta faye' tidak boleh dibahagikan kepada lima bahagian mengikut jumhur ulama sedangkan menurut Imam al-Syafi'i, harta faye' boleh dibahagikan menjadi lima.
3. Dibolehkan menyimpan makanan selama setahun dan itu tidak bercanggah dengan prinsip tawakkal, berbeza dengan apa yang selama ini diyakini oleh sesetengah kaum sufi. Dalam kaitan ini, al-Qadhi 'Iyadh berkata: "Jika ada seseorang yang ingin membeli makanan di pasar dan berhasrat menyimpannya serta penyimpanan itu dilakukan ketika terjadi krisis makanan, maka penyimpanan itu tidak boleh dilakukan, sebaliknya dia diwajibkan membeli sesuatu yang tidak memperparah lagi krisis. Misalnya, dia hanya dibolehkan membeli makanan yang cukup untuk dimakan sehari atau sebulan akan datang. Jika penyimpanan itu dilakukan ketika negara dalam keadaan makmur, maka pembeli makanan dibolehkan menyimpannya selama setahun.

١٤٢- وَعَنْ مُعَاذٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: غَزَوْنَا مَعَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَيْبَرَ فَأَصَبْنَا فِيهَا غَنَمًا فَقَسَمَ فِينَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ طَائِفَةً، وَجَعَلَ بَقِيَّتَهَا فِي الْمَغْنَمِ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَرِجَالُهُ لَا بَأْسَ بِهِمْ.

142. Daripada Mu'adz bin Jabal (r.a), beliau berkata: "Kami pernah bertempur bersama Rasulullah (s.a.w) semasa perang Khaibar. Kami mendapat seekor kambing. Rasulullah (s.a.w) membahagikan sebahagian daripada kambing itu dan meninggalkan sisanya untuk dijadikan harta ghanimah. (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan para perawinya tidak ada masalah: 1329).

Al-Shan'ani berkata: "Hadis ini merupakan dalil yang membolehkan pembahagian harta *anfal* (tambahan). Jika Ibn Hajar memuatkan hadis ini ketika membahas harta tambahan tentunya lebih baik lagi."

١٤٣- وَعَنْ أَبِي رَافِعٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنِّي لَا أَخِيسُ بِالْعَهْدِ وَلَا أَحْبِسُ الرُّسُلَ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

143. Daripada Abu Rafi' (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Aku tidak mahu mencabuli perjanjian dan tidak mahu membunuh duta." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Nasa'i serta dinilai sahih oleh Ibn Hibban: 1330).

### Makna Hadis

Hadis ini memiliki kisah menarik, di mana Abu Rafi' berkata: "Saya pernah diutus oleh kaum Quraisy untuk menjumpai Rasulullah (s.a.w). Ketika aku menjumpainya, tiba-tiba aku merasa tertarik dengan Islam. Aku berkata kepada Rasulullah: "Wahai Rasulallah, aku tidak mahu lagi pulang menjumpai Quraisy." Mendengar itu, baginda bersabda: "Aku tidak mahu mencabuli perjanjian dan tidak mahu menahan utusan yang bertugas membawa surat. Sekarang kamu pulanglah. Jika kamu tertarik dengan apa yang terlintas di dalam hatimu ini, silakan kamu kembali lagi kemari." Abu Rafi' berkata: "Aku pulang menghadap kaum Quraisy. Setelah itu, aku pun kembali menjumpai baginda dan masuk Islam."

Abu Dawud setelah meriwayatkan kisah ini berkata: "Ini terjadi pada masa itu, namun pada masa sekarang itu itu tidak boleh terjadi."

### Analisis Lafaz

"لا أخيس", aku tidak mahu mencabuli perjanjian.

"أحبس", menahan.

### Fiqh Hadis

1. Dilarang mencabuli perjanjian walau dengan orang bukan muslim sekalipun selagi mereka juga tidak mencabuli perjanjian yang telah dimaterai.
2. Dilarang menahan utusan, meskipun utusan itu merasa senang untuk tinggal di negara muslim dan tidak tidak ditahan di tempat tahanan. Namun Abu Dawud menegaskan sikap seperti ini pada masa sekarang sudah tidak berlaku lagi. Dengan erti kata lain, Rasulullah (s.a.w) menyuruh Abu Rafi' kembali pulang menjumpai Quraisy, kerana baginda sudah berjanji untuk memulangkan semula utusan yang datang

dalam keadaan muslim. Perjanjian itu tidak lagi berlaku dan tidak boleh diterapkan pada zaman sekarang. Pendapat Abu Dawud ini apabila disalah tafsir bakal terjadi pemahaman yang salah.

١٤٤- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "أَيُّمَا قَرْيَةٍ أَتَيْتُمُوهَا فَأَقَمْتُمْ فِيهَا فَسَهْمُكُمْ فِيهَا، وَأَيُّمَا قَرْيَةٍ عَصَتْ اللهَ وَرَسُولَهُ فَإِنْ خُمُسَهَا لِلّٰهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ هِيَ لَكُمْ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

144. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Mana-mana kampung yang kamu datangi lalu kamu bertempat tinggal di dalamnya, maka bahagian kamu ada di kampung itu. Mana-mana kampung yang berbuat maksiat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka seperlimanya diserahkan untuk Allah dan Rasul-Nya, kemudian sisanya untuk kamu. (Diriwayatkan oleh Muslim: 1331).

Dalam Syarah Muslim, al-Qadhi 'Iyadh berkata: "Ada kemungkinan maksud kampung yang pertama dalam hadis ini ialah kampung yang tidak sukar untuk ditaklukkan, kerana penduduknya bersedia mematerai perjanjian damai dan harta yang diperoleh dari kampung itu boleh diambil sedangkan cara pembahagiannya seperti mana yang ditetapkan dalam harta faye'."

"Manakala kampung yang kedua dalam hadis ini pula bermaksud kampung yang penalukkannya memerlukan tenaga yang keras dan harta yang diperoleh dari kampung ini hendaklah ambil seperlima sedangkan bakinya dibahagikan kepada pengurus harta ghanimah. Inilah maksud sabda Rasulullah (s.a.w): "*kemudian sisanya untuk kamu*."

Al-Qadhi 'Iyadh menambahkan: "Hadis ini merupakan dalil bagi ulama yang tidak mewajibkan seperlima untuk harta faye' dan menurut Imam al-Syafi'i, harta faye' dibahagi seperlima."

Bagi pensyarah kitab ini, perbezaan pendapat dalam masalah ini sudah dibahas ketika membahas hadis Umar tentang harta bani al-Nadhir.

**Soalan**

1. Apakah takrif jihad?
2. Sebutkan hadis yang menyuruh berjihad!
3. Sebutkan hadis yang menjelaskan jenis-jenis jihad!
4. Wajibkah perempuan berjihad?
5. Apa yang boleh dilakukan oleh seorang perempuan ketika turut serta berperang? Jawab dengan disertai dalil!

6. Apakah hukum meminta izin kepada kedua ibu bapa untuk pergi berjihad? Jawab dengan dengan disertai dalil!
7. Apa pendapat ulama tentang hijrah dan apakah hijrah masih tetap berlaku setelah Makkah ditakluki? Jawab dengan disertai dalil!
8. Bolehkah niat berjihad bercampur dengan niat lain untuk merai kepentingan duniawi? Jawab dengan disertai dalil!
9. Boehkah menyerang musuh sebelum mengajak mereka memeluk Islam? Jawab dengan detil!
10. Sebutkan hadis Aisyah (r.a) tentang wasiat Rasulullah (s.a.w) kepada panglima perang!
11. Apa maksud kalimat-kalimat berikut yang dimuatkan dfalm wasiat Rasulullah (s.a.w) kepada panglima perang itu: “لا تغلّوا”, “تخفروا”, “الجزية”, “التحول من دارهم”, “لا تقتلوا وليدا” dan “لا تمثلوا”?
12. Siapakah yang diwajibkan membayar jizyah? Sebutkan pendapat yang kuat!
13. Apakah maksud hadis Ka’ab yang berbunyi: “كان رسول الله صلى الله عليه وسلم إذا أراد غزوة ورى بغيرها”?
14. Lanjutkan hadis yang diriwayatkan oleh Ma’qil bin al-Nu’man atau hadis diriwayatkan oleh al-Nu’man mengikut pendapat yang sahih): “شهدت رسول الله صلى الله عليه وسلم إذا لم يقاتل أول النهار ...” dan bincangkan kosa katanya?
15. Apa yang dimaksudkan dengan berbenteng dengan wanita dan kanak-kanak? Bolehkah melakukan itu? Jawab dengan disertai dalil!
16. Bolehkah meminta bantuan orang musyrik? Sebutkan pendapat yang kuat dengan disertai dalil?
17. Ketika berperang, bolehkah membunuh perempuan atau kanak-kanak?
18. Apa hukum bertarung satu-lawan satu sebelum pertempuran dilakukan?
19. Apa yang menjadi *asbab nuzul* ayat berikut: “ولا تلقوا بأيديكم إلى التهلكة”?
20. Bolehkah membakar dan menghancurkan lading milik musuh? Jawab dengan disertai dalil!
21. Sebutkan hadis yang mengharamkan berlaku curang atu berkhianat terhadap harta ghanimah!
22. Apakah harta *salab* menjadi hak milik orang yang berjaya membunuh musuh? Sebutkan perbezaan pendapat ulama dan mana pula pendapat yang kuat dalam masalah ini!
23. Ketika berperang, bolehkah menggunakan meriam yang boleh memusnahkan segala sesuatu apabila musuh telah bercampur aduk dengan saudara mara dan ahli keluarga mereka?
24. Bolehkah di tanah haram dilaksanakan hukum hudud? Jawab dengan disertai dalil!

25. Bolehkah membunuh tawanan perang secara perlahan? Jawab dengan disertai dalil!
26. Bolehkah menebus tawanan seorang muslim dengan tawanan orang muysrik? Jawab dengan disertai dalil!
27. Bagaimanakah dengan harta orang kafir yang sudah masuk Islam?
28. Apa yang menyebakan Rasulullah (s.a.w) ketika perang Badar bersabda: "لو كان المطعم بن عدي حيا..."? Lanjutkan sambungan hadis ini dan fiqh hukum yang terkandung di dalamnya?
29. Bolehkah menjimak tawanan wanita yang sudah bersuami? Jawab dengan disertai dalil!
30. Haruskah seorang tawanan wanita beragama Islam supaya tidak diharamkan lagi untuk dijimak?
31. Bolehkah membahagikan harta *anfal* kepada tentera? Jawab dengan disertai dalil!
32. Jika suatu pasukan telah mendapat harta ghanimah, apakah hanya mereka yang berhak menerima harta *anfal* atau seluruh tentera turut berhak menerima harta itu?
33. Dari manakah harta *anfal* diambil? Sebutkan perbezaan pendapat ulama dalam masalah ini!
34. Berapakah bahagian setiap penunggang kuda dan pejalan kaki dalam mendapatkan harta perang? Sebutkan pendapat yang kuat dalam masalah ini!
35. Apakah maksud sabda Rasulullah (s.a.w): "لا نفل إلا بعد الخمس"?
36. Bolehkah harta tambahan itu berupa emas atau perak?
37. Apa maksud hadis Hubaib bin Maslamah bahawa Rasulullah (s.a.w) pada waktu bad'ah, membagikan harta tambahan sebanyak seperempat, dan pada waktu raj'ah membagikannya sebanyak sepertiga?
38. Bolehkah pemimpin membahagikan harta tambahan itu melebihi sepertiga?
39. Bolehkah membahagikan harta tambahan itu kepada kumpulan tertentu tanpa melibatkan kumpulan yang lain? Jawab dengan disertai dalil!
40. Bolehkah memakan makanan yang ada pada harta ghanimah namun perbuatan itu tidak termasuk perbuatan curang terhadap ghanimah? Jawab dengan disertai dalil!
41. Apa hukum meminjam haiwan tunggangan atau pakaian yang diambil daripada harta faye'?
42. Bolehkah seorang perempuan muslimah memberi jaminan keamanan kepada orang kafir? Jawab dengan disertai dalil!
43. Bincangkan hadis Umar (r.a) yang menceritakan Yahudi dan Nasrani hendaklah diusir dari semenanjung Arab!

44. Bolehkah seorang musyrik melintasi semenanjung Arab? Sebutkan pendapat ulama dalam masalah ini!
45. Bolehkah harta faye' dibahagikan lima?
46. Sebutkan hadis yang membolehkan untuk menyimpan persediaan makanan selama setahun!
47. Apakah *sebab wurud* hadis: "إني لا أخيس بالعهد ولا أحبس الرسل" dan apa pula yang dibincang Abu Dawud dalam masalah ini?

# BAB PERTAMA
# JIZYAH DAN GENCATAN SENJATA

Jizyah adalah harta yang wajib dikeluarkan oleh sesiapa yang diperintahkan membayarnya untuk menjamin dan menjaga keselamatan jiwanya. Sedangkan *hudnah* (gencatan senjata) pula adalah menghentikan serangan ke atas musuh dalam jangka masa yang telah ditentukan. Menghentikan serangan itu dilakukan untuk kemaslahatan kaum muslimin dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kedua-dua belah pihak. Gencatan senjata ini disyariatkan pada tahun ke-8 atau ke-9 Hijriah.

١٤٥- عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَخَذَهَا - يَعْنِي الْجِزْيَةَ - مِنْ مَجُوسِ هَجَرَ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ. وَلَهُ طَرِيقٌ فِي "الْمَوْطَأِ" فِيهَا انْقِطَاعٌ.

145. Daripada 'Abdurrahman bin 'Auf (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah mengambil jizyah daripada kaum majusi Hajar. (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan dalam kitab al-Muwattha', hadis ini turut diriwayatkan daripada jalur yang lain tetapi riwayatnya munqathi': 1332).

**Makna Hadis**

Ibn Hajar sebelum ini mengemukakan hadis Sulaiman bin Buraidah (r.a) yang isinya memuatkan wasiat Rasulullah (s.a.w) kepada panglima perang. Dalam wasiat itu disebutkan tentang jizyah yang diwajibkan ke atas setiap orang musyrik. Ibn Hajar mengawali perbincangan ini dengan orang yang wajib membayar jizyah namun bukan dari kalangan orang musyrik. Di sini, Ibn Hajar mengemukakan hadis 'Abdurrahman bin 'Auf (r.a) yang menunjukkan jizyah itu juga diwajibkan ke atas mereka.

**Analisis Lafaz**

"وله طريق فى الموطأ فيها انقطاع", dalam al-Muwattha', hadis ini mempunyai jalur riwayat yang lain namun riwayatnya *munqathi'*. Menurut al-Shan'ani, riwayat itu adalah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Syafi'i daripada Ibn Syihab. Beliau mendengar khabar bahawa Rasulullah (s.a.w) mengambil jizyah daripada kaum Majusi Bahrain. Al-Baihaqi mengatakan Ibn Syihab meriwayatkan hadis itu daripada Ibn al-Musayyab, sedangkan hadis riwayat Ibn al-Musayyab merupakan hadis hasan lagi mursal.

Ada pula yang mengatakan apa yang dimaksudkan dengan jalur riwayat lain adalah riwayat Ja'far bin Muhammad daripada bapanya daripada 'Umar (r.a), beliau berkata: "Aku tidak tahu apa yang sepatutnya aku lakukan terhadap kaum Majusi? 'Abdurrahman bin 'Auf (r.a) berkata: "Aku bersaksi bahawa aku pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Perlakukanlah mereka seperti mana ahli kitab."

Riwayat ini munqathi'. Muhammad tidak pernah meriwayatkan hadis daripada 'Umar (r.a) ataupun daripada 'Abdurrahman (r.a). Inilah yang dimaksudkan dalam kalimat munqathi' di atas.

Dalam kitab Fath al-Bari, Ibn Hajar menjelaskan permasalahan ini. Hadis ini dikuatkan oleh hadis Muslim bin al-al-'Ala' bin al-Hadhrami yang diriwayatkan oleh al-Thabarani.

**Fiqh Hadis**

Jizyah boleh diambil daripada kaum Majusi.

١٤٦- وَعَنْ عَاصِمِ بْنِ عُمَرَ عَنْ أَنَسٍ وَعَنْ عُثْمَانَ بْنِ أَبِي سُلَيْمَانَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعْثٍ خَالِدُ بْنُ الْوَلِيدِ إِلَى أُكَيْدِرِ دُومَة الْجُنْدَلِ فَأَخَذُوهُ، فَحَقَنَ دَمِهِ، وَصَالَحَهُ عَلَى الْجِزْيَةِ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ.

146. Daripada 'Ashim bin 'Umar daripada Anas (r.a) dan daripada Uthman bin Abu Sulaiman (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah mengutus Khalid bin al-Walid (r.a) menjumpai Ukaidir Dawmah al-Jandal. Pasukan tentera Islam yang dipimpin Khalid menangkap Ukaidir dan membawanya ke hadapan Rasulullah (s.a.w). Baginda menjamin keselamatan Ukaidir dan mengajaknya berdamai dengan syarat membayar jizyah. (Diriwayatkan oleh Abu Dawud: 1333)

**Makna Hadis**

Setelah perang Tabuk berakhir, Rasulullah (s.a.w) mengutus Khalid (r.a) menjumpai Ukaidir Dawmah al-Jandal, seorang lelaki Nasrani keturunan Arab yang bernama Ghassan. Baginda bersabda kepada Khalid (r.a): "Kamu akan menjumpainya manakala dia sedang berburu lembu." Khalid (r.a) pun berangkat menjalankan perintah baginda. Ketika malam tiba, benteng Ukaidir sudah mulai kelihatan dari kejauhan. Tidak lama kemudian, datanglah seekor lembu liar (banteng). Haiwan itu memukulkan tanduknya ke dinding benteng. Maka masuklah Khalid (r.a) bersama banteng itu dan beberapa tenteranya. Kemudian terjadilah pertarungan dan akhirnya pasukan Khalid (r.a) berjaya mengalahkan mereka dan menangkap Ukaidir.

Pasukan Khalid (r.a) juga berjaya membunuh Hissan, saudara Ukaidir. Kemudian Ukaidir mengirim utusan kepada Rasulullah (s.a.w) dan berjanji untuk membukakan pintu bagi da'i muslim untuk berdakwa di Dawmah serta mengajak berdamai di samping membayar jizyah kepada baginda berupa dua ribu ekor unta, lapan ratus topi perang, dua ribu baju besi dan empat ratus tombak.

Tatkala Ukaidir dibawa ke hadapan Nabi (s.a.w), baginda mengajak Ukaidir masuk Islam. Namun Ukaidir menolak ajakan itu. Dia hanya mahu membayar jizyah agar keamanan negerinya tetap terjamin. Dari peristiwa ini dapat kita ketahui bahawa mengambil jizyah dari orang 'Arab hukumnya dibolehkan, sepertimana mengambil jizyah daripada orang bukan Arab.

**Analisis Lafaz**

"عاصم بن عمر" 'Ashim bin 'Umar bin al-Khattab (r.a). Beliau dilahirkan dua tahun sebelum Nabi (s.a.w) wafat. Wajahnya tampan, akhlaknya mulia dan beliau juga seorang penyair.

"أنس", Anas bin Malik (r.a), salah seorang sahabat Nabi (s.a.w) yang masyhur.

"عثمان بن أبى سليمان", 'Uthman bin Abu Sulaiman bin Jubair bin Muth'im. 'Uthman tidak termasuk sahabat. Jadi hadis yang diriwayatkan daripadanya hukumnya mursal, tetapi jika hadisnya diambil dari jalur Anas, maka hadisnya mawsul.

"أكيدر", Ukaidir, nama seorang raja dari negeri Dawmah.

"دومة", Dawmah atau Dumah adalah sebuah negeri yang memiliki benteng. Ia terletak di negeri Syam berdekatan dengan Tabuk.

"الجندل", al-Jandal adalah sebuah negeri yang letaknya berdekatan dengan Dawmah. Dawmah al-Jandal merupakan gabungan antara dua negeri yang dipimpin oleh satu orang raja.

"فأخذوه", Lalu mereka (tentera yang dipimpin Khalid (r.a) menangkap Ukaidir.

"وأتوا به", dan membawanya ke hadapan Rasulullah (s.a.w).

"فحقن دمه", Rasulullah (s.a.w) menjaga darahnya (menjamin keselamatannya). Dalam riwayat Abu Dawud lafaznya berbunyi: "فحقن له دمه", menambahkan perkataan "له".

"وصالحه", dan mengajak berdamai dengan syarat Ukaidir membayar jizyah.

"على الجزية", dengan syarat Ukaidir membayar jizyah kepada kaum muslimin.

**Fiqh Hadis**

Menurut jumhur ulama, dibolehkan mengambil jizyah daripada orang Arab, sementara Abu Yusuf berpendapat jizyah tidak boleh diambil daripada orang Arab.

١٤٧- وَعَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: بَعَثَنِي النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى الْيَمَنِ وَأَمَرَنِي أَنْ آخُذَ مِنْ كُلِّ حَالِمٍ دِينَاراً أَوْ عَدْلَهُ معافرياً. أَخْرَجَهُ الثَّلَاثَةِ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ.

147. Daripada Mu'adz bin Jabal (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah mengutusku ke Yaman. Baginda menyuruhku mengambil satu dinar daripada tiap-tiap orang yang sudah pernah bermimpi (aqil-baligh), atau sebagai gantinya, pakaian yang dibuat oleh suku Ma'arifi." (Diriwayatkan oleh al-Nasai, Abu Dawud dan al-Tirmizi dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban dan al-Hakim: 1334).

**Makna Hadis**

Ibn Hajar meriwayatkan hadis ini untuk menunjukkan kadar jizyah yang diwajibkan ke atas setiap orang yang sudah baligh. Dalam hadis ini ditentukan bahawa jumlah yang wajib diserahkan adalah satu dinar.

**Analisis Lafaz**

"حالم", yang sudah pernah bermimpi. Dalam riwayat Abu Dawud, kalimat ini ditafsirkan sebagai "محتلم".

"عدله", dengan *'ain* dibaca *kasrah* dan boleh pula dibaca *fathah* yang bererti pengganti.

"مَعافِريا", satu kabilah di negeri Hamadan. Di sinilah pakaian Ma'afiri dibuat. Jadi maksud hadis ini adalah apabila tidak dapat membayar wang satu dinar maka boleh menggantikannya dengan sehelai pakaian yang dibuat penduduk Ma'arifi sebagai pembayaran jizyah.

"وصححه ابن حبان والحاكم", ini merupakan kebiasaan mereka berdua di mana tambahan yang dilakukan oleh seorang periwayat yang tsiqah dalam sebuah hadis hukumnya *maqbul* (diterima). Namun menurut al-Tirmizi, periwayat hadis ini mursal. Sungguhpun demikian, hadis mursal ini tetap sahih.

**Fiqh Hadis**

1. Kadar jizyah yang wajib dibayar adalah satu dinar atau yang sama kadarnya. Ia diwajibkan ke atas setiap individu yang sudah pernah bermimpi (aqil-baligh). Kadar ini dinukil daripada riwayat Imam Ahmad. Beliau mengatakan kadar tersebut tiada boleh lebih dan tidak boleh pula kurang. Sementara menurut Imam al-Syafi'i, kadarnya kurang dari satu dinar sepertimana pendapat jumhur ulama dan Imam Ahmad dalam satu riwayat yang lain. Abu Hanifah pula berpendapat kadar satu dinar itu adalah bagi mereka yang fakir, sedangkan mereka yang ekonominya di peringkat menengah wajib membayar sebanyak dua dinar, dan orang kaya pula membayar sebanyak empat dinar. Sedangkan menurut Imam Malik, kadar jizyah tidak boleh lebih daripada empat puluh dirham dan bagi sesiapa yang tidak mampu maka kadarnya kurang daripada itu.
2. Jizyah tidak boleh diambil melainkan daripada orang yang sudah baligh mengikut jumhur ulama. Jadi kanak-kanak, orang tua, perempuan, kafir zimmi, orang gila, orang lemah dan tidak mampu bekerja, orang gaji dan para penunggu kuil ataupun gereja tidak wajib membayar jizyah. Tetapi Imam al-Syafi'i berpendapat para penunggu kuil dan gereja tetap wajib membayar jizyah. Dalam kitab Bidayah al-Mujtahid, Ibn Rusyd mengatakan ulama telah bersepakat jizyah tidak wajib dibayar kecuali seseorang itu telah melengkapi syarat berikut ini: lelaki, baligh dan juga *miryah*.

**Penting**

Al-Baihaqi meriwayatkan daripada al-Hakam bin Utaibah bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah mengirim sepucuk surat kepada Mu'adz di Yaman yang isinya:

عَلَى كُلِّ حَالِمٍ أو حَالِمَةٍ دِينَارٌ أو قِيمَتُهُ.

"*Setiap lelaki ataupun perempuan yang sudah baligh diwajibkan membayar satu dinar atau sesuatu yang nilainya sama dengan satu dinar*." (Hadis ini dinilai mawsul oleh Abu Syaibah daripada al-Hakam daripada Muqassam daripada Ibn Abbas (r.a),

namun Abu Syaibah mengkategorikannya sebagai hadis dha'if)

Ada pula hadis yang membahas permasalahan yang sama, iaitu hadis yang diriwayatkan daripada 'Amr bin Hazm dengan sanad munqathi'. Demikian juga hadis yang diriwayatkan daripada 'Urwah.

Dalam riwayat yang lain daripada Ma'mar terdapat tambahan lafaz yang berbunyi: "وحالة". Namun ulama tidak membenarkan tambahan semacam ini, meskipun Ma'mar diakui sebagai ulama besar, sebab beliau mengambil riwayat bukan daripada ulama Hijaz sehingga riwayatnya menjadi lemah. Beliau mengambil riwayat daripada al-A'masy, seorang ulama Kufah.

١٤٨- وَعَنْ عَائِذِ بْنُ عَمْرٍو الْمُزَنِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "الْإِسْلَامِ يَعْلُو وَلَا يُعْلَى". أَخْرَجَهُ الدَّارَقُطْنِيُّ.

148. Daripada 'Aidz bin 'Amr al-Muzany (r.a) daripada Nabi (s.a.w), baginda bersabda: "Islam itu tinggi dan tidak ada yang lebih tinggi daripadanya." (Diriwayatkan oleh al-Daruquthni: 1335)

**Makna Hadis**

Ada kisah yang menarik berkaitan hadis ini. Pada hari pembukaan kota Makkah, datanglah 'Aidz bin 'Amr bersama Abu Sufyan bin Harb. Lalu ada salah seorang sahabat Rasulullah (s.a.w) yang berkata: "Ini dia Abu Sufyan dan 'Aidz bin 'Amr." Rasulullah (s.a.w) bersabda:

هَذَا عَائِذُ بنُ عَمرو وَ أَبُو سُفيَانَ، الإسلَامُ أَعَزُّ مِن ذَلِكَ، الإسلَامُ يَعلُو وَلَا يُعلَى عَلَيهِ.

"Ini dia 'Aidz bin 'Amr bersama Abu Sufyan. Islam itu jauh lebih mulia daripada pertemuan antara kedua-dua orang ini. Islam itu tinggi dan tidak ada yang lebih tinggi daripadanya."

**Analisis Lafaz**

"يعلو", bererti menguasai, mendominasi, menetapkan hukum untuk seluruh agama dan pengikutnya lebih diutamakan berbanding pengikut yang lain. Kalimat hadis ini singkat namun isinya padat.

"أخرجه الدارقطنى", diriwayatkan oleh al-Daruquthni. Hadis ini dinilai hasan oleh al-Hafiz Ibn Hajar dalam kitab Fath al-Bari.

**Fiqh Hadis**

Dalam segala perkara, pengikut Islam adalah lebih utama berbanding pengikut agama-agama yang lain.

**Penting**

Ibn Hajar mengemukakan hadis ini untuk menunjukkan bahawa ketika mengadakan perundingan untuk mencapai perdamaian, kaum muslimin tidak sepatutnya memperlihatkan kelemahan, kerendahan diri dan tidak berdaya. Jangan sampai aturan-aturan Islam tidak ditegakkan yang pada akhirnya menyebabkan aturan-aturan dari agama lain yang mewarnai dan menguasai pendapat orang yang hadir dalam perundingan damai itu.

١٤٩- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَا تَبْدَؤُوا الْيَهُودَ وَالنَّصَارَى بِالسَّلَامِ، وَإِذَا لَقِيتُمْ أَحَدَهُمْ فِي طَرِيقٍ فَاضْطَرُّوهُ إِلَى أَضْيَقِهِ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

149. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Janganlah kamu memulakan salam ke atas orang Yahudi dan Nasrani. Apabila kamu berjumpa dengan salah seorang di antara mereka, maka pinggirkanlah langkahnya ke tepi jalan." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1336)

**Makna Hadis**

Hadis ini merupakan penjelasan lanjutan terhadap maksud hadis sebelum ini di mana seorang muslim harus memperlihatkan kebesaran dan kemuliaan agamanya dibanding agama yang lain. Sikap seperti ini mesti dijaga dalam setiap keadaan bahkan ketika mengucap salam dan berjalan pun tetap harus dijaga.

**Analisis Lafaz**

"فاضطروه", pinggirkanlah dia.

"أضيقه", tepi jalan yang sempit.

**Fiqh Hadis**

1. Umat Islam diharamkan memulakan salam kepada orang Yahudi dan Nasrani. Demikianlah pendapat jumhur ulama. Sedangkan ulama-

ulama yang membolehkan memulakan salam kepada orang yahudi dan Nasrani berhujah dengan hadis yang maksudnya umum seperti hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas (r.a) dan hadis yang diriwayatkan Imam al-Syafi'i (r.h). Dalam istilah Usul Tasyri' (kaedah dasar agama Islam), maksud khusus lebih diutamakan daripada maksud umum. Jadi tidak ada lagi alasan atau dasar untuk membolehkan memulakan salam kepada orang Yahudi dan Nasrani.

2. Bila berjumpa dengan orang Yahudi ataupun Nasrani, hendaknya seorang muslim berjalan di tengah jalan agar orang Yahudi ataupun Nasrani itu terpaksa berjalan di tepi. Tetapi para ulama berbeza pendapat dalam masalah ini. Ada yang mengatakan berjalan di tengah jalan ini hukumya wajib, tetapi ada pula yang menganggapnya sunat, terutamanya apabila laluan yang dilintasi itu luas.

**Penting!**

Jika dalam suatu majlis terdapat kaum muslimin dan orang bukan muslim, maka tidak salah mengucapkan salam kepada mereka kerana ada hadis Rasulullah (s.a.w) yang membolehkannya.

Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Janganlah kamu memulakan …" yang dapat difahami bahawa menjawab salam dari kaum kafir itu dibolehkan kerana Allah (s.w.t) berfirman:

وَإِذَا حُيِّيتُم بِتَحِيَّةٍ فَحَيُّواْ بِأَحْسَنَ مِنْهَآ أَوْ رُدُّوهَآ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ حَسِيبًا ﴿٨٦﴾

"*Dan apabila kamu diberikan penghormatan dengan sesuatu ucapan hormat (seperti memberi salam), maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya, atau balaslah dia (dengan cara yang sama). Sesungguhnya Allah sentiasa menghitung tiap-tiap sesuatu.*" (Surah al-Nisa': 86)

Hadis berikut menjelaskan permasalahan ini dengan lebih terperinci:

إِذَا سَلَّمَ عَلَيكُم أهلُ الكِتَابِ فَقُولُوا: وَعَلَيكُم.

"*Jika seorang ahli kitab mengucapkan salam kepadamu maka jawablah dengan: wa 'alaikum…*" Dalam riwayat yang lain lafaznya berbunyi: "وعليك".

Menurut al-Khatthabi, majoriti ulama hadis meriwayatkan hadis ini dengan menggunakan huruf *waw* "وعليكم", sedangkan Ibn 'Uyainah meriwayatkan tanpa menggunakan huruf *waw*: "عليكم". Menurut al-Khatthabi, riwayat daripada Ibn Uyainah adalah yang paling betul. Dengan menambahkan huruf *waw* ketika menjawab salam bererti jawapan salam itu ditujukan kepada kaum muslim dan bukan muslim sekali gus. Sedangkan jawapan salam tanpa menambahkan

huruf *waw* menunjukkan bahawa ia ditujukan kepada pihak yang tertentu sahaja (golongan bukan muslim).

Adakalanya menjawab salam dari kaum Yahudi dan Nasrani itu diharamkan kerana kadang-kadang mereka berkata-kata tidak baik terhadap kaum muslim, sepertimana sabda Rasulullah (s.a.w):

إِذَا سَلَّمَ عَلَيكُم أهلُ الكِتَابِ فَقُولُوا: وَعَلَيكُم.

"Jika mereka (orang kafir) mengucapkan salam kepada kamu, maka salah seorang daripada mereka berkata: 'Assamu 'alaikum (binasalah kamu)."

Menurut al-Nawawi, ada atau tidak ada huruf *waw* hukumnya tetap dibolehkan. Dengan menambahkan huruf *waw* maka jawapan salam itu sama ertinya dengan ucapan salam yang dilontarkan kaum kafir itu, iaitu 'kebinasaan juga atas kamu'.

١٥٠- وَعَنِ الْمِسْوَرِ بْنُ مَخْرَمَةَ وَمَرْوَانُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَرَجَ عَامَ الْحُدَيْبِيَةِ... فَذَكَرَ الْحَدِيثَ بِطُولِهِ، وَفِيهِ: "هَذَا مَا صَالَحَ عَلَيْهِ مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللهِ سُهَيْلَ بْنَ عَمْرٍو عَلَى وَضْعِ الْحَرْبِ عَشْرِ سِنِينَ، يَأْمَنُ فِيهَا النَّاسُ، وَيَكُفُّ بَعْضُهُمْ عَنْ بَعْضٍ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَأَصْلُهُ فِي الْبُخَارِيِّ.

150. Daripada al-Miswar bin Makhramah dan Marwan bahawa Rasulullah (s.a.w) keluar pada tahun perang al-Hudaibiyah … (al-Miswar kemudian melanjutkan riwayatnya) yang sebahagian daripada isi riwayat itu: "Inilah perjanjian damai yang ingin dimaterai oleh Muhammad bin 'Abdullah dengan Suhail bin 'Amr untuk menghentikan perang selama sepuluh tahun agar masyarakat berasa selamat dan tidak ada lagi pergaduhan." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan lafaz hadis ini diambil daripada riwayat al-Bukhari: 1337).

١٥١- وَأَخْرَجَ مُسْلِمٍ بَعْضِهِ مِنْ حَدِيثِ أَنَسٍ وَفِيهِ: أَنَّ مَنْ جَاءَ مِنْكُمْ لَمْ نَرُدَّهُ عَلَيْكُمْ، وَمَنْ جَاءَكُمْ مِنَّا رَدَدْتُمُوهُ عَلَيْنَا. فَقَالُوا: أَنَكْتُبُ هَذَا يَا رَسُولَ اللهِ؟ قَالَ: "نَعَمْ. إِنَّهُ مِنْ ذَهَبِ مِنَّا إِلَيْهِمْ فَأَبْعَدَهُ اللهُ، وَمَنْ جَاءَنَا مِنْهُمْ، فَسَيَجْعَلُ اللهُ لَهُ فَرَجاً وَمَخْرَجاً".

151. Muslim turut mengemukakan sebahagian daripada riwayatnya yang berasal daripada Anas (r.a) di mana sebahagian daripada isi riwayat itu: "Orang- dari pihak kamu yang datang kepada kami tidak akan kami kembalikan kepada kamu. Tetapi orang dari pihak kami yang datang kepada kamu, harus kamu kembalikan kepada kami." Lalu para sahabat bertanya kepada Rasulullah (s.a.w): "Apakah

engkau menyetujui perjanjian ini, wahai Rasulullah?" Baginda menjawab: "Ya, kerana orang kita yang datang kepada mereka memang dijauhkan oleh Allah sedangkan orang mereka yang datang kepada kita semoga Allah berikan dia kelapangan dan jalan keluar.": 1338.

**Makna Hadis**

Ibn Hajar mengemukakan hadis ini untuk menunjukkan dua permasalahan penting:

1. Menghentikan perang (gencatan senjata) memang disyariatkan.
2. Menggubal syarat-syarat dalam perjanjian tersebut juga disyariatkan dan ia bergantung kepada persetujuan pemimpin yang berlandaskan kebijaksanaan dan kemaslahatan kaum muslimin.

**Analisis Lafaz**

"ومروان", yakni Marwan bin al-Hakam.

"فذكر", dengan menggunakan kata kerja dan subjek tunggal. Tetapi yang betul adalah "فذكرا" dengan menggunakan kata kerja dan subjek dua orang (*tatsniah*).

"وضع الحرب", menghentikan peperangan.

"أخرجه أبو داود", pensyarah kitab ini tidak mengetahui sama ada Abu Dawud meriwayatkan hadis dengan lafaz seperti hadis ini. Ini merupakan satu kesalahan.

"من جاءنا", jika dilihat sekilas, kita menyangka perkataan ini adalah perkataan kaum muslimin, padahal ia adalah perkataan kaum musyrikin Makkah.

**Fiqh Hadis**

1. Disyariatkan menghentikan perang (gencatan senjata) antara kaum muslimin dan kaum musyrikin.
2. Dibolehkan menghentikan perang selama bertahun-tahun.
3. Syarat-syarat ataupun kebijakan-kebijakan (polisi) hendaklah diserahkan kepada pemimpin.

١٥٢- وَعَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ قَتَلَ مُعَاهِداً لَمْ يُرِحْ رَائِحَةَ الْجَنَّةِ، وَإِنَّ رِيحَهَا لِيُوجَدَ مِنْ مَسِيرَةِ أَرْبَعِينَ عَاماً". أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ.

152. Daripada 'Abdullah bin 'Umar (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barangsiapa membunuh kafir mu'ahid, maka dia tidak akan mencium bau wangi syurga dan bau wangi syurga itu dapat tercium dari jarak perjalanan sejauh empat puluh tahun." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1339).

**Makna Hadis**

Maksud hadis ini sama dengan hadis riwayat Abu Rafi' (r.a): "Aku tidak mahu mengingkari janji."

Orang kafir mu'ahid yang telah membuat perjanjian damai bersama kaum muslimin untuk menghentikan peperangan tidak boleh diserang apatah lagi dibunuh tanpa sebarang alasan yang jelas. Barangsiapa yang melakukannya akan dijauhkan daripada syurga sampai-sampai baunya pun tidak akan tercium olehnya, sedangkan bau syurga itu dapat tercium dari jarak perjalanan empat puluh tahun.

**Analisis Lafaz**

"من قتل معاهدا", barangsiapa yang membunuh kafir mu'ahid. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dawud dan yang lain lafaznya berbunyi:

مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ حِلِّهَا.

"*Barangsiapa yang membunuh orang tanpa ada sebarang kesalahan*."

Inilah yang dimaksudkan oleh hadis di atas. Kafir mu'ahid adalah orang yang telah membuat perjanjian damai bersama kaum muslimin.

"يرح", mencium bau.

**Fiqh Hadis**

Diharamkan membunuh kafir mu'ahid tanpa ada kesalahan. Menurut al-Muhlab, hukuman ke atas muslim yang membunuh kafir mu'ahid akan dikenakan di akhirat kelak. Dengan erti kata lain, selama hidup di dunia dia tidak dikenakan hukuman pancung.

**Penting!**

Rasulullah (s.a.w) bersabda: "… empat puluh tahun" dan dalam riwayat Isma'il: "… tujuh puluh tahun." Lafaz ini sama dengan riwayat daripada Abu Hurairah (r.a) yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan ulama yang lain. Demikian juga riwayat Imam Ahmad daripada salah seorang sahabat yang tidak disebut namanya.

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Thabarani daripada Abu Bakarah, lafaznya berbunyi: "… lima ratus tahun." Demikian pula yang disebut dalam hadis Abu Hurairah (r.a) yang terdapat dalam kitab al-Shaghir.

Dalam kitab al-Ausath, hadis Abu Hurairah (r.a) lafaznya berbunyi: "… seratus tahun." Sementara dalam Musnad al-Firdaus, hadis daripada Jabir (r.a) disebutkan: "… seribu tahun."

Untuk menerima perbezaan riwayat ini, perlu diperhatikan tiga perkara berikut:

1. Jarak mencium bau syurga ditentukan oleh amalan muslim yang membunuh kafir mu'ahid itu. Inilah pendapat jumhur ulama.
2. Jarak yang disebutkan dalam hadis itu menunjukkan bau syurga teramat wangi.
3. Jarak yang jauh ataupun dekat bergantung kepada sikap si pembunuh.

**Beberapa soalan**

1. Apakah takrif jizyah dan hudnah?
2. Apakah dalil yang membolehkan mengambil jizyah daripada kaum Majusi?
3. Apakah dalil yang membolehkan mengambil jizyah daripada orang Arab?
4. Berapakah kadar jizyah yang diwajibkan ke atas setiap orang?
5. Bolehkah kanak-kanak yang belum baligh diwajibkan membayar jizyah? Tolong jawab dengan terperinci!
6. Cuba bincangkan berdasarkan ilmu hadis, lafaz tambahan yang berbunyi: "حالمة" yang terdapat dalam hadis tentang jizyah!
7. Apa yang dimaksudkan sabda Nabi (s.a.w): "Islam itu tinggi dan tidak ada yang lebih tinggi …" Apa yang menyebabkan hadis ini disampaikan oleh Rasulullah (s.a.w)?
8. Rasulullah (s.a.w) bersabda: "لا تبدأوا اليهود والنصارى..." , lanjutkan hadis ini dan syarahkan kalimat-kalimat yang asing di dalamnya dan bincangkan hukum yang boleh dipetik daripada hadis itu!
9. Ulama bersepakat bahawa menjawab salam orang kafir kitabi adalah boleh. Bincangkan kalimat apa yang sesuai untuk menjawab salam mereka!
10. Sebutkan hadis yang membolehkan untuk mematerai perjanjian damai menghentikan perang!
11. Bolehkah membunuh kafir mu'ahid dan apa pula hukum membunuhnya?

# BAB KEDUA
# BERLUMBA DAN MEMANAH

١٥٣- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: سَابَقَ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْخَيْلِ الَّتِي قَدْ أُضْمِرَتْ مِنَ الْحَفْيَاءِ، وَكَانَ أَمَدُهَا ثَنِيَّةَ الْوَدَاعِ. وَسَابَقَ بَيْنَ الْخَيْلِ الَّتِي لَمْ تُضَمَّرْ مِنَ الثَّنِيَّةِ إِلَى مَسْجِدِ بَنِي زُرَيْقٍ، وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ فِيمَنْ سَابَقَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ زَادَ الْبُخَارِيُّ، قَالَ سُفْيَانُ: مِنَ الْحَفْيَاءِ إِلَى ثَنِيَّةِ الْوَدَاعِ خَمْسَةِ أَمْيَالٍ أَوْ سِتَّةَ، وَمِنَ الثَّنِيَّةِ إِلَى مَسْجِدِ بَنِي زُرَيْقٍ مِيلٌ.

153. Daripada Ibn 'Umar (r.a), beliau berkata: "Nabi (s.a.w) pernah berlumba pacu kuda dengan menggunakan kuda yang di-*tadhmir*, bermula dari al-Hafya' dan berakhir di Tsaniyyah al-Wada'. Baginda juga pernah berlumba dengan menggunakan kuda yang tidak di-*tadhmir*, bermula dari Tsaniah al-Wada' sampai ke Masjid bani Zuraiq. Ibn 'Umar (r.a) termasuk orang yang ikut dalam perlumbaan itu. (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim. Tetapi al-Bukhari menambahkan: Menurut Sufyan, jarak dari al-Hafya' sampai ke Tsaniah al-Wada' adalah lima atau enam batu. Dan jarak dari Tsaniah al-Wada' sampai ke Masjid Bani Zuraiq adalah satu batu: 1340)

١٥٤- وَعَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَابَقَ بَيْنَ الْخَيْلِ وَفَضَّلَ الْقُرَّحَ فِي الْغَايَةِ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

154. Daripada Ibn 'Umar (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah berlumba pacu kuda. Baginda lebih suka kuda yang usianya genap lima tahun (untuk perlumbaan: 1341).

**Makna Hadis**

Lumba pacu kuda adalah satu perlumbaan yang menyenangkan dan tidak memenatkan. Manfaatnya banyak terutama sebagai persiapan berjihad dan pada zaman dahulu keahlian di bidang ini memang sangat diperlukan. Baginda menggalakkan para sahabat untuk mengambil bahgagian dalam perlumbaan, sama ada melatih kemahiran diri ataupun kemahiran berkuda. Tujuannya untuk meningkatkan keahlian mereka dalam berperang dan menguji kemampuan mereka.

**Analisis Lafaz**

"ضمرت", di-*tadhmir*, iaitu memberi makan kuda itu sehingga gemuk. Setelah gemuk, kuda diberikan ramuan pelangsing. Masa yang diperlukan adalah empat puluh hari. Ada pula yang mengatakan bahawa *tadhmir* adalah memasangi kuda dengan pelana (tempat duduk) dan pakaian pemanas untuk mengeluarkan peluh dan mengeraskan daging, namun pengertian yang pertama lebih masyhur.

"الحفياء", suatu tempat yang berada di luar kota Madinah. Jaraknya dengan Tsaniah al-Wada' adalah lima batu.

"أمدها", batasnya.

"ثنية الوداع", suatu tempat yang terletak berdekatan dengan kota Madinah. Diberi demikian kerana apabila seorang tuan rumah menerima tetamu maka apabila tetamunya itu hendak pulang dia akan menghantarkan tetamunya sampai di tempat itu.

"القرح", sebutan untuk kuda yang usianya genap lima tahun.

**Fiqh Hadis**

1. Dibolehkan berlumba pacu kuda. Ulama tidak ada yang berbeza pendapat dalam masalah ini.
2. Disarankan memilih jenis kuda yang hendak diperlumbakan.
3. Dibolehkan men-*tadhmir* kuda yang dipersiapkan untuk berjihad. Malah ada yang mengatakan hukumnya sunat.
4. Kuda yang usianya genap lima tahun lebih kuat mencapai garis penamat, walaupun kuda yang lain berlari lebih dahulu.

١٥٥- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا سَبْقَ إِلَّا فِي خُفٍّ أَوْ نَصْلٍ أَوْ حَافِرٍ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالثَّلَاثَةُ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

155. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Tidak boleh mengambil hadiah dalam pertandingan melainkan hanya pada khuf unta, mata panah, dan telapak kaki kuda'." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, al-Tsalatsah dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban: 1342)

**Makna Hadis**

Rasulullah (s.a.w) membolehkan pertandingan atau perlumbaan di kalangan sahabat, tetapi selanjutnya baginda berasa khuatir mereka mengikuti perlumbaan itu semata-mata hendak mendapatkan hadiah dan ia seakan-akan menjadi perjudian sepertimana yang dilakukan masyarakat zaman dahulu. Maka baginda menjelaskan hadiah hanya diberikan dalam tiga jenis pertandingan: mengenderai unta, memanah dan pacu kuda, kerana ketiga-tiga jenis pertandingan ini sangat diperlukan dalam petempuran. Jadi Rasulullah (s.a.w) menggalakkan para sahabat mengikutinya.

**Analisis Lafaz**

"لا سبق", tidak boleh dan tidak halal membuat taruhan.

"إلا في خف", haiwan yang mempunyai khuf, yakni unta.

"أو نصل", mata panah. Maksudnya melontar anak panah atau tombak.

"أو حافر", haiwan yang mempunyai kuku seperti telapak kaki. Maksudnya adalah kuda.

"وصححه ابن حبان", dinilai sahih oleh Ibn Hibban. Demikian pula al-Hakim dan Ibn al-Qatthan. Tetapi ada pula sebahagian ulama yang menganggap sanadnya cacat kerana mawquf. Namun sebetulnya sanadnya tidak cacat.

**Fiqh Hadis**

Dibolehkan memperebutkan hadiah dalam pertandingan mengenderai unta, memanah dan pacu kuda. Hadiah itu halal dan tidak perbezaan pendapat ulama dalam masalah ini bilamana yang membuatnya adalah pihak pemerintah. Jika yang membuatnya adalah peserta yang ikut bertanding, maka tidak dibolehkan kecuali dengan syarat-syarat yang nanti akan dijelaskan berikut ini. Mengenai hadiah ini, Malik dan al-Syafi'i membolehkannya untuk tiga jenis pertandingan yang tersebut di dalam hadis. Sedangkan Atha`membolehkannya dalam semua jenis pertandingan atau perlumbaan.

١٥٦- وَعَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ أَدْخَلَ فَرَساً بَيْنَ فَرَسَيْنِ – وَهُوَ لَا يَأْمَنُ أَنْ يُسْبَقَ – فَلَا بَأْسَ بِهِ، وَإِنْ أَمِنَ فَهُوَ قِمَارٌ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ،

وَإِسْنَادُهُ ضَعِيفٌ.

156. Daripada Abu Hurairah (r.a) daripada Nabi (s.a.w), baginda bersabda: "Sesiapa memasukkan kudanya di antara dua kuda, sedangkan dia tidak yakin kalah, maka tiada masalah. Tetapi jika dia yakin akan kalah, maka itu menjadi perjudian. (Diriwayatkan oleh Ahmad dan Abu Dawud. Sanadnya dha'if: 1343)

**Makna Hadis**

Abu Dawud membuat satu bab dengan tajuk: bab *al-muhallil*. Hadis ini menjadi perhatian serius para ulama. Di dalam kitab Syarah al-Sunnah disebutkan bahawa dalam satu perlumbaan, jika hadiah itu disediakan oleh pihak pemerintah atau daripada salah seorang anggota masyarakat, manakala peserta lumba diwajibkan membayar sejumlah wang maka hukumya dibolehkan. Sesiapa yang memenangi perlumbaan maka dialah yang berhak mengambil hadiah itu. Jika hadiah itu berasal dari salah seorang daripada dua peserta lumba dan salah seorang daripada keduanya berkata: "Jika kamu menang, maka aku akan membayar kepadamu sekian (wang). Tetapi jika aku yang menang, maka kamu tidak perlu membayar kepadaku,' maka hadiah dalam perlumbaan semacam ini boleh diambil."

Apabila hadiah dalam suatu perlumbaan itu berasal dari dua orang pesertanya, dan salah satu dari keduanya berkata: "Jika aku menang, maka kamu harus membayar kepadaku sekian (wang). Dan jika kamu yang menang, maka aku akan membayar kepadamu sekian (wang),' maka hadiah dari perlumbaan semacam ini tidak boleh diambil kecuali jika ada seorang *muhallil* yang masuk di antara kedua peserta itu. Jika *muhallil* ini menang, maka dia boleh mengambil hadiah itu. Dan jika kalah, maka dia tidak harus membayar taruhan. Dinamakan *muhallil*, kerana dengan sebab kehadirannya, salah seorang peserta dihalalkan mengambil hadiah itu. Dengan demikian, akad perlumbaan berubah daripada judi menjadi halal. Ada empat macam cara yang membuat hadiah itu menjadi halal, iaitu:

1. *Muhallil* mencapai garis penamat terlebih dahulu. Jika demikian, dialah yang berhak mengambil hadiah itu.
2. Kedua peserta itu mencapai garis penamat secara bersamaan. Jika demikian, tidak seorang pun daripada keduanya yang boleh mengambil hadiah itu.
3. Salah satu daripada kedua peserta itu mencapai garis penamat lebih dahulu dan diikuti oleh *muhallil* sama ada dia bersama peserta kedua ataupun peserta kedua datang setelahnya. Jika demikian, siapa yang menang berhak mengambil dua hadiah.

Jelaslah hadis ini menjelaskan tentang hukum *muhallil*. Dia dilarang memasuki perumbaan itu apabila dia yakin bahawa dialah yang akan dikalahkan.

Kenapa demikian? Ini kerana keberadaannya sama saja dengan ketiadaannya.

**Analisis Lafaz**

"يأمن", yakin, mengetahui.

"وإسناده ضعيف", sanad hadis ini dha'if, periwayat yang menilainya marfu' hadis ini adalah Sufyan bin Husain dan Sa'id bin Basyir daripada al-Zuhri. Sufyan adalah seorang yang tsiqah ketika mengambil riwayat daripada selain al-Zuhri. Sedangkan Sa'id memang betul-betul dha'if. Sanad kedua-dua orang ini tidak sama dengan sanad ulama-ulama terpercaya yang selainnya seperti Ma'mar, Syu'aib, dan 'Uqail. Mereka ini tidak mahu menilai marfu' hadis ini.

Hadis ini dikuatkan oleh hadis lain yang dinilai sahih oleh Ibn Hibban daripada Ibn 'Umar. Tetapi hadisnya tidak sahih, kerana keberadaan 'Ashim bin Umar bin Hafsh bin 'Ashim bin 'Umar bin al-Khatthab.

**Fiqh Hadis**

Seorang *muhallil* tidak boleh memasuki perlumbaan apabila dia yakin akan kalah dalam perlumbaan itu.

١٥٧- وَعَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ عَلَى الْمِنْبَرِ يَقْرَأُ: "وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ"، أَلَا إِنَّ الْقُوَّةَ الرَّمْيُ، أَلَا إِنَّ الْقُوَّةَ الرَّمْيُ، أَلَا إِنَّ الْقُوَّةَ الرَّمْيُ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

157. Daripada 'Uqbah bin 'Amir (r.a), beliau berkata: "Aku pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) membaca dalam khutbahnya: "Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia,..." (Surah al-Anfal: 60). Ketahuilah kekuatan itu terletak pada memenah. Ketahuilah kekuatan itu terletak pada memanah. Ketahuilah kekuatan itu terletak pada memanah." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1344).

**Makna Hadis**

Hadis ini menggalakkan umat Islam supaya belajar memanah, kerana ia merupakan suatu kemahiran yang diperintahkan oleh Allah (s.w.t) sebagai pertahanan diri dari serangan musuh.

### Analisis Lafaz

"القوة", kekuatan yang dimaksudkan oleh ayat 60 Surah al-Anfal tersebut di atas.

"الرمى", melontar panah ataupun tombak. Untuk masa kini mungkin senjata api, meriam, peluru berpandu, roket dan lain sebagainya.

### Fiqh Hadis

Belajar melontar merupakan kewajipan yang diperintahkan Allah (s.w.t) untuk mempertahankan diri dari serangan musuh. Dengan kemahiran itulah umat Islam boleh berperang melawan mereka. Kewajipan ini bersifat fardu kifayah.

### Beberapa soalan

1. Sebutkan hadis yang membolehkan mengambil hadiah dalam perlumbaan!
2. Apa yang dimaksudkan dengan men-*tadhmir* kuda?
3. Apa maksud sabda Rasulullah (s.a.w): "لا سبق في نصل أو خف أو حافر"?
4. Apa maksud sabda Rasulullah (s.a.w): "من أدخل فرسا بين فرسين وهو لا يأمن أن يسبق فلا بأس به، لإن أمن فهو قمار"?
5. Apa yang menyebabkan hadis: "من أدخل فرسا..." menjadi dha'if?
6. Sebutkan hadis yang menjelaskan tafsir ayat berikut: "وأعدّوا لهم ما استطعتم من قوة ومن رباط الخيل ..."!

# KITAB MAKANAN

# KITAB MAKANAN

١٥٨- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "كُلُّ ذِي نَابٍ مِنَ السِّبَاعِ، فَأَكْلُهُ حَرَامٌ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

158. Daripada Abu Hurairah (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Setiap haiwan buas yang mempunyai taring, maka memakannya adalah haram." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1345)

١٥٩- وَأَخْرَجَهُ مِنْ حَدِيثِ ابْنِ عَبَّاسٍ بِلَفْظٍ: نَهَى، وَزَادَ: "وَكُلُّ ذِي مِخْلَبٍ مِنَ الطَّيْرِ".

159. Muslim pula meriwayatkan hadis daripada Ibn 'Abbas (r.a) dengan lafaz: 'melarang'. Beliau juga menambakan: "… dan setiap burung yang mempunyai cakar.": 1346.

**Makna Hadis**

Adalah suatu hikmah yang telah dianugerahkan oleh Allah (s.w.t) apabila hendak menjelaskan suatu hukum yang jenis objeknya tidak terbilang, Dia menggariskan satu hukum sahaja. Dia memberikan pengertian objek hukum tersebut sehingga mudah difahami.

Allah (s.w.t) telah menciptakan untuk kita segala sesuatu di muka bumi ini, sepertimana yang diterangkan dalam kitab-Nya. Kemudian Dia menjelaskan apa-apa yang diharamkan. Dia memerintahkan kepada Rasul-Nya untuk menyampaikan hukum-hukum yang tidak diterangkan di dalam kitab suci. Sebahagian daripada hukum tersebut adalah mengharamkan memakan haiwan buas yang bertaring atau burung yang bercakar, kerana dua jenis haiwan ini biasanya suka memakan bangkai. Memakan haiwan yang suka memakan bangkai dikhuatiri akan membahayakan kesihatan, di samping kemungkinan

membawa banyak virus.

Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَيُحِلُّ لَهُمُ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيۡهِمُ ٱلۡخَبَٰٓئِثَ ..... ﴿١٥٧﴾

"*… dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk;…*" (Surah al-A'raf: 157)

## Analisis Lafaz

"الناب", taring.

"السباع", haiwan buas semacam singa, harimau, serigala dan segala macam haiwan buas lain yang sering mengganggu binatang peliharaan dan bahkan manusia.

"مخلب", cakar haiwan, sama ada haiwan-haiwan yang hidup di daratan seperti singa ataupun haiwan yang hidup di udara, iaitu burung.

## Fiqh Hadis

1. Diharamkan memakan setiap haiwan buas yang mempunyai taring mengikut kesepakatan jumhur ulama, namun mereka berbeza pendapat mengenai pengertian buas. Apa sesungguhnya yang dimaksudkan dengan buas itu?
   - Menurut Abu Hanifah, haiwan buas adalah setiap haiwan yang memakan daging.
   - Menurut al-Syafi'i dan Imam Ahmad, haiwan buas adalah setiap haiwan yang mengganggu manusia, seperti singa dan harimau namun tidak termasuk musang, kerana haiwan ini tidak mengganggu manusia.
   - Menurut Ibn 'Abbas, Ibn 'Umar, 'Aisyah, al-Sya'bi dan Ibn Jarir bahawa daging haiwan buas halal dimakan dengan dalil firman Allah (s.w.t):

     قُل لَّآ أَجِدُ فِي مَآ أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَىٰ طَاعِمٍ يَطۡعَمُهُۥٓ إِلَّآ أَن يَكُونَ مَيۡتَةً أَوۡ دَمًا مَّسۡفُوحًا أَوۡ لَحۡمَ خِنزِيرٍ فَإِنَّهُۥ رِجۡسٌ أَوۡ فِسۡقًا أُهِلَّ لِغَيۡرِ ٱللَّهِ بِهِۦۚ ..... ﴿١٤٥﴾

     "*Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang*

*hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi - kerana sesungguhnya ia adalah kotor - atau sesuatu yang dilakukan secara fasik, iaitu binatang yang disembelih atas nama yang lain dari Allah"…"* (Surah al-An'am: 145) Menurut mereka, apa yang diharamkan itu adalah apa-apa yang telah disebutkan oleh al-Qur'an. Selain daripada itu hukumnya boleh.

- Pendapat tersebut ditolak. Ayat tersebut adalah ayat yang diturunkan di Makkah, manakala Abu Hurairah (r.a) memeluk Islam setelah perang Khaibar. Jadi hadis Abu Hurairah (r.a) telah memansukh ayat itu mengikut ulama yang mengakui bahawa hadis boleh memansukh ayat al-Qur'an seperti jumhur ulama selain Imam al-Syafi'i. Selain itu, bukankah ayat itu khusus untuk lapan pasang haiwan yang tersebut dalam Surah al-An'am?
- Menurut Malik, memakan haiwan buas hukumnya makruh dan tidak haram.

2. Diharamkan memakan setiap burung yang mempunyai cakar. Ini adalah pendapat Abu Hanifah, Imam al-Syafi'i, Imam Ahmad, Dawud al-Zahiri dan jumhur ulama. Sedangkan Imam Malik mengatakan hukumnya makruh dan tidak haram.

١٦٠- وَعَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: نَهَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ خَيْبَرَ عَنْ لُحُومِ الْحُمُرِ الْأَهْلِيَّةِ، وَأَذِنَ فِي لُحُومِ الْخَيْلِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ. وَفِي لَفْظِ الْبُخَارِيِّ: وَرَخَّصَ..

160. Daripada Jabir (r.a), beliau berkata: "Pada waktu perang Khaibar, Rasulullah (s.a.w) memakan daging himar kampung dan mengizinkan memakan daging kuda." (Muttafaq 'alaih sedangkan lafaz dalam Sahih al-Bukhari berbunyi: "… dan baginda memberi rukhsah...": 1347)

**Makna Hadis**

Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَيُحِلُّ لَهُمُ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيۡهِمُ ٱلۡخَبَٰٓئِثَ ..... ﴿١٥٧﴾

"*… dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk;…*" (Surah al-A'raf: 157). Ayat ini mengharamkan setiap sesuatu yang dianggap buruk atau jijik. Sifat buruk dapat diketahui menerusi beberapa kriteria berikut:

1. Semua sepakat mengatakan itu jijik dan buruk seperti tikus dan lain-lain sejenisnya.
2. Agama menyuruh untuk membunuhnya seperti burung gagak dan lain-lain sejenisnya.
3. Haiwan yang suka memakan bangkai seperti elang dan lain-lain sejenisnya.
4. Haiwan itu menjadi buruk atau dianggap jijik disebabkan sesuatu yang dimakannya, seperti haiwan yang memakan tahi ataupun najis yang selainnya.
5. Boleh merosakkan anggota fizikal, seperti racun dan sejenisnya.
6. Agama menganggapnya buruk dan menjijikkan. Inilah yang menjadi perbahasan dalam hadis yang disebutkan tadi. Dalam satu riwayat yang sahih disebutkan bahawa Rasulullah (s.a.w) melarang memakan daging himar kampung dan baginda mengatakan bahawa daging himar itu kotor ataupun najis.

**Analisis Lafaz**

"الحمر الأهلية", himar kampung atau himar jinak, sepertimana disebutkan oleh sebahagian riwayat.

"ورخّص" memberik keringanan, yakni membolehkan lantaran ada sesuatu.

**Fiqh Hadis**

Diharamkan memakan daging himar kampung. Inilah pendapat sahabat, tabi'in dan ulama setelahnya. Menurut Ibn 'Abbas (r.a), daging himar kampung tidak diharamkan. Beliau kemudian membaca ayat berikut:

قُل لَّآ أَجِدُ فِي مَآ أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَىٰ طَاعِمٍ يَطْعَمُهُۥٓ إِلَّآ أَن يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَّسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنزِيرٍ فَإِنَّهُۥ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهِلَّ لِغَيْرِ ٱللَّهِ بِهِۦ ..... ﴿١٤٥﴾

*"Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi - kerana sesungguhnya ia adalah kotor - atau sesuatu yang dilakukan secara fasik, iaitu binatang yang disembelih atas nama yang lain dari Allah"…"* (Surah al-An'am: 145)

Pendapat ini sama dengan pendapat 'Aisyah (r.a). Ibn 'Abbas (r.a) mengatakan alasan hadis mengharamkan himar itu kerana dikhuatiri bilangannya akan berkurang dan menyebabkan haiwan pembawa barang bekalan semakin sedikit seperti mana dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Majah dan yang lain.

Dalam Sahih al-Bukhari disebutkan Ibn 'Abbas (r.a) berkata: "Aku tidak tahu sama ada Rasulullah (s.a.w) mengharamkan himar kampung kerana khuatir kekurangan haiwan pembawa barang atau memang semata-mata mengharamkannya."

Pendapat Ibn 'Abbas ini dikritik oleh beberapa ulama. Ayat yang beliau sebutkan masih bersifat umum dan ayat itu khusus untuk lapan pasang haiwan yang tersebut dalam Surah al-An'am. Jadi ayat itu tidak boleh dijadikan sebagai dalil untuk menghalalkan himar kampung. Bukankah adanya pelbagai kemungkinan itu tidak mampu melawan nash hadis. Oleh itu, kita wajib kembali kepada nash hadis.

Imam Malik sependapat dengan Ibn 'Abbas (r.a). Beliau juga menghalalkan himar kampung. Tetapi dalam riwayatnya yang lain, Imam Malik sependapat dengan jumhur ulama yang mengharamkan himar kampung. Kadang kala beliau mengatakan hukumnya haram, dan kadang kala pula beliau mengatakan hukumnya makruh.

**Penting**

Abu Dawud dan ulama yang lain meriwayatkan hadis daripada Ghalib bin Abjar, beliau berkata: "Kami pernah ditimpa kelaparan. Keluargaku tidak mempunyai lagi sesuatu yang boleh dimakan melainkan lemak himar. Lalu aku pergi menjumpai Rasulullah (s.a.w) dan berkata: 'Tuan telah mengharamkan daging himar kampung, sedangkan kami sekarang sedang kelaparan.' Lalu baginda bersabda:

أَطْعِمِ أَهلَكَ مِن سَمِينِ حُمُرِكَ، فَإِنَّمَا حَرَّمتُهَا مِن جِهَةِ جِوَالِ القَريَةِ – يعنى الجَلَّالَةَ.

"Berilah makan keluargamu dari lemak himar itu. Aku mengharamkannya hanya kerana haiwan itu suka berjalan-jalan di kampong, yakni gemar memakan kotoran)."

Menurut al-Khatthabi, sanad hadis ini perlu dikaji semula kerana ia dha'if dengan sebab adanya perbezaan pendapat ulama dalam masalah itu. Al-Khatthabi menyatakan daging himar kampug diharamkan berdasarkan hadis riwayat Jabir (r.a). Menurut al-Khatthabi, sabda Nabi (s.a.w) yang berbunyi: "Aku mengharamkannya hanya kerana haiwan itu suka berjalan-jalan di kampung."

Himar yang bersifat "الجوال" maksudnya adalah himar yang suka berjalan-jalan, yakni himar yang memakan kotoran. Hadis yang menyebutkan demikian tidak benar adanya. Ini kerana dalm hadis yang lain ditegaskan Rasulullah (s.a.w) melarang memakan haiwan itu kerana ia kotor.

Selain itu ada pula hadis lain yang diriwayatkan oleh al-Thabarani darpada Ummu Nashr al-Muharibiyah bahawa ada seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah (s.a.w) tentang himar kampung. Maka baginda menjawab: "Bukankah haiwan itu digembala di padang rumput dan memakan tumbuhan?" Lelaki itu

menjawab: "Ya." Lalu baginda bersabda: "Ambillah dagingnya."

Ibn Abdul Barr berkata: "Hadis ini diriwayatkan oleh seorang periwayat sahaja, iaitu Ibrahim bin al-Mukhtar al-Razi daripada Ibn Ishaq. Ibrahim termasuk orang yang tidak dapat dipegang hadisnya.

Di samping itu, dibolehkan memakan daging kuda. Inilah pendapat al-Syafi'i, Imam Ahmad, Ishaq, dua murid Abu Hanifah, para sahabat dan tabi'in. Namun menurut Imam Malik dan mazhab Hanafi menurut riwayat yang masyhur, daging kuda diharamkan untuk dimakan. Mereka menjadikan hadis riwayat Khalid bin al-Walid (r.a) sebagai hujah. Dalam hadis itu disebutkan Rasulullah (s.a.w) melarang memakan daging kuda, keldai, himar dan setiap haiwan buas yang mempunyai taring.

Pendapat ini dikritik oleh ulama yang lain. Al-Bukhari mengatakan periwayat hadis ini perlu dipertanyakan. Sementara al-Baihaqi mengatakan sanad hadis ini *mudhtharib* dan berbeza dengan sanad yang tsiqah. Selain itu, hadis ini juga dinilai dha'if oleh Imam Ahmad, al-Daruquthni, al-Khatthabi, Ibn Abdul Barr, Abdul Haq dan ulama yang lain.

**Penting**

Ibn Hajar menambahkan satu kalimat dari lafaz hadis yang diriwayatkan al-Bukhari yang berbunyi: "…dan baginda memberi rukhsah." Tambahan ini dilakukan dengan tujuan memberitahukan bahawa daging kuda sebelumnya memang diharamkan. Tetapi hadis ini memberi *rukhsah* yang akhirnya tidak lagi mengharamkanya tersebut. Jadi daging kuda tidak diharamkan lagi.

Namun lafaz tersebut masih mengandungi banyak kemungkinan sam ada ia sabit atau sebaliknya. Jadi untuk menjadikannya sebagai dalil masih perlu dipertanyakan.

١٦١- وَعَنْ اِبْنِ أَبِي أَوْفَى رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: غَزَوْنَا مَعَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَبْعَ غَزَوَاتٍ نَأْكُلُ الْجَرَادَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

161. Daripada Ibn Abu Awfa (r.a), beliau berkata: "Kami berperang bersama Rasulullah (s.a.w) sebanyak tujuh kali. Selama dalam peperangan itu kami pernah memakan belalang." (Muttafaq 'alaih: 1348)

**Makna Hadis**

Di sini dapat difahami bahawa para sahabat Rasulullah (s.a.w) pernah memakan belalang bersama baginda. Ini ertinya Nabi (s.a.w) juga ikut memakan belalang itu.

Dalam hadis riwayat al-Bukhari malah redaksinya berbunyi:

نَأْكُلُ الجَرَادَ مَعَهُ.

"… kami memakan belalang bersamanya (Rasulullah (s.a.w).

Sementara dalam hadis Abu Nu'aim, redaksinya berbunyi

وَيَأْكُلُ مَعَنَا.

"Baginda makan bersama kami."

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dawud daripada Salman (r.a) disebutkan Nabi (s.a.w) pernah ditanya tentang belalang. Baginda menjawab:

لَا آكُلُهُ وَلَا أُحَرِّمُهُ.

"Aku tidak memakannya dan juga tidak mengharamkannya."

Akan tetapi menurut al-Mundziri, hadis ini dinilai cacat kerana mursal. Demikian pula pendapat Ibn 'Adi dalam biografinya tentang Tsabit bin Zuhair, periwayat hadis ini. Ia dikuatkan dengan hadis riwayat Nafi' daripada Ibn 'Umar (r.a) yang mengatakan hadis ini mursal.

Al-Nasa'i pula berpendapat Tsabit bukan seorang yang tsiqah. Dengan demikian, jelaslah Rasulullah (s.a.w) memang betul pernah memakan belalang bersama para sahabatnya.

## Analisis Lafaz

"الجراد", belalang. Kalimat ini menunjukkan seluruh jenis belalang sama ada belalang jantan atau betina tetap boleh dimakan.

## Fiqh Hadis

Dihalalkan memakan belalang. Menurut Imam al-Nawawi, pendapat ini merupakan ijma' ulama.

## Penting

Dalam Syarah al-Tirmizi, Ibn al-'Arabi berkata: "Belalang Andalus (Sepanyol) tidak boleh dimakan kerana membahayakan." Menurut pensyarah kitab ini, jangankan belalang malah haiwan yang halal pun bila dimasuki sesuatu benda yang membahayakan hukumnya juga haram, kerana haiwan itu sudah menjadi menjijikan.

١٦٢- وَعَنْ أَنَسٍ - فِي قِصَّةِ الْأَرْنَبِ - قَالَ: فَذَبَحَهَا، فَبَعَثَ بِوَرِكِهَا إِلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَبِلَهُ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

162. Daripada Anas (r.a) tentang kisah memakan kelinci … lalu beliau menyembelihnya dan menghantar tulang pinggulnya kepada Rasulullah (s.a.w) dan baginda menerimanya. (Muttafaq 'alaih: 1349)

**Makna Hadis**

Kisah selengkapnya ada dalam hadis diriwayatkan daripada Anas (r.a). Beliau berkata: "Kami berburu seekor kelinci yang ketika itu kami sedang berada di Marr al-Zhahran). Orang ramai sudah berusaha mengejarnya tetapi mereka akhirnya kepenatan. Akulah yang berjaya menangkapnya. Kelinci itu aku bawa kepada Abu Thalhah (r.a). Lalu beliau menyembelihnya dan menghantar tulang pinggulnya (atau pahanya) kepada Rasulullah (s.a.w) dan baginda menerimanya."

**Analisis Lafaz**

"بِوَرِكِها", tulang pinggul, yakni tulang yang berada di atas paha.

**Fiqh Hadis**

Ulama bersepakat dihalalkan memakan daging kelinci sementara itu ada pula ulama yang berpendapat makruh memakannya berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Ibn 'Umar (r.a), Ikrimah (r.a) dan Ibn Abu Laila (r.a). Abu Hanifah seperti mana diceritakan oleh al-Rafi'i berpendapat daging kelinci haram dimakan. Namun riwayat yang masyhur menurut mazhab Hanafi justeru menghalalkannya. Dalil mereka adalah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Baihaqi daripada Ibn 'Umar (r.a): "… Kelinci itu dibawa kepada Nabi (s.a.w). Baginda tidak memakannya namun tidak melarang orang untuk memakannya."

Dalam Musnad Ishaq juga terdapat hadis yang sama daripada Ibn 'Umar. Selain hadis itu, mereka juga berhujah dengan hadis daripada Khuzaimah bin Juz' secara marfu':

لَا آكُلُهُ وَلَا أُحَرِّمُهُ.

"Aku tidak memakannya dan aku juga tidak mengharamkannya."

Sanad hadis ini dha'if dan hadis dha'if tidak menghapus ketentuan hadis sahih.

١٦٣- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: نَهَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ قَتْلِ أَرْبَعٍ مِنَ الدَّوَابِّ: النَّمْلَةُ وَالنَّحْلَةُ وَالْهُدْهُدُ وَالصُّرَدُ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

163. Daripada Ibn 'Abbas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melarang membunuh empat jenis haiwan: semut, lebah, burung hud-hud dan burung surad." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Dawud serta dinilai sahih oleh Ibn Hibban: 1350)

**Makna Hadis**

Para ulama ramai mempersoalkan sama ada haiwan yang tidak boleh dibunuh dagingnya juga haram dimakan. Dalam perkara ini ulama berbeza pendapat. Perbezaan pendapat inilah yang mendorong Ibn Hajar mengemukakan hadis Ibn 'Abbas (r.a) sebagai dalil untuk memperkuat pendapat bahawa haiwan yang haram dibunuh, dagingnya juga haram dimakan. Ini kerana seandainya haiwan-haiwan itu halal dimakan tentu tidak dilarang membunuhnya.

**Analisis Lafaz**

"الصُّرَد", *shurad*. Menurut pengarang kitab al-Nihayah, *shurad* adalah jenis burung yang mempunyai kepala dan paruh yang besar. Bulu sayapnya besar. Separuh daripada bulu sayapnya itu berwarna putih manakala separuhnya lagi berwarna hitam.

"وصححه ابن حبان", menurut al-Baihaqi, hadis ini paling sahih dalam bab ini dan para periwayatnya pula tsiqah. Al-Nawawi menyebutkan hadis ini sahih mengikut syarat al-Bukhari dan Muslim. Selain itu, hadis ini juga dinilai sahih oleh beberapa ulama yang lain seperti al-Hafiz al-Isybili, al-Khatthabi dan al-Bughawi.

**Fiqh Hadis**

1. Dilarang membunuh semut. Menurut al-Dumairi, maksud hadis ini adalah semut Sulaiman yang besar, seperti mana yang dikatakan oleh al-Khatthabi dan al-Bughawi di dalam Syarah Sunnah manakala semut kecil pula dibolehkan membunuhnya. Imam Malik berpendapat membunuh semut hukumnya makruh kecuali jika semut itu menyakiti dan untuk menghentikan gangguan itu tidak cara lain selain membunuhnya.
2. Dilarang membunuh burung hud-hud dan burung shurad. Al-Shan'ani mengatakan jumhur ulama mengharamkan memakan daging burung

itu.

١٦٤- وَعَنِ ابْنِ أَبِي عَمَّارٍ قَالَ: قُلْتُ لِجَابِرٍ: الضَّبُعُ صَيْدٌ هِيَ؟ قَالَ: نَعَمْ. قُلْتُ: قَالَهُ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: نَعَمْ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ وَصَحَّحَهُ الْبُخَارِيُّ وَابْنُ حِبَّانَ.

164. Daripada Ibn Abu 'Ammar, beliau berkata: "Saya pernah bertanya kepada Jabir (r.a) sama ada *dhabu'* termasuk haiwan buruan. Jabir (r.a) menjawab: 'Ya.' Lalu, aku bertanya lagi: 'Apakah Rasulullah (s.a.w) yang mengatakan demikian?' Jabir (r.a) menjawab: 'Ya'." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Arba'ah, dinilai sahih oleh al-Bukhari dan Ibn Hibban: 1351)

**Makna Hadis**

Sebelum ini telah disinggung kaedah asas hukum Islam, di mana haiwan yang halal dibunuh bererti halal juga dimakan. Demikian pula sebaliknya, apabila haiwan itu haram dibunuh bererti ia haram juga dimakan.

Menurut pensyarah kitab ini, kaedah ini tidak selalu demikian, sebaliknya ada syarat-syarat tertentu yang harus diperhatikan.

Hadis yang dibahas sekarang ini membincangkan kaedah tersebut. Ketika Jabir (r.a) ditanya tentang hukum membunuh haiwan yang disebutkan itu maka dia juga bermaksud memakannya juga dibolehkan, kerana perkataan 'berburu' maknanya tidak bukan sekadar membunuh sahaja tetapi juga untuk dimakan.

**Analisis Lafaz**

"ابن أبي عمار", Ibn Abu 'Ammar adalah 'Abdurrahman al-Makki. Orang ini dianggap tsiqah oleh Abu Zur'ah dan al-Nasa'i.

"الضَّبُع", *dhabu'*, iaitu seekor binatang buas, kepalanya seperti kepala anjing, ekornya pendek, badannya lebih kecil daripada singa tetapi lebih besar daripada serigala. Kalimat ini digunakan untuk kedua-dua jenis haiwan itu; jantan dan betina. Ada yang mengatakan haiwan ini mempunyai keunikan di mana setiap tahun ia berganti-ganti jantina. Jika tahun ini ia jantan maka tahun berikutnya ia berubah menjadi betina. Demikianlah seterusnya.

**Fiqh Hadis**

Dibolehkan memakan *dhabu'*. Al-Khatthabi berkata: "Daripada Sa'ad bin Abu Waqqash (r.a) bahawa beliau memakan haiwan itu.

Ibn 'Abbas (r.a), Atha', al-Syafi'i, Imam Ahmad, Abu Tsaur dan Ishaq menghalalkan haiwan itu. Sementara al-Tsauri, ashab al-raỳ dan Malik memakruhkannya. Mereka mengatakan *dhabu'* adalah binatang buas, sedangkan Rasulullah (s.a.w) melarang memakan binatang buas yang mempunyai taring.

Menurut al-Khatthabi, *dhabu'* memang termasuk binatang buas. Tetapi ada dalil yang mengkhususkan dan mengeluarkan haiwan itu daripada kaidah asas itu. Hadis yang melarang memakan haiwan buas yang bertaring memang benar adanya. Akan tetapi hadis Ibn Abu Ammar ini bersifatnya khusus.

Menurut pensyarah kitab ini, ulama yang memakruhkan *dhabu'* juga memiliki dalil, iaitu hadis daripada Khuzaimah bin Juz' yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi secara marfu': "Apakah ada orang yang memakan *dhabu'*?"

Dalam sanad hadis ini, terdapat nama Abdul Karim, Abu Umayyah bin Abu al-Makhariq. Orang ini dianggap dha'if dan orang yang mengambil riwayat daripada Abdul Karim adalah Isma'il bin Muslim yang kedudukannya sebagai periwayat masih diperdebatkan.

١٦٥- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ سُئِلَ عَنِ الْقُنْفُذِ، فَقَالَ: "قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ"، فَقَالَ شَيْخٌ عِنْدَهُ: سَمِعْتُ أَبَا هُرَيْرَةَ يَقُولُ: ذُكِرَ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: إِنَّهَا خَبِيثَةٌ مِنْ الْخَبَائِثِ". فَقَالَ ابْنُ عُمَرَ: إِنْ كَانَ

165. Daripada Ibn 'Umar (r.a) bahawa beliau pernah ditanya tentang *qunfudz*. Beliau menjawab: "*Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya…*" (Surah al-An'am: 145). Lalu seorang tua yang berada di sisinya berkata: "Aku pernah mendengar Abu Hurairah (r.a) berkata: 'Seseorang pernah menanyakan tentang haiwan itu kepada Rasulullah (s.a.w) dan baginda bersabda: 'Haiwan itu termasuk sesuatu yang menjijikkan'.' Lalu Ibn 'Umar (r.a) berkata: "Jika Rasulullah (s.a.w) bersabda demikian, maka aku pun akan mengatakan demikian pula." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Dawud, namun sanadnya dha'if: 1352)

**Makna Hadis**

Pada mulanya Ibn 'Umar (r.a) berpegang dengan ayat yang beliau baca yakni Surah al-An'am ayat 145 bahawa haiwan itu tidak termasuk yang diharamkan memakannya. Orang yang hadir dalam majelis itu memahami Ibn 'Umar (r.a) menghalalkan haiwan itu. Tetapi setelah mendengar hadis Nabi (s.a.w) yang mengatakan bahawa haiwan itu termasuk sesuatu yang menjijikkan, beliau lalu membaca ayat berikut:

..... وَيُحِلُّ لَهُمُ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيۡهِمُ ٱلۡخَبَٰٓئِثَ ..... ﴿١٥٧﴾

"*... dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk;...*" (Surah al-A'raf: 157). Dan Ibn 'Umar (r.a) akhirnya tidak lagi berpegang dengan Surah al-An'am ayat 145.

**Analisis Lafaz**

"القنفذ, menggunakan huruf *qaf* yang dibaca *dhammah*, huruf nun dibaca *sukun*, huruf fa' dibaca *dhammah* dan huruf pada bahagian akhir adalah dzal.

"قل لا أجد فى ما أوحى إلى محرّما", Ibn 'Umar (r.a) membacakan ayat yang membolehkan memakan haiwan itu (qunfudz).

"فهو كما قال", haram.

"وإسناده ضعيف", sanadnya dha'if kerana nama periwayat yang menyampaikan hadis tidak diketahui. Al-Khatthabi mengatakan bahawa sanad yang sedia ada itu tidak betul. Sedangkan al-Baihaqi mengatakan sanadnya tidak kuat kerana periwayatnya tidak diketahui namanya.

**Fiqh Hadis**

Diharamkan memakan *qunfudz* mengikut al-Rafi'i, inilah pendapat Abu Hanifah dan Imam Ahmad. Sedangkan Malik dan Ibn Abu Laila malah menghalalkannya. Pendapat ini lebih kuat kerana tidak ada dalil yang mengharamkannya. Selain itu, bukankah semua haiwan asal hukumnya adalah halal. Ini hanya masalah perbezaan pendapat ulama sahaja.

١٦٦- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: نَهَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْجَلَّالَةِ وَأَلْبَانِهَا. أَخْرَجَهُ الْأَرْبَعَةِ إِلَّا النَّسَائِيُّ، وَحَسَّنَهُ التِّرْمِذِيُّ.

166. Daripada Ibn 'Umar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melarang memakan *jallalah* dan juga meminum susunya." (Diriwayatkan oleh al-Arba'ah selain al-Nasa'i dan dinilai hasan oleh al-Tirmizi: 1353)

**Makna Hadis**

Kita sedia maklum bahawa sesuatu yang menjijikan itu diharamkan. Sesuatu yang menjijikkan itu dapat diketahui melalui beberapa tanda yang antara lain adalah haiwan itu suka makan kotoran dan najis-najis lainnya. *Jallalah* adalah haiwan yang suka makan kotoran. Inilah yang menyebabkan ia diharamkan.

### Analisis Lafaz

"الجلالة", *jallalah* adalah haiwan sama ada unta, lembu, kambing ataupun ayam yang suka makan kotoran dan najis-najis lainnya.

"وحسنه الترمذى", dinilai hasan oleh al-Tirmidzi. Hadis ini sahih kerana dikuatkan oleh banyak hadis yang lain di samping memiliki jalur riwayat yang banyak.

### Fiqh Hadis

Diharamkan memakan haiwan *jallalah* dan meminum susunya mengikut mazhab al-Tsauri dan Imam Ahmad dalam satu riwayat. Al-Khatthabi berkata: "Ulama masih berbeza pendapat tentang hukum memakan haiwan ini. Kelompok ashab al-ra`yi, al-Syafi'i dan Imam Ahmad memakruhkannya. Menurut mereka haiwan-haiwan itu tidak boleh dimakan melainkan setelah dikurung dan diberi makan rumput selama beberapa hari. Apabila dagingnya sudah bagus dan tidak berbau lagi maka dibolehkan memakannya."

Menurut al-Nawawi, haiwan itu tidak dinamakan *jallalah* kecuali jika makanan utamanya adalah kotoran dan najis-najis. Sementara yang lain pula berpendapat haiwan itu termasuk *jallalah* apabila ia berbau busuk.

Al-Khatthabi berkata: "Terdapat riwayat yang mengatakan bahawa untuk seekor lembu, boleh dimakan setelah diberi makan rumput selama empat puluh hari. Sedangkan ayam, menurut Ibn 'Umar (r.a), hendaklah dikurung terlebih dahulu selama tiga hari barulah boleh disembelih. Ibn Rahawaih berpendapat haiwan-haiwan itu boleh dimakan asalkan dagingnya dicuci sampai bersih. Sementara al-Hasan al-Bashri berpendapat daging haiwan itu boleh terus dimakan."

١٦٧- وَعَنْ أَبِي قَتَادَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ -فِي قِصَّةِ الْحِمَارِ الْوَحْشِيِّ- فَأَكَلَ مِنْهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

167. Daripada Abu Qatadah (r.a) –hadis tentang himar hutan–: "… Maka Rasulullah (s.a.w) pun memakannya." (Muttafaq 'alaih: 1354)

### Makna Hadis

Hadis di atas merupakan sepenggal daripada hadis yang terdapat dalam Sahih al-Bukhari perbahasan: berburu yang berbunyi:

"Pada suatu hari, Rasulullah (s.a.w) berangkat melaksanakan ibadah haji bersama beberapa orang sahabat. Di tengah perjalanan, tiba-tiba ada beberapa orang antara lain Abu Qatadah (r.a) yang membatalkan niat hajinya. Abu

Qatadah (r.a) berkata kepada sahabat yang lain: 'Ambillah jalan di tepi pantai supaya kita dapat berjumpa lagi.' Setelah beberapa orang itu balik lagi, mereka pun akhirnya berihram kecuali Abu Qatadah (r.a). Dalam perjalanan itu tiba-tiba nampak oleh mereka seekor himar hutan yang melintas. Maka Abu Qatadah (r.a) terus mengejarnya dan berjaya menangkap lalu menyembelihnya. Para sahabat yang lain ikut memakan dagingnya. Akan tetapi mereka lalu tertanya-tanya sama ada mereka boleh memakan daging haiwan buruan sedangkan mereka sedang berihram.

Para sahabat lalu membawa sisa daging yang mereka makan itu dan menghadap kepada Rasulullah (s.a.w). Setelah berjumpa dengan Rasulullah (s.a.w), mereka bertanya: Wahai Rasulullah, kami sedang berihram sedangkan Abu Qatadah tidak. Lalu kami melihat seekor himar hutan melintas. Abu Qatadah terus menangkap haiwan itu dan menyembelihnya dan kami pun turut memakan dagingnya. Aku sempat bertanya: 'Bolehkah kita memakan daging haiwan buruan sedangkan kita sedang berihram? Dan baki daging itu masih ada bersama kami.'

Rasulullah (s.a.w) balik bertanya: 'Adakah salah seorang di antara kamu yang menyuruh Abu Qatadah melakukan itu atau memberinya isyarat untuk memburunya?'

Mereka menjawab: 'Tidak.'

Maka Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Makanlah baki daging itu.' Dalam riwayat yang lain lafaznya berbunyi: "… maka baginda pun memakannya."

**Fiqh Hadis**

Ulama bersepakat bahawa dihalalkan memakan daging himar hutan.

١٦٨- وَعَنْ أَسْمَاءِ بِنْتِ أَبِي بَكْرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: نَحَرْنَا عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرَساً، فَأَكَلْنَاهُ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

168. Daripada Asma' binti Abu Bakar (r.a), beliau berkata: "Pada masa Rasulullah (s.a.w) kami pernah melakukan ibadah qurban dengan seekor kuda dan kami pun memakannya." (Muttafaq 'alaih: 1355)

**Makna Hadis**

Dibolehkan memakan daging kuda.

**Analisis Lafaz**

"نحرنا", perkataan *nahr* ini biasanya digunakan untuk menyebut unta. Dalam riwayat yang lain digunakan perkataan "ذبحنا" yang bermaksud kami menyembelih.

**Fiqh Hadis**

1. Dihalalkan memakan daging kuda.
2. Dibolehkan berqurban dengan haiwan yang boleh disembelih mengikut jumhur ulama.

١٦٩- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: أُكِلَ الضَّبُّ عَلَى مَائِدَةِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

169. Daripada Ibn 'Abbas (r.a), beliau berkata: "Di atas meja makan Rasulullah (s.a.w) pernah dihidangkan *dhab*." (Muttafaq 'alaih: 1356)

**Makna Hadis**

Hadis ini merupakan ringkasan cerita yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam tajuk: menyembelih haiwan buruan. Berikut kisah selengkapnya:

"Daripada Khalid bin al-Walid (r.a) bahawa beliau pernah menjumpai Rasulullah (s.a.w) di rumah Maimunah, isteri Rasulullah (s.a.w)). Lalu dibawakanlah seekor *dhab* yang sudah dipanggang. Rasulullah (s.a.w) lalu menyentuh daging itu untuk memakannya. Tiba-tiba ada seorang perempuan berkata: 'Beritahukan Rasulullah (s.a.w) apa yang hendak baginda makan'. Mereka pun bertanya: 'Adakah ini *dhab* wahai Rasulullah? Lalu, baginda mengangkat tangannya. Aku lalu bertanya: 'Adakah diharamkan memakannya, wahai Rasulullah?' Baginda menjawab: "Tidak, tetapi kerana haiwan ini tidak ada di negeriku maka akhirnya aku tidak berselera untuk memakannya."

Khalid bin al-Walid (r.a) lalu berkata: "Kemudian aku mencubit (menarik) daging haiwan itu dan memakannya sedangkan Rasulullah (s.a.w) menyaksikannya.

**Analisis Lafaz**

"الضب", *dhab* adalah seekor haiwan merayap dan bentuknya seperti kadal tetapi lebih besar. Menurut Ibn Khaliwaih, haiwan ini boleh hidup sampai tujuh ratus tahun. Ia sanggup tidak minum dan hanya akan terkencing setelah empat puluh hari. Kencingnya pun hanya setitik air sahaja. Giginya tidak pernah patah.

Menurut kepercayaan orang, memakan haiwan itu boleh menghilangkan rasa dahaga.

**Fiqh Hadis**

Dibolehkan memakan *dhab* mengikut jumhur ulama. Namun menurut Abu Hanifah dan dua orang muridnya, *dhab* itu haram. Mereka berdalil dengan hadis daripada 'Abdurrahman bin Syubl yang diriwayatkan oleh Abu Dawud bahawa Rasulullah (s.a.w) melarang memakan *dhab*. Hadis ini sanadnya hasan.

Pendapat ini ditolak kerana Rasulullah (s.a.w) melarang memakan *dhab* itu hanya kerana baginda khuatir sekiranya haiwan itu ternyata makhluk jadi-jadian atau jelmaan daripada umat terdahulu yang terkena laknat.

Imam Ahmad mengemukakan hadis yang diriwayatkan daripada Abdurrahman bin Hasanah secara marfu' yang disahihkan oleh Ibn Hibban disebutkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

إِنَّ أُمَّةً مِن بَنِي إِسرَائِيلَ مُسِخَت دَوَابٌّ فِي الأَرضِ فَأَخشَى أن تَكُونَ هَذِهِ فَاكفِئُوهَا.

"Terdapat sekumpulan orang dari kalangan bani Israel yang dilaknat menjadi haiwan merayap di muka bumi. Aku khuatir haiwan-haiwan itu adalah jelmaan mereka. Oleh itu janganlah kamu memakannya." Hadis ini dikuatkan oleh hadis lain yang terdapat dalam Shahih Muslim daripada Abu Sa'id (r.a).

Akan tetapi setelah itu Nabi (s.a.w) baru mengetahui bahawa laknat semacam itu tidak ada. Maka baginda bersabda:

إِنَّ اللهَ لَم يُمسِخ قَومًا فَيَجعَلُ لَهُم نَسلًا.

"Allah tidak pernah melaknat suatu kaum menjadi haiwan, lalu haiwan itu mempunyai keturunan." (Diriwayatkan oleh al-Thahawi daripada Ibn Mas'ud dan lafaznya diambil daripada Sahih Muslim)

١٧٠- وَعَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عُثْمَانَ الْقُرَشِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ طَبِيباً سَأَلَ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الضِّفْدَعِ يَجْعَلُهَا فِي دَوَاءٍ، فَنَهَى عَنْ قَتْلِهَا. أَخْرَجَهُ أَحْمَدُ وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ وَأَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ.

170. Daripada 'Abdurrahman bin Utsman al-Qurasyi (r.a) bahawa seorang tabib bertanya kepada Rasulullah (s.a.w) tentang kodok yang dijadikannya ubat penawar penyakit. Rasulullah (s.a.w) melarangnya membunuh kodok. (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan dinilai sahih oleh al-Hakim sedangkan Abu Dawud dan al-Nasa'i turut meriwayatkannya: 1357)

### Makna Hadis

Al-Baihaqi meriwayatkan satu hadis di dalam kitabnya al-Sunan daripada Ibn 'Umar (r.a) secara mawquf:

لَا تَقْتُلُوا الضَّفَادِعَ، فَإِن نَقِيقَهَا تَسبِيحٌ.

"Janganlah kamu membunuh kodok, kerana bunyinya itu merupakan tasbih." (Al-Baihaqi menilai sahih sanadnya)

Ada lagi hadis Anas (r.a) secara mawquf:

لَا تَقتُلُوا الضَّفَادِعَ ،فَإِنَّهَا مَرَّت عَلَى نَارِ إِبرَاهِيمَ فَجَعَلَتْ فِى أَفوَاهِهَا المَاءَ وَكَانَت تَرُشُّهُ عَلَى النَّارِ.

"Janganlah kamu membunuh kodok, kerana ia pernah melintas di atas api yang membakar Ibrahim. Kodok itu membawa air dari mulutnya dan menyiramkan air itu ke atas api."

Barangkali atas pertimbangan inilah dilarang membunuh kodok.

### Analisis Lafaz

"الضفدع", huruf *dhad* dibaca *kasrah*, huruf *fa'* dibaca *sukun* dan huruf *dal* dibaca *fathah*.

"يجعلها فى دواء", dibuat menjadi ubat dengan cara mencampur kodok itu ke dalam ramuan ubatan yang lain.

### Fiqh Hadis

Dilarang membunuh dan memakan kodok.

### Perawi hadis

'Abdurrahman bin 'Uthman al-Qurasyi (r.a) adalah Ibn 'Abdullah al-Taimi al-Qurasyi. Ulama berbeza pendapat tentang apabila tepatnya beliau menjadi muslim. Ada yang mengatakan ketika pembukaan kota Makkah dan ada pula yang mengatakan ketika perang al-Hudaibiyah. Beliau terbunuh bersama al-Zubair (r.a) dalam perang Uhud.

**Beberapa soalan**

1. Apa pendapat ulama tentang pengharaman binatang buas yang mempunyai taring? Jawab dengan menggunakan dalil!
2. Apa pendapat ulama tentang pengharaman burung yang mempunyai cakar? Jawab dengan menggunakan dalil!
3. Bagaimana cara mengenalpasti sesuatu itu (makanan) menjijikkan dan diharamkan oleh Allah?
4. Bolehkah memakan daging himar kampung?
5. Sahihkah hadis yang menghalalkan daging himar kampung? Bincangkan!
6. Bolehkah memakan daging kuda? Sebutkan pendapat ulama dalam masalah ini beserta dalil-dalilnya!
7. Bolehkah memakan daging belalang? Jawab dengan berdasarkan dalil!
8. Bolehkah memakan daging kelinci? Jawab dengan berdasarkan dalil!
9. Bolehkah membunuh semut?
10. Bolehkah membunuh atau memakan lebah, burung hud-hud dan burung shurad? Jawab dengan berdasarkan dalil!
11. Bolehkah memakan daging *dhabu'*? Jawab dengan menggunakan dalil!
12. Sahihkah hadis yang mengharamkan *qunfudz*? Sebutkan pendapat ulama tentang kehalalannya!
13. Sebutkan pendapat ulama tentang hukum memakan haiwan yang sudah menjadi *jallalah* secara jelas!
14. Bolehkah memakan daging himar hutan? Jawab dengan menggunakan dalil!
15. Bolehkah berqurban dengan haiwan yang boleh disembelih?
16. Bolehkah memakan daging *dhab*? Jawab dengan menggunakan dalil!
17. Bolehkah membunuh kodok? Jawab dengan menggunakan dalil!

## BAB PERTAMA
## PERBURUAN DAN PENYEMBELIHAN

Berburu dalam bahasa Arab disebut *al-Shayd* yang bermaksud berusaha untuk berburu dan haiwan buruan. Dalam kaitan ini, Allah (s.w.t) berfirman:

أُحِلَّ لَكُمْ صَيْدُ ٱلْبَحْرِ وَطَعَامُهُۥ مَتَٰعًا لَّكُمْ وَلِلسَّيَّارَةِ ۖ وَحُرِّمَ عَلَيْكُمْ صَيْدُ ٱلْبَرِّ مَا دُمْتُمْ حُرُمًا ۗ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ٱلَّذِىٓ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٩٦﴾

"*Dihalalkan bagi kamu binatang buruan laut, dan makanan yang didapati dari laut, sebagai bekalan bagi kamu (untuk dinikmati kelazatannya) dan juga bagi orang-orang yang dalam pelayaran; tetapi diharamkan atas kamu memburu binatang buruan darat selama kamu sedang berihram. Oleh itu, bertaqwalah kepada Allah, yang kepadaNya kamu akan dihimpunkan.*" (Surah al-Ma'idah: 96)

Allah (s.w.t) berfirman lagi:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَقْتُلُوا۟ ٱلصَّيْدَ وَأَنتُمْ حُرُمٌ ..... ﴿٩٥﴾

"*Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu membunuh binatang-binatang buruan ketika kamu sedang berihram…*" (Surah al-Ma'idah: 95)

Takrif berburu menurut istilah pula adalah usaha menangkap haiwan yang halal dimakan dan pada dasarnya haiwan itu bersifat liar, tidak dimiliki oleh sesiapa pun dan tidak pula dikuasai oleh orang lain.

١٧١- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنِ اتَّخَذَ كَلْباً إِلَّا كَلْبَ مَاشِيَةٍ أَوْ صَيْدٍ أَوْ زَرْعٍ اِنْتَقَصَ مِنْ أَجْرِهِ كُلَّ يَوْمٍ قِيرَاطٌ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

171. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Sesiapa memelihara anjing selain anjing penjaga haiwan ternak, anjing berburu dan anjing penjaga sawah, maka akan dikurangi pahalanya setiap hari sebanyak satu qirath'." (Muttafaq 'alaih: 1358)

## Makna Hadis

Alat yang digunakan dalam berburu ada tiga macam, iaitu:

1. Haiwan yang boleh melukai mangsa buruan, seperti elang.
2. Benda tajam semacam panah yang boleh menembusi kulit ataupun senjata yang selainnya.
3. *Mutsaqqal*, iaitu semacam jejaring yang dilemparkan ke arah burung ataupun sesuatu benda yang boleh membuat gerakan haiwan itu menjadi berat (lambat).[4]

Hadis Abu Hurairah (r.a) ini membahas tentang haiwan yang dapat membantu dalam kegiatan berburu, iaitu anjing. Ia termasuk haiwan yang boleh melukai mangsa. Hadis ini menjelaskan apabila anjing yang dipelihara itu bukan untuk tujuan berburu, bukan untuk menjaga haiwan ternakan dan bukan untuk menjaga kebun atau sawah, maka pemeliharaan itu akan menjadi dosa.

## Analisis Lafaz

"قيراط", ada riwayat lain dengan lafaz: "قيراطان", dua qirath.

Ibn Hajar berkata: "Ulama berbeza pendapat tentang maksud qirath di sini sama ada ia sama dengan apa yang dimaksudkan Nabi (s.a.w) ketika membahas tentang solat jenazah yang besarnya umpama gunung Uhud atau sebaliknya."

Ada yang berpendapat qirath yang dimaksud sama dengan qirath yang disebutkan Nabi (s.a.w). Ada pula yang berpendapat qirath yang termaktub dalam bab solat jenazah adalah lebih besar kerana bab jenazah bercerita tentang keutamaan, sedangkan di sini berkaitan dengan hukuman.

Menurut Ibn Hajar, ulama berbeza pendapat tentang dua riwayat yang berlainan mengenai qirath. Ada yang mengatakan dua qirath yang ada dalam bab solat jenazah tujuannya menjaga diri daripada seksaan api neraka. Ada pula yang berpendapat pengurangan dua qirath itu apabila terjadi banyak kemudharatan dan pengurangan satu qirath apabila tidak terjadi banyak kemudharatan.

Beberapa ulama mengatakan, pahala akan dikurangi apabila memelihara anjing di kota Madinah atau kota selainnya. Ada pula yang mengatakan, pahala

[4] Menurut sebahagian ulama, apa yang dimaksudkan dengan *mutsaqqal* adalah *mi'radh* dan setiap alat yang dapat membunuh haiwan buruan tanpa melukainya. Ia membunuh dengan sebab beratnya, bukan kerana ketajamannya.

dikurangi apabila memelihara anjing di tempat yang membuat anjing itu bercampur dengan manusia ataupun tidak.

Selanjutnya ulama berbeza pendapat pula dalam perkara pengurangan pahala, sama ada yang dikurangi itu adalah pahala daripada amalan yang telah lalu ataupun amalan yang akan datang?

**Fiqh Hadis**

Dilarang memelihara anjing kecuali dengan tujuan berburu, menjaga haiwan ternakan atau menjaga sawah dan kebun. Mazhab Syafi'i menyebutkan anjing yang dipelihara untuk dididik juga dibolehkan. Menurut mereka, larangan yang terdapat di dalam hadis ini bermaksud haram.

Ibn Abdul Barr berkata: "Ulama bersepakat anjing yang dibolehkan untuk dipelihara adalah anjing yang tidak dilarang membunuhnya oleh ulama, seperti anjing ganas.

**Penting!**

Al-Shan'ani berkata: "Hikmah daripada pengharaman ini adalah sekiranya anjing itu tetap berada di rumah, maka ia membuat orang lain merasa takut, di samping malaikat tidak mahu memasuki rumah yang ada anjingnya. Bukankah apabila malaikat masuk ke suatu rumah, maka orang yang tinggal di rumah itu mudah berbuat taat dan jauh daripada maksiat? Selain itu, memelihara anjing juga dapat mengotori (meninggalkan najis) di pelbagai tempat.

**Penting!**

Al-Qadhi 'Iyadh berkata: "Banyak ulama yang memfatwakan untuk membunuh anjing selain anjing yang disebutkan oleh hadis tersebut di atas mengikut Malik dan pengikutnya. Tetapi ada pula ulama yang membolehkan memelihara anjing secara mutlak dan tidak boleh dibunuh, melainkan anjing hitam yang ganas."

Menurut al-Qadhi 'Iyadh, larangan memelihara dan perintah membunuh itu asalnya bersifat umum. Kemudian datang lagi larangan membunuh anjing-anjing itu selain anjing hitam yang ganas. Jadi semua jenis anjing tidak boleh dipelihara kecuali anjing-anjing yang dikhususkan oleh hadis tersebut.

١٧٢- وَعَنْ عَدِيِّ بنِ حَاتِمٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ لِي رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا أَرْسَلَتَ كَلْبَكَ فَاذْكُرِ اسْمَ اللهِ، فَإِنْ أَمْسَكَ عَلَيْكَ فَأَدْرَكْتَهُ حَيًّا فَاذْبَحْهُ، وَإِنْ أَدْرَكْتَهُ قَدْ قُتِلَ وَلَمْ يُؤْكَلْ مِنْهُ فَكُلْهُ، وَإِنْ وَجَدْتَ مَعَ كَلْبِكَ كَلْبًا غَيْرَهُ وَقَدْ قُتِلَ

فَلَا تَأْكُلْ؛ فَإِنَّكَ لَا تَدْرِي أَيَّهُمَا قَتَلَهُ، وَإِنْ رَمَيْتَ سَهْمَكَ فَاذْكُرِ اسْمَ اللهِ، فَإِنْ غَابَ عَنْكَ يَوْمًا، فَلَمْ تَجِدْ فِيهِ إِلَّا أَثَرَ سَهْمِكَ، فَكُلْ إِنْ شِئْتَ، وَإِنْ وَجَدْتَهُ غَرِيقاً فِي الْمَاءِ، فَلَا تَأْكُلْ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَهَذَا لَفْظُ مُسْلِمٍ.

172. Daripada 'Adi bin Hatim (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Jika kamu melepas anjingmu, sebutlah nama Allah. Jika anjing itu telah menangkap seekor haiwan untukmu, sedangkan haiwan yang kamu dapati itu masih hidup, maka sembelihlah. Jika anjing itu telah membuatnya mati, sedangkan sebahagian dagingnya tidak dimakan anjing itu, maka makanlah daging itu. Jika kamu menemukan ada anjing lain bersama anjingmu dan ia juga ikut membunuh haiwan buruanmu, maka janganlah dimakan, kerana kamu tidak tahu anjing mana yang telah membunuhnya. Jika kamu melontarkan panahmu, maka sebutlah nama Allah. Jika haiwan buruanmu itu lari dan menghilang selama satu hari, kemudian kamu menemukannya semula, dan kamu dapati haiwan itu tidak terkena apa-apa melainkan hanya bekas panahmu, maka makanlah jika kamu mahu. Tetapi jika kamu mendapatinya dalam keadaann tenggelam di air, maka janganlah kamu memakannya'." (Muttafaq 'alaih dan lafaznya diambil dari riwayat Muslim: 1359)

**Makna Hadis**

Hadis ini menjelaskan beberapa syarat sahnya haiwan buruan yang didapatkan dengan menggunakan dua alat berburu: anjing pemburu dan benda tajam.

Supaya kegiatan berburu dengan menggunakan anjing pemburu menjadi sah, maka disyaratkan membaca *basmalah* ketika melepas anjing itu dan haiwan yang ditangkap anjing itu harus hidup. Jika haiwan itu mati, boleh dimakan apabila tidak ada sebahagian anggota badannya yang dimakan anjing itu. Selain itu, jangan sampai ada anjing lain yang juga ikut menangkap haiwan buruannya.

Hadis ini juga mensyaratkan agar ketika melemparkan senjata seperti panah atau benda tajam yang lain hendaklah diiringi dengan membaca *basmlah*.

Hadis ini juga menerangkan fakta yang sering terjadi, iaitu kadang-kadang haiwan buruan itu lari dan menghilang. Jika ia ditemukan semula, disyaratkan agar tidak ada bekas luka kecuali luka akibat senjata yang pernah dia lemparkan dan juga tidak ada penyebab kematian yang lain.

Selain itu, hadis ini juga menerangkan larangan memakan haiwan buruan yang telah menghilang tetapi setelah ditemukan haiwan itu telah mati akibat tenggelam di air. Ini kerana besar kemungkinan, yang membuat haiwan itu mati adalah lemas di dalam air, bukan kerana luka terkena panah. Ini yang dimaksudkan dengan *munkhaniq* yang disebutkan di dalam al-Qur'an.

**Analisis Lafaz**

"أرسلت", kamu lepas dan kamu ikuti ketika berburu.

"كلبك", ada sebahagian riwayat yang menambahkan: "المعلم", yakni anjing yang sudah dilatih.

"أمسك", ambil dan tahan.

"فأدركته", haiwan yang kamu dapati.

"قد قتل", anjing itu telah membuatnya mati.

"يوما", selama satu hari. Jangka waktu yang disebutkan hadis ini hanya sebagai contoh, bukan syarat.

**Fiqh Hadis**

1. Haiwan yang diburu anjing tidak halal dimakan, kecuali jika anjing itu dilepas sendiri oleh pemiliknya. Inilah pendapat juhmur ulama. Ada ulama yang berpendapat bahawa 'melepas' merupakan syarat sah. Selain itu, anjingnya harus anjing yang sudah dididik atau dilatih untuk itu.
2. Anjing yang dilepas mestilah anjing yang sudah dididik (cerdik). Menurut al-Qurthubi, tidak ada perbezaan pendapat ulama tentang dua butiran yang menunjukkan anjing itu telah terdidik. Pertama, apabila disuruh, ia akan melaksanakannya dan apabila dilarang ia akan menjauhinya. Sedangkan al-Syafi'i dan jumhur ulama mensyaratkan anjing itu boleh mengambilkan sesuatu untuk pemiliknya. Sementara Malik menurut riwayat yang masyhur tidak memasukkan syarat semacam ini.
3. Disyaratkan membaca *basmlah* ketika melepas anjing itu. Mazhab Hanafi mewajibkannya kepada sesiapa yang ingat, bahkan ketika menyembelihnya pun diwajibkan membaca *basmlah*. Sedangkan Ibn 'Abbas, Malik dan Imam Ahmad menurut satu riwayat berpendapat *basmlah* hanya disunatkan dengan dalil firman Allah (s.w.t):

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ ٱلْمَيْتَةُ وَٱلدَّمُ وَلَحْمُ ٱلْخِنزِيرِ وَمَآ أُهِلَّ لِغَيْرِ ٱللَّهِ بِهِۦ وَٱلْمُنْخَنِقَةُ وَٱلْمَوْقُوذَةُ وَٱلْمُتَرَدِّيَةُ وَٱلنَّطِيحَةُ وَمَآ أَكَلَ ٱلسَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ ..... ﴿٣﴾

*"Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya), dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah, dan yang mati tercekik, dan yang mati dipukul, dan yang mati jatuh dari tempat yang tinggi, dan yang mati ditanduk, dan yang mati dimakan binatang buas, kecuali yang*

*sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya),…"* (Surah al-Ma'idah: 3)

Allah (s.w.t) berfirman:

ٱلۡيَوۡمَ أُحِلَّ لَكُمُ ٱلطَّيِّبَٰتُۖ وَطَعَامُ ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡكِتَٰبَ حِلٌّ لَّكُمۡ وَطَعَامُكُمۡ حِلٌّ لَّهُمۡۖ ..... ﴿٥﴾

*"Pada masa ini dihalalkan bagi kamu (memakan makanan) yang lazat-lazat serta baik-baik. Dan makanan (sembelihan) orang-orang yang diberikan Kitab itu adalah halal bagi kamu, dan makanan (sembelihan) kamu adalah halal bagi mereka (tidak salah kamu memberi makan kepada mereka)…"* (Surah al-Ma'idah: 5)

4. Diwajibkan menyembelih haiwan buruan yang ditangkap oleh anjing, jika masih hidup mengikut kesepakatan ulama. Namun apabila haiwan itu ditemukan masih hidup tetapi saluran pernafasan atau saluran penghadamannya telah terputus, maka haiwan itu halal dimakan tanpa harus disembelih lagi.
5. Sesiapa yang menemukan haiwan buruan dalam keadaann mati kerana dimakan anjing, maka daging haiwan itu haram dimakan, kerana sepertimana yang disabdakan Rasulullah (s.a.w):

إِنِّى أَخَافُ أَن يَكُونَ إِنَّمَا أَمسَكَ عَلَى نَفسِهِ.

"Aku khuatir anjing itu menangkapnya untuk dirinya sendiri." Inilah yang dimaksudkan oleh firman Allah (s.w.t):

..... فَكُلُواْ مِمَّآ أَمۡسَكۡنَ عَلَيۡكُمۡ وَٱذۡكُرُواْ ٱسۡمَ ٱللَّهِ عَلَيۡهِۖ ..... ﴿٤﴾

*"…Oleh itu makanlah dari apa yang mereka tangkap untuk kamu dan sebutlah nama Allah atasnya (ketika kamu melepaskannya berburu);…"* (Surah al-Ma'idah: 4) Inilah pendapat jumhur ulama. Sungguhpun begitu, ada riwayat lain daripada 'Ali dan beberapa sahabat Rasulullah (s.a.w) yang menghalalkannya dan inilah mazhab Maliki. Mereka mengemukakan dalil dengan hadis Abu Tsa'labah yang diriwayatkan oleh Abu Dawud dengan sanad hasan secara *marfu"*: "Makanlah setiap haiwan yang ia tangkap untukmu." Abu Tsa'labah bertanya: "Bagaimana jika anjing itu memakannya?" Nabi (s.a.w) bersabda: "Sekalipun ia memakannya." Mereka juga berdalil dengan hadis Salman (r.a): "Makanlah sekalipun kamu menemukan haiwan itu hanya tinggal separuh."

Ada ulama yang cuba menyatukan perbezaan ini. Menurut mereka, mungkin yang diharamkan oleh hadis 'Adi ini apabila anjing itu tidak biasa memakan haiwan yang hendak diburu. Jadi apabila memakan haiwan itu memang sudah menjadi kebiasaannya, maka daging haiwan buruan itu menjadi halal. Ada pula yang mengatakan, mungkin larangan

yang terdapat dalam hadis 'Adi ini bersifat *tanzih* (makruh). dan hadis Tsa'labah adalah mengikut hukum asal (halal). Selain itu, 'Adi adalah seorang kaya dan Abu Tsa'labah adalah seorang miskin.

Ada pula ulama yang menguatkan salah satu daripada dua hadis yang berlawanan ini. Menurut mereka, hadis 'Ady lebih kuat, kerana riwayatnya lebih sahih, di samping ia disokong oleh ayat al-Quràn.

6. Jika ada anjing lain bersama anjing pemburu itu dan haiwan buruannya telah terbunuh, sedangkan pemiliknya tidak tahu anjing mana yang telah membunuhnya, maka daging haiwan itu tidak halal dimakan.
7. Disyaratkan membaca *basmalah* ketika melempar panah atau senjata tajam. Pendapat ulama tentang masalah ini sama seperti pendapat mereka tentang anjing pemburu.
8. Jika haiwan buruan menghilang selama satu hari, kemudian ditemukan dalam keadaan mati, sedangkan di tubuhnya tidak ada bekas luka lain kecuali bekas panah atau senjata yang semalam dia lemparkan, maka daging haiwan itu halal dimakan. Dalam kaitan ini, Muslim meriwayatkan hadis Abu Tsa'labah tentang orang yang menemukan haiwan buruannya setelah tiga hari. Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Makanlah selagi tidak busuk." Tetapi ada pula riwayat yang menyebutkan lafaznya: "Makanlah selagi ia tidak bermalam." Perbezaan riwayat inilah yang menyebabkan para ulama berbeza pendapat.
9. Jika haiwan buruan itu dijumpai telah mati kerana tenggelam di dalam air, maka haiwan itu haram dimakan.

١٧٣- وَعَنْ عَدِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَأَلْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ صَيْدِ الْمِعْرَاضِ فَقَالَ: "إِذَا أَصَبْتَ بِحَدِّهِ فَكُلْ، وَإِذَا أَصَبْتَ بِعَرْضِهِ، فَقُتِلَ، فَإِنَّهُ وَقِيذٌ، فَلَا تَأْكُلْ". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

173. Daripada Adi (r.a), beliau berkata: "Aku bertanya kepada Rasulullah (s.a.w) tentang buruan yang dilempar dengan *mi'radh*. Baginda menjawab: 'Jika kamu membunuh haiwan itu dengan ketajamannya (*mi'radh*), maka makanlah. Tetapi jika kamu membunuhnya dengan bagian tepinya (*mi'radh*) saja lalu haiwan itu terbunuh, maka haiwan itu termasuk *waqidz* dan janganlah kamu memakannya'." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1360)

**Makna Hadis**

Hadis ini merupakan lanjutan daripada hadis sebelumnya, namun hadis ini hanya terdapat dalam riwayat al-Bukhari saja dan tidak ada dalam riwayat Muslim. Seperti sedia maklum, alat yang boleh digunakan dalam berburu

ada tiga macam dan kita juga telah menyebutkan bahagian yang ketiga, iaitu *mutsaqqal*. Alat ini ada dua macam. Salah satunya adalah *mi'radh*. Inilah yang menjadi tajuk perbahasan kita.

Haiwan buruan yang terkena sudut tajam dari senjata ini boleh dimakan, sedangkan yang terkena sudut tepinya tidak boleh dimakan, kerana ia sama dengan *waqidz*. Di dalam al-Qur'an telah disebutkan haram memakan haiwan yang mati dengan cara semacam itu (*waqidz*).

**Analisis Lafaz**

"المعراض", *mi'radh*. Pengertian *mi'radh* ini banyak sekali antara lain adalah:

- Menurut al-Khalil, *mi'radh* adalah panah tanpa bulu dan tanpa besi tajam di hujungnya.
- Menurut Ibn Duraid dan Ibn Sayyidih, *mi'radh* adalah panah panjang dengan empat sayap tipis. Apabila dilemparkan, panah itu akan terbang miring.
- Menurut al-Khatthabi, *mi'radh* adalah hujung besi yang lebar dan memakai pemberat.
- Ada yang mengatakan *mi'radh* itu kayu yang kedua hujungnya tajam, sedangkan tengahnya berbentuk bulatan yang besar.
- Ada pula yang mengatakan *mi'radh* itu kayu yang berat. Hujung belakangnya berupa tongkat, sedangkan hujung depannya besi tajam. Terkadang besinya tidak tajam. Pendapat ini dikuatkan oleh al-Nawawi dan al-Qadhi 'Iyadh. Al-Qurthubi berkata: "Pengertian *mi'radh* seperti yang disebutkan ini sudah masyhur."
- Menurut Ibn al-Tin, *mi'radh* adalah tongkat yang di tengahnya ada besi tajam. Jika haiwan buruan terkena besi itu, maka hukumnya sama dengan sembelihan. Tetapi jika tidak, maka hukumnya sama dengan *waqidz*.

"وقيذ", *waqidz* diertikan sebagai haiwan yang terbunuh tidak sepenuhnya atau haiwan yang mati terkena batu ataupun benda yang tidak tajam, atau haiwan yang dipukul dengan kayu sampai mati.

**Fiqh Hadis**

Diharamkan memakan haiwan yang dibunuh dengan kayu dan demikian pula setiap haiwan yang dilempar dengan *mi'radh* mengikut pendapat keempat mazhab fiqh. Mereka berpendapat semua haiwan buruan yang ditangkap dengan *mutsaqqal* dagingnya tidak halal. Namun al-Awza'i, Makhul dan beberapa ulama Syam menghalalkan haiwan yang dilempar dengan *mi'radh*.

Sementara itu ada beberapa ulama yang membezakan antara pukulan *mi'radh* yang mengeluarkan darah dengan pukulan *mi'radh* yang tidak

mengeluarkan darah.

١٧٤- وَعَنْ أَبِي ثَعْلَبَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِذَا رَمَيْتَ بِسَهْمِكَ، فَغَابَ عَنْكَ، فَأَدْرَكْتَهُ فَكُلْهُ مَا لَمْ يُنْتِنْ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

174. Daripada Abu Tsa'labah daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Jika kamu melempar haiwan buruan dengan panahmu, lalu haiwan itu lari darimu kemudian kamu menemukannya, maka makanlah selagi ia tidak busuk." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1361)

Permasalahan ini sudah kita bahas ketika membincangkan hadis 'Adi bin Hatim (r.a). Namun di sini ada sedikit tambahan iaitu haiwan buruan yang mati hukumnya halal dimakan selagi ia tidak busuk.

١٧٥- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ قَوْمًا قَالُوا لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ قَوْماً يَأْتُونَنَا بِاللَّحْمِ، لَا نَدْرِي أَذُكِرَ اسْمُ اللهِ عَلَيْهِ أَمْ لَا؟ فَقَالَ: "سَمُّوا اللهَ عَلَيْهِ أَنْتُمْ، وَكُلُوهُ". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

175. Daripada 'Aisyah (r.a) bahawa ada suatu kaum berkata kepada Rasulullah (s.a.w): "Ada suatu kaum yang memberi kami daging dan kami tidak tahu sama ada mereka mengucap nama Allah ataupun tidak (ketika menyembelihnya)." Baginda menjawab: "Kamu bacalah *basmalah* pada daging itu dan makanlah." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1362)

**Makna Hadis**

Ibn Abdul Barr berkata: "Seorang muslim tidak boleh disangka buruk kecuali jika keburukan itu sudah nampak dengan jelas. Jawapan Rasulullah (s.a.w): 'Kamu bacalah basmalah pada daging itu dan makanlah …' merupakan jawapan yang sangat bijaksana di mana dengan membaca *basmalah* daging itu boleh dimakan."

**Analisis Lafaz**

"قوما", sesuatu kaum. Ibn Hajar berkata: "Aku tidak tahu siapa mereka, tetapi aku menemukan satu riwayat yang menyatakan –Ibn Hajar meringkas riwayat ini– '… dan mereka baru keluar dari kekafiran …' Dalam riwayat lain lafaznya berbunyi: '… baru keluar dari kemusyrikan …' dan dalam riwayat lain pula lafaznya berbunyi: '… baru keluar dari kebodohan (jahiliah).' Imam Malik menambahkan pada akhir riwayat itu dengan kalimat: '… ia terjadi di masa-

masa awal Islam'."

"أذكروا اسم الله عليه", sama ada mereka mengucap nama Allah, yakni ketika menyembelihnya.

**Fiqh Hadis**

1. Membaca *basmlah* ketika menyembelih haiwan hukumnya tidak wajib.
2. Masih belum jelas sama ada diperintahkan membaca *basmlah* ketika memburu haiwan buruan atau tidak. Sedangkan membaca *basmalah* ketika memakannya memang wajib dilakukan. Al-Muhlab mengatakan ulama bersepakat membaca *basmalah* ketika makan tidak diwajibkan.

**Tambahan**

Dalam kitab Fath al-Bari, Ibn Hajar berkata: "Al-Ghazali menyebutkan dalam kitab Ihya' Ulumuddin, perkara syubhat itu mempunyai beberapa tingkatan. Tingkatan pertama adalah perkara yang sangat digalakkan meninggalkanya seperti meninggalkan makanan (haiwan) yang tidak dibacakan *basmalah* ketika menyembelihnya. Ini kerana ayat al-Quràn sudah jelas memerintahkan membaca *basmalah* ketika menyembelih haiwan yang hendak dimakan dan hadisnya pun mutawatir. Tetapi ada hadis yang berbunyi:

الْمُؤمِنُ يَذبَحُ عَلَى اسمِ اللهِ سَمَّى أو لَم يُسَمِّ.

"Ketika seorang mukmin menyembelih haiwan, ia dikira telah membaca *basmalah*, walaupun kalimat itu tidak diucapkannya."

Setelah melihat hadis ini, saya jadi memahami bahawa ada kemungkina hadis ini membawa perintah umum yang mengubah makna asal daripada ayat al-Qur'an dan hadis mutawatir itu. Ada pula kemungkinan hadis ini khusus kepada orang yang terlupa saja, sedangkan orang tidak lupa tetap diwajibkan membaca *basmalah*. Pendapat kedua inilah yang paling tepat." Inilah huraian al-Ghazali.

Ibn Hajar berkata: "Hadis yang sudah muktamad dan jelas kesahihannya ini masih juga tidak diakui oleh al-Nawawi. Beliau mengatakan ulama sudah bersepakat menilainya dha'if. Al-Nawawi mengatakan al-Baihaqi meriwayatkan hadis Abu Hurairah (r.a) dan menilai hadis itu munkar dan tidak boleh dijadikan dalil."

Abu Dawud dalam kitab al-Marasil meriwayatkan hadis daripada al-Shalt al-Sadusi bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

ذَبِيحَةُ المُسلِمِ حَلَالٌ ذُكِرَ اسمَ اللهِ أَمْ لَا.

"Sembelihan seorang muslim adalah halal, sekalipun dia tidak mengucapkan basmalah."

Menurut Ibn Hajar, nama al-Shalt disebut oleh Ibn Hibban dalam kitab al-Tsiqat bahawa hadis riwayat al-Shalt adalah mursal dan jayyid. Sedangkan dalam hadis Abu Hurairah (r.a) terdapat nama Marwan bin Salim. Hadisnya matruk. Sementara dalam hadis Ibn 'Abbas (r.a) disebutkan: "Sesiapa yang terlupa, maka tidaklah menjadi masalah."

Ulama berbeza pendapat sama ada hadis ini marfu' ataupun mawquf. Jika hadis ini digabung dengan hadis mursal yang telah disebut di atas, maka ia menjadi kuat, tetapi tidak mencapai darjat sahih.

١٧٦- وَعَنْ عَبْدِ اللهِ بنِ مُغَفَّلٍ الْمُزَنِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنِ الْخَذْفِ، وَقَالَ: "إِنَّهَا لَا تَصِيدُ صَيْدًا، وَلَا تَنْكَأُ عَدُوًّا، وَلَكِنَّهَا تَكْسِرُ السِّنَّ، وَتَفْقَأُ الْعَيْنَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ.

176. Daripada 'Abdullah bin Mughaffal al-Muzani (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) melarang menggunakan *khadzf* dengan bersabda: "*Khadzf* tidak boleh digunakan memburu haiwan buruan ataupun untuk mengalahkan musuh. Ia hanya boleh mematahkan gigi dan melukai mata." (Muttafaq 'alaih dan lafaznya diambil dari riwayat Muslim: 1363)

**Makna Hadis**

Hadis ini membincangkan jenis ketiga daripada alat berburu, iaitu *mutsaqqal*. Kami telah menjelaskan kenapa alat ketiga ini dinamakan *mutsaqqal*, kerana ia membunuh haiwan buruan disebabkan beratnya, bukan kerana ketajamannya.

*Khadzf* adalah melempar orang dengan batu kecil atau biji buah. Batu itu dijepit dengan dua jari telunjuk, atau dijepit di antara jari telunjuk dan ibu jari. Alat ini mirip dengan ketepil. Hadis yang kita pelajari ini menjelaskan bahawa *khadzf* tidak akan membunuh haiwan buruan. Ini ertinya haiwan yang mati kerana terkena alat itu tidak halal dimakan.

**Analisis Lafaz**

"الخذف", melempar orang dengan batu kecil atau biji buah. Batu itu dijepit dengan dua jari telunjuk atau dijepit di antara jari telunjuk dan ibu jari.

"تنكأ", mengalahkan.

**Fiqh Hadis**

Haiwan yang dibunuh dengan cara *khadzf* tidak halal dimakan.

**Tambahan**

Al-Nawawi berkata: "Jika seseorang melempar haiwan buruan dengan batu kecil sedangkan alat itu biasanya tidak mematikan, maka haiwan itu halal dimakan apabila ia masih hidup dan terus disembelih, contohnya menembak burung besar dengan senapan."

Al-Bukhari membuatkan bab untuk hadis ini: *khadzf* dan senapan *bunduqah*. *Bunduqah* adalah senjata yang dibuat daripada tanah lalu dikeringkan, kemudian dijadikan semacam peluru. Menurut sebahagian ulama, *khadzf* dan *bunduqah* sama saja.

Al-Shan'ani berkata: "Al-Baihaqi meriwayatkan hadis Ibn 'Umar (r.a) yang berbunyi: "Haiwan yang terbunuh dengan *bunduqah* disebut *mawqudzat*. Hadis ini mawquf.

Hadis ini membincangkan tentang haiwan yang terbunuh dengan peluru sedangkan al-Nawawi membincangkan tentang haiwan yang terbunuh dengan benda selain peluru, di mana haiwan itu ditangkap lalu disembelih. Majoriti ulama salaf berpendapat haiwan yang terbunuh kerana *bunduqah* tidak halal dimakan.

Menurut pensyarah kitab ini, al-Muhlab mengatakan bahawa ulama bersepakat mengharamkan haiwan yang terbunuh kerana *bunduqah* dan lemparan batu.

Peluru yang ada pada zaman ini sama ada yang diledakkan ataupun dengan cara menekannya boleh digunakan untuk berburu, kerana ia dapat membunuh dengan ketajamannya dan membuat haiwan buruan terluka.

١٧٧- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَا تَتَّخِذُوا شَيْئاً فِيهِ الرُّوحُ غَرَضًا". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

177. Daripada Ibn 'Abbas (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jangan kamu jadikan sesuatu yang mempunyai ruh sebagai sasaran." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1364)

**Makna Hadis**

Ulama salaf bersepakat perburuan yang dilakukan sekadar untuk bersenang-senang hukumnya makruh apatah lagi jika ia dilakukan berkali-kali. Dalam kitab al-Sunan disebutkan hadis yang diriwayatkan oleh Ibn 'Abbas (r.a): "Barangsiapa

gemar berburu, maka dia mewariskan sifat pelupa."

Menjadikan haiwan sebagai sasaran tembak adalah salah kerana ia akan menyakiti haiwan itu sedangkan manusia diperintahkan berlaku ramah dan sayang terhadap haiwan. Selain itu, perburuan semacam ini sifatnya membazir sedangkan kita dilarang berbuat demikian, di samping melakukan perbuatan itu bererti meninggalkan penyembelihan yang normal sedangkan kita disuruh menyembelih haiwan dengan cara yang baik.

**Analisis Lafaz**

"فيه الروح", yang mempunyai ruh.

"غرضا", target, sasaran, tujuan.

**Fiqh Hadis**

Dilarang menjadikan haiwan sebagai sasaran tembak, kerana sama ertinya dengan membunuh haiwan itu secara perlahan. Hukumnya tetap haram meskipun haiwan itu dalam keadaan terikat ataupun tidak (bebas). Ini jika perburuan itu dilakukan sekadar untuk bersenang-senang semata, bukan untuk dimakan.

١٧٨- وَعَنْ كَعْبِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ امْرَأَةً ذَبَحَتْ شَاةً بِحَجَرٍ، فَسُئِلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ ذَلِكَ، فَأَمَرَ بِأَكْلِهَا. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

178. Daripada Ka'ab bin Malik (r.a) bahawa ada seorang perempuan yang menyembelih seekor kambing dengan batu. Lalu ada orang yang menanyakan hukumnya kepada Rasulullah (s.a.w) dan baginda menyuruh memakannya. (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1365)

**Makna Hadis**

Rasulullah (s.a.w) bersabda:

إِذَا ذَبَحتُم فَأَحسِنُوا الذِّبحَةَ وَليُحِدَّ أَحَدُكُم شَفرَتَهُ

"Jika kamu menyembelih, maka berbuat baiklah dengan menajamkan alat untuk menyembelih."

Ketika hendak menyembelih haiwan, alat yang digunakan hendaklah tajam dan boleh memotong dua urat leher (saluran pernafasan dan saluran penghadaman) sehingga mengeluarkan darah dan tidak membuat haiwan sembelihan terseksa. Apapun alat yang digunakan tidak diambil kira asalkan syarat tersebut sudah terpenuhi. Oleh itu, batu yang digunakan

untuk menyembelih kambing oleh perempuan yang disebut dalam hadis ini dibolehkan dan sembelihannya halal, kerana ada riwayat lain yang mengatakan bahawa perempuan itu sebelumnya memecahkan batu itu lalu digunakan untuk menyembelih. Biasanya batu yang dipecahkan lebih tajam daripada pisau.

**Analisis Lafaz**

"امرأة", seorang perempuan. Perempuan yang dimaksudkan adalah hamba milik Ka'ab bin Malik, periwayat hadis ini, seperti mana disebutkan dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari.

"ذبحت شاة بحجر", dalam riwayat al-Bukhari, lafaznya berbunyi: "كسرت حجرا فذبحتها به", yang ertinya perempuan itu telah memecahkan batu lalu menyembelihnya (kambing) dengan batu itu.

**Fiqh Hadis**

1. Sembelihan perempuan itu hukumnya sah mengikut pendapat jumhur ulama. Al-Syafi'i berkata: "Tidak diketahui sama ada perempuan itu hamba ataupun perempuan biasa, kanak-kanak ataupun perempuan dewasa, muslimah ataupun kafir kitabi, suci daripada hadas ataupun tidak kerana Rasulullah (s.a.w) tidak menerangkannya."
2. Sembelihan yang dilakukan dengan batu hukumnya sah apabila ia tajam yang boleh melukai haiwan sembelihan dan memotong dua urat lehernya.

١٧٩- وَعَنْ رَافِعِ بْنِ خَدِيجٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَا أُنْهِرَ الدَّمُ وَذُكِرَ اسْمُ اللهِ عَلَيْهِ، فَكُلْ لَيْسَ السِّنَّ وَالظُّفْرَ؛ أَمَّا السِّنُّ فَعَظْمٌ، وَأَمَّا الظُّفُرُ فَمُدَى الْحَبَشَةِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

179. Daripada Rafi' bin Khadij (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Benda apa pun yang boleh mengucurkan darah dan disebut nama Allah ketika menggunakannya, maka makanlah (daging sembelihan), kecuali gigi dan kuku. Gigi itu adalah tulang sedangkan kuku adalah pisau orang Habsyah." (Muttafaq 'alaih: 1366)

**Makna Hadis**

Hadis ini menjelaskan bahawa apa yang paling penting daripada alat untuk menyembelih itu adalah ia boleh mengucurkan darah. Ini kerana bangkai yang darahnya tidak keluar menjadi sarang penyakit. Jadi, setiap apa yang

boleh mencapai tujuan di atas maka pakailah, kecuali gigi dan kuku. Dilarang menggunakan gigi kerana ia merupakan tulang sedangkan tulang adalah makanan jin. Dan dilarang menggunakan kuku kerana tidak boleh menyerupai kaum yang disebut di dalam hadis.

### Analisis Lafaz

"أنهر الدم", boleh mengucurkan darah.

"مدى", dibaca *mada* atau *muda*, yakni pisau.

### Fiqh Hadis

1. Sah atau tidaknya sembelihan bergantung kepada tajam atau tidaknya alat untuk menyembelih dan bacaan *basmalah* ketika menyembelihnya. Ulama bersepakat syarat sah sembelihan itu adalah menggunakan alat yang boleh memutuskan dua urat leher haiwan sembelihan, tetapi mereka berbeza pendapat tentang batas minimum luka tersebut.
   - Menurut Abu Hanifah, cukup dengan memotong dua urat lehernya, saluran makanan dan saluran pernafasan.
   - Menurut al-Syafi'i, cukup dengan memotong urat-urat leher dan saluran makanan.
   - Menurut al-Tsauri, cukup dengan memotong dua urat leher.
   - Menurut Malik, disyaratkan memotong saluran pernafasan dan dua urat leher.
2. Sembelihan sah apabila menggunakan alat yang tajam, semacam pedang, pisau, batu, kayu, pecahan tembikar, pecahan tembaga dan lain-lain, kecuali gigi dan kuku. Demikian pendapat jumhur ulama. Sedangkan menurut Abu Hanifah dan kedua-dua muridnya boleh menyembelih dengan gigi dan kuku yang sudah terlepas dari badan. Mereka berdalil dengan hadis yang diriwayatkan Abu Dawud:

   أَفِرَّ الدَّمَ بِمَ شِئْتَ.

   "Kucurkanlah darah haiwan sembelihan dengan mana-mana benda yang kamu kehendaki." Hadis ini bersifat umum dan sedangkan hadis di atas bersifat khusus.

١٨٠- وَعَنْ جَابِرِ بنِ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: نَهَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُقْتَلَ شَيْءٌ مِنَ الدَّوَابِّ صَبْرًا. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

180. Daripada Jabir bin Abdullah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melarang membunuh haiwan melata secara perlahan." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1367)

Maksud hadis di atas adalah menangkap haiwan dalam keadaan hidup, kemudian ia dilempar sampai mati.

١٨١- وَعَنْ شَدَّادِ بْنِ أَوْسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ اللهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ، فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ، وَإِذَا ذَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا الذِّبْحَةَ، وَلْيُحِدَّ أَحَدُكُمْ شَفْرَتَهُ، وَلْيُرِحْ ذَبِيحَتَهُ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

181. Daripada Syaddad bin Aus (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Sesungguhnya Allah mewajibkan berbuat baik kepada segala sesuatu. Apabila kamu membunuh, maka berbuat baiklah dalam melakukannya. Apabila kamu menyembelih haiwan, maka berbuat baiklah pada sembelihan itu; tajamkan pisaunya dan jangan membuat haiwan itu terseksa'." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1368)

**Makna Hadis**

Allah (s.w.t) berfirman:

﴿ إِنَّ ٱللَّهَ يَأۡمُرُ بِٱلۡعَدۡلِ وَٱلۡإِحۡسَٰنِ ..... ﴾ ٩٠

"*Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan,...*" (Surah al-Nahl: 90) Rasulullah (s.a.w) menjelaskan kebaikan yang diajarkan Islam yang betul-betul bagus dan luar biasa. Sehingga dalam masalah membunuh pun harus berbuat baik dan kebaikan itu tidak hanya kepada manusia tetapi juga haiwan.

**Analisis Lafaz**

"وليحد", tajamkanlah.

"شفرته", pisau besar.

"وليرح", buatlah haiwan itu tidak terseksa dengan cara melintaskan mata pisau dengan secepatnya.

**Fiqh Hadis**

Hadis ini memerintahkan seorang muslim supaya menajamkan pisau hingga haiwan yang hendak disembelih tidak merasa terseksa.

**Periwayat Hadis**

Syaddad bin Aws bin Tsabit al-Bukhari al-Anshari. Panggilannya Abu Ya'la. Beliau mempunyai hubungan kerabat dengan Zaid bin Tsabit. Beliau anak kepada Hissan bin Tsabit, namun tidak turut serta dalam perang Badar dan pernah menetap di Baitul Maqdis. Beliau termasuk orang yang tinggal di Syam. Beliau seorang 'alim dan penyabar. Meninggal dunia pada tahun 58 H.

١٨٢- وَعَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "ذَكَاةُ الْجَنِينِ ذَكَاةُ أُمِّهِ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

182. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Menyembelih induk sama ertinya menyembelih janinnya'." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban: 1369)

**Makna Hadis**

Adakalanya ketika seseorang menyembelih unta ataupun lembu, setelah mengucapkan *basmalah* dan darah pun mengalir deras, dan perutnya dibelah, ternyata haiwan itu bunting dan janinnya ditemukan dalam keadaann mati. Maka menerusi hadis Rasulullah (s.a.w) menyampaikan bahawa menyembelih haiwan sudah termasuk menyembelih janin yang mungkin terdapat di dalam perutnya. Dagingnya juga halal dimakan.

**Analisis Lafaz**

"الجنين", janin, iaitu anak haiwan yang berada dalam perutnya.

"وصححه ابن حبان", dinilai sahih oleh Ibn Hibban, Ibn Daqiq al-'Id, al-Juwaini. Inilah pendapat yang betul.

Hadis ini mempunyai jalur sanad yang banyak di samping dikuatkan oleh beberapa hadis yang lain antara lain hadis Jabir, Abu al-Darda', Abu Umamah dan Abu Hurairah. Demikian yang disebutkan oleh al-Tirmidzi. Sedangkan pendapat al-Hafiz yang mengatakan bahawa sanad-sanad hadis ini tidak boleh dijadikan pegangan, menurut pensyarah kitab ini, pendapat ini perlu diperdebatkan kerana jika hadis ini tidak boleh dijadikan pegangan, apakah hadis-hadis yang menguatkan itu juga tidak boleh dijadikan pegangan?

**Fiqh Hadis**

Janin yang terdapat dalam perut haiwan sembelihan hukumnya halal di makan meskipun ketika dikeluarkan dari perut induknya itu ia telah mati. Inilah

pendapat juhmur ulama.

Ibn al-Mundzir berkata: "Selain pendapat Abu Hanifah, tidak pernah ada riwayat -mulai dari sahabat sampai ulama-ulama sesudahnya- yang menfatwakan bahawa janin haiwan tidak boleh dimakan kecuali setelah disembelih lagi."

Imam Malik pula mensyaratkan bahawa janin yang mati itu sudah mempunyai bulu, sepertimana hadis marfu' yang diriwayatkan daripada Ibn 'Umar (r.a):

إِذَا أَشْعَرَ الجَنِينُ فَذَكَاتُهُ ذَكَاةُ أُمِّهِ.

"Jika janin itu sudah berbulu, maka sembelihannya mengikuti sembelihan ibunya."

Al-Khatthabi menyatakan hadis di atas mawquf, bukannya marfu'. Demikian yang disebut dalam kitab al-Muwattha'. Selain itu, hadis ini juga berlawanan dengan hadis Ibn al-Mubarak daripada Ibn Abu Laila secara mursal):

ذَكَاةُ الجَنِينِ ذَكَاةُ أُمِّهِ أَشْعَرَ أَو لَم يَشعِرْ.

"Menyembelih induk juga termasuk menyembelih janinnya, sama ada janin itu berbulu ataupun tidak."

Namun Ibn Abu Laila adalah seorang yang dianggap dha'if kerana hafalannya kurang bagus. Al-Baihaqi juga meriwayatkan hadis yang sama daripada Ibn 'Umar secara marfu' lagi mawquf. Al-Baihaqi mengkategorikannya sebagai hadis mawquf.

Al-Shan'ani berkata: "Alangkah eloknya apabila ada dua hadis mawquf lagi sahih tetapi ia berlawanan, maka kedua-duanya tidak diamalkan. Sebaiknya kita kembali kepada hadis yang maksudnya lebih umum."

Sementara mazhab Hanafi berpendapat apabila janin itu keluar daripada perut ibunya dalam keadaan mati, maka hukumnya sama dengan bangkai. Demikian pula jika janin itu keluar dalam keadaan hidup lalu mati, hukumnya juga sama dengan bangkai. Ibn Hazm juga berpendapat demikian. Kedua-dua ulama ini mengatakan bahawa maksud hadis Abu Sa'id (r.a) adalah apabila janin itu keluar dalam keadaan hidup. Pendapat mereka ini ditolak kerana membuat hadis itu menjadi tidak berguna.

١٨٣- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "الْمُسْلِمُ يَكْفِيهِ اسْمُهُ، فَإِنْ نَسِيَ أَنْ يُسَمِّيَ حِينَ يَذْبَحُ، فَلْيُسَمِّ، ثُمَّ لِيَأْكُلْ". أَخْرَجَهُ الدَّارَقُطْنِيُّ، وَفِيْهِ رَاوٍ فِي حِفْظِهِ ضَعْفٌ، وَفِي إِسْنَادِهِ مُحَمَّدُ بنُ يَزِيدَ بنِ سِنَانٍ، وَهُوَ صَدُوقٌ ضَعِيفُ الْحِفْظِ.

183. Daripada Ibn 'Abbas (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Seorang muslim cukup yang dirinya sebagai seorang muslim. Jika dia lupa membaca *basmalah* ketika menyembelih, maka bacalah *basmalah* dan makanlah." (Diriwayatkan oleh al-Daruquthni, namun di dalam sanad hadis ini terdapat seorang periwayat yang hafalannya lemah. Selain itu, dalam sanad ini juga terdapat nama Muhammad bin Yazid bin Sinan, seorang yang jujur tetapi lemah hafalan: 1370)

١٨٤- وَأَخْرَجَهُ عَبْدُ الرَّزَّاقِ بِإِسْنَادٍ صَحِيحٍ إِلَى ابْنِ عَبَّاسٍ مَوْقُوفًا عَلَيْهِ.

184. Abdurrazzaq turut meriwayatkan hadis dengan sanad yang sahih dan sampai kepada Ibn 'Abbas (r.a) dan hadisnya mawquf.: 1371.

١٨٥- وَلَهُ شَاهِدٌ عِنْدَ أَبِي دَاوُدَ فِي "مَرَاسِيلِهِ" بِلَفْظِ: "ذَبِيحَةُ الْمُسْلِمِ حَلَالٌ؛ ذَكَرَ اسْمَ اللهِ عَلَيْهَا أَوْ لَمْ يَذْكُرْ". وَرِجَالُهُ مُوَثَّقُونَ.

185. Hadis di atas dikuatkan oleh hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dawud di dalam kitab al-Marasil dengan lafaz: "Sembelihan seorang muslim hukumnya halal, sama ada ketika itu dia mengucap *basmalah* ataupun tidak." (Para periwayatnya tsiqah: 1372)

Hadis ini telah dibahas pada bahagian sebelumnya dan selanjutnya akan dibahas pula beberapa perkara berikut:

1. Komentar al-Hafiz Ibn Hajar terhadap hadis marfu' riwayat Ibn 'Abbas (r.a): "Dalam sanad hadis ini terdapat seorang periwayat yang hafalannya lemah." Lalu nama itu dijelaskan oleh al-Shan'ani: "Dalam sanad hadis ini juga terdapat nama Muhammad bin Yazid…" Menurut pensyarah kitab ini, al-Shan'ani tidak tahu bahawa sebetulnya nama periwayat yang tidak disebutkan Ibn Hajar itu adalah Ma'qil bin Ubaidillah al-Jazari. Dalam kitab al-Tahqiq, Ibn al-Jauzi mengatakan Ma'qil adalah seorang yang tidak dikenali. Tetapi pendapat Ibn al-Jauzi itu ditolak oleh pengarang kitab *al-Tanqih*. Beliau berkata: "Ma'qil adalah seorang yang masyhur. Hadis daripadanya diriwayatkan oleh Muslim di dalam kitabnya al-Sahih, namun Ibn Mu'in yang meragui kedudukannya." Dalam kitab *al-Taqrib* karya Ibn Hajar disebutkan periwayatnya jujur tetapi sering melakukan kesilapan. Di sini, Ibn Hajar juga silap. Beliau mengatakan hadis itu diriwayatkan oleh 'Amr bin Dinar daripada 'Ikrimah daripada Ibn 'Abbas (r.a) dan hadisnya marfu'. Padahal hadis itu diriwayatkan oleh Ibn 'Uyainah daripada 'Amr daripada Abu al-Sya'tsa' daripada 'Ikrimah daripada Ibn 'Abbas dan hadisnya mawquf. Demikian sepertimana yang diriwayatkan oleh Abdurrazzaq daripada Ibn 'Uyainah dan diriwayatkan pula oleh Sa'id bin Manshur dan al-Humaidi daripada Ibn 'Uyainah. Dari huraian ini dapat diambil kesimpulan bahawa al-Shan'ani

telah melakukan kesilapan, kerana apa yang benar adalah kedudukan hadis ini mawquf. Ibn Hajar menyatakan hadis ini diriwayatkan oleh Abdurrazzaq dengan sanad yang sahih dan sampai kepada Ibn 'Abbas (r.a). Hadis ini mawquf."

2. Perkataan Ibn Hajar: "Hadis di atas juga dikuatkan oleh hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dawud…" Hadis yang dimaksudkan oleh Ibn Hajar adalah hadis mursal yang diriwayatkan oleh al-Shalt al-Sadusi. Hadis ini sudah disebut sebelum ini. Saya (pensyarah kitab ini) menukil daripada kitab *Fath al-Bari* bahawa hadis ini mursal lagi jayyid sedangkan dalam kitab ini Ibn Hajar berpendapat para periwayatnya tsiqah. Ibn Hajar juga berpegang kepada riwayat al-Shalt sedangkan di dalam *al-Taqrib*, beliau mengatkan riwayat al-Shalt dha'if, yakni tidak boleh diterima kecuali untuk masalah amaliah. Ada kemungkinan Ibn Hajar bersikap demikian hanya ketika menengok teks hadis saja sedangkan masalah sanad, Ibn Hibban adalah pakarnya kerana beliau tahu tentang jalur-jalur yang menguatkannya. Perlu diperhatikan al-Shalt tidak meriwayatkan kecuali kepada Tsaur bin Yazid sahaja. Inilah yang membuat ulama tidak mengenalinya sehingga al-Zahabi pun mengatakan bahawa al-Shalt adalah orang yang tidak dikenali.
3. Hadis ini dikuatkan oleh dua hadis lain. Pertama, hadis Abu Hurairah (r.a). Al-Nawawi berkata: "Hadis itu hukumnya munkar dan tidak boleh dijadikan pegangan. Ibn Hajar menjelaskan orang yang dimaksudkan itu adalah Marwan bin Salim. Riwayat orang ini tidak boleh diterima (*matruk*). Kedua, hadis Rasyid bin Sa'ad secara mursal, di mana ia diriwayatkan oleh al-Harits bin Abu Usamah di dalam al-Musnad dan orang yang mengambil riwayat daripada Rasyid adalah al-Ahwash bin Hakim. Orang ini hafalannya lemah.

**Soalan**

1. Berapakah jenis alat yang boleh digunakan untuk berburu?
2. Sempurnakan hadis berikut ini dan bincangkan maksudnya: "من اتخذ كلبا إلا كلب ماشية..."!
3. Apakahh hikmah larangan memelihara anjing tanpa ada keperluan?
4. Bolehkan memelihara anjing sewaan untuk menjaga haiwan ternakan?
5. Halalkah memakan haiwan yang ditangkap oleh anjing tetapi anjing itu tidak disuruh berburu oleh tuannya?
6. Supaya haiwan buruan halal dimakan, apakah anjing pemburu itu disyaratkan harus terdidik?
7. Ketika melepas anjing untuk menagkap haiwan buruan, apakah disyaratkan membaca *basmalah*?

8. Wajibkah menyembelih haiwan buruan yang didapat dalam keadaan hidup?
9. Bolehkah memakan haiwan buruan yang sebahagian badannya dimakan oleh anjing? Jawab dengan disertai dalil!
10. Apabila ada anjing lain yang ikut menangkap haiwan buruan kita, halalkah memakan haiwan buruan itu?
11. Ketika melempar panah, apakah disyaratkan membaca *basmalah*?
12. Bagaimana hukum haiwan buruan yang telah menghilang kemudian ditemukan lagi?
13. Apakah haiwan buruan yang hilang lalu ditemukan lemas di dalam air itu halal dimakan?
14. Apa yang dimaksud dengan *mi'radh*? Bolehkah berburu dengan alat itu?
15. Jika ada seseorang membawa daging haiwan buruan, sedangkan kita tidak tahu sama ada dia membaca *basmalah* atau tidak ketika memperolehnya, apa yang sepatutnya kita lakukan?
16. Bolehkah berburu menggunkan *khadzf* dan peluru?
17. Apa maksud hadis yang berbunyi: "لا تتخذوا شيئا فيه الروح غرضا"?
18. Bolehkah menyembelih haiwan dengan menggunakan batu?
19. Sahkah sembelihan yang dilakukan oleh seorang perempuan?
20. Apakah yang disyaratkan oleh ulama agar sembelihan itu menjadi sah?
21. Sahkah menyembelih haiwan dengan gigi atau kuku? Jawab dengan disertai dalil!
22. Sebutkan hadis yang menyuruh kita untuk menyembelih haiwan tanpa membuatnya terseksa?
23. Apa yang dimaksud dengan sabda Rasulullah (s.a.w): "ذكاة الجنين ذكاة أمه"!
24. Sahihkah hadis yang mensyaratkan supaya janin itu sudah berbulu, lalu cukupkah jika kita menyembelih induknya sahaja?
25. Apa yang anda ketahui tentang hadis yang tidak mewajibkan membaca *basmalah* ketika menyembelih haiwan itu? Bincangkan hadis itu ditinjau dari ilmu hadis!

# BAB KEDUA
# QURBAN

*Al-Adhahi* merupakan jamak *udhhiyah* dengan dibaca baris *dhammah* huruf *alif*, boleh pula huruf *alif* dibaca *kasrah* dan boleh pula huruf *hamzah* dibuang sedangkan huruf *dhad* dibaca *fathah*. Ia seolah diambil dari nama waktu yang disyariatkan untuk menyembelih haiwan qurban dan hari itu dinamakan Aidiladha.

١٨٦- عَنْ أَنَسِ بنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُضَحِّي بِكَبْشَيْنِ أَمْلَحَيْنِ أَقْرَنَيْنِ وَيُسَمِّي وَيُكَبِّرُ وَيَضَعُ رِجْلَهُ عَلَى صِفَاحِهِمَا. وَفِي لَفْظٍ: ذَبَحَهُمَا بِيَدِهِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ. وَفِي لَفْظٍ: سَمِينَيْنِ. وَلِأَبِي عَوَانَةَ فِي "صَحِيحِهِ": ثَمِينَيْنِ. بِالْمُثَلَّثَةِ بَدَلَ السِّينِ.

وَفِي لَفْظٍ لِمُسْلِمٍ، وَيَقُولُ: "بِسْمِ اللهِ وَاللهُ أَكْبَرُ".

186. Daripada Anas bin Malik (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah berqurban dengan dua ekor kambing kibasy yang agak putih lagi dan memiliki dua tanduk. Baginda membaca *basmallah* dan bertakbir, lalu meletakkan kakinya ke atas leher kambing itu. Ada riwayat lain dengan lafaz: “Baginda menyembelih kedua kambing itu dengan tangannya sendiri. (Muttafaq ‘alaih). Ada lagi riwayat dengan lafaz: “Dua ekor kambing yang gemuk.” Menurut riwayat Abu ‘Uwanah di dalam al-Sahih: “Dua ekor kambing yang harganya mahal.”

Dalam riwayat Muslim menggunakan lafaz: “Baginda membaca: “Bismillah wa Allahu Akbar.”: 1373.

١٨٧- وَلَهُ مِنْ حَدِيثِ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَمَرَ بِكَبْشٍ أَقْرَنَ يَطَأُ فِي سَوَادٍ وَيَبْرُكُ فِي سَوَادٍ وَيَنْظُرُ فِي سَوَادٍ فَأُتِيَ بِهِ لِيُضَحِّيَ بِهِ، فَقَالَ لَهَا: "يَا عَائِشَةُ، هَلُمِّي الْمُدْيَةَ"، ثُمَّ قَالَ: "اِشْحَذِيهَا بِحَجَرٍ"، فَفَعَلَتْ ثُمَّ أَخَذَهَا وَأَخَذَهُ فَأَضْجَعَهُ، ثُمَّ ذَبَحَهُ وَقَالَ: "بِسْمِ اللهِ، اَللَّهُمَّ تَقَبَّلْ مِنْ مُحَمَّدٍ وَآلِ مُحَمَّدٍ وَمِنْ أُمَّةِ مُحَمَّدٍ". ثُمَّ ضَحَّى بِهِ.

187. Muslim juga mempunyai hadis daripada Aisyah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah meminta supaya diambilkan kambing kibasy yang bertanduk, berkaki hitam, berperut hitam dan bermata hitam. Kambing yang diingin itu kemudian didatangkan ke hadapan baginda untuk dijadikan haiwan qurban. Rasulullah (s.a.w) lalu bersabda kepada Aisyah (r.a): "Wahai Aisyah, tolong ambilkan pisau." Baginda bersabda lagi: "Asahlah pisau itu dengan batu." Maka, Aisyah (r.a) mengasah pisau tersebut. Kemudian, baginda mengambil kambing dan pisau itu. Kambing itu lalu direbahkan. Lalu, baginda menyembelihnya sambil membaca:

بِسمِ اللهِ، اَللَّهُمَّ تَقَبَّل مِن مُحَمَّدٍ وَآلِ مُحَمَّدٍ وَمِن أُمَّةِ مُحَمَّدٍ.

"Dengan nama Allah, Ya Allah, terimalah dari Muhammad, keluarga Muhammad dan dari umat Muhammad." Kemudian, Rasulullah (s.a.w) berkurban dengan kambing kibasy itu.: 1374.

**Makna Hadis**

Hadis ini menegaskan ibadah qurban sememangnya disyari'atkan. Qurban dapat dilakukan dengan menyembelih kambing kibasy yang gemuk. Qurban sebaiknya dilakukan sendiri. Ketika melakukan kurban, hendaklah kaki diletakkan di atas leher haiwan itu dan kemudian membaca *basmalah* dan takbir. Lalu, sembelihlah haiwan itu setelah pisaunya diasah tajam. Setelah itu, berdoalah supaya Allah menerimanya disertai doa untuk untuk kaum muslimin.

**Analisis Lafaz**

"بكبشين", dua ekor kambing kibasy sudah bergigi.

"أقرنين", yang bertanduk dua.

"يسمى", membaca basmalah. Ada satu riwayat yang menyebutkan: membaca "بسم الله الرحمن الرحيم".

"يكبر", bertakbir, yakni membaca: Allahu Akbar.

"صفاحهما", dalam kitab al-Nihayah kalimat ini bermaksud bahagian depan sesuatu. Maksud hadis ini ialah leher kambing itu.

"سمينين", dua ekor kambing yang gemuk.

"ثمينين", dua ekor kambing yang harganya mahal.

"يطأ فى سواد", berkaki tangan hitam.

"ويبرك فى سواد", berperut hitam.

"وينظر فى سواد", bermata hitam, yakni, di sekeliling matanya berwarna hitam.

"هلمى", ambilkan.

"المدية", pisau.

"اشحذيها", asahlah pisau itu.

**Fiqh Hadis**

1. Hadis ini menyatakan ibadah qurban sememangnya disyari'atkan.
2. Disunatkan haiwan yang hendak diqurbankan adalah jenis kambing. Ulama bersepakat untuk membolehkan berqurban dengan jenis haiwan ternak dan perbezaan pendapat mereka bertumpu pada mana yang paling afdhal di antara haiwan ternak itu. Pendapat yang kuat mengatakan lebih afdhal berqurban kambing, kerana Rasulullah (s.a.w) pernah melakukannya. Mereka bersepakat untuk tidak membolehkan berqurban dengan haiwan selain ternak, meskipun ada riwayat yang mengatakan al-Hasan bin Soleh membolehkan berqurban dengan lembu liar untuk sepuluh orang, sedangkan kijang pula untuk satu orang, bahkan ada riwayat yang mengatakan Asma' pernah berqurban dengan sekor kuda dan Abu Hurairah pernah berqurban dengan seekor ayam jantan.
3. Disunatkan bagi yang ingin berqurban dengan kambing kibasy supaya memilih kibasy yang berwarna agak putih. Menurut al-Nawawi, apa yang lebih diutamakan adalah kibasy yang berwarna putih, kemudian kuning, kemudian berwarna gelap, kemudian berwarna hitam putih dan terakhir berwarna hitam. Pendapat al-Nawawi ini selari dengan kandungan hadis ini.
4. Disunatkan kibasy yang diqurbankan sudah bertanduk dan gemuk mengikut pendapat jumhur ulama meskipun mereka berbeza pendapat mengenai kambing yang tanduknya patah. Bagi jumhur ulama, kambing yang tanduknya patah boleh diqurbankan.
5. Hendaklah membaca basmalah dan takbir ketika hendak menyembelih haiwan qurban.
6. Asahlah pisau dengan tajam sebelum menyembelih dilakukan.
7. Rebahkan haiwan qurban dan disunnatkan bahagian kanan haiwan itu menghadap ke tanah dan bahagian kirinya pula menghadap ke atas.
8. Lakukan penyembelihan itu dengan tangan sendiri.

9. Letakkan kaki penyembelih di atas leher kiri haiwan tersebut.
10. Disunatkan berdoa supaya amal ibadah itu diterima di sisi Allah.

١٨٨- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ كَانَ لَهُ سَعَةٌ وَلَمْ يُضَحِّ، فَلَا يَقْرَبَنَّ مُصَلَّانَا". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَابْنُ مَاجَه، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ، لَكِنْ رَجَّحَ الْأَئِمَّةُ غَيْرُهُ وَقْفَهُ.

188. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barangsiapa yang mempunyai kelapangan sedangkan dia belum pernah berqurban, maka janganlah janganlah mendekati surau kami." (Diriwayatkan oleh Ahmad dan Ibn Majah dan dinilai sahih oleh al-Hakim, meskipun para ulama menilai hadis ini mawquf: 1375).

**Makna Hadis**

Hadis ini menyuruh kita melakukan ibadah qurban, terlebih-lebih lagi bagi yang berkampuan. Seseorang yang diberi keluasan rizeki dan tidak berqurban dianggap lalai kerana seolah-olah telah meninggalkan salah satu kewajipan.

**Analisis Lafaz**

"سعة", keluasan. Dengan erti kata lain, banyak mempunyai harta dan kesempatan. Ada yang mengatakan maksud keluasan di sini ialah harta yang sudah mencapai nisab zakat.

"فلا يقربن مصلانا", janganlah mendekati surau kami. Menurut al-Sindi, ini tidak bermaksud solat seseorang tidak sah apabila tidak berqurban, tetapi maksudnya ialah orang itu telah diusir dari kumpulan pilihan.

**Fiqh Hadis**

Hadis ini menyuruh umat Islam berqurban lebih-lebih lagi bagi orang yang mempunyai keluasan. Abu Hanifah mewajibkan berqurban meskipun orang itu tidak mampu. Dalilnya adalah hadis di atas dan firman Allah (s.w.t):

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَٱنْحَرْ ۝٢

"*Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah qurban (sebagai bersyukur).*" (Surah al-Kautsar: 2) Selain itu, Abu Hanifah juga berdalil dengan hadis Mukhnif bin Sulaim secara marfu':

عَلَى أَهلِ كُلِّ بَيتٍ فِى كُلِّ عَامٍ أُضحِيَّةٌ.

"Setiap anggota keluarga diwajibkan berqurban setiap tahun."

Jumhur ulama berpendapat qurban tidak diwajibkan sebaliknya ia merupakan ibadah sunat muakkad. Dalil-dalil yang digunakan oleh Abu Hanifah disanggah oleh jumhur ulama sebagai berikut:

- Hadis Abu Hurairah ini mawquf dan oleh kerananya, tidak boleh dijadikan dalil.
- Surah al-Kautsar ayat 2 masih banyak mengandungi kemungkinan di mana ia bersifat umum. Ada yang mentafsirkan kalimat "نحر" bermaksud meletakkan telapak tangan ke atas buku pergelangan tangan ketika sedang solat. Inilah tafsiran Ibn Abu Hatim, Ibn Syahin, Ibn Mardawaih dan Baihaqi daripada Ibn Abbas.
- Meskipun tafsir kalimat "نحر" ini bermaksud qurban, namun tidak mustahil kalau ayat tersebut bermaksud giliran waktu antara pelaksanaan qurban dengan solat hari raya Aidiladha, bukan perintah yang bersifat wajib, kerana Ibn Jarir meriwayatkan daripada Anas (r.a) yang mengatakan Rasulullah (s.a.w) pernah berqurban sebelum mengerjakan solat Aidiladha. Lalu, baginda memerintahkan mengerjakan solat terlebih dahulu, kemudian barulah berqurban.
- Hadis Mukhnif pula dinilai dha'if oleh ramai ulama kerana di dalam sanadnya terdapat nama Abu Ramlah.

Jadi, menurut jumhur ulama, qurban adalah sunat mu'akkad dan berikut ini adalah dalil-dalil mereka

- Hadis Ummu Salamah yang diriwayatkan oleh Muslim secara marfu':

  إِذَا دَخَلَتِ العَشرُ فَأَرَادَ أَحَدُكُم اَن يُضَحِّىَ فَلَا يَأخُذ مِن شَعرِهِ وَلَا مِن بَشَرِهِ شَيئًا.

  "Jika telah tiba hari kesepuluh dan salah seorang kamu ingin berqurban, maka janganlah diambil bulu dan kulitnya walau sedikit pun." Menurut al-Syafi'i, kalimat "فأراد" bermaksud "ingin" yang menunjukkan makna sunnat.

- Hadis al-Bara' bin 'Azib dalam kitab al-Sahih bahawa Rasulullah (s.a.w) berkhutbah pada waktu hari raya qurban:

  إِنَّ أَوَّلَ مَا نَبدَأُ بِهِ يَومَنَا هَذَا أَن نُصَلِّىَ ثُمَّ نَرجِعَ فَنَنحَرَ، فَمَن فَعَلَ ذَلِكَ فَقَد أَصَابَ سُنَّتَنَا.

  "Apa yang pertama sekali kita kerjakan hari ini ialah mengerjakan solat kemudian pulang untuk berqurban. Barangsiapa yang melakukan ini,

maka dia benar-benar telah melaksanakan Sunnah kami."

- Hadis Abdullah bin 'Amr bin al-'Ash tentang seseorang yang datang bertanya: "Bolehkah dia berqurban dengan kambing milik ayahnya. Rasulullah (s.a.w) menjawab: "Tidak boleh. Tetapi potonglah kukumu…". Para periwayat hadis ini tsiqat dan al-Baihaqi yang meriwayatkannya.
- Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Bakr dan 'Umar di mana kedua-dua sahabat ini tidak pernah berqurban kerana khuatir kalau ada orang yang menyangkanya wajib. Demikian riwayat yang dikeluarkan oleh al-Baihaqi.

Bagi pensyarah kitab ini, dalil-dalil yang digunakan jumhur ulama belum memadai untuk dijadikan dalil dan ini pula yang ditegaskan oleh oleh pengarang al-Jauhar al-Naqi.

١٨٩- وَعَنْ جُنْدُبِ بْنِ سُفْيَانَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: شَهِدْتُ الْأَضْحَى مَعَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَلَمَّا قَضَى صَلَاتَهُ بِالنَّاسِ، نَظَرَ إِلَى غَنَمٍ قَدْ ذُبِحَتْ، فَقَالَ: "مَنْ ذَبَحَ قَبْلَ الصَّلَاةِ فَلْيَذْبَحْ شَاةً مَكَانَهَا، وَمَنْ لَمْ يَكُنْ ذَبَحَ فَلْيَذْبَحْ عَلَى اسْمِ اللهِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

189. Daripada Jundub bin Sufyan (r.a), beliau berkata: "Saya pernah mengalami hari raya Aidiladha bersama Rasulullah (s.a.w). Setelah selesai mengerjakan solat Aidiladha, baginda melihat ke arah kambing yang telah disembelih. Melihat itu, baginda bersabda: "Barangsiapa menyembelih sebelum solat Aidiladha, maka hendaklah dia menyembelih semula seekor kambing sebagai gantiannya dan barangsiapa yang belum menyembelih qurban, maka sembelihlah dengan membaca nama Allah. (Muttafaq 'alaih: 1376).

**Makna Hadis**

Hadis ini menjelaskan bahawa menyembelih haiwan qurban itu hendaklah dilakukan setelah mengerjakan solat raya Aidiladha, kerana Allah (s.w.t) berfirman:

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَٱنْحَرْ ﴿٢﴾

"*Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur).*" (Surah al-Kautsar: 2) Jadi, Rasulullah (s.a.w) menyuruh orang yang menyembelih qurban sebelum solat hari raya dilakukan supaya menyembelih semula seekor kambing sebagai gantiannya.

**Analisis Lafaz**

"قبل الصلاة", sebelum solat. Ada kemungkinan maksudnya adalah sebelum imam mengerjakan solat atau sebelum pemilik haiwan qurban itu mengerjakan solat.

**Fiqh Hadis**

Barangsiapa menyembelih haiwan qurban sebelum mengerjakan solat, maka haiwan itu dinyatakan sedekah, kerana qurban hanya boleh dilakukan setelah mengerjakan solat hari raya. Imam Malik berkata: "Tidak boleh menyembelih qurban melainkan setelah imam solat berkhutbah dan menyembelih qurban. Mengapa itu dibolehkan setelah imam mengerjakan solat hari raya, bukan setelah pemilik qurban mengerjakan solat? Ini kerana ada hadis yang dikeluarkan oleh al-Thahawi daripada Jabir bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah mengerjakan solat hari raya qurban di Madinah. Tiba-tiba, ada beberapa orang yang datang dan terus menyembelih qurban milik mereka. Mereka mengira Rasulullah (s.a.w) sudah menyembelih qurban. Mereka kemudian disuruh baginda untuk menyembelih qurban semula.

Imam Ahmad sependapat dengan Malik, tetapi imam Ahmad tidak mensyaratkan imam solat harus menyembelih qurban. Pendapat ini turut dikemukakan oleh al-Hasan, al-Auza'i dan Ishaq.

Menurut al-Syafi'i dan Dawud pula meyembelih qurban itu dilakukan setelah matahari terbit dan setelah mengerjakan solat hari raya serta kedua khutbah selesai dibacakan, walaupun imam atau pemilik qurban belum lagi mengerjakan solat hari raya.

**Penting!**

Hadis ini menjelaskan permulaan waktu menyembelih haiwan qurban tetapi tidak membincangkan batas akhir waktu berqurban. Ulama berbeza pendapat dalam masalah ini.

- Menurut Malik dan Imam Ahmad, batas akhir berqurban adalh penghujung hari kedua belas Zulhijjah.
- Menurut al-Syafi'i, waktu berqurban adalah empat hari yang dimulai dengan waktu hari raya itu sendiri ditambah tiga hari lagi sesudahnya.
- Menurut Dawud dan beberapa tabi'in, waktu berqurban hanya satu hari iaitu hari raya Aidiladha, kecuali di Mina di mana dibolehkan berqurban selama tiga hari di tempat itu.

١٩٠- وَعَنِ الْبَرَاءِ بنِ عَازِبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَامَ فِينَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: "أَرْبَعٌ لَا تَجُوزُ فِي الضَّحَايَا: الْعَوْرَاءُ الْبَيِّنُ عَوَرُهَا، وَالْمَرِيضَةُ الْبَيِّنُ مَرَضُهَا، وَالْعَرْجَاءُ الْبَيِّنُ ظَلْعُهَا، وَالْكَسِيرَةُ الَّتِي لَا تُنْقِي". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ وَابْنُ حِبَّانَ.

190. Daripada al-Bara' bin 'Azib (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah berdiri di hadapan kami dan bersabda: 'Ada empat jenis haiwan yang tidak boleh dijadikan qurban: haiwan yang jela-jelas buta sebelah, haiwan yang jela-jelas sakit, haiwan yang jelas-jelas pincang dan haiwan yang tua lagi tidak bersumsum'." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah dan dinilai sahih oleh al-Tirmizi dan Ibn Hibban: 1377).

**Makna Hadis**

Dalam satu hadis Rasulullah (s.a.w) bersabda:

إِنَّ اللهَ يُحِبُّ مِن أَحَدِكُم إِذَا عَمِلَ عَمَلًا أَن يُتقِنَهُ.

Ini baru pekerjaan biasa. Bagaimana kalau yang dilakukan itu adalah amal ibadah? Oleh itu, tidak hairan jika kita sentiasa diperintahkan untuk menyempurnakan wudujk atau solat. Amal itu tidak boleh dilakukan secara semberono. Kita digalakkan untuk melaksanakan ibadah sunat bagi menutupi ibadah fardhu yang kadang kala tidak sempurna. Ibadah sunat inilah yang akan menambal kekurangan itu dan masih banyak lagi jenis ibadah lain yang memerlukan kesempurnaan dan Allah (s.w.t) berfirman:

لَن تَنَالُواْ ٱلْبِرَّ حَتَّىٰ تُنفِقُواْ مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ وَمَا تُنفِقُواْ مِن شَيْءٍ فَإِنَّ ٱللَّهَ بِهِۦ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

"*Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.*" (Surah Ali 'Imran: 92)

Oleh itu, ketika melihat sahabatnya bersedekah dengan kurma yang tidak elok, baginda menegur tindakan itu. Demikian pula dengan haiwan qurban. Barangsiapa yang ingin melaksanakan ibadah qurban, hendaklah dia memilih haiwan yang terbaik. Janganlah menyembelih haiwan yang sakit, buta sebelah mata, pincang dan kurus.

**Analisis Lafaz**

"قام", Rasulullah (s.a.w) berdiri sebagai khatib.

"العوراء البين عورها", yang jelas-jelas buta sebelah.

"البين ظلعها", yang jelas-jelas pincang, sehingga tidak mampu berjalan.

"والكبيرة", yang sudah berusia tua. Dalam riwayat Abu Dawud, lafaz: "والكسيرة" kambing yang patah. Kalimat ini ditafsirkan oleh Ibn al-Atsir sebagai haiwan yang kakinya patah sehingga tidak mampu berjalan. Menurut riwayat al-Tirmizi, lafaznya: "وَلَا بِالعَجفَاءِ الَّتِي لَا تَنقِي" di mana maksudnya sama iaitu kambing yang tua dan tidak lagi bersumsum.

**Fiqh Hadis**

Ada empat jenis caat dalam hadis ini, jika ada pada haiwan qurban, maka ibadah qurban itu menjadi tidak sah. Menurut al-Nawawi yang merupakan ijma' ulama, demikian pula penyakit yang sama atau lebih teruk daripada cacat yang telah disebutkan oleh Rasulullah (s.a.w) dalam hadis ini seperti kedua matanya buta atau putus kakinya dan sejenisnya.

**Penting!**

Al-Khatthabi berkata: "Dari hadis ini dapat difahami bahawa cacat ringan tidak menjadi masalah, kerana di dalam hadis ini itu dinyatakan "jelas-jelas buta sebelah, jelas-jelas sakit, jelas-jelas pincang." Dengan demikian kambing yang tidak jelas-jelas buta sebelah, sakit ataupun pincang maka tidak masalah untuk dijadikan haiwan qurban.

Mengikut pensyarah kitab ini, hadis Ali yang akan disebutkan berikut ini akan menjawab pandangan al-Khatthabi ini.

١٩١- وَعَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا تَذْبَحُوا إِلَّا مُسِنَّةً إِلَّا أَنْ يَعْسُرَ عَلَيْكُمْ فَتَذْبَحُوا جَذَعَةً مِنَ الضَّأْنِ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

191. Daripada Jabir (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Janganlah kamu menyembelih selain haiwan yang *musinnah*. Jika kamu kesulitan mencarinya, sembelihlah kambing yang baru memasuki usia dua tahun (*jadz'ah*). (Diriwayatkan oleh Muslim: 1378).

## Makna Hadis

Hadis ini menjelaskan usia haiwan yang boleh disembelih untuk ibadah qurban. Jika ada haiwan yang sudah bergigi, maka janganlah menyembelih haiwan yang masih berusia satu tahun dan baru memasuki usia dua tahun, kecuali jika haiwan yang bergigi sudah tidak ada lagi.

## Analisis Lafaz

"مسنة", menurut pakar bahasa, *musinnah* ialah haiwan yang sudah bergigi. Jika haiwan itu unta, maka ia harus sudah memasuki usia tahun keenam. Jika haiwan itu kambing, maka ia harus sudah memasuki usia tahun ketiga.

Menurut Ibn Faris, jika anak kambing sudah memasuki tahun ketiga, maka ia sudah boleh dikatakan *musinnah*. Menurut mazhab Hanbali dan Hanafi, kambing yang *musinnah* adalah kambing yang usianya genap setahun. Menurut al-Syafi'i pula kambing yang dikatakan *musinnah* ialah kambing yang genap berusia dua tahun.

"تعسر", kesulitan mencari haiwan yang mencapai usia *musinnah*.

"جذعة", menurut al-Syafi'i, *jadz'ah* ialah kambing yang usianya genap setahun dan memasuki tahun kedua dan ini berdasarkan penelitian pakar bahasa. Menurut mazhab Hanafi, *jadz'ah* ialah haiwan yang sudah berusia enam bulan. Menurut mazhab Hanbali, *jadz'ah* ialah haiwan yang usianya genap tujuh bulan. Apapun, pendapat pertama adalah yang paling masyhur.

## Fiqh Hadis

Hadis ini menjelaskan bahawa tidak boleh menyembelih haiwan yang masih berusia setahun selagi masih ada haiwan yang lebih tua daripadanya, iaitu haiwan *musinnah*.

Al-Qadhi 'Iyadh menegaskan ini merupakan ijma' ulama, pernyataan ini keliru kerana al-Nawawi mengatakan sebaliknya di mana jumhur ulama yang antar lain Malik, al-Auza'i, al-Laits, Imam Ahmad dan Ishaq memahami hadis ini sebagai jenis haiwan yang paling afdhal untuk diqurban dan mereka membolehkan untuk menyembelih haiwan yang berumur setahun meskipun masih ada haiwan yang lebih tua daripadanya. Pendapat mereka ini disokong oleh dalil-dalil berikut:

A. Hadis Abu Hurairah yang dikeluarkan oleh al-Tirmizi:

نِعمَتِ الأُضحِيَّةُ الجَذَعُ مِنَ الضَّأنِ.

"Sebaik-baik haiwan qurban ialah kambing yang masih berumur satu tahun." Namun hadis ini masih mengundang perdebatan kerana ada

yang mengatakan mawquf dan ada pula yang mengatakan marfu'.

B. Hadis Ummu Bilal binti Hilal daripada bapanya secara marfu':

يَجُوزُ الجَذَعُ مِنَ الضَّأنِ أُضحِيَّةً.

"Kambing berumur setahun boleh diqurbankan." (Diriwayatkan oleh Ibn Majah, namun hadis ini dinilai dha'if oleh Ibn Hazm).

C. Hadis 'Uqbah bin 'Amir yang diriwayatkan oleh al-Nasa'i dengan sanad yang dinilai kuat oleh Ibn Hajar dalam kitab Fath al-Bari yang isi hadisnya: "Kami pernah berqurban bersama Rasulullah (s.a.w) dengan seekor kambing yang telah berusia setahun." Tetapi menurut pensyarah kitab ini, ada kemungkinan itu kerana waktu itu kambing yang lebih besar sukar dijumpai.

D. Hadis 'Ashim bin Kulaib daripada bapanya daripada Mujasyi' bin Mas'ud secara marfu':

الجَذَعُ يُوَفِّي مِمَّا يُوَفِّي مِنهُ الثَّنِيُّ.

"Kambing yang telah berusia satu tahun disamakan dengan kambing yang sudah bergigi." Namun 'Ashim masih dipermasalahkan.

Ada lagi pendapat ketiga yang diriwayatkan daripada Ibn Umar dan al-Zuhri bahawa kambing yang berumur satu tahun sama sekali tidak boleh diqurbankan. Pendapat ini dijadikan pegangan oleh Ibn Hazm dan menolak pendapat yang membolehkan qurban kambing yang berusia satu tahun.

١٩٢- وَعَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: أَمَرَنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ نَسْتَشْرِفَ الْعَيْنَ وَالْأُذُنَ وَلَا نُضَحِّيَ بِعَوْرَاءَ وَلَا مُقَابَلَةٍ وَلَا مُدَابَرَةٍ وَلَا خَرْمَاءَ وَلَا ثَرْمَاءَ". أَخْرَجَهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ وَابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ.

192. Daripada Ali (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah menyuruh kami memeriksa mata dan telinga haiwan qurban. Kami tidak berqurban dengan haiwan yang matanya kabur, tidak pula dengan haiwan yang hujung telinganya terpotong, tidak pula dengan haiwan yang belakang telinganya terpotong, tidak pula dengan haiwan yang kedua telinganya terbelah dan tidak pula dengan haiwan yang giginya rontok." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, al-Arba'ah dan dinilai sahih oleh al-Tirmizi, Ibn Hibban dan al-Hakim: 1379).

**Makna Hadis**

Hadis ini memiliki makna yang sama dengan hadis al-Bara' bin 'Azib sebelum ini. Rasulullah (s.a.w) menyuruh agar haiwan yang hendak diqurbankan itu

diteliti kesihatan fizikalnya. Matanya tidak boleh kabur, hujung atau belakang telinganya tidak boleh terpotong, kedua telinganya tidak boleh terbelah dan giginya tidak boleh rontok.

**Analisis Lafaz**

"نستشرف", memeriksa. Dengan erti kata lain, meneliti sama ada haiwan itu sihat atau sebaliknya. Makna asal kalimat ini adalah seseorang meletakkan tangannya di atas kening supaya tidak silau ketika melihat sesuatu.

"عوراء", matanya kabur.

"مقابلة", hujung telinganya terpotong sehingga bahagian depannya bergantung.

"مدابرة", belakang telinganya terpotong sehingga bahagian belakangnya bergantung.

"خرقاء", kedua telinganya terbelah.

"ثرماء", haiwan yang giginya hadapannya rontok. Ada yang mengatakan gigi hadapan dan juga gigi samping. Ada lagi yang mengatakan gigi yang terpotong dari bawah. Rasulullah (s.a.w) melarang untuk mengurbankan haiwan seperti ini kerana ia tidak sihat.

Dalam riwayat al-Tirmizi dan Abu Dawud tidak dijumpai kalimat "ثرماء" melainkan "شرقاء", yakni, haiwan yang telinganya terbelah memanjang.

**Fiqh Hadis**

Hadis ini menyuruh umat Islam memeriksa kesihatan mata dan telinga haiwan yang hendak diqurban. Menurut al-Baghawi, ulama berbeza pendapat tentang haiwan yang telinganya sedikit terpotong. Sebahagian mereka mengatakan haiwan itu tidak boleh dijadikan qurban. Inilah pendapat al-Syafi'i. Menurut Ashab al-Ra'yi, jika bahagian yang terpotong itu tidak melebihi setengah telinga, maka haiwan itu tidak ada masalah untuk dijadikan qurban. Tetapi jika bahagian yang potong itu melebihi separuh telinga, maka ia tidak boleh dijadikan qurban. Menurut Ishaq pula jika yang terpotong hanya sepertiga, maka tidak ada masalah untuk dijadikan qurban dan jika lebih daripada itu, maka ia tidak boleh dijadikan qurban.

**Penting!**

Di dalam kitab al-Sail, al-Shan'ani berkata: "Haiwan yang kurus "مُصْفَرَة" juga tidak boleh dijadikan qurban, namun ada pula yang mengatakan maksud haiwan *mushfarah* ialah haiwan yang putus telinga. Abu Dawud meriwatakan hadis 'Uqbah bin 'Amir al-Salmi bahawa Rasulullah (s.a.w) melarang untuk mengurbankan haiwan yang telinganya putus, tanduknya patah, tidak dapat

melihat, sakit dan haiwan yang patah tulangnya."

Menurut al-Shan'ani, haiwan yang terpotong bahagian belakang atau terpotong ekornya boleh dijadikan qurban, kerana ada hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Ibn Majah dan al-Baihaqi daripada Abu Sa'id, beliau berkata: "Saya pernah membeli seekor kambing kibasy untuk diqurbankan. Lalu, kambing itu digigit serigala pada bahagian belakangnya. Kemudian, saya menanyakan masalah ini kepada Rasulullah (s.a.w). Maka, baginda bersabda: "Haiwan itu boleh diqurbankan."

Dalam sanad hadis ini terdapat nama Jabir al-Ju'fi dan gurunya bernama Muhammad bin Qurthah, seorang yang majhul. Hadis ini dikuatkan oleh hadis lain yang dikeluarkan oleh al-Baihaqi bahkan Ibn Taimiyah berpegang dengan hadis ini untuk mengatakan bahawa cacat yang terjadi setelah haiwan itu diniatkan untuk diqurbankan, tidaklah ada salahnya. Dengan erti kata lain, haiwan itu sah untuk dijadikan qurban.

١٩٣- وَعَنْ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: أَمَرَنِي النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّ أَقُوْمَ عَلَى بُدْنِهِ وَأَنْ أُقَسِّمَ لُحُومَهَا وَجُلُودَهَا وَجِلَالَهَا عَلَى الْمَسَاكِينِ، وَلَا أُعْطِيَ فِي جِزَارَتِهَا مِنْهَا شَيْئاً. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

193. Daripada 'Ali bin Abu Thalib (r.a), beliau berkata: "Aku diperintahkan oleh Rasulullah (s.a.w) memotong daging unta dan membahagikan daging, kulit serta ususnya kepada orang miskin, namun aku selaku tukang sembelih tidak memperoleh apa-apa sediktipun. (Muttafaq 'alaih: 1380).

### Fiqh Hadis

Rasulullah (s.a.w) mewakilkan kepada Ali untuk melaksanakan pengagihan daging unta yang telah baginda sembelih. Jumlah daging secara keseluruhan ada seratus potong. Semua itu diagihkan kepada fakir msikin, kecuali tukang sembelih di mana dia tidak boleh diberi bahagian daging itu walau sedikit pun.

### Analisis Lafaz

"جزارتها" dibaca *jizarah* atau *juzarah*, namun sebaiknya dibaca *jizarah* supaya sesuai dengan konteks hadis. Jika betul dibaca *juzarah*, ada kemungkinan maksudnya tukang sembelih tidak boleh mendapat bahagian daripada daging itu sebagai upah. Inilah pendapat Ibn al-Tin. Menurut Ibn al-Jauzi, *juzarah* bermaksud barang yang boleh dibahagikan. Menurut Ibn al-Atsir, maksud *juzarah* ialah sepotong daging yang diambil oleh tukang sembelih sebagai upahnya. Makna asal *juzarah*

ialah kepala, dua tangan dan dua kaki haiwan sembelihan. Dinamakan demikian, kerana biasanya tukang sembelih mengambil bahagian tersebut sebagai upah dia bekerja.

Menurut Ibn Hajar dalam kitab Fath al-Bari, maksud hadis ini ialah tukang sembelih tidak boleh diberi daging qurban walau sedikit pun. Oleh kerana adanya perbezaan pendapat ini, al-Bukhari membuat satu bab khusus: tukang sembelih tidak diberi daging qurban walau sedikit pun.

### Fiqh Hadis

1. Daging, kulit dan isi perut qurban mesti diagihkan kepada fakir miskin.
2. Tukang sembelih tidak boleh mengambil bahagian daripada qurban itu mengikut pendapat jumhur ulama selain al-Hasan. Dalam Syarah al-Sunnah, al-Bugawi menjelaskan jika tukang sembelih telah diberi upah kerana bersedia menyembelih qurban, kemudian dia diberi daging qurban itu sebagai sedekah ke atasnya, maka itu tidak ada salahnya. Tetapi, pendapat ini disanggah kerana perbuatan ini dianggap memainkan upah sehingga daging itu menjadi sesuatu yang dapat dijadikan upah tetapi juga dapat dijadikan bayaran dan perbuatan ini dilarang.
3. Kulit dan isi perut haiwan qurban tidak boleh dijual, kerana kulit atau isi perut tetap wajib diagihkan kepada fakir miskin. Ulama bersepakat daging qurban tidak boleh dijual dan demikian pula kulit dan ususnya. Akan tetapi, al-Awza'i, Imam Ahmad, Ishaq, Abu Tsaur dan sebahagian pengikut mazhab Syafi'i mengatakan boleh dijual hasil jualan itu diagihkan kepada fakir miskin. Menurut Abu Hanifah pula dibolehkan menjual kulit dan bulu haiwan qurban asalkan tidak menggunakan mata wang dinar atau dihram.

١٩٤- وَعَنْ جَابِرِ بنِ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: نَحَرْنَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَامَ الْحُدَيْبِيَةِ: الْبَدَنَةَ عَنْ سَبْعَةٍ وَالْبَقَرَةَ عَنْ سَبْعَةٍ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

194. Daripada Jabir bin Abdullah (r.a), beliau berkata: "Pada tahun al-Hudaibiyah, kami pernah berqurban bersama Rasulullah (s.a.w) dengan seekor unta untuk tujuh orang dan lembu untuk tujuh orang. (Diriwayatkan oleh Muslim: 1381).

### Makna Hadis

Kadang kala dalam keadaann tertentu seseorang tidak dapat menjumpai kambing untuk dijadikan qurban. Hadis ini merupakan jalan keluar di mana seseorang boleh berqurban satu ekor haiwan untuk beberapa orang. Harga satu ekor unta atau lembu lebih kurang sama dengan tujuh ekor kambing.

**Analisis Lafaz**

"البَدَنة", yakni sebutan bagi unta dan lembu, namun maksudnya di sini ialah unta.

**Fiqh Hadis**

1. Dibolehkan berqurban satu ekor hiawan untuk beberapa orang.
2. Satu ekor unta atau lembu cukup untuk tujuh orang menurut mazhab Syafi'i, mazhab Hanafi, mazhab Hanbali dan mazhab Maliki. Al-Nawawi menambahkan seekor unta atau seekor lembu cukup untuk tujuh orang sama ad mereka berada di suatu tempat secara berkumpul atau sebaliknya, sama ada mereka melaksanakan kurban itu dengan niat wajib atau niat sunnat, sama ada sebahagian mereka berqurban dengan niat ibadah atau dengan niat memakan daging sahaja. Namun menurut Malik, qurban tidak boleh untuk beberapa orang kecuali ibadah itu dilakukan hanya sebagai ibadah sunat sahaja. Menurut Abu Hanifah, ketujuh-ketujuh orang itu wajib berniat ibadah bagi memastikan seekor lembu atau seekor unta itu boleh dikongsi oleh mereka. Jika sebahagian mereka berniat ibadah, sedangkan yang lainn hanya ingin makan dagingnya sahaja, maka qurban itu tidak dibolehkan. Menurut Ishaq bin Rawaih dan Ibn Khuzaimah, satu ekor unta cukup untuk sepuluh orang, sedangkan lembu cukup untuk tujuh orang, seperti mana dijelaskan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas (r.a), beliau berkata:

   كُنَّا مَعَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي سَفَرٍ فَحَضَرَ الْأَضْحَى فَاشْتَرَكْنَا فِي الْبَقَرَةِ سَبْعَةً وَفِي الْبَعِيرِ عَشَرَةً.

   "Kami pernah bersama Rasulullah (s.a.w) melaksanakan solat raya Aidiladha. Itu terjadi ketika kami berada dalam suatu perjalanan. Kami pun berkongsi untuk menyembelih seekor lembu untuk tujuh orang dan berkongsi untuk menyembelih seekor unta untuk sepuluh orang. (Diriwayatkan oleh Ashab al-Sunan). Menurut Tirmidzi, hadis ini hasan dan gharib, kerana kami meyakini hadis ini hanya diriwayatkan oleh al-Fadhl bin Musa. Dalam perbahasan ini ada hadis yang diriwayatkan Abu al-Asytar al-Aslami daripada bapanya daripada datunya dan Abu Ayyub.

**Penting!**

Muslim meriwayatkan daripada Ummu Salamah secara marfu':

إِذَا دَخَلَ العَشرُ فَأَرَادَ أَحَدُكُم أَن يُضَحِّيَ فَلَا يَمُسَّ مِن شَعرِهِ وَلَا مِن بَشَرِهِ شَيئًا.

"Jika tiba hari kesepuluh (Zulhijjah), sedangkan kamu ingin berqurban, maka janganlah disentuh bulu dan kulitnya walau sedikit pun."

Imam al-Baghawi berkata: "Ada ulama yang memahami hadis secara zahir. Menurut mereka, sesiapa yang ingin berqurban dan hari kesepuluh pun tiba, maka dia tidak boleh mengambil bulu dan kukunya sebelum haiwan itu disembelih. Inilah pendapat Ibn al-Musayyab, Rabi'ah, Imam Ahmad, Ishaq dan Ibn Hazm.

Menurut Malik dan al-Syafi'i, disunatkan tidak mengambil bulu dan kuku. Dalil mereka hadis Aisyah yang dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Muslim bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah mengutus seseorang untuk berqurban namun baginda tidak ada mengharamkan ke atasnya walau sedikit pun hingga haiwan itu disembelih.

Apa yang dikatakan al-Syafi'i ini menunjukkan bahawa mengambil bulu atau kulit haiwan yang hendak diqurban tidak diharamkan bagi seseorang yang mengutus orang lain untuk menyembelih haiwan qurbannya. Mengutus seseorang untuk menyembelih haiwan qurban melebihi tentu berbeza dengan sekadar keinginan berqurban.

Al-Shan'ani berkata: "Pendapat al-Syafi'i ini berlandaskan qiyas, sedangkan nash hadis dikhususkan bagi orang yang 'ingin' berqurban."

**Penting!**

Seseorang yang hendak berqurban disunatkan menyedekahkan dan memakan dan menyimpan daging qurban seperti mana yang disebutkan dalam hadis sahih:

كُلُوا وَتَصَدَّقُوا وَادَّخِرُوا.

"Makanlah, sedekahkanlah dan silakan kamu menyimpannya (haiwan qurban)."

Ramai ulama yang menilai sunat bahawa sepertiga daging qurban dimakan, sepertiga lagi disedekahkan dan sepertiga lagi disimpan.

**Soalan**

1. Bincangkan apakah takrif qurban dan *udhiyah*?
2. Sebutkan dua hadis yang menjelaskan syarat yang terdapat pada kambing kibasy yang disembelih oleh Rasulullah (s.a.w), kemudian huraikan kosa kata hadis itu!

3. Apakah jenis haiwan yang boleh diqurbankan dan apa pula yang disunatkan ketika menyembelihnya?
4. Apakah syarat-syarat yang harus ada pada kambing kibasy yang hendak diqurbankan?
5. Apa yang disunatkan ketika menyembelih haiwan qurban?
6. Apakah hukum berqurban? Jawab dengan disertai dalil!
7. Bilakah qurban itu dilakukan dan bagaimana pula pendapat ulama mengenainya?
8. Sebutkan hadis al-Bara' yang menjelaskan aib-aib yang tidak boleh terjadi pada haiwan qurban!
9. Apa yang dimaksudkan dengan haiwan *musinnah*?
10. Sebutkan pendapat ulama tentang kambing yang baru berumur satu tahun yang disebut dengan *jadza'* jika ia sah untuk dijadikan haiwan qurban? Jawab disertai dengan dalil!
11. Huraikan makna kalimat-kalimat berikut ini: "الكسراء", "مشيعة", "مدابرة", "عوراء", "بخقاء", "مستأصلة", "شرقاء", "ثرماء", "مقابلة", "خرقاء", dan "نستشرف"!
12. Sebutkan hadis yang membolehkan berqurban dengan kambing kibasy yang belakangnya terpotong?
13. Bolehkah tukang sembelih menerima bahagian daripada daging qurban? Sebutkan pendapat ulama tentang masalah ini dilengkapi dengan dalil!
14. Bolehkah menjual kulit atau usus haiwan qurban?
15. Satu ekor unta atau lembu boleh diqurbankan untuk berapa orang?
16. Apa yang disunatkan ketika tiba hari kesepuluh bulan haji?

# BAB KETIGA
# AQIQAH

Aqiqah ialah haiwan yang disembelih untuk anak yang baru dilahirkan. Asal makna ‘aqiqah secara bahasa ialah membelah dan memotong. Ada yang mengatakan kalimat ‘aqiqah digunakan untuk haiwan yang disembelih, kerana ketika disembelih, tekak haiwan itu telah dipotong, yakni tenggorokannya telah di’aqiqah.

١٩٥- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَقَّ عَنِ الْحَسَنِ وَالْحُسَيْنِ كَبْشًا كَبْشًا. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ وَابْنُ الْجَارُودِ وَعَبْدُ الْحَقِّ، لَكِنْ رَجَّحَ أَبُو حَاتِمٍ إِرْسَالَهُ.

195. Daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) ber’aqiqah untuk masing-masing al-Hasan dan al-Husain dengan seekor kibasy seekor kibasy. (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah, Ibn al-Jarud dan Abdul Haq, namun Abu Hatim menilainya mursal: 1382).

١٩٦- وَأَخْرَجَ ابْنُ حِبَّانَ مِنْ حَدِيثِ أَنَسٍ نَحْوَهُ.

196. Ibn Hibban meriwayatkan hadis yang serupa daripada Anas (r.a).: 1383.

**Makna Hadis**

Dalam hadis al-Hasan daripada Samurah dijelaskan tentang ‘aqiqah di mana di dalamnya dijelaskan: “*Setiap kanak-kanak bergantung dengan ‘aqiqahnya*.”

Ulama berbeza pendapat tentang hadis ini. Menurut al-Khatthabi, pendapat paling baik adalah pendapat Imam Ahmad bin Hanbal yang berkata: “Hadis ini menyinggung masalah syafaat. Dengan erti kata lain, jika seorang anak tidak diaqiqahkan lalu dia mati semasa masih kecil, maka anak itu tidak mampu

memberi syafaat kepada kedua-dua ibu bapanya."

Menurut pensyarah kitab ini, pendapat Imam Ahmad ini dinukil daripada Atha' al-Khurasani dan Muhammad bin Muthrif. Masa hidup kedua-ulama ini lebih dulu daripada Imam Ahmad.

**Analisis Lafaz**

"عقّ", ber'aqiqah, yakni menyembelih haiwan untuk 'aqiqah.

"كبشا كبشا", seekor kibasy seekor kibasy. Dalam riwayat al-Nasa'i dan Abu al-Syeikh, lafaznya: "كبشين كبشين", dua ekor kibasy dua ekor kibasy.

**Fiqh Hadis**

Hadis ini mensyari'atkan aqiqah. Ulama berbeza pendapat tentang hukum 'aqiqah. Menurut jumhur ulama, hukum 'aqiqah sunnat sedangkan menurut mazhab Zahiri, hukumnya wajib. Dalil mazhab Zahiri adalah hadis al-Hasan daripada Samurah (r.a) dan hadis Aisyah (r.a) yang mengatakan Rasulullah (s.a.w) menyuruh mereka ber'aqiqah. Pendapat ini ditolak oleh jumhur ulama, kerana perintah dalam hadis tersebut bermaksud sunat seperti mana hadis yang diriwayatkan oleh Malik:

مَن وُلِدَ لَهُ وَلَدٌ فَأُحِبُّ أَن يُنسَكَ عَنهُ.

"Barangsiapa melahirkan seorang anak alangkah baiknya dia melakukan ibadah untuk anak itu."

**Penting**

Al-Hakim meriwayatkan daripada Aisyah (r.a) bahawa 'aqiqah dilakukan pada hari ketujuh. Hadis ini turut diriwayatkan oleh al-Baihaqi daripada Jabir. Namun, disisi lain al-Baihaqi juga meriwayatkan daripada Buraidah secara marfu' bahawa 'aqiqah dilakukan pada hariketujuh, atau hari keempat belas, atau hari kedua puluh satu.

١٩٧- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمْرَهُمْ أَنْ يُعَقَّ عَنِ الْغُلَامِ شَاتَانِ مُكَافِئَتَانِ وَعَنِ الْجَارِيَةِ شَاةٌ. رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ.

197. Daripada Aisyah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) menyuruh mereka untuk beraqiqah di mana untuk seorang anak lelaki sebanyak dua ekor kambing yang usisanya berdekatan dan sama bentuknya sedangkan untuk seorang anak perempuan hanya satu ekor kambing. (Diriwayatkan dan dinilai sahih oleh al-

Tirmizi: 1384).

١٩٨- وَأَخْرَجَ الْخَمْسَةُ عَنْ أُمِّ كُرْزٍ الْكَعْبِيَّةِ نَحْوَهُ.

198. Al-Khamsah meriwayatkan satu hadis daripada Ummu Kurz al-Ka'biyyah dengan lafaz yang hampir sama di atas.: 1385.

**Fiqh Hadis**

Seperti sedia maklum, Islam menetapkan bahawa perempuan dianggap separuh lelaki dalam pelbagai keadaan seperti dalam masalah warisan, kesaksian dan memerdekaan hamba seperti mana yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi daripada Abu Umamah secara marfu':

أَيُّمَا امرِئٍ مُسلِمٍ أَعتَقَ مُسلِمَتَينِ كَانَت فِكَاكَهُ مِنَ النَّارِ.

"Mana-mana muslim yang memerdekakan dua hamba muslimah, maka perbuatan itu dapat menjadi penyelamat baginya daripada api neraka."

Sama dengan 'aqiqah di mana satu orang anak lelaki memerlukan dua ekor kambing, sedangkan perempuan hanya satu ekor kambing untuk 'aqiqah.

**Analisis Lafaz**

"مُكافِئَتَان", yakni dua ekor kambing yang sama bentuknya. Abu Dawud berkata: "Ada orang berkata: "مُكافِئَتَان" bermaksud dua ekor yang sama atau bermiripan antara satu sama lain." Menurut al-Khatthabi, kalimat ini bermaksud kambing yang usianya layak untuk disembelih. Ada pula yang berpendapat maksud kalimat ini ialah salah seekor kambing itu disembelih menghadap ke arah kambing yang satunya lagi. Menurut al-Zamakhsyari, kalimat ini bermaksud dua ekor kambing yang beratnya sama.

Menurut Ibn Hajar setelah mengkaji pendapat-pendapat tersebut, pendapat yang paling tepat ialah seperti mana riwayat Sa'id bin Manshur tentang hadis Ummu Kurz al-Ka'biyah. Berikut lafaz riwayat tersebut: "شاتان مثلان", dua ekor kambing yang serupa.

Menurut pensyarah kitab ini, riwayat ini adalah riwayat Abu Dawud. Jadi, sebaiknya riwayat ini dinisbahkan kepada Abu Dawud.

**Fiqh Hadis**

Hadis ini menjelaskan 'aqiqah untuk satu orang anak lelaki adalah dua ekor kambing sedangkan 'aqiqah untuk satu orang anak perempuan adalah satu

ekor kambing mengikut mazhab jumhur ulama seperti al-Syafi'i, Imam Ahmad, Abu Tsaur dan Dawud. Mereka berdalil dengan hadis tersebut di atas. Ramai sahabat yang meriwayatkan hadis-hadis seperti ini malah Abu Dawud pernah menghitungnya bahawa hadis seperti ini diriwayatkan oleh Ali, Ummu Kurz, Buraidah, Samurah, Abu Hurairah, Abdullah bin 'Amr, Anas, Salman bin 'Amir dan Ibn 'Abbas.

Menurut pensyarah kitab ini, seluruh riwayat yang dihitung oleh Abu Dawud ini sekadar menunjukkan 'aqiqah itu benar-benar disyari'atkan sekali gus menegaskan 'aqiqah bagi seorang anak lelaki sama dengan 'aqiqah dua orang anak perempuan. Imam Malik berpendapat 'aqiqah sudah memadai dengan seekor kambing tanpa mengira anak lelaki ataupun anak perempuan berdasarkan hadis Ibn 'Abbas.

١٩٩- وَعَنْ سَمُرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "كُلُّ غُلَامٍ مُرْتَهَنٌ بِعَقِيقَتِهِ، تُذْبَحُ عَنْهُ يَوْمَ سَابِعِهِ وَيُحْلَقُ وَيُسَمَّى". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ.

199. Daripada Samurah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Setiap anak yang baru dilahirkan bergantung dengan 'aqiqahnya. Aqiqah itu disembelih dengan niat untuk anak itu pada hari ketujuh dia dilahirkan, lalu anak itu dicukur dan diberi nama." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah dan dinilai sahih oleh al-Tirmizi: 1386).

**Makna Hadis**

Seperti sedia maklum, maksud hadis: "*Setiap anak bergantung dengan 'aqiqahnya*" adalah jika seorang anak tidak di'aqiqahkan lalu dia mati semasa masih kecil, maka anak itu tidak dapat memberikan syafaat untuk kedua ibu bapanya.

Hadis ini menambahkan bahawa disunnatkan ber'aqiqah pada hari ketujuh sejak dilahirkan. Pada hari itu pula rambut anak itu sunat dicukur lalu diberi nama.

**Analisis Lafaz**

"مرتهن", terhalang. Hadis ini mentafsirkan pendapat Atha' al-Khurasani, Muhammad bin Muthrif dan Ahmad bin Hanbal yang mengatakan syafaat seorang anak terhalang dan untuk menghilangkan halangan itu, seseorang harus beraqiqah untuk anaknya yang baru dilahirkan itu.

## Fiqh Hadis

1. Hadis ini menyuruh umat Islam ber'aqiqah ketika mereka mempunyai anak yang baru dilahirkan.
2. Aqiqah sunat dilakukan pada hari ketujuh, hari keempat belas atau kedua puluh satu jika lupa dilakukan pada hari ketujuh. Namun Malik mengatakan 'aqiqah tidak boleh lagi dilakukan jika tidak sempat dilakukan pada hari ketujuh.
3. Disunatkan mencukur rambut anak pada hari ketujuh setelah dia dilahirkan. Dalam kitab Musnad Imam Ahmad, ada riwayat yang mengatakan bahawa Rasulullah (s.a.w) menyuruh Aisyah bersedekah dengan perak seberat rambut baginda untuk kemudian diagihkan kepada orang miskin. Hadis ini dikuatkan oleh hadis-hadis lain dan ini merupakan pendapat para ulama.
4. Disunatkan memberi nama kepada anak itu pada hari ketujuh sejak dia dilahirkan. Namun ada riwayat yang mengatakan bahawa Rasulullah (s.a.w) memberi nama anak baginda, Ibrahim pada waktu malam dia dilahirkan. Di dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim, ada hadis daripada Sahl bin Sa'ad bahawa Rasulullah (s.a.w) memberi nama al-Mundzir bin Aswad ketika dia baru dilahirkan. Apapun, riwayat hadis ini menegaskan dibolehkan memberi nama.

## Penting!

Imam al-Ghazali dalam kitab al-Ihya berkata: "Melubangi telinga merupakan perbuatan yang menyakitkan dan barangsiapa melakukan perbuatan itu kepada anak perempuan, maka orang itu wajib dijatuhi hukuman qisas. Perbuatan itu tidak boleh dilakukan sebaliknya apa yang dibolehkan adalah bersuntik, berbekam dan berkhatan."

"Berhias dan bersolek dengan memakai perhiasan tidaklah penting, meskipun sudah menjadi tradisi, kerana hukumnya tetap diharamkan. Hukum melarang orang lain daripada melakukan itu adalah wajib. Menyewa orang lain supaya berbuat demikian hukumnya tidak sah dan hukum upah yang diambil daripada sewa itu tetap haram."

Namun, dalam beberapa kitab rujukan mazhab Hanbali ditegaskan melubangi telinga kanak-kanak perempuan dengan tujuan memakaikan perhiasan adalah dibolehkan. Namun itu makruh dilakukan untuk kanak-kanak lelaki Demikian pula keterangan yang terdapat dalam kitab rujukan mazhab Hanafi.

**Soalan**

1. Apa takrif ‘aqiqah?
2. Sebutkan hadis yang mensyari’atkan ‘aqiqah!
3. Apa hukum ber’aqiqah? Jawab dengan disertai dalil!
4. Apa yang dimaksud dengan kalimat: “يعق عن الغلام شاتان مكافئتان”?
5. Apa pendapat ulama tentang ‘aqiqah untuk anak lelaki dan anak perempuan. Apakah jumlah haiwan ‘aqiqah untuk anak lelaki dan anak perempuan sama jumlahnya? Jawab dengan disertai dalil!
6. Bilakah disunatkan beraqiqah? Apa pendapat ulama tentang masalah ini?
7. Apa yang disunatkan pada hari ketujuh sejak anak itu dilahirkan?
8. Apa hukum melubangi telinga anak yang baru dilahirkan?

# KITAB SUMPAH DAN NAZAR

# KITAB SUMPAH DAN NAZAR

Sumpah secara bahasa adalah tangan. Ia kemudian digunakan untuk menyebut sumpah, kerana apabila mereka bersumpah masing-masing mereka memegang tangan rakan-rakannya.

Sumpah secara istilah pula adalah meyakinkan suatu perkara yang disumpahkan dengan menyebut sesuatu yang diagungkan atau dipuja dengan cara tertentu.

Nazar secara bahasa adalah memberi amaran sedangkan secara istilah pula adalah mewajibkan sesuatu yang bukan satu kewajipan atau mensyaratkan kewajipan apabila ada sesuatu yang terjadi.

٢٠٠- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنْ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ أَدْرَكَ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ فِي رَكْبٍ وَعُمَرَ يَحْلِفُ بِأَبِيهِ فَنَادَاهُمْ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَلَا إِنَّ اللهَ يَنْهَاكُمْ أَنْ تَحْلِفُوا بِآبَائِكُمْ، فَمَنْ كَانَ حَالِفاً فَلْيَحْلِفْ بِاللهِ أَوْ لِيَصْمُتْ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

200. Daripada Ibn Umar (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w) bahawa baginda pernah berjumpa dengan Umar bin al-Khattab di suatu kafilah unta dan ketika itu Umar sedang bersumpah atas nama bapanya. Mendengar itu, Rasulullah (s.a.w) memanggil kafilah itu dan bersabda: "Ketahuilah sesungguhnya Allah melarang kamu bersumpah dengan nama bapa kamu. Barangsiapa ingin bersumpah, maka bersumpahlah dengan nama Allah atau lebih baik dia berdiam." (Muttafaq 'alaih: 1387).

٢٠١- وَفِي رِوَايَةٍ لِأَبِي دَاوُدَ وَالنَّسَائِيِّ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ مَرْفُوْعًا: لَا تَحْلِفُوا بِآبَائِكُمْ وَلَا بِأُمَّهَاتِكُمْ وَلَا بِالْأَنْدَادِ وَلَا تَحْلِفُوا إِلَّا بِاللهِ وَلَا تَحْلِفُوا بِاللهِ إِلَّا وَأَنْتُمْ صَادِقُونَ".

201. Dalam riwayat Abu Dawud dan al-Nasa'i daripada Abu Hurairah (r.a) secara marfu': "Janganlah kamu bersumpah dengan nama bapa kamu, jangan pula dengan nama ibu kamu, atau dengan berhala-berhala. Janganlah kamu bersumpah atas nama Allah kecuali kamu jujur.": 1388.

**Makna Hadis**

Bersumpah atas nama sesuatu bererti memujanya sedangkan yang berhak dipuja itu hanya Allah semata. Di sini Rasulullah (s.a.w) melarang bersumpah dengan nama selain Allah dan dilarang pula bersumpah atas nama Allah sedangkan dia berdusta, kerana itu bererti menodai Allah yang semestinya sentiasa dimuliakan.

**Analisis Lafaz**

"رَكْب", kafilah unta yang berjumlah sepuluh ekor namun perkataan ini boleh pula digunakan untuk kafilah kuda.

"فليحلف بالله", bersumpahlah dengan nama Allah. Sumpah tidak semestinya dengan menyebut kalimat Allah. Dengan asma'ul husna pun dibolehkan seperti mana diriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersumpah dengan: "لا وَمُقَلِّبَ القُلُوبِ".

"الأنداد", yakni berhala-berhala.

**Fiqh Hadis**

Hadis ini melarang seorang muslim bersumpah dengan nama selain Allah. Ibn Abdul Barr menegaskan para ulama bersepakat mengharamkan bersumpah dengan nama selain Allah. Menurut mazhab Hanbali dan mazhab Zahiri, larangan itu bermaksud haram. Mereka berdalil dengan hadis yang dikeluarkan oleh Abu Dawud dan al-Hakim daripada Ibn 'Umar secara marfu':

مَن حَلَفَ بِغَيرِ اللهِ فَقَد كَفَرَ.

*"Barangsiapa bersumpah dengan nama selain Allah, maka orang itu menjadi kafir."* Riwayat al-Hakim pula berbunyi:

كُلُّ يَمِينٍ يَحْلِفُ بِهَا دُونَ اللهِ تَعَالَى شِرْكٌ.

"*Setiap sumpah yang disebutkan nama selain Allah adalah syirik*." Selain itu, mazhab Hanbali dan mazhab Zahiri turut berdalil dengan hadis riwayat Muslim:

مَن حَلَفَ مِنكُم فَقَالَ فِي حَلَفِهِ : وَاللاتَ وَالعُزَّى فَليَقُل : لا إِلٰهَ إِلا اللهُ.

"*Barangsiapa bersumpah dan berkata dalam sumpah itu: Demi Lata dan 'Uzza, maka katakanlah: La ilaha illa Allah*." Selain itu, kedua mazhab ini berdalil dengan hadis yang dikeluarkan oleh al-Nasa'i yang diriwayatkan daripada Sa'ad bin Abu Waqqash bahawa beliau pernah bersumpah dengan nama Lata dan 'Uzza. Lalu, Sa'ad menceritakan hal itu kepada Rasulullah (s.a.w). Maka, baginda bersabda: "Katakanlah: 'tiada tuhan selain Allah semata."

Menurut mazhab Syafi'i dalam pendapat masyhur dan mazhab Maliki, larangan itu bermaksud makruh selagi tidak bertujuan memuja nama yang dia sebut sehingga sama dengan keagungan Allah. Dalil mereka adalah sabda Rasulullah (s.a.w): "Beruntunglah demi bapanya jika dia jujur." Menurut mereka, Allah (s.w.t) di dalam al-Quràn bersumpah dengan nama makhluk-Nya. Bagi mereka, hadis yang mengatakan kafir, musyrik atau menyuruh mengucapkan kalimat tauhid apabila bersumpah selain nama Allah hanya sebagai peringatan.

Pendapat ini ditolak oleh beberapa ulama kerana hadis yang berbunyi: "Beruntunglah demi bapanya…" sebetulnya berbunyi: "Beruntunglah demi Allah…" di mana lafaz ini dirubah oleh periwayat hadis yang lain. Ada pula kemungkinan kalimat itu bukan sumpah, melainkan perkataan biasa yang sering diucapkan oleh kebanyakan orang seperti perkataan: "tanganmu bertanah yang bermaksud: "kamu beruntung."

Memahami hadis yang mengganggap kafir atau musyrik ke atas orang yang bersumpah dengan nama selain Allah kemudian difahami sebagai peringatan sahaja tidak menutup kemungkinan itu bermaksud hukum haram.

Menurut pensyarah kitab ini, mereka yang berdalil dengan dengan sabda Rasulullah (s.a.w): "Beruntunglah demi bapanya…" dan Allah (s.w.t) bersumpah dengan menyebut nama makhluk-Nya tidak sepatutnya terus mempertahankan pendapatnya yang mengatakan bersumpah dengan nama selain Allah hukumnya makruh. Ada baiknya jika dikatakan hukumnya harus, kerana jka tidak, bererti dia sama dengan memakruhkan perbuatan Allah (s.w.t) yang sememangnya bersumpah dengan nama makhluk-Nya. Tindakan menganggap makruh perbuatan Allah adalah tidak dibolehkan. Jadi hukum bersumpah seperti ini memiliki pengkhususan, yakni ada ketikanya diharuskan namun ada ketikanya pula dilarang.

٢٠٢- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "يَمِينُكَ عَلَى مَا يُصَدِّقُكَ بِهِ صَاحِبُكَ".

202. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Sumpahmu hendaklah dilakukan sesuai dengan apa yang membuat sahabatmu membenarkanmu.": 1389.

٢٠٣- وَفِي رِوَايَةٍ: "الْيَمِينُ عَلَى نِيَّةِ الْمُسْتَحْلِفِ". أَخْرَجَهُمَا مُسْلِمٌ.

203. Dalam satu riwayat yang lain: "Sumpah itu mengikut niat orang yang menuntut sumpah itu." (Dikeluarkan oleh Muslim: 1390).

**Makna Hadis**

Bersumpah merupakan salah satu usaha untuk membebaskan diri daripada sebarang kesalahan yang dituduhkan ke atas dirinya. Namun ada sesetengah orang berusaha mengelak daripada kesalahan yang dituduhkan ke atas dirinya dengan cara mempermainkan sumpah. Pada zahirnya, dia bersumpah tetapi tidak sepenuh hati mengucapkan sumpah itu sehingga orang lain mudah tertipu dengan sumpah yang diucapkannya itu. Di sini Islam menegaskan sumpah wajib diucapkan sesuai dengan niat pihak yang diminta untuk bersumpah.

**Analisis Lafaz**

"على ما يصدقك", ada yang mengatakan sumpahmu wajib diucapkan atas apa yang membuat sahabatmu membenarkannya.

"المستحلف", orang yang meminta dirinya bersumpah.

**Fiqh Hadis**

Bersumpah mesti mengikuti niat orang yang menyuruh bersumpah dan tidak boleh mengikuti niat orang yang bersumpah itu. Hadis ini lebih khusus lagi daripada hadis: "Setiap amal itu hanya sah dengan sebab adanya niat." Inilah pendapat Imam Ahmad dan Ishaq.

Menurut al-Syafi'i, niat dalam bersumpah mengikut niat orang yang meminta bersumpah jika orang yang meminta itu adalah hakim. Al-Nawawi kemudian menyebutkan syarat lain bahawa jika seseorang bersumpah tanpa disuruh oleh pihak lain untuk bersumpah atau orang yang menyuruhnya bersumpah itu bukan hakim maka sumpahnya boleh diterima dan jika dia melanggar sumpah itu, maka dia tidak dapat dikatakan melanggar sumpahnya.

Pendapat ini ditolak oleh al-Shan'ani dengan berkata: "Saya tidak tahu pasti dari mana mereka memaham hadis seperti ini di mana bersumpah mestilah disuruh oleh hakim. Bukankah hadis mengatakan jika seseorang diminta bersumpah oleh pihak yang mempunya hak terhadapnya, maka niatkanlah sumpahnya itu sepertimana niat pihak yang memintanya bersumpah."

Menurut pensyarah kitab ini, pengkhususan yang dilakukan oleh al-Syafi'i ini hanya berlandaskan pemahaman belaka.

Menurut al-Nakha'i, jika pihak yang meminta bersumpah adalah pihak yang orang berbuat zalim, maka niat bersumpah harus menggunakan niat orang yang bersumpah, sebaliknya jika orang yang berbuat zalim itu adalah pihak yang diminta bersumpah, maka niat sumpah harus menggunakan niat pihak yang meminta bersumpah.

٢٠٤- وَعَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ سَمُرَةٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: وَإِذَا حَلَفْتَ عَلَى يَمِينٍ فَرَأَيْتُ غَيْرَهَا خَيْراً مِنْهَا، فَكَفِّرْ عَنْ يَمِينِكَ وَائْتِ الَّذِي هُوَ خَيْرٌ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ. وَفِي لَفْظٍ لِلْبُخَارِيِّ: "فَائِت الَّذِي هُوَ خَيْرٌ وَكَفِّرْ عَنْ يَمِينِكَ".

وَفِي رِوَايَةٍ لِأَبِي دَاوُدَ: " فَكَفِّرْ عَنْ يَمِينِكَ، ثُمَّ ائْتِ الَّذِي هُوَ خَيْرٌ". وَإِسْنَادُهُمَا صَحِيحٌ.

204. Daripada Abdurrahman bin Samurah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jika kamu telah bersumpah, lalu kamu melihat ada perkara yang lebih baik lagi selain itu, maka bayarlah kifarat sumpahmu itu, lalu lakukanlah apa yang menurutmu lebih baik. (Muttafaq 'alaih). Dalam riwayat al-Bukhari lafaznya: "maka lakukanlah apa yang menurutmu lebih baik, lalu bayarlah kifarat sumpahmu."

Sedangkan dalam riwayat Abu Dawud lafaznya adalah: "maka, bayarlah kifarat sumpahmu, kemudian lakukanlah apa yang menurutmu lebih baik. (Sanad kedua riwayat ini sahih: 1391).

**Makna Hadis**

Allah (s.w.t) menyuruh kita berbuat baik dan menjauhi larangan. Dia sentiasa menyuruh kita melakukan amal kebaikan dalam firaman-Nya:

..... وَٱفۡعَلُواْ ٱلۡخَيۡرَ لَعَلَّكُمۡ تُفۡلِحُونَ ۩ ﴿٧٧﴾

*"...serta kerjakanlah amal-amal kebajikan; supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat)."* (Surah al-Hajj: 77) Dalam keadaan tertentu, kadang kala seseorang terlalu cepat mengambil kesimpulan hingga tidak sengaja mengucapkan kata sumpah tanpa menyedari ada perkara lain yang lebih baik lagi. Oleh kerana sudah terlajak bersumpah, dia pun takut melanggar sumpah itu. Di sinilah syariat memberi jalan keluar di mana ia mensyari'atkan kifarat sebagai penebus sumpah sekali gus mempelawa seseorang memilih perkara yang lebih baik lagi.

**Analisis Lafaz**

"حلف على يمين", telah bersumpah, yakni bersumpah untuk melakukan atau meninggalkan suatu perkara atau bersumpah dengan kalimat sumpah.

"غيرها", selain itu, yakni selain perkara yang telah dia sumpah untuk melakukannya.

"فكفّر", maka bayarlah kifarat sumpahmu itu. Dengan erti kata lain, hapuslah kesalahan atau dosamu di mana kamu melakukan perkara yang kamu telah bersumpah untuk tidak melakukannya.

"وأت", lakukanlah.

**Fiqh Hadis**

1. Barangsiapa bersumpah untuk tidak melakukan suatu perbuatan, namun tiba-tiba dia melihat ada perbuatan yang lebih baik lagi untuk dilakukan, maka wajib baginya membayar kifarat sumpahnya itu dan lakukan perbuatan yang menurutnya lebih baik itu. Ini berdasarkan ijma' ulama. Bagi mereka, perintah hadis ini bersifat sunat.
2. Dibolehkan mendahulukan atau mengakhirkan kifarat daripada melakukan yang menurutnya perbuatan baik itu. Ulama bersepakat mengakhirkan kifarat itu dibolehkan dan ulama yang membolehkan itu antara lain Malik, al-Syafii serta ulama salaf dan khalaf. Menurut mazhab Hanafi, tidak boleh mendahulukan kifarat, kerana tidak mungkin ada kifarat sebelum ada pelanggaran. Namun, pendapat ini ditolak, kerana alasan yang mereka gunakan itu bercanggah dengan nash.

**Periwayat Hadis**

Abdurrahman bin Samurah bin Hubaib, nama panggilannya Abu Sa'id. Beliau salah seorang sahabat. Pernah menaklukkan negeri Sajistan dan menetap di Basrah. Beliau meninggal dunia di Basrah pada tahun ke-50 Hijriah.

٢٠٥- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ حَلِفِ عَلَى يَمِينٍ فَقَالَ: إِنْ شَاءَ اللهُ فَلَا حِنْثَ عَلَيْهِ". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

205. Daripada Ibn Umar (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barangsiapa bersumpah lalu dia mengucapkan *insya Allah*, maka dia tidak dianggap melanggar sumpah (jika dia melanggarnya)." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban: 1392).

**Makna Hadis**

Hadis ini menjelaskan sumpah yang bersyarat, iaitu sumpah yang disertai perkataan insya Allah. Hadis ini menegaskan jika seseorang melanggar sumpah seperti itu, maka dia tidak dinyatakan melanggar sumpahnya. Oleh yang demikian, dia tidak diwajibkan membayar kifarat.

**Analisis Lafaz**

"حنث" dosa melanggar sumpah.

"وصححه ابن حبان", dinilai sahih oleh Ibn Hibban. Namun al-Tirmizi berkata: "Sejauh pengetahuan kami, tidak ada yang menilai hadis ini marfu' selain Ayyub." Menurut Ibn 'Aliyyah, Ayyub kadang kala menilainya marfu' dan kadang kala menilainya mawquf. Menurut al-Baihaqi, Ayyub tidak boleh menilai hadis ini marfu', kerana dia sendiri ragu dengan keberadaan hadis ini.

Menurut pensyarah kitab ini, hadis ini marfu', kerana selain Ayyub juga ada menilainya marfu' iaitu Kutsair bin Farqad seperti mana dalam riwayat al-Hakim. Selain Kutsair, ada Hassan bin 'Athiyah yang menilainya marfu' seperti mana dalam riwayat Abu Nu'aim dalam kitabnya al-Hilyah. Apapun, hadis ini dinilai mawquf oleh sebahagian ulama.

**Fiqh Hadis**

1. Mengucapkan *insya Allah* ketika bersumpah menjadikan sumpah itu tidak mengikat lagi. Menurut Ibn al-Arabi, ulama bersepakat kalimat *insya Allah* dapat menjadikan sumpah tidak mengikat lagi asalkan kalimat itu diucapkan secara langsung setelah sumpah diucapkan. Ini kerana seandainya tidak diberikan batasan seperti ini, tentu semua orang tidak akan pernah menganggap dirinya melanggar sumpah dan akhirnyya tidak ada yang mahu membayar kifarat.

Masalahnya adalah jarak waktu antara sumpah dengan kalimat *insya Allah* itu. Menurut jumhur ulama, setelah mengucapkan sumpah hendaklah diteruskan dengan ucapan kalimat *insya Allah* tanpa diselangi dengan perkataan lain. Menurut al-Hasan dan Thawus, dibolehkan mengucapkan *insya Allah* selama belum meninggalkan tempat duduk. Menurut Atha' pula jarak antara supah dengan kalimat *insya Allah* ialah sekadar memerah susu unta. Jika lebih daripada itu, kalimat *insya Allah* tidak lagi berguna.

2. Bagi memastikan itu tidak mengikat, seseorang harus mengucapkan kalimat insya Allah dan berniat untuk itu tidaklah memadai mengikut jumhur ulama. Sedangkan menurut mazhab Maliki, berniat dengan kalimat insya Allah menjadikan sumpah itu tidak lagi mengikat.

٢٠٦- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَتْ يَمِينُ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا، وَمُقَلِّبِ الْقُلُوبِ". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

206. Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: "Kalimat sumpah yang biasa digunakan oleh Rasulullah (s.a.w) adalah: "لا ومقلب القلوب" (Tidak, demi Allah yang membolak-balikkan hati)." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1393).

**Makna Hadis**

Kalimat sumpah yang paling sering diucapkan oleh Rasulullah (s.a.w) ialah: "لا ومقلب القلوب" (Tidak, demi Allah yang membolak-balik hati). Masih banyak lagi kalimat sumpah yang biasa diucapkan oleh baginda sampai-sampai al-Bukhari membuat satu bab khusus: bagaimana Rasulullah (s.a.w) bersumpah. Berikut beberapa hadis yang menceritakan bagaimana baginda bersumpah:

1. Hadis Ibn 'Umar yang menggunakan perkataan: "لا ومقلب القلوب" (Tidak, demi Allah yang membolak-balik hati).
2. Hadis Jabir bin Samurah yang di dalamnya baginda bersumpah dengan kalimat: "والذى نفسى بيده" (Demi Allah yang mengausai diriku).
3. Hadis Abu Hurairah yang di dalamnya baginda bersumpah dengan kalimat: "والذى نفس محمد بيده", (Demi Allah yang mengausai diri Muhammad).
4. Hadis Aisyah yang di dalamnya baginda bersumpah dengan kalimat: "والله", (Demi Allah).
5. Hadis Abu Dzar yang di dalamnya baginda bersumpah dengan kalimat: "وربّ الكعبة", (Demi Tuhan pemilik Ka'abah).
6. Hadis Abu Hurairah yang di dalamnya baginda bersumpah dengan kalimat: "وأيم الذى نفس محمد بيده" (Demi Allah yang menguasai diri

Muhammad).

**Analisis Lafaz**

"كانت يمين", kalimat sumpah yang digunakan Rasulullah (s.a.w) dan ini menunjukkan kalimat sumpah yang paling sering diucapkan oleh baginda. Ini dikuatkan lagi oleh hadis-hadis lain yang di antaranya riwayat al-Bukhari yang menggunakan lafaz: "كثيرا ما كان" (biasanya) sedangkan dalam riwayat Ibn Majah menggunakan lafaz: "كان أكثر أيمان رسول الله ... " (Sumpah yang paling sering diucapkan Rasulullah (s.a.w) adalah…)

"ومقلب", huruf waw yang ada pada kalimat ini merupakan waw sumpah yang bermaksud "demi".

"مقلب القلوب", Allah yang membolak-balikkan hati. Dengan erti kata lain, membalikkan hati itu dari kekufuran kepada iman, dari cinta kepada benci, dari kesedihan kepada kebahagiaan. Hati adalah merupakan benda yang dapat berubah-ubah.

Ada riwayat lain yang dikeluarkan oleh Ibn Majah dengan lafaz: "لا ومصرف القلوب". Ini menguatkan maksud hadis tersebut di atas. Ia bermaksud Allah yang membuat keadaan hati berubah-ubah. Jadi, yang berubah itu bukan hatinya melainkan keadaannnya.

**Fiqh Hadis**

1. Dibolehkan memberi nama Allah dengan sifat-sifat yang layak dengan kebesaran-Nya.
2. Dibolehkan bersumpah dengan sifat-sifat Allah (s.w.t). Menurut Ibn Hazm, majoriti mazhab Maliki dan mazhab Hanafi, seluruh asma' Allah dalam al-Qur'an dan hadis sahih, demikian pula sifat-sifat-Nya boleh dijadikan sebagai kalimat sumpah yang mewajibkan kifarat apabila sumpah itu dilanggar. Menurut mazhab Hanbali dan mazhab Syafi'i, jika nama atau sifat itu hanya cocok untuk Allah seperti *al-Rahman*, *Rabb al-'Alamin*, *Khaliq al-Khalq*, maka sumpahnya bersifat *sarih*, yakni tidak memerlukan niat lagi, sama ada nama yang dia maksudkan adalah betul-betul Allah atau sebaliknya. Namun jika nama atau sifat itu cocok untuk Allah dan makhluk-Nya, tetapi lebih kerap digunakan untuk Allah seperti *Rabb* atau *Khaliq*, jika yang dia maksudkan adalah Allah, maka sahlah sumpahnya dan wajib membayar kifarat apabila sumpah itu dilanggar, melainkan yang dia maksudkan itu adalah selain Allah, maka sumpahnya tidak sah. Jika nama atau sifat itu juga cocok untuk Allah dan hamba-Nya secara berimbang dan dia menyebut itu bukan bermaksud Allah, maka sumpahnya tidak sah tetapi jika dia menyebut itu untuk maksud Allah maka sahlah sumpahnya mengikut pendapat yang sahih.

٢٠٧- وَعَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: جَاءَ أَعْرَابِيٌّ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ، مَا الْكَبَائِرُ؟... فَذَكَرَ الْحَدِيثَ، وَفِيهِ قُلْتُ: وَمَا الْيَمِينُ الْغَمُوسُ؟ قَالَ: "الَّذِي يَقْتَطِعُ مَالَ امْرِئٍ مُسْلِمٍ هُوَ فِيهَا كَاذِبٌ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

207. Daripada Abdullah bin 'Amr (r.a), beliau berkata: "Pernah datang seorang Arab badwi kepada Rasulullah (s.a.w) dan bertanya: "Wahai Rasulullah, apakah dosa besar itu? Lalu, baginda pun menjwab: … Dan antara dosa yang disebutkan baginda ialah sumpah palsu. Aku bertanya: "Apakah sumpah palsu itu?" Baginda menjawab: "Ia adalah sumpah yang digunakan oleh seorang untuk merampas harta seorang muslim, padahal sumpah itu bohong belaka. (Dikeluarkan oleh Muslim: 1394).

**Makna Hadis**

Seorang muslim wajib menjauhi dosa-dosa besar setelah mengetahui apa itu dosa besar. Rasulullah (s.a.w) menjelaskan beberapa dosa besar yang antara lain adalah sumpah palsu yang pada hakekatnya menceburkan seseorang ke dalam neraka. Sumpah ini digunakan untuk untuk mengambil harta yang sebetulnya bukan miliknya.

**Analisis Lafaz**

"أعرابى", orang badwi. Ibn Hajar berkata: "Saya tidak tahu siapa nama badwi ini."

"الكبائر", dosa-dosa besar. Al-Nawawi berkata: "Ulama berbeza pendapat tentang apa itu dosa besar. Menurut Ibn Abbas, dosa besar ialah setiap dosa yang membawa pelakunya ke neraka, murka, laknat ataupun azab Allah. Ini sama dengan pendapat al-Hasan al-Bashri. Ada pula yang mengatakan dosa besar ialah perbuatan yang apabila dilakukan, maka akan dijanjikan oleh Allah dengan neraka dan di dunia pun pula bakal dikenakan hukuman."

Antara ulama yang bersetuju dengan pendapat terakhir ini ialah Imam Ahmad seperti mana yang dinukil oleh al-Qadhi Abu Ya'la dan al-Mawardi. Pendapat Ibn Abbas ini dikeluarkan oleh Ibn Abu Hatim dengan sanad yang tidak dipermasalahkan. Namun, ada pula yang mengatakan riwayat ini munqathi'. Ibn Abu Hatim turut meriwayatkan hadis muttashil yang periwayatnya tidak dipermasalahkan sampai kepada Ibn Abbas. Riwayat itu berbunyi:

كُلُّ مَا تَوَعَّدَ اللهُ عَلَيهِ بِالنَّارِ كَبِيرَةٌ.

"Setiap perbuatan yang diancam oleh Allah dengan neraka adalah termasuk dosa besar."

Apa itu dosa besar, ulama mazhab Syafi'i telah menetapkan beberapa ketentuan sebagai berikut:

- Menurut Imam al-Haramain, dosa besar ialah setiap kejahatan apabila dilakukan akan mengurangi nilai keagamaannya.
- Menurut al-Hulaimi, dosa besar ialah setiap perbuatan haram yang tercela dan dilarang.
- Menurut al-Rafi'i, dosa besar ialah perbuatan yang harus dihukum dengan hukuman hudud seperti rejam atau qisas.
- Menurut sebahagian ulama, perbuatan yang diancam oleh al-Qur'an dan Sunnah dengan seksa neraka.

Ibn Hajar menambahkan: "Menurut Ibn Abd al-Salam dalam kitab al-Qawa'id, saya belum pernah menjumpai batasan yang sama sekali tidak pernah dikritik. Nah dosa besar itu adalah apabila ia dilakukan, maka pelakunya merasa dipandang buruk dari segi agamanya. Ini tidak sama seperti dosa besar yang telah disebutkan oleh al-Qur'an dan Sunnah." Menurut Ibn Hajar, ini merupakan takrif yang bagus.

Menurut pensyarah kitab ini, apa yang dikemukakan oleh Ibn Hajar ini bukanlah takrif kerana perkataan "merasa" dalam suatu takrif tidak boleh diguna pakai sebab setiap orang memiliki perasaan yang berlainan. Misalnya, perbuatan ini jahat menurut perasaan sesetengah orang sedangkan menurut sebahagian yang lain perbuatan itu mereka rasa bagus. Suatu takrif pasti tidak lepas daripada kritikan, kerana dosa itu sendiri berbeza-beza tingkatannya, malah nash hadis yang sedia pun masih dikritik lantaran riwayatnya yang memerlukan kajian lebih mendalam, di samping lafaznya yang berbeza-beza antara satu sam lain. Jika tidak ada nash yang menjelaskan apa itu takrif dosa besar, maka setiap orang berhak mengemukakan pandangan yang bersesuaian.

Ada pula sesetengah orang yang mentertawakan takrif ini, kerana itu sama mentakrifkan sesuatu dengan takrif itu sendiri. Itu sama sekali tidak betul kerana nash-nash itu telah pun memberi batasan mana pebuatan yang dikategorikan dosa besar atau bukan dosa besar.

"الغموس", yakni yang menceburkan pelakunya ke dalam dosa kemudian ke dalam neraka.

"وما اليمين", apakah itu sumpah? Orang yang bertanya ini bernama Farras seperti mana yang disebut dalam riwayat Ibn Hibban.

"يقتطع", mengambil sebahagian, yakni merampas hak milik seorang muslim.

"أخرجه مسلم", dikeluarkan oleh Muslim, namun ini hanya tekaan Ibn Hajar semata. Ini kerana hadis ini ada di dalam Sahih al-Bukhari, bukan dalam Sahih Muslim. Padahal Ibn Hajar sendiri menjelaskan hadis ini diambil dari Sahih al-Bukhari. Beliau menyatakan itu ketika membahas kifarat sumpah dalam kitab

Fath al-Bari. Al-Mizzi pun menisbahkan hadis ini hanya kepada al-Bukhari, al-Tirmizi dan al-Nasa'i.

Mengikut pensyarah kitab ini, hadis ini tidak diriwayatkan oleh Abdullah bin 'Amr melainkan al-Sya'bi. Jadi, Muslim sama sekali tidak mengambil hadis yang datang melalui jalur al-Sya'bi daripada Abdullah bin 'Amr.

**Fiqh Hadis**

1. Sumpah palsu termasuk dosa besar.
2. Sumpah palsu dalam hadis ini ditakrifkan sebagai sumpah yang digunakan sebagai usaha untuk mengambil hak orang lain secara zalim. Ini merupakan periwayat hadis. Menurut pensyarah kitab ini, takrif ini dibuat berdasarkan kebiasaan yang berlaku. Dengan erti kata lain, setiap orang yang bersumpah dusta sama ada bertujuan mengambil hak orang lain ataupun tidak maka itu sudah dianggap sumpah palsu. Ulama berbeza pendapat tentang kifarat sumpah palsu. Menurut jumhur ulama, sumpah palsu tidak perlu dibayar dengan kifarat, kerana sumpah palsu sama dengan dosa besar seperti syirik, derhaka kepada ibu bapa dan membunuh di mana kifaratnya adalah bertaubat. Selain itu, ada pula hadis Abu Hurairah secara marfu':

   لَيسَ فِيهَا كَفَّارَةٌ يَمِينِ صَبرٍ يَقتَطِعُ بِهَا مَالًا بِغَيرِ حَقٍّ.

   "*Tidak ada kifarat bagi sumpah palsu yang digunakannya untuk mengambil hak orang lain*." Namun hadis ini cacat, kerana ia *mu'an'an* di samping Abu al-Mutawakkil yang meriwayatkan hadis ini daripada Abu Hurairah seorangyang majhul. Menurut al-Hakam, Atha', al-Syafi'i dan al-Awza'i, sumpah palsu wajib dibayar dengan kifarat melebihi kifarat sumpah yang lain.

٢٠٨- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا فِي قَوْلِهِ تَعَالَى: "لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللهُ بِاللَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ"، قَالَتْ: هُوَ قَوْلُ الرَّجُلِ: لَا وَاللهِ، بَلَى وَاللهِ. أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ، وَأَوْرَدَهُ أَبُو دَاوُدَ مَرْفُوعاً.

208. Daripada Aisyah (r.a) tentang firman Allah (s.w.t): "*Allah tidak mengira kamu bersalah tentang sumpah kamu yang tidak dimaksudkan (untuk bersumpah),...*" (Surah al-Baqarah: 225). Aisyah berkata: "Maksud ayat ini ialah seseorang yang berkata: Tidak, demi Allah. Ya, demi Allah." (Dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Abu Dawud meriwatakannya secara marfu': 1395).

## Makna Hadis

Ramai orang yang bercakap secara kiasan seperti: "تربت يمينك" (tangan kananmu bertanah) di mana antara makna hakiki dengan makna kiasan itu berlainan. Begitu pula sumpah di mana ada orang kelihatannya bersumpah tetapi sebetulnya tidak demikian. Inilah yang dimaksud oleh Aisyah dalam firman Allah (s.w.t) yang disebut dalam hadis di atas dan hadis ini *marfu'*.

## Analisis Lafaz

"وَأَوْرَدَهُ أَبُو دَاوُدَ مَرْفُوعاً", Abu Dawud meriwatakan hadis ini secara marfu'. Ibn Hajar menjelaskan maksud Abu Dawud ialah antara Atha' dengan Ibrahim ada perbezaan pendapat mengenai hadis ini sama ada marfu' atau mawquf.

Tetapi mengikut pensyarah kitab ini, tidak ada pendapat yang dapat dikuatkan dalam masalah ini. Tetapi kalau al-Bukhari biasanya suka menyokong pendapat yang menilai hadis itu mawquf.

## Fiqh Hadis

Sumpah sia-sia yang tidak dihitung oleh Allah adalah sumpah yang di dalam hati seseorang itu tidak berniat untuk bersumpah, kerana lidah tidak sengaja mengucapkannya. Inilah pendapat al-Syafi'i dan Imam Ahmad yang dinukil daripada Ibn Umar, Ibn Abbas dan sahabat yang lain. Ia turut dinukil daripada al-Qasim, Atha', al-Sya'bi, Thawus dan al-Hasan.

Menurut Malik, Abu Hanifah dan Imam Ahmad, sumpah sia-sia ialah seseorang bersumpah tentang sesuatu yang dia sangka demikian adanya, tetapi ternyata sesuatu itu tidak seperti yang dia sangkakan dan oleh yang demikian, sumpahnya itu dianggap sebagai sumpah untuk perbuatan di masa lampau.

Ada pula yang mengatakan sumpah itu dapat dijadikan sebagai sumpah untuk perbuatan di masa yang akan datang seperti seseorang bersumpah tentang sesuatu yang sebetulnya hanya berlandaskan tekaan semata, kemudian ternyata sesuatu itu tidak seperti yang dia teka itu. Inilah pendapat Rabi'ah, Malik, al-Awza'i dan al-Laits.

Menurut Thawus, sumpah tidak sah apabila orang yang bersumpah itu sedang dalam keadaan marah.

٢٠٩- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ لِلّٰهِ تِسْعًا وَتِسْعِينَ اِسْماً، مَنْ أَحْصَاهَا دَخَلَ الْجَنَّةَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَسَاقَ التِّرْمِذِيُّ وَابْنُ حِبَّانَ الْأَسْمَاءَ، وَالتَّحْقِيقُ أَنَّ سَرْدَهَا إِدْرَاجٌ مِنْ بَعْضِ الرُّوَاةِ.

209. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Sesungguhnya Allah mempunyai sembilan puluh sembilan nama. Barangsiapa yang menghafalnya, maka dia masuk syurga. (Muttafaq 'alaih). Al-Tirmizi dan Ibn Hibban menyebutkan nama-nama itu dan penyebutan nama-nama itu merupakan tambahan daripada sebahagian periwayat.: 1396.

**Makna Hadis**

Allah (s.w.t) mempunyai sembilan puluh sembilan nama. Bagi seorang muslim, diwajibkan mengenali nama-nama itu, menghafalnya dan mengamalkan isi kandungannya. Barangsiapa yang dapat melakukanya, maka dia masuk syurga.

**Analisis Lafaz**

"أحصاها", menghitungnya. Ada banyak pendapat mengenai maksud "menghitung" dalam hadis ini.

- Ada yang mengatakan barangsiapa yang menghafalnya seperti mana dalam riwayat sahih yang lain.
- Ada yang mengatakan menghitungnya satu persatu dan memuji Allah dengan menggunakan nama-nama itu. Dengan demikian dia berhak mendapat pahala.
- Ada yang mengatakan melaksanakan hak-hak daripada nama-nama itu.
- Ada yang mengatakan memahami seluruh maknanya. Jumhur ulama menilai kuat pendapat yang pertama.

"أَنَّ سَرْدَهَا إِدْرَاجٌ مِنْ بَعْضِ الرُّوَاةِ" asma'ul husna itu merupakan tambahan daripada beberapa periwayat. Dalam kaitan ini, Ibn Hajar membincangkannya dalam kitab Fath al-Bari, al-Talkhis dan al-Amali.

**Fiqh Hadis**

1. Allah (s.w.t) mempunyai sembilan puluh sembilan nama.
2. Mengamalkan dan menghafal nama-nama itu dapat memasukkan seseorang ke dalam syurga.

٢١٠- وَعَنْ أُسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ صُنِعَ إِلَيْهِ مَعْرُوفٌ، فَقَالَ لِفَاعِلِهِ: جَزَاكِ اللهُ خَيْراً. فَقَدْ أَبْلَغَ فِي الثَّنَاءِ". أَخْرَجَهُ التِّرْمِذِيُّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

210. Daripada Usamah bin Zaid (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barangsiapa yang menerima kebaikan dari orang lain, lalu dia berkata kepada orang itu: 'Semoga Allah membalasmu dengan kebaikan', maka sesungguhnya dia telah memujinya dengan sepatutnya." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban: 1397).

٢١١- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ نَهَى عَنِ النَّذْرِ وَقَالَ: "إِنَّهُ لَا يَأْتِي بِخَيْرٍ وَإِنَّمَا يُسْتَخْرَجُ بِهِ مِنَ الْبَخِيلِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

211. Daripada Ibn 'Umar (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w) bahawa baginda melarang daripada bernazar. Baginda bersabda: "Sesungguhnya ia (nazar) itu tidak mendatangkan seberang kebaikan. Nazar hanya keluar dari orang yang bakhil." (Muttafaq 'alaih: 1398).

**Makna Hadis**

Allah (s.w.t) telah menentukan bahagian rizeki manusia dan ajal mereka. Ketentuan itu tidak boleh lagi berubah. Meskipun sesorang bernazar, namun dia tidak mampu merubah takdir itu. Allah (s.w.t) menganggap orang yang bernazar sama dengan orang yang tidak mahu memberi sesuatu kecuali apabila ada imbalannya atau diselamatkan daripada merabahaya. Jadi dia tidak bernazar seandainya tidak terjadi bencana-bencana itu.

Ada kemungkinan seseorang bernazar kerana melihat ramai orang yang bernazar dan secara kebetulan hajat mereka dimakbulkan. Ketika melihat kenyataan itu, dia pun mengira nazar mendatangkan kebaikan padahal tidak demikian. Hadis ini merupakan permulaan hadis yang dimuatkan oleh Ibn Hajar untuk membahas nazar.

**Analisis Lafaz**

"لا يأتى بخير", nazar tidak mendatangkan kebaikan. Dengan erti kata lain, nazar tidak menjadi sebab yang boleh mendatangkan nikmat atau sebab yang menyelamatkan bencana. Dalilnya hadis yang berbunyi:

إِنَّ النَّذَرَ لَا يُقَدِّمُ وَلَا يُؤَخِّرُ.

"Sesungguhnya nazar itu tidak dapat mendahului takdir dan pula tidak mampu melambatkan takdir." Malah dalam penggal hadis yang lain ditegaskan nazar itu tidak mampu menolak apa jua sekali pun.

Ada pula hadis Abu Hurairah yang dikeluarkan oleh al-Bukhari:

لَا يَأْتِي ابنَ آدَمَ النَّذرُ بِشَيءٍ لَم يَكُن قُدِّرَ لَهُ وَلَكِن يُلقِيهِ النَّذرُ إِلَى القَدَرِ قَد قُدِّرَ لَهُ فَيَستَخرِجُ اللهُ بِهِ مِنَ البَخِيلِ فَيُؤتَى عَلَيهِ مَالَم يَكُن يُؤتَى عَلَيهِ مِن قَبلُ.

"Nazar itu tidak mampu merubah takdir yang telah ditetapkan kepada seorang manusia. Dia hanya mampu menghantarkan manusia itu justeru ke arah takdir yang telah ditetapkan kepadanya. Dia memohon kepada Allah supaya diselamatkan daripada sifat bakhil yang ada pada dirinya. Lalu, diberikanlah kepadanya sesuatu yang sebelumnya belum pernah dia peroleh." Inilah penjelasan Ibn al-Atsir, al-Khatthabi dan Abu 'Ubaid.

**Fiqh Hadis**

Hadis ini melarang seorang muslim bernazar. Ada beberapa ulama yang memahami larangan ini seadanya yang dengan demikian mereka puan mengharamkan bernazar. Menurut Malik, nazar itu hukumnya dibolehkan selagi isi nazar itu tidak bersifat rutin untuk diamalkan selama-lamanya. Sebab jika nazar itu bersifat amalan rutin, itu memberatkan dan menyusahkan orang yang bernazar hingga hukumya pun makruh. Menurut Malik, ada kemungkinan maksud kalimat "لا يأتى بخير" adalah mendatangkan akibat yang tidak baik. Menurut al-Syafi'i, mazhab Hanbali dan Maliki, nazar itu makruh.

Ibn Hajar berkomentar: "Saya hairan terhadap mereka yang mengatakan nazar itu tidak makruh, kerana hadis ini sudah jelas melarangnya. Larangan itu kalau tidak bermaksud haram, setidaknya itu menunjukkan makruh."

**Penting!**

Al-Shan'ani, al-Syaukani, Ibn al-Qayyim dan Ibn Taimiyah berkata: "Kebanyakan nazar zaman sekarang adalah berziarah dan bertawasul ke kubur, makam wali dan para arwah. Perbuatan diharamkan. Ini kerana orang yang bernazar biasanya meyakini para arwah itu boleh mendatangkan kebaikan, menolak musibah dan lain-lain. Inilah yang dilakukan oleh penyembah berhala. Jadi, nazar diharamkan sama seperti menyembah berhala. Kita wajib melarang perbuatan itu di samping kita wajib menjelaskan perbuatan itu merupakan dosa besar."

٢١٢- وَعَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "كَفَّارَةُ النَّذْرِ كَفَّارَةُ يَمِينٍ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ، وَزَادَ التِّرْمِذِيُّ فِيهِ: "إِذَا لَمْ يُسَمِّ" وَصَحَّحَهُ.

212. Daripada 'Uqbah bin 'Amir (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Kifarat nazar adalah kifarat sumpah." (Diriwayatkan oleh Muslim

dan al-Tirmizi menambahkan lafaz sekalli gus menilainya sahih: "Jika dia tidak menyebut nazar itu.": 1399.

### Makna Hadis

Barangsiapa bernazar seperti berkata: "Demi Allah, aku hendak melakukan sesuatu" dan di dalam nazar itu dia tidak menyebutkan apa-apa yang ingin dilakukan, maka kifaratnya sama dengan kifarat sumpah seperti mana yang disebut dalam al-Qur'an berikut:

..... فَكَفَّـٰرَتُهُۥٓ إِطۡعَامُ عَشَرَةِ مَسَـٰكِينَ مِنۡ أَوۡسَطِ مَا تُطۡعِمُونَ أَهۡلِيكُمۡ أَوۡ كِسۡوَتُهُمۡ أَوۡ تَحۡرِيرُ رَقَبَةٍۖ فَمَن لَّمۡ يَجِدۡ فَصِيَامُ ثَلَـٰثَةِ أَيَّامٍۚ ..... ﴿٨٩﴾

"*...Maka bayaran dendanya ialah memberi makan sepuluh orang miskin dari jenis makanan yang sederhana yang kamu (biasa) berikan kepada keluarga kamu, atau memberi pakaian untuk mereka, atau memerdekakan seorang hamba. Kemudian sesiapa yang tidak dapat (menunaikan denda yang tersebut), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari....*" (Surah al-Ma'idah: 89)

### Analisis Lafaz

"إذا لم يسمه", Jika tidak menyebut nazar itu seperti berkata: "Demi Allah, aku akan melakukan sesuatu."

"وصححه", al-Tirmizi menilainya sahih meskipun di dalam sanadnya terdapat nama Muhammad bin Yazid bin Abu Ziyad al-Falistini al-Tsaqafi. Al-Zahabi berkata: "Riwayat hidup Muhammad ini tidak dikenal." Komentar yang sama turut dikemukakan oleh al-Hakim.

Hadis ini juga datang dari jalur lain diriwayatkan oleh Ibn Majah daripada Isma'il bin Rafi', daripada Khalid bin Yazid, daripada 'Uqbah bin 'Amir dengan lafaz: "مَن نَذَرَ نَذْرًا وَلَم يُسَمِّهِ" (Barangsiapa bernazar dan tidak menyebut secara khusus nazarnya itu). Isma'il seorang periwayat yang lemah hafalan.

Lain pula halnya dengan 'Amr bin al-Harits, pakar hadis Mesir pada masanya. Beliau meriwayatkan hadis daripada Ka'ab bin 'Alqamah daripada Abdurrahman bin Syammasah daripada Abu al-Khair daripada 'Uqbah. 'Amr bin al-Harits di-*mutaba'ah* oleh Yahya bin Ayyub. Akan tetapi di dalam riwayat kedua orang ini ('Amr dan Yahya) tidak ada kalimat yang berbunyi: "وَلَم يُسَمِّهِ" seperti mana yang dikeluarkan oleh Muslim dan al-Baihaqi. Oleh itu, maka lebih baik kami tidak memberi apa-apa komentar terhadap tambahan ini.

Hadis ini dikuatkan oleh riwayat lain daripada Ibn 'Abbas secara marfu'. Hadis ini dikeluarkan oleh Abu Dawud dan beberapa ulama yang lain, tetapi menurut pandapat yang sahih malah mawquf seperti mana yang disampaikan

oleh Abu Dawud. Pendapat ini dinilai kuat oleh Ibn Hajar dalam kitab Fath al-Bari.

**Fiqh Hadis**

Kifarat nazar sama dengan kifarat sumpah asalkan ketika bernazar, tidak menjelaskan apa-apa yang hendak dinazarkan. Inilah pendapat sekumpulan ulama. Menurut al-Nawawi, ulama berbeza pemahaman mengenai hadis ini.

- Jumhur ulama memahami nazar dalam hadis ialah nazar orang yang sedang marah di mana dia disuruh memilih antara menunaikan nazar atau membayar kifarat.
- Imam Malik memahami nazar di sini adalah nazar yang bersifat mutlak, yakni nazar yang tidak dijelaskan apa yang hendak dinazarkan seperti berkata: "Aku mempunyai nazar…". Pendapat ini dinukil daripada al-Syafi'i.
- Menurut ulama hadis pula, nazar di sini bermaksud meliputi semua jenis nazar.

٢١٣- وَلِأَبِي دَاوُدَ مِنْ حَدِيثِ ابْنِ عَبَّاسٍ مَرْفُوعاً: "مَنْ نَذَرَ نَذْراً لَمْ يُسَمِّهِ، فَكَفَّارَتُهُ كَفَّارَةُ يَمِينٍ، وَمَنْ نَذَرَ نَذْراً فِي مَعْصِيَةٍ، فَكَفَّارَتُهُ كَفَّارَةُ يَمِينٍ، وَمَنْ نَذَرَ نَذْراً لَا يُطِيقُهُ، فَكَفَّارَتُهُ كَفَّارَةُ يَمِينٍ". وَإِسْنَادُهُ صَحِيحٌ، إِلَّا أَنَّ الْحُفَّاظَ رَجَّحُوا وَقْفَهُ.

213. Abu Dawud meriwayatkan hadis Ibn Abbas (r.a) secara marfu', Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barangsiapa bernazar dan tidak menyebut nazar itu, maka kifaratnya adalah kifarat sumpah. Barangsiapa bernazar untuk berbuat maksiat, maka kifaratnya adalah kifarat sumpah. Barangsiapa bernazar melakukan suatu perkara yang dia sendiri tidak kuasa melakukannya, maka kifaratnya adalah kifarat sumpah. (Sanad hadis ini sahih namun para hafiz menilainya mawquf: 1400).

**Makna Hadis**

Nazar yang bersifat mutlak sama dengan nazar maksiat dan nazar untuk melakukan sesuatu yang tidak mampu dilakukan, di mana kifaratnya adalah sama.

**Analisis Lafaz**

"لا يطيقه", tidak mampu melakukannya.

**Fiqh Hadis**

1. Seseorang yang bernazar namun tidak menyebut apa yang hendak dinazarkan, maka kifaratnya sama dengan kifarat sumpah. Inilah pendapat jumhur ulama.
2. Seseorang yang bernazar hendak melakukan perbuatn maksiat, maka kifaratnya sama dengan kifarat sumpah. Inilah pendapat al-Tsauri, Abu Hanifah, Imam Ahmad dan Ishaq. Namun Ibn Umar, Malik dan al-Syafi'i berpendapat nazar untuk berbuat maksiat tidak sah dan oleh kerananya, tidak perlu dibayar kifaratnya, malah jika seseorang bernazar untuk puasa pada hari raya, maka nazar itu tidak perlu ditunaikan. Dalil mereka adalah hadis 'Imran bin Hushain yang dikeluarkan oleh Muslim:

   لَا نَذَرَ فِي مَعْصِيَةٍ.

   "Tidak sah nazar untuk berbuat maksiat."
3. Seseorang yang bernazar untuk melakukan suatu perbuatan yang dia sendiri tidak mampu melakukannya, maka kifaratnya sama dengan kifarat sumpah. Pendapat ulama tentang nazar ini sama dengan sebelum ini. Dalil Malik dan al-Syafi'i adalah hadis 'Imran bin Hushain yang dikeluarkan oleh Muslim:

   لَا نَذَرَ فِي مَعصِيَةٍ وَلَا فِيمَا لَا يَملِكُ ابنُ آدَمَ.

   "Tidak sah nazar untuk melakukan perbuatan maksiat atau melakukan sesuatu yang tidak kuasa dilakukan oleh umat manusia."

٢١٤- وَلِلْبُخَارِيِّ مِنْ حَدِيثِ عَائِشَةَ: "وَمَنْ نَذَرَ أَنْ يَعْصِيَ اللهَ فَلَا يَعْصِهِ".

214. Al-Bukhari meriwayatkan hadis daripada Aisyah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w): "Barangsiapa bernazar untuk berbuat maksiat kepada Allah, maka maksiat itu kepada Allah itu janganlah dilakukan.": 1401.

٢١٥- وَلِمُسْلِمٍ مِنْ حَدِيثِ عِمْرَانَ: "لَا وَفَاءَ لِنَذْرٍ فِي مَعْصِيَةٍ".

215. Muslim turut meriwayatkan hadis daripada 'Imran, Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tidak boleh menunaikan nazar maksiat.": 1402.

٢١٦- وَعَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: نَذَرَتْ أُخْتِي أَنْ تَمْشِيَ إِلَى بَيْتِ اللهِ حَافِيَةً، فَأَمَرَنِي أَنْ أَسْتَفْتِيَ لَهَا رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَاسْتَفْتَيْتُهُ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لِتَمْشِ وَلْتَرْكَبْ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ.

216. Daripada 'Uqbah bin 'Amir (r.a), beliau berkata: "Saudara perempuanku pernah bernazar untuk berjalan kaki ke Baitullah tanpa memakai kasut. Lalu, dia menyuruhku meminta pendapat kepada Rasulullah (s.a.w). Maka, aku pun bertanya kepada baginda dan baginda menjawab: "Berjalanlah dan tunggangilah kenderaan." (Muttafaq 'alaih dan lafaz hadis ini milik Muslim: 1403).

٢١٧- وَلِلْخَمْسَةِ، فَقَالَ: " إِنَّ اللهَ لَا يَصْنَعُ بِشَقَاءِ أُخْتِكَ شَيْئاً، مُرْهَا فَلْتَخْتَمِرْ وَلْتَرْكَبْ وَلْتَصُمْ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ".

217. Al-Khamsah meriwayatkan satu hadis di mana Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Sesungguhnya Allah (s.w.t) tidak menginginkan kebinasaan terhadap saudara perempuanmu itu. Suruhlah dia memakai tudung dan kenderailah tunggangan, lalu berpuasalah selama tiga hari.": 1404.

**Makna Hadis**

Saudara perempuan 'Uqbah bin 'Amir pernah bernazar untuk berjalan kaki ke Baitullah tanpa memakai kasut dan tanpa mengenderai kenderaan. Namun, dia merasa perbuatan itu sangat sukar dilakukan. Dia pun menyuruh saudaranya bernama 'Uqbah menanyakan masalah ini kepada Rasulullah (s.a.w). 'Uqbah pun segera pergi dan bertanya kepada baginda dan baginda menegaskan perempuan itu boleh berjalan kaki untuk separuh perjalanan dan separuhnya lagi mengenderai kenderaan asalkan tetap memakai tudung. Para penyusun kitab al-Sunan menambahkan lafaz: "Hendaklah (perempuan itu) berpuasa selama tiga hari."

**Analisis Lafaz**

"أختى", saudara perempuanku. Menurut al-Qasthallani dan al-Quthb al-Halabi, nama perempuan itu ialah Ummu Hibban binti 'Amir. Mereka mendapat riwayat daripada Ibn Makula padahal sebetulnya tidak demikian. Ibn Makula mengambil riwayat daripada Ibn Sa'ad dan Ibn Sa'ad menyebut perempuan yang bernazar itu ialah saudara perempuan 'Uqbah bin 'Amir yang lain, bukan 'Uqbah bin 'Amir al-Juhani, periwayat hadis ini. Menurut al-Thabari, perempuan ini bertubuh besar dan sulit berjalan.

Dalam riwayat Abu Dawud daripada Ibn Abbas bahawa 'Uqbah pernah bertanya kepada Rasulullah (s.a.w) tentang saudara perempuannya yang bernazar hendak berjalan kaki ke Baitullah tanpa memakai kasut, sedangkan dia tidak mampu melakukan perjalanan itu.

"حافية", tidak memakai kasut.

"أستفتى", meminta pendapat untuk mencari jalan keluar.

"بشقاء", kemalangan.

"فلتختمر", supaya memakai tudung. Ini merupakan jawapan ke atas nazar yang dilakukan perempuan itu, kerana perempuan itu bernazar hendak berjalan kaki tanpa kasut dan tanpa memakai tudung.

Dalam riwayat Ibn Abbas, Abu Dawud menambahkan lafaz: "وَتهدِى بَدَنَةً" (dan menyembelih seekor unta." Kalimat ini mengganti lafaz yang berbunyi: "وَلتصم ثلاثَة أيام", (berpuasalah selama tiga hari). Periwayat hadis ini tsiqah.

**Fiqh Hadis**

Seseorang yang bernazar pergi berjalan kaki ke Baitullah, tetapi dia tidak mampu melakukannya kerana fizikalnya sudah lemah, maka dia dibolehkan mendatangi Baitullah dalam keadaan menunggangi kenderaan, namun dia wajib membayar kifarat dengan berpuasa selama tiga hari. Inilah pendapat Imam Ahmad dan Ishaq.

Al-Syafi'i berpendapat barangsia bernazar pergi berjalan kaki ke Baitullah, maka dia tidak wajib menunaikan nazarnya itu malah dia dibolehkan pergi ke Baitullah dengan menunggangi kenderaan, meskipun dia mampu berjalan kaki.

Abu Hanifah berpendapat jika ketika bernazar itu, dia tidak berniat haji atau umrah, maka nazarnya tidak sah, tetapi, jika sebelum itu dia bernazar pergi ke Baitullah dengan menunggangi kenderaan, maka dia wajib menunaikan nazarnya itu dan jika pergi dengan berjalan kaki, maka dia wajib bayar dam.

Al-Syafi'i dalam pendapat yang lain mengatakan jika telah bernazar hendak pergi berjalan kaki ke Baitullah dan mampu berjalan kaki, maka lakukanlah itu, tetapi jika tidak mampu lagi, maka dia dibolehkan menaiki kenderaan, namun diwajibkan membayar dam.

**Penting!**

Ada ulama yang memahami Rasulullah (s.a.w) menyuruh saudara perempuan 'Uqbah berpuasa selama tiga hari, kerana perempuan itu telah bernazar hendak berjalan kaki dalam keadaan tidak memakai jilbab. Ini adalah satu kesilapan apatah lagi kifarat nazar maksiat sama dengan kifarat sumpah.

٢١٨- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: اسْتَفْتَى سَعْدُ بْنُ عُبَادَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي نَذْرٍ كَانَ عَلَى أُمِّهِ، تُوُفِّيَتْ قَبْلَ أَنْ تَقْضِيَهُ؟ فَقَالَ: "اِقْضِهِ عَنْهَا". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

218. Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Sa'ad bin 'Ubadah (r.a) pernah meminta pendapat kepada Rasulullah (s.a.w) mengenai nazar ibunya yang sudah meninggal dunia sebelum menunaikan nazar itu. Maka, Rasulullah (s.a.w) pun bersabda: "Engkau hendaklah membayar nazar ibumu itu." (Muttafaq 'alaih: 1405).

**Makna Hadis**

Hadis ini menjelaskan amal soleh yang dilakukan oleh seorang anak sampai kepada arwah kerabatnya dan kewajipan mereka boleh dilaksanakan oleh orang yang masih hidup.

**Analisis Lafaz**

"في نذر" mengenai nazar. Al-Qadhi 'Iyadh berkata: "Ulama berbeza pendapat tentang jenis nazar ibu Sa'ad ini. Ada yang mengatakan nazar yang dia maksudkan adalah nazar yang bersifat umum. Ada yang mengatakan nazar puasa. Ada lagi yang mengatakan nazar untuk memerdekakan hamba sahaya. Ada yang mengatakan nazar untuk bersedekah. Semua pendapat ini berdalil dengan hadis yang sama, iaitu hadis yang menceritakan nazar ibu Sa'ad. Apa yang pasti, nazar ibu Sa'ad dalam bentuk harta atau nazar yang bersifat umum.

**Fiqh Hadis**

1. Ganjaran pahala bagi suatu amal soleh yang dilakukan oleh seorang anak seperti memerdekakan hamba, bersedekah atau membayar nazar sampai kepada orang tua si mati. Dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Muslim:

   إِذَا مَاتَ ابنُ آدَمَ انقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِن ثَلَاثٍ؛ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلمٍ يُنتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدعُو لَهُ.

   *"Jika seseorang sudah mati, maka seluruh ganjaran pahal dari amalnya terputus kecuali tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat atau anak soleh yang sentiasa mendoakannya."*

2. Kewajipan yang ada pada diri seseorang boleh dibayar setelah dia mati. Jumhur ulama berpendapat jika ada seseorang yang sudah mati sedangkan dia pernah bernazar untuk menyedekahkan hartanya, maka nazar itu wajib ditunaikan yang diambil daripada modal harta yang dimiliki oleh si mati, meskipun dia tidak sempat berwasiat untuk itu. Akan tetapi, apabila nazar itu diucapkan ketika dia sedang sakit yang sudah mendekati kematian, maka nazar itu hendaklah sepertiga harta

yang ditinggalkan. Menurut mazhab Maliki dan mazhab Hanafi, nazar itu ditunaikan apabila si mati pernah berwasiat untuk itu. Jika si mati tidak mempunyai harta, maka ahli waris tidak wajib menunaikan nazar itu, namun mereka disunatkan menunaikannya. Jika nazar itu tidak berbentuk harta, maka ahli waris tidak wajib menunaikannya mengikut pendapat jumhur ulama sedangkan menurut mazhab Zahiri, ahli waris wajib menunaikan nazar itu.

٢١٩- وَعَنْ ثَابِتِ بْنِ الضَّحَّاكِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: نَذَرَ رَجُلٌ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَنْحَرَ إِبِلاً بِبُوَانَةَ، فَأَتَى رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَأَلَهُ: فَقَالَ: "هَلْ كَانَ فِيهَا وَثَنٌ يُعْبَدُ؟" قَالَ: لَا، قَالَ: "فَهَلْ كَانَ فِيهَا عِيدٌ مِنْ أَعْيَادِهِمْ؟" فَقَالَ: لَا. فَقَالَ: "أَوْفِ بِنَذْرِكَ، فَإِنَّهُ لَا وَفَاءَ لِنَذْرٍ فِي مَعْصِيَةِ اللهِ، وَلَا فِي قَطِيعَةِ رَحِمٍ، وَلَا فِيمَا لَا يَمْلِكُ ابْنُ آدَمَ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالطَّبَرَانِيُّ وَاللَّفْظُ لَهُ وَهُوَ صَحِيحُ الْإِسْنَادِ.

219. Daripada Tsabit bin al-Dhahhak (r.a), beliau berkata: “Pada zaman Rasulullah (s.a.w), pernah seorang lelaki bernazar hendak menyembelih seekor unta di Buwanah. Lalu, dia pergi menjumpai Rasulullah (s.a.w) untuk menanyakan hal itu. Baginda pun bertanya: “Adakah di tempat itu berhala yang disembah? Lelaki itu menjawab: “Tidak ada.” Baginda bertanya lagi: “Adakah di tempat itu dilakukan pesta yang mereka rayakan?” Lelaki itu menjawab: “Tidak ada.” Lalu, baginda bersabda: “Tunaikan nazarmu, tetapi ingat, tidak boleh menunaikan nazar apabila nazar itu merupakan kemaksiatan terhadap Allah atau bertujuan untuk memutuskan silaturrahim atau nazar itu tidak mampu dilakukan sesiapa pun daripada anak Adam.” (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Thabarani dan lafaznya diambil daripada riwayat al-Thabarani serta sanad hadis ini sahih: 1406).

٢٢٠- وَلَهُ شَاهِدٌ مِنْ حَدِيثِ كَرْدَمٍ عِنْدَ أَحْمَدَ.

220. Hadis tersebut di atas dikuatkan oleh hadis Kardam yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad.: 1407.

**Makna Hadis**

Nazar tidak boleh dilakukan apabila bertujuan untuk berbuat maksiat kepada Allah (s.w.t) atau nazar itu tidak mampu dilakukan oleh sesiapa pun.

**Analisis Lafaz**

"ببوانة", Buwanah. Ada pula yang membaca Bawanah. Buwanah ialah suatu daratan terletak di sebelah negeri Yanbu' seperti mana yang ditegaskan dalam kitab al-Nihayah.

Ada yang mengatakan Buwanah terletak di neegri Syam atau antara negeri Syam dengan negeri Bakar. Inilah pendapat Abu Ubaidah. Ada pula yang mengatakan Buwanah terletak di sebelah perbukitan Makkah setelah kota Yalamlam. Inilah pendapat al-Baghawi.

"عيد من أعيادهم", pesta perayaan mereka, yakni tempat yang kerap mereka gunakan untuk berpesta menyembah berhala. Setiap tempat yang kerap didatangi untuk berpesta seperti ini diberi nama tempat perayaan.

"عند أحمد", hadis yang dikeluarkan oleh Imam Ahmad dan Abu Dawud. Menisbahkan hadis ini kepada Abu Dawud lebih baik lagi dan ini merupakan metode Ibn Hajar namun beliau kelihatannya lupa akan hal itu.

**Fiqh Hadis**

1. Barangsiapa bernazar ingin berziarah ke suatu tempat, maka tunaikanlah nazar itu asalkan di tempat itu tidak dilakukan perbuatan-perbuatan jahiliah. Inilah yang dinamakan nazar mubah, yakni nazar yang dibolehkan. Inilah mazhab Syafi'i. Namun, ada pula yang berpendapat nazar seperti ini tidak wajib ditunaikan, kerana ada hadis yang berbunyi: "Tidak boleh dilakukan pelayaran kecuali untuk mendatangi tiga masjid berikut...".
2. Tidak boleh menunaikan nazar yang bertujuan melakukan perbuatan maksiat kepada Allah.
3. Tidak boleh menunaikan nazar yang tidak kuasa dilakukan oleh sesiapa pun.
4. Tidak boleh menunaikan nazar yang bertujuan memutuskan silaturrahim.

**Periwayat Hadis**

Tsabit bin al-Dhahhak al-Asyhali. Beliau pernah turut serta berbai'at di bawah pokok al-Ridhwan dan turut mempunyai hadis selain hadis ini.

٢٢١- وَعَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَجُلاً قَالَ يَوْمَ الْفَتْحِ: يَا رَسُولَ اللهِ إِنِّي نَذَرْتُ إِنْ فَتَحَ اللهُ عَلَيْكَ مَكَّةَ أَنْ أُصَلِّيَ فِي بَيْتِ الْمَقْدِسِ، فَقَالَ: "صَلِّ هَا هُنَا". فَسَأَلَهُ، فَقَالَ: "صَلِّ هَا هُنَا". فَسَأَلَهُ، فَقَالَ: "شَأْنُكَ إِذًا". رَوَاهُ أَحْمَدُ أَبُو دَاوُدَ وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

221. Daripada Jabir (r.a) bahawa pada hari penaklukan kota Makkah, ada seorang lelaki yang berkata: "Wahai Rasulallah, aku bernazar, jika Allah menaklukkan kota Makkah ini, maka aku akan mengerjakan solat di Baitul Maqis. Lalu, Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Solatlah disini!" Lelaki itu bertanya lagi dan baginda menjawab: "Solatlah disini!" Lelaki itu masih bertanya dan baginda pun bersabda: "Kalau begitu, itu adalah urusanmu." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Dawud dan dinilai sahih oleh al-Hakim: 1408).

### Makna Hadis

Hadis ini menjelaskan nazar itu tidak tertentu dengan suatu tempat. Nazar boleh dilakukan meskipun di tempat yang berlainan tempat ketika dia mengucapkan nazarnya itu.

### Analisis Lafaz

"أصلى فى بيت المقدس", aku mengerjakan solat di Baitul Maqdis, yakni mengerjakan solat di masjidnya. Dalam riwayat Abu Dawud lafaznya: "Mengerjakan solat di Baitul Maqdis sebanyak dua rakaat."

"فشأنك" itu adalah urusanmu. yakni lakukan urusanmu.

### Fiqh Hadis

Tidak perlu menyebut tempat yang menjadi tujuan nazar mengikut pendapat ulama. Sungguhpun demikian, menyebutnya hanya disunatkan. Ada pula pendapat lain yang mengatakan tempat itu mesti disebutkan ketika nazar. Dalil mereka hadis Tsabit sebelum ini.

Menurut sebahagian ulama pula dibolehkan mendatangi tempat lain yang memiliki darjat yang sama atau tempat lain yang lebih mulia daripada tempat yang dinazarkan. Dalil mereka hadis Ibn 'Abbas yang dikeluarkan oleh Muslim bahawa seorang perempuan mengadu suatu permasalahan yang dihadapinya. Dia berkata: "Jika Allah menyembuhkan diriku, aku akan keluar pergi mengerjakan solat di Baitul Maqdis. Tidak berapa lama setelah mengucapkan nazar itu, perempuan itu pun sembuh dari penyakit yang dideritanya. Dia bersiap sedia untuk berangkat. Lalu, datanglah Maimunah memberi salam kepadanya. Perempuan itu memberitahukan yang dirinya hendak pergi ke Baitul Maqdis. Maimunah berkata kepada perempuan itu: "Duduklah dulu dan kerjakan solat di Masjid Nabawi. Aku pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda:

صَلَاةٌ فِيهِ أَفضَلُ مِن أَلفِ صَلَاةٍ فِيمَا سِوَاهُ مِنَ المَسَاجِدِ إِلَّا مَسجِدَ الكَعبَةِ.

"*Solat di Masjid Nabawi lebih afdhal daripada solat seribu rakaat di masjid yang lain, selain masjid Ka'bah (Masjid Haram).*"

٢٢٢- وَعَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَا تُشَدُّ الرِّحَالُ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدَ: مَسْجِد الْحَرَامِ وَمَسْجِدِ الْأَقْصَى وَمَسْجِدِي هَذَا". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ.

222. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Tidak boleh dilakukan pelayaran kecuali untuk mendatangi tiga masjid berikut: Masjid al-Haram, Masjid al-Aqsha dan masjidku ini." (Muttafaq 'alaih dan lafaznya diambil dari Sahih al-Bukhari: 1409).

**Makna dan Fiqh Hadis**

Al-Shan'ani berkata: "Barangkali tujuan Ibn Hajar membawakan hadis ini untuk menunjukkan nazar itu boleh dilakukan di mana-mana tempat dan tidak terikat dengan suatu tempat. Tempat yang boleh ditentukan hanya ada tiga, iaitu Masjid Haram, Masjid al-Aqsa dan Masjid Nabawi."

"Menurut Malik dan al-Syafi'i, jika seseorang bernazar ke salah satu daripada tiga masjid ini, maka dia wajib menunaikan nazarnya itu dan dibolehkan memilih salah satu daripada tiga masjid itu. Menurut Abu Hanifah, menunaikan nazar sesuai dengan apa yang telah dinazarkan itu tidaklah wajib. Jika bernazar solat, seseorang dibolehkan mengerjakan solat di mana-mana tempat yang dia inginkan. Jika nazarnya itu adalah berhaji atau umrah, maka dia wajib menunaikan nazar itu dengan pergi ke Masjid Haram untuk melaksanakan haji atau umrah."

Menurut al-Shan'ani, selain daripada tiga masjid yang telah disebut dalam hadis ini, melaksanakan nazar solat tidak diwajibkan pergi ke tempat mana dia bernazar melainkan dia disunatkan untuk mendatangi tempat yang dinazarkan itu. Menurut al-Shan'ani lagi, jika tujuan berlayar itu untuk menunaikan nazar dengan mendatangi kubur orang soleh atau tempat keramat, maka Syekh Abu Muhammad al-Juwaini mengatakan bahawa belayar itu hukumnya haram. Pendapat ini juga dijadikan pegangan oleh al-Qadhi 'Iyadh.

Menurut al-Nawawi pula berlayar seperti itu tidak diharamkan dan tidak pula dimakruhkan. Inilah pendapat Imam al-Haramain. Menurut mereka, apa yang dimaksudkan oleh hadis ini ialah tiga tempat itulah yang memiliki keutamaan paling besar berbanding tempat-tempat yang lain. Jadi, tempat-tempat yang lain sebetulnya juga mempunyai keistimewaan meskipun lebih lecil.

Menurut pensyarah kitab ini, alasan yang diguna pakai oleh al-Nawawi tidak benar di samping tidak berdasarkan kepada riwayat yang sahih. Pendapat yang benar adalah pendapat yang dikatakan oleh al-Juwaini yang mengharamkannya. Ini pula merupakan pendapat Syeikh al-Islam Ibn Taimiyah dan Ibn al-Qayyim. Ia ini juga merupakan pendapat pilihan al-Zahabi ketika menceritakan riwayat

hidup Yazid bin Harun, di samping pemahaman ini lebih bersesuaian dengan teks hadis.

٢٢٣- وَعَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنِّي نَذَرْتُ فِي الْجَاهِلِيَّةِ أَنْ أَعْتَكِفَ لَيْلَةً فِي الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ. قَالَ: "فَأَوْفِ بِنَذْرِكَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَزَادَ الْبُخَارِيُّ فِي رِوَايَةٍ: فَاعْتَكَفَ لَيْلَةً.

223. Daripada Umar (r.a), beliau berkata: "Aku pernah berkata: 'Wahai Rasulallah, semasa masih Jahiliah, aku pernah bernazar untuk beri'tikaf selama satu malam di Masjid al-Haram." Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Laksanakan nazarmu itu!" (Muttafaq 'alaih). Dalam satu riwayat, al-Bukhari menambahkan: Lalu, Umar pun melakukan i'tikaf selama satu malam.: 1410.

**Makna Hadis**

Barangsiapa yang bernazar ketika masih belum beragama Islam, lalu dia masuk Islam, maka dia wajib menunaikan nazarnya itu.

**Analisis Lafaz**

"وَزَادَ الْبُخَارِيُّ فِي رِوَايَةٍ: فَاعْتَكَفَ لَيْلَةً", dalam riwayat yang lain, al-Bukhari menambahkan lafaz: "Lalu, Umar pun melakukan beri'tikaf selama satu malam. Tambahan itu juga terdapat dalam bab i'tikaf."

**Fiqh Hadis**

1. Seorang kafir yang pernah bernazar apabila sudah masuk Islam, maka dia wajib menunaikan nazar yang pernah dia ucapkan ketika dia masih kafir. Inilah pendapat al-Bukhari, Ibn Jarir, al-Syafi'i, Abu Tsaur dan Imam Ahmad dalam satu riwayat. Namun menurut pendapat al-Syafi'i yang lain, menunaikan nazar seperti itu hanya sunnat. Ini merupakan pendapat mazhab Maliki, mazhab Hanafi dan majoriti ulama mazhab Syafi'i.
2. Dibolehkan beri'tikaf pada waktu malam hari.
3. Dibolehkan beri'tikaf tanpa harus berpuasa.

**Soalan**

1. Apa takrif nazar dan sumpah secara bahasa dan istilah syarak?
2. Sebutkan hadis yang melarang bersumpah dengan nama selain Allah!
3. Apakah hukum bersumpah dengan nama selain Allah?
4. Bincangkan pendapat ulama tentang hadis yang berbunyi: "اليمين على نية المستحلف"?
5. Sempurnakan hadis berikut ini dan syarahkan maknanya:"مَن حَلَفَ عَلَى يَمِينٍ فَرَأى غَيرَهَا ..."!
6. Apa yang dimaksudkan dengan pengecualian dalam bersumpah?
7. Apa pendapat ulama tentang pengecualian dalam bersumpah?
8. Sebutkan beberapa hadis yang menjelaskan Rasulullah (s.a.w) banyak menggunakan kalimat-kalimat sumpah!
9. Apakah maksud kalimat: "لَا وَمُقَلِّبِ القُلُوبِ"!
10. Bolehkah bersumpah dengan menyebut sifat-sifat Allah (s.w.t)?
11. Apa itu dosa besar?
12. Apakah yang dimaksudkan dengan sumpah sia-sia di sisi ulama?
13. Apa yang dimaksudkan dengan hadis yang berbunyi: "إن لله تسعة وتسعين اسما من أحصاها دخل الجنة"?
14. Apakah maksud sabda Rasulullah (s.a.w): "إنه لا يأتي بخير"?
15. Apakah hukum bernazar di sisi ulama?
16. Apakah hukum bernazar ziarah ke kubur dan haruskah nazar itu dilaksanakan?
17. Bagaimana kedudukan lafaz hadis yang berbunyi: "إذا لم يسمه" dalam hadis yang menegeskan kifarat nazar sama dengan kifarat sumpah?
18. Apa pendapat ulama tentang kifarat nazar sama denga kifarat sumpah dan apa pula yang mereka fahami dari hadis ini?
19. Apakah hukum nazar maksiat?
20. Apakah hukum bernazar sesuatu yang tidak mampu dilakukan oleh sesiapa pun?
21. Apakah kewajipan orang yang sudah mati boleh diqadha'? Jawab dengan disertai dalil!
22. Sebutkan hadis Tsabit bin al-Dhahhak yang menceritakan seseorang yang bertanya kepada Rasulullah (s.a.w) mengenai nazar untuk menyembelih unta di Buwanah dan jelaskan kalimat-kalimat penting hadis ini!
23. Sesiapa bernazar pergi ke suatu tempat, adakah dia wajib menunaikan nazar itu di tempat yang dia nazarkan itu? Sebutkan pendapat ulama mengenai masalah ini disertai dengan dalil sesuai kemampuan anda!

24. Sebutkan hadis yang melarang untuk melakukan pelayaran atau musafir!
25. Apakah hukum bernazar mengerjakan solat di tempat selain tiga masijid yang disebutkan Rasulullah (s.a.w)? Bagaimanakah pendapat jumhur ulama tentang masalah ini?
26. Bolehkah bermusafir mendatangi kubur orang-orang soleh?
27. Wajibkah bagi orang kafir yang sudah masuk Islam melaksanakan nazar yang pernah dia ucapkan ketika masih kafir?

# KITAB KEHAKIMAN

# KITAB KEHAKIMAN

Kehakiman dalam bahasa Arab disebut *al-Qadha'* yang bermaksud kekuasaan yang dimiliki oleh mahkamah.

*Al-Qadha'* mengikut bahasa adalah menetapkan atau menyelesaikan sesuatu. Ia merupakan antonim yang memiliki makna yang saling berlawanan. Dalam kaitan ini, Allah (s.w.t) berfirman:

فَقَضَىٰهُنَّ سَبْعَ سَمَٰوَاتٍ فِي يَوْمَيْنِ ..... ﴿١٢﴾

"*Lalu Ia menjadikannya tujuh langit, dalam dua masa;…*" (Surah Fussilat: 12) Kadang kala *al-Qadha'* bermaksud melaksanakan perintah. Dalam kaitan ini, Allah (s.w.t) berfirman:

وَقَضَيْنَآ إِلَىٰ بَنِيٓ إِسْرَٰٓءِيلَ فِي ٱلْكِتَٰبِ لَتُفْسِدُنَّ فِي ٱلْأَرْضِ مَرَّتَيْنِ وَلَتَعْلُنَّ عُلُوًّا كَبِيرًا ﴿٤﴾

"*Dan Kami menyatakan kepada Bani Israil dalam Kitab itu: "Sesungguhnya kamu akan melakukan kerosakan di bumi (Palestin) dua kali, dan sesungguhnya kamu akan berlaku sombong angkuh dengan melampau.*" (Surah Surah al-Isra': 4) Ada ketikanya pula *al-Qadha'* bermaksud mewajibkan. Dalam kaitan ini, Allah (s.w.t) berfirman:

۞ وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوٓاْ إِلَّآ إِيَّاهُ ..... ﴿٢٣﴾

"*Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata,…*" (Surah al-Isra': 23)

*Al-Qadha'* mengikut syarak pula adalah menetapkan atau memutuskan setelah suatu perkara diajukan kepada hakim untuk melakukan sesuatu. Ada yang mengatakan ia adalah memaksa pelaksanaan hukum syarak dalam suatu kes tertentu bagi seseorang atau pihak tergentu. Ada pula yang mengatakan ia adalah menyelesaikan sengketa. Ada pula yang mengataka ia adalah keputusan yang bersifat mengikat dan memaksa yang dikeluarkan oleh majelis hakim.

٢٢٤- عَنْ بُرَيْدَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْقُضَاةُ ثَلَاثَةٌ: اِثْنَانِ فِي النَّارِ، وَوَاحِدٌ فِي الْجَنَّةِ؛ رَجُلٌ عَرَفَ الْحَقَّ فَقَضَى بِهِ فَهُوَ فِي الْجَنَّةِ، وَرَجُلٌ عَرَفَ الْحَقَّ فَلَمْ يَقْضِ بِهِ وَجَارَ فِي الْحُكْمِ فَهُوَ فِي النَّارِ، وَرَجُلٌ لَمْ يَعْرِفِ الْحَقَّ فَقَضَى لِلنَّاسِ عَلَى جَهْلٍ فَهُوَ فِي النَّارِ". رَوَاهُ الْأَرْبَعَةُ وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

224. Daripada Buraidah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Hakim itu ada tiga kumpulan; dua kumpulan masuk neraka dan satu kumpulan lagi masuk syurga. Pertama, hakim yang tahu kebenaran lalu ia memutuskan suatu perkara berdasarkan kebenaran itu, maka dialah hakim yang masuk syurga. Kedua, hakim yang tahu tentang kebenaran lalu menetapkan suatu perkara tidak berdasarakan kebenaran itu dan memutuskannya secara zalim, maka dialah hakim yang masuk neraka. Ketiga, hakim yang memang tidak tahu kebenaran, namun berani memutuskan suatu perkara tanpa berdasarkan ilmu, maka inilah pula hakim yang masuk neraka. (Diriwayatkan oleh al-Arba'ah dan dinilai sahih oleh al-Hakim: 1411).

**Makna Hadis**

Betapa padat kata-kata yang ditulis oleh al-Bukhari pada permulaan kitabnya. Beliau menulis: "bab betapa penting ilmu sebelum bercakap dan berbuat sesuatu, kerana Allah (s.w.t) berfirman: "*Maka ketahuilah bahawa tiada tuhan selain Allah…*" (Surah Muhammad: 19)." Al-Bukhari memulakan tulisannya dengan bab ilmu. Mengapa demikian? Ini kerana setiap percakapan dan perbuatan seseorang tidak dapat lepas daripada aturan syari'at. Bayangkan bagaimana seseorang boleh melaksanakan suatu perkara selari dengan hukum syari'at sedangkan dia tidak mempunyai pengetahuan tentang sesuatu itu? Mengetahui syari'at merupakan perkara penting bagi seseorang untuk menyatukan perselisihan yang terjadi di tengah-tengah masyarakat ketika mereka memahami dan melaksanakan hukum syari'at itu. Oleh kerana kebenaran tidak dapat ditegakkan melainkan dengan ilmu dan amal, maka dalam kaitan ini manusia itu dibahagikan kepada tiga kumpulan:

1. Orang berilmu tetapi tidak mengamalkan ilmunya.
2. Orang beramal tetapi tidak mempunya ilmunya.
3. Orang berilmu sekali gus mengamalkan ilmunya.

Jika melihat klasifikasi itu, jelaslah bahawa orang yang menghimpunkan antara ilmu dengan amal hanya segelintir orang sahaja. Maka tidaklah hairan jika Rasulullah (s.a.w) bersabda seperti mana dalam hadis tersebut di atas: "Dua kumpulan masuk neraka dan satu kumpulan lagi masuk syurga." Jika kita sudah klasifikasi ini, kita dapat memahami apa yang difirmankan oleh Allah (s.w.t):

وَإِن تُطِعْ أَكْثَرَ مَن فِي ٱلْأَرْضِ يُضِلُّوكَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَإِنْ هُمْ إِلَّا يَخْرُصُونَ ﴿١١٦﴾

"*Dan jika engkau menuruti kebanyakan orang yang ada di muka bumi, nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah; tiadalah yang mereka turut melainkan sangkaan semata-mata, dan mereka tidak lain hanyalah berdusta.*" (Surah al-An'am: 116)

Ayat ini dijadikan oleh Ibn Taimiyah sebagai landasan dalam berfatwa bahawa sumber kesesatan seorang ulama adalah hawa nafsu dan perkara syubhat. Ringkasnya, barangsiapa berilmu kemudian sesat, maka itu tidak lain kerana dorongan hawa nafsunya dan barangsiapa tidak berilmu kemudian sesat, maka itu kerana perkara syubhat yang ada di dalam dirinya.

**Analisis Lafaz**

"رَجُلٌ عَرَفَ", orang yang mengetahui. Rasulullah (s.a.w) menyebut kalimat ini lantaran seolah-olah ada orang yang bertanya: "Siapakah mereka itu?"

"جَارَ", menyimpang dan tidak memutuskan berdaraskan kebenaran.

**Fiqh Hadis**

1. Kebanyakan hakim masuk neraka dan mereka tidak selamat daripadanya melainkan jika mereka mengetahaui kebenaran dan memutuskan suatu perkara berdasarkan kebenaran itu.
2. Barangsiapa memutuskan suatu perkara tanpa berdasarkan ilmu maka dia masuk neraka, meskipun keputusannya itu secara tidak sengaja sudah menepati syari'at Islam. Dari hadis ini, ulama bersepakat melantik orang jahil sebagai hakim adalah haram.

**Penting!**

Al-Khatib al-Syarbini berkata: "Seorang hakim yang betul-betul melaksanakan hukum selari dengan panduan syariat golongan pertama yang disebut dalam hadis ini sedangkan golongan kedua dan ketiga tidak perlu dijadikan pengajaran."

Penulis kitab Mukhtasar Syarah al-Sunnah berkata: "Seorang yang tidak dapat berijtihad tidak dibolehkan menjadi hakim, malah pemerintah tidak dibolehkan melantiknya menduduki jawatan tersebut. Seorang mujtahid wajib menguasai lima disiplin ilmu berikut:

- Ilmu al-Quràn.
- Ilmu hadis.
- Pendapat ulama salaf mulai ijma' hingga perbezaan pendapat di kalangan mereka di samping mengetahui mazhab fiqh muktabar.
- Ilmu bahasa yang berkaitan hukum, namun tidak mesti mengetahui segala yang berkaitan dengan ilmu bahasa secara keseluruhan.
- Ilmu qiyas serta mengetahui bagaimana cara mengistinbat hukum.

Seorang mujtahid sudah dipastikan mengtahui isi al-Qur'an mulai nasikh dan mansukh, mujmal dan mufassar, khas dan 'am, muhkam dan Mutasyabih, karahah dan tahrim, ibahah dan nadab. Dia pula dipastikan mengetahui isi kandungan hadis seperti mana dia mengetahui isi kandungan al-Qur'an. Dia mesti mampu membezakan hadis sahih, dha'if, musnad, mursal dan lain sebagainya.

٢٢٥- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ وَلِيَ الْقَضَاءَ فَقَدْ ذُبِحَ بِغَيْرِ سِكِّينٍ". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ وَابْنُ حِبَّانَ.

225. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barangsiapa diberi tugas sebagai hakim maka seolah-olah dia sedang disemblih tanpa menggunakan pisau." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah, dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah dan Ibn Hibban: 1412).

**Makna Hadis**

Maksud hadis ini tidak jauh beza dengan hadis sebelum ini. Ia menjelaskan betapa besar tanggung jawab seorang hakim lantaran banyak beban yang mesti dia pikul dan oleh kerananya, tugas itu kadang kala dapat membuatnya binasa jika tidak dilaksanakan dengan benar. Betapa tidak, amat sedikit orang yang mampu menunaikan tugas ini dengan baik.

**Analisis Lafaz**

"وُلِّيَ", diberikan tugas. Ada riwayat lain yang membaca: "وَلِيَ" yang bermaksud menjawat.

"ذُبِحَ بِغَيْرِ سِكِّيْنٍ", ramai ulama membincangkan maksud kalimat ini. Ibn al-Shalah berkata: "Maksud sembelih di sini ialah sembelihan secara maknawi, kerana seorang hakim meskipun keputusannya betul, dia tetap diancam dengan seksaan duniawi sementara di akhirat pula jika mengambil keputusan yang salah, dia mendapat seksaan neraka.

Al-Khatthabi berkata: "Maksud disembelih tanpa pisau ialah apa yang binasa bukanlah jasad tetapi agama. Inilah maksud pertama sedangkan maksud kedua pula ialah manfaat menyembelih dengan pisau untuk membuat haiwan yang disembelih tidak merasa sakit manakala menyembelih tanpa menggunakan pisau seperti mencekiknya mengakibatkan haiwan itu kesakitan yang luar biasa. Jadi, menggunakan kalimat ini lebih menyentuh perasaan dan mampu membuat seseorang merasa takut."

**Fiqh Hadis**

Hadis ini memberi amaran bagi orang yang menjawat sebagai hakim. Mungkinkah Islam mensyari'atkan adanya mahkamah yang berteraskan keadilan, sedangkan pada waktu yang bersamaan ia mengancam orang yang memikul tanggung jawab itu?

Amaran dalam hadis ini pada hakekatnya tidak bermaksud larangan, melainkan sebagai peringatan supaya orang yang memikul tugas ini lebih berhati-hati. Namun perlu disedari bahawa sebesar tugas yang dipikul oleh seseorang, maka sebesar itu pulalah dia mendapatkan ganjaran pahala dari sisi Allah (s.w.t). Rasulullah (s.a.w) bersabda:

سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمْ اللهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ؛ الْإِمَامُ الْعَادِلُ، وَشَابٌّ نَشَأَ بِعِبَادَةِ اللهِ، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ، وَرَجُلَانِ تَحَابَّا فِي اللهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ دَعَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ، فَقَالَ: إِنِّي أَخَافُ اللهَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ بِصَدَقَةٍ فَأَخْفَاهَا حَتَّى لَا تَعْلَمَ يَمِينُهُ مَا تُنْفِقُ شِمَالُهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللهَ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ.

"Ada tujuh golongan manusia yang mendapat naungan Allah pada hari di mana ketika itu tidak ada satu pun naungan selain naungan-Nya. Pertama, pemimpin yang adil. Kedua, seorang pemuda yang rajib beribadah kepada Allah. Ketiga, seseorang yang hatinya sentiasa cinta dan terpaut dengan masjid. Keempat, dua orang yang saling mencintai kerana Allah; berkumpul dan berpisah kerana Allah. Kelima, seorang lelaki yang diajak oleh seorang perempuan yang mempunyai kedudukan dan kecantikan (untuk berbuat tidak senonoh), namun lelaki itu berkata: "(Aku tidak mahu melakukan ini), kerana saya takut kepada Allah." Keenam, seseorang yang bersedekah lalu merahsiakannya sehinga tangan yang sebelah kanan tidak tahu apa yang diinfakkan oleh tangan yang sebelah kiri. Ketujuh, seseorang yang berzikir di tengah kesunyian malam lalu kedua matanya menitiskan air mata (kerana menyesali segala perbuatan dosa yang dilakukan selama ini). (Diriwayatkan oleh Muslim)

Rasulullah (s.a.w) menempatkan pemimpin yang adil sebagai golongan pertama yang mendapatkan naungan Allah (s.w.t) kelak pada hari kiamat. Seorang hakim dapat digolongkan sebagai pemimpin yang adil.

٢٢٦- وَعَنْهُ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّكُمْ سَتَحْرِصُونَ عَلَى الْإِمَارَةِ وَسَتَكُونُ نَدَامَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ، فَنِعْمَ الْمُرْضِعَةُ وَبِئْسَتِ الْفَاطِمَةُ". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

226. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Pada suatu masa kelak, kamu bakal berambisi untuk memperebutkan jawatan sebagai pemimpin. Namun, jawatan itu menjadi penyesalan di hari kiamat kelak. Betapa bahagia orang yang sedang menyusukan dan betapa malang orang yang sudah tidak lagi menyusukan." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1413)

**Makna Hadis**

Makna hadis ini tidak jauh beza dengan hadis sebelumnya, di mana jawatan seorang pemimpin lebih berat berbanding jawatan seorang hakim. Jadi apa yang diperlukan oleh seorang pemimpin lebih banyak daripada apa yang diperlukan oleh seorang hakim.

**Analisis Lafaz**

"الإمَارَة", kepemimpinan yang memiliki tanggung jawab besar seperti kepala negara dan kepemimpinan yang memiliki tanggung jawab kecil seperti gabenor.

"سَتَكُوْنُ نَدَامَةَ يَوْم القِيَامَةِ", kalimat ini dijelaskan lagi oleh riwayat yang disampaikan oleh al-Bazzar dan al-Thabrani dengan sanad sahih daripada 'Awf bin Malik bahawa:

أَوَّلُهَا مُلَامَةٌ، وَثَانِيْهَا نَدَامَةٌ، وَثَالِثُهَا عَذَابُ يَوْمِ القِيَامَةِ إِلَّا مَنْ عَدَلَ.

"Awal mulanya dicela, kedua menyesal dan ketiga adalah azab daripada Allah (s.w.t) pada hari kiamat kelak kecuali apabila dia berlaku adil."

"فَنِعْمَتِ المُرْضِعَةُ" alangkah bahagia orang yang sedangkan menyusukan anak. Al-Dawawi berkata: "Kebahagiaan itu hanya di dunia, kerana dengan menjadi seorang pemimpin, dia mendapatkan harta, kedudukan dan populariti.

"وَبِئْسَتِ الفَاطِمَةُ", alangkah malang orang yang sudah tidak menyusukan anak lagi. Kemalangan itu kian terasa ketika di akhirat kelak kerana terlampau banyak tanggung jawab yang mesti diselesaikan ekoran tugasnya itu. Hanya sedikit orang yang mampu melaksanakan tugas itu dengan baik, kerana kebanyakannya tugas itu malah menjadi penyesalan pada hari kiamat kelak dan tidak mendatangkan pahala terhadapnya. Bukankah yang paling penting dalam hidup ini adalah penutupnya.

**Fiqh Hadis**

1. Sepanjang catatan sejarah, manusia sememangnya gilakan kekuasaan. Ini menunjukkan Rasulullah (s.a.w) mengetahui sesuatu yang bakal terjadi pada masa akan datang yang merupakan salah satu bukti kenabiannya.
2. Jawatan pemimpin sering kali mengakibatkan perkara-perkara yang tidak menyenangkan bahkan merugikan.
3. Himbauan kepada umat Islam untuk menjauhi jawatan sebagai pemimpin, apatah lagi tugas itu di luar kemampuannya. Ada satu hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dzar, beliau bertanya kepada Rasulullah (s.a.w): "Mengapa tuan tidak memberikan tugas kepimpinan itu kepadaku?" Baginda bersabda:

   إِنَّكَ ضَعِيْفٌ، وَإِنَّهَا أَمَانَةٌ وَإِنَّهَا يَوْمَ القِيَامَةِ خِزْيٌ وَنَدَامَةٌ إِلَّا مَنْ أَخَذَهَا بِحَقِّهَا وأَدَّى الَّذِيْ عَلَيْهِ فِيهَا.

   "Kamu lemah dan tugas itu adalah amanah. Kelak pada hari kiamat, tugas itu malah menjadi kerugian dan penyesalan bagimu, kecuali jika tugas itu dilaksanakan dengan baik."

٢٢٧- وَعَنْ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "إِذَا حَكَمَ الْحَاكِمُ، فَاجْتَهَدَ ثُمَّ أَصَابَ، فَلَهُ أَجْرَانِ، وَإِذَا حَكَمَ فَاجْتَهَدَ ثُمَّ أَخْطَأَ، فَلَهُ أَجْرٌ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

227. Daripada 'Amr bin al-'Ash (r.a) bahawa beliau pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jika seorang hakim memutuskan suatu perkara, lalu keputusannya itu benar, maka dia mendapat dua ganjaran pahala. Jika dia memutuskan perkara itu lalu tersilaf, maka dia mendapat satu ganjaran pahala." (Muttafaq 'alaih: 1414)

**Makna Hadis**

Seorang hakim ketika berijtihad akan melakukan dua perkara berikut; pertama, dia melakukan sesuatu untuk menentukan dan mencari tahu akar persoalan; kedua untuk menentukan hukuman yang hendak diputuskan. Atas usahanya inilah seorang hakim diberi dua ganjaran pahala jika keputusannya itu betul dan tepat. Seorang hakim mendapat satu ganjaran pahala kerana Allah (s.w.t) masih tetap menghargai usahanya dalam mencari kebenaran. Allah (s.w.t) tidak membebani hamba-Nya jika tugas itu di luar kemampuannya. Allah (s.w.t) tidak menyia-nyiakan amal baik yang dilakukan oleh hamba-Nya walau sekecil apa

pun.

## Analisis Lafaz

"إذاحكم", apabila dia hendak memutuskan hukum.

"الحاكم", hakim sama dengan kadi atau orang yang mempunyai kekuasaan untuk mengeluarkan hukum.

"فله أجران", maka dia memperoleh dua ganjaran pahala. Ibn al-'Arabi berkata: "Pahala atas amal yang manfaatnya hanya untuk dirinya sendiri, sedangkan jika pahala itu manfaatnya dapat dirasakan oleh orang lain, maka pahalanya digandakan; pertama pahala untuk dirinya sendiri dan kedua manfaat yang dapat dirasakan oleh orang selain dirinya. Jika seorang hakim memutuskan suatu perkara dengan benar, maka dia mendapat pahala ijtihad itu di samping pahala kebenaran yang digalinya itu.

"فله أجر", maka dia mendapat satu pahala. Ibn al-'Arabi berkata: "Kenapa hakim hanya mendapat satu ganjaran pahala? Jawapannya jika salah seorang daripada dua orang yang bersengketa itu silap, lalu hakim itu memutuskan berdasarkan pengakuan orang yang silap itu, sedangkan kebenaran ada pada pihak lawannya, maka hakim itu tetap diberi ganjaran pahala sebagai upah di atas usahanya dalam berijtihad."

Ibn Hajar menambahkan bahawa hkim itu tidak bersalah lantaran mengeluarkan putusan yang silap, kerana dia tidak sengaja melakukan kesilapan itu, bahkan dosa dibebankan kepada orang yang aduannya salah. Ini berlaku apabila hakim itu telah berusaha sekuat tenaga untuk mencari kebenaran. Jika dia tidak bersungguh-sungguh untuk menggali kebenaran, maka dia tetap berdosa di atas kesilapan yang dilakukannya itu.

## Fiqh Hadis

1. Setiap masalah yang membuat ulama berbeza pendapat mengenainya, maka yakinilah kebenaran hanya satu. Hadis ini menegaskan seorang mujtahid mungkin sahaja silap dalam memahami dan tidak mesti setiap mujtahid selalu benar. Inilah yang ditegaskan oleh al-Syafi'i.
2. Setiap mujtahid pasti benar. Point kedua ini berbeza dengan point pertama di atas. Dengan hadis ini, ulama menegaskan jika keputusan hakim itu tidak benar, maka dia tidak lagi diberi pahala. Orang yang patut dikatakan salah adalah seorang yang memiliki kefahaman yang lemah terhadap al-Qur'an atau hadis, seorang yang berijtihad dalam permasalahan yang sebenarnya tidak boleh dijadikan medan ijtihad seperti masalah qath'i. Demikian pula jika hukum fatwa itu telah dimansukh. Ini yang lebih patut dikatakan salah. Al-Maziri menyebutkan bahawa ini merupakan pendapat ulama fiqh dan ahli kalam. Namun point kedua ini tidak

sepenuhnya betul, kerana terlalu berlebihan yang membenarkan setiap ijtihad. Seorang mujtahid itu ibarat orang yang melontar anak panah ketika berperang di jalan Allah. Dia tetap mendapat pahala berjuang di jalan Allah meskipun anak panahnya itu secara tidak sengaja menimpa saudaranyasesama muslim. Sekali lagi pendapat seperti ini tidak benar. Jadi, tidak mungkin ada orang yang mengatakan pelontar panah itu mendapat pahala kerana telah melontar dengan tepat mengenai sasaran dan oleh kerananya, tidak setiap mujtahid itu benar.

3. Wajib bagi hakim atau seorang mujtahid menggali hukum ketika terjadi suatu permasalahan. Dia tidak boleh terlampau mengandalkan keputusan hukum terdahulu, kerana ada kemungkinan peristiwa yang terjadi itu tidak memiliki kesamaan. Inilah yang ditegaskan oleh al-Qurthubi yang merupakan pendapat ulama ushul fiqh.

**Penting!**

Ulama mentakrifkan ijtihad dengan pelbagai takrif yang antara lain adalah mencari dan menggali hukum syariat dengan menggunakan al-Qur'an dan hadis secara sempurna sekali gus menyedari kelemahan diri sendiri untuk sampai kepada kebenaran yang sebenar.

٢٢٨- وَعَنْ أَبِي بَكْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "لَا يَحْكُمُ أَحَدٌ بَيْنَ اثْنَيْنِ وَهُوَ غَضْبَانُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

228. Daripada Abu Bakrah (r.a), beliau berkata: "Saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Janganlah sampai ada seorang hakim memutuskan suatu hukum di antara dua orang yang saling bersengketa padahal dia sedang dalam keadaan marah." (Muttafaq 'alaih: 1415).

**Makna Hadis**

Marah dapat merubah kebijakan dan mengganggu ketenangan jiwa. Ia mengeruhkan kejernihan berfikir sehingga perkara yang sebetulnya mudah difaham pun menjadi sukar difahami. Jika dalam persoalan-persoalan yang mudah sering melakukan kesilapan apatah lagi dalam persoalan yang lebih sukar lagi. Ini belum lagi jika seorang hakim itu sudah sejak semula tidak merasa senang terhadap salah seorang yang bersengketa itu. Oleh itu, wajarlah Rasulullah (s.a.w) melarang seseorang untuk memutuskan suatu hukum ketika dia sedang marah. Pesanan ini ditulis oleh Abu Bakrah dan dikirim kepada anaknya 'Ubaidillah yang ketika itu menjawat sebagai hakim di negeri Sajistan.

## Analisis Lafaz

"لا يحكم", janganlah memutuskan suatu hukum, namun ada riwayat lain yang kalimatnya berbunyi: "لا يقضى" dan maksudnya sama.

"الحاكم", seorang hakim. Ada riwayat lain yang berbunyi: "الحكم" tanpa menggunakan huruf alif sedangkan huruf kaf di sini berbaris fathah. Kalimat ini memiliki maksud yang lebih umum daripada kalimat yang pertama.

"غضبان", tanpa menggunakan tanwin yang bermaksud marah. Dalam erti kata lain, keputusan itu dikeluarkan dalam keadaann marah.

## Fiqh Hadis

Larangan terhadap seorang hakim untuk memutuskan suatu hukum dalam keadaan marah. Pengikut mazhab Hanbali berpendapat larangan di sini bermaksud haram di mana mereka melarang seorang hakim memutuskan suatu hukum dalam keadaann marah. Fatwa ini disokong oleh al-Shan'ani. Jumhur ulama pula berpendapat larangan ini bermaksud makruh, tetapi al-Baghawi dan Imam al-Haramain menambahkan bahawa hakim tidak boleh marah ketika sedang membuat konsep putusan hukum melainkan marah itu kerana Allah. Jika marah itu bukan kerana Allah, maka haram bagi hakim memutuskan hukum dalam keadaan sedemikian.

## Penting!

Sebahagian antara lain al-Syafi'i menambahkan bahawa lapar dan dahaga diqiyaskan dengan marah, meskipun mereka menyedari bahawa hadis yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id al-Khudri ini adalah dha'if.

٢٢٩- وَعَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا تَقَاضَى إِلَيْكَ رَجُلَانِ، فَلَا تَقْضِ لِلْأَوَّلِ، حَتَّى تَسْمَعَ كَلَامَ الْآخَرِ، فَسَوْفَ تَدْرِي كَيْفَ تَقْضِي". قَالَ. عَلِيٌّ: فَمَا زِلْتُ قَاضِيًا بَعْدُ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ وَحَسَّنَهُ، وَقَوَّاهُ ابْنُ الْمَدِينِيِّ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

229. Daripada 'Ali (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jika ada dua orang yang mengadu di hadapanmu untuk diputuskan perkaranya, maka janganlah kamu langsung membuat keputusan sebelum kamu mendengar aduan daripada kedua-duanya. Setelah itu, barulah kamu kamu memahami bagaimana kamu memutuskan suatu hukum." Ali (r.a) berkata: "Sejak itu, saya pun menjawat sebagai hakim." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud

dan al-Tirmizi yang menilainya sebagai hasan, dinilai kuat oleh Ibn al-Madini dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban: 1416).

٢٣٠- وَلَهُ شَاهِدٌ عِنْدَ الْحَاكِمِ مِنْ حَدِيثِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ.

230. Hadis ini dikuatkan oleh hadis yang diriwayatkan oleh al-Hakim yang sanadnya sampai kepada Ibn Abbas (r.a): 1417.

**Makna Hadis**

Asbab al-wurud hadis ini adalah Rasulullah (s.a.w) mengutus 'Ali bin Abu Thalib (r.a) ke negeri Yaman sebagai hakim. 'Ali (r.a) berkata kepada Rasulullah (s.a.w): "Wahai Rasulullah, apakah tuan mengutusku sedangkan saya masih terlalu muda dan tidak memiliki pengetahuan tentang hukum?" Baginda bersabda: "Allah akan memberi petunjuk di dalam hatimu dan menetapkan lidahmu. Jika di hadapanmu telah duduk dua orang lelaki…. dan sterusnya."

Jadi jelaslah bahawa seorang hakim hendaklah benar-benar mengetahaui pengakuan yang disampaikan oleh kedua-dua pihak yang datang menghadapnya di mahkamah.

**Analisis Lafaz**

"فلاتقض للأول", maka jangan membuat keputusan sebaik mendengar gugatan orang perama. Dengan erti kata lain, jangan memutuskan sama sekali suatu hukum sebelum mendengar jawapan pihak lawan.

"فسوف تدرى", setelah itu barulah kamu memahami tentang duduknya suatu permasalahan yang kamu hadapi. Ada riwayat lain yang berbunyi: "فَإِنَّهُ أَحرَى أن يَتَبَيَّنَ لَكَ القَضَاءُ", kerana mendengar keterangan daripada kedua pihak yang bersengketa itu menjadikan kamu lebih mantap dalam memutuskan suatu hukum.

"فمازلت قاضيا", sejak itu aku sentiasa menjawat sebagai hakim. Riwayat ini lebih jelas daripada riwayat lain yang berbunyi: "فما شككت فى قضاء بعد", yakni maka aku tidak lagi merasa ragu dalam memutuskan suatu perkara.

**Fiqh Hadis**

Larangan kepada hakim ketika didatangi oleh dua orang yang bersengketa lalu hakim itu memutuskan hukum sebelum mendengarkan pengakuan dan pengaduan dari pihak yang seorang lagi. Al-Syaukani berkata: "Jika dia tetap memutuskan hukum, maka keputusannya tidak sah. Inilah pendapat jumhur ulama." Imam Malik pula berpendapat jika pihak yang kedua itu berdiam diri

dan tidak memberikan apa-apa jawapan di hadapan majelis hakim atau dia berkata: "Aku tidak mengakui dan juga tidak mengingkari apa yang didakwakan itu", maka hakim dibolehkan memutuskan hukum dan keputusan itu menjadi sah. Jika hakim ingin menahan pihak yang dituduh supaya mahu mengakui kesalahannya, maka itu pun tidak ada salahnya. Ini sama seperti memutuskan hukum terhadap orang yang tidak hadir di majelis hakim. Ada dua pendapat dalam masalah ini. Pendapat pertama mengatakan keputusan hukum itu tidak sah. Inilah pendapat Abu Hanifah. Pendapat kedua mengatakan keputusan itu sah. Inilah pendapat Malik dan al-Syafi'i.

٢٣١- وَعَنْ أُمِّ سَلَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّكُمْ تَخْتَصِمُونَ إِلَيَّ، وَلَعَلَّ بَعْضَكُمْ أَنْ يَكُونَ أَلْحَنَ بِحُجَّتِهِ مِنْ بَعْضٍ، فَأَقْضِيَ لَهُ عَلَى نَحْوٍ مِمَّا أَسْمَعُ مِنْهُ، فَمَنْ قَطَعْتُ لَهُ مِنْ حَقِّ أَخِيهِ شَيْئًا فَإِنَّمَا أَقْطَعُ لَهُ قِطْعَةً مِنَ النَّارِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

231. Daripada Ummu Salamah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Kamu datang meminta penyelesaian kepadaku atas sengketa yang terjadi di antara kamu. Ada kemungkinan sebahagian kamu memiliki kepandaian bertutur melebihi sahabatnya yang menjadi lawan dalam sengketa dan aku tetap memutuskan perkara itu berdasarkan apa yang aku dengar sahaja. Barangsiapa yang aku berikan hak kepadanya sedangkan hak itu milik saudaranya, maka sesungguhnya aku diibaratkan memberinya sepotong daripada api neraka." (Muttafaq 'alaih: 1418).

**Makna Hadis**

Bagi dua orang yang mengadukan perkaranya di hadapan hakim diwajibkan berkata jujur dan tidak mengucapkan kata-kata yang memancing marah pihak lain supaya hakim dapat memutuskan sengketa mereka dengan bijaksana. Selain itu, kedua pihak pula tidak boleh memastikan suatu perkara yang sebenarnya masih diragui dan tidak boleh pula merahsiakn fakta yang dia yakni jika fakta itu diungkapkan maka pihak lawan bakal menang.

Selain itu, wajib ke atas seorang hakim menasihati kedua pihak yang bersengketa sebelum mendengar aduan mereka dengan harapan kedua pihak yang bersengketa insaf dan mahu mengakui kesalahan mereka. Jika mereka tidak mahu diberi nasihat, hakim hendaklah memutuskan suatu hukum berdasarkan keterangan yang dia dengar daripada para pihak. Namun jika dia memutuskan perkara itu, tidak boleh menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal. Jika salah satu pihak mengambil hak pihak lain dengan cara mempengaruhi keputusan hakim, maka dia ibarat mengambil sepotong api neraka.

**Analisis Lafaz**

"إنكم تختصمون", sesungguhnya kamu meminta permasalahan kamu diselesaikan. Sebelum kalimat ini, ada banyak riwayat lain yang menambahkan kalimat: "إنما أنا بشر وإنكم تختصمون", aku hanya seorang manusia dan sesungguhnya kamu meminta supaya permasalahan kamu diselesaikan.

"تختصمون", ia berasal dari kata "المخاصمة" yang bermaksud sengketa.

"ألحن", cerdik dan pandai bercakap. Makna asal kalimat ini adalah miring dan jauh dari kelurusan. Ada riwayat lain yang menggunakan kata: "أبلغ" yang bermaksud kerana orang yang pandai bercakap tentu lebih pandai pula dalam mempertahankan haknya.

"ما", isim mawsul.

"أخيه", saudaranya. Ada riwayat lain yang menambahkan perkataan: "مسلم". Meskipun perkataan muslim ini tidak ditambahkan, namun ia dapat difahami bahawa apa yang dimaksudkan saudara di sini adalah saudara sesama muslim. Oleh itu, hadis di sini tidak ditambahkan lagi perkataan 'muslim'.

"أقطع له قطعة من النار", aku ibarat memberinya sepotong api neraka. Ada riwayat yang disampaikan oleh al-Thahawi dan al-Daruquthni yang berbunyi: "فَإِنَّمَا أَقطَعُ لَهُ قِطعَةً مِنَ النَّارِ إسطَامًا يَأتِي بِهَا يَومَ القِيَامَةِ فِي عُنُقِهِ" yakni, aku bagaikan memberinya sepotongan api neraka yang digantung diatas lehernya pada hari kiamat kelak. Maksud hadis ini ialah potongan yang dapat diambilnya itu bukan haknya itu dan kelak mengakibatkan seseorang itu masuk neraka. Dalam kaitan ini Allah (s.w.t) berfirman:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَأۡكُلُونَ أَمۡوَٰلَ ٱلۡيَتَٰمَىٰ ظُلۡمًا إِنَّمَا يَأۡكُلُونَ فِي بُطُونِهِمۡ نَارًاۖ وَسَيَصۡلَوۡنَ سَعِيرًا ١٠

"*Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka; dan mereka pula akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala.*" (Surah al-Nisa': 10)

**Fiqh Hadis**

1. Keputusan hakim tidak boleh menghalalkan yang haram dan tidak boleh pula mengharamkan yang halal seperti mana yang dibahas oleh al-Bukhari dalam kitab al-Ahkam Sahih al-Bukhari. Barangsiapa mengambil hak yang bukan haknya, meskipun dengan keputusan hakim, maka orang itu dikategorikan memakan harta yang batil. Andaikata keputusan hakim berlandaskan pengakuan saksi palsu bahawa si fulanah adalah isteri kepada si Fulan misalnya, maka keputusan itu tidak sah.

Inilah pendapat jumhur ulama, namun Abu Hanifah pula berpendapat keputusan itu sah. Al-Shan'ani berkata: "Dalam kes ini, Abu Hanifah berdalil dengan perkataan sahabat yang sebenarnya tidak boleh dijadikan dalil, di samping menggunakan qiyas yang pada hakekatnya tidak boleh dibenturkan dengan nash al-Qur'an dan hadis.

2. Tidak semua pendapat mujtahid itu benar.
3. Rasulullah (s.a.w) ketika memutuskan suatu hukum kepada seseorang berpegang kepada bukti-bukti yang zahir sahaja meskipun orang yang mengadukan perkaranya hanya berpura-pura dan orang yang diadukan pada hakekatnya tidaklah salah. Namun anda tidak boleh terus beranggapan bahawa fatwa Rasulullah (s.a.w) juga boleh silap. Inilah keputusan baginda meskipun sebenarnya baginda mengatahui apa-apa yang tersembunyi di dalam hati orang yang bersalah. Meskipun mengetahui hakikat sebenar yang terjadi, baginda tetap memutuskan hukum berdasarkan bukti-bukti yang nampak kelihatan oleh mata, seperti mana yang terjadi pada kes anak Zam'ah. Sikap ini lebih nampak jelas ketika baginda tidak memerangi orang munafiq meskipun baginda tahu apa yang dirahsiakan di hati mereka. Dari sini, seorang hakim tidak boleh memutuskan suatu hukum kepada seseorang hanya berlandaskan pengetahuan semata saja, sebaliknya mesti berlandaskan bukti nyata.
4. Disunatkan bagi pemimpin atau hakim sebelum mendengarkan pengakuan daripada kedua pihak supaya memberi nasihat kepada dua orang yang bersengketa itu supaya mereka mahu berkata jujur.

٢٣٢- وَعَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "كَيْفَ تُقَدَّسُ أُمَّةٌ لَا يُؤْخَذُ مِنْ شَدِيدِهِمْ لِضَعِيفِهِمْ؟" رَوَاهُ ابْنُ حِبَّانَ.

232. Daripada Jabir (r.a), beliau: "Saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Bagaimana suatu bangsa itu dihormati dan disegani sedangkan orang kuat yang zalim tidak diadili dan orang lemah pula tidak dibela?" (Diriwayatkan oleh Ibn Hibban: 1419).

٢٣٣- وَلَهُ شَاهِدٌ مِنْ حَدِيثِ بُرَيْدَةَ عِنْدَ الْبَزَّارِ.

233. Hadis ini dikuatkan oleh hadis Buraidah yang diriwayatkan oleh al-Bazzar: 1420.

٢٣٤- وَآخَرُ مِنْ حَدِيثِ أَبِي سَعِيدٍ عِنْدَ ابْنِ مَاجَهْ.

234. Hadis ini dikuatkan lagi oleh hadis Abu Sa'id yang diriwayatkan oleh Ibn Majah: 1421.

**Makna Hadis**

Bangsa manapun tidak dapat suci daripada dosa dan tidak dipandang mulia di sisi Allah Ta'ala selagi mereka tidak menegakkan keadilan dan membela orang yang lemah. Jika orang lemah wajib dibela oleh seluruh umat Islam, tentu lebih-lebih lagi bagi orang yang dizalimi. Para khalifah seolah-olah mendapat inspirasi dari hadis ini di mana mereka menegaskan bahawa orang yang kuat menurut kamu adalah lemah menurut kami, kerana kami yang akan mengambil hak daripada mereka sedangkan orang yang lemah menurut kamu adalah kuat menurut kami, kerana kami yang akan mengambil hak untuk mereka. Membincangkan pesan yang disampaikan oleh hadis ini, Ibn Hibban memiliki satu kisah tentang pesan-pesan yang disampaikan oleh hadis ini.

**Analisis Lafaz**

"كيف تُقَدَّسُ", bagaimana boleh disegani. *Kaffa* di sini merupakan *istifham inkari* yakni soalan yang bermaksud mengingkari sedangkan perkataan "تقدس" bermaksud suci dan disegani.

"شديدهم", orang kuat sama ada tenaga mahupun wibawa.

"وآخر من حديث أبي سعيد عند ابن ماجة", al-Thabarani dan Ibn Qani' berpendapat hadis keempat yang menguatkan hadis ini ialah riwayat Qabus bin al-Mukhariq daripada bapanya. Abu Nu'aim dan al-Thabarani berpendapat hadis kelima yang menguatkan hadis ini ialah riwayat Khawlah. Al-Thabarani berpendapat dalam kitabnya al-Kabir bahawa hadis keenam yang menguatkan hadis ini ialah riwayat Ibn 'Abbas. Al-Hakim berpendapat hadis ketujuh yang menguatkan hadis ini ialah riwayat Sufyan bin al-Harits. Menurut al-Bazzar, hadis kelapan yang menguatkan hadis ini ialah riwayat Aisyah. Menurut al-Thabarani dalam kitabnya al-Kabir, hadis kesembilan yang menguatkan hadis ini ialah riwayat Ibn Mas'ud. Menurut Abu Nu'aim dalam kitabnya al-Hilyah dan Waki' dalam kitabnya Akhbar al-Qudhah, hadis kesepuluh yang menguatkan hadis ini ialah riwayat Mu'awiah dan Abdullah bin 'Amr.

**Fiqh Hadis**

1. Suatu bangsa tidak akan disegani selagi mereka tidak menegakkan keadilan di mana orang yang dizalim dibela ketika diperlakukan oleh orang zalim.
2. Wajib bagi hakim menegakkan kebenaran dengan tegas dan tidak boleh gentar dengan acaman orang zalim atau penguasa.

٢٣٥- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "يُدْعَى بِالْقَاضِي الْعَادِلِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، فَيَلْقَى مِنْ شِدَّةِ الْحِسَابِ مَا يَتَمَنَّى أَنَّهُ لَمْ

يَقْضِ بَيْنَ اِثْنَيْنِ فِي عُمْرِهِ". رَوَاهُ ابْنُ حِبَّانَ وَأَخْرَجَهُ الْبَيْهَقِيُّ وَلَفْظُهُ: فِي تَمْرَةٍ.

235. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Orang yang sewaktu hidup di alam dunia pernah menjawat sebagai hakim akan dipanggil kelak pada hari kiamat. Oleh kerana terlampau berat tanggung jawab yang dia pukul, dia pun berangan-angan kalau dia tahu betapa dahsyat tanggung jawab seorang hakim, dia tidak mahu memutuskan sengketa antara dua orang yang saling bersengketa sepanjang hidupnya." (Diriwayatkan oleh Ibn Hibban dan dikeluarkan oleh al-Baihaqi namun lafaznya: "pada sebiji kurma", yakni walaupun yang diputuskan itu tentang sebiji kurma: 1422)

**Makna dan Fiqh Hadis**

Dalam pembahasan ini akan dikemukakan hadis sahih yang menceritakan tujuh kumpulan yang mendapatkan naungan Allah (s.w.t) pada hari yang tidak ada satu pun naungan selain naungan-Nya. Orang pertama mendapatkan naungan itu ialah pemimpin yang adil sedangkan kadi atau hakim termasuk pemimpin yang adil.

Secara zahir, kelihatannya hadis ini bercanggah dengan hadis sebelumnya, namun untuk menyatukan percanggahan itu tidaklah sukar. Perlu diketahui hadis ini dha'if yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dalam al-Musnad, Waki' dalam Akhbar al-Qudhah, al-Thabarani dalam al-Awsath, Ibn Hibban dalam al-Sahih dan al-Baihaqi dalam al-Sunan. Kesemua itu memiliki sanad melalui 'Amr bin al-'Ala' al-Yasykari daripada Shalih bin Sarh daripada 'Imran bin Hitthan daripada Aisyah (r.a). Namun di dalam Musnad Imam Ahmad ada tambahan sanad dan al-Thabarani berkomentar bahawa hanya 'Amr bin al-Ala' yang meriwayatkan hadis ini.

Menurut pensyarah kitab ini, hanya Ibn Hibban yang berpegang dengan riwayat 'Amr dan Shalih bin Sarh ini, sedangkan al-Bukhari dan Ibn Abu Hatim tidak ada menyebutkan nama dua orang periwayat ini, lebih-lebih lagi ketika Imam Ahmad mengatakan 'Amr bin al-Ala' termasuk orang Khawarij. Dalam Musnad Imam Ahmad disebutkan sanadnya sebagai berikut: "Daripada 'Amr bin al-Ala' al-Syinni daripada Abdul Qais, beliau berkata: "Telah menceritakan kepadaku Shalih bin Sarh. Jadi, ada tambahan nama Abdul Qais di dalam sanad itu. Tambahan ini pula terdapat dalam kitab Jami' al-Masanid wa al-Sunan dan nuskhah yang lain daripada Musnad padahal biografi Shalih bin Sarh dan Abu al-Ala' menafikan adanya tambahan ini dalam kitab Ta'jil al-Manfa'ah di mana dalam kedua-dua biografi itu disebutkan riwayat Abu al-'Ala' daripada Shalih.

Nama Abdul Qais sama sekali tidak disebutkan sama ada dalam kitab al-Ta'jil dan al-Tahdzib dan ini dapat disimpukan bahawa Ibn Hajar tidak memuat nama ini di dalam catatannya.

Tanpa mengambil kira cacat atau tidaknya suatu riwayat, kita mesti kembali ke akar permasalahan, di mana Shalih bin Sarh mengetahui hadis ini seperti mana yang disampaikan oleh Ibn Makula. Jadi, kita tidak boleh berpegang dengan penilaian tsiqah Ibn Hibban terlebih dahulu sebelum melihat ada ulama lain yang berpendapat sama dengannya. Inilah metode Ibn Hajar dalam mengkritik hadis, bahkan ini merupakan metode Ibn Hibban sendiri ketika mengoreksi hadis, terutama pada permulaan kitab al-Taqasim wa al-Anwa'. Namun tidak ada seorang pun yang sependapat dengannya. Oleh itu, kita tidak boleh berpegang dengan penilaian Ibn Hibban.

Jika hadis ini betul-betul sahih, mungkinkah seorang pemimpin yang adil mendapatkan azab seberat apa yang dikemukakan hadis ini. Jika hadis ini sahih, maka jelaslah ada percanggahan dan oleh kerananya, kita wajib menilai dha'if hadis ini. Inilah kaedah yang diguna pakai dalam ilmu hadis malah bahkan mazhab Ibn Hibban sendiri dan oleh kerananya, beliau tidak sepatutnya memuat hadis ini dalam kitabnya al-Sahih. Penilaian al-Haitsami terhadap hadis ini sebagai hasan tidak dapat dterima, kerana beliau terlalu taksub berpegang dengan pendapat Ibn Hibban.

Ada yang mengatakan bahawa usaha menggabungkan perbezaan antara kedua-dua hadis ini tidaklah sukar. Hadis ini bermaksud bahawa oleh kerana merasa terlampau lama masa soalan pada hari kiamat, seorang hakim berangan-angan andaikan dia tidak memutuskan hukum antara dua orang yang bersengketa. Jika hadis ini difahami seperti ini, maka tidak akan ada percanggahan maksud.

Jawapanya adalah menggabungkan perbezaan antara kedua-dua hadis itu sama dengan menyamakan kedudukan kedua-dua hadis itu. Oleh yang demikian, penggabungan itu tidak selalunya benar di samping tidak lepas daripada kemusykilan di mana tidak mungkin seorang yang sedang mendapatkan naungan Allah (s.w.t) masih merasa lelah, sedih dan penuh. *Wallahu a'lam*.

٢٣٦- وَعَنْ أَبِي بَكْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَنْ يُفْلِحَ قَوْمٌ وَلَّوْا أَمْرَهُمْ اِمْرَأَةً". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

236. Daripada Abu Bakrah (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Suatu bangsa tidak akan berjaya jika mereka melantik perempuan sebagai pemimpin mereka." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1423).

**Makna Hadis**

Islam menegaskan bahawa perempuan dianggap setengah lelaki dalam banyak hal seperti saksi, waris dan lain sebagainya. Ini  kerana kaum perempuan lemah dalam intelektualiti dan fizikal.

Tugas kepimpinan hanya mampu dipikul oleh kaum lelaki dan itu pun lelaki yang benar-benar mampu secara intelektualiti dan fizikal. Jadi melantik perempuan sebagai pemimpin mengakibatkan suatu bangsa itu tidak akan memperoleh kejayaan.

**Analisis Lafaz**

"لن يفلح", tidaklah akan berjaya.

"ولوا أمرهم امرأة", mereka melantik perempuan sebagai pemimpin. Sebab hadis ini disampaikan oleh Rasulullah (s.a.w) ialah baginda mendapat khabar bahawa maharani Kisra telah dilantik menjadi ratu, mewarisi kerajaan ayahnya. Lalu, bersabdalah baginda seperti mana hadis tesebut di atas.

Dalam Sahih Ibn Hibban ada sedikit perbezaan kalimat sebagai berikut:

لَنْ يُفْلِحَ قَوْمٌ تَمْلِكُهُمْ امْرَأَةٌ.

"Suatu kaum tidak berjaya jika mereka dipimpin oleh seorang perempuan." Sedangkan dalam kitab al-Thayalisi dan Imam Ahmad ada pula sedikit perbezaan:

أَسْنَدُوا أَمْرَهُمْ إِلَى امْرَأَةٍ.

"Menyerahkan urusa mereka kepada perempuan." Sanad kedua-dua riwayat ini sahih.

**Fiqh Hadis**

Tidak dibolehkan memberi tugas kepada perempuan untuk mengurus kepentingan umum umat Islam. Dalam kitab Syarah al-Sunnah, al-Baghawi berkata: "Ulama bersepakat perempuan tidak sesuai untuk dijadikan pemimpin atau hakim, kerana seorang pemimpin sering kali dituntut untuk mengadakan lawatan luar negara dan memimpin prang. Demikian pula seorang hakim. Seorang hakim mesti keluar daerah untuk menyelesaikan sengketa yang terjadi. Bukankah perempuan merupakan aurat yang tidak boleh melakukan dua tugas itu? Selain tu, dia juga terlampau lemah untuk melakukan tugas-tugas berat seperti itu." Abu Hanifah berpendapat jika urusan yang diserahkan kepada perempuan itu bukan perkara hudud, maka perempuan boleh dilantik menjadi hakim, bahkan Ibn Jarir membolehkan perempuan dilantik menjadi pemimpin.

٢٣٧- وَعَنْ أَبِي مَرْيَمَ الْأَزْدِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ: "مَنْ وَلَّاهُ اللهُ شَيْئًا مِنْ أَمْرِ الْمُسْلِمِينَ فَاحْتَجَبَ عَنْ حَاجَتِهِمْ وَفَقِيرِهِمْ

اِحْتَجَبَ اللهُ دُونَ حَاجَتِهِ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ.

237. Daripada Abu Maryam al-Azdi (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Barangsiapa yang diberi oleh Allah tugas untuk memimpin dan mengadili urusan umat Islam, lalu dia tidak menunaikan hajat mereka dan tidak mahu membantu orang fakir, maka Allah tidak akan menunaikan hajatnya." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Tirmizi: 1424).

**Makna Hadis**

Abu Dawud menjelaskan bahawa Abu Maryam pernah mendatangi Mu'awiah lalu Mu'awiah berkata kepadanya: "Apa khabar baik yang membuatmu datang kemari?" Abu Maryam berkata: "Ada satu hadis yang pernah saya dengar daripada Rasulullah (s.a.w) dan saya ingin memberitahukan itu kepadamu." Dia pun menyebut hadis ini. Abu Dawud meneruskan: "Setelah itu, Mu'awiah berubah menjadi seorang pemimpin yang sentiasa menolong apa yang diperlukan rakyatnya."

**Analisis Lafaz**

"أخرجه أبو داود", dikeluarkan oleh Abu Dawud. Riwayat marfu' menurut Abu Dawud ialah:

مَن وَلَّاهُ اللهُ عَزَّ وَجَلَّ شَيئًا مِن أَمرِ المُسلِمِينَ فَاحتَجَبَ دُونَ حَاجَتِهِم وَخُلَّتِهِم وَفَقرِهِم احتَجَبَ اللهُ عَنهُ دُونَ حَاجَتِهِ وَخُلَّتِهِ وَفَقرِهِ.

"Barangsiapa yang diberi oleh Allah tugas untuk memimpin dan mengurus urusan umat Islam, lalu dia tidak menunaikan tugas dan tidak mahu membantu mereka dan menghulurkan kepada orang fakir, Allah tidak menunaikan hajatnya, tidak membantunya dan tidak pula membantunya keluar daripada kefakirannya."

Al-Tirmizi mempunyai riwayat lain dengan kalimat sebagai berikut:

مَا مِن إِمَامٍ يُغلِقُ بَابَهُ دُونَ ذَوِى الحَاجَةِ وَالخُلَّةِ وَ المَسكَنَةِ إِلَّا أَغلَقَ اللهُ أبوَابَ السَّمَاءِ دُونَ خُلَّتِهِ وَ حَاجَتِهِ وَمَسكَنَتِهِ.

"Tidaklah seorang pemimpin yang menutup pintunya daripada orang yang memerlukan bamtuan, memohon pertolongan dan orang miskin, melainkan Allah menutup pintu langit agar tidak menunaikan hajatnya, tidak menolong kesusahannya dan tidak mengeluarkannnya daripada kemiskina."

Hadis ini dikuatkan oleh hadis Mu'adz yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dengan lafaz sebagai berikut:

مَن وَلِيَ مِن أُمُورِ المُسلِمِينَ شَيئًا فَاحتَجَبَ عَن أُولِي الضَّعفِ وَالحَاجَةِ احتَجَبَ اللهُ تَعَالَى عَنهُ يَومَ القِيَامَةِ.

"Barangsiapa yang diberi tugas untuk memimpin urusan umat Islam, lalu dia tidak mahu memperkenankan keperluan orang yang memerlukan pertolongan dan tidak mahu membantu orang lemah, maka Allah tidak akan menunaikan keperluannya pada hari kiamat kelak."

Al-Thabrani mengatakan hadis ini dikuatkan oleh hadis Ibn 'Abbas dengan lafaz sebagai berikut:

أَيُّمَا أَمِيرٍ احتَجَبَ عَنِ النَّاسِ فَأَهَمَّهُم احتَجَبَ اللهُ تَعَالَى عَنهُ يَومَ القِيَامَةِ.

"Mana-mana pemimpin yang tidak menunaikan keperluan rakyatnya hingga membuat hati mereka sakit hati, maka pada hari kiamat kelak Allah tidak akan menunaikan keperluannya."

Al-Thabrani juga mempunya hadis marfu' daripada Abu Juhaifah dengan lafaz sebagai berikut:

مَن وَلِيَ مِنكُم عَمَلًا فَحَجَّبَ بَابَهُ عَن ذِي حَاجَةِ المُسلِمِينَ حَجَّبَهُ اللهُ أَن يَلِجَ بَابَ الجَنَّةِ، وَمَن كَانَت هِمَّتُهُ الدُّنيَا حَرَّمَ اللهُ عَلَى جِوَارِي.

"Barangsiapa yang diberi tanggung jawab sebagai pemimpin lalu menutup pintunya terhadap orang yang memerlukannya dari kalangan kaum muslimin, maka Allah akan menutup pintu syurga-Nya ketika orag itu ingin memasuki syurga. Barangsiapa yang tujuannya hanya ingin memperoleh dunia semata, maka Allah akan mengharamkannya mendapatkan bidadari syurga."

Pensyarah kitab ini sengaja memuat banyak hadis tentang masalah ini supaya lebih mudah difahami sekali gus memastikan hadis ini sahih, kerana ada sebahagian ulama yang mengingkari kasahihan hadis yang diriwayatkan daripada Abu Maryam ini.

**Fiqh Hadis**

1. Haram bagi seorang pemimpin untuk tidak menunaikan hajat rakyatnya dan tidak membela mereka yang dizalimi.
2. Hadis ini menjelaskan betapa pedih azab yang bakal diterima seorang pemimpin jika dia mengabaikan rakyatnya.

**Periwayat Hadis**

Abu Maryam al-Azdi. Namanya 'Amr bin Murrah al-Juhani, tetapi beliau ini bukan Abu Abdullah al-A'ma al-Jamali al-Muradi. Ramai ulama mengambil riwayat hadis daripadanya antara lain ialah pakciknya Abu al-Syammakh, al-Qasim bin Mukhaimirah, Abu al-Mu'atthal, Hijr bin Malik, 'Ali bin al-Hakam dan ramai lagi. Dalam Kutub al-Sittah beliau tidak mempunya riwayat hadis selain hadis ini.

٢٣٨- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: لَعَنَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّاشِيَ وَالْمُرْتَشِيَ فِي الْحُكْمِ. رَوَاهُ الْخَمْسَةُ وَحَسَّنَهُ التِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

238. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melaknat orang yang merasuah dan orang yang dirasuah untuk merubah keputusan hukum." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah, dinilai hasan oleh al-Tirmizi dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban: 1425).

٢٣٩- وَلَهُ شَاهِدٌ مِنْ حَدِيثِ عَبْدِ اللهِ بنِ عَمْرٍو عِنْدَ الْأَرْبَعَةِ إِلَّا النَّسَائِيَّ.

239. Hadis ini dikuatkan oleh hadis 'Abdullah bin 'Amr yang diriwayatkan oleh al-Arba'ah kecuali al-Nasa'i.: 1426.

Dalam bab jual beli, hadis ini disebut dalam kitab Ibanah al-Ahkam dangan no. ke-60 juz ketiga.

٢٤٠- وَعَنْ عَبْدِ اللهِ بنِ الزُّبَيْرِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَضَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّ الْخَصْمَيْنِ يَقْعُدَانِ بَيْنَ يَدَيِ الْحَاكِمِ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

240. Daripada 'Abdullah bin al-Zubair (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) menetapkan bahawa dua orang yang bersengketa hendaklah duduk di hadapan hakim (ketika sengketa mereka hendak diadili)." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan dinilai sahih oleh al-Hakim: 1427).

**Makna Hadis**

Al-Hakim menyebutkan *asbab al-wurud* hadis ini yang di dalamnya diceritakan bahawa antara Abdullah bin al-Zubair dengan saudaranya 'Amr bin al-Zubair pernah bergaduh. Abdullah kemudian mendatangi Sa'id bin al-'Ash dan 'Amr bin al-Zubair sedangkan 'Amr ketika berada di atas katilnya. Sa'id berkata kepada

Abdullah: "Duduklah di sini!" Abdullah menjawab: "Tidak, kerana Rasulullah (s.a.w) menetapkan bahaawa dua orang yang bersengketa hendaklah duduk di hadapan hakim."

Maksud 'duduklah di sini' ialah duduk di atas kerusi seperti mana yang dicatat oleh Abu Dawud di mana beliau membuat satu bab dalam al-Sunan: "bagaimana cara dua orang yang bersengketa duduk di hadapan kadi?" Ini seolah-olah Abu Dawud mengisyaratkan hadis *marfu'* riwayat Ummu Salamah, iaitu:

لِيُسَوِّ بَينَهُم بِالنَّظَرِ وَ الْمَجْلِسِ وَ الْإِشَارَةِ.

"Hendaklah mereka diperlakukan secara sama rata sama ada ketika menatap para pihak, ketika duduk di hadapan majelis hakim dan ketika memberi isyarat." (Diriwayatkan oleh Abu Ya'la dan al-Thabarani dengan sanad dha'if). Maksud memperlakukan secara sama rata di sini ialah cara duduk mereka hendaklah diperlakukan secara sama rata.

**Analisis Lafaz**

"بين يدى", di hadapan.

"وصححه الحاكم", dinilai sahih oleh al-Hakim sedangkan Abu Dawud tidak memberi sebarang komentar terhadap hadis ini. Al-Mundziri berkata: "Dalam rentetan sanad hadis ini ada nama Mush'ab bin Tsabit, iaitu Abu Abdullah al-Madani, seorang yang riwayat hadisnya tidak boleh dijadikan hujah."

Ulama bersepakat menilai hadis ini dha'if selain riwayatnya yang disampaikan oleh Ibn Hibban. Ibn Hibban turut menilainya dha'if tetapi riwayat itu boleh dijadikan pegangan. Pengarang kitab ini menilai hadis ini hasan lantaran ada dua hadis riwayat lain yang menguatkanya di samping dikuatkan pula oleh perkataan 'Ali (r.a). Hadis pertama yang menguatkanya iaitu riwayat Ummu Salamah yang disampaikan oleh Abu Ya'la. Namun di dalam hadis ini ada seorang periwayat yang dha'if. Hadis kedua iaitu riwayat Abu Hurairah yang disampaikan oleh al-Harits. Namun di dalam sanad hadis ini ada nama al-Waqidi, seorang periwayat yang amat dha'if.

**Fiqh Hadis**

Dua orang yang bersengketa hendaklah duduk di hadapan hakim secara sama rata dan diperlakukan secara sama rata pula.

**Penting!**

Al-Shan'ani menegaskan dalam kitab al-Hilyah, Abu Nu'aim mengeluarkan satu riwayat lengkap dengan sanadnya, berkata: "Ali bin Abu Thalib menjumpai baju besi miliknya di tangan orang Yahudi yang telah menemukan baju itu. 'Ali pun terus mengenali bajunya itu dan berkata: "Ini baju besiku! Ia gugur dari atas untaku." Orang Yahudi itu menjawab: "Ini baju besiku. Ia sudah lama ada di tanganku. Kalau demikian, kita mesti menghadap ke mahkamah."

Mereka pun mendatangi Syuraih yang ketika itu menjawat sebagai hakim. Ketika melihat 'Ali datang hendak menghadapnya, dia menggeser tempat duduknya dan menyuruh 'Ali duduk di atas tempat duduk itu. Melihat itu, 'Ali berkata: "Andaikata lawanku ini seorang muslim, aku mahu duduk secara sama rata dengannya, tetapi Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "Janganlah kamu samakan duduk dengan mereka (bukan muslim)."

Syuraih berkata: "Apakah yang kamu inginkan wahai Amir al-Mu'minin?" 'Ali menjawab: "Baju besiku jatuh dari atas untaku. Orang Yahudi inilah yang mengambilnya." Syuraih berkata lagi: "Apa yang ingin kamu sampaikan wahai Yahudi?" Orang Yahudi itu menjawab: "Ini adalah baju besiku. Ia sudah lama ada di tanganku." Syuraih berkata lagi: "Kamu betul wahai Amir al-Mu'minin. Demi Allah, itu adalah baju besimu, tetapi kamu mesti mempunyai dua orang saksi bagi membenarkan dakwaanmu itu." 'Ali kemudian memanggil Qunbur dan anaknya sendiri, iaitu al-Hasan bin 'Ali. Mereka bersaksi bahawa baju besi itu adalah milik 'Ali bin Abu Thalib. Namun, Syuraih berkata: "Kamu menerima kesaksian Qunbur, namun kami menolak kesaksian anakmu al-Hasan." 'Ali dengan geram berkata: "Kurang asam kamu, tidakkah kamu pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda bahawa al-Hasan dan al-Husin adalah pemimpin pemuda penghuni syurga." 'Ali pun berkata kepada orang Yahudi itu: "Ambillah baju besi itu." Orang Yahudi itu pun berkata: "Amir al-Mu'minin bersedia mendatangi hakim muslim, lalu dia memenagkan perkaraku dan telah membuatku bersenang hati. Engkau benar wahai Amir al-Mu'minin, ini sememangnya adalah baju besimu yang dulu jatuh dari atas untamu, lalu aku mengambilnya. Aku bersaksi bahawa tidak ada tuhan selain Allah dan aku bersaksi bahawa Muhammad adalah pesuruh Allah."

Baju besi itu diberikan 'Ali bin Abu Thalib kepada orang Yahudi itu. Dia juga diberi hadiah sebesar sembilan ratus dirham dan Yahudi itu mati dibunuh ketika Perang Shiffin.

Al-Shan'ani berkata: "Lihatlah betapa besar keberkatan mengamalkan dan menegakkan kebenaran. Keberkatan itu dirasakan oleh hakim dan orang yang bersengketa."

**Soalan**

1. Apakah takrif *al-qadha'* mengikut bahasa dan istilah syari'at?
2. Bincangkan hadis: "القضاة ثلاثة؛ اثنان في النار وواحد في الجنة" dan apa pula pengajaran yang boleh diambil dari hadis ini?
3. Sebutkan pendapat al-Baghawi tentang bagaimana seseorang dapat menjadi mujtahid?
4. Apakah maksud hadis: "من ولي القضاء فقد ذبح بغير سكين"?
5. Apakah maksud hadis: "إنكم ستحرصون على الإمارة، وستكون ندامة يوم القيامة فنعمت المرضعة وبئست الفاطمة"?
6. Lanjutkan hadis berikut ini dan bincangkan maksudnya lalu bahas pengajaran yang dapat diambil daripadanya? Hadis itu adalah: "إذا حكم الحاكم فأصاب..."!
7. Apakah hasil ijtihad setiap mujtahid itu benar dan apa pendapat ulama mengenai masalah ini, lalu manakah pendapat yang kuat?
8. Bolehkah seorang hakim memutuskan suatu perkara ketika sedang marah?
9. Sahkah hadis yang melarang hakim memutuskan perkara dalam keadaan lapar atau dahaga?
10. Sahkah keputusan hakim jika dia belum mendengarkan aduan atau keterangan daripada kedua pihak?
11. Bolehkah memutuskan hukum terhadap orang yang tidak hadir di majelis hakim dan sebutkan pendapat ulama fiqh tentang masalah ini?
12. Bincangkan maksud hadis Ummu Salamah yang marfu': "إنكم تختصمون لدي ولعل بعضكم يكون ألحن..."?
13. Bolehkah seorang hakim menghalalkan yang haram dan sebutkan dalilnya?
14. Sebutkan dalil-dalil yang menunjukkan Rasulullah (s.a.w) memutuskan hukum berdasarkan bukti zahir!
15. Sebutkan sekumpulan sahabat yang meriwayatkan hadis berikut ini: "كيف تقدس أمة لا يؤخذ من شديدهم لضعيفهم" dan siapa pula yang mengeluarkan hadis ini?
16. Sahkah hadis Aisyah (r.a) yang menceritakan betapa sukar pertanggung jawapan seorang hakimn yang adil pada hari kiamat kelak? Bincangkan masalah ini!
17. Sahkah jika perempuan menjadi pemimpin umat Islam dan sebutkan dalilnya!
18. Sebutkan nash hadis yang megancam para pemimpin yang tidak peduli dengan nasib bangsanya terutama sekali golongan rakyat yang lemah!

19. Bagaimana cara mendudukkan dua orang yang bersengketa di hadapan hakim?
20. Sahkah hadis Ibn 'Abbas tentang bagaimana mendudukkan dua orang yang bersengketa di hadapan hakim dan bincangkan masalah ini!
21. Sebutkan secara ringkas kisah 'Ali (r.a) bersengketa dengan orang Yahudi yang telah mengambil baju besinya dan bagaimana dia berdebat dengan Syuraih yang ketika bertugas sebagai hakim!

# BAB PERTAMA
# PERSAKSIAN

Persaksian dalam bahasa Arab disebut *al-syahadah* yang merupakan kata *masdar* "شهد". Menurut al-Jauhari, persaksian adalah berita yang bersifat pasti. Persaksian memiliki makna yang sama dengan melihat dengan mata kepala sendiri, kerana perkataan *al-syuhud* bermaksud hadir, di samping orang yang bersaksi melihat apa yang tidak dilihat oleh orang lain. Namun ada pula yang mengatakan *al-syuhud* bermaksud pemberitahuan. Dalam kaitan ini, Allah (s.w.t) berfirman:

شَهِدَ ٱللَّهُ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ..... ﴿١٨﴾

"*Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan dalil-dalil dan bukti), bahawasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia,...*" (Surah Ali 'Imran: 18)

٢٤١- عَنْ زَيْدِ بْنِ خَالِدٍ الْجُهَنِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "أَلَا أُخْبِرُكُمْ بِخَيْرِ الشُّهَدَاءِ؟ الَّذِي يَأْتِي بِشَهَادَتِهِ قَبْلَ أَنْ يُسْأَلَهَا". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

241. Daripada Zaid bin Khalid al-Juhani bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Mahukah kamu jika aku beritahukan sebaik-baik saksi? Dia ialah orang yang bersaksi sebelum dia diminta untuk bersaksi." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1428).

٢٤٢- وَعَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ خَيْرَكُمْ قَرْنِي، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ، ثُمَّ يَكُونُ قَوْمٌ يَشْهَدُونَ وَلَا يُسْتَشْهَدُونَ، وَيَخُونُونَ وَلَا يُؤْتَمَنُونَ، وَيَنْذُرُونَ وَلَا يُوفُونَ، وَيَظْهَرُ فِيهِمْ السِّمَنُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

242. Daripada 'Imran bin Hushain (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Sebaik-baik kamu ialah orang yang sezaman denganku, kemudian disusuli oleh generasi yang datang setelah mereka, kemudian diikuti oleh generasi yang datang setelah mereka. Setelah itu ada suatu kaum yang bersaksi sedangkan mereka tidak diminta untuk bersaksi, mereka berkhianat dan tidak dapat diberi amanah, dan orang yang bernazar namun mereka tidak menunaikanya dan purta tubuh mereka gemuk." (Muttafaq 'alaih: 1429).

**Makna Hadis**

Ibn Hajar sengaja memuat dua hadis ini secara bersamaan, kerana jika dilihat sepintas, kedua-dua hadis ini seolah bercanggah antara satu sama lain padahal pada hakekatnya tidaklah demikian. Hadis pertama mengatakan orang yang bersaksi sebelum diminta bersaksi adalah sebaik-baik saksi sedangkan hadis kedua mengatakan orang yang bersaksi sebelum diminta bersaksi sama dengan orang yang berkhianat dan orang yang tidak menepati janji nazarnya. Dalam kitab Fath la-Bari, Ibn Hajar membincangkan masalah bahawa Ulama beza pendapat tentang mana hadis yang lebih kuat. Ibn Abdul Barr cendrung menilai kuat hadis Zaid, kerana ia diriwayatkan oleh orang Madinah. Ibn Abdul Barr malah berlebihan di mana beliau mengatakan hadis 'Imran bin Hushain tidak sahih.

Namun ada pula ulama yang menilai kuat hadis 'Imran bin Hushain, kerana ia dimuatkan dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim sedangkan hadis Zaid hanya dimuat dalam Sahih Muslim sahaja. Apapun, ada ulama lain yang berusaha menyatukan percanggahan kedua-dua hadis ini sebagai berikut:

1. Apa yang dimaksudkan oleh hadis Zaid ialah orang yang pada dasarnya melihat fakta yang sebenar sedangkan orang yang dilihat tidak menyedari akan fakta itu. Ini merupakan analisis yang baik. Atas pertimbangan inilah Malik dan Yahya bin Sa'id berpegang dengan hadis ini.
2. Apa yang dimaksudkan dengan kesaksian dalam hadis Zaid ialah kesaksian yang menyangkut hak Allah (s.w.t), berbeza dengan kesaksian yang dimaksud oleh hadis 'Imran kerana ia berkaitan dengan hak antara sesama manusia.
3. Ada pula kemungkina hadis 'Imran bermaksud *mubalagah*, yakni berlebih-lebih dalam memperkenankan permintaan orang yang meminta saksi.

Semua jawapan tersebut ada benarnya, namun permasalahannya apabila kesaksian itu tidak dibuat sebelum diminta untuk bersaksi. Ulama yang membolehkan bersaksi meskipun tidak diminta oleh orang yang memintanya saksi mentafsirkan hadis 'Imran ini sebagai berikut:

1. Apa yang dimaksudkan bersaksi dalam hadis 'Imran adalah saksi palsu seperti mana yang dijelaskan oleh al-Tirmizi yang dinukil daripada beberapa ulama.

2. Kesaksiaan yang tidak dibolehkan dalam hadis ini adalah kesaksian yang diucapkan dengan disertai kalimat sumpah. Pendapat ini berlandaskan perkataan Ibrahim di akhir hadis: "كَانُوا يَضرِبُونَنَا عَلَى الشّهَادَة" yang bermaksud "mereka memukul kami kerana kesaksian seperti mana yang disampaikan oleh al-Thahawi.
3. Apa yang dimaksudkan dengan kesaksian dalam hadis ini ialah kesaksian atas masalah yang tidak diketahui (ghaib) seperti si fulan penduduk neraka seperti mana yang disampaikan oleh Khatthabi.
4. Apa yang dimaksudkan oleh hadis ini ialah orang yang melantik dirinya menjadi saksi, padahal dia bukan orang yang patut bersaksi kerana bukan orang yang adil.

**Analisis Lafaz**

"يسألها", bina lil majhul, yakni diminta.

"قرنى", semasa denganku. Mereka ialah orang yang hidup dalam satu masa dan mengalami peristiwa sejarah yang sama. Ulama berbeza pendapat tentang batasan minimum satu masa itu. Ada yang mengatakan mulai sepuluh sampai seratus tahun. Namun pendapat yang paling sahih ialah seperti mana sabda Rasulullah (s.a.w) kepada seorang hamba: "Hiduplah kamu selama satu masa." Hamba itu akhirnya hidup selama seratus tahun. Maksud orang yang hidup dalam satu masa dalam hadis ini ialah orang yang hidup di masa Rasulullah (s.a.w) hidup.

"يلونهم", menyusul mereka.

"السمن", menggunakan huruf sin yang berbaris kasrah dan mim berbaris fathah, yakni gemuk. Denga erti kata lain, mereka gemar berpesta ria dengan cara banyak makan dan minum. Ada yang berpendapat maksud gemuk di sini ialah mereka terlampau banyak memakan hak orang lain dan mengaku-ngaku kehebatan orang lain padahal tidak demikian adanya.

**Fiqh Hadis**

1. Tidak dibolehkan memulakan bersaksi, kecuali kesaksian itu bagi orang yang tidak mengetahuinya.
2. Abad di mana Rasulullah (s.a.w) hidup merupakan sebaik-baik abad. Adakah keistimwaan pada abad itu secara individu atau masyarakat secara keseluruhan? Jumhur ulama berpendapat keistimewaan adalah bersifat individu sedangkan Ibn Abdul Barr berpendapat keistimewaan di sini adalah masyarakt secara keseluruhan, kecuali pasukan yang pernah turut serta dalam Perang Badar dan al-Hudaibiah. Setiap individu daripada mereka lebih afdhal daripada sesiapa pun yang lahir setelah generasi mereka. Ibn Abdul-Barr menguatkan pendapatnya itu

dengan berlandaskan kepada empat hadis, iaitu; Pertama, hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi:

أُمَّتِي كَالمَطَرِ لَا يُدرَى أَوَّلُهُ خَيرٌ أَمْ آخِرُهُ.

"Umatku ibarat hujan; tidak ada yang tahu mana yang lebih afdhal sama ada generasi pertama atau generasi belakang." Kedua, hadis yang diriwayatkan oleh Abu Jum'ah:

قال أبو عبيدة: يَارسولَ اللهِ، أَحَدٌ خَيْرٌ مِنَّا؟ أَسْلَمْنَا مَعَك وَهَاجَرْنَا مَعك. قال: قَومٌ يَكُونُونَ مِن بَعدِكُم يُؤمِنُونَ بِي وَلَم يَرَونِي.

"Abu 'Ubaidah berkata: "Wahai Rasulullah, adakah orang yang lebih baik daripada kami, bukankah kami berislam di hadapanmu dan kami juga berhijrah bersamamu? Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Mereka adalah satu kaum yang datang setelah kamu; mereka beriman kepadaku padahal mereka tidak pernah melihatku." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, al-Darimi, al-Thabarani dan al-Hakim sekali gus menilainya sahih hadis ini). Ketiga, hadis Tsa'labah secara marfu':

تَأتِي أيَاَّمٌ للعَامِلِ فِيهِنّ أَجرُ خَمسِينَ مِنكُم.

"Akan datang suatu masa di mana orang yang beramal, pahalanya sama dengan lima puluh orang daripada kamu." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Tirmizi). Keempat, hadis marfu' yang dikeluarkan oleh Abu al-Hasan al-Qatthan daripada Anas (r.a). Semua hadis yang dijadikan dalil oleh Ibn Abdul Barr ini belum menyelesaikan permasalahan, apatah lagi jika kita menyedari bahawa orang yang menunjukkan kepada amal kebaikan sama pahalanya dengan orang yang melakukan kebaikan itu. Perlu diketahui kebanyakan apa yang kita amalkan dalam kehidupan kita seharian bersumber daripada mereka.

3. Perbuatan khianat, tidak menunaikan nazar dan bertubuh gemuk akibat terlampau banyak menikmati makanan duniawi tidak munul pada zaman Rasulullah (s.a.w). Apa yang dimaksud dengan munculnya kegemukan di hadis ini bukanlah kegemukan yang bersifat individu, sebaliknya ia bersifat umum di mana ramai orang yang gemuk.

٢٤٣- وَعَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا تَجُوزُ شَهَادَةُ خَائِنٍ وَلَا خَائِنَةٍ وَلَا ذِي غِمْرٍ عَلَى أَخِيهِ، وَلَا تَجُوزُ شَهَادَةُ الْقَانِعِ لِأَهْلِ الْبَيْتِ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ.

243. Daripada Abdullah bin 'Amr (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tidak boleh diterima kesaksian pengkhianat sama ada lelaki mahupun perempuan. Tidak boleh diterima kesaksian orang dengki terhadap saudaranya. Tidak boleh diterima kesaksian seorang pembantu terhadap tuannya." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Dawud: 1430).

٢٤٤- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَا تَجُوزُ شَهَادَةُ بَدَوِيٍّ عَلَى صَاحِبِ قَرْيَةٍ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَابْنُ مَاجَهْ.

244. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa beliau pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tidak boleh diterima kesaksian orang badwi ke atas orang yang tinggal di bandar." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan Ibn Majah: 1431).

**Makna Hadis**

Rasulullah (s.a.w) membatalkan kesaksian orang-orang yang disebut dalam kedua-dua hadis di atas lantaran ada sebab-sebab teryentu. Pengkhianat tidak boleh diterima kesaksiannya dengan tujuan supaya tidak berkhianat lagi kepada orang lain. Orang yang beriman tidak boleh terjatuh dua kali dalam satu lubang yang sama. Pendengki tidak boleh diterima kesaksiannya kerana dikhuatiri mahkamah dijadikan sebagai peluang untuk membalas dendam. Pembantu tidak boleh diterima kesaksiannya kerana dikhuatiri membela kepentingan tuannya. Orang badwi tidak boleh diterima kesaksiannya kerana kebanyakan mereka orang yang tidak berpendidikan dan tidak tahu hukum syari'at. Orang yang tidak tahu itu hendaklah tidak dijadikan saksi seperti mana difatwakan oleh Ibn al-Atsir.

**Analisis Lafaz**

"غمر" menggunakan ghain yang berbaris fathah, huruf mim yang berbaris fathah atau sukun atau kasrah. Ia bermaksud adalah iri dengki seperti mana yang ditafsirkan oleh Abu Dawud.

"القانع", pembantu. Ada pendapat lain mengatakan maksud *al-qani'* ialah pengikut sama seperti hamba yang sudah dimerdekakan. Namun ada lagi yang mengatakan maksud *al-qani'* ialah orang yang meminta-minta namun dia sabar dan merasa cukup dengan makanan yang sedikit seperti mana yang dikatakan oleh al-Muzhir. Kesaksian orang seperti ini tidak dapat diterima dan inilah hukum yang terdapat dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dawud ini. Orang yang tidak disebut dalam hadis ini boleh diterima kesaksiannya.

Abu Dawud menambahkan dalam riwayat yang lain bahawa tidak boleh boleh diterima kesaksian penzina sama ada lelaki mahupun perempuan.

**Fiqh Hadis**

1. Tidak diterima kesaksian pengkhianat. Abu Ubaidah berkata: "Tidak ada pengecualian dalam kes ini di mana berlaku untuk setiap perbuatn khianat sama ada khianat terhadap sesama manusia atau khianat terhadap perintah Allah; orang yang melakukan keduanya itu dikategorikan sebagai pengkhianat." Jadi, sesiapa yang melakukan perbuatan yang diharamkan dianggap sebagai pengkhianat mengikut jumhur ulama.
2. Tidak diterima kesaksian pendengki dan pendendam ke atas orang yang menjadi lawannya dalam berperkara, sama ada pihak lawannya kafir ataupun muslim. Perkataan 'saudara dalam hadis saudara sesama muslim. Meskipun tidak disebutkan secara khusus muslim, namun sudah dapat difahami bahawa maksud saudara di sini adalah saudara yang muslim. Inilah pendapat jumhur ulama termasuk Malik, al-Syafi'i dan Imam Ahmad sedangkan Abu Hanifah berpendapat adanya permusuhan tidak menghalangi seseorang untuk menjadi saksi kepada musuhnya itu.
3. Tidak diterima kesaksian pembantu kepada tuannya. Abu Hanifah menambahkan, kesaksikan suami kepada isterinya juga tidak boleh diterima.
4. Tidak diterima kesaksian orang kampung ke atas orang bandar. Inilah pendapat Imam Ahmad dan pengikutnya, Malik dan Abu Ubaidah. Sedangkan ulama yang lain berpendapat kesaksian orang kampung kepada orang bandar boleh diterima dan sah. Mereka mentakwilkan hadis itu bahawa kesaksian orang kampung kepada orang bandar tetap boleh diterima selagi orang kampung adalah bukan orang adil dan jika tidak adil maka tidak boleh diterima kesaksiannya Apapun, takwil seperti ini terlampau jauh, meskipun ulama bersepakat untuk menerima kesaksian orang kampung kepada orang sesama orang kampung.

٢٤٥- وَعَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ خَطَبَ فَقَالَ: إِنَّ أُنَاسًا كَانُوا يُؤْخَذُونَ بِالْوَحْيِ فِي عَهْدِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَإِنَّ الْوَحْيَ قَدِ انْقَطَعَ، وَإِنَّمَا نَأْخُذُكُم الْآنَ بِمَا ظَهَرَ لَنَا مِنْ أَعْمَالِكُمْ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

245. Daripada 'Umar bin al-Khatthab (r.a), beliau pernah berkhutbah: "Dulu pada zaman Rasulullah (s.a.w) masih hidup, orang ramai dihukum berdasarkan wahyu namun sekarang sudah tidak ada lagi wahyu. Maka, kami menghukum kamu berdasarkan perbuatan kamu yang zahir sahaja. (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1432).

## Makna Hadis

Untuk mengetahui seseorang itu bersalah atau sebaliknya, Rasulullah (s.a.w) ketika masih hidup berpegang kepada wahyu. Setelah baginda wafat, untuk menjatuhkan hukum ke atas seseorang diwajibkan ada bukti. Dengan bukti inilah seorang hakim boleh jadi adil dalam mengeluarkan keputusan hukum dan boleh pula jadi zalim kerana tidak mengindahkan bukti itu.

'Umar (r.a) berkata: "Seseorang yang menurut zahir kami baik, maka dia selamat sedangkan urusan batinnya diserahkan kepada Allah yang maha mengetahui, sebaliknya seseorang yang menurut zahir kami jahat, maka kami menghukumnya, meskipun pada hakekatnya dia tidak bersalah."

## Analisis Lafaz

"يؤخذون", diperhitungkan, diproses dan dihukum.

"بالوحي", dengan ayat-ayat yang diturunkan melalui wahyu.

## Fiqh Hadis

Seseorang yang secara zahir kelihatan bahawa dia seorang yang mengamalkan ajaran Islam istiqamah sudah memadai untuk menerima kesaksiannya. Inilah pendapat jumhur ulama. Menurut mereka, syarat kesaksian seseorang itu boleh diterima adalah redha dan adil dalam diri seorang muslim, mukallaf dan merdeka, tidak melakukan dosa besar atau kerap melakukan dosa kecil. Imam al-Syafi'i menambahkan, seseorang supaya kesaksiannya boleh diterima hendaklah menjaga maruah. Imam Ahmad dan Ishaq menambahkan lagi: identiti orang yang menjadi saksi itu mestilah jelas.

## Penting!

Dalam kitab al-Irsyad, Ibn Katsir berkata: "Al-Baghawi meriwayatkan dengan sanad yang hasan bahawa pernah ada seorang lelaki bersaksi di hadapan Umar bin al-Khatthab (r.a). 'Umar berkata kepada lelaki itu: "Aku tidak mengenalimu dan tidak mengapa aku tidak mengenalimu. Oleh itu, silakan kamu mendatangi orang yang mengenalimu. Lalu, berkatalah salah seorang di antara mereka: "Aku mengenalinya." Umar pun bertanya: "Apa yang kamu kenal daripada lelaki ini?" Orang itu menjawab: "Dia seorang yang adil dan berperilaku mulia." Umar pun berkomentar: "Adakah dia jiranmu dan dia orang yang paling kamu kenal?" Orang itu menjawab: "Tidak demikian." Umar bertanya lagi: "Apakah dia pegawai kewanganmu yang sudah sangat kamu percayai?" Orang itu menjawab lagi: "Juga tidak." Umar masih bertanya: "Adakah lelaki sahabatmu ketika berlayar dan sahabat yang kamu kenal budi pekertinya?" Orang itu menjawab lagi: "Tidak juga." Maka, Umar pun berkomentar: "Kalau

begitu, kamu tidak mengenalinya." Lalu, Umar pun berkata kepada lelaki yang ditanyakan itu: "Datanglah kepada orang yang kamu kenali."

٢٤٦- وَعَنْ أَبِي بَكْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ عَدَّ شَهَادَةَ الزُّورِ فِي أَكْبَرِ الْكَبَائِرِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ فِي حَدِيثٍ طَوِيلٍ.

246. Daripada Abu Bakrah (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w) bahawa baginda menganggap kesaksian palsu sebagai dosa yang paling besar. (Muttafaq 'alaih dalam hadis yang panjang: 1433)

**Makna Hadis**

Ada hadis lain yang serupa dengan hadis tersebut di atas yang lafaznya adalah:

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي بَكْرَةَ عَنْ أَبِيهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَلَا أُنَبِّئُكُمْ بِأَكْبَرِ الْكَبَائِرِ؟ ثَلَاثًا، قَالُوا: بَلَى، يَا رَسُولَ اللهِ، قَالَ: الْإِشْرَاكُ بِاللهِ وَعُقُوقُ الْوَالِدَيْنِ، وَجَلَسَ وَكَانَ مُتَّكِئًا، فَقَالَ: أَلَا وَقَوْلُ الزُّورِ، قَالَ: فَمَا زَالَ يُكَرِّرُهَا حَتَّى قُلْنَا لَيْتَهُ سَكَتَ.

Daripada 'Abdurrahman bin Abu Bakrah daripada ayahnya, beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) berabda: "Mahukah kamu jika saya beritahukan apa itu dosa yang paling besar?" Baginda mengulangi perkataan ini sebanyak tiga kali. Para sahabat menjawab: "Ya wahai Rasulullah." Baginda bersabda: "Ia adalah menyekutukan Allah dan derhaka kepada ibu bapa." Ketika itu baginda sedang duduk lalu bersandar sambil bersabda: "Demikian pula kata-kata palsu." Baginda terus mengulangi perkataan itu sehingga kami berkata di dalam hati: "Kalaulah baginda itu segera diam." (Muttafaq 'alaih)

Mengapa Rasulullah (s.a.w) menyampaikan hadis ini secara berulang? Ini tidak lain kerana penyakit ini sudah bermaharajalela di tengah-tengah masyarakat. Dengan kesaksian palsu, mereka menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal.

**Analisis Lafaz**

"الزور", al-Tsa'labi berkata: "Maksud perkataan ini ialah membungkus sesuatu hingga kelihatan baik dan menerangkan sifatnya tidak sesuai dengan keadaann yang sebenar, sehingga orang yang melihat atau mendengar cenderung mempercayainya. Ini menjadikan kebatilan nampak kelihatan seperti

kebenaran.

**Penting!**

Imam al-Nawawi berkata: "Hadis ini tidak dapat diertikan secara zahir, kerana jika dibandingkan dengan syirik atau membunuh, kesaksian palsu tidak lebih besar daripada dosa kedua jenis maksiat itu. Oleh itu, hadis ini mesti ditakwilkan dengan pengertian yang lain. Jika melihat dosa lain yang sejajar dengan kesaksian palsu, pastilah dosa kesaksia palsu ini jauh lebih besar, kerana dengan sebab kesaksian palsu inilah seseorang dapat memakan hak orang lain dengan cara tidak benar. Bukankah memakan hak orang lain adalah dosa yang amat besar, bahkan dosanya melebihi dosa berzina dan membunuh." Imam al-Nawawi menambahkan: "Meskipun dosa kesaksian palsu ini besar, namun pada kenyataannya ramai orang yang melihatnya sambil lewa sahaja."

Menurut pensyarah kitab ini, apa yang dikatakan oleh Imam al-Nawawi bahawa kesaksian palsu mengakibatkan seseorang memakan hak orang lain secara batil adalah kurang tepat. Ini kerana kesaksian palsu mengakibatkan seseorang terjerumus melakukan segala jenis perbuatan maksiat. Ada kemungkinan orang berzina, mencuri bahkan membunuh disebabkan orang itu melakukan sumpah palsu. Oleh itu, tidak salah kalau ia dikategorikan dosa paling besar, tapi itu tidak menafikan bahawa musyrik merupakan dosa terbesar di antara dosa-dosa paling besar yang lain. Inilah yang dimaksud oleh hadis ini.

٢٤٧- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لِرَجُلٍ: "تَرَى الشَّمْسَ؟" قَالَ: نَعَمْ. قَالَ: "عَلَى مِثْلِهَا فَاشْهَدْ أَوْ دَعْ". أَخْرَجَهُ ابْنُ عَدِيٍّ بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ فَأَخْطَأَ.

247. Daripada Ibn 'Abbas (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bertanya kepada seorang lelaki: "Apakah kamu melihat matahari?" Lelaki itu menjawab: "Ya." Baginda bersabda: "Untuk yang seperti itulah hendaknya kamu bersaksi atau tinggalkan sama sekali kesaksian itu!" (Diriwayatkan oleh Ibn 'Adi dengan sanad dha'if, namun al-Hakim menilainya sahih, tetapi penialaian itu ternyata silap: 1434).

**Makna Hadis**

Seperti sedia maklum, kesaksian bermaksud kehadiran, kerana rang hadir tentu mendengar dan melihat. Jadi, seseorang yang tidak hadir, maka tidak boleh menjadi saksi, kerana kesaksian dijadikan pegangan dalam memutuskan suatu hukum. Seseorang yang menghadiri suatu peristiwa di mana dia mendengar dan melihat secara langung peristiwa itu tanpa ada keraguan sedikit pun, maka

berilah kesaksian. Jika tidak, maka tidak perlu memberi kesaksian.

**Analisis Lafaz**

"بإسناد ضعيف", dengan sanad yang dha'if, kerana di dalam rentetan sanad ini terdapat nama Muhamad bin Sulaiman bin Masmul. AL-Zahabi menilai dha'if sanad al-Hakim yang di dalamnya ada nama 'Amr.

**Fiqh Hadis**

Seorang saksi tidak boleh bersaksi melainkan jika dia benar-benar mengetahui peristiwa yang terjadi itu dengan yakin. Dia tidak boleh bersaksi ke atas suatu peristiwa yang dia sendiri tidak dapat melihatnya.

٢٤٨- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَضَى بِيَمِينٍ وَشَاهِدٍ. أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ وَأَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ وَقَالَ: إِسْنَادُهُ جَيِّدٌ.

248. Daripada Ibn 'Abbas (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) memutuskan suatu hukum dengan berlandaskan sumpah dan satu orang saksi. (Diriwayatkan oleh Muslim, Abu Dawud dan al-Nasa'i yang berkata: "Sanad hadis ini jayyid": 1435).

٢٤٩- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ مِثْلَهُ. أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

249. Daripada Abu Hurairah (r.a) terdapat lafaz hadis yang serupa. (Diriwayatkan oleh Abu Dawud, al-Tirmizi dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban: 1436).

**Makna Hadis**

Ibn Hajar memuat hadis ini dalam bab kesaksikan, meskipun ia tidak sesuai dimuatkan dalam bab ini. Hadis ini menegaskan Rasulullah (s.a.w) memutuskan hukum ke atas seseorang yang mengadukan suatu permasalahan dengan syarat ada sumpah beserta satu orang saksi yang disertai dengan sumpah itu.

**Analisis Lafaz**

"وقال إسناده جيد", al-Nasa'i berkata: "Sanad sadis ini jayyid." Ibn Hajar menyampaikan perkataan al-Nasa'i, padahal hadis ini di dalam Sahih Muslim

juga ada. Ini bukan kebiasaan yang dilakukan Ibn Hajar, kerana biasanya apabila hadis itu sahih dan ditemukan di dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim, beliau tidak lagi mengemukakan apa-apa komentar.

Ibn Hajar mengemukakan hadis yang menguatkan hadis ini dengan tujuan menguatkan kesahihan khabar ini. Dalam kitab Taqrib al-Madarik, saya telah menerangkan secara panjang lebar tentang beberapa jalur sanad hadis ini dan hadis-hadis itu sahih. Berikut jalur-jalur sanadnya:

1. Hadis Ibn Abbas yang dikeluarkan oleh Muslim dan kedudukannya sahih.
2. Hadis Abu Hurairah yang dikeluarkan oleh Abu Dawud, al-Tirmizi dan Ibn Majah dan kedudukannya sahih.
3. Hadis Zaid bin Tsabit yang dikeluarkan oleh al-Thabarani dan al-Nasa'i dalam kitab al-Kubra dan kedudukannya ma'lul.
4. Hadis 'Ali bin Abu Thalib yang dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan kedudukannya masih dipertikai. Apapun, ia hadis sahih.
5. Hadis Jabir yang dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan dan kedudukannya ma'lul.
6. Hadis Ibn Tsa'labah al-Anbari yang dikeluarkan oleh Abu Dawud dan kedudukannya masih dipertikai.
7. Hadis Abdullah bin Umar yang dikeluarkan oleh al-Hakim, Ibn Adi dan kedudukannya dha'if.
8. Hadis Abu Dhamrah yang dikeluarkan oleh Ibn 'Adi dan sanadnya tidak sahih.
9. Hadis Bilal bin al-Harits yang dikeluarkan oleh al-Thabarani dan periwayatnya kuat.
10. Hadis Sarraq yang dikeluarkan oleh Ibn Majah dan nama periwayatnya ada yang tidak dikenal.
11. Hadis Sa'ad bin Ubadah yang dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan riwayatnya dha'if walaupun ada sebahagian ulama yang menilainya sahih.
12. Hadis 'Amr bin Hazm yang dikeluarkan oleh al-Baihaqi dan riwayatnya dinilai hasan oleh Ibn Abdul Barr dan lain-lain.
13. Hadis al-Mugirah bin Syu'bah yang dikeluarkan oleh al-Baihaqi dan riwayatnya dinilai hasan oleh Ibn Abdul Barr.
14. Hadis 'Amr bin Syu'aib daripada ayahnya daripada datuknya yang dikeluarkan oleh Ibn 'Adi, al-Daruquthni dan riwayatnya dha'if.
15. Hadis Abu Sa'id al-Khudri yang dikeluarkan oleh al-Thabarani dan riwayatnya dha'if.
16. Hadis seorang lelaki yang namanya tidak diketahui. Jika lelaki itu adalah Ibn Abbas, maka riwayatnya sahih.

17. Hadis Sahal bin Sa'd yang diriwayatkan oleh Ibn Abu Syaibah dan riwayatnya dinilai dha'if oleh Ibn al-Qayyim.
18. Hadis Umar bin al-Khatthab.
19. Hadis Maslamah bin Qais.
20. 'Amir bin Rabi'ah.
21. Tamim al-Dari.
22. Hadis Ummu Salamah.
23. Hadis Anas.

Jalur sanad ini turut dikemukakan oleh Ibn al-Jawzi dalam kitab al-Tahqiq.

**Fiqh Hadis**

Keputusan hukum yang berlandaskan saksi dan sumpah dinyatakan sah mengikut pendapat jumhur ulama. Hadis inilah yang menjadi landasan mereka dalam berfawa. Namun Abu Hanifah berpendapat bahawa saksi semata sudah memadai untuk memutuskan hukum. Mereka berdalil dengan firman Allah (s.w.t):

..... وَأَشْهِدُوا۟ ذَوَىْ عَدْلٍ مِّنكُمْ وَأَقِيمُوا۟ ٱلشَّهَٰدَةَ لِلَّهِ ۚ ذَٰلِكُمْ يُوعَظُ بِهِۦ مَن كَانَ يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۚ وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجْعَل لَّهُۥ مَخْرَجًا ﴿٢﴾

*"... dan adakanlah dua orang saksi yang adil di antara kamu (semasa kamu merujukkan atau melepaskannya); dan hendaklah kamu (yang menjadi saksi) menyempurnakan persaksian itu kerana Allah semata-mata. Dengan hukum-hukum yang tersebut diberi peringatan dan pengajaran kepada sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat; dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya)."* (Surah al-Thalaq: 2)

Allah (s.w.t) berfirman:

..... فَإِن لَّمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَٱمْرَأَتَانِ مِمَّن تَرْضَوْنَ مِنَ ٱلشُّهَدَآءِ أَن تَضِلَّ إِحْدَىٰهُمَا فَتُذَكِّرَ إِحْدَىٰهُمَا ٱلْأُخْرَىٰ ۚ وَلَا يَأْبَ ٱلشُّهَدَآءُ إِذَا مَا دُعُوا۟ ۚ .....

﴿٢٨٢﴾

*"... Kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setujui menjadi saksi, supaya jika*

*yang seorang lupa dari saksi-saksi perempuan yang berdua itu maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi. Dan jangan saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi....*" (Surah al-Baqarah: 282)

Mereka juga berdalil dengan sabda Rasulullah (s.a.w):

شَاهِدَانِ أَو يَمِينُهُ.

"Dua saksi atau bersumpah."

Menurut pensyarah kitab ini, semua apa yang mereka sebutkan tidak dapat dijadikan dalil, kerana apabila keputusan itu sudah dikuatkan oleh saksi dan sumpah, maka keputusan itu tidak boleh lagi diubah.

**Soalan**

1. Apa takrif kesaksian?
2. Cari titik temu antara perbezaan hadis Zaid dengan hadis 'Imran bin Hushain yang kelihatannya bercanggah tentang saksi yang membuat kesaksian sebelum diminta bersaksi!
3. Syarahkan kalimat-kalimat berikut: "يلونهم", "القرن" dan "السمن"!
4. Apa pendapat ulama tentang keistimewaan zaman Rasulullah (s.a.w)? Apakah keistimewaan itu bersifat individu atau bersifat umum?
5. Sebutkan empat jenis manusia yang oleh hadis dinyatakan kesaksian mereka tidak boleh diterima!
6. Syarahkan makna kalimat berikut: "غمر" dan "قانع" dan pastikan mana satu di antara kalimat ini yang terdapat dalam hadis Abdullah bin Umar kemudian beri baris setiap kata itu!
7. Siapakah ulama yang membolehkan kesaksian dari orang yang bermusuh?
8. Sahkah kesaksian orang kampung ke atas orang kampung?
9. Apakah syarat-syarat yang wajib dipenuhi supaya saksi dapat dikatakan adil dan sebutkan pendapat ulama mengenai masalah ini!
10. Sebutkan kes yang dialami Umar (r.a) bersama seorang saksi dan orang yang mengenalinya!
11. Apakah yang dimaksud dengan "الزور" mengikut bahasa?
12. Mengapa kesaksian palsu dianggap sebagai dosa besar?
13. Sebutkan hadis yang menyatakan bahawa bersaksi tidak dibolehkan melaikan melihat peristiwa itu secara yakin!
14. Sebutkan sepuluh orang sahabat yang meriwayakan hadis yang menyatakan bahawa Rasulullah (s.a.w) memutuskan suatu perkara dengan menggunakan saksi dan sumpah, kemudian sebutkan hukum

dan kedudukan hadis ini!

15. Siapakah ulama yang membolehkan untuk memutuskan hukum dengan berpegang kepada saksi dan sumpah dan siapa pula ulama yang tidak membolehkanya lalu, sebutkan dalil-dalilnya!

# BAB KEDUA
# DAKWAAN DAN PEMBUKTIAN

Dakwaan dalam bahasa Arab disebut *da'wa* yang merupakan masdar dari perkataan "ادعى شيئا" yang bermaksud mendakwa sesuatu itu miliknya sama ada dakwaan itu benar ataupun sebaliknya.

Pembuktian dalam bahasa Arab disebut *bayyinah* yang bermaksud bukti yang dengannya dapat diputuskan suatu hukum. Hujah disebut *bayyinah* kerana kebenaran menjadi nyata dengan adanya bukti itu.

٢٥٠- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَوْ يُعْطَى النَّاسُ بِدَعْوَاهُمْ لَادَّعَى نَاسٌ دِمَاءَ رِجَالٍ وَأَمْوَالَهُمْ، وَلَكِنِ الْيَمِينُ عَلَى الْمُدَّعَى عَلَيْهِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

250. Daripada Ibn 'Abbas (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jika manusia diberi kebebasan dalam mendakw, nescaya setiap mereka mendakwa darah orang lain dan harta mereka, tetapi itu tidak boleh terjadi kerana kewajipan bersumpah merupakan tanggung jawab yang didakwa." (Muttafaq 'alaih: 1437).

٢٥١- وَلِلْبَيْهَقِيِّ بِإِسْنَادٍ صَحِيحٍ: "الْبَيِّنَةُ عَلَى الْمُدَّعِي، وَالْيَمِينُ عَلَى مَنْ أَنْكَرَ.

251. Al-Baihaqi turut memiliki meriwayatkan hadis seumpamanya dengan sanad yang sahih, bahawa: "Bukti merupakan tanggung jawab orang yang mendakwa dan sumpah merupakan tanggung jawab orang yang menginkarinya.": 1438.

**Makna Hadis**

Tidak boleh diterima dakwaan seseorang terhadap suatu perkara melainkan dia membawa bukti yang dapat menguatkan dakwaannya itu. Jika tidak, ini

mendorong setiap orang untuk mendakwa dengan sesuka hatinya sekali gus menggalakkan orang lain melakukan kejahatan.

**Analisis Lafaz**

"بدعواهم", dengan pengakuan mereka.

"لادّعى", nescaya mengakui.

"دماء رجال", darah orang lain. Dengan erti kata lain, orang yang bersengketa atas nama orang lain. Nama-nama mereka disebutkan supaya orang yang membunuh mereka membayar diyat atau supaya orang yang membunuh dikenakan qisas.

"أنكر", mengingkari. Dengan erti kata lain, mengingkari dan tidak menerima orang yang mendakwa ada mempunyai hak terhadap dirinya.

**Fiqh Hadis**

1. Tidak boleh terus menerima aduan orang yang melapor kesnya kecuali disertai dengan bukti.
2. Orang yang mendakwa apabila tidak mempunyai bukti, maka orang yang didakwa boleh bersumpah bahawa dia tidak bersalah. Dengan demikian, maka bebaslah dia daripada jeratan hukum.

**Penting!**

Menurut ulama, hikmah membebankan orang yang mendakwa dengan bukti ialah kerana pihak yang mendakwa berada pada kedudukan yang lemah. Mengapa lemah? Ini kerana dia mengakui fakta yang sebaliknya dan oleh kerananya, dia mesti memiliki senjata kuat, iaitu bukti. Orang yang didakwa pula dalam kedudukan yang kuat. Mengapa demikian? Ini kerana pada mulanya dia tidak didakwa, yakni tidak bersalah. Oleh itu, dia dibebani dengan beban yang tidak terlalu berat, iaitu bersumpah.

٢٥٢- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَرَضَ عَلَى قَوْمٍ الْيَمِينَ فَأَسْرَعُوا، فَأَمَرَ أَنْ يُسْهَمَ بَيْنَهُمْ فِي الْيَمِينِ، أَيُّهُمْ يَحْلِفُ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

252. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) menawar bersumpah kepada suatu kaum lalu berebut untuk bersumpah. Baginda kemudian menyuruh sahabat agar diadakan undian di antara mereka siapa yang berhak untuk bersumpah." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1439).

**Makna Hadis**

Jika hak bersumpah diperebutkan oleh orang lain sama ada mereka termasuk orang yang bersengketa ataupun sebaliknya, maka dilakukan undian di antara mereka bagi menentukan siapa yang berhak bersumpah itu.

**Analisis Lafaz**

"يُسهَم", diundi.

"أيهم يحلف", siapakah di antara mereka yang bakal lebih dahulu bersumpah. Jadi, tidak bererti orang yang melakukan sumpah cukup satu orang dan ini menurut pendapat satu pendapat. Menurut pendapat yang lain, jika yang satu sudah mendapat undian hak untuk bersumpah, maka yang lain sudah tidak boleh lagi bersumpah. Pengakuan yang dapat diterima adalah pengakuan orang yang boleh bersumpah. Contohnya, ada dua orang yang saling merebut suatu benda yang bukan milik mereka berdua, sementara keduanya sama-sama tidak mempunya bukti, maka hendaklah dilakukan undian antara keduanya. Orang yang undiannya keluar, maka dialah yang berhak bersumpah dan mengambil benda itu. Inilah pendapat yang benar, kerana jika keduanya sama-sama bersumpah, apalah gunanya sumpah itu.

**Fiqh Hadis**

Jika suatu kaum berebut untuk bersumpah, maka mereka hendaklah diundi bagi menentukan siapa yang berhak bersumpah itu. Jika undian itu keluar, maka orang itulah yang bersumpah sekali gus mengambil barang yang diperebutkan itu. Al-Khatthabi membahas hadis ini menceritakan tentang Ali bin Abu Thalib (r.a). Beliau pernah membawa seekor keldai yang dibelinya di pasar. Tiba-tiba datang seorang lelaki mengakui sebagai pemilik keldai itu dan mengatakan bahawa keldai itu tidak dia jual apatah lagi dia hadiahkan. Lelaki itu lalu bersikeras dengan pendiriannya itu dengan membawa lima orang saksi. Melihat itu, pihak yang merasa dirugikan tidak mahu kalah dengan membawa dua orang saksi.

Ali (r.a) berkata: "Kalau sudah jadi begini, kamu boleh memilih antara ke mahkamah atau berdamai untuk menyelesaikan sengketa ini. Berikut ini aku jelaskan. Jika kamu ingin berdamai, keldai ini harus dijual. Hasilnya dibahagi tujuh. Untuk yang ini memperoleh lima bahagian dan untuk yang itu memperoleh dua bahagian. Jika kamu tidak mahu berdamai, maka keputusannya adalah salah seorang kamu berdua harus bersumpah bahawa dia tidak menjualnya dan tidak pula menghadiahkannya sedangkan keldai itu adalah miliknya. Jika kamu bingung siapa di antara kamu yang berhak bersumpah, maka itu dapat diselesaikan dengan dibuat undian. Siapa yang namanya keluar, maka dialah yang berhak untuk bersumpah."

٢٥٣- وَعَنْ أَبِي أُمَامَةَ الْحَارِثِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنِ اقْتَطَعَ حَقَّ امْرِئٍ مُسْلِمٍ بِيَمِينِهِ، فَقَدْ أَوْجَبَ اللهُ لَهُ النَّارَ وَحَرَّمَ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ". فَقَالَ لَهُ رَجُلٌ: وَإِنْ كَانَ شَيْئًا يَسِيرًا يَا رَسُولَ اللهِ؟ قَالَ: "وَإِنْ قَضِيبٌ مِنْ أَرَاكٍ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

253. Daripada Abu Umamah al-Haritsi (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barangsiapa merampas hak seorang muslim dengan sumpahnya, maka Allah pasti akan memasukkannya ke dalam neraka dan mengharamkannya masuk syurga." Seorang lelaki bertanya: "Wahai Rasulullah, sekalipun itu hanya sedikit?" Baginda menjawab: "Sekalipun itu hanya sebilah kayu Arak (kayu yang biasa digunakan untuk bersiwak)." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1440).

٢٥٤- وَعَنِ الْأَشْعَثِ بْنِ قَيْسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ حَلَفَ عَلَى يَمِينٍ يَقْتَطِعُ بِهَا مَالَ امْرِئٍ مُسْلِمٍ هُوَ فِيهَا فَاجِرٌ لَقِيَ اللهُ وَهُوَ عَلَيْهِ غَضْبَانُ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

254. Daripada al-Asy'ats bin Qais (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barangsiapa bersumpah yang dengan sumpah itu dia berjaya merampas harta milik seorang muslim padahal sumpah itu adalah bohong belaka, maka dia akan menjumpai Allah dalam keadaann murka terhadapnya." (Muttafaq 'alaih: 1441).

**Makna dan Fiqh Hadis**

Dalam bab sumpah dan nazar, hadis ini sudah dibahas bahawa sumpah palsu merupakan dosa besar. Abu Umamah ialah Abu Umamah al-Haritsi, bukan Abu Umamah bin Sahl bin Hunaif, bukan pula Abu Umamah al-Bahili dan Abu Umamah al-Anshari.

Abu Umamah al-Haritsi inilah yang disuruh pulang oleh Rasulullah (s.a.w) daripada perang Badar, kerana ibunya sedang sakit. Ketika pulang, ibunya dijumpai sudah meninggal dunia. Beliau pun menyembahyangkan jenazah ibunya sebelum dikebumikan. Beliau adalah sekutu bani Haritsah.

Al-Asy'ats bin Qais merupakan anak Ma'di Kariba al-Kindi. Beliau pernah mendatangi Rasulullah (s.a.w) bersama rombongan bani Kindah pada tahun ke-10 Hijriah. Al-Asy'ats merupakan ketua rombongan ketika itu dan seorang pemimpin yang disegani pada masa Jahiliah mahupun pada masa Islam. Beliau pernah murtad setelah kewafatan Rasulullah (s.a.w), namun kembali memeluk

Islam pada masa pemerintahan Abu Bakar (r.a). Beliau menjadi pasukan tentera yang dipimpin Sa'ad bin Abu Waqqash pada waktu perang al-Qadisiyah dan perang yang selainnya. Beliau tinggal di Kufah dan meninggal dunia pada tahun ke-42 Hijriah di Kufah dan jenazahnya disembahyangkan oleh al-Hasan bin 'Ali (r.a).

٢٥٥- وَعَنْ أَبِي مُوسَى الْأَشْعَرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَجُلَيْنِ اخْتَصَمَا إِلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي دَابَّةٍ لَيْسَ لِوَاحِدٍ مِنْهُمَا بَيِّنَةٌ، فَقَضَى بِهَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَهُمَا نِصْفَيْنِ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ وَهَذَا لَفْظُهُ، وَقَالَ: إِسْنَادُهُ جَيِّدٌ.

255. Daripada Abu Musa al-Asy'ari (r.a) bahawa ada dua orang lelaki sedang bertengkar merebutkan seekor binatang dan masing-masing tidak mempunya bukti. Sengketa ini kemudian diadukan kepada Rasulullah (s.a.w) lalu baginda memutuskan untuk membagi dua haiwan itu kepada mereka. (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud dan al-Nasa'i dan ini merupakan lafaznya di mana beliau berkata: "Sanad hadis ini jayyid.": 1442).

**Makna Hadis**

Rasulullah (s.a.w) membahagikan seekor keldai yang disengketakan itu kerana seperti mana yang diriwayatkan oleh Abu Dawud masing-maisng orang yang bersengketa itu membawa dua orang saksi atau kedua-duanya tidak memiliki apa-apa bukti sedangkan binatang yang diperebutkan itu masih belum dipegang oleh salah seorang daripada keduanya.

**Analisis Lafaz**

"اختصما فى دابة", setiap mereka mengakui pemilik binatang itu.

"وقال: إسناد جيد", dengan membawa perkataan al-Nasa'i ini, Ibn Hajar menyanggah pendapat orang yang menilai hadis ini dha'if.

**Fiqh Hadis**

Jika ada dua orang yang merebutkan sesuatu sedangkan kedua-dua orang itu tidak mempunyai apa-apa bukti, maka sesuatu itu harus dibahagi menjadi dua bahagian. Kedua-duanya tidak mempunyai apa-ap bukti mengandungi pelbagai tafsiran. Al-Khatthabi membahasnya sebagai berikut:

- Ada kemungkinan sesuatu itu berada di tangan orang ketiga dan kedua orang yang bersengketa itu tidak mempunyai saksi.
- Ada kemungkinan kedua orang yang bersengketa itu membawa dua saksi namun bukti-buktinya saling bertentangan dan oleh kerananya, bukti mereka tidak lagi berguna.

Al-Katthabi berkata: "Ulama berbeza pendapat tentang sesuatu yang direbutkan itu. Sesuatu itu ada di tangan sesorang lalu ada dua orang yang saling merebutkannya. Setiap mereka membawa bukti.

Imam Ahmad dan Ishaq berpendapat sebaiknya untuk menyelesaikan persoalan ini hendaklah dibuat undian. Sesiapa yang kena undian, maka dialah pemiliknya. Imam al-Syafi'i juga berpendapat demikian namun dalam qawl jadidnya beliau mengemukakan pendapat yang lebih rinci bagi menyelesaikan persoalan ini, iaitu:

1. Barang itu dibahagi menjadi dua. Pendapat ini dijadikan pegangan oleh Ashab al-Ra'yi dan Sufyan al-Tsauri.
2. Dibuat undian. Siapa yang namanya keluar, maka dia harus bersumpah. Dengan demikian, dia sudah dianggap sama dengan membuat kesaksian dengan benar.

Menurut pensyarah kitab ini, fatwa ini berlandaskan hadis Abu Hurairah.

Imam Malik berkata: "Jika sesuatu yang direbutkan itu ada di tangan orang lain, maka saya tidak akan mahu memutuskan hukumnya." Beliau berkata lagi: "Sesuatu itu menjadi milik pihak yang mempunyai saksi yang lebih adil dan lebih soleh." Sedangkan al-Auza'i berpendapat barang itu diberikan kepada pihak yang lebih banyak mempunyai bukti. Diceritakan pula bahawa al-Sya'bi berpendapat barang itu bergantung kepada orang yang lebih banyak mempunyai saksi.

Menurut pensyarah kitab ini, al-Sya'bi seolah-olah mengikuti cara 'Ali bin Abu Thalib (r.a) dalam memutuska perkara seperti ini.

٢٥٦- وَعَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ حَلَفَ عَلَى مِنْبَرِي هَذَا بِيَمِينٍ آثِمَةٍ تَبَوَّأَ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

256. Daripada Jabir (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barangsiapa bersumpah di atas mimbarku ini dengan sumpah palsu, maka bersiap-siaplah dia dengan tempat tinggalnya di dalam neraka." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud dan al-Nasa'i serta dinilai sahih oleh Ibn Hibban: 1443).

**Makna Hadis**

Allah (s.w.t) memuliakan beberapa tempat antara lain Makkah dan Madinah dan memuliakan beberapa masa antara lain bulan Ramadhan dan hari kesepuluh bulan Zulhijjah serta memuliakan sebahagian air seperti zamzam. Allah (s.w.t) berfirman:

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ ٱلَّذِى جَعَلْنَٰهُ لِلنَّاسِ سَوَآءً ٱلْعَٰكِفُ فِيهِ وَٱلْبَادِ ۚ وَمَن يُرِدْ فِيهِ بِإِلْحَادٍۭ بِظُلْمٍ نُّذِقْهُ مِنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢٥﴾

"*Sesungguhnya (amatlah zalim) orang-orang yang kafir serta menghalangi manusia dari jalan Allah (agama Islam), dan dari memasuki Masjid al-Haraam (Makkah) yang Kami jadikan dia tempat beribadat untuk seluruh umat manusia (yang beriman) - sama ada yang tinggal menetap di situ atau yang datang berziarah; dan sesiapa yang berazam melakukan di situ sebarang perbuatan yang di larang dengan cara yang zalim, Kami akan merasakannya azab yang tidak terperi sakitnya.*" (Surah al-Hajj: 25)

Allah menegaskan berumrah di bulan Ramadhan sama pahalanya dengan berhaji dan menjadikan zamzam sebagai minuman yang memiliki fungsi sebagai makanan dan penawar bagi segala penyakit, bahkan ada sebahagian ulama yang melarang beristinjak dengan air zamzam.

Hadis ini menyatakan keistimewaan mimbar Rasulullah (s.a.w) di mana seseorang yang bersumpah palsu di mimbar itu, maka baginya disiapkan kerusi di dalam neraka.

**Analisis Lafaz**

"آثمة", dusta dan makna asalnya ialah berdosa. Abu Dawud dan menambahkan: sekalipun hanya untuk sebatang kayu siwak yang masih berwarna hijau.

"تبوّأ", maksudnya bertempat tinggal.

**Fiqh Hadis**

Adalah bosa besar bagi orang yang bersumpah di atas mimbar Rasulullah (s.a.w) sedangkan sumpah itu bohong. Hadis ini dijadikan landasan oleh jumhur ulama untuk membolehkan pemberatan sumpah, iaitu orang yang bersumpah di tempat atau pada waktu yang mulia seperti masjid, mimbar dan tanah haram, atau hari Jumaat dan setelah mengerjakan solat Ashar.

Tempat mulia yang dijadikan sebagai tempat bersumpah adalah berlandaskan hadis ini dan hadis Abu Umamah yang diriwayatkan oleh al-Nasa'i dengan periwayat yang tsiqah. Waktu mulia yang dijadikan sebagai waktu bersumpah adalah berlandaskan firman Allah (s.w.t):

..... تَحْبِسُونَهُمَا مِنۢ بَعْدِ ٱلصَّلَوٰةِ فَيُقْسِمَانِ بِٱللَّهِ إِنِ ٱرْتَبْتُمْ لَا نَشْتَرِى بِهِۦ ثَمَنًا وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ ۙ وَلَا نَكْتُمُ شَهَـٰدَةَ ٱللَّهِ إِنَّآ إِذًا لَّمِنَ ٱلْـَٔاثِمِينَ ﴿١٠٦﴾

"*…Kalau kamu ragu-ragu tentang kejujuran kedua saksi itu, hendaklah) kamu tahan mereka sesudah selesai sembahyang, kemudian mereka (disuruh) bersumpah dengan nama Allah (dengan berkata: "Demi Allah) kami tidak akan menjual sumpah kami untuk mendapat sesuatu harta benda, walaupun orang itu dari kaum kerabat, dan kami tidak menyembunyikan (keterangan yang kami ketahui) sebagai saksi (sebagaimana yang diperintahkan oleh) Allah, (kerana jika kami menyembunyikannya) tentulah kami dengan itu termasuk dalam golongan orang-orang yang berdosa".*" (Surah al-Ma'idah: 106)

Solat di sini ditafsirkan sebagai solat aAshar. Selain ayat ini, mereka juga berdalil dengan hadis Abu Hurairah (r.a). Jumhur ulama mengatakan bahawa 'Umar, 'Usman, Ibn 'Abbas dan ulama salaf yang lain turut melakukan tindakan yang sama.

Mazhab Hanafi pula berpendapat bahawa tidak boleh bersumpah pada waktu atau di tempat tertentu dan seseorang yang diminta bersumpah seperti tidak wajib mengabulkan permintaan itu. Inilah pendapat al-Bukhari jika diteliti biografinya.

Ulama bersepakat jika orang yang bersumpah itu kafir zimmi, maka tidak ada salahnya memberatkan sumpah mereka dengan menyuruh mereka bersumpah pada waktu atau di tempat yang dimuliakan.

٢٥٧- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "ثَلَاثَةٌ لَا يُكَلِّمُهُمُ اللهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا يَنْظُرُ إِلَيْهِمْ وَلَا يُزَكِّيهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ: رَجُلٌ عَلَى فَضْلِ مَاءٍ بِالْفَلَاةِ يَمْنَعُهُ مِنِ ابْنِ السَّبِيلِ؛ وَرَجُلٌ بَايَعَ رَجُلاً بِسِلْعَةٍ بَعْدَ الْعَصْرِ فَحَلَفَ لَهُ بِاللهِ: لَأَخَذَهَا بِكَذَا وَكَذَا، فَصَدَّقَهُ وَهُوَ عَلَى غَيْرِ ذَلِكَ؛ وَرَجُلٌ بَايَعَ إِمَامًا لَا يُبَايِعُهُ إِلَّا لِلدُّنْيَا، فَإِنْ أَعْطَاهُ مِنْهَا، وَفَى، وَإِنْ لَمْ يُعْطِهِ مِنْهَا، لَمْ يَفِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

257. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Pada hari kiamat kelak, ada tiga kumpulan yang tidak diajak bercakap, tidak dipadang dan tidak disucikan daripada dosa oleh Allah malah bagi mereka seksa yang pedih. Mereka adalah; pertama, seorang lelaki yang mempunyai lebihan air di padang tandus, namun dia tidak mahu memberi minum orang lain yang sedang dahaga ketika berada di perjalanan; kedua, seorang lelaki yang menjual kepada orang lain barang daganganya setelah waktu Ashar di mana dia bersumpah bahawa demi Allah dia membeli barang itu seharga ini dan itu dan orang lain itu mempercayainya padahal penjual itu berbohong; ketiga, seorang lelaki yang membai'at seorang pemimpin hanya kerana ada kepentingan duniawi; jika matlamatnya itu tercapai, maka dia mengucapkan janji setia, namun jika tidak, dia tidak mahu mengucapkan setia." (Muttafaq 'alaih: 1444).

**Makna Hadis**

Ada tiga perbuatan yang dilaknat dan dimurkai oleh Allah dan sesiapa pun yang melakukannya, Allah tidak akan melihatnya dengan pandangan rahmat, tidak membersihkannya daripada dosa dan baginya azab yang pedih. Mereka ialah:

1. Seseorang yang mempunyai lebihan air namun tidak mahu memberi kepada orang yang memerlukannya.
2. Seorang pedagang yang bersumpah palsu pada waktu setelah solat 'Ashar lalu bersumpah bahawa barangnya itu dibeli sekian dengan tujuan menipu pembeli supaya mendapat laba yang besar.
3. Seseorang yang membai'at seorang pemimpin hanya untuk kepentingan duniawi. Jika kepentingan itu tercapai, dia setia dan jika tidak, dia tidak setia kepada pemimpin itu.

**Analisis Lafaz**

"ولا ينظر إليهم", tidak dipandang dengan pandangan rahmat. Ini merupakan bukti Allah sangat murka. Allah mengharamkan rahmat yang diberikan kepada sekalian hamba-Nya.

"يزكّيهم", membersihkan mereka daripada dosa.

"فضل ماء", lebihan air.

"بالفلاة", padang tandus. Ini merupakan perumpamaan bagi orang yang amat memerlukan air.

"لأخذها", huruf lam disini gunanya sebagai *lam ta'kid* (menguatkan kata-kata) setelah adanya *qasam* (sumpah).

"للدنيا", kerana mengejar kepentingan duniawi.

**Fiqh Hadis**

1. Amaran bagi sesiapa pun yang melakukan salah satu perbuatan yang disebutkan dalam hadis ini.
2. Sumpah yang dilakukan selepas solat Ashar adalah sumpah yang paling berat. Hadis ini menunjukkan memberatkan sumpah dengan waktu hukumnya dibolehkan seperti mana yang difatwakan oleh jumhur ulama.

**Penting!**

Ada tiga golongan yang wajib dijauhi yang antara lain adalah sebagi berikut:

Hadis yang diriwayatkan Muslim dengan lafaz:

شَيخٌ زَانَ وَمَلِكٌ كَذَّابٌ وَعَائِلٌ مُستَكبِرٌ.

"Orang tua penzina, penguasa pembohong dan orang miskin yang sombong."

Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dzar dengan lafaz:

المَنَّانُ الَّذِى لَا يُعطِى شَيئًا إِلَّا مَنَّهُ وَالمُنفِقُ سِلعَتَهُ بِالحَلفِ الفَاجِرِ وَالمُسبِلُ إِزَارَهُ.

"Orang yang gemar mengungkit pemberiannya, orang yang menafkahkan barang daganganya dengan cara sumpah palsu dan orang yang melabuhkan sarung."

Hadis marfu' yang dikeluarkan oleh al-Bazzar daripada Ibn Umar (r.a):

ثَلَاثَةٌ لَا يَنظُرُ اللهُ إِلَيهِم يَومَ القِيَامَةِ : العَاقُّ لِوَالِدَيهِ وَمُدمِنُ الخَمرِ وَالمَنَّانُ.

"Pada hari kiamat kelak ada tiga golongan yang tidak dipandang oleh Allah. Mereka ialah orang yang derhaka kepada kedua ibu bapanya, orang yang ketagih minum arak dan orang yang selalu mengungkit pemberiannya." (Perawinya tsiqah).

Hadis marfu' daripada Abdullah bin 'Amr bin al-'Ash yang dikeluarkan oleh al-Thabarani dalam kitabnya al-Awsath:

ثَلَاثَةٌ لَا يَنظُرُ اللهُ إِلَيهِم يَومَ القِيَامَةِ وَلَا يُزَكِّيهِم وَلَهُم عَذَابٌ أَلِيمٌ : رَجُلٌ أَتَى قَومًا عَلَى إِسلَامٍ دَامِجٍ – مُجتَمِعٍ – فَشَقَّ عَصَاهُم حَتَّى استَحَلُّوا المَحَارِمَ وَسُلطَانٌ جَائِرٌ قَالَ مَن اَطَاعَنِي فَقَد أَطَاعَ اللهَ وَمَن عَصَانِي فَقَد عَصَى اللهَ.

"Pada hari kiamat kelak ada tiga orang yang tidak dipandang dan tidak disucikan oleh Allah daripada dosa. Mereka ialah seseorang yang mendatangi suatu kaum

sedangkan keislaman sedang mengalami surut lalu dia memecahkan perpaduan mereka sehingga menghalalkan yang diharamkan. Seorang pemimpin zalim yang berkata: "Barangsiapa taat kepadaku, maka sama dengan taat kepada Allah dan barangsiapa maksiat kepadaku, maka sama dengan maksiat kepada Allah." Sufyan al-Tsauri tidak menyebutkan golongan ketiga. Ulama berbeza pendapat tentang kedudukan hadis ini.

Masih banyak lagi hadis-hadis yang serupa dengan ini, malah al-Shan'ani menghitungnya hingga sembilan atau sepuluh hadis yang sejenis, meskipun jumlah ini masih belum tepat.

٢٥٨- وَعَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَجُلَيْنِ اخْتَصَمَا فِي نَاقَةٍ، فَقَالَ: كُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمَ انُتِجَتْ عِنْدِي، وَأَقَامَا بَيِّنَةً، فَقَضَى بِهَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِمَنْ هِيَ فِي يَدِهِ.

258. Daripada Jabir (r.a) bahawa ada dua orang lelaki yang bertengkar merebutkan seekor unta. Masing-masing mereka mendakwa: "Unta ini dihasilkan semasa aku pelihara." Kedua-duanya mengemukakan bukti atas dakwaannya. Rasulullah (s.a.w) pun memutuskan untuk memberi unta itu kepada orang yang memeliharanya. (1445).

**Makna Hadis**

Jika ada dua orang yang bersengketa tentang sesuatu dan mereka sama-sama mempunyai bukti, sedangkan sesuatu yang diperebutkan itu ada di tangan salah seorang daripada keduanya, maka orang yang memegang sesuatu itulah yang lebih berhak terhadap sesuatu itu, kerana dengan adanya benda itu di tangannya, maka itu merupakan bukti yang barang itu miliknya. Keputusan itu berlandaskan perkiraan yang kuat (*zhann*), kerana iaa boleh diterapkan ketika mengambil keputusan hukum.

**Analisis Lafaz**

"اختصما", bersengketa.

"نتجت", menggunakan huruf nun dibaca dhammah, huruf ta' dibaca kasrah dan jim dibaca fathah, dihasilkan.

"وأقاما بينة", keduanya mengajukan bukti. Dalam lafaz hadis yang lain, kalimat ini tidak di sebutkan, namun kuat dugaan bahawa keduanya membawa saksi.

## Fiqh Hadis

Jika ada dua orang yang merebutkan sesuatu dan keduanya sama-sama mempunyai bukti sedangkan barang yang direbutkan ada di tangan salah seorang daripada keduanya, maka orang yang memegang barang itulah yang lebih berhak dengannya. Inilah pendapat Malik dan al-Syafi'i. Menurut Imam Ahmad pula barang yang tidak ada di tangan seseorang maka dia berhak mengambilnya kerana bukti merupakan tanggung jawab orang yang mendakwa dan bukti yang diajukan orang yang mengingkarinya tidak lagi berguna. Dalam masalah ini, ada beberapa atsar daripada 'Ali (r.a) namun ia tidak sahih. Al-Shan'ani berkata: "Dalam masalah ini, mazhab Hanafi turut mengemukakan pandangannya namun itu tidak disertai dalil."

## Tambahan

Setelah menyampaikan hadis tersebut, Ibn Hajar mengatakan hadis itu diriwayatkan oleh al-Daruquthni dan menurutnya sanad hadis ini dha'if kerana menurut al-Shan'ani di tengah-tengah sanadnya terdapat nama Muhammad bin Masruq yang mengambil riwayat daripada Ishaq bin al-Furat. Muhammad bin Masruq sendiri seorang yang tidak dikenali sedangkan Ishaq pula seorang yang masih dipertikai.

Dalam kitab al-Kasyif, al-Zahabi mengatakan Ishaq bin al-Furat adalah hakim di Mesir dan seorang masyhur serta tsiqah. Menurut al-Shan'ani, al-Baihaqi turut mengeluarkan hadis ini namun tidak menilainya dha'if, bahkan al-Syafii menurut al-Baihaqi turut mengeluarkan hadis ini dan tidak menilainya dha'if.

Menurut pensyarah kitab ini, apa yang dikatakan al-Shan'ani itu perlu dikaji semula. Pertama, hadis ini mempunyai dua sanad. Kedua, tidak ada nama yang didakwa majhul oleh al-Shan'ani itu. Sanad pertama diriwayatkan oleh al-Syafi'i daripada Yahya bin Abu Yahya daripada Ishaq bin Abu Farwah daripada Umar bin al-Hakam daripada Jabir bin Abdullah. Sanad kedua diriwayatkan oleh Zaid atau Yazid bin Nu'aim daripada Muhammad bin al-Hasan daripada Abu Hanifah daripada Haitsam al-Shayrafi daripada al-Sya'bi daripada Jabir.

Sanad pertama dikelurakan oleh al-Baihaqi, sedangkan sanad kedua dikeluarkan oleh al-Baihaqi dan al-Daruquthni.

Ibn al-Turkumani berkata: "Di dalam sanad pertama terdapat nama Ibn Abu Yahya, seorang yang dikenal. Gurunya bernama Ishaq bin Abi Farwah yang dinilai dha'if oleh al-Baihaqi, bahkan Murrah mengatakan dia seorang *matruk*. Sedangkan di dalam sanad kedua terdapat nama Zaid bin Nu'aim, seorang yang majhul. Pengarang kitab al-Mizan mengatakan hanya di dalam hadis ini ada nama Zaid ini. Hadis ini gharib."

Menurut pensyarah kitab ini, orang yang disebut oleh al-Zahabi dalam kitab al-Tawtsiq ialah al-Tujaibi al-Kindi. Beliau mengambil hadis daripada

Malik dan ulama yang sezaman dengan Malik. Al-Tujibi bukan periwayat hadis ini, meskipun kelihatannya beliau dikira Ishaq bin Abu al-Furat yang biografinya ada dalam kitab al-Tahdzib. Beliau satu zaman dengan Ishaq, namun namanya tidak diketahui seperti mana dikatakan oleh Maslamah bin Qasim.

Sanad kedua pula pengarang kitab al-Ta'liq al-Mugni memberi komentar tentang Yazid bin Nu'aim. Beliau berkata: "Saya melihat beberapa catatan bahawa Ibn al-Qatthan berkata Yazid seorang yang tidak diketahui." Sedangkan dalam kitab al-Mizan, al-Zahabi mengungkapkan satu komentar yang seolah-olah beliau tidak sependapat dengan apa yang dikemukakan oleh Ibn al-Turkumani.

Pengarang kitab al-Ta'liq itu memiliki tekad untuk menilai dha'if hadis ini lantaran ada hadis lain yang dikeluarkan oleh Abu Musa. Di dalam hadis itu dikatakan Rasulullah (s.a.w) membahagikan sesuatu yang direbutkan itu menjadi dua bahagian. Namun, apa yang dilakukan oleh pengarang kitab al-Ta'liq ini tidak benar, kerana tidak ada dalil yang menunjukkan kisah itu hanya sama.

Kini tinggal satu permasalahan iaitu menjawab komentar al-Shan'ani. Dua periwayat yang disebut oleh al-Shan'ani ada dalam hadis tentang pengembalian sumpah kepada orang yang menuntut hak dan ia akan dibahas berikut ini.

٢٥٩- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَدَّ الْيَمِينَ عَلَى طَالِبِ الْحَقِّ. رَوَاهُمَا الدَّارَقُطْنِيُّ، وَفِي إِسْنَادِهِمَا ضَعْفٌ.

259. Daripada Umar (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah mengembalikan sumpah kepada penuntut hak. (Kedua-dua hadis ini (hadis no.258 dan no. 259) diriwayatkan oleh al-Daruquthni, namun di dalam sanad keduanya ada unsur dha'if: 1446).

**Makna Hadis**

Orang mendakwa wajib mempunyai bukti dan orang yang mengingkari dakwaan mesti bersumpah. Jika orang yang didakwa tidak mahu bersumpah, maka sumpah itu dikembalikan kepada penuntut hak. Jika penuntut hak ini menggunakan sumpah itu, maka dialah yang berhak ke atas apa yang dia dakwa itu.

**Analisis Lafaz**

"ردّ", mengembalikan. Perkataan ini menunjukkan pihak pendakwa pada mulanya tidak bersumpah kecuali jika pihak terdakwa mengelak untuk bersumpah.

"وفى إسنادهما ضعف", dalam sanad keduanya ada unsur dha'if seperti mana yang dijelaskan dalam kitab Zawa'id al-Ajza' al-Mantsurah. Hadis ini dikeluarkan oleh al-Daruquthni, al-Hakim dan al-Baihaqi. Semuanya mengambil sanad daripada Sulaiman bin Abdurraman daripada Muhammad bin Masruq daripada Ishaq bin al-Furat daripada al-Laits daripada Nafi' daripada Ibn 'Umar. Al-Hakim menilainya sahih. Dalam kaitan ini, al-Zahabi berkomentar dalam kitabnya al-Ta'liq: "Saya tidak mengenali Muhammad dan saya khuatir ini merupakan satu kesalahan. Komentar ini diambil dari kitab al-Dark bi Takhrij al-Mustadrak.

Dalam kitab al-Talkhis, al-Hafiz berkata: "Muhammad bin Masruq seorang yang tidak diketahui, sedangkan Ishaq pula masih dipertikai. Hadis ini diriwayatkan oleh Tammam dalam kitabnya al-Fawa'id dari jalur lain yang sampai kepada Nafi'."

Menurut pensyarah kitab ini, al-Hafiz sebenarnya mengada-ada. Ini kerana Tammam juga mengeluarkan hadis itu melalui jalur yang sama daripada Sulaiman bin Abdurraman. Tammam setelah menyampaikan hadis ini mengutip perkataan al-Mundziri, beliau berkata: "Ishaq seperti mana yang dikatakan oleh Ibn Yunus dalam hadis-hadisnya: 'Ada beberapa hadis seolah-olah ia munqalib'." Kecacatan itu muncul daripada Muhammad sedangkan Ishaq pula maka jumhur ulama bersepakat untuk mempercayai riwayatnya.

**Fiqh Hadis**

Mengembalikan sumpah kepada orang yang menuntut hak adalah wajib apabila pihak yang didawka tida mahu bersumpah. Imam al-Syaf'ii dan al-Qadhi Syuraih berpendapat jika pihak yang didakwa tidak mahu bersumpah, maka orang yang mendawa tidak boleh mengambil haknya sebelum bersumpah. Dengan cara itu, dia barulah berhak ke atas apa yang dia sumpahkan.

Al-Baihaqi berkata: "Dalam masalah ini hendaklah kita berpegang dengan hadis-hadis *qasamah* di mana disebutkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda kepada wali yang sedarah: "Apakah kamu bersumpah?" Mereka tidak mahu bersumpah. Rasulullah (s.a.w) pbersabda: "Adakah tuan menyuruh orang Yahudi bersumpah."

Ada beberapa ulama yang berpendapat bahawa jika orang yang didakwa itu tidak mahu bersumpah, maka hak itu jatuh kepada orang yang mendakwa tanpa harus memaksakan dirinya bersumpah. Pendapat ini berlandaskan amalan para sahabat seperti Umar bin al-Khatthab, Utsman bin 'Affan, Ibn Abbas dan Abu Musa al-Asy'ari.

٢٦٠- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: دَخَلَ عَلَيَّ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ مَسْرُورًا، تَبْرُقُ أَسَارِيرُ وَجْهِهِ. فَقَالَ: "أَلَمْ تَرَيْ إِلَى مُجَزِّزٍ الْمُدْلِجِيِّ؟ نَظَرَ

آنِفًا إِلَى زَيْدِ بْنِ حَارِثَةَ وَأُسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ، فَقَالَ: " هَذِهِ أَقْدَامٌ بَعْضُهَا مِنْ بَعْضٍ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

260. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: “Pada suatu hari, Rasulullah (s.a.w) datang kepadaku dengan penuh gembira di mana wajah baginda amat ceria.” Baginda bertanya: “Tidakkah kamu melihat si penakluk dari suku Mudlij?” Rasulullah (s.a.w) baru sahaja melihat Zaid bin Haritsah dan Usamah bin Zaid. Baginda bersabda: “Kaki-kaki ini selalu saling membantu antara satu sama lain.” (Muttafaq ‘alaih: 1447).

**Makna Hadis**

Abu Dawud berkata: “Ahmad bin Shalih menukil riwayat tentang pakar nasab pada masa Jahiliah di mana mereka meneka siapa nasab sebenar Usamah bin Zaid. Ini kerana Usamah seorang yang berkulit hitam legam, sedangkan datuknya, iaitu ayah kepada Zaid malah berkulit putih. Sebelum diharamkan pengangkatan anak, Rasulullah (s.a.w) pernah mengangkat Zaid sebagai anak hingga orang ramai beranggapan: “Zaid itu anak Muhammad.” Baginda amat mencintai anak angkatnya itu bahkan anak kepada anak angkat itu juga amat dicintai baginda, sehingga ada yang beranggapan: “Usamah adalah buah hati Rasulullah (s.a.w). Setiap kali mendengar ungkapan itu, baginda pun amat bergembira.

Apapun, bukankah isteri Zaid adalah orang Habsyah? Jadi tidak aneh jika Usamah berkulit hitam. Bukankah orang hitam akan melahirkan orang hitam meskipun suaminya berkulit putih. Dalam kitab Fath al-Bari, Ibn Hajar berkata: “Ada kemungkinan isteri Zaid itu bernama Shafiyyah yang berkulit hitam, sehingga anaknya pun berkulit hitam.”

**Analisis Lafaz**

“تَبْرُق”, huruf ta’ dibaca fathah, huruf ba’ dibaca sukun dan huruf ra’ dibaca dhammah, yakni berbinar.

“مُجَزِّز” atau “مُجَزَّز” namun lafaz yang pertama adalah yang betul. Pada zaman Jahiliah apabila ada orang yang berjaya menangkap tawanan, ubun-ubun tawanan itu dipegang lalu dibebaskan. Tawanan itu bernama Ibn al-A’war bin Ju’dah al-Mudliji.

“المدلجى”, suku Mudlij.

“آنفا”, tadi.

**Fiqh Hadis**

Qiyafah boleh dijadikan sebagai landasan untuk menetapkan nasab seseorang. Inilah pendapat Malik, al-Syafi'i dan jumhur ulama dengan berdalil kepada hadis di atas dan perkataan Umar bin al-Khatthab, Ibn Abbas dan Anas dan tidak ada seorang ulama pun yang menentang perkataan mereka. Demikian pula mereka berdalil dengan hadis li'an dalam kisah Ibn Zam'ah.

Mazhab Hanafi tidak menjadikan qiyafah sebagai landasan untuk menetapkan nasab. Jadi anak yang direbutkan hendaklah anak itu menjadi milik kedua belah pihak yang merebutkan.

**Soalan**

1. Apakah takrif dakwa dan bukti?
2. Lanjutkan hadis berikut ini dan bincangkan maksudnya: "لو يعطى الناس بدعواهم..."?
3. Apakah hikmah di sebalik ketentuan bukti dibebankan kepada orang yang mendakwa dan sumpah dibebankan kepada orang ingkar? Benarkah demikian?
4. Apakah hukum apabila suatu kaum berebut untuk bersumpah?
5. Sebutkan lafaz daripada satu atau beberapa hadis tentang dosa orang yang bersumpah palsu dengan tujuan mengambil hak orang lain dengan sumpah itu!
6. Bagaimanakah hukum jika ada dua orang yang berebut suatu barang, sedangkan barang itu tidak ada di tangan mereka dan masing-masing tidak mempunyai bukti?
7. Bolehkah memberatkan sumpah dan jika dibolehkan maka apa pula dalilnya?
8. Sebutkan lafaz hadis marfu' daripada Abu Hurairah: "ثلاثة لا يكلهم الله يوم القيامة..." dan syarahkan kalimat-kalimat dalam hadis ini!
9. Jika ada dua orang bersengketa untuk merebutkan sesuatu barang, sedangkan keduanya mempunyai bukti dan barang yang direbutkan itu ada di tangan salah seorang daripada keduanya, maka bagaimanakah hukumnya?
10. Sahihkah hadis Jabir yang membincangkan tentang dua orang yang merebutkan unta, sedangkan unta itu ada di tangan salah seorang daripada keduanya, lalu Rasulullah (s.a.w) memutuskan bahawa unta itu milik orang yang memegangnya, kenapakah sebab baginda memutuskan hukum demikian?
11. Apakah maksud hadis yang mengatakan Rasulullah (s.a.w) mengembalikan sumpah kepada orang yang menuntut hak?

12. Sahihkah hadis yang mengembalikan sumpah kepada orang yang menuntut hak?
13. Apakah pendapat ulama tentang mengembalikan sumpah kepada orang yang menuntut hak ini?
14. Sebutkan satu hadis yang mengatakan qiyafah boleh dijadikan dalam menetapkan nasab atau keturunan seseorang!
15. Apa pendapat ulama tentang masalah qiyafah yang boleh dijadikan untuk menetapkan nasab ini?

# KITAB MEMERDEKAKAN HAMBA SAHAYA

# KITAB MEMERDEKAKAN HAMBA SAHAYA

Memerdekakan dalam bahasa Arab yang asal kata kerjanya adalah "عتق عتقا فهو عتيق وعاتق" yang bermaksud bebas daripada perhambaan. Jamak *'atiq* adalah *'utaqa'* dan jamak *'atiqah* adalah *'ata'iq*. Memerdekakan hamba mengikut syarak pula adalah menggugurkan kepemilikian terhadap manusia yang ada kalanya menggugurkan kepemilikan itu bersifat wajib ataupun sunat.

٢٦١- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَيُّمَا امْرِئٍ مُسْلِمٍ أَعْتَقَ امْرَأً مُسْلِماً، اِسْتَنْقَذَ اللهُ بِكُلِّ عُضْوٍ مِنْهُ عُضْوًا مِنْهُ مِنَ النَّارِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

261. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Mana-mana muslim yang memerdekakan seorang muslim, maka dengan sejumlah anggota badan orang yang dimerdekakan itu, sejumlah itu pula anggota badannya dibebaskan oleh Allah daripada api neraka." (Muttafaq 'alaih: 1448).

**Makna Hadis**

Allah (s.w.t) sentiasa menggalakkan umat manusia membebaskan perhambaan seperti mana dalam firman-Nya:

فَلَا ٱقْتَحَمَ ٱلْعَقَبَةَ ﴿١١﴾ وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا ٱلْعَقَبَةُ ﴿١٢﴾ فَكُّ رَقَبَةٍ ﴿١٣﴾

"*Dalam pada itu manusia tidak (memilih jalan kebaikan) merempuh masuk mengerjakan amal-amal yang tinggi darjatnya di sisi Tuhan; Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui: apa dia amal-amal yang tinggi darjatnya di sisi Tuhan itu? (Di antara amal-amal itu - bagi orang yang mampu) ialah: memerdekakan hamba abdi;*" (Surah al-Balad: 11-13)

Untuk memastikan galakan dilaksanakan, Allah (s.w.t) mensyari'atkan kifarat dengan cara memerdekakan hamba sahaya sekali gus dinyatakan bahawa memerdekakan seorang hamba menjadikan orang yang memerdekakannya dibebaskan daripada api neraka. Rasulullah (s.a.w) dan sahabatnya paling gemar memerdekakan hamba sahaya. Pengarang kitab al-Najm al-Wahhaj mengatakan Rasulullah (s.a.w) memerdekakan hamba sahaya seramai enam puluh tiga orang sama dengan hitungan usianya. Aisyah (r.a) memerdekakan seramai enam puluh tujuh hamba sahaya sama dengan hitungan umurnya. Al-'Abbas memerdekakan seramai tujuh puluh hamba sahaya seperti mana yang diriwayatkan oleh al-Hakim. Abu Bakar dan Utsman bin 'Affan pula banyak memerdekan hamba sahaya. Hakim bin Hizam memerdekakan seramai seratus hamba sahaya. Abdullah bin 'Umar memerdekakan seramai seribu hamba sahaya. Zul Kila' al-Himyari memerdekakan lapan ribu hamba sahaya dan Abdurahman bin 'Awf memerdekakan tiga puluh ribu hamba sahaya.

**Analisis Lafaz**

"استنقذ", menyelamatkan.

"عضو", huruf 'ain dibaca dhammah atau dibaca kasrah.

**Fiqh Hadis**

1. Ganjaran pahala yang besar bakal diperoleh oleh orang yang memerdekakan hamba sahaya sekali gus menyelamatkan dirinya daripada api neraka.
2. Memerdekakan orang kafir tidak dapat membebaskan seseorang daripada api neraka.
3. Memerdekakan seluruh anggota badan hamba sahaya lebih baik daripada memerdekakan sebahagiannya sahaja.

٢٦٢- وَلِلتِّرْمِذِيِّ وَصَحَّحَهُ عَنْ أَبِي أُمَامَةَ: "وَأَيُّمَا امْرِئٍ مُسْلِمٍ أَعْتَقَ امْرَأَتَيْنِ مُسْلِمَتَيْنِ، كَانَتَا فِكَاكَهُ مِنَ النَّارِ".

262. Al-Tirmizi juga mempunya hadis yang dinilainya sahih daripada Abu Umamah (r.a): "Mana-mana muslim yang memerdekakan dua orang perempuan muslimah, maka dua perempuan itu akan menjadi penebus dirinya daripada neraka. (1449).

٢٦٣- وَلِأَبِي دَاوُدَ: مِنْ حَدِيثِ كَعْبِ بْنِ مُرَّةَ: "وَأَيُّمَا امْرَأَةٍ أَعْتَقَتْ اِمْرَأَةً مُسْلِمَةً، كَانَتْ فِكَاكَهَا مِنَ النَّارِ.

263. Abu Daud pula meriwayatkan daripada hadis Ka'ab bin Murrah (r.a): "Mana-mana perempuan muslimah yang memerdekakan seorang muslimah, maka dia akan menjadi pembebas daripada neraka." (1450).

**Makna Hadis**

Kedua-dua hadis ini menegaskan seberapa besar ganjaran pahala orang yang memerdekakan hamba sahaya perempuan. Seorang lelaki apabila ingin membebaskan dirinya daripada neraka hendaklah memedekakan dua orang hamba perempuan sedangkan seorang perempuan untuk memerdekakan dirinya daripada neraka cukup baginya memerdekakan satu orang hamba perempuan sahaja. Ini kerana dalam banyak kes seperti hukum waris dan kesaksian, kekuatan seorang perempuan sama dengan separuh lelaki.

**Analisis Lafaz**

"فكاكه", melepas ikatan. Jadi, seolah-olah seseorang yang memerdekakan hamba sama dengan memerdekakan dirinya daripada neraka, meskipun sebelumnya dia sudah dipastikan masuk neraka.

**Fiqh Hadis**

1. Seorang muslim lelaki jika ingin memerdekakan dirinya daripada neraka hendaklah memerdekakan du orang hamba perempuan.
2. Sedangkan seorang perempuan jika ingin memerdekakan dirinya daripada api neraka hendaklah memerdekaka satu orang hamba perempuan.
3. Memerdekakan hamba lelaki lebih baik daripada memerdekakan hamba perempuan, kerana memerdekakan lelaki banyak mendatangkan manfaat secara umum di mana dia boleh berjihad, berfatwa dan lain sebagainya.

٢٦٤- وَعَنْ أَبِي ذَرٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ؟ قَالَ: "إِيمَانٌ بِاللهِ وَجِهَادٌ فِي سَبِيلِهِ" . قُلْتُ: فَأَيُّ الرِّقَابِ أَفْضَلُ؟ قَالَ: " أَعْلَاهَا ثَمَنًا وَأَنْفَسُهَا عِنْدَ أَهْلِهَا". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

264. Daripada Abu Dzar (r.a), beliau berkata: "Saya pernah bertanya kepada Rasulullah (s.a.w): Manakah amal yang paling afdhal?" Baginda menjawab: "Beriman kepada Allah dan berjihad di jalan-Nya." Aku bertanya lagi: "Manakah hamba sahaya yang paling afdhal?" Baginda menjawab: "Hamba sahay yang paling mahal harganya dan yang paling disayangi oleh pemiliknya." (Muttafaq 'alaih: 1451).

### Makna Hadis

Ulama menegasakan bahawa jawapan Rasulullah (s.a.w) bergantung kepada apa yang ditanya oleh orang yang bertanya. Dalam kaitan ini, baginda mendahulukan beriman kepada Allah dan menjadikannya sebaik-baik amal, kemudian disusuli jihad sebagai amal kedua yang paling afdhal. Hadis ini seolah-olah menjadi sebahagian daripada soalan Abu Dzar. Hadis ini dikeluarkan oleh Ibn Hibban, al-Thabari dan ulama yang lain. Ada banyak soalan yang antara lain tentang siapa mukmin yang paling sempurna, sedekah, solat, para nabi dan adab, perintah dan larangan. Di sini, ditanyakan pula tentang hamba sahaya yang paling baik untuk dimerdekakan.

### Analisis Lafaz

"أغلاها", dalam banyak riwayat, perkataan ini menggunakan huruf ghain, namun ada pula yang menggunakan huruf 'ain. Kedua-dua kata itu memiliki makna yang sama.

"وأنفسها", paling disayangi di mana hati pemiliknya amat menyayanginya.

### Fiqh Hadis

1. Amal merupakan sebahagian daripada iman mengikut pendapat ahli sunnah wal jama'ah. Ada sebahagian ulama yang keliru dengan berpendapat amal tidak sama sekali mempengaruhi iman.
2. Sebaik-baik amal ialah beriman kepada Allah kemudian disusuli berjihad di jalan-Nya.
3. Sebaik-baik hamba sahaya ialah yang harganya paling mahal. Al-Nawawi berkata: "Keutamaan pahala itu diperoleh apabila hamba yang ingin dimerdekakan hanya satu orang. Jika seseorang memiliki wang seribu dirham lalu dia ingin membeli hamba untuk memerdekakannya dan dia terpaksa memilih antara memerdekakan satu orang hamba yang harganya mahal atau dua orang hamba yang harganya murah, maka apa yang lebih afdhal ialah membeli dua orang hamba yang harganya murah." Ibn Hajar memberi komentar dengan mengatakan mengikut pendapat yang zahir ialah permasalahan ini bergantung kepada keadaan

seseorang. Apa yang pasti, semakin banyak manfaat hamba sahaya yang dimerdekakan, maka semakin afdhal dia memerdekakan hamba itu sama ada hamba yang dimerdekakan itu ramai atau sedikit.

٢٦٥- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ أَعْتَقَ شِرْكًا لَهُ فِي عَبْدٍ، فَكَانَ لَهُ مَالٌ يَبْلُغُ ثَمَنَ الْعَبْدِ، قُوِّمَ قِيمَةَ عَدْلٍ، فَأَعْطَى شُرَكَاءَهُ حِصَصَهُمْ، وَعَتَقَ عَلَيْهِ الْعَبْدُ، وَإِلَّا فَقَدْ عَتَقَ مِنْهُ مَا عَتَقَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

265. Daripada Umar (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barangsiapa memerdekakan bahagian yang dia miliki dalam perkongsian hamba sahaya, lalu dia memiliki harta yang senilai satu orang hamba sahaya itu, maka hendaklah hamba sahaya itu dinilai dengan jumlah harga yang dapat dibahagi secara rata, lalu berikanlah kepada rakan-rakan kongsinya itu wang senilai bahagian mereka, lalu, merdekakan hamba sahaya itu seutuhnya. Namun, jika dia tidak mempunya harta sebanyak itu, maka merdekakan hamba sahaya itu pada bahagian yang dimilikinya. (Muttafaq 'alaih: 1452).

٢٦٦- وَلَهُمَا: عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ: "وَإِلَّا قُوِّمَ عَلَيْهِ، وَاسْتُسْعِيَ غَيْرَ مَشْقُوقٍ عَلَيْهِ"، وَقِيلَ: إِنَّ السِّعَايَةَ مُدْرَجَةٌ فِي الْخَبَرِ.

266. Al-Bukhari dan Muslim juga meriwayatkan daripada Abu Hurairah (r.a): "Jika tidak, maka hamba sahaya itu dinilai dan dia disuruh berusaha namun jangan sampai dia dibebani dengan pekerjaan berat." Ada yang mengatakan lafaz "menyuruh berusaha" adalah tambahan dalam hadis ini. (1453).

**Makna Hadis**

Kadang kala ada seorang hamba sahaya yang dimiliki lebih daripada satu orang. Lalu, sebahagian pemiliknya ingin memerdekakannya. Jika dimerdekakan oleh sebahagian tuannnya sahaja, maka merdekalah hamba itu daripada bahagian yang dahulu dimiliki tuan itu.

Hadis ini menunjukkan barangsiapa memerdekakan bahagian yang dia miliki daripada seorang hamba sahaya sedangkan dia mempunya harta, maka hamba itu dinilai dengan harga, lalu merdekakanlah dan berilah para pemilik yang selainnya bahagian mereka masing-masing. Jika tidak mempunyai harta sebanyak itu, maka dia boleh memerdekakan bahagian yang dia miliki sahaja dan hendaklah hamba itu diminta berusaha mencari harta namun tidak sampai pekerjaan itu membuatnya kesusahan.

**Analisis Lafaz**

"من", perkataan ini digunakan untuk orang yang berakal. Jadi, ia tidak mencakup orang gila, orang bodoh, hamba sahaya dan orang sakit.

"شركا", huruf sin dibaca kasrah dan huruf ra' dibaca sukun. Ada riwayat lain yang menggunakan perkataan: "شقصا" dan ada pula riwayat yang menggunakan perkataan: "نصيبا". Ketiga-tiga perkataan ini memiliki maksud yang sama.

"يبلغ العبد", seharga hamba sahaya.

"قُوِّمَ", dihargai atau dinilai seharga…

"عَدل", tidak kurang dan tidak pula berlebihan.

"وعَتَق عليه", orang yang memerdekakannya hanya dirinya sendiri.

"وإلا", jika dia tidak memiliki harta seharga hamba sahaya. "اُستُسعِيَ", dia diminta bekerja mencari wang senilai kadar yang boleh membuatnya merdeka.

"غير مشقوق عليه", tanpa membebaninya. Jika hamba itu tidak mampu berusaha, maka biarlah bahagian tuan yang memerdekkannya itu ditahan dahulu.

Ada yang berpendapat lafaz "menyuruh berusaha" tidak temasuk sebahagian daripada hadis, yakni bukan sabda Rasulullah (s.a.w). Ia merupakan tambahan periwayat, Qatadah. Ibn Hajar membahasnya dalam kitabnya Fath al-Bari. Beliau sependapat dengan al-Bukhari yang mengatakan "menyuruh berusaha" memang betul-betul sebahagian daripada hadis, bahkan kalimat itu marfu'.

**Fiqh Hadis**

Barangsiapa yang ingin memerdekakan bahagiannya pada hamba sahaya yang dimiliki oleh beberapa orang, maka hendaklah hamba itu dinilai dengan harga. Jika pemilik itu mampu membelinya, hendaklah dia membelinya daripada pemilik yang lain, lalu hamba itu dimerdekakan seutuhnya. Namun jika tidak mampu membelinya, maka hamba itu merdeka hanya pada bahagian yang dahulu menjadi milik tuannya itu. Contohnya, jika pemilik hamba itu tiga orang, maka masa bekerja hamba itu dibahagikan tiga; setiap seorang tuan mendapat giliran satu hari. Oleh kerana dia telah merdeka dari salah seorang tuannya, maka ketika dahulu dia harus bekerja selama tiga hari untuk satu pusingan, sekarang dia hanya bekerja dua hari untuk kedua tuannya dan satu hari untuk dirinya sendiri. Namun, jika hamba itu bekerja dalam satu waktu untuk tiga orang tuannya, maka hasil pekerjaannya itu dibahagikan tiga: dua pertiga untuk kedua tuannya dan satu pertiga untuk dirinya sendiri. Inilah pendapat Malik, mazhab Zahiri dan al-Syafi'i.

Sebahagian pengikut mazhab Maliki pula berpendapat bahawa hamba itu tidaklah merdeka melainkan setelah mampu membayar nilai itu. manakala

al-Syafi'i dalam pendapatnya yang lain berpendapat bahawa hamba itu boleh terus merdeka. Jika salah seorang pemilik tidak mempunyai wang sebesar nilai seorang hamba, maka hendaklah hamba itu diminta berusaha mencari wang bagi menutupi harga yang belum boleh dibayar kepada kedua orang tuannya. Pendapat ini berdalil dengan lafaz "disuruh berusaha" dalam hadis tersebut. Dengan demikian, hamba itu sama dengan hamba mukatab. Inilah pendapat yang disokong oleh al-Bukhari.

Ulama mengatakan berusaha mencari wang itu bergantung kepada kemahuan hamba itu seperti mana ditegaskan oleh kalimat yang disebut dalam hadis di atas: "Jangan sampai dia dibebani dengan pekerjaan yang memberatinya." Dengan pemahaman seperti ini tidak ada lagi percanggahan antara kedua-dua hadis tersebut. Denga erti kata lain, jika hamba itu memilih berusaha, maka dia sudah dinyatakan merdeka sama dengan hamba mukatab, namun jika tidak mahu berusaha, maka kemerdekaannya hanya pada bahagian yang menjadi milik tuan yang memerdekakannya itu sahaja. Ini boleh terjadi apabila hamba dimiliki secara berkongsi lebih daripada satu orang tuan. Jika hamba itu milik satu orang tuan sahaja, lalu tuannya ingin memerdekakan sebahagian seorang hambanya, maka menurut jumhur ulama, hamba itu dinyatakan merdeka seutuhnya. Sedangkan Abu Hanifah pula berpendapat hamba itu tetap wajib disuruh memilih antara berusaha mencari wang untuk menebus dirinya atau memilih merdeka separuh dirinya sebagaimana yang diinginkan oleh tuannya.

**Penting!**

Dalam masalah ini, Ishaq membezakan antara lelaki dengan perempuan, namun menurut al-Nawawi, pendapat Ishaq ini tidak boleh dijadikan pegangan.

٢٦٧- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا يَجْزِي وَلَدٌ وَالِدَهُ، إِلَّا أَنْ يَجِدَهُ مَمْلُوكًا فَيُعْتِقَهُ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

267. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Seorang anak tidak akan dapat membalas kebaikan bapanya, melainkan jika dia mendapati bapanya dalam keadaann sebagai hamba sahaya, lalu dia membeli bapanya itu dan terus memerdekakannya." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1454).

**Makna Hadis**

Hadis ini menjelaskan betapa besar hak seorang ayah terhadap anaknya sekali gus menjelaskan betapa besar pahala memerdekakan hamba sahaya. Ibn Hajar menekankan bahawa membeli seorang hamba belum dikatakan dia telah memerdekakannya, namun dia hendaklah terus memerdekakannya. Pendapat

ini perbincangan di kalangan ulama.

**Analisis Lafaz**

"يَجزى", boleh dan cukup.

**Fiqh Hadis**

1. Hadis ini menjelaskan betapa besar jasa seorang ayah terhadap anaknya.
2. Ia turut menjelaskan betapa besar pahala orang yang memerdekakan hamba sahaya.
3. Seorang pemilik hamba sahaya yang dibeli secara kongsi apabila dia memerdekakan bahagiannya pada hamba itu lalu membeli sisa bahagian yang belum merdeka itu daripada rakan kongsinya, maka perbuatan sedemikian belum dikatakan memerdekakan hamba itu melainkan tuannya itu mengucapkan kata-kata yang menunjukkan merdeka kepada hambanya secara rasmi dan barulah hamba itu menjadi medeka. Inilah pendapat mazhab Zahiri. Sedangkan jumhur ulama pula mengatakan hamba itu menjadi merdeka hanya dengan membeli bahagiannya daripada rakan kongsinya.

٢٦٨- وَعَنْ سَمُرَةَ بْنِ جُنْدُبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ مَلَكَ ذَا رَحِمٍ مَحْرَمٍ، فَهُوَ حُرٌّ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ، وَرَجَّحَ جَمْعٌ مِنَ الْحُفَّاظِ أَنَّهُ مَوْقُوفٌ.

268. Daripada Samurah bin Jundub (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barangsiapa memiliki (hamba sahaya) yang mempunyai pertalian keluarga dengan dirinya, maka hamba sahaya itu menjadi merdeka." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Arba'ah, namun beberapa hafiz menilainya mawquf: 1455).

**Makna Hadis**

Perhambaan merupakan bentuk penghinaan dan oleh kerananya, seorang muslim diharamkan memiliki hamba sahaya yang masih mempunyai ikatan kerabat dengannya, kerana akan membuat hamba sahaya itu merasa berduka cita di samping tuannya yang merupakan ahli keluarga hamba itu digalakkan untuk berbuat baik kepadanya dan memerdekakannya.

**Analisis Lafaz**

"رَحِم", asal maksud perkataan ini ialah tempat janin berkembang, namun kemudian digunakan untuk menyebut ahli keluarga.

"مَحرَم", huruf mim dibaca fathah, huruf ha' dibaca sukun dan huruf ra' dibaca fathah. Ada yang mengatakan huruf mim dibaca dhammah, huruf ha' dibaca fathah dan huruf ra' dibaca fathah yang bertasydid. Dalam kitab al-Nihayah disebutkan bahawa dalam ilmu Faraidh, perkataan ini bermaksud ahli keluarga dari pihak perempuan. Mereka adalah orang yang tidak boleh dinikahi, seperti ibu, anak perempuan, saudari perempuan, saudari perempuan sebelah ayah dan saudari perempuan sebelah ibu.

"فهو حُرّ", yakni, hamba itu menjadi merdeka dengan sebab dia masuk ke dalam kepemilikan tuannya.

**Fiqh Hadis**

Barangsiapa memiliki hamba sahaya yang ternyata dia mempunyai pertalian kerabat dengan dirinya, maka hamba sahaya itu menjadi merdeka. Al-Nawawi berkata: "Ulama berbeza tentang kemerdekaan kerabat apabila mereka dimiliki oleh tuannya yang juga memiliki pertalian kerabat dengan dirinyaa. Mazhab Zahiri berpendapat mereka tidak secara automatik menjadi merdeka dan untuk memerdekakannya mestilah ada perkataan yang menunjukkan merdeka daripada tuannya. Pendapat ini berdalil dengan hadis Abu Hurairah sebelum ini.

Jumhur ulama berpendapat jika hamba sahaya itu merupakan orang tua atau datuk kepada tuannya, maka mereka secara automatik menjadi merdeka. Jika mereka merupakan anak atau cucu kepada tuannya, maka ulama berbeza pendapat dalam masalah ini. Imam al-Syafi'i berpendapat selain orang tua ke atas dan anak ke bawah, maka tidak boleh berlaku merdeka secara automatik. Sedangkan Malik bependapat saudara yang menjadi hamba kepada saudaranya sendiri boleh menjadi merdeka secara automatik. Abu Hanifah pula bependapat mereka boleh merdeka jika hamba sahaya itu merupakan kerabat yang menjadi muhrim seperti saudaranya, saudara ibu dan saudara bapak, kecuali anak-anak mereka.

٢٦٩- وَعَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَجُلاً أَعْتَقَ سِتَّةً مَمْلُوكِينَ لَهُ عِنْدَ مَوْتِهِ لَمْ يَكُنْ لَهُ مَالٌ غَيْرَهُمْ، فَدَعَا بِهِمْ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَجَزَّأَهُمْ أَثْلَاثًا، ثُمَّ أَقْرَعَ بَيْنَهُمْ، فَأَعْتَقَ اِثْنَيْنِ، وَأَرَقَّ أَرْبَعَةً، وَقَالَ لَهُ قَوْلاً شَدِيدًا. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

269. Daripada 'Imran bin Hushain (r.a) bahawa ada seorang lelaki ketika hendak meninggal dunia, dia memerdekakan enam orang hamba sahaya miliknya, sedangkan dia tidak mempunyai lagi harta selain keenam-enam orang hamba itu. Rasulullah (s.a.w) memanggil keenam-enam hamba tersebut. Baginda pun membahagi hamba sahaya itu menjadi tiga bahagian, lalu melakukan undian di antara mereka. Akhirnya, baginda memerdekakan dua orang dan membiarkan empat orang yang lain tetap menjadi hamba sahaya dan baginda berkata-kata dengan keras. (Diriwayatkan oleh Muslim: 1456).

**Makna Hadis**

Allah (s.w.t) tidak menerima amal yang dilakukan oleh orang sakit yang sudah mendekati ajal. Ada faktor mengapa amalnya itu tidak diterima lagi di sisi Allah (s.w.t):

a. Orang sakit yang sudah menghampiri ajal sering sekali tidak stabil. Apa-apa yang dia dilakukan sering kali merugikan orang-orang yang ditinggalkannya.
b. Orang yang sudah yakin dia dalam waktu yang tidak lama lagi pasti mati biasanya tidak menginginkan apa-apa lagi yang ada di dunia ini selain amal untuk dirinya. Oleh yang demikian, da berusaha mendermakan apa yang dia miliki dan tidak lagi mempertimbangkan nasib anak cucu dan zuriatnya. Jadi, harta yang dia miliki tidak lain hanyalah sebagai wasiat dan wasiat itupun syaratnya tidak boleh melebihi satu pertiga.

**Analisis Lafaz**

"مال", harta atau apa-apa yang dapat dinilai dengan wang seperti tanah, haiwan ternak atau selainnya.

"فجزّأهم أثلاثا", membahagikan tiga.

"أقرع", mengundi.

"وأرقّ", membiarkan tetap menjadi hamba sahaya.

"وقال قولا شديدا", dalam riwayat Abu Dawud disebutkan Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Andaikata aku menyaksikan keputusan ini sebelum dia dikebumikan, orang itu tidak boleh dikebumikan di kawasan perkuburan kaum muslimin." Baginda bersabda demikian sebagai pengajaran, bukan bermaksud mengeluarkannya daripada agama Islam.

**Fiqh Hadis**

1. Berbuat baik dengan memberi harta yang dilakukan oleh seseorang ketika sedang sakit dianggap sebagai wasiat di mana ia tidak boleh

melebihi satu pertiga. Atas pertimbangan inilah Maik, al-Syafi'i dan Imam Ahmad berfatwa seperti ini. Mereka kemudian berbeza pendapat sama ada harta itu terus dibahagikan tanpa dinilai dengan wang atau dinilai dengan jumlah barang. Imam Malik berpendapat harta itu mesti dinilai dengan wang. Jika hamba itu berjumlah enam orang, maka merdekakanlah sepertiga daripada nilai itu. ada kemungkinan hamba yang dimerdekakan hanya satu orang atau ada pula kemungkinan tiga orang dan itu bergantung kepada nilai hamba itu. Sedangkan ulama yang lain berpendapat hamba itu mesti dihitung dengan jumlah barang. Sedangkan mazhab Hanafi berpendapat hendaklah keenam hamba itu dimerdekakan satu pertiganya dari setiap satu orang mereka. Mereka mengatakan hadis ini bertentangan dengan usul yang menjadi landasan istinbat mereka. Apapun, usul istinbat tidak boleh bercanggah dengan hadis sahih.

2. Jika berlaku kes seperti ini, hendaklah diadakan undian untuk memerdekakan hamba sahaya itu. Inilah pendapat Malik, al-Syafi'i dan Imam Ahmad. Abu Hanifah mengatakan undian untuk memerdekakan hamba hukumnya batil. Satu pertiga daripada sekian hamba itu mestilah dimerdekakan dan mereka diminta berusaha mencari wang untuk memerdekakan diri mereka yang belum dimerdekakan.

**Penting!**

Hadis ini dijadikan dalil untuk tidak membolehkan hamba itu disuruh berusaha mencari wang. Ini kerana andaikan menyuruh hamba berusaha itu disyari'atkan, nescaya dibolehkan bagi setiap hamba itu merdeka sepertiganya dan bagi ahli waris si mati dibolehkan menyuruh berusaha kepada hamba-hamba itu. Apakah menyuruh berusaha itu memang betul terjadi dalam dunia nyata, atau ada nash yang meyuruh berbuat demikian? Ada kemungkinan hadis ini disampaikan sebelum disyari'atkan menyuruh berusaha atau mungkin menyuruh berusaha itu memang sudah disyari'atkan namun tidak untuk masalah semacam ini. Menurut pensyarah kitab ini, jawapan kedua inilah yang betul.

٢٧٠- وَعَنْ سَفِينَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كُنْتُ مَمْلُوكًا لِأُمِّ سَلَمَةَ فَقَالَتْ: أُعْتِقُكَ وَأَشْتَرِطُ عَلَيْكَ أَنْ تَخْدِمَ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا عِشْتَ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ وَالْحَاكِمُ.

270. Daripada Safinah (r.a), beliau berkata: "Dahulu, aku menjadi hamba sahaya kepada Ummu Salamah. Beliau berkata kepadaku: "Kamu memerdekakan dirimu dengan syarat kamu harus menjadi pembantu Rasulullah (s.a.w) sepanjang hidupmu." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud, al-Nasa'i

dan al-Hakim: 1457)

**Makna Hadis**

Ibn Hajar mengemukakan hadis ini untuk menjawab soalan apakah sah membuat syarat dalam memerdekakan hamba sahaya? Ibn Hajar dalam masalah ini adalah tidak ada mengemukakan apa-apa pendapat di mana beliau tidak meneruskan sambungan hadis ini seperti mana dalam riwayat-riwayat yang lain.

**Analisis Lafaz**

"أعتقك و أشترط عليك", aku tidak akan memerdekakanmu kecuali dengan syarat ini.

"ما عشتِ", selagi kamu masih hidup. Lanjutan hadis ini ada dalam riwayat Abu Dawud sebagai berikut:

وَإِن لَم تَشتَرِطِى عَلَيَّ مَا فَارَقتِ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ مَا عِشتِ فَأَعتَقَتنِى وَاشتَرَطَت عَلَيَّ.

"Jika kamu tidak memenuhi syarat itu, maka kamu tidak boleh berpisah dengan Rasulullah (s.a.w) selagi kamu masih hidup. Dia pun memerdekakan diriku dan membuat syarat kepadaku."

**Fiqh Hadis**

Hukum memerdekakan hamba sahaya secara bersyarat adalah sah dan demikian pula menggantungkan kemerdekaan dengan syarat tertentu apabila syarat itu dilaksanakan maka dia pun merdeka. Ini kerana Rasulullah (s.a.w) mengetahui peristiw tersebut dan tidak memberi apa-apa komentar, kerana itu untuk kebaikan dirinya. Atas dasar inilah mazhab Hanafi dan ulama yang lain berpendapat seperti itu seperti mana yang dinukil oleh pengarang kitab Bidayah al-Mujtahid.

Al-Khithabi berkata: "Ini sama dengan janji yang diungkapkan dengan lafaz syarat dan tidak wajib memenuhi janji itu. Kebanyakan ulama fiqh tidak menganggap sah terjadinya syarat setelah hamba itu dimerdekakan, kerana syarat tidak menjadikan hamba itu dimiliki dan manfaat kemerdekaan tidak boleh dimiliki oleh orang lain kecuali dalam masalah sewa atau akad yang seumpamanya.

Menurut pensyarah kitab ini, kebanyakan ulama membolehkan terjadinya syarat sebelum hamba itu dimerdekakan seperti mana yang dijelaskan oleh al-Baghawi dalam Syarah al-Sunnah. Beliau berkata: "Andaikata ada seorang

lelaki berkata kepada seorang hamba sahaya miliknya: "Aku memerdekakanmu dengan syarat kamu menolongku selama sebulan." Hamba itu kemudian menerima syarat tersebut, maka dia pun menjadi merdeka pada saat itu juga dan dia wajib menolong tuannya itu selama satu bulan. Namun andaikata tuan itu berkata: "Dengan syarat kamu mahu menolongku untuk selama-lamanya atau dia berkata: "Dengan syarat kamu mahu menolongku…" Itu saja, lalu hamba itu menerimanya, maka hamba itu menjadi merdeka dengan seketika waktu itu juga dan dia wajib membayar harga kemerdekaannya kepada tuannya yang memerdekakannya. Syarat seperti ini jika disebutkan bersamaan dengan perkataan kemerdekaan, maka wajib hamba itu membayar harga kemerdekaan itu, bukan bantuan yang diminta oleh tuannya di dalam syarat itu. Jika syarat itu diucapkan setelah kemerdekaan, maka hamba itu tida wajib memenuhi syarat itu walau sedikit pun mengikut pendapat ulama fiqh."

٢٧١- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِنَّمَا الْوَلَاءُ لِمَنْ أَعْتَقَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ فِي حَدِيثٍ طَوِيلٍ.

271. Daripada Aisyah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Wala'* itu hanya milik orang yang memerdekakan." (Muttafaq 'alaih dalam hadis yang panjang: 1458).

٢٧٢- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْوَلَاءُ لُحْمَةٌ كَلُحْمَةِ النَّسَبِ؛ لَا يُبَاعُ وَلَا يُوهَبُ". رَوَاهُ الشَّافِعِيُّ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ، وَأَصْلُهُ فِي "الصَّحِيحَيْنِ" بِغَيْرِ هَذَا اللَّفْظِ.

272. Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) berabda: "*Wala'* itu adalah satu ikatan yang sama dengan ikatan nasab; tidak boleh dibeli dan tidak boleh dihibahkan." (Diriwayatkan oleh al-Syafi'i, dinilai sahih oleh Ibn Hibban dan al-Hakim. Asal riwayat ini ada di dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim dengan lafaz yang berlainan: 1459).

Perbahasan kedua hadis ini telah dikemukakan dalam bab jual beli.

**Soalan**

1. Apakah takrif memerdekakan hamba sahaya?
2. Tahukah kamu apa yang dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w) dan sahabatnya tentang memerdekakan hamba sahaya?
3. Sebutkan hadis yang menjelaskan keutamaan memerdekakan hamba sahaya!

4. Mana yang lebih afdhal antara memerdekakan hamba lelaki dengan hamba perempuan?
5. Hamba yang bagaimanakah yang lebih diutamakan untuk dimerdekakan?
6. Sebutkan pendapat al-Nawawi tentang keutamaan memerdekaan hamba sahaya dan sebutkan pula komentar Ibn Hajar dalam masalah ini!
7. Sebutkan teks hadis Abdullah bin 'Umar tentang orang yang memerdekakan hamba yang dimiliki oleh lebih daripada satu orang dan syarahkan lafa-lafaz hadis itu!
8. Jika seorang hamba dimiliki oleh lebih satu orang tuan, lalu salah seorang tuan itu ada yang memerdekakannya, maka adakah hamba itu terus medeka dan sebutkan pendapat ulama dalam masalah ini!
9. Apakah yang dimaksudkan dengan masalah "menyuruh hamba berusaha" dalam proses kemerdekaan?
10. Jika seorang hamba dimiliki oleh dua orang tuan dan salah seorang daripada dua orang tuan itu memerdekakannya dengan cara membeli bahagian tuan yang kedua, maka adakah hamba ini secara terus menjadi merdeka atau kemerdekaan itu terjadi setelah pembelian bahagian itu dan sebutkan dalil-dalilnya!
11. Sebutkan kerabat manakah yang apabila dia menjadi hamba kepada ahli keluarganya maka dia terus menjadi merdeka dan sebutkan perbezaan pendapat ulama dalam masalah ini!
12. Sebutkan hadis 'Imran bin Hushain tentang seorang lelaki yang memerdekakan enam orang hamba ketika hendak meninggal dunia dan dia tidak memiliki apa-apa lagi selain enam orang hamba itu!
13. Siapakah yang dibolehkan bersedekah ketika sakit menjelang kematian dan berapakah kadar wasiat yang boleh dilaksanakan serta apa pula dalilnya?
14. Sahkah syarat yang menyertai kemerdekaan hamba sahaya, sebutkan hadis yang membahas masalah ini dan bincangkan pendapat ulama dalam masalah ini!

# BAB PERTAMA
# ,MENJUAL HAMBA MUDABBAR
# MUKATAB DAN UMMUL WALAD

*Mudabbar* ialah hamba sahaya yang dijanjikan oleh tuannya merdeka setelah tuannya itu meningal dunia. Dinamakan demikian kerana tuannya merencanakan urusan dunia dan akhirat hamba itu kepada dirinya sendiri. Maksud urusan dunia ialah tuan itu dapat merasakan bantuan hambanya selagi dia masih hidup sedangkan maksud akhirat ialah tuan itu mendapatkan pahala kerana telah bertekad untuk memerdekakan hambanya.

*Mukatab* adalah hamba sahaya boleh merdeka setelah dia membayar sejumlah harta atau seumpamanya kepada tuannya. Bagi pendapat yang mengatakan hamba sahaya tidak boleh dimiliki, hamba *mukatab* ini bercanggah dengan qiyas.

*Ummul Walad* sudah dijelaskan dalam bab jual beli.

٢٧٣- عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَجُلًا مِنَ الْأَنْصَارِ أَعْتَقَ غُلَامًا لَهُ عَنْ دُبُرٍ، لَمْ يَكُنْ لَهُ مَالٌ غَيْرُهُ، فَبَلَغَ ذَلِكَ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. فَقَالَ: "مَنْ يَشْتَرِيهِ مِنِّي؟" فَاشْتَرَاهُ نُعَيْمُ بْنُ عَبْدِ اللهِ بِثَمَانِمَائَةِ دِرْهَمٍ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ. وَفِي لَفْظٍ لِلْبُخَارِيِّ: فَاحْتَاجَ، وَفِي رِوَايَةٍ لِلنَّسَائِيِّ: وَكَانَ عَلَيْهِ دَيْنٌ، فَبَاعَهُ بِثَمَانِمَائَةِ دِرْهَمٍ، فَأَعْطَاهُ وَقَالَ: "اِقْضِ دَيْنَكَ".

273. Daripada Jabir (r.a) bahawa ada seorang lelaki Anshar memerdekakan hamba miliknya namun kemerdekaannya baru dapat diwujudkan setelah tuannya itu meningal dunia sedangkan dia tidak mempunya harta lagi selain hamba miliknya itu. Peristiwa itu kemudian sampai kepada Rasulullah (s.a.w) dan baginda bersabda: “Siapakah yang bersedia membelinya daripadaku?” Lalu, hamba itu pun dibeli oleh Nu’aim bin Abdullah seharga lapan ratus dirham.

(Muttafaq 'alaih. Dalam Sahih al-Bukhari lafaznya berbunyi: "lalu, lelaki itu memerlukan…". Dalam riwayat al-Nasa'i lafaznya berbunyi: "Sedangkan dia mempunyai hutang, lalu dia menjual hamba itu seharga lapan ratus dirham. Lalu, dibayarlah hutang itu dan dia berkata: "Langsaikan hutangmu.": 1460)

## Makna Hadis

Al-Bukhari memuat hadis ini di beberapa tempat di dalam kitabnya al-Sahih. Biografi periwayat hadis itu yang disebutkannya menunjukkan beliau seorang yang 'alim dalam ilmu fiqh. Beliau berkata:

- Bab menjual hamba *mudabbar*. Hadis ini disebut dalam dua tempat.
- Bab barangsiapa menjual harta orang yang bangkraf atau orang tidak mampu, lalu harta itu dibahagikan kepada orang yang ditimpa musibah hingga orang bangkraf itu mampu bangkit dari kebangkrafannya.
- Bab seseorang menjual hamba kerana lemah.
- Bab memerdekakan hamba mudabbar.
- Bab jika dipaksa memberi seorang hamba atau menjualnya, maka itu tidak dibolehkan.
- Bab seorang pemimpin menjualkan harta benda masyarakat.

## Analisis Lafaz

"أن رجلا", ada seorang lelaki. Dalam riwayat Muslim, nama lelaki ini ialah Mizkar sedangkan dalam kitab al-Sunnah, namanya Abu Mizkar.

"غلاما", seorang hamba sahaya. Dalam riwayat Muslim, hamba ini bernama Ya'kub sedangkan dalam kitab al-Sunnah, namanya Abu Ya'kub.

"دُبُر", huruf dal dan huruf ba' dibaca dhammah atau huruf ba' dibaca sukun, yakni kemerdekaannya setelah tuannya meninggal dunia.

"فاحتاج", orang yang memerdekakan itu memerlukan.

## Fiqh Hadis

1. Dibolehkan memerdekakan hamba sahaya setelah kematiannya tuannya. Meskipun ulama bersepakat untuk membolehkannya, namun mereka berbeza pendapat tentang sama ada kemerdekaan itu seutuhnya atau hanya satu pertiga. Menurut mazhab Zahiri dan beberapa ulama salaf, hamba menjadi merdeka seutuhnya kerana diqiyaskan dengan hibah sedangkan menurut jumhur ulama, hamba menjadi merdeka sepertiganya sahaja kerana diqiyaskan dengan wasiat, kerana ia baru

boleh dilaksanakan setelah kematiannya.[5] Selain hadis ini, jumhur ulama pula berdalil dengan riwayat Ibn 'Umar: "Hamba *mudabbar* itu termasuk sepertiga harta." Inilah yang dikatakan oleh al-Shan'ani. Namun menurut pensyarah kitab ini, hadis yang dikatakan marfu' ini pada dasarnya tidak benar. Banyak sekali perkataan sahabat yang dianggap mawquf dan mursal dan oleh kerananya, adalah tidak betul riwayat itu marfu'.

2. Dibolehkan menjual hamba mudabbar kerana ada keperluan atau untuk membayar hutang. Inilah pegangan al-Syafi'i, Imam Ahmad dan jumhur ulama, namun mereka tidak mengatakan hukum boleh itu mesti disyaratkan adanya keperluan yang mendesak. Ulama yang mensyaratkan adanya keperluan yang mendesak hanyalah al-Laits. Andaikan al-Laits tidak mengemukakan syarat itu tentu dia memakruhkan penjualan hamba mudabbar itu.
3. Dibolehkan menjual harta orang yang bangkraf untuk melangsaikan hutangnya.
4. Seorang pemimpin dibolekan menjualkan harta masyarakatnya tanpa harus meminta izin terlebih dahulu daripada mereka.

٢٧٤- وَعَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "الْمُكَاتَبُ عَبْدٌ مَا بَقِيَ عَلَيْهِ مِنْ مُكَاتَبَتِهِ دِرْهَمٌ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ بِإِسْنَادٍ حَسَنٍ وَأَصْلُهُ عِنْدَ أَحْمَدَ وَالثَّلَاثَةِ وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

274. Daripada 'Amr bin Syu'aib daripada ayahnya daripada datuknya daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Hamba mukatab itu ialah hamba yang masih tersisa pada dirinya satu dirham daripada mukatabanya itu." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dengan sanad yang hasan. Asal hadis ini ada di dalam Musnad Imam Ahmad dan al-Tsalatsah serta dinilai sahih oleh al-Hakim: 1461).

**Makna Hadis**

Seorang hamba mukatab tetap berstatus hamba selagi dia masih mempunyai tanggungan walaupun satu dirham yang mesti dibayar kepada tuannya kerana syarat kemerdekaannya bergantung kepada pembayaran sejumlah secara keseluruhan. Jika sebahagian pembayaran yang dilakukan, maka dia belum berstatus merdeka.

---

[5] Dalam kitab Fath al-Bari, ulama bersepakat untuk mensyariatkan hamba menjadi mudabbar dan mereka bersepakat pula bahawa hamba itu dinilai satu pertiga selain al-Laits dan Zufar di mana mereka berdua mengatakan bahawa itu dinilai daripada keseluruhan harta. Keterangan ini berbeza dengan apa yang disebut oleh al-Shan'ani.

**Analisis Lafaz**

"المكاتب", kata ini adalah isim maf'ul.

"عبد", berlaku ke atas hamba itu hukum-hakam tentang perhambaan.

"من مكاتبته", dari kadar yang wajib dia bayar dengan sebab mukatabah.

"درهم", dirham yakni batas minimum.

**Fiqh Hadis**

Hamba mukatab apabila belum membayar apa yang disepakatinya dalam mukatabah masih tetap berstatus sebagai hamba. Inilah pendapat Zaid bin Tsabit, Ibn Umar, Aisyah, Umar dan jumhur ulama yang antara lain Abu Hanifah, Malik dan al-Syafi'i. Imam Ahmad pula tidak meriwayatkan hadis ini, kerana adanya ketidakjelasan dalam menerangkan hamba itu. Beliau berkata: "Aku berpegang dengan hadis Burairah yang mengatakan Rasulullah (s.a.w) menyuruh membeli hamba itu, yakni hamba itu tetap menjadi hamba sehingga baginda menyuruh membelinya."

Ada pula pendapat lain daripada Imam Ahmad bahawa apabila hamba itu memiliki sesuatu yang membolehkannya mampu memerdekakan dirinya sebelum membayarnya kepada tuannya. Imam Ahmad berdalil dengan hadis Ummu Salamah berikut ini.

Ada yang mengatakan hamba itu boleh merdeka dengan apabila membayar semampunya. Pendapat ini diriwayatkan daripada 'Ali bin Abu Thalib.

Ada lagi yang berpendapat andaikata hamba itu membayarnya dua ratus dirham, sedangkan harga dirinya seratus dirham, lalu dia membayar seratus, maka dia merdeka. Inilah yang dikatakan oleh Ibn Mas'ud.

٢٧٥- وَعَنْ أُمِّ سَلَمَةَ -رَضِيَ اللهُ عَنْهَا- قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا كَانَ لِإِحْدَاكُنَّ مُكَاتَبٌ وَكَانَ عِنْدَهُ مَا يُؤَدِّي فَلْتَحْتَجِبْ مِنْهُ". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ.

275. Daripada Ummu Salamah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jika salah seorang kamu (perempuan) ada yang mempunyai hamba *mukatab*, sedangkan hamba itu mempunyai sesuatu yang boleh dibayarkannya, maka hendaklah kamu berhijab daripadanya." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah dan dinilai sahih oleh al-Tirmizi: 1462).

**Makna Hadis**

Allah (s.w.t) menyebut apa-ap yang diharamkan dalam Surah al-Nur dalam firman-Nya:

..... وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ ءَابَآئِهِنَّ أَوْ ءَابَآءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَآئِهِنَّ أَوْ أَبْنَآءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَٰنِهِنَّ أَوْ بَنِىٓ إِخْوَٰنِهِنَّ أَوْ بَنِىٓ أَخَوَٰتِهِنَّ أَوْ نِسَآئِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَـٰنُهُنَّ ..... ﴿٣١﴾

"… *Dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka..,*" (Surah al-Nur : 31)

Ayat ini membahas hamba lelaki dan hamba perempuan, meskipun ada sebahagian ulama yang mengatakan ayat ini hanya membahas hamba perempuan. Hadis ini menegaskan hamba mukatab apabila memiliki harta senilai apa yang mesti dia bayar, maka dia tidak boleh lagi diperlakukan sebagai hamba dan tuannya yang bukan muhrim diwajibkan berhijab daripadanya.

**Analisis Lafaz**

"عنده", yakni apa yang dia miliki berupa harta yang boleh memerdekakan dirinya.

"فلتحتجب", maka hendaklah tuannya yang perempuan itu berhijab.

**Fiqh Hadis**

1. Hamba mukatab apabila memiliki harta yang mampu memerdekakan dirinya, maka dia pun medeka dan wajib bagi tuannya yang perempuan berhijab daripadanya apabila hamba itu milik tuan perempuan meskipun dia belum menyerakan harta kemerdekaan dirinya itu. inilah pendapat Ahmad bin Hanbal. Jumhur ulama pula yang berpegang dengan hadis 'Amr bin Syu'aib dan hadis yang mengatakan hamba itu tetap berstatus hamba selagi dia belum melangsaikan pembayaran kemerdekaannya walaupun itu bersisa satu dirham, mereka mengatakan bahawa apa yang dimaksud berhijab dalam hadis Ummu Salamah ialah "menjaga jarak"

kerana masa kemerdekaannya sudah hampir. Jadi, dikhuatirkan hamba itu masuk ke dalam bilik tuannya sedangkan hamba ini sudah memiliki wang yang mampu melangsaikan statusnya sebagai mukatab dan tuannya belum tahu akan hal itu. Ada sebahagian ulama yang menilai dha'if hadis ini. Tetapi, al-Syafi'i berkata: "Mencari titik temu perbezaan ini ialah dengan meyakini bahawa berhijab ini hanya merupakan keistimewaan para isteri Rasulullah (s.a.w)."

2. Seorang hamba lelaki boleh memandang tuannya yang perempuan sekalipun hamba itu mukatab. Namun jika hamba itu sudah memiliki harta yang dapat melangsaikan bayaran kemerdekaan dirinyaitu, maka dia tidak boleh lagi memandag tuannya. Pendapat ini berdasarkan kepada firman Allah (s.w.t):

وَقُل لِّلْمُؤْمِنَٰتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَٰرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ
زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا ۖ وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ ۖ وَلَا يُبْدِينَ
زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ ءَابَآئِهِنَّ أَوْ ءَابَآءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ
أَبْنَآئِهِنَّ أَوْ أَبْنَآءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَٰنِهِنَّ أَوْ بَنِىٓ إِخْوَٰنِهِنَّ أَوْ بَنِىٓ
أَخَوَٰتِهِنَّ أَوْ نِسَآئِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُنَّ أَوِ ٱلتَّٰبِعِينَ غَيْرِ أُو۟لِى ٱلْإِرْبَةِ
مِنَ ٱلرِّجَالِ أَوِ ٱلطِّفْلِ ٱلَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا۟ عَلَىٰ عَوْرَٰتِ ٱلنِّسَآءِ ۖ وَلَا
يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ مِن زِينَتِهِنَّ ۚ وَتُوبُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَ
ٱلْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣١﴾

"*Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang*

*perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya.*" (Surah al-Nur: 31) Pendapat ini juga berlandaskan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dawud daripada Anas bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda kepada Fatimah (r.a) ketika kaki Fatimah tersingkap. Ketika dia berusaha menutup kaki itu, maka tersingkap pula kepalanya. Melihat itu, Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tidak mengapa bagimu yang demikian itu, namun itu hanya berlaku di hadapan ayahmu dan hambamu." Inilah fatwa al-Syafi'i dan jumhur ulama, namun Abu Hanifah berpendapat hamba sama dengan orang bukan muhrim.

٢٧٦- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "يُودَى الْمُكَاتَبُ بِقَدْرِ مَا عَتَقَ مِنْهُ دِيَةَ الْحُرِّ، وَبِقَدْرِ مَا رَقَّ مِنْهُ دِيَةَ الْعَبْدِ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ.

276. Daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Hamba *mukatab* itu ketika membayar diyat adalah separuh daripada dirinya yang merdeka dan separuh daripada dirinya yang masih berstatus hamba." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud dan al-Nasa'i: 1463)

**Makna Hadis**

Ada perbezaan antara diat seorang merdeka dengan diyat hamba murni, hamba mukatab atau hamba *mustas'a* (separuh merdeka dan separuh lagi masih berstatus hamba). Jadi, bagaimanakah diyat hamba mukatab ini?

Hadis ini menegaskan hamba mukatab itu yang separuh dirinya sudah merdeka dibolehkan membayar diyat yang sama dengan diyat orang merdeka sedangkan separuh dirinya yang masih berstatus hamba hendaklah membayar diyat yang sama dengan diyat hamba.

**Analisis Lafaz**

"يُودَى", membayar diatnya.

"المكاتب", hamba mukatab, yakni Jika hamba mukatab ini membunuh orang lain.

**Fiqh Hadis**

Diyat hamba mukatab itu ada dua bahagian; pertama, pada separuh daripada dirinya yang merdeka dan dia boleh membayar diyat sam seperti diyat orang merdeka; kedua, pada separuh daripada dirinya yang masih menjadi milik orang lain dan dia hendaklah membayar sama seperti diyat seorang hamba. Al-Khatthabi berkata: "Tidak seorang pun ulama yang berfatwa berdasarkan hadis ini. Berkaitan masalah ini, ada riwayat daripada 'Ali bin Abu Thalib. Jika hadis itu sahih, maka kita wajib mengatakan sahih selagi hadis itu tidak dimansukh atau bertentangan dengan riwayat yang lebih sahih."

Menurut pensyarah kitab ini, jumhur ulama berpendapat diyat hamba mukatab sama dengan diyat hamba biasa. Pendapat ini berdasakan hadis 'Amr yang menegaskan hamba mukatab itu ialah hamba yang masih berkewajipan membayar status kemerdekaannya walaupun masih ada sisa satu dirham untuk dibayarkan. Mereka memberi komentar hadis ini dengan mengatakan ia hadis ini masih dipertikai sama ada ia marfu', mawquf atau mursal. Soalan yang paling penting adalah apakah hadis itu benar-benar diriwayatkan daripada 'Ali bin Abu Thalinb atau diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas?

٢٧٧- وَعَنْ عَمْرِو بْنِ الْحَارِثِ- أَخِي جُوَيْرِيَةَ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ -رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا- قَالَ: مَا تَرَكَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِنْدَ مَوْتِهِ دِرْهَمًا، وَلَا دِينَارًا، وَلَا عَبْدًا، وَلَا أَمَةً، وَلَا شَيْئًا، إِلَّا بَغْلَتَهُ الْبَيْضَاءَ وَسِلَاحَهُ وَأَرْضًا جَعَلَهَا صَدَقَةً. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

277. Daripada Amr bin al-Harits, saudara Juwairiah Ummul Mu'minin (r.a), beliau berkata: "Ketika wafat, Rasulullah (s.a.w) sama sekali tidak ada meninggalkan dirham, dinar, hamba lelaki, hamba perempuan dan apa-apa harta benda duniawi sedikit pun melainkan baghalnya yang putih, senjatanya dan sebidang tanah yang telah baginda sedekahkan." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1464).

**Makna Hadis**

Rasulullah (s.a.w) merupakan seorang yang paling zuhud dalam dunia ini dan paling bertakwa kepada Allah (s.w.t). Hatinya sentiasa disibukkan oleh rasa cinta kepada Allah. Hadis ini menceritakan sebahagian daripada sifat zuhud baginda di mana baginda tidak meninggalkan hamba lelaki, hamba perempuan, emas dan perak selain sekadar keperluan untuk berjihad di jalan Allah dan bersedekah kepada kaum muslimin. Ketika wafat, baginda hanya meninggalkan sehelai baju besi yang digadaikan kepada orang Yahudi untuk membeli gandum.

**Analisis Lafaz**

"ولا عبدا و لا أمة", tidak seorang hamba pun yang berada di bawah kepemilikannya.

"شيئا", dalam sebahagian riwayat yang lain lafaznya berbunyi: "شاة" yang bermaksus kambing. Namun kata ini tidak boleh dijadikan pegangan.

"صدقة", dalam satu riwayat, tambahan lafaz, iaitu kata: "لابن السبيل" yang bermaksud orang terlantar di jalan.

**Fiqh Hadis**

1. Hadis ini menceritakan betapa zuhud Rasulullah (s.a.w) terhadap dunia dan segala perhiasannya.
2. Hadisinimenegaskanummulwaladmenjadimerdekadaniniberlandaskan pada satu kenyataan bahawa Mariyah al-Qibtiyah, ibu kepada Ibrahim masih tetap hidup setelah kewafatan baginda. Apapun, ulama masih berbeza pendapat tentang masalah ini. Dengan menyebut hadis ini, Ibn Hajar seolah-olah ingin menyatakan ummul walad itu medeka. Namun, ada riwayat lain melalui jalur Ibn Abbas bahawa Rasulullah (s.a.w) bebicara tentang Mariyah al-Qibtiyah: "Aku memerdekakannya dan anaknya." Hadis ini mawquf kepada Ibn Abbas. Sedangkan pendapat yang mengatakan hadis ini marfu' itu adalah pendapat dha'if. Ada pula riwayat daripada Umar yang menyatakan ummul walad itu merdeka yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi dengan sanad munqathi' dan dha'if. Dalam masalah ini, ada pula riwayat daripada 'Ali bin Abu Thalib. Ulama berbeza pendapat sama ada boleh menjual ummul walad atau sebaliknya dan siapa pula yang membolehkan menjual ummul walad apabila sudah melahirkan dan siapa pula yang mengatakannya merdeka sebaik kematian tuannya serta siapa pula yang tidak membolehkannya.

**Periwayat Hadis**

'Amr bin al-Harits bin Abu Dhirar. Beliau mengambil riwayat hadis daripada ayahnya dan Ibn Mas'ud. Beliau meriwayatkan hadis kepada mawlanya bernama Dinar, Abu Ishaq al-Subai'i, Abu Wa'il dan lain-lain. Periwayat hadis ini termasuk orang Kufah dan ramai yang mengambil riwayat kepadanya.

٢٧٨- وَعَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَيُّمَا أَمَةٍ وَلَدَتْ مِنْ سَيِّدِهَا، فَهِيَ حُرَّةٌ بَعْدَ مَوْتِهِ". أَخْرَجَهُ ابْنُ مَاجَهْ وَالْحَاكِمُ بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ، وَرَجَّحَ جَمَاعَةٌ وَقْفَهُ عَلَى عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ.

278. Daripada Ibn 'Abbas (r.a). beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Mana-mana hamba perempuan yang telah melahirkan anak daripada tuannya, maka dia menjadi merdeka setelah tuannnya itu mati." (Diriwayatkan oleh Ibn Majah dan al-Hakim dengan sanad yang dha'if, namun sekumpulan ulama menilainya mawquf kepada Umar (r.a): 1465).

**Makna Hadis**

Hamba perempuan yang apabila melahirkan anak tuannya secara automatik menjadi merdeka sebaik tuannya itu meninggal dunia, di mana hamba perempuan tersebut tidak ada kewajipan membayar apa-apa harta untuk kemerdekaannya itu.

**Analisis Lafaz**

"بإسناد ضعيف", sanadnya dha'if lantaran ada nama al-Husain bin Abdullah al-Hasyimi.

**Fiqh Hadis**

Dengan kematian tuannya, ummul walad menjadi merdeka.

٢٧٩- وَعَنْ سَهْلِ بْنِ حُنَيْفٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ أَعَانَ مُجَاهِدًا فِي سَبِيلِ اللهِ أَوْ غَارِمًا فِي عُسْرَتِهِ أَوْ مُكَاتَبًا فِي رَقَبَتِهِ، أَظَلَّهُ اللهُ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

279. Daripada Sahal bin Hunaif (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barangsiapa menghulurkan bantuan kepada seorang yang berjuang di jalan Allah atau terlantar kerana kesusahan atau hamba mukatab, maka Allah akan menaunginya di hari yang tidak ada satu naungan pun selain naungan-Nya." (Diriwayakan oleh Imam Ahmad dan dinilai sahih oleh al-Hakim: 1466).

**Makna Hadis**

Ada riwayat lain yang sahih menegaskan Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Allah sentiasa membantu hamba-Nya selagi hamba itu membantu saudaranya." Dalam hadis ini disebutkan jenis bantuan yang dihulurkan dan betapa besar pahala menghulurkan bantuan kepada hamba Allah itu:

1. Membantu orang yang berjihad di jalan Allah sama ada dengan harta, senjata, kenderaan atau selainnya.

2. Membantu orang yang dililit hutang yang tidak mampu lagi membayar hutangnya itu.
3. Membantu hamba mukatab dengan memberi kepadanya harta atau membebaskannya daripada pembayaran yang menjadi kewajipannya itu. Ini jika yang berbuat baik itu adalah tuannya.

Allah (s.w.t) menyebutkan ganjaran pahala menghulurkan bantuan ini berupa naungan pada hari di mana matahari teramat sangt panas berada di atas ubun-ubun dan keringat membasahi seluruh tubuh, iaitu pada hari kiamat kelak.

**Analisis Lafaz**

"غارما", orang yang mempunyai bebanan berat dan tanggungan untuk mendamaikan sengketa antara sesama muslim.

"فى رقبته", yakni harga hambanya.

**Fiqh Hadis**

Membantu orang yang disebut di dalam hadis tersebut memperoleh ganjaran pahala yang amat besar. Maksud hamba di sini adalah hamba mukatab di mana dia sedang berusaha keras untuk memperoleh harta bagi memerdekakan dirinya dan membantunya dengan harta bakal mendatangkan pahala yang besar bagi orang yang membantu itu. dalam kaitan ini, Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَٱلَّذِينَ يَبۡتَغُونَ ٱلۡكِتَٰبَ مِمَّا مَلَكَتۡ أَيۡمَٰنُكُمۡ فَكَاتِبُوهُمۡ إِنۡ عَلِمۡتُمۡ فِيهِمۡ خَيۡرٗاۖ وَءَاتُوهُم مِّن مَّالِ ٱللَّهِ ٱلَّذِيٓ ءَاتَىٰكُمۡۚ وَلَا تُكۡرِهُواْ فَتَيَٰتِكُمۡ عَلَى ٱلۡبِغَآءِ إِنۡ أَرَدۡنَ تَحَصُّنٗا لِّتَبۡتَغُواْ عَرَضَ ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَاۚ وَمَن يُكۡرِههُّنَّ فَإِنَّ ٱللَّهَ مِنۢ بَعۡدِ إِكۡرَٰهِهِنَّ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ﴿٣٣﴾

*"… dan hamba-hamba kamu (lelaki dan perempuan) yang hendak membuat surat perjanjian untuk memerdekakan dirinya (dengan jumlah bayaran yang tertentu), hendaklah kamu melaksanakan perjanjian itu dengan mereka jika kamu mengetahui ada sifat-sifat yang baik pada diri mereka (yang melayakkannya berbuat demikian); dan berilah kepada mereka dari harta Allah yang telah dikurniakan kepada kamu. Dan janganlah kamu paksakan hamba-hamba perempuan kamu melacurkan diri manakala mereka mahu menjaga kehormatannya, kerana kamu berkehendakkan kesenangan hidup di dunia. Dan sesiapa yang memaksa mereka, maka sesungguhnya Allah - sesudah*

*paksaan yang dilakukan kepada mereka - Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*" (Surah al-Nur: 33)

'Ali memberi komentar ayat ini dengan berkata: "Maksud ayat ini ialah bebaskan kewajiban mereka membayar tebus kemerdekaan itu sebanyak seperempat."

**Soalan**

1. Apakah takrif mudabbar, mukatab dan ummul walad?
2. Sebutkan hadis Jabir (r.a) yang menceritakan kisah orang yang memerdekakan seorang hamba namun setelah kematian tuannya dan sebutkan fiqh hadis yang terkandung di dalamnya!
3. Apakah memerdekakan secara mudabbar ini bermaksud kemerdekaan seutuhnya atau hanya sepertiganya sahaja dan sebutkan pendapat ulama disertai dalil-dalil mereka?
4. Bolehkah menjual hamba mudabbar?
5. Apakah hukum mukatab yang belum melangsaikan baki bayaran mukatabnya?
6. Bolehkah seorang hamba lelaki memandang tuannya yang perempuan dan Jika dibolehkan, sebutkan dalilnya!
7. Bagaimanakah diyat hamba mukatab apabila dia melakukan pembunuhan disertai dengan dalil!
8. Sebutkan hadis yang menunjukkan ummul walad itu merdeka!
9. Apa pendapat ulama fiqh tentang kemerdekaan ummul walad?
10. Sebutkan hadis sekali gus ayat al-Qur'an yang menghimbau kita untuk menghulurkan kepada hamba mukatab!

# KITAB HIMPUNAN AKHLAK

# KITAB HIMPUNAN AKHLAK

Kitab ini terdiri daripada enam bab sebagai berikut ini:

- Adab
- Berbuat kebaikan dan silaturrahim
- Zuhud dan warak
- Menjauhi akhlak tercela
- Menghiasi diri dengan akhlak mulia
- Zikir dan doa

# BAB PERTAMA
# ADAB

Adab ialah melakukan sesuatu yang terpuji sama ada perkataan mahupun perbuatan. Ada yang mengatakan adab ialah berakhlak mulia. Ada pula yang mengatakan adab ialah menghormati orang yang lebih tua dan menyayangi orang yang lebih muda. Namun, ini adalah pendapat yang paling lemah.

٢٨٠- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "حَقُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ سِتٌّ: إِذَا لَقِيتَهُ فَسَلِّمْ عَلَيْهِ، وَإِذَا دَعَاكَ فَأَجِبْهُ، وَإِذَا اسْتَنْصَحَكَ فَانْصَحْهُ، وَإِذَا عَطَسَ فَحَمِدَ اللهَ فَشَمِّتْهُ، وَإِذَا مَرِضَ فَعُدْهُ، وَإِذَا مَاتَ

فَاتَّبِعْهُ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

280. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Hak seorang muslim terhadap muslim yang lain ada enam: jika kamu menjumpainya, ucapkanlah salam, jika dia menjemputmu, maka perkenankan jemputannya, jika dia minta nasihatmu, maka berilah dia nasihat, jika dia bersin lalu membaca *alhamdulillah*, maka jawablah dengan *yarhamukallah*, jika dia sakit, maka jenguklah dia dan jika dia meninggal dunia, maka layatlah dia. (Diriwayatkan oleh Muslim: 1467).

**Makna Hadis**

Hadis ini mengandungi hak seorang muslim terhadap saudaranya sesama muslim yang wajib dia jaga. Hak-hak itu ialah memberi salam ketika berjumpa, mendatangi jemputan ketika diundang hadir kenduri, memberi nasihat apabila dimintai nasihat, menjawab orang yang bersin dengan doa, mendatanginya ketika sakit dan melayat jenazahnya.

**Analisis Lafaz**

"حق المسلم على المسلم", hak muslim ke atas muslim yang lain. Ada riwayat lain berbunyi: "خمس تجب للمسلم على المسلم", ada lima perkara yang wajib dilakukan oleh seorang muslim terhadap saudaranya sesama muslim. Riwayat ini secara tegas menyatakan hukum wajib.

"دعاك", memanggilmu, yakni panggilan untuk jamuan makan.

"استنصحك", minta nasehatmu.

"فشمته", menggunakan huruf syin yakni jawablah bersinnya. Ada satu riwayat yang menggunakan huruf sin. Tsa'lab berkata: "Ada orang mengatakan: "شمت العاطس وسمته", bertasymitlah orang bersin itu apabila dia didoakan supaya mendapat hidayah. Atas dasar inilah Tsa'lab mengatakan asalnya menggunakan huruf sin.

"فعده", maka jenguklah dia.

"فاتبعه", maka layatlah dia.

**Fiqh Hadis**

1. Hak muslim kepada muslim yang lain ada enam perkara, namun ini hak muslim sekadar itu bahkan ada lafaz hadis ain yang mengatakan hak muslim kepada muslim yang lain ada lima perkara tanpa menyebutkan meminta nasihat dalam hadis itu. Hadis ini secara zahir menyatakan

hukum hak-hak itu wajib dilaksanakan, tetapi Ibn Hajar malah berpendapat wajib di sini bermaksud wajib kifayah. Al-Shan'ani berkata: "Hak adalah suatu perkara yang tidak boleh sama sekali diabaikan. Ia kadang kala wajib dilakukan dan kadang kala pula sunat mu'akkad dilaksanakan. Melaksanakan hak di sini ada kemungkina memiliki dua makna sekali gus seperti mana dikatakan oleh Ibn al-Arabi bahawa hak itu sama dengan kewajipan. Menurut pensyarah kitab ini, lebih baik kalau dikatakan semua hak itu adalah wajib dan perlu diketahui sebahagian kewajipan itu ada yang wajib 'ain dan ada yang wajib kifayah.

2. Disyariatkan memberi salam apabila berjumpa dengan seorang muslim. Ibn Abdul Barr menegaskan bahawa ulama bersepakat memulakan salam hukumnya sunat dan menjawabnya wajib. Menurut Ibn Hajar, tidak ada ulama yang berbeza pendapat tentang masalah ini.
3. Disyariatkan memperkenankan jemputan undangan makan. Ada yang mengatakan bahawa perintah di sini bersifat umum untuk seluruh jenis jemputan, tetapi ulama mengkhususkannya kepada jemputan makan. Al-Shan'ani berkata: "Jika jemputan itu untuk acara walimah, maka hukumnya wajib dihadiri, kerana ada ancaman bagi orang yang tidak mahu menghadiri acara walimah. Selain jemputan walimah, maka hukum memenuhi jemputan adalah sunat.
4. Disyariatkan memberi nasihat kepada orang yang memintanya dan tidak menipunya. Di sini dapat difahami bahawa nasihat itu tidak wajib kecuali jika ada orang yang memintanya. Hukum nasihat yang tidak diminta terlebih dahulu adalah snnat, kerana ia dikategorikan memberitahu orang lain kepada kebaikan. Ada hadis Jarir dalam Sahih al-Bukhari bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah mewasiatkan setiap muslim untuk saling memberi nasihat. Perintah ini bersifat umum sama ada nasihat itu diminta atapun tidak.
5. Disyariatkan menjawab orang bersin jika dia mengucap *alhamdulillah*. Menurut Ibn Daqiq al-'Id, hadis al-Bara' berbunyi: "Rasulullah (s.a.w) menyuruh kami tujuh perkara…". Antara tujuh perkara itu antara lain menjawab orang yang bersin seperti mana yang diriwayatkan oleh al-Bukhari. Menurut Ibn Daqiq al-'Id, perintah hadis ini bermaksud wajib. Pendapat ini dikuatkan oleh hadis Abu Hurairah yang kita bahas ini. Inilah pendapat mazhab Zahiri dan sebahagian mazhab Maliki. Ulama yang lain pula berpendapat hukum menjawab orang bersin adalah fardhu kifayah. Pendapat ini dinilai kuat oleh Ibn al-'Arabi dan merupakan pendapat mazhab Hanafi dan kebanyakan mazhab Hanbali. Namun menurut al-Syafi'i dan sebahaian mazhab Maliki, hukum menjawab orang bersin adalah sunat dan satu orang untuk menjawab bersin itu sudah memadai. Menurut jumhur ulama, menjawab bersin ialah dengan mengucapkan: "يَرحَمُكَ الله" dan bagi yang bersin pula hendaklah menjawab dengan ucapan: "يَهدِيكُمُ الله وَيُصلِحُ بَالَكُم". Inilah berdasarkan riwayat al-Bukhari dan selainnya. Ulama Kufah mengucapkan: "يَغفِرُ الله لَنَا وَلَكُم". Al-Nawawi

berkata: "Disunatkan mengucapkan *alhamdulillah* bagi sesiapa yang menjumpai ada orang yang bersin dan hendaklah mengingatkan orang yang tidak mengucap *ahamdulillah* supaya mengucapkannya, kerana ini termasuk memberi nasihat dalam kebaikan." Menurut pensyarah kitab ini, orang bersin wajib dijawab, walaupun orang itu kafir kitabi. Ini berdasarkan hadis Abu Musa dalam kitab al-Sunan. Antara adab bersin seperti mana dalam hadis marfu' yang dikeluarkan oleh al-Hakim daripada Abu Hurairah bahawa jika salah seorang kamu bersin, maka letakkanlah telapak tangannya ke mulutnya dan usahakan suara bersin itu tidak kuat. Dianjurkan pula bersin itu tidak melebihi tiga kali bersin berturut-turut, kerana ada hadis yang menyuruh demikian.

6. Disyariatkan melawat orang sakit. Al-Bukhari menyatakan perintah ini adalah wajib, namun beliau tidak menjelaskan sama ada ia wajib kifayah atau wajib 'ain. Jumhur ulama pula mengatakan hukum melawat orang sakit sunat. Ibn Hajar mengatakan lawatlah orang sakit sama ada dia dikenali ataupun tidak, sama ada ahli keluarga atapun tidak dan tanpa mengira jenis penyakitnya.
7. Disyariatkan melayat jenazah sama ada dikenal atau tidak. Ulama sepakat hukum melayat jenazah adalah fardhu kifayah.

٢٨١- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "انْظُرُوا إِلَى مَنْ هُوَ أَسْفَلَ مِنْكُمْ، وَلَا تَنْظُرُوا إِلَى مَنْ هُوَ فَوْقَكُمْ، فَهُوَ أَجْدَرُ أَنْ لَا تَزْدَرُوا نِعْمَةَ اللهِ عَلَيْكُمْ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

281. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Lihatlah orang yang lebih rendah daripada kamu dan janganlah melihat orang yang lebih tinggi daripada kamu, kerana itu lebih patut bagi kamu untuk tidak memandang rendah nikmat Allah yang telah dikurniakan kepadamu." (Muttafaq 'alaih: 1468).

**Makna Hadis**

Hadis ini megajarkan kepada seorang muslim tentang sesuatu yang membuat hidupnya menjadi tenteram, bersyukur ke atas nikmat Allah, selamat daripada gangguan syaitan dan pintu-pintu kesedihan. Hadis ini mengajarkan kepada seseorang tentang cara memandang dunia, di mana dia dihendaki memandang orang yang lebih rendah daripada dirinya seperti melihat orang yang sakit, kemudian menatap kembali dirinya sendiri, memandang orang tuli, buta, bisu, dililit hutang dan difitnah, lalu lihat kembali dirinya yang masih diberi keselamatan dan kesihatan. Jika keadaan-keadaan itu sudah dilihat, barulah dia sedar betapa besar nikmat yang Allah anugerahkan kepadanya. Dengan

demikian, dia tidak berani menghina atau memandang remeh nikmat Allah yang selama ini dia rasakan dan ini akan membuat dirinya merasa tenang dan tenteram.

**Analisis Lafaz**

"أسفل", orang yang nasibnya lebih malang.

"فوقكم", di atas daripada kam dari keselesaan hidup.

"أجدر", lebih berhak dan lebih layak.

"تزدروا", menghinakan dan meremehkan.

**Fiqh Hadis**

Hadis ini menghimbau untuk mensyukuri nikmat Allah (s.w.t) dengan cara melihat orang yang lebih rendah taraf kehidupannya.

٢٨٢- وَعَنِ النَّوَّاسِ بْنِ سَمْعَانَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَأَلْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْبِرِّ وَالْإِثْمِ؟ فَقَالَ: "الْبِرُّ حُسْنُ الْخُلُقِ، وَالْإِثْمُ مَا حَاكَ فِي صَدْرِكَ وَكَرِهْتَ أَنْ يَطَّلِعَ عَلَيْهِ النَّاسُ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

282. Daripada al-Nawwas bin Sam'an (r.a), beliau berkata: "Saya pernah bertanya kepada Rasulullah (s.a.w) tentang kebaikan dan dosa?" Baginda bersabda: "Kebaikan itu ialah akhlak yang mulia sedangkan dosa itu ialah sesuatu yang sentiasa membuang bimbang di dalam hatimu dan kamu takut sesuatu itu diketahui oleh orang lain." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1469).

**Makna Hadis**

Al-Nawas (r.a) ingin mengetahui mana yang baik dan mana pula yang buruk. Beliau lalu bertanya tentang apa yang dikategorikan kebaikan dan apa pula yang dikategorikan kejahatan. Rasulullah (s.a.w) menjelaskan kebaikan ialah akhlak mulia sedangkan kejahatan pula ialah sesuatu yang apabila dikerjakan menimbulkan perasaan ragu di dalam hati sama ia halal atau haram di sisi syarak. Dengan erti kata lain, kejahatan itu adalah kamu takut kejahatan itu diketahui oleh orang lain apabila kamu hendak mengerjakannya.

**Analisis Lafaz**

"البرّ", kebajikan. Inilah yang dapat difahami dari hadis Rasulullah (s.a.w) tersebut, namun ia memerlukan huraian yang panjang. Al-Nawawi berkata: "Menurut ulama, kebajikan di sini bermaksud silaturrahim, sedekah, pergaulan yang baik atau amal ibadah. Jadi, kebaikan di sini merangkumi setiap amalan yang baik.

Dalam kaitan ini, Allah (s.w.t) berfirman::

لَن تَنَالُواْ ٱلْبِرَّ حَتَّىٰ تُنفِقُواْ مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ وَمَا تُنفِقُواْ مِن شَىْءٍ فَإِنَّ ٱللَّهَ بِهِۦ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

"*Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.*" (Surah Ali 'Imran: 92)

Menurut Ibn Mas'ud, Ibn Abbas dan tabi'in, kebajikan adalah syurga. Ada pula yang mengatakan kebajikan ialah amal soleh dengan berlandaskan kepada hadis berikut:

عَلَيْكُمْ بِالْعَمَلِ الصَّالِحِ فَإِنَّهُ يَهْدِى إِلَى الْبِرِّ.

"Hendaklah kamu melakukan amal soleh, kerana ia memberimu petunjuk menuju kebajikan."

Menurut 'Athiyyah al-'Awfi pula kebajikan ialah amal ibadah. Menurut Atha', kebajikan ialah kemuliaan dalam beragama dan ketaqwaan. Menurut al-Qadhi 'Iyadh, berakhlak mulia adalah bergaul dengan orang lain dengan cara baik, menyayangi mereka, menghulurkan bantuan kepada mereka, sabar menghadapi tingkah laku mereka, tidak sombong dan tidak pula bersikap kasar.

Ada pula yang mengatakan kebajikan ialah akhlak yang mulia. Rasulullah (s.a.w) mentakrifkan akhlak yang mulia sebagai berwajah ceria, tidak mengganggu orang lain dan menyebarkan salam.

"الاثم", Rasulullah (s.a.w) mentakrifkan kejahatan sebagai lawan kebajikan.

"حاك", menggerakkan dua bahu dan badannya ketika berjalan. Ibn al-Atsir mengatakan maksud perkataan ini ialah kotoran bagi sesuatu, yakni nafsu.

Ada pula yang mengatakan perkataan ini bermaksud sesuatu yang pergi dan datang di dalam hati, di mana manusia tidak dapat mengabaikanya walau denga apa jua sekalipun.

**Fiqh Hadis**

1. Hendaklah umat Islam gemar beramal kebajikan dan meninggalkan kejahatan, bahkan meninggalkan perkara yang dianggap orang lain masih diragui sama ada halal atau sebaliknya. Dalam kaitan ini, Rasulullah (s.a.w) bersabda:

   دَع مَا يُرِيبُكَ إِلَى مَا لَا يُرِيبُكَ.

   "Tinggalkan sesuatu yang meragukanmu dan lakukanlah sesuatu yang tidak meragukanmu."

2. Manusia itu secara semula jadi menyukai kebajikan dan bencikan kejahatan, tetapi, syaitan yang membuat manusia itu menjauhi fitrahnya.

٢٨٣- وَعَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا كُنْتُمْ ثَلَاثَةً فَلَا يَتَنَاجَى اِثْنَانِ دُونَ الْآخَرِ، حَتَّى تَخْتَلِطُوا بِالنَّاسِ مِنْ أَجْلِ أَنَّ ذَلِكَ يُحْزِنُهُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ.

283. Daripada Ibn Mas'ud (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jika kamu sedang bertiga, maka janganlah dua orang dari kamu bercakap antara satu sama lain tanpa mengajak teman yang seorang lagi untuk turut bercakap, kerana tindakan itu akan menjadikannya berkecil hati." (Muttafaq 'alaih dan lafaznya di dalam Sahih Muslim: 1470).

**Makna Hadis**

Hadis ini melarang kepada suatu kumpulan yang terdiri daripada tiga orang, lalu satu orang daripada mereka tidak diajak berbicara sedangkan dua orang yang lain bercakap-cakap antara satu sama lain. Ini kerana tindakan seumpama ini dapat membuat orang yang tidak diajak bercakap berkecil hati atau tersinggung. Islam datang untuk menjadikan manusia hidup saling mencintai dan saling membahagiakan, bukan malah yang sebaliknya.

**Analisis Lafaz**

"يتناجى", musyawarah dan berbisik-bisik. Makna kedua lebih tepat dengan maksud hadis ini.

**Fiqh Hadis**

Dilarang bercakap antara dua orang dengan mengabaikan satu orang teman mereka supaya tidak mengikuti percakapan itu sedangkan mereka terdiri daripada tiga orang. Jika jumlah mereka melebihi tiga orang, maka itu tidak ada salahnya. Jumhur ulama berpendapat larangan ini tetap berlaku sama ada ketika dalam perjalanan ataupun ketika bermukim.

٢٨٤- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ -رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا- قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا يُقِيمُ الرَّجُلُ الرَّجُلَ مِنْ مَجْلِسِهِ، ثُمَّ يَجْلِسُ فِيهِ، وَلَكِنْ تَفَسَّحُوا وَتَوَسَّعُوا". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

284. Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Janganlah seorang lelaki di antara kamu merebut tempat duduk orang lain, tetapi duduklah secara berjarak dan berilah tempat bagi orang lain untuk turut sama duduk." (Muttafaq 'alaih: 1471).

**Makna Hadis**

Dalam Sahih Muslim ada satu hadis *marfu'* yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَنْ قَامَ مِنْ مَجْلِسِه ثُمَّ رَجَع إِلَيْهِ فَهُوَ أَحَقُّ بِهِ.

"Barangsiapa berdiri meninggalkan tempat duduknya kemudian kembali semula ke tempat itu, maka dia lebih berhak ke atas tempat duduknya itu."

Ini bagi orang yang berdiri meninggalkan tempat duduknya kemudian kembali semula ke tempat duduknya itu, lalu bagaimana pula dengan orang yang masih duduk di tempat duduknya itu. Jadi, seseorang yang berdiri meninggalkan tempat duduknya kemudian ada orang lain duduk di tempat itu maka orang itu dianggap mengambil hak duduk orang lain. Hadis ini mengajarkan supaya kita menghindari sesuatu yang mengakibatkan kita mengambil hak duduk orang lain, sebaliknya kita digalakkan meluaskan tempat duduk dan merenggangkannya supaya orang lain dapat duduk dengan selesa.

**Analisis Lafaz**

"لايقيم", di dalam Sahih Muslim, lafaznya berbunyi: "لا يقيمنّ", menggunakan kalimat larangan yang lebih ketat. Dengan demikian, larangan ini bermaksud haram.

"يجلس فيه", duduk di tempat itu, yakni orang yang berdiri sebelumnya.

"تفسحوا", berjauhan dan meluaskan tempat sehingga kelihatan tempat duduk di antara kamu.

**Fiqh Hadis**

Barangsiapa lebih dahulu mendapat tempat sama ada di masjid ataupun di tempat lain, maka dialah yang paling berhak ke atas tempat itu sedangkan orang lain diharamkan merebut tempat itu daripadanya, kecuali jika tempat yang ditemukannya itu sudah ada orang lain yang lebih dahulu bertempat, lalu dia pergi dan tidak lama kemudian kembali lagi. Maka, di sini orang lain itulah yang lebih berhak ke atas tempat itu dan dia berhak mengusir orang yang duduk di tempatnya.

Imam al-Syafi'i berpendapat jika di dalam masjid, tidak dibezakan sama ada orang yang bertempat itu meninggalkan sajadahnya atau tidak. Para pengikut mazhab Syafi'i berpendapat: demikian pula tempat di dalam masjid yang sudah biasa digunakan orang itu untuk mengadakan pengajian, maka orang yang sudah biasa duduk di situ lebih behak atas tempat itu.

٢٨٥- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ -رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا- قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا أَكَلَ أَحَدُكُمْ طَعَامًا، فَلَا يَمْسَحْ يَدَهُ، حَتَّى يَلْعَقَهَا أَوْ يُلْعِقَهَا". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

285. Daripada Ibn 'Abbas (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jika salah seorang di antara kamu selesai makan, maka janganlah disapu tanganya sebelum menjilat tangan itu atau mengambil makanan yang jatuh lalu memakannya." (Muttafaq 'alaih: 1472).

**Makna Hadis**

Dalam Sahih Muslim ada hadis marfu' yang menegaskan bahawa sesungguhnya kamu tidak tahu mana makanan yang mengandungi keberkatan. Jadi, makruh membuang makanan kerana dikhuatiri makanan itulah yang mengandungi keberkatan. Jika makanan itu jatuh dari mulutnya, maka hendaklah dia tetap mengambilnya lalu dibersihkan dan kemudian makanlah. Inilah akhlak Rasulullah (s.a.w) terhadap makanan. Inilah alasan pertama mengapa kita tidak boleh membuang atau menyia-nyiakan makanan sedangkan alasan kedua adalah Allah (s.w.t) menyuruh kita mensyukuri nikmat-Nya dan tindakan menyia-nyaikan sesuatu yang dikatakan nikmat Allah tidak disebut sebagai mensyukuri nikmat-Nya.

**Analisis Lafaz**

"يَلعَقَها أو يُلقَعَها", menjilat atau memakan sesuatu yang sudah jatuh.

**Fiqh Hadis**

Disyariatkan menjilat jari atau sudu yang padanya masih ada sisa makanan, malah Ibn Hazm berpendapat perintah ini bermaksud wajib.

**Penting!**

Al-Shan'ani berkata: "Hadis ini menegaskan bahawa setelah makan tidak mesti harus membasuh tangan sebaliknya menyapunya sahaja sudah memadai.

Menurut pensyarah kitab ini, menyapunya sahaja sudah memadai tidak sepenuhnya benar. Ini kerana ketika disuruh menjilat tangan, bukan bererti membasuh tangan tidak lagi disuruh. Al-Baihaqi dalam al-Sunan membuat satu bab khusus membahas masalah ini: bab membasuh tangan sebelum dan sesudah makan. Beliau membawakan hadis Sulaiman yang marfu' yang mengatakan:

بَرَكَةُ الطَّعَامِ الْوُضُوْءُ قَبْلَهُ وَبَعْدَهُ.

"Keberkatan makanan ialah berwuduk sebelum dan sesudah makan." Di dalam sanadnya terdapat Qais bin al-Rabi', seorang periwayat yang dha'if. Al-Baihaqi mengajukan satu lagi hadis sahih yang mengatakan:

مَنْ بَاتَ وَفِي يَدِهِ غَمْرٌ فَأَصَابَهُ شَيْءٌ فَلَا يَلُومَنَّ إِلَّا نَفْسَهُ.

"Barangsiapa tidur pada suatu malam, sedangkan tangannya berbau, lalu dia tertimpa penyakit, maka itu kesalahan dirinya sendiri." Dalam riwayat yang lain, al-Baihaqi menambahkan: "Barangsiapa tidur pada suatu malam, sedangkan tangannya berbau, lalu dia tidak membasuhnya....".

٢٨٦- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لِيُسَلِّمْ الصَّغِيرُ عَلَى الْكَبِيرِ، وَالْمَارُّ عَلَى الْقَاعِدِ، وَالْقَلِيلُ عَلَى الْكَثِيرِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ. وَفِي رِوَايَةٍ لِمُسْلِمٍ: "وَالرَّاكِبُ عَلَى الْمَاشِي".

286. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Hendaklah yang muda memberi salam kepada yang tua, yang lewat memberi salam kepada yang duduk dan yang sedikit memberi salam kepada yang banyak." (Muttafaq 'alaih. Dalam riwayat Muslim, ada tambahan: "yang berkenderaan memberi salam kepada yang berjalan.": 1473).

**Makna Hadis**

Sebelum ini sudah dibahas hadis yang menyuruh memberi salam ketika berjumpa dengan seorang mulsim, namun hadis itu masih bersifat umum. Kita belum tahu siapa yang harus lebih dahulu memberi salam. Ketidaktahuan ini mengakibatkan seseorang tidak memberi salam kepada rakannya sesame mulimin kerana satu sama lain saling menunggu siapa yang lebih awal memberikan salam kepadanya bahkan kadang kala setiap mereka merasa bahawa orang lain yang harus memberi salam kepadanya.

Hadis ini menjelaskan bahawa yang muda hendaklah memberi salam kepada yang tua, yang melintas memberi salam kepada yang duduk, kumpulan yang sedikit memberi salam kepada kumpulan yang banyak, yang berkenderaan memberi salam kepada yang berjalan kaki.

**Analisis Lafaz**

"وفى رواية لمسلم الراكب على الماشى", lafaz hadis yang tersebut di atas diambil dari riwayat al-Bukhari.

**Fiqh Hadis**

1. Jika yang muda berjumpa yang tua, maka yang mudalah hendaklah lebih dulu memberi salam.
2. Orang yang melintas hendaklah memberi salam kepada orang yang duduk.
3. Orang yang jumlahnya sedikit hendaklah memberi salam kepada orang yang jumlahnya lebih ramai.
4. Orang yang berkenderaan hendaklah memberi salam kepada orang yang berjalan kaki.

Ulama berbeza pendapat sama ada memberi salam hukumnya wajib ataupun hukumnya sunat.

**Penting!**

Menurut al-Nawawi, orang yang baru datang hendaklah memberi salam, sama ada dia tua ataupun muda. Menurut al-Maziri, jika dua orang bertemu sedangkan kedua-duanya sama-sama berada di atas kenderaan atau kedua-duanya sama-sama berjalan kaki, maka orang yang kedudukannya lebih rendah hendaklah terlebih dahulu memberi salam. Menurut pensyarah kitab ini, perintah itu bermaksud orang Islam berlumba supaya lebih awal mengucapkan salam.

Dalam kitab al-Adab al-Mufrad, al-Bukhari meriwaytkan satu hadis dengan sanad sahih daripada Jabir (r.a):

الْمَاشِيَانِ إِذَا اجْتَمَعَا فَأَيُّهُمَا بَدَأَ بِالسَّلَامِ فَهُوَ أَفْضَلُ.

"Dua orang yang berjalan kaki kalau mereka berjumpa, maka siapa pun yang lebih awal memberi salam, maka dialah yang lebih afdhal." Hadis ini dinilai marfu' oleh Abu Awanah dan Ibn Hibban.

Al-Tirmizi meriwayatkan hadis serupa yang marfu' sekali gus menilainya hasan daripada Abu Umamah:

إِنَّ أَوْلَى النَّاسِ بِاللهِ مَنْ بَدأَ بِالسَّلَامِ.

"Orang yang paling afdhal di sisi Allah ialah orang lebih awal memberi salam."

٢٨٧- وَعَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "يُجْزِئُ عَنِ الْجَمَاعَةِ إِذَا مَرُّوا أَنْ يُسَلِّمَ أَحَدُهُمْ وَيُجْزِئُ عَنِ الْجَمَاعَةِ أَنْ يَرُدَّ أَحَدُهُمْ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْبَيْهَقِيُّ.

287. Daripada 'Ali (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jika ada suatu jamaah yang melintas, maka cukuplah satu orang yang mewakili mereka untuk mengucapkan salam. Demikian pula cukuplah satu orang yang mewakili mereka untuk menjawab salam itu." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Baihaqi: 1474).

**Makna Hadis**

Memberikan salam dan menjawabnya hukumnya adalah fardhu kifayah. Jika ada satu orang daripada suatu kumpulan telah menjawab salam, maka gugurlah kewajipan yang lain untuk menjawabnya.

**Analisis Lafaz**

"يجزئ", cukuplah.

**Fiqh Hadis**

Memberikan salam dan menjawabnya hukumnya adalah fardhu kifayah.

**Penting!**

Al-Wahidi berkata: "Jika ada orang yang sedang membaca al-Qur'an, sebaiknya tidak memberi salam kepadanya. Jika ada orang yang memberi salam kepadanya, maka menjawabnya dengan bahasa isyarat sudah dianggap memadai. Jika dia tetap menjawab salam itu, maka hendaklah dia membaca ta'awwuz semula sebelum meneruskan bacaan al-Qur'an. Menurut al-Nawawi, jika orang yang sedang membaca al-Qur'an itu diberi salam, maka dia wajib menjawabnya.

٢٨٨- وَعَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا تَبْدَؤُوا الْيَهُودَ وَالنَّصَارَى بِالسَّلَامِ، وَإِذَا لَقَيْتُمُوهُمْ فِي طَرِيقٍ فَاضْطَرُّوهُمْ إِلَى أَضْيَقِهِ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

288. Daripada 'Ali (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Janganlah kamu memberi salam kepada Yahudi atau Nasrani. Jika kamu bertemu mereka di jalan, maka asaklah mereka supaya berjalan di tempat yang lain." (Dikeluarkan oleh Muslim: 1475).

Hadis ini telah dibahas dalam bab jihad. Dalam seluruh nuskhah ditulis "وعنه". Ini merupakan satu kesilapan kerana periwayat hadis ini ialah Abu Hurairah.

٢٨٩- وَعَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِذَا عَطَسَ أَحَدُكُمْ فَلْيَقُلْ: اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ وَلْيَقُلْ لَهُ أَخُوهُ يَرْحَمُكَ اللهُ، فَإِذَا قَالَ لَهُ: يَرْحَمُكَ اللهُ، فَلْيَقُلْ: يَهْدِيكُمُ اللهُ وَيُصْلِحُ بَالَكُمْ". أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ.

289. Daripada Ali (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Jika salah seorang kamu bersin, maka hendaklah membaca: "اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ" dan bagi saudaranya yang mendengar itu hendaklah membaca: "يَرْحَمُكَ اللهُ". Jika membaca: "يَرْحَمُكَ اللهُ", maka hendaklah dia membaca: "يَهْدِيكُمُ اللهُ وَيُصْلِحُ بَالَكُمْ"." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1476).

Hadis ini telah dibahas pada permulaan bab dan jumhur ulama memilih untuk mengamalkannya.

٢٩٠- وَعَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا يَشْرَبَنَّ أَحَدٌ مِنْكُمْ قَائِمًا". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

290. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Janganlah salah seorang kamu minum dalam keadaan berdiri." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1477).

**Makna Hadis**

Dalam kitabnya al-Musnad, Imam Ahmad meriwayatkan satu hadis ini dengan riwayat yang lain di mana di dalamnya disebutkan alasan dilarang minum dalam keadaann berdiri. Abu Hurairah pernah melihat seseorang minum dalam keadaan berdiri. Lalu Abu Hirairah berkata: "Hentikan itu! Orang itu menjawab: "Kenpa kamu berkata hentikan!" Abu Hurairah menjawab: "Tidakkah kamu benci minum bersama kucing?" Orang itu berkata: "Tidak." Abu Hurairah berkata lagi: "Kamu sedang minum bersama orang yang lebih teruk daripada binatang itu. Dialah syaitan." Kedudukan sanad hadis ini masih dipertikai oleh ulama.

**Analisis Lafaz**

"وعنه", diriwayatka daripadanya. Perkataan 'nya' di sini bermaksud Abu Hurairah.

"لا يشربنّ أحدكم قائما", janganlah kamu minum dalam keadaan berdiri. Lanjutan lafaz hadis ini ialah: "فمن نسي فليستقئ" bermaksud barangsiapa lupa, maka muntahkanlah.

**Fiqh Hadis**

Dilarang minum dalam keadaann berdiri. Menurut Ibn Hazm, larangan bermaksud hukum haram sedangkan ulama yang selainnya berpendapat, larangan itu bermaksud makruh. Ada pula sebahagian ulama yang mengatakan minum dalam keadaan berdiri adalah 'khilaful awla' yakni tidak baik, kerana di dalam Sahih Muslim ada hadis Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Aku memberi minum Rasulullah (s.a.w) air Zamzam yang ketika itu baginda dalam keadaan berdiri." Hadis ini turut diriwayatkan Ali bin Abu Thalib (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w) seperti mana dijelaskan dalam Sahih al-Bukhari.

**Penting!**

Ramai ulama yang menegaskan bahawa minum dalam keadaann berdiri tidak mesti memuntahkannya apabila dia lupa meminum dalam keadaan berdiri. Mereka mengertikan perintah dalam hadis ini hanya sebagai amaran keras, bukan perintah wajib atau sunat.

٢٩١- وَعَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا انْتَعَلَ أَحَدُكُمْ فَلْيَبْدَأْ بِالْيَمِينِ، وَإِذَا نَزَعَ فَلْيَبْدَأْ بِالشِّمَالِ، وَلْتَكُنْ اَلْيُمْنَى أَوَّلَهُمَا تُنْعَلُ، وَآخِرَهُمَا تُنْزَعُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

291. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jika salah seorang kamu ingin memakai selipar, maka mulailah dengan kaki kanan dan jika ingin menanggalkannya, maka mulailah dengan kaki kiri. Jadikanlah kaki kananmu paling pertama ketika memakai selipar dan paling akhir ketika menanggalkannya." (Muttafaq 'alaih: 1478).

**Makna Hadis**

Aisyah (r.a) menceritakan tentang Rasulullah (s.a.w) di mana baginda menyukai untuk mendahulukan yang kanan dalam setiap urusan; ketika memakai selipar, menyikat rambut dan segala bentuk pekerjaan yang lain. Memulakan perkerjaan yang baik dengan sebelah kanan merupakan amalan yang digalakkan oleh syari'at Islam, kerana sebelah kanan merupakan sisi yang lebih dapat merasakan kekuatan, di samping sebelah kanan pula merupakan sisi yang lebih diutamakan. Manakala menanggalkan sesuatu hendaklah dengan sebela kiri. Berpakaian dan menutup aurat merupakan kemuliaan di samping menjaga badan daripada kotoran dan ini berbeza dengan menanggalkan sesuatu, maka sebaikanya dilakukan dengan yang sebelah kiri.

**Analisis Lafaz**

"وعنه", kata ganti 'nya' di sini bermaksud Abu Hurairah.

"انتعل", memakai selipar, kasut ataupun khuf.

"نزع", menanggalkan selipar atau sejenisnyya.

**Fiqh Hadis**

Dalam hadis ini diperintahkan memulakan untuk memasang selipar dengan kaki kanan dan menanggalkannya dengan kaki kiri. Al-Qadhi 'Iyadh mengatakan perintah dalam hadis ini bersifat sunat berdasarkan kesepakatan ulama.

Ibn Abdul Barr berkata: "Barangsiapa memakai selipar yang dimulakan dengan kaki kiri ketika memasangnya, maka dia telah melakukan kesalahan kerana melaggar perintah sunat, namun perbuatan itu tidaklah diharamkan. Ulama yang lain pula seperti mana dinukil oleh al-Shan'ani mengatakan hendaklah ketika menangalkan selipar dimulakan dengan kaki kiri dan memasangnya dengan kaki kanan. Ini bermaksud perintah dalam hadis itu adalah wajib.

٢٩٢- وَعَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا يَمْشِ أَحَدُكُمْ فِي نَعْلٍ وَاحِدَةٍ، وَلْيُنْعِلْهُمَا جَمِيعًا أَوْ لِيَخْلَعْهُمَا جَمِيعًا". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

292. Daripada 'Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Janganlah salah seorang kamu berjalan dengan sebelah selipar sahaja, tetapi hendaklah kedua-dua kakinya memakai sepasang selipar atau lebih baik tidak memakai selipar sama sekali (jika hanya ada sebelah selipar)." (Muttafaq 'alaih: 1479).

**Makna Hadis**

Ulama berbeza pendapat tentang alasan larangan dalam hadis ini. Menurut juhmur ulama, tidak ada alasan larangan dalam hadis ini dan oleh kerananya, mereka tidak mengqiyaskan jenis pakaian selain selipar. Menurut pensyarah kitab ini, alasan larangan itu ialah adanya khuatiran timbulnya penyakit tulang belakang jika perbuatan itu dijadikan kebiasaan yang berterusan.

**Analisis Lafaz**

"وعنه", kata ganti 'nya' di sini adalah Abu Hurairah.

"ولِيُنعلهما", pakailah kedua selipar itu. Namun, ada pendapat lain meskipun dha'if yang mengatakan bahawa kata ganti dalam kalimat ini kembali kepada kedua kaki, yakni pakailkanlah kedua kaki itu selipar.

Menurut pensyarah kitab ini, mengembalikan kata ganti kepada kedua kaki tidaklah betul. Kata ganti itu tetap kembali kepada selipar. Pernahkan kamu mendengar orang berkata menanggalkan kaki? Apa yang ada menanggalkan selipar kecuali jika apa yang dimaksud adalah betul-betul menanggalkan kakinya daripada badannya atau menanggalkan salah satu tulang kakinya dan membiarkan daging kakinya bergantung.

**Fiqh Hadis**

Dalam hadis ini dilarang berjalan dengan memakai sebelah selipar. Larangan ini kelihatannya bersifat haram, namun jumhur ulama menilainya sebagai makruh. Dalil mereka ialah hadis Aisyah (r.a) yang dikeluarkan oleh al-Tirmizi bahawa pernah tali selipar Rasulullah (s.a.w) lalu baginda berjalan dengan memakai sebelah selipar dan kemudian membaikinya. Ulama berbeza pendapat sama hadis ini marfu' atau mawquf.

Ulama menqiyaskan selipar dengan setiap pakaian yang biasanya terdiri daripada sepasang seperti khuf. Al-Khatthabi berpendapat ini diqiyaskan pula dengan orang yang mengeluarkan sebelah tangannya daripada saku sedangkan sebelahnya lagi disimpan di dalam saku yang satunya lagi. Demikian pula memakai pakaian satu bahu sedangkan satunya lagi tidak dipakai.

٢٩٣- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ -رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا- قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا يَنْظُرُ اللهُ إِلَى مَنْ جَرَّ ثَوْبَهُ خُيَلَاءَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

293. Daripada Ibn 'Umar (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Allah tidak akan memandang kepada orang yang menjuntaikan pakaiannya kerana sombong." (Muttafaq 'alaih: 1480).

**Makna Hadis**

Hadis ini melarang untuk melabuh pakaian, bermegah diri dan memperlihatkan sifat sombong. Semua itu dilarang kerana merampas sifat Allah dengan cara mengangkat diri sendiri di hadapan orang lain. Oleh itu, patutlah orang yang berbuat demikian pada hari kiamat kelak tidak dipandang oleh Allah (s.w.t) dengan pandangan rahmat.

**Analisis Lafaz**

"خُيَلاء", sombong dan takbur.

**Fiqh Hadis**

dilarang melabuhkan sarung kerana sombong. Hadis marfu' yang diriwayatkan oleh al-Bukhari menjelaskan maksud melabuhkan pakaian. Hadis itu berbunyi: "Bahagian pakaian yang berada di bawah buku lali akan dimasukkan ke dalam neraka." Namun permasalahan ini berbeza dengan perempuan. Al-Tirmizi dan al-Nasa'i meriwayatkan hadis daripada Ummu Salamah (r.a), beliau bertanya: "Bagaimana pula dengan perempuan yang melabuhkan pakaiannya?" Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tambahkan lagi panjangnya hinga sejengkal." Ummu Salamah bertanya lagi: "Kalau begitu, bererti kaki masih kelihatan. Baginda bersabda: "Labuhkan lagi satu hasta dan jangan melebihi itu." Satu hasta sama dengan dua dua jengkal.

Benarkah maksud larangan dalam hadis ini ialah melabuhkan pakaian dengan tujuan sombong? Jawapannya adalah seperti mana riwayat yang dikeluarkan oleh al-Bukhari daripada Abu Bakar bahawa ketika mendengar larangan ini, Abu Bakar berkata: "Sesungguhnya sarungku ini labuh, keculai apabila aku sering membetulkan. Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Kamu tidak termasuk orang yang melakukannya kerana sombong."

Kadang kala ada pakaian yang labuh tetapi bukan kerana sombong, sebaliknya lantaran istiadat seperti itu. Inilah yang difahami oleh Ibn Abdul Barr, al-Nawawi dan al-Syafi'i yang berpendapat larangan itu adalah makruh.

Ada sebahagian ulama yang mengatakan jika pakaian itu labuh secara tidak sengaja, maka itu tidak dimakruhkan. Jika ia labuh itu kerana jenis pakaiannya, maka itu makruh. Sunnah Nabi (s.a.w) menjelaskan sebaik-baik pakaian ialah pakaian yang bahagian bawahnya sampai ke setengah betis.

**Penting!**

Al-Shan'ani berkata: "Pakaian selain sarung hukumnya adalah sama. Ketika Syu'bah ditanya Muharib bin Disar, berkatalah Syu'bah: "Aku ingat sarung." Muharib berkata: "Rasulullah (s.a.w) tidak mengkhususkan sarung atau qamis sahaja."

Al-Shan'ani berkata lagi: "Ketika disebut kata pakaian, maka maksud hadis ini ialah semua jenis pakaian. Ahli Sunnah selain al-Tirmizi mengeluarkan hadis daripada Ibn Umar daripada ayahnya daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda:

ٱلْإِسْبَالُ فِي ٱلْإِزَارِ وَالْقَمِيْصِ وَالْعِمَامَةِ.

"Melabuhkan pakain itu boleh berlaku pada sarung, qamis dan juga serban." Sanad hadis ini masih dipertikai. Menurut al-Shan'ani lagi, al-Qadhi 'Iyadh menukil daripada ulama bahawa mereka memakruhkan pakain yang terlabuh yang menyalahi adapt kebiasaan.

٢٩٤- وَعَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِذَا أَكَلَ أَحَدُكُمْ فَلْيَأْكُلْ بِيَمِينِهِ، وَإِذَا شَرِبَ فَلْيَشْرَبْ بِيَمِينِهِ، فَإِنَّ الشَّيْطَانَ يَأْكُلُ بِشِمَالِهِ وَيَشْرَبُ بِشِمَالِهِ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

294. Daripada Ibn 'Umar (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) berabda: "Jika salah seorang kamu makan, maka makanlah dengan tangan kanannya dan jika minum, maka minumlah dengan tangan kanannya, kerana sesungguhnya syaitan makan dengan tangan kirinya dan minum dengan tangan kirinya." (Dikeluarkan oleh Muslim: 1481).

**Makna Hadis**

Seorang muslim disuruh menjauhi perilaku fasik dan jalan sesat. Ini berlaku bagi setiap muslim apatah lagi dengan seorang pemimpin. Oleh itu, Rasulullah (s.a.w) melarang makan dan minum dengan tangan kiri, kerana itu adalah perilaku syaitan. Dalam kaitan ini, Allah (s.w.t) berfirman:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِنَّمَا ٱلْخَمْرُ وَٱلْمَيْسِرُ وَٱلْأَنصَابُ وَٱلْأَزْلَـٰمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ ٱلشَّيْطَـٰنِ فَٱجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

*"Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya."* (Surah al-Ma'idah: 90)

Dalam ayat ini Allah menyuruh setiap muslim menjauhi setiap perilaku syaitan lebih-lebih lagi perilaku-perilaku yang sudah ditegaskan dalam ayat ini.

**Analisis Lafaz**

"وعنه", kata ganti di sini adalah Ibn 'Umar.

**Fiqh Hadis**

Hadis ini melarang makan dan minum dengan tangan kiri. Jumhur ulama menganggap sunat makan dengan tanga kanan dan mereka tidak mengharamkan makan dengan tangan kiri. Mazhab Zahiri pula bependapat makan dengan tangan kiri hukumnya haram. Mereka berdalil dengan hadis yang menceritakan bahawa Rasulullah (s.a.w) mendoakan kebinasaan kepada orang yang makan dengan tangan kirinya.

٢٩٥- وَعَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: كُلْ وَاشْرَبْ وَالْبَسْ وَتَصَدَّقْ فِي غَيْرِ سَرَفٍ وَلَا مَخِيلَةٍ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَأَحْمَدُ وَعَلَّقَهُ الْبُخَارِيُّ.

295. Daripada 'Amr bin Syu'aib daripada ayahnya daripada datuknya, beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Makanlah, minumlah, berpakaianlah dan bersedekahlah namun jangan melampaui batas dan jangan pula bersifat sombong." (Dikeluarkan oleh Abu Dawud dan Imam Ahmad, namun al-Bukhari menjadikan hadis ini *mu'allaq*: 1482).

**Makna Hadis**

Allah (s.w.t) berfirman:

۞ يَـٰبَنِىٓ ءَادَمَ خُذُوا۟ زِينَتَكُمْ عِندَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا۟ وَٱشْرَبُوا۟ وَلَا تُسْرِفُوٓا۟ ۚ إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلْمُسْرِفِينَ ﴿٣١﴾

"*Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas.*" (Surah al-A'raf: 31)

Allah (s.w.t) berfirman:

وَٱلَّذِينَ إِذَآ أَنفَقُوا۟ لَمْ يُسْرِفُوا۟ وَلَمْ يَقْتُرُوا۟ وَكَانَ بَيْنَ ذَٰلِكَ قَوَامًا ﴿٦٧﴾

"*Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.*" (Surah al-Furqan: 67)

Allah (s.w.t) berfirman:

وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا كُلَّ ٱلْبَسْطِ فَتَقْعُدَ مَلُومًا مَّحْسُورًا ﴿٢٩﴾

"*Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu di lehermu, dan janganlah pula engkau menghulurkannya dengan sehabis-habisnya, kerana akibatnya akan tinggalah engkau dengan keadaan yang tercela serta kering keputusan.*" (Surah al-Isra': 29)

Ayat-ayat tersebut menyuruh berlaku sederhana dalam setiap urusan kehidupan.

**Analisis Lafaz**

"سَرَف", melampaui batas dalam segala urusan, sama ada perbuatan mahupun perkataan. Melampaui batas sememangnya sering kali terjadi ketika membelanjakannya.

"مَخِيلة", sombong.

**Fiqh Hadis**

1. Dilarang berlebihan ketika makan, minum dan berpakaian. Ibn Abbas berkata: "Barangsiapa membelanjakan satu dirham untuk sesuatu yang haram, maka dia orang zalim." Jadi, Ibn Abbas menganggap haram perbuatan yang melampaui batas kewajaran.
2. Dilarang bersifat sombong dan diharamkan berdasarkan kesepakatan ulama.

**Penting!**

Syeikh Abdul Latif al-Baghdadi berkata: "Hadis ini menghimpun segala jenis keutamaan yang mengatur kehidupan seorang muslim. Hadis mengatur bagaimana cara seseorang memperoleh kemaslahatan jiwa dan raga, baik di dunia maupun di akhirat. Betapa tidak, perbuatan melampaui batas kewajaran dalam perkara apa pun jua pasti membahayakan diri sendiri dan kehidupan. Lama-kelamaan, hidup hancur dan jiwa binasa apabila jiwa itu selalu megikuti keinginan jasad dan syahwatnya.

Demikian pula sifat sombong. Sifat sombong pasti membahayakan diri seorang, kerana dia dibohongi oleh perasaan takbur di dalam dirinya dan di akhirat kelak mendapat dosa serta di dunia pun dia dibenci orang lain.

**Soalan**

1. Apakah takrif adab?
2. Apakah hak muslim kepada muslim yang berjumlah enam perkara itu hanya sebatas enam perkara itu atau sebaliknya?
3. Apa yang dimaksudkan sabda Rasulullah (s.a.w): "Hak muslim ke atas sesama muslim?
4. Apakah hukum memberi salam menurut jumhur ulama?
5. Apakah hukum menghadiri jemputan?
6. Apakah hukum memberi nasihat kepada sesama muslim?
7. Apakah hukum menjwab orang bersin?
8. Bagaimanakah cara menjawab bersin menurut ulama fiqh dan apakah yang dimaksudkan dengan *tasymit* (menjawab orang bersin)?
9. Sebutkan apa-apa yang kamu ketahui tentang adab yang disunatkan bagi orang bersin!
10. Apakah hukum melawat orang sakit?
11. Apakah hukum melayat jenazah?
12. Sebutkan hadis yang menganjurkan seorang muslim mensyukuri nikmat

Allah, tidak boleh ingkar atau memandang remeh pemberian-Nya?
13. Sebutkan apa-apa yang kamu ketahui tentang maksud kebajikan!
14. Apakah maksud kejahatan dan bincangkanlah?
15. Apakah kamu mengetahui jenis bercakap yang dilarang, lalu apa yang dimaksudkan dengan percakapan di sini?
16. Apakah hikmah di sebalik perintah untuk menjilat jari selepas makan?
17. Bincangkanlah hukum membasuh tangan selepas makan!
18. Sebutkan empat golongan yang dianjurkan untuk memberi salam lebih terlebih dahulu!
19. Jika orang yang datang lebih tua, sedangkan orang yang berada di tempat lebih muda, siapakah yang lebih awal memberikan salam?
20. Jika ada satu kumpulan, cukupkah salah seorang daripada mereka memberikan salam atau menjawab salam, kemudian sebutkan dalilnya!
21. Bolehkah jika kamu berjumpa orang Yahudi atau Nasrani memberi salam terlebih dahulu?
22. Apakah hukum minum dalam keadaan berdiri dan sebutkan dalilnya?
23. Lanjutkan hadis berikut ini lalu syarahkan kalimat-kalimatnya! Hadis itu ialah: "إذا انتعل أحدكم فليبدأ باليمين...".
24. Apakah hukum memulakan memasang selipar dengan kaki kanan?
25. Apakah hukum berjalan dengan memakai satu selipar?
26. Sebutkan hadis yang melarang kita melabuhkan pakaian dan bicarakan hukumnya!
27. Apakah hikmah di sebalik dilarang makan dan minum dengan tangan kiri?
28. Sebutkan ayat dan hadis yang melarang kita melampaui batas kewajaran dan bincangkan masalah ini!

# BAB KEDUA
# KEBAIKAN DAN SILATURRAHIM

Kebaikan adalah akhlak mulia manakala silaturrahim pula adalah berbuat baik kepada ahli keluarga sama ada kerabat dekat ataupun kerabat jauh dan lawan silaturrahin ialah memutuskan silaturrahim.

Menurut pensyarah kitab ini, tidak baik kiranya membatasi silaturrahim untuk ahli keluarga sahaja. Ulama, para hafiz, penulis kitab Sunan dan kitab Sihah menyuruh berbuat baik kepada jiran tetangga walaupun mereka bukan ahli keluarga. Ini sama halnya dengan hadis yang melarang bermusuhan di mana ia berlaku umum untuk seluruh umat Islam.

٢٩٦- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ أَحَبَّ أَنْ يُبْسَطَ عَلَيْهِ فِي رِزْقِهِ وَأَنْ يُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ، فَلْيَصِلْ رَحِمَهُ". أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ.

296. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasululah (s.a.w) bersabda: "Barangsiapa yang ingin dimurahkan rizekinya dan dipanjangkan umurnya, maka jalinlah silaturrahim. (Dikeluarkan oleh Bukhari: 1483).

**Makna Hadis**

Hadis ini menjelaskan betapa besar ganjaran pahala silaturrahim di mana ia merupakan salah faktor rizeki dimurahkan dan umur dipanjangkan.

**Analisis Lafaz**

"يُبسَط", dimurahkan. Allah maha pemurah. Maksud murah rizeki ialah diluaskan dan ditambah rizekinya.

"في رزقه", pada rizkinya. Secara zahir, hadis ini kelihatan bercanggah dengan sabda Rasulullah (s.a.w) yang diriwayatkan oleh Ibn Mas'ud yang mengatakan rizeki seseorang sudah ditetapkan sejak dia masih berada di dalam perut ibunya.

Namun ulama cuba menemukan perbezaan kedua hadis itu dan metakwil hadis Abu Hurairah ini. Ulama yang berusaha menggabungkan perbezaan itu berdalil dengan firman Allah (s.w.t):

يَمْحُوا۟ ٱللَّهُ مَا يَشَآءُ وَيُثْبِتُ ۖ وَعِندَهُۥٓ أُمُّ ٱلْكِتَٰبِ ﴿٣٩﴾

*"Allah menghapuskan apa jua yang dikehendakiNya dan Ia juga menetapkan apa jua yang dikehendakinya. Dan (ingatlah) pada sisiNya ada "Ibu segala suratan"."* (Surah al-Ra'd: 39)

Menurut mereka, tidak mustahil merubah rizeki yang sudah ditetapkan dan perubahan itu sendiri diketahui oleh malaikat. Mereka berusaha menyatukan perbezaan kedua hadis ini, kerana mereka memahami hadis itu secara zahir. Bagi mereka, tambahan rizeki difahami secara kasat mata. Mereka berpegang dengan hadis Abu Hurairah (r. a) yang dikeluarkan oleh al-Tirmizi:

صِلَةُ الرَّحِمِ مِثْرَاةٌ فِي الْمَالِ.

"Silaturrahim menambah kekayaan pada harta." Selain itu, mereka berpegang dengan hadis Aisyah (r.a):

صِلَةُ الرَّحِمِ وَحُسْنُ الْجِوَارِ يُعَمِّرَانِ الدِّيَارِ وَيَزِيْدَانِ فِي الْأَعْمَارِ.

"Silaturrahim dan berbuat baik kepada jiran tetangga dapat memakmurkan negeri dan menambah panjang umur."

Ada pula ulama yang berpendapat hadis ini tidak dapat difahami secara zahir, kerana ia tidak bercanggah dengan hadis lain yang memiliki makna serupa jika difaham dengan baik. Mereka ini mengertikan tambahan rizeki di sini sebagai keberkatan, menolak bala dan lain sebagainya. Pendapat mereka ini berlandaskan hadis marfu' yang diriwayatkan oleh Abu Ya'la daripada Anas bahawa:

إِنَّ الصَّدَقَةَ وَصِلَةَ الرَّحِمِ يَزِيْدُ اللهُ بِهِمَا فِي الْعُمْرِ وَيَدْفَعُ بِهِمَا مِيتَةَ السُّوْءِ.

"Sesungguhnya sedekah dan silaturrahim dapat menambah panjang umur dan dapat menolak mati dalam keadaan su'ul khatimah." Sanad hadis ini masih dipertikai.

Menurut pensyarah kitab ini, hadis mereka ini tidak dapat dijadikan hujah, kerana tidak menutup Allah menolak bala daripada seseorang dan pada masa yang sama Dia menambahkan rizekinya.

"ينسأ", diakhirkan dan dilambatkan.

"أثره", ajalnya.

Menurut Ibn al-Bayyin, zahir hadis ini bercanggah dengan firman Allah (s.w.t):

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ فَإِذَا جَآءَ أَجَلُهُمْ لَا يَسْتَأْخِرُونَ سَاعَةً وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ ﴿٣٤﴾

"*Dan bagi tiap-tiap umat ada tempoh (yang telah ditetapkan); maka apabila datang tempohnya, tidak dapat mereka dikemudiankan walau sesaatpun, dan tidak dapat pula mereka didahulukan.*" (Surah al-A'raf: 34)

Ibn al-Bayyin mengatakan bahawa untuk menyatukan perbezaan hadis dengan ayat tersebut, kita mesti melihat dua sudut pandang:

1. Tambahn di sini bermaksud keberkatan umur kerana seseorang itu mendapat taufik Allah sehingga dia dapat berbuat amal ibadah dan menggunakan waktu dengan baik atau dia mendapat taufik Allah kerana dia meninggalkan amal jariah  seperti menulis banyak buku, sedekah jariah dan anak soleh yang selalu mendoakannya.
2. Tambahan di sini ada pula kemungkinan bermaksud seperti apa adanya. Ini jika kita memahami tambahan itu berada dalam pengetahuan malaikat yang ditugaskan untuk pekerjaan ini.

Menurut Ibn al-Bayyin, makna yang kedua ini dinilai kuat oleh al-Thibi dalam kitabnya al-Fa'iq.

٢٩٧- وَعَنْ جُبَيْرِ بْنِ مُطْعِمٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَاطِعٌ، يَعْنِي: قَاطِعَ رَحِمٍ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

297. Daripada Jubair bin Muth'im (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tidak masuk syurga orang yang memutuskan, yakni silaturrahim." (Muttafaq 'alaih: 1484).

**Makna Hadis**

Allah (s.w.t) berfirman:

فَهَلْ عَسَيْتُمْ إِن تَوَلَّيْتُمْ أَن تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ وَتُقَطِّعُوا أَرْحَامَكُمْ ﴿٢٢﴾ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ لَعَنَهُمُ اللَّهُ فَأَصَمَّهُمْ وَأَعْمَىٰ أَبْصَارَهُمْ ﴿٢٣﴾

*"Kalau kamu tidak mematuhi perintah) maka tidakkah kamu harus dibimbang dan dikhuatirkan - jika kamu dapat memegang kuasa - kamu akan melakukan kerosakan di muka bumi, dan memutuskan hubungan silaturrahim dengan kaum kerabat? (Orang-orang yang melakukan perkara yang tersebut) merekalah yang dilaknat oleh Allah serta ditulikan pendengaran mereka, dan dibutakan penglihatannya."* (Surah Muhammad: 22-23)

Hadis yang dibahas ini memiliki maksud yang sama dengan ayat di atas, kerana rahim itu dimuliakan oleh Allah (s.w.t) dan nama rahim itu diambil dari nama Allah, al-Rahim. Kelak pada hari kiamat, rahim itu berkata: "Inikah tempat orang berlindung dengan-Mu daripada memutus silaturrahim?" Allah (s.w.t) berfirman: "Aku menjalin ikatan dengan orang yang menjalin ikatan denganmu dan Aku memutus ikatan dengan orang yang memutus ikatan denganmu." Rahim itu berkata: "Ya."

**Analisis Lafaz**

"يعنى قاطع الرحم", ini merupakan tambahan Ibn Hajar. Beliau menyebut kalimat ini berdasarkan apa yang dia amati dalam riwayat yang lain.

**Fiqh Hadis**

Hadis ini mengatakan tidak masuk syurga orang yang memutuskan ikatan silaturrahim. Ulama berbeza pendapat tentang keluarga yang wajib dijalin silaturrahimnya. Berikut ini pendapat mereka:

1. Mereka adalah antara satu sama lain diharamkan mennikah. Jadi, anak saudara ayah atau saudara ibu tidak termasuk keluarga yang wajib disilaturrahim. Atas dasar inilah ada sebahagian ulama yang mengharamkan untuk memadu seorang perempuan dengan saudara kepada bapak atau saudara ibu kepada perempuan itu, kerana itu dapat memutus ikatan silaturrahim.
2. Mereka ialah orang yang antara satu sama lain saling mewaris. Dalilnya sabda Rasulullah (s.a.w):

   ثُمَّ أَدْنَاكَ فَأَدْنَاكَ.

   "Kemudian yang paling dekat denganmu, lalu orang yang lebih dekat denganmu." Namun dalil ini tidak kuat untuk dijadikan hujah.
3. Mereka ialah kerabat sama ada kerabat dekat yang boleh saling mewaris atau keluarga jauh yang tidak boleh mewaris. Al-Qadhi 'Iyadh berkata: "Silaturrahim itu mempunyai beberapa tingkatan. Serendah-rendah tingkatan silaturrahim ialah tidak ada permusuhan dan menjalinnya walaupun hanya sekadar dengan ucapan salam dan itu sememangnya berbeza-beza tingkatan bergantung kepada kemampuan dan keperluan.

Jadi, silaturrahim adakalanya wajib dan adakalanya pula sunat.

**Penting!**

Kita sudah membahas silaturrahim. Dengan memahaminya, diharapkan kita turut memahami qathi'aturrahim (memutus silaturrahim). Dengan cara apakah silaturrahim dapat putus?

- Menurut Zainuddin al-'Iraqi, silaturrahim putus dengan berbuat jahat kepada keluarga.
- Ada juga yang mengatakan silaturrahim putus dengan tidak berbuat baik, kerana jika hadis itu menyuruh menyambung silaturrahim bererti ia melarang untuk memutuskannya. Jadi, tidak ada perantara antara silah dengan qathi'ah.
- Menurut Ibn Hajar, antara silah dengan qathi'ah itu ada perantara, iaitu: mukafi. Jadi, antara silaturrahim dan qathi'aturrahimn ada atu tingkatan. Ibn Hajar merincinkan sebagai berikut:
    - *a.* *Wasil*, ialah orang yang memberi sesuatu namun tidak mengharapkan sesuatu dari apa yang dia berikan.
    - *b.* *Muka* ialah orang yang memberi sesuatu tidak melebihi dari apa yang dia terima.
    - *c.* *Qathi'* ialah orang yang tidak memberi sesuatu dan tidak pula diberikan.

Menurut pensyarah kitab ini, ada pula orang yang lebih teruk daripada itu iaitu: orang yang menerima pemberian namun memberi sesuatu kurang daripada apa yang dia terima. Ada lagi yang lebih buruk iaitu orang yang menerima sesuatu tetapi berbuat jahat terhadap orang yang memberinya itu.

٢٩٨- وَعَنِ الْمُغِيرَةِ بْنِ شُعْبَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنْ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِنَّ اللهَ حَرَّمَ عَلَيْكُمْ عُقُوقَ الْأُمَّهَاتِ وَوَأْدَ الْبَنَاتِ وَمَنْعًا وَهَاتِ وَكَرِهَ لَكُمْ قِيلَ وَقَالَ وَكَثْرَةَ السُّؤَالِ وَإِضَاعَةَ الْمَالِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

298. Daripada al-Mugirah bin Syu'bah (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Sesungguhnya Allah mengharamkan ke atas kamu berbuat derhaka terhadap ibu, mengubur anak perempuan dalam keadaan hidup, menahan apa yang Allah perintahkan untuk diberikan serta meminta apa yang bukan haknya. Allah pula membenci banyak cakap, banyak bertanya dan membazirkan harta." (Muttafaq 'alaih: 1485).

**Makna Hadis**

Hadis ini memuatkan tiga perkara yang diharamkan dan tiga perkara yang dimaruhkan. Perkara yang diharamkan adalah berbuat derhaka kepada ibu, mengkebumikan anak perempuan dalam keadaan hidup dan mengambil serta menahan sesuatu tetapi tidak selari dengan ajaran syari'at. Manakala perkara yang dimakruhkan pula adalah banyak cakap yang tidak ada manfaatnya, banyak bertanya tetapi bukan untuk menggali ilmu pengetahuan dan menyia-nyiakan harta.

**Analisis Lafaz**

"عقوق", derhaka lawan bakti. Perkataan ini juga memiliki maksud memecahkan atau menghancurkan. Jadi, seolah-olah orang yang derhaka itu telah menghancurkan urusan orang yang diderhakainya.

"الأمهات", ibu. Perkataan ini merupakan bentuk jamak dari perkataan "أمهة" dan digunakan untuk makhluk yang berakal sedangkan perkataan "أمّ" digunakan untuk semua jenis makhluk hidup.

Menyebut perkataan ibu di sini didorong oleh dua faktor, iaitu:

1. Oleh kerana sifat ibu adalah lemah, maka dia mudah merasa disakiti. Ini berbeza dengan ayah di mana keperibadian ayah lebih kuat.
2. Berbuat derhaka kepada ibu dosanya lebih besar berbanding derhaka kepada ayah. Jadi, berbakti kepada ibu lebih ditekankan.

"وأد", mengubur dalam keadaan hidup-hidup.

"منعا وهات", banyak pendapat ulama yang berusah menjelaskan makna kedua perkataan ini. Pendapat yang kuat ialah mencegah apa yang disuruh oleh Allah untuk diberikan dan meminta sesuatu yang bukan haknya.

"قيل وقال", perkataan ini mempunyai beberapa makna yang antara lain:

- Banyak cakap kerana banyak cakap mengakibatkan sering silap.
- Mengejar gosip yang tidak ada manfaatnya.
- Membahas perbezaan pendapat ulama dalam hukum syari'at, namun tidak disertai dengan dalil yang betul. Ketiga-tiga makna ini disokong oleh hadis yang dikeluarkan oleh Muslim:

كَفَى بِالمَرْءِ كَذبًا أَن يُحَدِّثَ بِكُلِّ مَا سَمِعَ.

"Cukuplah seseorang itu dikatakan berbohong ketika dia menceritakan setiap apa yang dia dengar."

"و كثرة السؤال", banyak tanya. Maksud banyak tanya di sini ialah banyak tanya tentang harta seperti mana disebutkan dalam beberapa hadis sahih di mana dilarang banyak tanya tentang harta.

Ada pula kemungkinan bermaksud bertanya tentang kesilapan-kesilapan yang sebenarnya jarang terjadi. Ada hadis Mu'awiah yang diriwayatkan oleh Abu Dawud:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنِ الأُغلُوطَاتِ.

"Rasulullah (s.a.w) melarang daripada bertanya tentang permasalahan-permasalahan yang aneh."

Ada pula kemungkinan maksud banyak tanya di sini ialah bertanya tentang cerita orang dan peristiwa zaman dulu kala.

**Fiqh Hadis**

1. Diharamkan berbuat derhaka kepada ibu atau bapak. Al-Bulqini berkata: "Menurut tradisi, seseorang dikatakan derhaka apabila kedua-duanya atau salah seorang daripada keduanya dianiaya.Jika keduanya atau salah seorang daripada keduanya menyuruh atau melarang daripada melakukan sesuatu, lalu anaknya tidak mematuhi perintah dan larangan itu, maka menurut tradisi, itu belum dikatakan derhaka. Contoh lain pula seorang bapa berhutang kepada anaknya, lalu anak itu mengadukan bapanya ke mahkamah, maka itu tidak dikatakan derhaka, kerana masalah itu pernah terjadi kepada sahabat. Ada seorang sahabat mempunyai seorang anak dan anaknya itu mengadukan kepada Rasulullah (s.a.w) bahawa bapanya telah merampas hartanya. Baginda tidak menganggap ini sebagai perbuatan derhaka. Pendapat ini tidak disetujui oleh al-Shan'ani dengan berdalil kepada sabda Rasulullah (s.a.w) kepada seorang anak:

   أَنْتَ وَ مَالُكَ لِأَبِيكَ.

   "Kamu dan hartamu adalah milik ayahmu" Hadis ini melarang daripada mencegah bapa mengambil harta anak apatah lagi mengadukannya ke mahkamah.
2. Diharamkan mengubur anak perempuan atau anak lelaki hidup-hidup menurut ijma' ulama.
3. Diharamkan menahan apa yang disuruh oleh Allah untuk diagihkan dan meminta sesuatu yang bukan haknya.
4. Dimakruhkan banyak cakap dan banyak bertanya yang tidak ada manfaatnya.
5. Dimakruhkan menyia-nyiakan atau membuang-buang harta. Ulama berbeza pendapat tentang maksud point kelima ini. Ibn Hajar mengatakan ada tiga cara orang membelanjakan hartanya:
   a. Membelanjakan harta dengan cara yang dicela oleh Islam. Cara ini jelas diharamkan.

b. Membelanjakan harta dengan cara yang dipuji oleh Islam. Cara ini disunatkan selagi tidak ada hak yang lebih utama untuk didahulukan.

c. Membelanjakan harta dengan cara yang diharuskan oleh Islam. Cara ini ada bahagian: Pertama, membelanjakan harta dengan cara yang berpatutan dengan keadaan si pemberi dan keadaan ekonominya. Cara ini tidak disebut melampaui batas kewajaran dan tidak pula dikatakan membuang-buang harta. Kedua, membelanjakan harta dengan cara yang tidak berpatutan menurut tradisi. Jika belanja bertujuan mengelak keburukan, maka itu tidak disebut membuang-buang harta, walaupun pada kenyataannya tidak demikian. Namun, jumhur ulama tetap mengatakan itu sebagai membuang-buang harta.

Menurut pensyarah kitab ini, kesemua cara tersebut di atas hukumnya tetap makruh sama ada itu dikatakan melampaui batas kewajarn atau membuang-buang harta. Ini kerana ada sebahagian ulama yang mengatakan maksud melampaui batas kewajaran ialah membelanjakan harta di jalan yang diharamkan. Bukankah membelanjakan harta di jalan yang diharamkan tetap haram, bukan lagi makruh.

٢٩٩- وَعَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عُمَرَ -رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا- عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "رِضَا اللهِ فِي رِضَا الْوَالِدَيْنِ، وَسَخَطُ اللهِ فِي سَخَطِ الْوَالِدَيْنِ". أَخْرَجَهُ التِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ.

299. Daripada Abdullah bin 'Amr bin al-'Ash (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Redha Allah ada pada redha kepada kedua ibu bapa dan murka Allah ada pada murka kedua ibu bapa." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban dan al-Hakim: 1486).

**Makna Hadis**

Setiap amal ibadah pasti dapat mendekatkan diri seseorang kepada rahmat Allah dan setiap perbuatan maksiat dapat mendekakan diri kepada murka-Nya. Jadi, dekat atau jauh seorang hamba daripada cinta dan murka Allah bergantung kepada seberapa banyak amal ibadah atau perbuatan maksiat yang dilakukannya.

Hadis ini membahas salah satu amal ibadah kepada Allah iaitu berbakti kepada kedua ibu bapa. Oleh kerana betapa besar kewajipan kita untuk berbakti kepada kedua ib ubapa dan oleh kerana betapa besar dosa berbuat derhaka kepada keduanya, maka membuat marah keduanya dianggap sebagai perbuatan maksiat.

**Analisis Lafaz**

"سَخَط", "سُخُط" atau "سُخط" huruf kha' dibaca sukun. Lawan kepada redha, yakni murka.

"أخرجه الترمذى", al-Tirmizi menilai hadis ini mawquf, kerana tidak seorang ulama yang menilainya marfu' selain Khalid bin al-Harits. Tetapi, ada ulama lain yang menilainya marfu' seperti Abdurrahman bin al-Mahdi menurut al-Hakim, Abu Ishaq al-Fazari menurut Abu al-Syeikh dalam kitabnya al-Fawa'id dan Ibn 'Asakir dalamnya al-Tarikh. Dengan ini, betullah hadis ini marfu'.

**Fiqh Hadis**

Wajib menyenagkan hati kedua ibu bapa dan haram menyakiti hati mereka. Al-Qadhi 'Iyadh berkata: "Jumhur ulama berpendapat ibu lebih afdhal daripada bapak ketika harus menentukan mana yang lebih dahulukan untuk berbakti kepada salah seorang mereka." Al-Harits al-Muhasibi menegaskan ulama telah bersepakat tentang masalah ini.

٣٠٠- وَعَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَا يُؤْمِنُ عَبْدٌ حَتَّى يُحِبَّ لِجَارِهِ - أَوْ لِأَخِيهِ- مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

300. Daripada Anas (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Demi diriku yang berada di dalam genggaman-Nya, tidak sempurna iman seseorang sehingga dia mencintai jirannya atau saudaranya sama seperti dia mencintai dirinya sendiri." (Muttafaq 'alaih: 1487).

**Makna Hadis**

Rasulullah (s.a.w) menafikan kesempurnaan iman seorang muslim yang tidak mencintai jirannya seperti mana dia mencintai dirinya sendiri. Ia merupakan prinsip seorang muslim untuk berbuat baik kepada seluruh umat manusia lebih-lebih lagi kepada ahli keluarga atau jiran tetangga. Demikian pula hendaklah seorang muslim membenci musibah yang menimpa orang lain sepertimana dia membenci musibah itu jika terjadi ke atas dirinya sendiri. Dalam hadis ini jiran tetangga disebutkan secara khusus dan cinta kepada mereka disamakan dengan cinta kepada diri sendiri. Ini bertujuan untuk mencegah musibah yang terjadi akibat seseorang lebih gemar mengutamakan dirinya berbanding jirannya yang akhirnya jiran itu mendapat kemudharatan.

**Analisis Lafaz**

"لايؤمن", tidak beriman. Dalam kitab Fath al-Bari, Ibn Hajar mengatakan maksud 'tidak beriman' adalah tidak sempurna iman'. Ada soalan, bolehkah seseorang yang telah melakukan ini memperoleh iman yang sempurna, padahal dia belum melaksanakan rukun iman yang lain?

Ungkapan dalam hadis tersebut bersifat *mubalagah*, yakni ungkapan untuk menganggap suatu permasalahan itu besar. Jika melihat riwayat lain ada lanjutan kalimat hadis ini yang berbunyi: "لأخيه المسلم" yakni 'terhadap saudaranya sesama muslim'. Bukankah kita menyedari bahawa untuk mencapai status seorang muslim, tentu banyak jalan yang mesti ditempuh. Ibn Hibban mengeluarkan lafaz hadis yang berbunyi: "لا يبلغ حقيقة الإيمان" yakni 'tidak mencapai hakikat iman'. Maksud hakikat di sini ialah kesempurnaan. Jika seseorang belum mencapai kesempurnaan ini, maka dia tidak boleh dihukum sebagai kafir.

Menurut pensyarah kitab ini, pendapat tersebut tidak sepenuhnya benar. Meskipun seseorang telah mampu melakukan apa yang disebut dalam hadis di atas, dia tidak boleh dikatakan beriman jika tidak melaksanakan rukun iman yang lain. Ini kerana andaikan ada orang berkata: "Tidaklah orang itu sampai ke mihrab sebelum dia melintasi pintu masjid terlebih dahulu." Jika ada orang berkata demikian, maka frasa itu tidak mungkin difahami bahawa jika mahu masuk mihrab, orang itu tidak semestinya memasuki pintu masjid.

"حتى يحب لجاره", ada riwayat lain menggunakan lafaz: "حتى يحب لأخيه" dan ada lagi yang menggunakan lafaz: "لأخيه أوجاره".

**Fiqh Hadis**

Betapa besar hak jiran dan saudara sesama muslim, sehingga tidak sempurna iman seseorang jika tidak mencintai mereka seperti mana dia mencintai dirinya sendiri. Al-Shan'ani berkata: "Jiran yang dimaksud oleh hadis ini bersifat umum yang meliputi jiran muslim, kafir, fasik, teman, musuh, kerabat, orang lain, jiran dekat ataupun jiran jauh. Sesiapa di antara mereka yang mempunyai sifat baik kepada jirannya, maka dialah yang paling mulia.

٣٠١- وَعَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ سَأَلْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَيُّ الذَّنْبِ أَعْظَمُ؟ قَالَ: "أَنْ تَجْعَلَ للهِ نِدًّا، وَهُوَ خَلَقَكَ. قُلْتُ: ثُمَّ أَيٌّ؟ قَالَ: ثُمَّ أَنْ تَقْتُلَ وَلَدَكَ خَشْيَةَ أَنْ يَأْكُلَ مَعَكَ. قُلْتُ: ثُمَّ أَيٌّ؟ قَالَ: ثُمَّ أَنْ تُزَانِيَ حَلِيلَةَ جَارِكَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

301. Daripada Ibn Mas'ud (r.a), beliau berkata: "Saya pernah bertanya kepada Rasulullah (s.a.w): "Dosa apakah yang paling besar?" Baginda menjawab: "Engkau jadikan bagi Allah sekutu, padahal Dialah yang menciptakanmu." Saya bertanya lagi: "Kemudian, apa lagi?" Baginda menjawab: "Engkau bunuh anakmu kerana takut dia makan bersamamu." Saya bertanya lagi: "Kemudian, apa lagi?" Baginda menjawab: "Engkau berzina dengan isteri jiranmu." (Muttafaq 'alaih: 1488).

**Makna Hadis**

Sebesar-besar dosa ialah menyekutukan Allah. Allah (s.w.t) berfirman:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَغۡفِرُ أَن يُشۡرَكَ بِهِۦ وَيَغۡفِرُ مَا دُونَ ذَٰلِكَ لِمَن يَشَآءُۚ وَمَن يُشۡرِكۡ بِٱللَّهِ فَقَدِ ٱفۡتَرَىٰٓ إِثۡمًا عَظِيمًا ﴿٤٨﴾

"*Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukanNya (dengan sesuatu apajua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan SyariatNya). Dan sesiapa yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar.*" (Surah al-Nisa': 48)

Setelah menyutukan Allah, dosa paling besar adalah membunuh, lebih-lebih lagi orang yang dibunuh adalah anaknya sendiri. Dia membunuh anak itu kerana takut anaknya itu ikut makan bersamanya. Allah (s.w.t) berfirman:

وَلَا تَقۡتُلُوٓاْ أَوۡلَٰدَكُمۡ خَشۡيَةَ إِمۡلَٰقٖۖ نَّحۡنُ نَرۡزُقُهُمۡ وَإِيَّاكُمۡۚ إِنَّ قَتۡلَهُمۡ كَانَ خِطۡـٔٗا كَبِيرٗا ﴿٣١﴾

"*Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kepapaan; Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu. Sesungguhnya perbuatan membunuh mereka adalah satu kesalahan yang besar.*" (Surah al-Isra': 31)

Setelah membunuh, dosa paling besar ialah berzina atau berselingkuh dengan isteri jirannya. Orang yang berbuat demikian mendapat dosa yang amat besar; pertama kerana dia berzina dan kedua dia menyakiti hati jirannya. Allah (s.w.t) berfirman:

وَلَا تَقۡرَبُواْ ٱلزِّنَىٰٓۖ إِنَّهُۥ كَانَ فَٰحِشَةٗ وَسَآءَ سَبِيلٗا ﴿٣٢﴾

"*Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).*" (Surah al-Isra': 32)

Allah (s.w.t) mewasiatkan untuk berbuat baik kepada jiran tetangga, seperti mana dalam firman-Nya:

﴿ وَٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا۟ بِهِۦ شَيْـًٔا ۖ وَبِٱلْوَٰلِدَيْنِ إِحْسَـٰنًا وَبِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَـٰمَىٰ وَٱلْمَسَـٰكِينِ وَٱلْجَارِ ذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْجَارِ ٱلْجُنُبِ وَٱلصَّاحِبِ بِٱلْجَنۢبِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَـٰنُكُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا ﴿٣٦﴾

"*Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri.*" (Surah al-Nisa': 36)

Jadi, seolah-olah hadis ini disarikan oleh Rasulullah (s.a.w) dariada firman Allah (s.w.t) berikut:

وَٱلَّذِينَ لَا يَدْعُونَ مَعَ ٱللَّهِ إِلَـٰهًا ءَاخَرَ وَلَا يَقْتُلُونَ ٱلنَّفْسَ ٱلَّتِى حَرَّمَ ٱللَّهُ إِلَّا بِٱلْحَقِّ وَلَا يَزْنُونَ ۚ وَمَن يَفْعَلْ ذَٰلِكَ يَلْقَ أَثَامًا ﴿٦٨﴾ يُضَـٰعَفْ لَهُ ٱلْعَذَابُ يَوْمَ ٱلْقِيَـٰمَةِ وَيَخْلُدْ فِيهِۦ مُهَانًا ﴿٦٩﴾

"*Dan juga mereka yang tidak menyembah sesuatu yang lain bersama-sama Allah, dan tidak membunuh jiwa yang diharamkan Allah membunuhnya, kecuali dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh syarak), dan tidak pula berzina; dan sesiapa melakukan yang demikian, akan mendapat balasan dosanya; Akan digandakan baginya azab seksa pada hari kiamat, dan ia pula akan kekal di dalam azab itu dengan menerima kehinaan.*" (Surah al-Furqan: 68-69)

**Analisis Lafaz**

"نِدًّا", sekutu atau serupa.

"خشية", kerana takut.

"بِحَلِيلة", isteri.

**Fiqh Hadis**

1. Syirik adalah sebesar-besar dosa.
2. Membunuh anak kerana takut miskin merupakan sebsar-besar dosa

setelah dosa syirik.

3. Berzina dengan isteri jiran merupakan sebesar-besar dosa setelah syirik dan membunuh anak.
4. Dosa itu memiliki tingkatan-tingkatan tersendiri.
5. Syirik disebut dosa dan demkian pula membunuh dan berzina.
6. Dibolehkan menimba ilmu daripada orang 'alim apabila diyakini itu menambah pengetahuan.

٣٠٢- وَعَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ -رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا- أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مِنَ الْكَبَائِرِ شَتْمُ الرَّجُلِ وَالِدَيْهِ. قِيلَ: وَهَلْ يَسُبُّ الرَّجُلُ وَالِدَيْهِ؟ قَالَ: نَعَمْ. يَسُبُّ أَبَا الرَّجُلِ فَيَسُبُّ أَبَاهُ، وَيَسُبُّ أُمَّهُ فَيَسُبُّ أُمَّهُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

302. Daripada 'Amr bin al-'Ash (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Antara dosa besar ialah seorang lelaki memaki kedua ibu bapanya sendiri." Ada sahabat yang bertanya: "Mungkinkah seseorang itu memaki kedua ibu bapanya sendiri? Baginda menjawab: "Ya, ada. Dia memaki bapa orang lain, lalu orang itu balik memaki bapanya dan memaki ibunya." (Muttafaq 'alaih: 1489).

**Makna Hadis**

Antara dosa besar adalah memaki kedua ibu bapa atau melakukan sesuatu yang menyebakan orang lain memaki orang tuanya sendiri.

**Analisis Lafaz**

"الكبائر", dosa besar seperti mana dijelaskan dalam hadis Abdullah bin 'Amr bin al-'Ash.

"شتم", memaki.

"فيسبَّ", dinashabkan kerana ada huruf fa'.

**Fiqh Hadis**

Memaki kedua ibu bapa atau melakukan sesuatu yang menyebakan orang lain memaki orang tuanya termasuk dosa besar.

**Penting!**

Ibn Batthal berkata: "Hadis ini dijadikan ladasan kaedah usul fiqh, sadd al-dzarai', yakni barangsiapa yang perbuatannya itu bakal menjurus kepada perbuatan yang diharamkan, maka perbuatan itu diharamkan, walaupun dia tidak bermaksud melakukan perbuatan yang haram itu[6]. Pendapat ini dikuatkan oleh firman Allah (s.w.t):

وَلَا تَسُبُّوا۟ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ فَيَسُبُّوا۟ ٱللَّهَ عَدْوًۢا بِغَيْرِ عِلْمٍ ۗ كَذَٰلِكَ زَيَّنَّا لِكُلِّ أُمَّةٍ عَمَلَهُمْ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِم مَّرْجِعُهُمْ فَيُنَبِّئُهُم بِمَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٠٨﴾

"*Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan. Demikianlah Kami memperelokkan pada pandangan tiap-tiap umat akan amal perbuatan mereka, kemudian kepada Tuhan merekalah tempat kembali mereka, lalu Ia menerangkan kepada mereka apa yang mereka telah lakukan.* " (Surah al-An'am: 108)

Menurut al-Mawardi, dari hadis ini disimpulkan bahawa haram menjual pakaian sutera kepada orang yang telah dikenal pasti akan memakainya, menjual hamba sahaya yang rupawan kepada orang yang sudah dikenal pasti bakal meliwatnya atau menjual psari anggur kepada orang yang sudah dikenal pasti akan membuatnya menjadi arak.

٣٠٣- وَعَنْ أَبِي أَيُّوبَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَا يَحِلُّ لِمُسْلِمٍ أَنْ يَهْجُرَ أَخَاهُ فَوْقَ ثَلَاثِ لَيَالٍ يَلْتَقِيَانِ، فَيُعْرِضُ هَذَا، وَيُعْرِضُ هَذَا، وَخَيْرُهُمَا الَّذِي يَبْدَأُ بِالسَّلَامِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

303. Daripada Abu Ayyub (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tidak halal bagi seorang musim tidak bertegur sapa dengan saudaranya sampai melebihi tiga malam padahal mereka berdua saling berjumpa antara satu sam lain, di mana yang satu berpaling dan yang satu lagi juga berpaling. Sebaik-baik orang di antara keduanya itu ialah orang yang pertama memberi salam." (Muttafaq 'alaih: 1490).

---

[6] Menurut pensyarah kitab ini, pendapat ini sepatutnya ditambah dengan syarat jika diyakini perbuatan itu mengarah kepada perbuatan yang diharamkan.

**Makna Hadis**

Manusia diciptakan dengan tabiatnya yang suka tergesa-gesa dan suka marah. Di dalam dirinya terdapat nafsu yang menyuruhnya berbuat kejahatan dan teman dekatnya adalah syaitan yang selalu menyuruhnya berbuat maksiat. Dia pun sering terperosok ke dalam perbuatan salah. Oleh itu, dia diberi kesempatan dan dibolehkan memusuhi saudaranya selama tiga hari.

Ada yang mengatakan hari pertama hendaklah seseorang pergi untuk menenangkan kemarahan. Hari kedua renungilah kesalahan yang telah dilakukan. Hari ketiga mintalah maaf dan bertaubatlah dari permusuhan yang telah terjadi. Untuk memancing seseorang mahu berdamai, Islam menjelaskan bahawa sebaik-baik dua orang yang saling bermusuhan ialah orang yang lebih dahulu mengucapkan salam kepada saudaranya yang memusuhi dirinya.

**Analisis Lafaz**

"يهجر", bermusuhan dengan perkataan atau perbuatan.

"ليال", yakni, malam dan siang.

"يعرض", berpaling. Ini biasanya perbuatan orang yang tidak mampu memberontak atau perbuatan orang yang ingin memutuskan silaturrahim.

"خيرهما", sebaik-baik orang daripada keduanya.

**Fiqh Hadis**

1. Haram tidak bertegur sapa melebihi waktu tiga hari.
2. Bermusuhan sudah selesai dengan ucapan salam mengikut pendapat pendapat jumhur, Malik dan al-Syafi'i. Mereka berdalil dengan hadis ini dan atsar yang mawquf daripad Ibn Mas'ud.

Imam Ahmad dan Ibn al-Qasim berpendapat jika orang yang menyakitinya tidak bertegus sapa, maka menyelesaikan permushan itu tidaklah cukup dengan sekadar mengucapkan salam, sebaliknya keharmonian hendaklah kembali kepada keadaan seperti sedia kala.

٣٠٤- عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "كُلُّ مَعْرُوفٍ صَدَقَةٌ". أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ.

304. Daripada Jabir (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Setiap kebaikan adalah sedekah." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1491).

٣٠٥- وَعَنْ أَبِي ذَرٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا تَحْقِرَنَّ مِنَ الْمَعْرُوفِ شَيْئًا، وَلَوْ أَنْ تَلْقَى أَخَاكَ بِوَجْهٍ طَلْقٍ.

305. Daripada Abu Dzar (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Janganlah sampai engkau memandang remeh suatu kebaikan, meskipun sekadar menjumpai saudaramu dengan wajah yang ceria." (1492).

٣٠٦- وَعَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا طَبَخْتَ مَرَقَةً، فَأَكْثِرْ مَاءَهَا وَتَعَاهَدْ جِيرَانَكَ". أَخْرَجَهُمَا مُسْلِمٌ.

306. Daripada Abu Dzar (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jika kamu memasak kuah, maka perbanyaklah airnya dan berilah kepada jiranmu." (Kedua-dua hadis ini diriwayatkan oleh Muslim: 1493).

**Makna Hadis**

Segala bentuk kebaikan itu dapat dikategorikan sebagai sedekah. Oleh itu, janganlah memandang remeh kebaikan itu walau sekecil apapun, kerana itu adalah sedekah, malah senyum kepada saudara sesama muslim dan memberi kuah kepada jiran pun dianggap sebagai sedekah.

**Analisis Lafaz**

"معروف", lawan dari kejahatan. Ibn Abu Jamrah berkata: "Ma'ruf ialah suatu kebaikan yang berlandaskan dalil syariat, sama ada kebaikan itu turut diakui oleh adat kebiasaan atau sebaliknya. Jika kebaikan itu dilakukan dengan disertai niat, maka pelakunya diberikan pahala dan jika tidak, maka itu terpulang kepada rahmat Allah.

"صدقة", sedekah ialah setiap perbuatan yang dilakukan untuk mendekatkan diri kepada Allah namun ia tidak wajib.

"تحقرنّ", memandang remeh.

"طلق", huruf lam dibaca sukun. Ada riwayat lain yang menggunakan: "طليق", ceria dan senyum.

"تعاهد", mencari, yakni lihatlah apa-apa yang mereka perlukan dan dermalah kepada mereka mengikut kemampuan.

**Fiqh Hadis**

Setiap kebaikan pasti mendapat pahala dan ia termasuk sedekah dengan syarat ada niat.

Jangan merendahkan suatu kebaikan walau sekecil apa pun.

Disunatkan mencari tahu keadaann jiran dan menolong kesusahan mereka. Berbuat baiklah kepada mereka walaupun hanya memberi mereka semangkuk kuah.

٣٠٧- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ نَفَّسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرَبِ الدُّنْيَا، نَفَّسَ اللهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرَبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ، يَسَّرَ اللهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا، سَتَرَهُ اللهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَاللهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

307. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barangsiapa melapangkan satu kesusahan dunia yang dialami oleh saudaranya sesama muslim, maka Allah akan melapangkan baginya satu daripada banyak kesusahan pada hari kiamat kelak. Barangsiapa memudahkan orang yang sedang dalam kesulitan, maka Allah akan memberi kemudahan baginya di dunia dan akhirat. Barangsiapa menutup aib seorang muslim, maka Allah akan menutup aibnya di dunia dan akhirat. Allah sentiasa membantu hamba-Nya selagi hamba itu membantu saudaranya." (Dikeluarkan oleh Muslim: 1494).

**Makna Hadis**

Pahala yang bakal diterima oleh seseorang di akhirat kelak merupakan ganjaran di atas segala apa yang dilakukannya semasa hidup di dunia, bahkan dia bakal memperoleh ganjaran yang lebih besar daripada apa yang diamalkan ketika di dunia. Apatah lagi jika perbuatan di dunia adalah meringankan kesusahan saudaranya sesama muslim dan merahsiakan aibnya.

Hadis ini mengajarkan kita bahawa barangsiapa ingin Allah (s.w.t) sentiasa menolong dan memberinya taufik, maka hendaklah orang itu sentiasa membantu saudaranya sesama muslim.

**Analisis Lafaz**

"نفّس", melapangkan. Ada riwayat lain menggunakan lafaz "فرّج" di mana kedua kata ini memiliki makna yang sama.

"كَربَة", duka cita, kesedihan, kesusahan.

**Fiqh Hadis**

1. Orang yang melapangkan kesusahan saudaranya sesama muslim memperoleh ganjaran pahala di sisi Allah seperti seseorang yang memberi pinjaman hutang lalu memberi hutang yang sudah tidak mampu lagi dibayarnya itu.
2. Orang yang meringankan kesulitan orang lain mendapat ganjaran pahala di sisi Allah.
3. Orang yang menutup aib saudaranya sesama muslim mendapat ganjaran pahala di sisi Allah. Namun ada sebahagian aib yang tidak boleh ditutupi seperti jika bahaya daripada aib itu boleh menjangkiti orang lain. Contohnya, ada seorang lelaki peminum arak lalu mengajak anaknya turut minum arak, maka perkara ini wajib dlaporkan kepada hakim dan tidak boleh ditutupi.
4. Allah (s.w.t) menolongi hamba-Nya selama hamba itu mahu bersedia menolong saudaranya.

٣٠٨- وَعَنْ أَبِي مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ دَلَّ عَلَى خَيْرٍ، فَلَهُ مِثْلُ أَجْرِ فَاعِلِهِ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

308. Daripada Ibn Mas'ud (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barangsiapa menunjukkan kepada kebaikan, maka dia mendapat ganjaran pahala yang sam seperti ganjaran pahala orang yang melakukan kebaikan itu." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1495).

**Makna Hadis**

Barangsiapa melakukan sesuatu dan perbuatan itu dijangka bakal mengarah kepada sesuatu yang diharamkan, maka perbuatan itu menjadi diharamkan. Nah, masalah ini sama dengan orang yang memberitahukan perbuatan baik, lalu ada orang lain yang melakukannya berdasarkan maklumat yang dia terima, maka pahala orang yang melakukan kebaikan itu juga akan diperoleh oleh orang yang memberitahukannya.

Dari sini dapat difahami bahawa generasi pertama Islam lebih baik daripada generasi berikutnya, kerana Islam pada generasi pertama diambil

daripada sumber yang asli tanpa wujud sebarang penyimpangan. Abad pertama Islam lebih baik daripada abad kedua, abad kedua lebih baik daripada abad ketiga. Orang pertama masuk Islam lebih baik daripada orang yang terakhir masuk Islam. Orang Muhajir lebih baik daripada orang Anshar. Setiap amal kebaikan pasti diketahui oleh Rasulullah (s.a.w) dan mengajak orang lain untuk mengerjakannya.

**Analisis Lafaz**

"دلّ", menunjukkan dengan perkataan atau perbuatan.

"خير" kebaikan sama ada kebaikan duniawi atau kebaikan ukhrawi.

**Fiqh Hadis**

Barangsiapa yang menunjukkan jalan menuju kebaikan, maka dia mendapat ganjaran pahala seperti orang yang melakukan kebaikan itu tanpa mengurangi pahala orang tersebut walau sedikit pun.

٣٠٩- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ -رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا- قَالَ: عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنِ اسْتَعَاذَكُمْ بِاللهِ فَأَعِيذُوهُ، وَمَنْ سَأَلَكُمْ بِاللهِ فَأَعْطُوهُ، وَمَنْ أَتَى إِلَيْكُمْ مَعْرُوفًا فَكَافِئُوهُ، فَإِنْ لَمْ تَجِدُوا، فَادْعُوا لَهُ". أَخْرَجَهُ الْبَيْهَقِيُّ.

309. Daripada Ibn 'Umar (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Jika ada orang yang memintamu perlindungan (dengan sebab Allah), maka berikanlah perlindungan kepadanya. Jika ada orang yang meminta kepadamu, maka berilah dia. Jika ada orang yang datang kepadamu dengan suatu kebaikan, maka balaslah kebakan itu. Jika kamu tidak mempunyai apa-apa sama sekali untuk membalasnya, maka doakanlah orang itu." (Diriwayatkan oleh al-Baihaqi: 1496).

**Makna Hadis**

Prinsip seorang muslim salah satunya ialah mengabulkan permintaan orang yang minta perlindungan, memberi orang yang meminta dan juga membagikan sesuatu kepada orang lain sekuasanya. Jika tidak boleh memberi yang lebih, maka berilah sama seperti anda menerima. Kebaikan dibalas kebaikan. Dan jika tidak kuasa, maka cukuplah dengan mendoakan orang yang telah memberi anda. Itu sudah cukup.

**Analisis Lafaz**

"من استعاذكم بالله فأعيذوه", meminta perlindungan. Ada riwayta lain menggunakan lafaz: "من استجار بالله فأجيروه" di mana maksud keduanya adalah sama, iaitu menghulurkan bantuan untuk meringkan kesusahan yang dialaminya.

"سألكم", meminta harta.

**Fiqh Hadis**

1. Menghulukan bantuan kepada orang yang memerlukannya.
2. Membalas kebaikan orang lain.
3. Mendoakan orang yang telah berbuat baik kepada dirinya jika tidak mempunyai sesuatu yang boleh diberikan kepadanya.

Dalam riwayat Ibn Hibban dan al-Hakim ada tambahan yang menjelaskan kriteria mendoakan orang yang pernah menghulurkan bantuan kepada dirinya:

فَادْعُوا لَهُ حَتَّى تَعْلَمُوا أَنَّكُمْ قَدْ كَافَأْتُمُوهُ.

"Doakanlah dia hingga kamu yakin merasa bahawa kamu telah membalasnya."

**Soalan**

1. Apakah takrif kebajikan?
2. Apakah takrif silaturrahim?
3. Bincangkan kemusykilan pemahaman dalam sabda Rasulullah (s.a.w): "من أحبّ أن يبسط له رزقه وأن ينسأ له فى أثره فليصل رحمه" dan kemukakan jawapannya!
4. Apakah yang dimaksudkan dengan rahim yang wajib dijalin silaturrahim dan sebutkan pendapat ulama mengenainya!
5. Dengan cara apakah rahim itu dapat putus?
6. Ada berapakah cara menjalin ikatan antara seorang muslim dengan saudaranya?
7. Syarahkan kalimat-kalimat berikut ini: "وأد", "منع و هات", "قيل و قال" dan "عقوق" dan mana pula antara kalimat tersebut yang terdapat di dalam hadis al-Mughirah bin Syu'bah!
8. Ada berapa cara orang membelanjakan hartanya?
9. Sebutkan hadis yang menganjurkan kita berbakti kepada kedua ibu bapa!

10. Apakah maksud sabda Rasulullah (s.a.w): "لايؤمن أحدكم – أو عبد— حتى يحبّ لجاره ما يحبّ لنفسه"!
11. Apakah maksud kalimat berikut: "حليلة" ,"خشية" dan "ندّ"?
12. Sebutkan pengajaran dalam hadis Ibn Mas'ud (r.a) yang di dalamnya terdapat kalimat:"أي الذنب أعظم؟"!
13. Diriwayatkan daripada Abdullah bin 'Amr bin al-'Ash (r.a) secara marfu': "من الكبائر شتم الرجل والديه ..." lanjutkan hadis ini dan apa pula pengajaran yang boleh dipetik daripadanya?
14. Apakah di sebalik dibolehkan tidak bertegur sapa hingga waktu tiga hari?
15. Apa pula ucapan yang apabila ia diucapkan maka hilanglah sikap tidak bertegur sapa yang dicela itu?
16. Sebutkan dua hadis yang menyuruh untuk melakukan kebajikan!
17. Sempurnakan hadis Abu Hurairah (r.a) berikut: "من نفس على مسلم..."!
18. Bincangkan hadis berikut: "من دلّ على خير فله مثل أجر فاعله"!
19. Sempurnakan hadis: "من استعاذكم بالله فأعيذوه..."

# BAB KETIGA
# 'ZUHUD DAN WARA

Zuhud ditakrifkan berdasarkan hadis marfu' daripada Abu Dzar (r.a) yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan Ibn Majah adalah:

الزَّهَادَةُ فِي الدُّنيَا لَيسَت بِتَحرِيمِ الحَلَالِ وَلَا إِضَاعَةِ المَالِ وَلَكِنَّ الزَّهَادَةَ فِي الدُّنيَا أَن لَاتَكُونَ بِمَا فِي يَدَيكَ أَوثَقُ مِمَّا فِي يَدِ اللهِ وَ أَن تَكُونَ فِي ثَوَابِ المُصِيبَةِ إِذَا أَنتَ أُصِبتَ بِهَا أَرغَبُ فِيهَا لَو أَنَّهَا بَقِيَت لَكَ.

"Zuhud terhadap dunia bukanlah dengan cara mengharamkan yang halal dan menyia-nyiakan harta, sebaliknya zuhud terhadap dunia adalah sesuatu yang telah menjadi milikmu tidak mengalahkan untuk tetap mengharapkan rahmat yang ada di sisi Allah dan pahala daripada musibah yang menimpamu lebih kamu sukai daripada ia tidak terjadi sama sekali."

Al-Tirmizi berkata: "Hadis ini *gharib*. Kami tidak mengenali hadis ini melainkan riwayat ini sahaja sementara 'Amr bin Waqid seorang munkar hadis ini."

Menurut pensyarah kitab ini, oleh kerana hadis ini tidak sahih, tidak ada salahnya sekiranya zuhud itu ditakrifkan dengan takrifan yang lain seperti brtikuy:

1. Zuhud adalah keinginan yang amat kecil terhadap sesuatu.
2. Zuhud adalah benci kepada dunia dan berpaling daripadanya.
3. Zuhud adalah meninggalkan kenikmatan duniawi untuk mencapai kenikmatan ukhrawi.
4. Zuhud adalah mengosongkan hati daripada sesuatu yang tidak berada dalam genggaman tanganmu.
5. Zuhud adalah mengagih-agihkan apa yang berada di tanganmu dan tidak menyayangi segala yang kamu dapatkan.
6. Zuhud adalah tidak menyesali sesuatu yang telah hilang dan tidak menganggap diri sebagai pemilik sesuatu.

Menurut pensyarah kitab ini, takrif yang disebutkan di atas sudah memadai untuk memahami apa maksud zuhud meskipun belum tentu takrif-takrif itu tepat, kerana di dalam kitab-kitab yang menceritakan tentang zuhud ada banyak penjelasan yang tidak selari dengan beberapa takrif tersebut. Imam Ahmad yang merupakan imam kepada semua orang zuhud memulakan huraian dalam kitabnya tentang zuhud dengan hadis marfu' daripada Abu Hurairah (r.a):

مَن غَدَا إِلَى المَسجِدِ أَو رَاحَ أَعَدَّ اللهُ عَزَّ وَجَلَّ لَهُ فِي الجَنَّةِ نُزُلًا كُلَّمَا غَدَا أَو رَاحَ.

"Barangsiapa yang pergi ke masjid setiap waktu pagi dan waktu petang, maka Allah (s.w.t) mempersiapkan syurga baginya setiap kali dia melangkahkan kakinya pada waktu petang dan pagi itu."

Manakala wara' pula diertikan sebagai taqwa. Ulama memberi definisi wara' ke dalam beberapa takrifan berikut:

1. Wara' adalah menjauhi segala yang syubhat kerana dikhuatiri terjerumus ke dalam perkara yang diharamkan. Pendapat ini selari dengan hadis Rasulullah (s.a.w):

   دَع مَا يُرِيبُكَ إِلَى مَا لَايُرِيبُكَ .

   "Tinggalkanlah perkara yang membuatmu syak kepada perkara yang tidak membuatmu syak." Demikian pula hadis Rasulullah (s.a.w):

   مَن وَقَعَ فِي الشُّبهَاتِ وَقَعَ فِي الحَرَامِ.

   "Barangsiapa terjerumus dalam perkara syubhat, maka dia telah terjatuh ke dalam perkara yang haram." Ibn Hajar mengemukakan hadis ini permulaan bab di sini merupakan inisitif yang bagus dan cemerlang.
2. Wara' adalah meninggalkan perkara yang membuatmu syak.
3. Wara' adalah mengambil yang lebih kuat dan redha menerima perkara yang sulit. Dan masih banyak lagi takrif wara'.

٣١٠- عَنِ النُّعْمَانِ بْنِ بَشِيرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ وَأَهْوَى النُّعْمَانُ بِإِصْبَعَيْهِ إِلَى أُذُنَيْهِ: "إِنَّ الْحَلَالَ بَيِّنٌ، وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ، وَبَيْنَهُمَا مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنِ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ، فَقَدِ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعِرْضِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ كَالرَّاعِي يَرْعَى حَوْلَ الْحِمَى يُوشِكُ أَنْ يَقَعَ فِيهِ، أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمًى، أَلَا وَإِنَّ حِمَى اللهِ مَحَارِمُهُ، أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً، إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا

وَهِيَ الْقَلْبُ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

310. Daripada al-Nu'man bin Basyir (r.a), beliau berkata: "Aku mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda dan al-Nu'man mengisyaratkan kedua jarinya ke arah kedua telinganya: "Sesungguhnya halal itu jelas, dan haram itu juga jelas. Di antara keduanya adalah perkara-perkara syubhat yang kebanyakannya tidak diketahui kebanyakan orang. Sesiapa yang takut melakukan syubhat, maka dia telah menyelamatkan agama dan harga dirinya, dan sesiapa yang terjatuh ke dalam perkara-perkara syubhat, maka dia telah terjatuh ke dalam perkara-perkara yang haram, seperti seorang pengembala yang sedang mengembala di tanah terlarang dan hampir sahaja masuk ke dalamnya. Ketahuilah bahawa setiap raja mempunyai kawasan yang terlarang bagi rakyatnya. Ketahuilah bahawa kawasan terlarang milik Allah adalah perkara-perkara yang diharamkan-Nya. Ketahuilah bahawa di dalam setiap jasad ada seketul daging. Apabila daging itu baik maka baiklah seluruh jasadnya, dan apabila ia rosak maka rosaklah seluruh jasadnya. Ketahuilah bahawa ia adalah hati." (Muttafaq 'alaih: 1497)

**Makna Hadis**

Ulama mengatakan hadis ini merupakan salah satu daripada tiga atau empat hadis yang menjadi landasan hukum Islam. Kenapa demikian? Ini kerana amalan seorang hamba adakalanya berdasarkan pada hukum syariat dan adakalanya sebaliknya. Dalam kaitan ini ada hadis sahih marfu' daripada 'Aisyah (r.a):

مَن أَحدَثَ فِي أَمرِنَا هَذَا مَا لَيسَ فِيهِ فَهُوَ رَدٌّ.

"Barangsiapa yang menciptakan sesuatu yang baru dalam urusan kami ini dan sesuatu itu tidak termasuk dalam ajaran agama kami, maka sesuatu itu ditolak."

Berdasarkan hadis ini, maka mahu tidak mahu amalan yang kita lakukan tidak terlepas daripada salah satu di antara kedua hukum yang disebutkan dalam hadis tersebut. Adakalanya amalan kita itu bersandar kepada hukum Islam ataupun pada perkara syubhat. Dengan hadis al-Nu'man ini, seseorang hendaklah meninggalkan perkara syubhat kerana dikhuatiri terjerumus ke dalam perkara yang haram.

Hadis ini melarang kita melakukan perkara syubhat kerana dikhuatiri terjerumus kepada sesuatu yang diharamkan. Jika telah dikenal pasti perkara itu bukan perkara syubhat atau perkara haram, maka setiap amal perbuatan hendaklah dimulakan dengan niat. Dalam kaitan ini, Rasulullah (s.a.w) bersabda:

إِنَّمَا الأَعمَالُ بِالنِّيَّاتِ.

"Setiap amal perbuatan diambil kira berdasarkan niatnya."

## Analisis Lafaz

"أهوى", mengisyaratkan.

"بأصبعيه إلى أذنيه", al-Nu'man berbuat demikian untuk meyakinkan bahawa beliau betul-betul mendengar hadis itu daripada Rasulullah (s.a.w) secara langsung dan tidak menukil hadis itu daripada lisan sahabat yang lain.

"بين", jelas.

"مشتبهات", sesuatu yang masih diragui halal atau haram.

"استبرأ", menuntut keselamatan atau telah mendapatkannya.

"وقع فى الحرام", yakni hampir jatuh ke dalam perkara yang haram. Apabila seseorang melakukan perkara syubhat sama ertinya dia telah melakukan perkara yang haram.

"الحمى", kawasan larangan.

"يوشك", hampir sahaja.

"لكل ملك حمى", setiap raja memiliki sesuatu yang tidak boleh diambil atau dilanggar.

"محارمه", perbuatan-perbuatan yang diharamkan.

"مضغة", seketul daging sebesar satu suap nasi, yakni hati.

## Fiqh Hadis

1. Allah (s.w.t) telah menjelaskan mana yang halal dan mana yang haram dengan tiada perkara yang syak antara keduanya.
2. Antara halal dan haram terdapat perkara yang syubhat di mana orang kebanyakan tidak dapat mengetahuinya dengan baik. Ulama berbeza pendapat siapa yang dimaksud dengan kebanyakan orang di sini. Ada yang mengatakan maksudnya adalah orang jahil. Ada pula yang mengatakan maksudnya adalah orang yang kurang berilmu. Selain itu ada pula yang mengatakan maksudnya adalah orang selain mujtahid. Ulama berbeza pendapat mengenai sebab seseorang itu terjerumus ke dalam perkara. Apapun, dalam menentukan perkara ini sebaiknya dipastikan terlebih dahulu siapa sebenarnya yang dimaksudkan dengan kebanyakan orang di dalam hadis ini, hingga dengan demikian dapat dikenal pasti sebab mereka terjerumus ke dalam perkara syubhat.
3. Setiap muslim wajib meninggalkan perkara yang syubhat untuk menyelamatkan dirinya, sama ada dari sudut agama ataupun harga dirinya.
4. Sesiapa melanggar perkara-perkara yang syubhat, maka dia sudah hampir masuk ke dalam perkara yang diharamkan, kerana ketika melakukannya dia sudah di kelilingi oleh perkara yang haram.

5. Baik atau tidaknya seseorang bergantung kepada hatinya.

**Penting!**

Al-Shan'ani berkata: "Pesan yang disampaikan oleh hadis ini baik sekali. Rasulullah (s.a.w) mengingatkan bahawa di dalam jasad kita terdapat satu *mudhgah*. *Mudhgah* adalah seketul daging. Dinamakan demikian kerana ukurannya sekecil daging yang boleh dikunyah. Meskipun bersaiz kecil, namun kualiti seseorang seseorang dapat dinilai daripada organ dalam yang bersaiz kecil itu."

Al-Ghazali berpendapat *mudhgah* itu bukanlah hati yang merupakan bahagian daripada organ dalaman tubuh manusia, kerana haiwan pun mempunyai organ hati. Hati yang dimaksud oleh hadis tersebut lebih bersifat ruhiah. Tetapi antara organ hati dengan hati yang bersifat ruhiah ini terdapat hubungan yang rapat. Hati ruhiah ini merupakan hakikat kewujudab manusia. Hati inilah yang dapat mengenal pasti hukum-hukum syariat dan ia bakal dimintai pertanggungjawaban kelak pada hari kiamat."

Al-Shan'ani berkata: "Al-Ghazali menyebutkan seluruh deria dan anggota tubuh manusia termasuk deria batin adalah khadam bagi hati manusia. Hati adalah pusat yang memerintahkan seluruh anggota tubuh yang lain, kerana seluruh anggota badan memang diciptakan untuk menjadi pelayan bagi hati dan anggota badan itu tidak dapat mengelak daripada perintah hati."

Perintah hati kepada seluruh anggota badan serupa dengan perintah Allah (s.w.t) kepada seluruh malaikat-Nya. Para malaikat diciptakan untuk selalu taat kepada Allah (s.w.t) dan tidak memiliki kuasa menolak perintah itu. Perbezaan antara malaikat dengan anggota badan adalah para malakat sedar bahawa menjalankan perintah Allah itu adalah ibadah sedangkan anggota badan tidak menyedari perintah hati.

Hati memerlukan terntera, kenderaan dan bekalan untuk berlayar menuju Allah (s.w.t). Inilah sebabnya hati hati diciptakan. Allah (s.w.t) berfirman:

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

"*Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.*" (Surah al-Zariyat: 56)

Kenderaan hati adalah tubuh, bekalannya adalah ilmu dan perantara yang boleh menyampaikannya kepada tujuan adalah amal soleh.

Al-Shan'ani berkata lagi: "Di dalam hadis ataupun atsar sahabat tidak pernah dijelaskan sama ada hati itu bertempat di otak atau akal."

٣١١- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "تَعِسَ عَبْدُ الدِّينَارِ وَالدِّرْهَمِ وَالْقَطِيفَةِ، إِنْ أُعْطِيَ رَضِيَ، وَإِنْ لَمْ يُعْطَ لَمْ يَرْضَ". أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ.

311. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Celakalah hamba dinar, dirham dan *qathifah*. Jika dia mendapatkannya maka dia berasa seronok, tetapi jika tidak dia berasa kecewa'." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1498)

**Makna Hadis**

Allah (s.w.t) berfirman:

وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يَعْبُدُ ٱللَّهَ عَلَىٰ حَرْفٍ ۖ فَإِنْ أَصَابَهُۥ خَيْرٌ ٱطْمَأَنَّ بِهِۦ ۖ وَإِنْ أَصَابَتْهُ فِتْنَةٌ ٱنقَلَبَ عَلَىٰ وَجْهِهِۦ خَسِرَ ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةَ ۚ ذَٰلِكَ هُوَ ٱلْخُسْرَانُ ٱلْمُبِينُ ﴿١١﴾

"*Dan ada di antara manusia yang menyembah Allah dengan sikap dan pendirian yang tidak tetap, iaitu kalau ia beroleh kebaikan, senanglah hatinya dengan keadaan itu; dan kalau pula ia ditimpa fitnah kesusahan, berbaliklah ia semula (kepada kekufurannya). (Dengan sikapnya itu) rugilah ia akan dunia dan akhirat, itulah kerugian yang terang nyata.*" (Surah al-Hajj: 11)

Rasulullah (s.a.w) menggambarkan jenis manusia seumpama ini dan menyebut pelakunya sebagai hamba dinar. Mereka ini golongan orang yang binasa kerana baginda telah mendoakan mereka demikian.

**Analisis Lafaz**

"تعس", dalam al-Qamus: "Jika bercakap maka kamu katakan: "تَعَس" dan jika bercerita maka kamu katakan: "تَعِس" yakni binasa, celaka, jatuh, malang, kejahatan, jauh, mundur.

Menurut pensyarah kitab ini, perkataan ini bermaksud doa, bukan keterangan. Dengan erti kata lain, semoga orang itu binasa atau celaka. Dalilnya adalah riwayat yang berbunyi:

تَعِسَ وانتَكَسَ وَإِذَا شِيكَ فَلَا انتَقَشَ.

"Semoga binasa dan celaka. Jika binasa, maka tidak ada lagi kejahatan."

"القطيفة", pakaian mewah. Dalam hadis hanya disebut dinar, dirham dan qathifah, padahal masih banyak lagi benda lain yang didoakan kebinasaan oleh Rasulullah (s.a.w). Ini hanya sekadar contoh sahaja.

"رضى", redha kepada Allah (s.w.t).

**Fiqh Hadis**

Celaka dan malanglah orang yang menjadikan dunia sebagai tujuan hidupnya. Dia tidak senang duduk selama tidak mendapatkan keinginan duniawinya dan berasa marah apabila kehilangannya.

٣١٢- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: أَخَذَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِمَنْكِبِي، فَقَالَ: "كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ أَوْ عَابِرُ سَبِيلٍ"، وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ يَقُولُ: إِذَا أَمْسَيْتَ فَلَا تَنْتَظِرِ الصَّبَاحَ، وَإِذَا أَصْبَحْتَ فَلَا تَنْتَظِرِ الْمَسَاءَ، وَخُذْ مِنْ صِحَّتِكَ لِسَقَمِكَ، وَمِنْ حَيَاتِكَ لِمَوْتِكَ. أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ.

312. Daripada Ibn 'Umar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah memegang dua pundakku lalu bersabda: 'Jalanilah kehidupanmu di dunia ini seolah-olah kamu orang asing atau pelancong'." Ibn 'Umar (r.a) berkata: "(Maksud sabda baginda itu adalah) apabila kamu berada di petang hari, maka janganlah kamu menanti datangnya pagi. Apabila kamu berada di pagi hari, maka janganlah kamu menanti datangnya petang. Ambillah kesempatan di masa sihatmu untuk masa sakitmu, dan masa hidupmu untuk masa matimu." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1499)

**Makna Hadis**

Allah (s.w.t) berfirman:

قَٰلَ كَمْ لَبِثْتُمْ فِى ٱلْأَرْضِ عَدَدَ سِنِينَ ﴿١١٢﴾ قَالُوا۟ لَبِثْنَا يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ فَسْـَٔلِ ٱلْعَآدِّينَ ﴿١١٣﴾ قَٰلَ إِن لَّبِثْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا ۖ لَّوْ أَنَّكُمْ كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١١٤﴾

*"Allah bertanya lagi (kepada mereka yang kafir itu): "Berapa tahun lamanya kamu tinggal di bumi?" Mereka menjawab: "Kami tinggal (di dunia) selama sehari atau sebahagian dari sehari; maka bertanyalah kepada golongan (malaikat) yang menjaga urusan menghitung. Allah berfirman: "Kamu tidak tinggal (di dunia) melainkan sedikit masa sahaja, kalau kamu dahulu mengetahui hal ini (tentulah kamu bersiap sedia)."* (Surah al-Mu'minun: 112-114)

Allah (s.w.t) berfirman:

أَلَّا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ﴿٣٨﴾ وَأَن لَّيْسَ لِلْإِنسَٰنِ إِلَّا مَا سَعَىٰ ﴿٣٩﴾ وَأَنَّ سَعْيَهُۥ سَوْفَ يُرَىٰ ﴿٤٠﴾ ثُمَّ يُجْزَىٰهُ ٱلْجَزَآءَ ٱلْأَوْفَىٰ ﴿٤١﴾

" *(Dalam Kitab-kitab itu ditegaskan): Bahawa sesungguhnya seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja). Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya. Dan bahawa sesungguhnya usahanya itu akan diperlihatkan (kepadanya, pada hari kiamat kelak). Kemudian usahanya itu akan dibalas dengan balasan yang amat sempurna.*" (Surah al-Najm: 38-41)

Allah (s.w.t) berfirman:

كُلُّ مَنْ عَلَيْهَا فَانٍ ﴿٢٦﴾ وَيَبْقَىٰ وَجْهُ رَبِّكَ ذُو ٱلْجَلَٰلِ وَٱلْإِكْرَامِ ﴿٢٧﴾

"*Segala yang ada di muka bumi itu akan binasa. Dan akan kekalah Zat Tuhanmu yang mempunyai Kebesaran dan Kemuliaan.*" (Surah al-Rahman: 26-27)

Ayat di atas mengisahkan soalan yang diajukan Allah (s.w.t) kepada orang yang sudah meninggalkan kehidupan dunia (meninggal dunia).

Setiap manusia semestinya sedar bahawa suatu ketika dirinya akan binasa dan kembali kepada Tuhannya. Tiada yang menghalangi antara dirinya dengan kematian melainkan masa yang amat sempit. Oleh itu hendaknya manusia hidup di dunia ini laksana orang asing atau pelancong yang tidak terikat (mencintai) dengan tempat yang dia singgahi.

Selain itu hendaklah setiap insan tidak menanti datangnya pagi apabila dia berada di petang hari, demikian pula sebaliknya. Dan lakukanlah sesuatu kerana dia tidak pernah tahu apa yang akan terjadi pada esok hari.

Ibn 'Umar (r.a) juga mengingatkan kepada kita bahawa masa berlalu dengan pantas dan kadangkala manusia tidak menyedari peredaran masa. Oleh yang demikian, jangan sampai kita terlajak dan tidak sempat melakukan sesuatu yang bermanfaat. Gunakanlah masa dengan baik, kerana belum tentu esok akan sama seperti hari ini.

**Analisis Lafaz**

"بمنكبي", pertemuan antara lengan dan belikat (bahu).

"لسقمك", Untuk (masa) sakitmu.

**Fiqh Hadis**

1. Tidak boleh terpesona kepada dunia.
2. Perintah agar selalu mengingat kematian.
3. Perintah agar selalu menggunakan kesempatan sebelum datang kematian.

**Penting!**

Ibn Batthal berkata: "Seseorang yang mengasingkan dirinya ke negeri lain akan berasa asing bergaul dengan orang-orang di negeri itu. Dia tidak mempunyai kenalan di tempat itu sehingga membuatnya merasa hina dan takut. Demikian juga seorang pelancong. Dia tidak membawa bekalan melainkan yang diperlukannya selama dalam perjalanan saja selain jumlahnya pun sedikit supaya tidak memberatkannya. Dia juga hanya membawa kenderaan (keldai) yang dapat membantunya dalam perjalanan. Ini merupakan isyarat bahawa setiap manusia perlu bersifat zuhud.

٣١٣- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

313. Daripada Ibn 'Umar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Sesiapa menyerupai suatu kaum, maka dia termasuk daripada mereka'." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban: 1500)

**Makna Hadis**

Tiada syak lagi bahawa orang yang menyerupai suatu kaum disebabkan dia suka kepada kaum tersebut ataupun kerana terdapat kesamaan di antara mereka. Oleh itu, orang yang menyerupai suatu kaum adalah bahagian daripada kaum tersebut.

**Analisis Lafaz**

"من تشبه بقوم فهو منهم", sesiapa menyerupai suatu kaum, maka dia termasuk daripada mereka. Menurut al-Manawi, maksud hadis di atas adalah sesiapa yang berpakaian dan berperilaku menyerupai pakaian dan perilaku kaum lain maka dia termasuk golongan mereka. Sedangkan menurut al-Qari pula sesiapa yang menyerupai orang kafir atau fasik dalam berpakaian dan lain sebagainya, maka dosanya sama dengan dosa mereka. Sebaliknya sesiapa yang menyerupai

orang soleh atau orang sufi, maka dia juga mendapat pahala sama seperti mana yang mereka peroleh.

"وصححه ابن حبان", al-'Iraqi mentakhrij hadis ini dalam kitab al-Ihya`. Hadis ini dikategorikan hasan oleh Ibn Hajar dalam kitab al-Fath. Sanadnya pun dianggap jayyid oleh Ibn Taimiyah. Hadis ini dikuatkan pula oleh banyak hadis yang lain.

**Fiqh Hadis**

Sesiapa yang menyerupai suatu kaum, maka dia termasuk daripada mereka. Menurut Ibn Taimiyah dalam kitab Shirat al-Mustaqim, Imam Ahmad dan beberapa ulama yang lain berpegang kepada hadis ini. Hadis ini mengandungi larangan (mengharamkan) menyerupai suatu kaum sepertimana yang difirmankan Allah (s.w.t):

۞ يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَتَّخِذُواْ ٱلْيَهُودَ وَٱلنَّصَـٰرَىٰٓ أَوْلِيَآءَ ۘ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ ۚ وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمْ فَإِنَّهُۥ مِنْهُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿٥١﴾

*"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasrani itu sebagai teman rapat, kerana setengah mereka menjadi teman rapat kepada setengahnya yang lain; dan sesiapa di antara kamu yang menjadikan mereka teman rapatnya, maka sesungguhnya ia adalah dari golongan mereka itu mereka itu. Sesungguhnya Allah tidak memberikan petunjuk kepada kaum yang berlaku zalim."* (Surah al-Ma'idah: 51)

Menurut Ibn Taimiyah, hukum haram dalam hadis ini tidak bersifat mutlak. Seseorang itu dianggap sebagai bahagian daripada kaum yang ditiru berdasarkan aspek mana yang ditirunya. Apabila yang diserupainya itu adalah kekafiran, kefasikan ataupun adat istiadat mereka, maka dia termasuk daripada mereka pada aspek tersebut. Berdasarkan hadis ini, para ulama memakruhkan umat Islam berpakaian seperti orang bukan Islam.

٣١٤- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: كُنْتُ خَلْفَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمًا، فَقَالَ: "يَا غُلَامُ، اِحْفَظِ اللهَ يَحْفَظْكَ، اِحْفَظِ اللهَ تَجِدْهُ تُجَاهَكَ، وَإِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلِ اللهَ، وَإِذَا اسْتَعَنْتَ فَاسْتَعِنْ بِاللهِ". رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَقَالَ: حَسَنٌ صَحِيحٌ.

314. Daripada Ibn 'Abbas (r.a), beliau berkata: "Pada suatu hari tatkala aku berada di belakang Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: 'Wahai hamba, peliharalah Allah, maka Dia akan memeliharamu. Peliharalah Allah, maka kamu akan mendapati Dia menghadap kepadamu. Jika kamu meminta sesuatu,

maka mintalah kepada Allah. Jika kamu memohon pertolongan, maka mintalah pertolongan Allah'." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi, dan menurutnya hadis ini hasan sahih: 1501)

**Makna Hadis**

Hadis yang sama juga diriwayatkan oleh Imam Ahmad dengan lafaz sebagai berikut:

كُنتُ رَدِيفَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا غُلَامُ -أَو يَا غُلَيمُ- أَلَا أُعَلِّمُكَ كَلِمَاتٍ يَنفَعُكَ اللهُ بِهِنَّ؟ فَقُلتُ بَلَى، فَذَكَرَ الحَدِيثَ.

"Ketika aku berbonceng di belakang Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: 'Wahai budak –atau wahai budak kecil– mahukah kamu jika aku ajarkan kalimat yang membuat Allah menganugerahkan manfaat yang banyak?' Aku jawab: 'Ya … dan seterusnya dan di bahagian akhir hadis ini ada tambahan berikut:

تَعَرَّف إِلَى اللهِ فِي الرَّخَاءِ يَعرِفكَ فِي الشِّدَّةِ، قَد جَفَّ القَلَمُ بِمَا هُوَ كَائِنٌ، فَلَو أَنَّ الخَلقَ جَمِيعًا أَرَادُوا أَن يَنفَعُوكَ بِشَيءٍ لَم يَقضِهِ اللهُ تَعَالَى لَم يَقدِرُوا عَلَيهِ، وَإِن أَرَادُوا أَن يَضُرُّوكَ بِشَيءٍ لَم يَكتُبهُ اللهُ عَلَيكَ لَم يَقدِرُوا عَلَيهِ، وَاعلَم أَنَّ فِي الصَّبرِ عَلَى مَا تَكرَهُ خَيرًا كَثِيرًا وَأَنَّ النَّصرَ مَعَ الصَّبرِ وَأَنَّ الفَرَجَ مَعَ الكَربِ وَأَنَّ مَعَ العُسرِ يُسرًا.

"Hendaknya kamu mengingati Allah di waktu lapangmu, maka Dia akan mengingatimu di waktu sempitmu. Sesungguhnya pena telah mengering. Seandainya seluruh makhluk menghendaki suatu manfaat kepadamu, sedangkan Allah tidak menuliskan itu, maka tiadalah kuasa mereka memberikan manfaat itu kepadamu. Dan seandainya mereka menghendaki suatu mudarat kepadamu, sedangkan Allah tidak menuliskannya, maka tiadalah mereka kuasa memberikan mudarat itu kepadamu. Ketahuilah bahawa di sebalik kesabaranmu atas apa yang membuatmu sedih, terdapat kebaikan yang sangat banyak. Sesungguhnya bersama kesabaran ada kemenangan, bersama kesusahan ada kelapangan dan bersama kesulitan ada kemudahan."

Hadis ini mempunyai banyak lafaz. Al-Hafiz Ibn Rajab mengkajinya dan membuat satu karya berupa syarahan hadis ini. Karya tersebut bagus sekali dan tiada duanya.

**Analisis Lafaz**

"احفظ الله", jagalah segala perintah dan larangan Allah.

"يحفظك", dia akan menjagamu daripada segala marabahaya.

"تُجاهك", menghadap kepadamu kerana terlalu dekatnya pertolongan Allah kepada orang yang menjaga batas-batas yang ditetapkan-Nya.

"سألت", meminta hajat dunia dan akhirat.

"وإذا استعنت", mengharap pertolongan dalam segala perkara.

**Fiqh Hadis**

1. Perintah agar kita selalu menjaga batas-batas yang ditetapkan Allah (s.w.t) dengan mentaati perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Perintah ini ditegaskan oleh Allah dalam firman-Nya:

   ٱلتَّٰٓئِبُونَ ٱلۡعَٰبِدُونَ ٱلۡحَٰمِدُونَ ٱلسَّٰٓئِحُونَ ٱلرَّٰكِعُونَ ٱلسَّٰجِدُونَ ٱلۡأٓمِرُونَ بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَٱلنَّاهُونَ عَنِ ٱلۡمُنكَرِ وَٱلۡحَٰفِظُونَ لِحُدُودِ ٱللَّهِۗ وَبَشِّرِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ﴿١١٢﴾

   "*(Mereka itu ialah): orang-orang yang bertaubat, yang beribadat, yang memuji Allah, yang mengembara (untuk menuntut ilmu dan mengembangkan Islam), yang rukuk, yang sujud, yang menyuruh berbuat kebaikan dan yang melarang daripada kejahatan, serta yang menjaga batas-batas hukum Allah. Dan gembirakanlah orang-orang yang beriman (yang bersifat demikian).*" (Surah al-Taubah: 112)

   Dan firman Allah (s.w.t):

   هَٰذَا مَا تُوعَدُونَ لِكُلِّ أَوَّابٍ حَفِيظٍ ﴿٣٢﴾

   "*(Serta dikatakan kepada mereka): "Inilah yang dijanjikan kepada kamu, - kepada tiap-tiap hamba yang sentiasa kembali (kepada Allah dengan mengerjakan ibadat), lagi yang sangat memelihara dengan sebaik-baiknya (segala hukum dan peraturan Allah).*" (Surah Qaf: 32)

2. Sesiapa yang menjaga batas-batas yang telah digariskan Allah (s.w.t), maka Dia akan menjaganya daripada segala macam kejahatan. Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجْعَل لَّهُۥ مَخْرَجًا ﴿٢﴾ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ ۚ وَمَن يَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُۥٓ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ بَـٰلِغُ أَمْرِهِۦ ۚ قَدْ جَعَلَ ٱللَّهُ لِكُلِّ شَىْءٍ قَدْرًا ﴿٣﴾

"*…dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya), serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (Ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendakiNya. Allah telahpun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu.*" (Surah al-Thalaq: 2-3)

3. Pertolongan Allah (s.w.t) adalah dekat kepada orang yang menjaga batas-batas yang telah ditetapkan-Nya.
4. Larangan daripada meminta kepada selain Allah (s.w.t). Allah (s.w.t) telah menjelaskan alasan daripada larangan tersebut melalui firman-Nya:

أُو۟لَـٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ يَبْتَغُونَ إِلَىٰ رَبِّهِمُ ٱلْوَسِيلَةَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ وَيَرْجُونَ رَحْمَتَهُۥ وَيَخَافُونَ عَذَابَهُۥٓ ۚ إِنَّ عَذَابَ رَبِّكَ كَانَ مَحْذُورًا ﴿٥٧﴾

"*Orang-orang yang mereka seru itu, masing-masing mencari jalan mendampingkan diri kepada Tuhannya (dengan berbuat ibadat), sekali pun orang yang lebih dekat kepada Tuhannya, serta mereka pula mengharapkan rahmatNya dan gerun takut akan azabNya; sesungguhnya azab Tuhanmu itu, adalah (perkara yang semestinya) ditakuti.*" (Surah al-Isra': 57)

5. Larangan daripada berlindung kepada selain Allah (s.w.t), sepertimana firman-Nya yang selalu kita baca setiap hari:

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾

"*Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan.*" (Surah al-Fatihah: 5)

٣١٥- وَعَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ، دُلَّنِي عَلَى عَمَلٍ إِذَا عَمِلْتُهُ أَحَبَّنِي اللهُ وَأَحَبَّنِي النَّاسُ، فَقَالَ: اِزْهَدْ فِي الدُّنْيَا يُحِبُّكَ اللهُ، وَازْهَدْ فِيمَا عِنْدَ النَّاسِ يُحِبُّكَ النَّاسُ". رَوَاهُ اِبْنُ مَاجَه وَسَنَدُهُ حَسَنٌ.

315. Daripada Sahal bin Sa'ad (r.a), beliau berkata: "Seorang lelaki datang kepada Rasulullah (s.a.w) dan berkata: 'Wahai Rasulullah, ajarkanlah kepadaku amalan yang apabila aku lakukan, maka Allah dan seluruh manusia akan mencintaiku.' Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Hendaklah kamu bersikap zuhud selama di dunia, maka Allah akan mencintaimu. Zuhudlah kepada apa-apa yang dimiliki orang lain, maka seluruh manusia akan mencintaimu'." (Diriwayatkan oleh Ibn Majah dan sanad hadis ini hasan: 1502)

**Makna Hadis**

Allah (s.w.t) cinta kepada orang yang zuhud terhadap dunia. Kenapa demikian? Ini kerana mereka telah melaksanakan perintah-Nya sehingga mereka tidak tergoda dengan tipu daya dunia. Mereka hanya tergoda kepada sesuatu yang berada di sisi Allah semata. Bukankah manusia lebih suka kepada orang yang tidak mengganggu dan meminta sesuatu yang menjadi miliknya?

**Analisis Lafaz**

"وسنده حسن", inilah pendapat Ibn Hajar. Jika yang dimaksudkan itu adalah sanad Ibn Majah maka itu salah, kerana Ibn Hajar sendiri telah menilai dha'if Khalid bin 'Amr al-Qurasyi, salah seorang periwayat yang terdapat dalam kitab al-Tahdzib wa al-Taqrib. Di dalam kitab itu, ditegaskan bahawa Imam Ahmad dan Ibn Mu'in telah menilainya dha'if orang itu.

Ibn Hajar juga menyampaikan pendapat al-Bukhari yang mengatakan hadis ini munkar. Sedangkan menurut Abu Hatim, hadis itu matruk. Sebahagian besar ulama tidak berpegang kepada hadis ini selain Ibn Hibban. Beliau telah mengemukakan hadis ini di dalam kitabnya al-Tsiqat dan al-Dhu'afa'. Beliau berkata: "Khalid inilah satu-satunya periwayat yang memuat hadis-hadis mawdhu' yang tidak boleh dijadikan dalil."

Tetapi apabila yang dimaksudkan Ibn Hajar adalah menguatkan hadis menjadi hadis hasan dengan sebab adanya riwayat lain, maka beliau benar, kerana al-Munziri mengatakan periwayat itu telah diteliti oleh al-Shan'ani di samping hadis ini dikuatkan oleh banyak riwayat lain.

**Fiqh Hadis**

1. Tidak dianggap salah mencintai sesama manusia, tetapi Allah mesti lebih utama berbanding manusia yang dicintainya itu.
2. Zuhud terhadap dunia adalah salah satu penyebab Allah mencintai hamba-Nya.
3. Cara untuk memperoleh cinta dari sesama manusia adalah tidak mengganggunya dengan cara meminta-minta sesuatu yang menjadi miliknya.

٣١٦- وَعَنْ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَّاصٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "إِنَّ اللهَ يُحِبُّ الْعَبْدَ التَّقِيَّ الْغَنِيَّ الْخَفِيَّ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

316. Daripada Sa'ad bin Abu Waqqash (r.a), beliau berkata: "Aku pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Sesungguhnya Allah mencintai hamba-Nya yang bertakwa, kaya dan tidak suka pamer (riya')'." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1503)

**Makna Hadis**

Allah (s.w.t) mencintai hamba-hamba-Nya yang bertakwa lagi tidak riya'. Mereka ini adalah orang yang tidak mengejar populariti. Mereka tidak suka berpakaian seperti ulama ataupun elit pemerintah. Tujuan hidup mereka hanyalah mengejar redha Allah. Tidak penting bagi mereka dikenali orang ataupun tidak.

**Analisis Lafaz**

"إن الله يحبّ", menurut ulama, bukti cinta Allah kepada hamba-Nya adalah Dia menjadikan kebaikan dan menghindarkan kejahatan daripada hamba-Nya itu. Selain itu Dia juga membuat hamba-Nya itu mencintai makhluk lainnya.

"التقىّ", orang yang melakukan apa yang diwajibkan dan meninggalkan apa yang dilarang kepadanya.

"الغنىّ", orang yang tidak tergoda kepada sesuatu yang bukan miliknya disebabkan hatinya sudah berasa kaya. Betullah apa yang dinyatakan hadis berikut:

لَيسَ الغِنَى عَن كَثْرَةِ العَرَضِ وَلَكِنَّ الغِنَى غِنَى النَّفسِ.

"Kaya bukan bermaksud mempunyai banyak harta, akan tetapi kaya adalah kaya hati."

Dalam kaitan ini Imam al-Syafi'i berkata: "Kaya yang hakiki bukanlah kerana memiliki sesuatu, tetapi kaya adalah kerana tidak memerlukan kepada sesuatu itu." Ulama yang lain juga memberikan definisi kaya, tetapi takrifan yang disebut di atas adalah yang paling tepat dan bagus.

"الخفيّ", tidak menampakkan ibadahnya kepada orang ramai. Ada juga yang memahaminya sebagai seseorang yang menyendiri dan berteman kesunyian.

Pada sebahagian riwayat Muslim, terdapat perbezaan kata. Dalam riwayat itu digunakan perkataan "الحفيّ" dengan huruf ha'. Menurut al-Qadhi 'Iyadh, maksud perkataan ini adalah orang yang suka menyambung silaturrahim serta mengasihi saudaranya dan juga orang yang lemah.

**Fiqh Hadis**

Allah (s.w.t) cinta kepada orang yang bertakwa lagi qana'ah, tidak tergoda kepada sesuatu yang dimiliki orang lain dan tidak suka menonjolkan diri atau mencari populariti. Banyak hadis yang menjelaskan tentang permasalahan ini.

٣١٧- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مِنْ حُسْنِ إِسْلَامِ الْمَرْءِ تَرْكُهُ مَا لَا يَعْنِيهِ". رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ، وَقَالَ: حَسَنٌ.

317. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Sebahagian daripada keindahan Islam yang dianuti seseorang adalah dia meninggalkan perkara-perkara yang tidak penting baginya'." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan menurutnya, hadis ini hasan: 1504)

**Makna Hadis**

Menurut ulama, hadis ini merupakan salah satu daripada empat hadis yang menjadi asas utama dalam agama Islam, kerana ia mengandungi inti daripada segala macam perkara, sama ada perkara yang bersifat keilmuan, amal ibadah ataupun urusan-urusan keislaman yang bersifat kontemporer yang berkaitan dengan kehidupan dunia ataupun akhirat.

**Analisis Lafaz**

"يعنيه", penting baginya.

**Fiqh Hadis**

Setengah daripada keelokan Islam seseorang adalah dia meninggalkan perkara-perkara yang bukan urusannya.

**Penting!**

Al-Shan'ani berkata: "Apa yang dimaksudkan dengan perkara dalam hadis ini sifatnya umum, sama ada perkataan ataupun perbuatan. Antara keindahan Islam seseorang itu adalah dia tidak tergila-gila kepada dunia, jawatan, kemasyhuran, puji-pujian daripada orang lain dan segala perkara yang tidak bermanfaat untuk agamanya."

Kesibukan ulama membahas permasalahan-permasalahan yang bersifat spekulatif ataupun teori-teori fiktif tidak boleh dianggap sebagai perbuatan yang tidak bermanfaat. Tetapi apabila dalam perbahasan itu mereka mengeluarkan komen-komen yang tidak berguna ataupun mengemukakan pemikiran-pemikiran yang tidak berdasarkan dalil dan landasan hukum, maka ia termasuk perbuatan tercela kerana tujuannya hanya mengemukakan pendapat orang lain tanpa disokong oleh dalil.

Menurut pensyarah kitab ini, di zaman ini banyak umat Islam yang terjatuh ke dalam perkara-perkara yang tidak bermanfaat, seperti membaca buku-buku ataupun majalah-majalah yang tidak penting, mengingat atau menghafal nama elit pemerintah dan para menteri sementelah nama-nama para sahabat Nabi (s.a.w) tidak dia kenali. Selain itu ada pula yang suka mempelajari bahasa asing selain bahasa Arab yang membuatnya lupa bahawa bahasa Arab adalah lebih penting dipelajari.

Sebahagian ulama fiqh pula banyak yang disibukkan dengan fatwa-fatwa imamnya dan melupakan fatwa-fatwa Rasulullah (s.a.w). Ulama-ulama hadis pun ada yang sibuk mencatat nama-nama perawi tetapi masih selalu tersilap ketika membaca hadis. Demikianlah contoh perkara-perkara yang tidak bermanfaat tetapi tetap dilakukan oleh sebahagian orang. Perlu diketahui bahawa perkara-perkara mubah tetapi tidak bermanfaat adalah termasuk perkara-perkara yang tidak berguna seperti yang disebutkan hadis ini. Misalnya seseorang itu sepatutnya mempelajari sesuatu ilmu tetapi dia mempelajari ilmu lain yang kurang penting berbanding ilmu yang pertama, maka ini juga termasuk perbuatan yang dicela oleh hadis ini.

٣١٨- وَعَنِ الْمِقْدَامِ بْنِ مَعْدِيكَرِبَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَا مَلَأَ ابْنُ آدَمَ وِعَاءً شَرًّا مِنْ بَطْنٍ". أَخْرَجَهُ التِّرْمِذِيُّ وَحَسَّنَهُ.

318. Daripada al-Miqdam bin Ma'di Karib (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Tidaklah seorang anak Adam memenuhi rongganya dengan sesuatu yang lebih buruk daripada perutnya'." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan menilainya sahih: 1505)

**Makna Hadis**

Dalam lanjutan hadis ini dijelaskan kenapa perut yang penuh itu tidak baik. Berikut ini adalah lanjutan hadis di atas:

بِحَسبِ ابنِ آدَمَ لُقَيمَاتٌ؛ يَقُمنَ صُلبَهُ فَإِن غَلَبَت عَلَيهِ نَفسُهُ، فَثُلُثٌ لِطَعَامِهِ وَ ثُلُثٌ لِشَرَابِهِ وَ ثُلُثٌ لِنَفَسِهِ.

"Cukuplah bagi seorang anak Adam beberapa suap makanan yang dapat menguatkan sulbinya. Jika dia tidak kuasa menahan, maka cukuplah makanan itu memenuhi sepertiga perutnya, yang sepertiga lagi untuk minum dan yang sepertiga lagi untuk nafasnya."

Apa yang pasti, banyak makan membuat seseorang menjadi gemuk. Rasulullah (s.a.w) mencelanya melalui hadis riwayat 'Imran yang sudah dibahas pada bab sebelum ini.

Luqman pernah berkata kepada anaknya: "Wahai anakku, apabila perut sudah penuh, maka fikiran pun tertidur, kecerdikan menjadi bisu dan seluruh anggota badan menjadi malas untuk beribadah. Menurut ilmu kesihatan, kekenyangan mempengaruhi kerja otak, dapat membutakan hati, mengeluarkan banyak gas di dalam perut. Gas itu akan menjalar ke otak dan menyerang saluran oksigen yang menghubungkan ke otak. Akhirnya darah yang dialirkan jantung untuk mencapai otak menjadi semakin berat.

Punca segala maksiat tidak lain adalah syahwat yang tidak terkawal. Sesuatu yang dimasukkan anak Adam ke dalam perutnya akan meningkatkan syahwatnya. Oleh itu dalam kisah tentang Dzun Nun disebutkan bahawa beliau berkata: "Aku tidak pernah kenyang melainkan ia membuatku ingin melakukan maksiat.

**Analisis Lafaz**

"شرّا", lebih buruk.

**Fiqh Hadis**

Hadis ini mengingatkan supaya makan tidak terlalu kenyang.

٣١٩- وَعَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "كُلُّ بَنِي آدَمَ خَطَّاءٌ، وَخَيْرُ الْخَطَّائِينَ التَّوَّابُونَ". أَخْرَجَهُ التِّرْمِذِيُّ وَابْنُ مَاجه وَسَنَدُهُ قَوِيٌّ.

319. Daripada Anas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Setiap anak Adam pasti punya kesalahan. Sebaik-baik manusia yang bersalah adalah yang mahu bertaubat'." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan Ibn Majah. Sanad hadis ini kuat: 1506)

**Makna Hadis**

Manusia diciptakan dengan tabiat suka tergesa-gesa dan lemah. Maka syaitan suka membuat manusia berasa was-was. Ia datang dari sebelah kanan dan kiri, muka dan belakang juga dari bawah. Oleh itu manusia tidak dapat menghindarkan diri daripada melakukan kesalahan dan kerap kali menentang perintah Tuhannya. Tetapi di antara manusia yang berbuat kesalahan atau dosa itu akan ingat dan kembali kepada Tuhannya. Allah lalu memberinya rahmat dan bersikap lembut kepadanya dengan membuka pintu taubat supaya dia boleh keluar daripada dosa dan maksiat yang telah dilakukannya.

Jadi jelaslah bahawa manusia tidak terlepas daripada kesalahan dan dosa, dan sebaik-baik orang yang berdosa adalah mereka yang mahu bertaubat.

**Analisis Lafaz**

"خطّاء", melakukan banyak kesalahan.

"التوّابون", suka bertaubat.

**Fiqh Hadis**

1. Semua manusia mempunyai banyak kesilapan.
2. Setiap manusia yang bertaubat akan diampuni Allah.
3. Sebaik-baik manusia adalah yang banyak bertaubat dan meminta ampunan. Rasulullah (s.a.w) bersabda:

   إِنِّى لَأَستَغفِرُ اللهَ وَأَتُوبُ إِلَيهِ فِى اليَومِ مِائَةَ مَرَّةٍ.

   "Aku meminta ampun kepada Allah dan bertaubat kepada-Nya seratus kali dalam sehari." Bayangkan! Rasulullah (s.a.w) adalah insan yang terjaga daripada dosa tetapi baginda tetap memohon ampunan kepada Allah. Bagaimana pula dengan kita yang tidak terjaga daripada dosa?

٣٢٠- وَعَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الصَّمْتُ حِكْمَةٌ، وَقَلِيلٌ فَاعِلُهُ". أَخْرَجَهُ الْبَيْهَقِيُّ فِي"الشُّعَبِ" بِسَنَدٍ ضَعِيفٍ، وَصَحَّحَ أَنَّهُ مَوْقُوفٌ مِنْ قَوْلِ لُقْمَانَ الْحَكِيمِ.

320. Daripada Anas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Diam itu merupakan suatu hikmah, dan sedikit sahaja yang boleh melakukannya'." (Diriwayatkan oleh al-Baihaqi di dalam kitab al-Syu'ab dengan sanad yang dha'if, tetapi beliau menyatakan bahawa perkataan ini diriwayatkan daripada Luqman al-Hakim: 1507)

**Makna Hadis**

Menurut ulama, Luqman al-Hakim dahulunya selalu menjumpai Nabi Dawud (a.s) selama setahun penuh. Setiap kali menjumpai Nabi Dawud (a.s), dia dapati Nabi Dawud (a.s) sedang memakai baju besi. Luqman tidak pernah melihat baju semacam itu sebelumnya. Nabi Dawud (a.s) membuat baju itu berdasarkan ilmu yang diajarkan Allah (s.w.t) sepertimana disebutkan dalam firman-Nya:

وَعَلَّمْنَـٰهُ صَنْعَةَ لَبُوسٍ لَّكُمْ لِتُحْصِنَكُم مِّنۢ بَأْسِكُمْ ۖ فَهَلْ أَنتُمْ شَـٰكِرُونَ ﴿٨٠﴾

"*Dan Kami mengajar Nabi Daud membuat baju-baju besi untuk kamu, untuk menjaga keselamatan kamu dalam mana-mana peperangan kamu, maka adakah kamu sentiasa bersyukur?*" (Surah al-Anbiya': 80)

Setiap kali Luqman menjumpai Nabi Daud (a.s), dia berasa hairan dengan yang dilihatnya (baju besi). Adakalanya terdetik di hatinya untuk bertanya tetapi dia berusaha menahan diri. Pada suatu ketika tatkala Nabi Daud (a.s) memakai baju itu, beliau berkata: "Sebaik-baik baju besi adalah baju yang digunakan untuk berperang." Lalu Luqman berkata: "Diam itu adalah suatu hikmah dan sedikit sahaja yang boleh melakukannya."

**Analisis Lafaz**

"بسند ضعيف", dengan sanad yang dha'if, tetapi ada banyak hadis lain yang juga menjelaskan tentang keutamaan berdiam diri antara lain adalah:

- "مَن صَمَتَ نَجَا: (Sesiapa yang berdiam diri, maka selamatlah dia). Hadis ini diriwayatkan oleh al-Tirmizi, tetapi hadis ini masih dipertikai kedudukannya oleh ulama.
- "أَمسِك عَلَيكَ لِسَانَكَ": (Tahanlah lidahmu!) Inilah sabda Rasulullah (s.a.w) kepada 'Uqbah bin 'Amir ketika dia bertanya tentang apa yang boleh menyelamatkan dirinya. Menurut sebahagian ulama, hadis ini sahih

tetapi sebahagian yang lain menyatakan tidak.

- "مَن كَانَ يُؤمِنُ بِاللهِ وَاليَوم الآخِرِ فَليَقُل خَيرًا أَو لِيَصمُت": (Sesiapa beriman kepada Allah dan hari kiamat maka berkatalah dengan ucapan yang baik-baik atau jika tidak hendaknya dia diam). Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim.
- Hadis marfu' riwayat Sahal bin Sa'ad: "مَن يَتَوَكَّل لِي لِمَا بَينَ لِحيَيهِ وَرِجلَيهِ أَتَوَكَّلُ لَهُ بِالجَنَّةِ": (Sesiapa bertawakkal kepadaku antara dua janggut dan kakinya, maka akulah yang menjaminnya dengan syurga." Hadis ini disahihkan oleh al-Hakim dan gurunya Ibn Hibban. Ibn Abu al-Dunya banyak membincangkan masalah ini pada bab awal kitabnya al-Shumt.

**Fiqh Hadis**

Hadis ini menggalakaan supaya tidak banyak berkata-kata (diam) kecuali apabila keadaan menghendaki sebaliknya.

**Penting!**

Al-Shan'ani berkata: "Ketahuilah bercakap banyak itu pelbagai jenisnya. Dalam al-Qur'an sudah dijelaskan apa yang digolongkan sebagai bercakap banyak, iaitu:

﴿ لَّا خَيْرَ فِي كَثِيرٍ مِّن نَّجْوَىٰهُمْ إِلَّا مَنْ أَمَرَ بِصَدَقَةٍ أَوْ مَعْرُوفٍ أَوْ إِصْلَٰحٍ بَيْنَ ٱلنَّاسِ ۚ وَمَن يَفْعَلْ ذَٰلِكَ ٱبْتِغَآءَ مَرْضَاتِ ٱللَّهِ فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿١١٤﴾

"*Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisik-bisikan mereka, kecuali (bisik-bisikan) orang yang menyuruh bersedekah, atau berbuat kebaikan, atau mendamaikan di antara manusia. Dan sesiapa yang berbuat demikian dengan maksud mencari keredaan Allah, tentulah Kami akan memberi kepadanya pahala yang amat besar.*" (Surah al-Nisa': 114)

Bahaya bercakap banyak amat besar. Termasuk di antaranya adalah membincangkan kebatilan, seperti menceritakan tentang perbuatn zina, minum arak, orang fasiq, kekayaan para raja dan pesta pora mereka. Demikian pula bergurau secara berlebihan, berdebat, ghibah dan adu domba di mana kedua-dua perbuatan ini dianggap sebagai menghancurkan sendi-sendi agama, sikap bermusuhan dengan cara saling memaki dengan kata-kata kesat, mentertawakan orang lain dan suka berdusta.

**Beberapa soalan**

1. Apa pendapat ulama tentang definisi zuhud?
2. Apa pendapat ulama tentang definisi wara'?
3. Sebutkan teks hadis riwayat al-Nu'man bin Basyir: " أن الحلال بين والحرام بين"!
4. Bagaimana pendapat ulama tentang hadis ini?
5. Siapakah yang dimaksudkan dengan 'kebanyakan orang' yang tidak mengetahui perkara-perkara syubhat?
6. Sebutkan maksud perkataan al-Ghazali tentang *mudhgah*!
7. Lanjutkan dan syarahkan hadis berikut: " تعس عبد الدينار"!
8. Bincangkan maksud hadis berikut: " كُن فِي الدُّنيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ أَو عَابِرُ سَبِيلٍ"!
9. Sebutkan maksud perkataan Ibn Taimiyah dan pendapat ulama yang lain tentang hadis berikut: "مَن تَشَبَّهَ بِقَومٍ فَإِنَّهُ مِنهُم"!

١٠. Sebutkan hadis tentang wasiat Rasulullah (s.a.w) kepada Ibn 'Abbas (r.a) dan bincangkan maksudnya!

١١. Lanjutkan hadis: "ازهَد فِي الدُّنيَا يُحِبُّكَ" !

12. Apakah maksud beberapa perkataan yang terdapat dalam hadis riwayat Sa'ad bin Abu Waqqash (r.a) berikut: "الغنيّ", "الخفيّ" dan "التقيّ"?
13. Bincangkanlah hadis berikut: "مِن حُسنِ إِسلَامِ المَرءِ تَركُهُ مَا لَايَعنِيهِ"!
14. Berikan alasan daripada sabda Nabi (s.a.w): " مَا مَلَأَ ابنُ آدَمَ شَرًا مِّن بَطنِهِ"!
15. Sebutkan hadis yang membincangkan tentang keutamaan tidak bercakap banyak (berdiam diri) selain daripada hadis riwayat Anas (r.a). Sebutkan perdebatan ulama tentang sahih atau tidaknya hadis ini!

# BAB KEEMPAT
# CELAAN KE ATAS PERANGAI YANG BURUK

٣٢١- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِيَّاكُمْ وَالْحَسَدَ، فَإِنَّ الْحَسَدَ يَأْكُلُ الْحَسَنَاتِ كَمَا تَأْكُلُ النَّارُ الْحَطَبَ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ.

321. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Takutlah kamu kepada hasad (dengki). Sesungguhnya hasad dapat memakan kebaikan sepertimana api memakan kayu bakar'." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud: 1508)

٣٢٢- وَلِابْنِ مَاجَه مِنْ حَدِيثِ أَنَسٍ نَحْوُهُ.

322. Ibn Majah juga meriwayatkan hadis daripada Anas (r.a) dengan lafaz yang sama: 1509.

**Makna Hadis**

Hasad merupakan penyakit yang berbahaya, racun pembunuh dan bakteria pemangsa. Apabila penyakit hasad telah menyerang hati seseorang, maka ia akan mengundang pelbagai penyakit lainnya. Hasad boleh menghancurkan yang keperibadian seseorang dan membuatnya menjadi panas baran serta lupa kepada ketentuan Allah mengenai takdir. Akhirnya dia menentang takdir itu. Dia menyangka hasad itu boleh merobah takdir yang sudah ditetapkan Tuhan. Pada hal sesungguhnya dia terjebak ke dalam dosa dan maksiat, kerana hasad akan memakan seluruh kebaikan yang pernah dia buat sepertimana api memakan kayu bakar.

**Analisis Lafaz**

"إياكم", perkataan ini merupakan *dhami*r yang di*nashab*kan, yakni takutlah kamu!

"الحسد", hasad adalah senang melihat kegagalan orang lain.

"تأكل", memakan seluruh kebaikan tanpa sisa sedikit pun. Kebaikan diumpamakan sesuatu yang boleh dimakan.

**Fiqh Hadis**

Hasad diharamkan kerana boleh melenyapkan pahala kebaikan.

٣٢٣- وَعَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَيْسَ الشَّدِيدُ بِالصُّرَعَةِ، إِنَّمَا الشَّدِيدُ الَّذِي يَمْلِكُ نَفْسَهُ عِنْدَ الْغَضَبِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

323. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Tiadalah orang kuat itu orang yang hebat ketika bertarung, tetapi orang kuat adalah yang boleh menahan dirinya ketika marah'." (Muttafaq 'alaih: 1510)

**Makna Hadis**

Setiap orang punya dua kekuatan, iaitu kekuatan fizikal dan kekuatan batin. Kebanyakan orang menilai kekuatan itu terletak pada kekuatan fizikal. Nabi (s.a.w) menjelaskan bahawa kekuatan yang paling diperlukan adalah kekuatan batin, kerana ia mengatasi dan boleh menguasai kekuatan fizikal. Selain kekuatan batin, kita diperintahkan untuk meningkatkan perjuangan menahan hawa nafsu dan syahwat.

Nabi (s.a.w) telah menjelaskan bahawa kekuatan batin seperti amarah akan menggerakkan seluruh anggota badan dan mengarahkannya kepada sesuatu yang tercela. Dan orang yang kuat adalah mereka yang boleh menundukkan amarahnya sehingga tidak dipermainkan oleh amarahnya itu.

**Analisis Lafaz**

"الشديد", kuat.

"الصُّرعة", oerkataan ini merupakan sighat mubalaghah. Maksudnya pemain gulat.

**Fiqh Hadis**

Hadis ini mengingatkan kita supaya menahan amarah. Untuk menundukkannya diperlukan jiwa yang kuat.

**Penting!**

Dalam banyak hadis dijelaskan bahawa Nabi (s.a.w) mengajarkan supaya seseorang yang muncul amarahnya ketika dia dalam keadaan berdiri supaya segera duduk. Jika dia sedang duduk, maka hendaklah dia berbaring. Hadis ini diriwayatkan oleh Ahmad, Abu Dawud dan Ibn Hibban.

Ada juga hadis yang menyebut bahawa Nabi (s.a.w) memerintahkan orang yang marah supaya berwuduk ataupun mandi, sepertimana diriwayatkan oleh Ibn 'Asakir. Akan tetapi hadis itu mauquf.

Dalam hadis yang diriwayatkan Ahmad disebut bahawa Nabi (s.a.w) juga memerintahkan orang yang sedang marah supaya menahan kata-katanya (diam) manakala dalam hadis yang diriwayatkan Ibn Abu Dunya disebutkan bahawa Nabi (s.a.w) menyuruh membaca *A'udzu billahi*.

٣٢٤- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الظُّلْمُ ظُلُمَاتٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

324. Daripada Ibn 'Umar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Kezaliman di dunia akan menjadi pelbagai kezaliman di akhirat'." (Muttafaq 'alaih: 1511)

٣٢٥- وَعَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "اِتَّقُوا الظُّلْمَ، فَإِنَّ الظُّلْمَ ظُلُمَاتٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَاتَّقُوا الشُّحَّ فَإِنَّهُ أَهْلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

325. Daripada Jabir (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Takutlah kamu akan kezaliman, kerana ia akan menjadi pelbagai kezaliman di hari kiamat nanti. Takutlah kamu akan Syuh (sifat kikir), kerana ia yang telah menghancurkan umat sebelum kamu'." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1512)

**Makna Hadis**

Hadis ini mengandungi larangan melakukan kezaliman kerana akibatnya di akhirat sangatlah buruk dan larangan bersifat kikir kerana ia yang menyebabkan

kehancuran umat-umat terdahulu.

**Analisis Lafaz**

"الظلم", perkataan ini tertulis dalam semua riwayat. Maksudnya adalah semua jenis kezaliman, sama ada yang berkaitan dengan jiwa, harta, harga diri dan keyakinan (termasuk agama).

"ظلمات يوم القيامة", ada yang berpendapat kalimat ini bermaksud sesiapa yang melakukan kezaliman akan menerima padahnya dan tidak diberi petunjuk seperti mana orang beriman yang lain.

Ada yang mengatakan bahawa apa yang dimaksudkan dengan kezaliman di hari kiamat adalah kesusahan-kesusahan, dan ada pula yang berpendapat maksudnya adalah hukuman.

"الشحّ", di dalam kitab al-Tafriqah disebutkan beberapa pendapat ulama tentang perbezaan bakhil dan *syuh* (kikir). Ada yang mengatakan *syuh* lebih berat daripada bakhil. Ada pula yang berpendapat syuh adalah bakhil bercampur tamak. Ulama yang lain berpendapat penggunaan kata bakhil lebih khusus, sedangkan *syuh* lebih umum.

"أهلك من كان قبلكم", perkataan *al-Halak* dapat diertikan berdasarkan riwayat lain yang menjelaskannya, iaitu:

حَمَلَهُم عَلَى أَن سَفَّكُوا دِمَاءَهُم وَاستَحَلُّوا مَحَارِمَهُمْ.

"Kikir itu membawa mereka kepada pertumpahan darah dan menghalalkan perkara-perkara yang diharamkan kepada mereka."

**Fiqh Hadis**

1. Diharamkan melakukan kezaliman kerana ia akan mendatangkan pelbagai macam kezaliman di hari kiamat.
2. Sifat bakhil itu diharamkan kerana ia boleh menjadi penyebab terjadinya pertumpahan darah dan membuat orang menghalalkan yang haram.

**Penting!**

Shan'ani berkata: "Ketahuilah bahawa bakhil itu merupakan suatu penyakit, dan ia memiliki penawar. Allah (s.w.t) tidak akan menurunkan suatu penyakit melainkan Dia juga menurunkan ubatnya. Penyakit bakhil itu ada dua penyebabnya, iaitu:

1. Syahwat. Untuk memuaskan syahwat selalunya seseorang memerlukan harta yang banyak dan ambisi yang kuat.

2. Tergila-gila dengan harta. Dunia ini dapat menjadi jalan untuk mengenyangkan syahwat. Wajarlah jika dunia itu digemari oleh sesiapa pun karena ia dipenuhi kenikmatan. Inilah awal daripada kesesatan yang sebenar. Bayangkan, apalah bezanya antara berlian dengan batu biasa kalau bukan kerana ia dapat memenuhi kepuasan! Inilah yang menyebabkan seseorang semakin tergila-gila mencintai hartanya dan membuatnya bakhil.

Untuk mengubati sifat bakhil, seseorang mesti mampu menghilangkan kecintaannya terhadap harta terlebih dahulu. Sedangkan untuk mengubati syahwat, seseorang harus bersifat qana'ah (berasa cukup dan bersabar dengan apa yang ada). Sedangkan untuk mengubati panjang cita-cita (ambisi), seseorang harus banyak-banyak mengingat mati dan merenung bahawa mengumpulkan harta itu adalah pekerjaan yang tidak ada putus-putusnya dan melelahkan, sementelah apabila dia mati, harta itu tidak boleh lagi dia nikmati.

٣٢٦- وَعَنْ مَحْمُودِ بْنِ لَبِيدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ أَخْوَفَ مَا أَخَافُ عَلَيْكُمْ الشِّرْكُ الْأَصْغَرُ: الرِّيَاءُ". أَخْرَجَهُ أَحْمَدُ بِسَنَدٍ حَسَنٍ.

326. Daripada Mahmud bin Labid (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Sesungguhnya apa yang paling aku takutkan ke atas kamu adalah syirik kecil, iaitu riya'." (Diriwayatkan oleh Ahmad dengan sanad yang hasan: 1513)

**Makna Hadis**

Riya' itu dapat merosak amal ibadah sepertimana lebah merosak madu. Begitu besar kerosakan yang ditimbulkan oleh sifat riya' sehingga ia digolongkan sebagai suatu kemusyrikan. Kenapa demikian? Kerana amal ibadah seseorang tidak akan diterima apabila disertai dengan riya', sepertimana firman Allah (s.w.t):

وَقَدِمْنَآ إِلَىٰ مَا عَمِلُواْ مِنْ عَمَلٍ فَجَعَلْنَٰهُ هَبَآءً مَّنثُورًا ﴿٢٣﴾

"*Dan Kami tujukan perbicaraan kepada apa yang mereka telah kerjakan dari jenis amal (yang mereka pandang baik), lalu Kami jadikan dia terbuang sebagai debu yang berterbangan.*" (Surah al-Furqan: 23)

**Analisis Lafaz**

"إنّ أخوف ما أخاف", ada banyak perkara yang aku takutkan terjadi pada kamu. Tetapi ada perkara yang lebih aku takutkan lagi, iaitu riya'.

"الرياء", menurut bahasa, riya' adalah apa yang dilihat oleh seseorang itu tidak sama dengan fakta yang sebetulnya. Sedangkan menurut hukum syariat, riya' itu adalah melaksanakan perintah Allah dan meninggalkan larangan-Nya bukan semata-mata kerana Allah.

**Fiqh Hadis**

Riya' digolongkan sebagai syirik kecil dan dapat merosakkan amal ibadah. Ini terjadi apabila riya' itu berlangsung daripada awal sehingga akhir perbuatan. Apabila riya' itu muncul selepas melakukan sesuatu amal ibadah, maka ulama berbeza pendapat dalam perkara ini. Jika ibadah itu didasari oleh riya' tetapi di tengah-tengah melakukannya dia menyesalinya, maka sebahagian ulama mengatakan dia wajib mengulangi ibadahnya. Pendapat ini disokong oleh al-Ghazali.

٣٢٧- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثٌ: إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ، وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ، وَإِذَا اؤْتُمِنَ خَانَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

327. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Tanda orang munafik itu ada tiga: apabila berbicara, dia berdusta; apabila berjanji, dia menyalahinya dan apabila diberi amanah, dia berkhianat'." (Muttafaq 'alaih: 1514)

٣٢٨- وَلَهُمَا مِنْ حَدِيثِ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرٍو: "وَإِذَا خَاصَمَ فَجَرَ".

328- Al-Bukhari dan Muslim turut mempunyai riwayat lain daripada 'Abdullah bin 'Umar (r.a), iaitu: "... apabila bermusuhan, dia menyimpang daripada kebenaran: 1515"

**Makna Hadis**

Maksud munafik adalah orang yang menyembunyikan akidahnya yang sebenar. Orang munafik adalah mereka yang berpura-pura sebagai muslim dan menyembunyikan kekafirannya. Sifat munafik ini tidak dapat dilihat atau dikenalpasti, kerana ia tersembunyi di dalam hati. Oleh itu, Allah (s.w.t) memberitahukan tanda-tandanya supaya boleh diketahui orang. Allah (s.w.t) memberitahukan tanda-tandanya kepada Rasulullah (s.a.w) dan kemudian

baginda memberitahukannya kepada kita dengan sangat jelas.

Allah (s.w.t) berfirman:

وَلَوْ نَشَآءُ لَأَرَيْنَٰكَهُمْ فَلَعَرَفْتَهُم بِسِيمَٰهُمْ ۚ وَلَتَعْرِفَنَّهُمْ فِى لَحْنِ ٱلْقَوْلِ ۚ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ أَعْمَٰلَكُمْ ﴿٣٠﴾

"*Dan sekiranya Kami kehendaki, tentulah Kami akan memperkenalkan mereka kepadamu (wahai Muhammad), lalu engkau tetap mengenalinya dengan tanda-tanda (yang menjadi sifat) mereka; dan demi sesungguhnya, engkau akan mengenali mereka dari gaya dan tutur katanya. Dan (ingatlah kamu masing-masing), Allah mengetahui segala yang kamu lakukan.*" (Surah Muhammad: 30)

Orang-orang munafik dapat dikenalpasti ketika mereka mengucapkan syahadat. Mereka menyebut nama Muhammad (s.a.w) dengan dhamir ghaib. Selain itu mereka juga dapat dikenalpasti berdasarkan ciri-ciri yang disebutkan dalam hadis di atas.

Sifat munafik ini sudah pasti berpunca daripada niat yang buruk dan hati yang jahat. Dan ia tercermin pada sikap dan tingkah laku mereka sehingga keburukan mereka itu terungkap.

**Analisis Lafaz**

"آية", tanda, ciri.

"فجر", menyimpang daripada kebenaran.

**Fiqh Hadis**

Sifat-sifat yang disebutkan oleh hadis ini merupakan tanda-tanda orang munafik. Mudah-mudahan kita terhindar daripada sifat-sifat sedemikian.

Lalu yang menjadi persoalan, kenapa pada diri orang yang beriman dan rajin melaksanakan perintah agama juga terdapat sifat-sifat semacam itu?

Al-Nawawi berkata: "Menurut ulama dan pendapat ini sahih, ketiga-tiga sifat itu adalah tanda-tanda orang munafik. Jika orang beriman mempunyai sifat semacam itu maka dia digolongkan sama seperti mereka. Bukankah perkataan munafik itu bermaksud memperlihatkan sikap yang berlawanan dengan apa yang terdapat dalam hatinya? Dan sifat ini dapat dijumpai pada orang-orang yang memiliki ketiga-tiga sifat yang tersebut di dalam hadis.

Sifat munafik yang terdapat pada diri orang-orang beriman itu bukan dari segi agamanya (Islam). Tetapi sifat munafiknya itu berkaitan dengan kata-katanya kepada orang lain, janjinya, amanahnya dan sikapnya ketika memusuhi orang lain.

Ada yang mengatakan bahawa tanda-tanda yang tersebut dalam hadis hanyalah pada orang munafik yang hidup di masa Rasulullah (s.a.w). Mereka mengaku beriman tetapi sesungguhnya dusta. Mereka diberi amanah tetapi berkhianat. Mereka berjanji membela agama tetapi mereka lari. Mereka apabila bertengkar, mereka membalasnya dengan cara yang melampaui batas kewajaran. Demikian pendapat Sa'id bin Jubair dan Atha' berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas dan Ibn 'Umar daripada Nabi (s.a.w). Menurut al-Qadhi ;Iyadh, pendapat ini disokong oleh ramai ulama fiqh.

Ada yang mengatakan bahawa hadis ini ditujukan kepada orang-orang tertentu, kerana Nabi (s.a.w) tidak mahu menyebut secara langsung sama ada seseorang itu munafik. Baginda tidak akan mengatakan: "Si Fulan adalah munafik!" Baginda hanya memberikan isyarat. Demikian pendapat al-Khatthabi yang dikutip daripada sebahagian ulama.

٣٢٩- وَعَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "سِبَابُ الْمُسْلِمِ فُسُوقٌ، وَقِتَالُهُ كُفْرٌ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

329. Daripada Ibn Mas'ud (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Menyumpahi seorang muslim adalah kefasikan dan membunuhnya adalah kekafiran'." (Muttafaq 'alaih: 1516)

**Makna Hadis**

Hadis ini melarang kita menyumpahi sesama muslim dan menjatuhkan marwah dirinya, kerana yang demikian itu digolongkan sebagai sifat fasik yang keluar daripada ajaran agama sementelah agama selalu mengajarkan kita supaya berkasih sayang dan saling menjaga kehormatan saudaranya sesama muslim. Agama juga menegaskan bahawa membunuh seorang muslim adalah haram dan adakalanya boleh menyebabkan kekafiran kerana agama hanya memerintahkan memerangi orang kafir saja. Sesiapa yang memerangi seorang muslim, maka seolah-olah dia menganggap saudaranya itu kafir dan membolehkannya membunuh orang itu.

**Analisis Lafaz**

"سِباب", dengan sin kasrah. Menurut Ibrahim al-Harbi, perkataan *sibab* ini lebih keras daripada "السبّ" yang bermaksud menyumpahi dan menyebut-nyebut aibnya, sama ada aib itu memang betul ataupun tidak. Ada yang mengatakan maksud daripada perkataan "السبّ" adalah mempermalukan orang lain. Ada juga yang mengatakan bahawa perkataan "سِباب" bermakna kedua-duanya saling menyumpahi.

"المسلم", di dalam riwayat Ahmad digunakan perkataan "المؤمن".

"فسوق", menurut bahasa, maksudnya adalah keluar. Sedangkan menurut syara' maksudnya keluar daripada ketaatan kepada Allah dan Rasul-Nya. Ini bererti fasik lebih berat daripada maksiat.

"وقتاله كفر", di dalam kitab al-Fath, Ibn Hajar berkata: "Disebabkan dosa membunuh adalah lebih besar berbanding menyumpahi orang lain, maka Nabi (s.a.w) menggunakan perkataan yang lebih keras daripada fasik, iaitu kafir. Maksud daripada kafir di sini bukanlah kafir dari aspek keyakinan, melainkan disebabkan kuatnya larangan itu akhirnya tiada kata lain yang lebih tepat selain kafir.

Ada yang mengatakan menurut bahasa kafir itu bererti pelanggaran, kerana hak muslim tehadap muslim yang lain adalah melindungi dan menolongnya. Maka apabila dia memerangi saudaranya itu bererti dia telah melanggar hak tersebut.

Ada pula yang mengatakan maksud kafir di sini adalah bahawa perbuatan membunuh itu dapat membawa kepada kekafiran. Menurut Ibn Hajar, pentafsiran ini terlalu jauh apatah lagi jika kafir difahami sebagai penyebab sesorang itu diperangi.

**Fiqh Hadis**

1. Dilarang memaki hamun sesama muslim.
2. Setiap muslim hendaklah memuliakan hak muslim yang lain. Sesiapa yang memaki hamun saudaranya sesama muslim maka dia tergolong fasik.
3. Dibolehkan memaki orang kafir harbi. Tetapi para ulama berbeza pendapat boleh atau tidak memaki orang fasik. Kebanyakan ulama membolehkan memaki orang fasik dengan cara memanggil mereka dengan sebutan: "Wahai pemabuk!" ataupun "Wahai pendusta!" Para ulama yang bependapat seperti ini beralasan kerana orang yang tidak boleh dimaki dalam hadis ini adalah yang sempurna Islamnya. Adapun dalil yang mereka pegang adalah:

   اذكُرُوا الفَاسِقَ بِمَا فِيهِ كَي يَحذَرَهُ النَّاسُ.

   "Sebutlahlah keburukan orang fasik itu apa adanya agar orang lain dapat menghindari diri daripadanya." Hadis ini dha'if. Imam Ahmad tidak mengakuinya dan al-Baihaqi menganggapnya tidak berguna, sekalipun perkataan fasik dalam hadis itu boleh ditakwilkan sebagai orang yang menyatakan keluar daripada ketaatan terhadap agama, atau orang yang ingin menjadi saksi, lalu ada orang yang ingn memberitahukan tentang identitinya. Tetapi perlu diketahui bahawa banyak riwayat yang mengemukakan hadis ini.

4. Memerangi saudara sesama muslim adalah dosa besar, kerana yang demikian itu dapat membawa kepada kekafiran.

٣٣٠- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِيَّاكُمْ وَالظَّنَّ، فَإِنَّ الظَّنَّ أَكْذَبُ الحَدِيثِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

330. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Hendaklah kamu menjauhi prasangka, kerana ia merupakan sebenar-benar dusta'." (Muttafaq 'alaih: 1517)

**Makna Hadis**

Dilarang berprasangka kerana ia (dan perasaan was-was yang menyertainya), boleh jadi betul dan boleh jadi juga salah. Nabi (s.a.w) melarang seorang muslim berprasangka, kerana menurut pandangan syariat, prasangka tidak boleh dipercaya.

**Analisis Lafaz**

"إياكم والظنّ", janganlah kamu mempercayai prasangka.

"الظنّ", menurut al-Khatthabi, perkata ini bermaksud tuduhan. Kenapa kita dilarang berprasangka? Ini kerana di dalamnya terdapat tuduhan tanpa bukti yang kuat, seperti menuduh orang berbuat maksiat sementelah buktinya tidak ada.

Sedangkan menurut al-Nawawi, maksud daripada hadis ini adalah larangan menuduh orang secara langsung dan meyakini tuduhan itu. Tetapi jika tuduhan itu sekadar di dalam hati saja dan dia masih ragu (syak), maka dia tidak salah, sepertimana tersebut dalam hadis berikut:

إِنَّ اللهَ تَجَاوَزَ لِأُمَّتِي عَمَّا حَدَثَتْ بِهِ أَنفُسُهَا مَا لَم تعمَل أَو تتَكَلَّم.

"Allah akan mengampuni umatku atas apa yang dia bimbangkan dalam hatinya, selama dia tidak melakukan atau menyatakannya." Hadis ini dinukil oleh al-Qadhi 'Iyadh daripada Sufyan.

"أكذب الحديث", sebenar-benar dusta. Kenapa demikian? Ini kerana prasangka adalah bisikan hati yang berbeza dengan fakta di samping tidak berpegang kepada bukti yang nyata.

**Fiqh Hadis**

Jauhilah berburuk sangka. Secara hukum, para ulama membahagikan prasangka ini kepada empat bahagian, iaitu wajib, haram, sunnat dan harus (boleh).

1. Wajib berbaik sangka kepada Allah (s.w.t).
2. Diharamkan berburuk sangka kepada Allah (s.w.t) dan kepada orang yang secara zahir terlihat adil dan mempunyai maruah. Inilah prasangka yang dimaksud oleh hadis ini.
3. Disunnatkan berbaik sangka kepada orang yang secara zahir terlihat adil dan mempunyai maruah.
4. Diharuskan (boleh) berprasangka kepada orang yang dibimbangkan berbuat dosa di kalangan masyarakat, kerana dia memang pernah dilihat melakukannya. Berburuk sangka kepada orang seperti ini tidak diharamkan.

٣٣١- وَعَنْ مَعْقِلِ بْنِ يَسَارٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "مَا مِنْ عَبْدٍ يَسْتَرْعِيهِ اللهُ رَعِيَّةً، يَمُوتُ يَوْمَ يَمُوتُ، وَهُوَ غَاشٌّ لِرَعِيَّتِهِ، إِلَّا حَرَّمَ اللهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

331. Daripada Ma'qil bin Yasar (r.a), beliau berkata: "Aku pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Tiadalah seorang hamba yang telah diberi amanah kepimpinan oleh Allah, lalu dia mati kerana datang ajalnya, sedangkan dia selalu menzalimi rakyatnya, melainkan Allah mengharamkan ke atasnya syurga'." (Muttafaq 'alaih: 1518)

**Makna Hadis**

Ma'qil menyampaikan hadis ini disebabkan pada zamannya ada seorang pemimpin bernama Ubaidillah bin Ziyad. Dia adalah seorang yang jahil dan suka menumpahkan darah rakyatnya. Pada suatu hari, Ma'qil datang menjumpainya dan berkata: "Hentikanlah perbuatan kamu ini!"

Ubaidullah menjawab: "Kenapa kamu melarangku?"

Lalu Ma'qil keluar dan pergi ke masjid. Sesampainya di masjid, beliau disoal oleh al-Hasan: "Apa tanggapanmu atas komentar orang jahil dan zalim itu?"

Ma'qil mejawab: "Aku diberi amanah berupa ilmu dan aku tidak mahu mati sebelum mengatakan ini di hadapan manusia.

Setelah beberapa waktu, Ma'qil jatuh sakit. Pada suatu hari Ubaidillah datang melawatnya. Ketika itulah Ma'qil menyampaikan hadis ini. Demikian riwayat yang tertulis di dalam kitab al-Kabir karangan al-Thabarani.

**Analisis Lafaz**

"يسترعيه الله", Allah menjadikannya sebagai seorang pemimpin.

"غاش", tidak bersih, yakni zalim, suka menumpahkan darah, merampas harta dan harga diri, tidak menunaikan hajat rakyat dan masih banyak lagi jenis kejahatan lainnya.

**Fiqh Hadis**

Hadis ini mengandungi ancaman yang berat kepada para pemimpin yang zalim dan orang yang tiada mahu menasihati umatnya sedangkan dia diamanahi tugas membimbing mereka.

٣٣٢- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "اَللَّهُمَّ مَنْ وَلِيَ مِنْ أَمْرِ أُمَّتِي شَيْئًا، فَشَقَّ عَلَيْهِ، فَاشْقُقْ عَلَيْهِ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

332. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah berdoa: 'Ya Allah, sesiapa yang memimpin suatu masyarakat dari kalangan umatku, lalu dia menyusahkan mereka, maka susahkanlah pula pemimpin itu'." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1519)

**Makna Hadis**

Hadis ini maksudnya sama dengan hadis yang sebelumnya. Seorang pemimpin yang membebani rakyatnya dengan sesuatu di luar kemampuan mereka sama ertinya dengan menzalimi mereka. Bukankah syariat Allah datang bukan untuk membebani hamba-Nya? Ia malah menolong meringankan bebanan umat manusia. Oleh itu, orang yang suka membebani rakyatnya sudah sepatutnya menerima pembalasan yang sama.

**Analisis Lafaz**

"وَلِيَ", memegang tugas kepimpinan, sama ada besar ataupun kecil.

"شق عليهم", membuat mereka kesusahan.

**Fiqh Hadis**

Hadis ini merupakan perintah kepada pemimpin supaya memudahkan urusan rakyatnya dan jangan menyulitkan mereka. Hadapilah mereka dengan ramah dan lemah lembut. Jika tidak, maka Allah akan membalasnya dengan kesulitan

pula.

٣٣٣- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا قَاتَلَ أَحَدُكُمْ، فَلْيَتَجَنَّبِ الْوَجْهَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

333. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Apabila salah seorang kamu dalam peperangan, maka hindarilah bahagian wajah'." (Muttafaq 'alaih: 1520)

**Makna Hadis**

Wajah adalah bahagian yang paling mulia bagi anak Adam. Disitulah letak keelokan rupanya. Kulit di bahagian muka pun lebih halus berbanding anggota tubuh lainnya. Dan wajah adalah anggota badan yang paling dahulu dilihat. Memukul wajah dapat merosak semua keelokan itu selain membuatnya cacat. Cacat pada wajah adalah sesuatu yang sangat memalukan, kerana ia bahagian yang paling terlihat oleh orang lain dan tidak mungkin ditutupi. Apabila wajah terkena pukulan, pastilah ia menjadi cacat. Oleh itu, dilarang memukul wajah.

**Analisis Lafaz**

"إذا قاتل", apabila berada dalam peperangan. Ada riwayat lain dengan lafaz:"إذا ضرب" apabila dia ingin memukul dan bertarung.

"فليجتنب", menjauhlah.

**Fiqh Hadis**

Diharamkan memukul ataupun menampar wajah, sekalipun kita sedang menjalankan hukum syariat (memerangi orang kafir).

٣٣٤- وَعَنْهُ أَنَّ رَجُلاً قَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ، أَوْصِنِي. فَقَالَ: لَا تَغْضَبْ، فَرَدَّدَ مِرَارًا. قَالَ: لَا تَغْضَبْ. أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ.

334. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa ada seorang lelaki berkata kepada Nabi (s.a.w): "Wahai Rasulullah, berilah aku wasiat." Baginda bersabda: "Jangan marah!" Berkali-kali lelaki itu mengulangi soalannya dan Nabi (s.a.w) pun mengulangi dengan jawapan yang sama." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1521)

٣٣٥- وَعَنْ خَوْلَةَ الْأَنْصَارِيَّةِ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللهُ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ رِجَالاً يتخوَّضُوْنَ فِي مَالِ اللهِ بِغَيْرِ حَقٍّ، فَلَهُمْ النَّارُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ". أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ.

335. Daripada Khaulah al-Anshari (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Ada sebahagian orang yang amat tamak terhadap harta Allah yang bukan menjadi haknya. Mereka ini berada di neraka pada hari kiamat nanti. (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1522)

**Makna Hadis**

Orang yang ditugaskan Allah (s.w.t) mengurus harta masyarakat wajib mengelola dan menggunakan harta itu sekadar untuk keperluan mereka (masyarakat). Mereka ini (orang-orang yang ditugaskan), tidak boleh mengambil harta itu walaupun sedikit, atau menjadikan tugas itu sebagai kesempatan untuk memanfaatkan harta tersebut. Dan sesiapa yang melakukannya akan memperoleh balasan berupa neraka di hari kiamat nanti.

**Analisis Lafaz**

"يتخوضون", menggunakan harta itu melebihi keperluan yang sudah ditetapkan. Bukankah menggunakan harta itu hanya dibolehkan sekadar yang cukup untuk memenuhi keperluan saja?

**Fiqh Hadis**

Mereka yang ditugaskan mengurus harta masyarakat diharamkan mengambil harta itu (tanpa berdasarkan hak) walau sedikit pun. Jika dia tetap mengambilnya maka nerakalah balasannya di hari kiamat nanti.

٣٣٦- وَعَنْ أَبِي ذَرٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِيمَا يَرْوِي عَنْ رَبِّهِ قَالَ: "يَا عِبَادِي، إِنِّي حَرَّمْتُ الظُّلْمَ عَلَى نَفْسِي وَجَعَلْتُهُ بَيْنَكُمْ مُحَرَّمًا فَلَا تَظَالَمُوا". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

336. Daripada Abu Dzar (r.a) daripada Nabi (s.a.w) yang menyampaikan hadis qudsi: "Allah (s.w.t) berfirman: 'Wahai hamba-Ku, sesungguhnya Aku mengharamkan Zat-Ku berbuat zalim. Dan aku haramkan juga ia atas kamu.

Maka janganlah kamu saling menzalimi'." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1523)

**Makna Hadis**

Allah (s.w.t) merupakan raja dari segala raja dan pencipta segala makhluk. Dia melakukan segala sesuatu tanpa zalim sedikit pun. Dia mengharamkan Zat-Nya berbuat zalim. Meskipun Allah (s.w.t) tidak memberitahukan melalui firman-Nya, Allah (s.w.t) adalah Maha Suci daripada menzalimi hamba-Nya seperti mana dalam firman-Nya:

مَّنْ عَمِلَ صَٰلِحًا فَلِنَفْسِهِۦ ۖ وَمَنْ أَسَآءَ فَعَلَيْهَا ۗ وَمَا رَبُّكَ بِظَلَّٰمٍ لِّلْعَبِيدِ ﴿٤٦﴾

"*Sesiapa yang mengerjakan amal soleh maka faedahnya akan terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang berbuat kejahatan maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri; dan Tuhanmu tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-hambaNya.*" (Surah Fusshilat: 32)

Jika Allah (s.w.t) telah mengharamkan Zat-Nya berbuat zalim, sudah tentu Dia lebih mengharamkannya ke atas makhluk-Nya.

**Analisis Lafaz**

"حرمت", menurut bahasa, perkataan haram bermaksud mencegah sesuatu daripada sesuatu. Sedangkan menurut istilah syarak pula haram adalah sesuatu yang apabila dilakukan oleh seseorang maka dia mendapat dosa.

**Fiqh Hadis**

Diharamkan berbuat zalim.

٣٣٧- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: أَتَدْرُونَ مَا الْغِيبَةُ؟ قَالُوا: اللهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ. قَالَ: ذِكْرُكَ أَخَاكَ بِمَا يَكْرَهُ. قِيلَ: أَرَأَيْتَ إِنْ كَانَ فِي أَخِي مَا أَقُولُ؟ قَالَ: إِنْ كَانَ فِيهِ مَا تَقُولُ فَقَدِ اغْتَبْتَهُ، وَإِنْ لَمْ يَكُنْ فَقَدْ بَهَتَّهُ. أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

Daripada Abu Hurairah (r.a), bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tahukah kamu apa itu ghibah?" Mereka menjawab: "Allah dan Rasul-Nya yang lebih mengetahui." Baginda bersabda: "Iaitu apabila kamu mengatakan sesuatu tentang saudaramu yang apabila dia mendengarnya akan membuatnya marah." Ada yang bertanya: "Bagaimana jika yang dikatakan itu memang betul?"

Baginda menjawab: "Sekalipun yang dikatakan itu betul, ia tetap ghibah. Dan jika yang kamu katakan itu tidak betul, maka kamu telah mengada-ngada tentang saudaramu." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1524)

**Makna Hadis**

Allah (s.w.t) befirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱجۡتَنِبُواْ كَثِيرٗا مِّنَ ٱلظَّنِّ إِنَّ بَعۡضَ ٱلظَّنِّ إِثۡمٞۖ وَلَا تَجَسَّسُواْ وَلَا يَغۡتَب بَّعۡضُكُم بَعۡضًاۚ أَيُحِبُّ أَحَدُكُمۡ أَن يَأۡكُلَ لَحۡمَ أَخِيهِ مَيۡتٗا فَكَرِهۡتُمُوهُۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَۚ إِنَّ ٱللَّهَ تَوَّابٞ رَّحِيمٞ ١٢

"*Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha mengasihani.*" (Surah al-Hujurat: 12)

Hadis yang sedang dibahas ini menjelaskan maksud ghibah, perbuatan yang dilarang Allah. Ghibah adalah menceritakan keburukan seseorang ketika dia tidak ada. Dahulu para sahabat beranggapan menceritakan keburukan seseorang yang memang demikian adanya tidak tergolong ghibah. Ini kerana yang diceritakan itu adalah sesuai dengan fakta yang ada. Sedangkan ghibah adalah menceritakan keburukan seseorang yang sebenarnya tidak ada. Maka Rasulullah (s.a.w) lalu menjelaskan bahawa ghibah jenis ini adalah lebih berat berbanding ghibah jenis yang pertama.

**Analisis Lafaz**

"الغيبة", Rasulullah (s.a.w) mentafsirkan ghibah melalui sabdanya: "Kamu menceritakan sesuatu tentang saudaramu yang bila ia mendengar, akan membuatnya marah. Demikianlah pengertian ghibah. Ghibah ini mempunyai ciri-ciri yang disebutkan dalam lanjutan hadis ini.

"بما يكره", mengenai sesuatu yang membuatnya marah.

"بَهَتَّه", mengada-ada, berbohong.

## Fiqh Hadis

1. Ghibah yang diharamkan adalah menyebut-nyebut keburukan seseorang. Di dalam kitab al-Adzkar, al-Nawawi sependapat dengan al-Ghazali. Beliau mengatakan: "Ghibah adalah menceritakan keburukan seseorang sama ada dari segi agamanya, dunianya, bentuk fizikalnya, rupanya, hartanya, ibu bapanya, anaknya, isterinya, khadamnya dan gerak tubuhnya, sama ada dengan kata-kata langsung ataupun isyarat." Selanjutnya al-Nawawi berkata: "Salah satu jenis ghibah adalah menyindir. Misalnya seseorang berkata: 'Ada orang yang mengaku berilmu … Orang yang mengaku baik …' atau kalimat-kalimat seumpamanya yang apabila orang lain mendengarnya akan berasa tersinggung. Contoh lainnya adalah ketika menengok orang cacat atau mempunyai kekurangan, dia berkata: "Semoga Allah melindungi kita daripada penyakit yang dideritanya … semoga Allah mengampuni kita …" Semua kalimat semacam ini juga termasuk ghibah.
2. Ghibah tetaplah ghibah sama ada orang yang dicela itu ada di hadapannya ataupun tidak. Demikian yang dijelaskan dalam hadis ini. Demikian pendapat para ulama. Sedangkan jumhur ulama berpendapat bahawa sesuatu dikatakan ghibah apabila orang yang dicela tidak ada di hadapan. Ini adalah pengertian ghibah menurut bahasa. Mereka mengemukakan dalil dengan hadis lain yang yang memiliki sanad.
3. Diharamkan mengghibah sesama muslim, sedangkan mengghibah selain muslim tidak mengapa. Ibn al-Munzir berkata: "Hadis ini merupakan dalil bahawa tidak berdosa mengghibah orang-orang bukan muslim seperti Yahudi, Nasrani dan pemeluk agama lainnya, ataupun orang yang sesat kerana bid'ah. Menurut Shan'ani, ada enam perkara yang membolehkan ghibah, iaitu:
   - Ketika dizalimi. Orang yang dizalimi boleh berkata: "Fulan telah menyakitiku," dengan syarat dia mengucapkannya sebagai suatu pengaduan kepada orang yang diyakininya boleh menghentikan kezaliman itu.
   - Ketika meminta tolong kepada orang yang kemungkinan besar mampu menghentikan sesuatu kemungkaran.
   - Ketika meminta pendapat. Umpamanya seseorang berkata: "Fulan telah meyakitiku." Menurut saya, poin ini sama dengan poin yang pertama.
   - Ketika menyampaikan amanah yang bersifat ilmiah, seperti mengoreksi dan mengkritik para perawi hadis, para saksi, atau mereka yang diberi tugas mengajar sedangkan mereka tidak berkelayakan.
   - Ketika mencela orang yang berbuat fasik atau bid'ah secara terang-terangan.

- Ketika memperkenalkan seseorang dan terpaksa harus menyebutkan aibnya, seperti: orang yang buta, yang tuli, yang tempang, tanpa maksud menghina.

٣٣٨- وَعَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا تَحَاسَدُوا وَلَا تَنَاجَشُوا، وَلَا تَبَاغَضُوا وَلَا تَدَابَرُوا، وَلَا يَبِعْ بَعْضُكُمْ عَلَى بَيْعِ بَعْضٍ، وَكُونُوا عِبَادَ اللهِ إِخْوَانًا، الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ، لَا يَظْلِمُهُ، وَلَا يَخْذُلُهُ، وَلَا يَحْقِرُهُ، التَّقْوَى هَا هُنَا، وَيُشِيرُ إِلَى صَدْرِهِ ثَلَاثَ مِرَارٍ، بِحَسْبِ امْرِئٍ مِنَ الشَّرِّ أَنْ يَحْقِرَ أَخَاهُ الْمُسْلِمَ، كُلُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ؛ دَمُهُ وَمَالُهُ وَعِرْضُهُ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

338. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Janganlah kamu saling hasad, saling menipu, saling marah, saling membelakangi. Janganlah sebahagian daripada kamu menjual atau membeli barang yang sudah diakad oleh orang lain. Jadilah kamu hamba-hamba Allah yang rukun. Seorang muslim adalah saudara kepada muslim lannya. Janganlah dia dizalimi, ditipu dan dihina. Ketakwaan terletak di sini (Rasulullah mengisyaratkan tangannya ke dadanya sebanyak tiga kali). Adalah suatu kejahatan apabila seseorang menghina saudaranya sesama muslim. Setiap muslim terhadap muslim yang lain haram darahnya, hartanya dan juga harga dirinya'." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1525)

**Makna Hadis**

Hadis ini mengandungi beberapa perkara yang dilarang dan diharamkan. Oleh itu ada yang mengatakan hadis ini adalah kumpulan perkara-perkara yang dilarang, iaitu hasad, marah, memutus silaturrahim dan beberapa jenis jual-beli yang mengakibatkan pembeli atau penjual menjadi lantaran ada unsur penipuan. Hadis ini juga melarang sebarang kezaliman, penghinaan dan penipuan kepada sesama muslim. Selain itu ditegaskan bahawa darah, harta dan harga diri setiap muslim diharamkan atas saudaranya sesama muslim, melainkan kerana hukum syariat yang mesti ditegakkan.

**Analisis Lafaz**

"تحاسدوا", saling hasad dan dengki. Jika bersifat saling hasad dilarang, apatah lagi hasad hanya dilakukan oleh satu pihak sahaja.

"تناجشوا", perkataan ini sudah dijelaskan dalam bab jual beli.

"تباغضوا", saling marah.

"تدابروا", saling membelakangi, yakni saling bermusuhan. Dinamakan membelakangi kerana antara satu sama lain saling memalingkan muka dan memperlihatkan belakangnya.

"يحقره", menghinanya. Al-Qadhi 'Iyadh berkata: "Ada riwayat lain yang menggunakan redaksi: "لا يخفره" dengan huruf ya`dhammah, kha' bertitik, dan huruf fa' yang bermaksud: 'Jangan mengingkari janji atau jangan membatalkan amanah.' Apa yang betul adalah maksud yang pertama."

"بحسب", cukuplah.

**Fiqh Hadis**

1. Dilarang saling hasad.
2. Dilarang saling menipu apatah lagi dalam berjual beli.
3. Dilarang saling marah.
4. Dilarang saling bermusuhan.
5. Dilarang menjual barang yang hendak diakad oleh saudaranya kepada orang lain. Ini juga sudah dibahas dalam bab jual beli.
6. Perintah supaya berbuat baik dalam hubungan persaudaraan dan berjumpa kerana Allah.
7. Diharamkan berbuat zalim.
8. Diharamkan menipu.
9. Diharamkan menghina seorang muslim, kerana yang demikian itu merupakan sebesar-besar kejahatan.
10. Diharamkan ke atas seorang muslim darah, harta dan harga diri saudaranya sesama muslim, melainkan ada hak berdasarkan hukum syariat.

**Penting!**

Ibn Abdul Barr berkata: "Maksud kalimat "التَّقوَى هَاهُنَا" adalah untuk memberitahukan bahawa pondasi ketakwaan (takut kepada Allah, *muraqabah* kepada-Nya dan ikhlas beramal kerana Dia), semuanya itu terletak di dalam hati, sepertimana sabda Rasulullah (s.a.w):

إِنَّ اللهَ لَايَنظُرُ إِلَى أَجسَامِكُم وَلَا إِلَى صُوَرِكُم وَلَكِن إِلَى قُلُوبِكُم.

"Sesungguhnya Allah tidak memandang kepada jasmani kamu, tidak juga rupa kamu, tetapi yang Dia pandang adalah hati kamu."

Allah memberi pahala kepada seseorang bukan berdasarkan rupa ataupun bentuk zahir seseorang, tetapi Allah berdasarkan keimanannya.

٣٣٩- وَعَنْ قُطْبَةَ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "اَللَّهُمَّ جَنِّبْنِي مُنْكَرَاتِ الْأَخْلَاقِ وَالْأَعْمَالِ وَالْأَهْوَاءِ وَالْأَدْوَاءِ". أَخْرَجَهُ التِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ وَاللَّفْظُ لَهُ.

339. Daripada Quthbah bin Malik (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah berdoa: 'Ya Allah, jauhkanlah aku daripada akhlak yang buruk, amalan yang buruk, nafsu yang buruk dan pelbagai penyakit yang buruk'." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan dinilai sahih oleh al-Hakim. Lafaz hadis ini dikutip daripada riwayat al-Hakim: 1526)

**Makna Hadis**

Al-Qurthubi berkata: "Akhlak adalah sifat-sifat manusia dalam pergaulannya dengan masyarakat. Akhlak ini terbahagi dua, iaitu terpuji dan tercela. Sikap mengalah kepada orang lain adalah cerminan akhlak yang terpuji. Akhlak terpuji itu juga dapat diertikan sebagai mempunyai sifat pemaaf, toleransi, pemurah, sabar, sanggup berkongsi kesedihan yang dialami orang lain, bersifat kasih sayang, lemah lembut, menunakan hajat orang lain, penyayang, ramah terhadap jiran dan masih lain sebagainya. Manakala akhlak yang tercela adalah kebalikan daripada semua itu. Nabi (s.a.w) meminta kepada Allah agar dilindungi daripadanya.

**Analisis Lafaz**

"جنّبنى", jauhkanlah daku.

"منكرات الأخلاق", akhlak yang buruk seperti mana yang dijelaskan al-Qurthubi akhlak yang buruk bermaksud akhlak yang tercela seperti zalim, panas baran, suak terburu-buru, hasad, memusuhi orang lain dan sebagainya.

"والأعمال", amal perbuatan (yang dilarang oleh syariat dan adat istiadat).

"والأهواء", hawa nafsu. Hawa nafsu yang buruk adalah sesuatu yang diinginkan oleh nafsu tanpa memandang boleh atau tidak.

"والأدواء", pelbagai penyakit seperti kusta, sopak dan lain sebagainya yang diminta Rasulullah (s.a.w) supaya dijauhkan daripadanya.

**Fiqh Hadis**

Disunatkan mengucap '*A'udzu billah*' sebagai ucapan meminta perlindungan kepada Allah daripada akhlak yang buruk, amal perbuatan yang buruk, hawa nafsu yang buruk dan pelbagai penyakit yang buruk.

**Periwayat hadis**

Quthbah adalah Ibn Malik al-Taglibi atau dipanggil al-Tsa'labi. Banyak ulama yang meriwayatkan hadis daripadanya kecuali al-Bukhari dan Abu Dawud.

٣٤٠- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا تُمَارِ أَخَاكَ وَلَا تُمَازِحْهُ وَلَا تَعِدْهُ مَوْعِدًا فَتُخْلِفَهُ". أَخْرَجَهُ التِّرْمِذِيُّ بِسَنَدٍ فِيهِ ضَعْفٌ.

340. Daripada Ibn 'Abbas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Janganlah kamu berdebat dengan saudaramu untuk membuatnya malu, janganlah kamu bergurau secara melampau kepadanya dan janganlah kamu menjanjikan sesuatu kepadanya tetapi kamu menyalahinya'." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dengan sanad yang dha'if: 1527)

**Makna Hadis**

Seorang muslim dilarang banyak berdebat, terutamanya untuk tujuan yang tidak baik, sepertimana difirmankan Allah (s.w.t):

۞ وَلَا تُجَٰدِلُوٓاْ أَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ إِلَّا بِٱلَّتِي هِيَ أَحۡسَنُ إِلَّا ٱلَّذِينَ ظَلَمُواْ مِنۡهُمۡۖ وَقُولُوٓاْ ءَامَنَّا بِٱلَّذِيٓ أُنزِلَ إِلَيۡنَا وَأُنزِلَ إِلَيۡكُمۡ وَإِلَٰهُنَا وَإِلَٰهُكُمۡ وَٰحِدٞ وَنَحۡنُ لَهُۥ مُسۡلِمُونَ ٤٦

"*Dan janganlah kamu berbahas dengan Ahli Kitab melainkan dengan cara yang lebih baik, kecuali orang-orang yang berlaku zalim di antara mereka; dan katakanlah (kepada mereka): 'Kami beriman kepada (Al-Quran) yang diturunkan kepada kami dan kepada (Taurat dan Injil) yang diturunkan kepada kamu; dan Tuhan kami, juga Tuhan kamu, adalah Satu; dan kepadaNyalah, kami patuh dengan berserah diri'.*" (Surah al-'Ankabut: 46)

Selain itu, seorang muslim juga dilarang bergurau secara berlebihan dan menyalahi janji, kerana yang demikian itu adalah salah satu sifat orang munafik.

**Analisis Lafaz**

"تمار", asal katanya adalah "المُمَارة" yang bermaksud adalah berdebat dengan tujuan mempermalukan seseorang. Sedangkan "الجدال" bermaksud berdebat dengan tujuan mencari kebenaran.

**Fiqh Hadis**

1. Dilarang berdebat terutamanya berkaitan perkara-perkara yang sudah dijelaskan oleh al-Qur'an dan hadis, seperti masalah takdir dan yang sejenisnnya. Sedangkan berdebat untuk memperoleh ilmu atau untuk menemukan kesahihan tidak dilarang selama ia tidak keluar daripada dalil-dalil syarak dan boleh dibahas oleh para ulama fiqh.
2. Dilarang berlebihan dalam bergurau. Bergurau yang biasa tidaklah dilarang kerana menurut riwayat para sahabat, Nabi (s.a.w) juga bergurau dengan para sahabatnya.
3. Dilarang menyalahi janji sedang dia mampu menepatinya.

٣٤١- وَعَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "خَصْلَتَانِ لَا يَجْتَمِعَانِ فِي مُؤْمِنٍ: الْبُخْلُ وَسُوءُ الْخُلُقِ". أَخْرَجَهُ التِّرْمِذِيُّ، وَفِي سَنَدِهِ ضَعْفٌ.

341. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Ada dua sifat yang tidak boleh bertemu dalam diri seorang mukmin, iaitu bakhil dan perangai yang buruk'." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi, namun di dalamnya ada sanad yang dha'if: 1528)

**Makna Hadis**

Seperti sedia maklum, orang yang sempurna imannya mencintai saudaranya sama seperti dia mencintai dirinya sendiri. Dan dia tidak mungkin bersifat bersifat bakhil, sebab sifat ini tidak terdapat pada orang yang imannya sempurna. Apabila bakhil telah memasuki hati seseorang, maka imannya akan semakin lemah. Perangai yang buruk pula adalah setiap perkara yang dicela agama. Cuba perhatikan hadis-hadis berikut:

لَايَدخُلُ الْجَنَّةَ سَيِّئُ الخُلُقِ.

"Tidak akan masuk syurga orang yang buruk perangainya."

المُسلِمُ مَن سَلِمَ المُسلِمُ مِن لِسَانِهِ وَيَدِهِ.

"Muslim sejati adalah mereka yang saudaranya sesama muslim selamat daripada gangguan lidah dan tangannya."

سُوءُ الخُلُق يُفسِدُ العَمَلَ كَمَا يُفسِدُ الخَلُّ العَسَلَ.

"Perangai yang buruk dapat merosak amal kebaikan sepertimana cuka merosak madu."

**Analisis Lafaz**

"خصلتان", dua kecacatan, dua sifat.

**Fiqh Hadis**

Hadis ini mengandungi ancaman kepada mereka yang bersifat bakhil dan mempunyai perangai yang buruk, kerana keduanya adalah penghalang iman.

٣٤٢- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْمُسْتَبَّانِ مَا قَالَا، فَعَلَى الْبَادِئِ مَا لَمْ يَعْتَدِ الْمَظْلُومُ." أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

342. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Dua orang yang saling memaki, dosanya diberikan kepada yang memulakan (pihak pertama), selama orang yang dizalimi (pihak kedua) tidak berlebihan dalam membalasnya'." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1529)

**Makna Hadis**

Syariat melarang kita memaki orang lain. Kerana seorang muslim itu semestinya memiliki sifat tidak mahu mencela, mengutuk, memaki dan berkata-kata kotor. Oleh itu, sesiapa yang memulai, maka dialah yang mendapat dosa. Sedangkan bagi pihak yang membalas, Allah (s.w.t) menjelaskan di dalam firman-Nya:

وَجَزَٰٓؤُاْ سَيِّئَةٖ سَيِّئَةٞ مِّثۡلُهَاۖ فَمَنۡ عَفَا وَأَصۡلَحَ فَأَجۡرُهُۥ عَلَى ٱللَّهِۚ إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٤٠﴾

"*Dan (jika kamu hendak membalas maka) balasan sesuatu kejahatan ialah kejahatan yang bersamaan dengannya; dalam pada itu sesiapa yang memaafkan (kejahatan orang) dan berbuat baik (kepadanya), maka pahalanya tetap dijamin oleh Allah (dengan diberi balasan yang sebaik-baiknya). Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berlaku zalim.*" (Surah al-Syura: 40)

Dan firman-Nya:

ٱلشَّهۡرُ ٱلۡحَرَامُ بِٱلشَّهۡرِ ٱلۡحَرَامِ وَٱلۡحُرُمَٰتُ قِصَاصٞۚ فَمَنِ ٱعۡتَدَىٰ عَلَيۡكُمۡ فَٱعۡتَدُواْ عَلَيۡهِ بِمِثۡلِ مَا ٱعۡتَدَىٰ عَلَيۡكُمۡۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلۡمُتَّقِينَ ﴿١٩٤﴾

"*(Mencabuli) bulan yang dihormati itu ialah dengan (sebab membalas pencabulan dalam) bulan yang dihormati; dan tiap-tiap perkara yang dihormati itu (jika dicabuli), ada balasannya yang seimbang. Oleh itu sesiapa yang melakukan pencerobohan terhadap kamu maka balaslah pencerobohannya itu seimbang dengan pencerobohan yang dilakukannya kepada kamu; dan bertaqwalah kamu kepada Allah serta ketahuilah: Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang bertaqwa.*" (Surah al-Baqarah: 194)

Kecuali jika pihak yang kedua balas memaki lebih daripada pihak yang pertama, maka dosanya sama.

**Analisis Lafaz**

"المستبّان", dua orang yang saling memaki.

"ماقالا", dosa atas yang diucapkan keduanya.

"البادئ", Orang yang mula-mula memaki.

"مالم بعتد المظلوم", pihak kedua. Dia juga mendapat dosa jika membalasnya lebih daripada pihak pertama. Umpamanya pihak pertama memakinya satu kali, sedang dia membalasnya dua kali.

**Fiqh Hadis**

1. Dilarang memaki orang. Bila dia yang memaki, maka dosanya diberikan kepada siapa yang memulakan, selama pihak kedua tidak berlebihan membalasnya.
2. Boleh menjawab celaan dengan celaan yang sama. Akan tetapi jika dia mampu bersabar, maka ia lebih utama, sepertimana firman Allah (s.w.t):

   وَلَمَن صَبَرَ وَغَفَرَ إِنَّ ذَٰلِكَ لَمِنۡ عَزۡمِ ٱلۡأُمُورِ ﴿٤٣﴾

   "*Dalam pada itu (ingatlah), orang yang bersabar dan memaafkan (kesalahan orang terhadapnya), sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat (melakukannya).*" (Surah al-Syura: 43)

٣٤٣- وَعَنْ أَبِي صِرْمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ ضَارَّ مُسْلِمًا ضَارَّهُ اللهُ، وَمَنْ شَاقَّ مُسْلِمًا شَقَّ اللهُ عَلَيْهِ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ وَحَسَّنَهُ.

343. Daripada Abu Shirmah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Sesiapa yang memudaratkan seorang muslim, maka Allah akan memudaratkannya. Sesiapa yang menyusahkan seorang muslim, maka Allah akan menyusahkannya'." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Tirmizi. Hadis ini dikategorikan hasan oleh al-Tirmizi: 1530)

**Makna Hadis**

Diharamkan memberi mudarat dan menyusahkan sesama muslim. Perbahasan tentang perkara ini sudah dijelaskan pada bab-bab sebelum ini.

٣٤٤- وَعَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ اللهَ يُبْغِضُ الْفَاحِشَ الْبَذِيءَ". أَخْرَجَهُ التِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ.

344. Daripada Abu Darda (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Sesungguhnya Allah murka kepada orang yang keji dan yang suka berkata-kata kotor'." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan menilainya sahih hadis ini: 1531)

٣٤٥- وَلَهُ مِنْ حَدِيثِ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ -رَفَعَهُ-: "لَيْسَ الْمُؤْمِنُ بِالطَّعَّانِ وَلَا اللَّعَّانُ وَلَا الْفَاحِشَ وَلَا الْبَذِيءَ". وَحَسَّنَهُ وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ، وَرَجَّحَ الدَّارَقُطْنِيُّ وَقْفَهُ.

345. Al-Tirmizi juga meriwayatkan hadis daripada Ibn Mas'ud (r.a) yang beliau hukumkan marfu', iaitu sabda Rasulullah (s.a.w): "Bukanlah seorang mukmin orang yang suka mencela, melaknat, berbuat keji dan berkata-kata kotor." (Al-Tirmizi menilai hasan hadis ini manakala al-Hakim menilainya sahih. Al-Daruquthni pula menyatakan hadis ini mawquf: 1532)

**Fiqh Hadis**

Kedua-dua hadis ini melarang daripada mencela, memaki atau membuat orang lain lain merasa malu apatah lagi mempermalukan orang lain di hadapan orang ramai.

٣٤٦- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا تَسُبُّوا الْأَمْوَاتَ؛ فَإِنَّهُمْ قَدْ أَفْضَوْا إِلَى مَا قَدَّمُوا". أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ.

346. Daripada 'Aisyah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Janganlah kamu menyebut-nyebut keburukan orang yang sudah mati, kerana mereka telah dibawa kepada apa yang telah mereka buat (selama di dunia)'." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1533)

٣٤٧- وَعَنْ حُذَيْفَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَتَّاتٌ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

347. Daripada Hudzaifah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Tidak akan masuk syurga orang yang suka memfitnah'." (Muttafaq 'alaih: 1534)

**Makna Hadis**

Allah (s.w.t) memerintakan kita mendamaikan orang yang bermusuhan. Allah (s.w.t) berfirman:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا۟ بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

"*Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.*" (Surah al-Hujurat: 10)

Rasulullah (s.a.w) menjelaskan bahawa lawan daripada mendamaikan adalah menyebabkan permusuhan. Sifat suka membuat orang lain bermusuhan akan melenyapkan iman dalam dada seorang muslim. Baginda bersabda:

أَلَا وَإِنَّ فَسَادَ ذَاتِ الْبَيِّنِ هِيَ الحَالِقَةُ، لَا أَقُولُ تَحلِقُ الشَّعرَ وَلَكِن تَحلِقُ الدِّينَ.

"Ketahuilah bahawa merosak hubungan orang lain merupakan pencukur. Yang aku maksudkan bukan pencukur rambut, tetapi pencukur agama."

Kenapa ia diumpamakan seperti pencukur? Kerana ia boleh menyebabkan martabat orang lain jatuh, pertumpahan darah di samping membuat Allah (s.w.t)

murka. Biasanya orang yang suka membuat orang lain bermusuhan adalah pemfitnah. Oleh itu dia tidak berhak masuk syurga.

**Analisis Lafaz**

"قتات", dengan menggunakan huruf qaf, ta' yang bertasydid dan ta yang terletak setelah huruf alif. Ada yang mengatakan bahawa ada perbezaan antara perkatan "القتات" dengan perkataan "النمام".

"النمام", orang yang mendengar celaan orang lain lalu disampakannya kepada orang yang dicela itu. Sedangkan "القتات" adalah orang yang mencuri dengar sesuatu cerita yang tidak difahaminya, kemudian cerita itu dia sampaikan kepada orang lain.

Menurut pensyarah kitab ini, keduanya memiliki makna yang sama, kerana bertujuan merosak hubungan orang lain.

**Fiqh Hadis**

Diharamkan memfitnah, kerana dosanya sangat besar. Ini merupakan ijmak ulama.

Menurut al-Ghazali, fitnah itu adalah membuka rahsia orang lain yang membuatnya tidak suka, sama ada yang tidak suka itu pihak yang diberitahu, pihak yang rahsianya diceritakan ataupun pihak ketiga yang tidak senang mendengarnya. Tidak ada bezanya sama ada dia membuka rahsia itu secara lisan, isyarat ataupun tulisan.

٣٤٨- وَعَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ كَفَّ غَضَبَهُ، كَفَّ اللهُ عَنْهُ عَذَابَهُ". أَخْرَجَهُ الطَّبَرَانِيُّ فِي الْأَوْسَطِ.

348. Daripada Anas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Sesiapa yang menahan amarahnya, maka Allah pun akan menahan azab-Nya'." (Diriwayatkan oleh al-Thabarani di dalam kitab al-Awsath: 1535)

٣٤٩- وَلَهُ شَاهِدٌ مِنْ حَدِيثِ ابْنِ عُمَرَ عِنْدَ ابْنِ أَبِي الدُّنْيَا.

349. Hadis ini dikuatkan oleh hadis riwayat Ibn 'Umar (r.a) yang diriwayatkan oleh Ibn Abu al-Dunya, dan ia sudah dibahas pada bahagian awal bab tentang kelebihan menahan amarah: 1536.

٣٥٠- وَعَنْ أَبِي بَكْرٍ الصِّدِّيقِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهُ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ خِبٌّ وَلَا بَخِيلٌ وَلَا سَيِّئُ الْمَلَكَةِ". أَخْرَجَهُ التِّرْمِذِيُّ وَفَرَّقَهُ

حَدِيثَيْنِ، وَفِي إِسْنَادِهِ ضَعْفٌ.

350. Daripada Abu Bakar al-Shiddiq (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Tidak akan masuk syurga orang yang menipu, bakhil dan berkasar kepada hamba sahayanya'." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi, tetapi di dalamnya ada sanad yang dha'if: 1537)

**Makna Hadis**

Hadis ini menyebut tentang tiga macam kejahatan. Mengenai sifat bakhil baru saja dibahas sebelum ini. Tuan yang kasar kepada hambanya digolongkan sebagai perangai yang buruk. Manakala mengenai kejahatan menipu sudah dibahas pada bahagian khusus, iaitu masalah jual beli dan penipuan yang kerap terjadi dalam transaksinya.

**Analisis Lafaz**

"خبّ", penipuan.

"سيئ الملكة", kasar terhadap hamba sahaya.

"وفى إسناده ضعف", di dalamnya ada sanad yang lemah kerana terdapat nama Farqad al-Sabkhi, tetapi hadis ini dikuatkan oleh banyak hadis lain.

**Fiqh Hadis**

1. Dilarang menipu kerana ia dapat mencegah seseorang masuk syurga. Tetapi penipuan yang dilakukan dalam peperangan tidaklah salah, kerana Rasulullah (s.a.w) bersabda:

   الحَرْبُ خِدعَةٌ.

   "Perang itu strategi yang mengandungi tipuan." Perang dan strategi hanya berbeza dari segi nama meskipun pengertiannya jauh berbeza.
2. Dilarang bersifat bakhil.
3. Dilarang berkasar kepada hamba sahaya, seperti berlebihan ketika menghukum mereka atau membebani mereka dengan tugasan yang tidak mampu mereka lakukan. Selain itu menurut sebahagian ulama, tidak memberikan pendidikan agama kepada hamba sahaya juga dianggap sebagai berbuat tidak baik kepada mereka.

٣٥١- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ تَسَمَّعَ حَدِيثَ قَوْمٍ، وَهُمْ لَهُ كَارِهُونَ، صُبَّ فِي أُذُنَيْهِ الْآنُكُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، يَعْنِي: الرَّصَاصَ". أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ.

351. Daripada Ibn 'Abbas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Sesiapa mencuri dengar perbincangan orang lain, sedangkan mereka tidak suka, maka di hari kiamat nanti telinganya akan dituangi dengan *anuk*, iaitu tembaga yang panas dan cair'." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1538)

**Makna Hadis**

Orang yang suka mendengar perbincangan orang lain manakala mereka tidak suka, maka kelak dia akan mendengar suatu mudarat disebabkan perbuatannya itu. Biasanya seseorang tidak suka perbincangannya didengar orang lain kerana sebab tertentu. Inilah yang menyebabkan perbuatan sedemikian dilarang. Sesiapa yang melakukannya kelak telinganya akan dituangi dengan tembaga yang amat panas.

**Analisis Lafaz**

"تسمّع", demikian lafaz yang tertulis di dalam kitab Bulugh al-Maram. Sedangkan di dalam kitab al-Bukhari, lafaznya berbunyi: "من استمع".

"وهم له كارهون", "... sedangkan mereka tidak suka ...". Dalam satu riwayat lafaznya ditambah "أو يفرّون": "atau mereka lari." Ada pula yang menambahkan "وهم يفرّون منه", "sedangkan mereka lari daripadanya." Jadi tidak disebutkan sikap tidak sukanya itu. Selain itu ada pula riwayat yang menambah:

مَنِ استَمَعَ لِحَدِيثِ قَومٍ وَلَا يُعجِبُهُم أَن يَستَمِعَ حَدِيثَهُم...

"Sesiapa yang mencuri dengar perbincangan suatu kaum, sedangkan mereka tidak suka perbincangan mereka itu didengarkan..."

"صبّ", dituangi. Ada riwayat lain dengan redaksi "أذيب" maksudnya sama, kerana tembaga itu tidak boleh dituang kalau tidak cair.

"الآنك", tembaga yang mencair dan meleleh. Ada yang mengatakan bahawa "الآنك" bermaksud timah.

"يعنى الرصاص", tembaga yang panas dan mencair.

## Fiqh Hadis

Diharamkan mendengarkan perbincangan orang lain sedangkan mereka tidak suka perbincangan itu didengarkan. Al-Shan'ani berkata: "Rasa tidak suka itu dapat diketahui menerusi sikap ataupun ucapan mereka."

Ibn Abdul Barr berpendapat apabila ada dua orang sedang bercakap-cakap, maka kita dilarang masuk campur dalam percakapan mereka. Ibn Hajar juga berpendapat demikian. Beliau berkata: "Apabila ada dua orang sedang bercakap-cakap, janganlah kita ikut duduk bersama mereka sekalipun berjauhan, kecuali mereka memberi izin. Ini kerana apabila ada dua orang yang sedang bercakap-cakap manakala tidak ada orang lain selain mereka berdua, itu ertinya mereka tidak ingin ada orang lain yang mendengarkan mereka."

"Jika seseorang yang memiliki kepekaan yang tinggi di mana sebahagian kalimat sudah dapat memahami perbincangan yang berikutnya, maka bagi orang seperti tetap diwajibkan meminta keredhaan orang yang bercakap itu. Kadang kala \ada dua orang yang sedang berbicara namun mereka malu mengusir orang lain yang ada di dekat mereka. Bagi orang yang mempunya kepekaan yang tinggi itu hendaklah memahami keadaan seperti itu."

Ibn Hajar menambahkan lagi, dalam masalah ini dikategorikan pula mencium bau, menyentuh pakaian, bertanya kepada kanak-kanak tentang apa yang terjadi dalam keluarga ataupun jiran mereka. Jika yang memberi kabar itu orangnya adil sedangkan sesuatu yang ingin diberitahu adalah kemungkaran, maka bolehlah kita mendengarnya dengan tujuan untuk menghentikan kemungkaran itu.

٣٥٢- وَعَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "طُوبَى لِمَنْ شَغَلَهُ عَيْبُهُ عَنْ عُيُوبِ النَّاسِ". أَخْرَجَهُ الْبَزَّارُ بِإِسْنَادٍ حَسَنٍ.

352. Daripada Anas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Beruntunglah orang yang sibuk memperhatikan aibnya sendiri sehingga dia tidak sempat lagi memperhatikan aib orang lain'." (Diriwayatkan oleh al-Bazzar dengan sanad yang hasan: 1539)

## Makna Hadis

Kita adalah manusia biasa yang tidak lepas daripada melakukan dosa. Hadis ini mengajarkan kepada kita supaya menyibukkan diri untuk memperbaiki kesalahan sendiri. Dengan begitu kita akan menyedari kekurangan kita dan berusaha merobah diri menjadi lebih baik daripada sebelumnya.

Menyibukkan diri dengan aib orang lain biasanya malah mendatangkan mudarat dan dosa kepada diri sendiri.

**Analisis Lafaz**

"طوبى", di dalam sebahagian hadis, kalimat ini bermaksud sebatang pokok yang terdapat di dalam syurga. Untuk mengelilinginya diperlukan masa lebih daripada seratus tahun.

"لمن", Huruf lam di sini bermaksud kepemilikan atau juga kemanfaatan. Orang itu akan memiliki pokok itu atau dapat mengambil manfaat daripada pokok itu. Dan sudah dapat dipastikan dia adalah penghuni syurga, kerana pokok itu berada di dalam syurga.

**Fiqh Hadis**

Hadis ini memerintahkan kita untuk mengurusi sekali gus memperbaiki aib sendiri sebelum mengurusi aib orang lain.

٣٥٣- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ تَعَاظَمَ فِي نَفْسِهِ وَاخْتَالَ فِي مِشْيَتِهِ، لَقِيَ اللهَ وَهُوَ عَلَيْهِ غَضْبَانُ". أَخْرَجَهُ الْحَاكِمُ وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ.

353. Daripada Ibn 'Umar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Sesiapa yang merasa dirinya hebat dan berlagak ketika berjalan, maka nanti dia akan menjumpai Allah sedang Allah dalam keadaan murka kepadanya'." (Diriwayatkan oleh al-Hakim dan periwayatnya tsiqah: 1540)

**Makna Hadis**

Kesombongan itu adakalanya muncul di dalam hati ketika seseorang merasa dirinya orang besar dan paling hebat. Adakalanya pula kesombongan itu nampak pada penampilan seseorang, iaitu tingkah laku atau gerak tubuhnya. Sikap seperti ini berpunca daripada kesombongan hati.

Di alam ini hanya Allah (s.w.t) yang berhak menyombongkan diri kerana Dia adalah Maha Besar. Sedang semua makhluk ciptaan-Nya hanya boleh bergantung kepada-Nya. Semua manusia adalah sama dalam pandangan Allah, tidak ada yang lebih dan tidak ada yang kurang (melainkan ketakwaannya), maka wajarlah jika Allah (s.w.t) amat murka kepada manusia yang sombong. Dalam sebuah hadis qudsi disebutkan:

الْكِبرِيَاءُ رِدَائِي، وَالعَظَمَةُ إِزَارِى، فَمَن نَازَعَنِي وَاحِدًا مِنهُمَا عَذَّبتُهُ.

"Kesombongan itu adalah selendangku, dan kebesaran itu adalah pakaianku. Sesiapa yang cuba menandingiku pada salah satu daripada keduanya, maka dia

akan Aku mengazabnya."

**Analisis Lafaz**

"تعاظم", membesarkan diri melebihi kadar yang sudah ditentukan Allah. Al-Shan'ani berkata: "Maksud sombong di sini adalah orang yang merasa dirinya lebih besar atau lebih hebat berbanding orang lain, atau berusaha supaya orang lain mengagungkannya.

"اختال", Berjalan dengan sombong.

**Fiqh Hadis**

Hadis ini melarang bersifat takbur sama ada secara zahir mahupun batin, kerana ia membuat Allah murka dan menyeksa orang yang takbur itu.

٣٥٤- وَعَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْعَجَلَةُ مِنَ الشَّيْطَانِ". أَخْرَجَهُ التِّرْمِذِيُّ وَقَالَ: حَسَنٌ.

354. Daripada Sahal bin Sa'ad (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Sikap terburu-buru itu daripada syaitan'." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan menurutnya hadis ini hasan: 1541)

**Makna Hadis**

Ibn Hajar hanya menuliskan bahagian akhir daripada hadis ini. Beliau tidak menyebutkan awalnya yang berbunyi:

الأَنَاةُ مِنَ اللهِ.

"Sikap berhati-hati itu daripada Allah."

Maksudnya adalah Allah (s.w.t) menyukai orang yang sabar dan berhati-hati (tidak terburu-buru) sepertimana diajarkan Nabi (s.a.w) kepada Asyajj Abdul Qais. Sabar dan berhati-hati itu biasanya akan mendatangkan hasil yang baik. Manakala orang yang suka terburu-buru biasanya tidak tenang dan tidak memperhatikan padah yang bakal diterimanya. Oleh itu, syaitan senang sekali mengarahkan manusia bersikap terburu-buru.

**Analisis Lafaz**

"العجلة", terburu-buru melakukan sesuatu urusan.

"من الشيطان", syaitan sentiasa menggoda dengan was-was dan tipu dayanya.

"قال حسن", menurutnya, hadis ini hasan. Inilah yang ditulis dalam beberapa catatan, tetapi dalam kebanyakan catatan yang ada dituliskan bahawa hadis ini gharib. Berikut ini lafaz yang ditulis dalam catatan tersebut: "Ulama sibuk membincangkan Abdul Muhaimin bin 'Abbas. Mereka melihat hafalannya lemah."

Menurut pensyarah kitab ini, jumhur ulama memang menilai dha'if periwayat ini. Ibn Hajar menyokong pendapat ini di dalam kitabnya al-Taqrib, tetapi hadis ini dikuatkan oleh banyak hadis lain yang maksudnya sama.

**Fiqh Hadis**

Larangan bersifat terburu-buru, tetapi adakalanya terburu-buru itu digalakkan, sepertimana firman Allah (s.w.t):

فَٱسْتَجَبْنَا لَهُۥ وَوَهَبْنَا لَهُۥ يَحْيَىٰ وَأَصْلَحْنَا لَهُۥ زَوْجَهُۥٓ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ يُسَٰرِعُونَ فِى ٱلْخَيْرَٰتِ وَيَدْعُونَنَا رَغَبًا وَرَهَبًا ۖ وَكَانُوا۟ لَنَا خَٰشِعِينَ ﴿٩٠﴾

"*Maka Kami perkenankan doanya, dan Kami kurniakan kepadanya (anaknya) Yahya, dan Kami perelokkan keadaan isterinya yang mandul, (untuk melahirkan anak) baginya. (Kami limpahkan berbagai ihsan kepada Rasul-rasul itu ialah kerana) sesungguhnya mereka sentiasa berlumba-lumba dalam mengerjakan kebaikan, dan sentiasa berdoa kepada kami dengan penuh harapan serta gerun takut; dan mereka pula sentiasa khusyuk (dan taat) kepada Kami.*" (Surah al-Anbiya': 90)

Disunatkan terburu-buru melakukan kebaikan, selama ia tidak syubhat. Menurut sebahagian ulama, yang dimaksudkan itu adalah sunat hukumnya bersegera untuk melakukan ibadah, bukan bersegera dalam menjalankan ibadah.

Ada cerita tentang seorang ulama bernama Abu al-Aina'. Seseorang pernah menegurnya: "Tuan, janganlah anda terburu-buru, bukankah terburu-buru itu daripada syaitan?"

Beliau menjawab: "Kalau demikian, kenapa Nabi Musa (a.s) berkata:

۞ وَمَآ أَعْجَلَكَ عَن قَوْمِكَ يَٰمُوسَىٰ ﴿٨٣﴾ قَالَ هُمْ أُو۟لَآءِ عَلَىٰٓ أَثَرِى وَعَجِلْتُ إِلَيْكَ رَبِّ لِتَرْضَىٰ ﴿٨٤﴾

"*Dan apakah yang menyebabkan engkau segera datang ke mari lebih dahulu dari kaum engkau wahai Musa? Nabi Musa menjawab: "Mereka itu ada mengiringi daku tidak*

*jauh dari sini; dan aku segera datang kepadaMu, wahai Tuhanku, supaya Engkau reda akan daku".*" (Surah Thaha: 83-84)

٣٥٥- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "اَلشُّؤْمُ سُوءُ الْخُلُقِ". أَخْرَجَهُ أَحْمَدُ وَفِي إِسْنَادِهِ ضَعْفٌ.

355. Daripada 'Aisyah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Sifat putus asa itu merupakan akhlak yang buruk'." (Diriwayatkan oleh Ahmad dan sanad hadis ini dha'if: 1542)

Hadis ini dha'if kerana di dalam sanadnya terdapat nama Abu Bakar bin Abu Maryam.

٣٥٦- وَعَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ اللَّعَّانِينَ لَا يَكُونُونَ شُفَعَاءَ وَلَا شُهَدَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

356. Daripada Abu al-Darda (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Orang yang suka mengutuk, tidak dapat memberi syafaat dan tidak pula menjadi syuhada' pada hari kiamat nanti'." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1543)

٣٥٧- وَعَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ عَيَّرَ أَخَاهُ بِذَنْبٍ، لَمْ يَمُتْ حَتَّى يَعْمَلَهُ". أَخْرَجَهُ التِّرْمِذِيُّ وَحَسَّنَهُ، وَسَنَدُهُ مُنْقَطِعٌ.

357. Daripada Mu'adz bin Jabal (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Sesiapa menghina saudaranya yang melakukan dosa, maka Allah tidak akan mematikanya sebelum dia melakukan perbuatan yang sama dengan orang itu'." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan menurutnya hadis ini hasan sedangkan sanadnya pula munqathi': 1544)

**Makna Hadis**

Muslim yang baik adalah apabila dia melihat saudaranya melakukan sesuatu kesalahan, maka dia menutupi aibnya dan menasihatinya. Janganlah menghinanya ataupun berasa bangga kerana terhindar dari perkara yang dia lakukan. Apabila kita menghinanya, maka Allah (s.w.t) akan membalas dengan menimpakan bala (kesalahan yang serupa) sebagai amaran bahawa keselamatan daripada aib hanyalah semata-mata disebabkan taufik daripada Allah, bukan kerana kehendak manusia.

**Analisis Lafaz**

"عير", mencela. Maksudnya merasa diri sempurna dan mencela orang yang melakukan dosa atau kesalahan. Ia berbeza dengan orang yang mencela dengan tujuan suapaya orang itu berhenti melakukannya.

"وسنده منقطع", Sanad hadis ini munqathi'. Bahkan ada yang mengatakan hadis ini maudhu'. Tetapi demi Allah, pensyarah kitab ini melihat banyak hadis lain yang membenarkan maksud hadis ini.

**Fiqh Hadis**

Hadis ini mengandungi larangan menghina orang yang melakukan dosa. Sikap yang baik adalah menasihati mereka, menutup aibnya dan membimbing mereka. Sesiapa yang menghina mereka akan dibalas Allah dengan mencabut taufiq-Nya.

٣٥٨- وَعَنْ بَهْزِ بْنِ حَكِيمٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "وَيْلٌ لِلَّذِي يُحَدِّثُ فَيَكْذِبُ لِيَضْحَكَ بِهِ الْقَوْمُ، وَيْلٌ لَهُ، ثُمَّ وَيْلٌ لَهُ". أَخْرَجَهُ الثَّلَاثَةُ، وَإِسْنَادُهُ قَوِيٌّ.

358. Daripada Bahz bin Hakim daripada bapanya daripada datuknya (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Celakalah orang yang berbicara lalu berdusta supaya orang lain ketawa. Celakalah baginya dan celakalah baginya'." (Diriwayatkan oleh al-Tsalatsah dan sanad hadis ini kuat: 1545)

**Makna Hadis**

Berdusta merupakan salah satu sifat orang munafik. Dusta yang dimaksudkan dalam hadis ini sifatnya lebih khusus. Ia dilakukan oleh sebahagian orang untuk membuat orang lain ketawa. Mereka menyangka dusta semacam ini bukanlah dosa. Ia memang tidak merugikan orang lain. Tetapi sedikit sebanyak dusta semacam ini boleh membawa seseorang melakukan kesalahan. Perbuatan ini boleh menyebabkan seseorang itu masuk neraka.

**Analisis Lafaz**

"ويل", celaka atau kebinasaan.

**Fiqh Hadis**

Dilarang berdusta, terutamanya dengan tujuan membuat orang lain ketawa. Menurut sebahagian ulama, apabila orang-orang tahu bahawa ia adalah dusta maka diharamkan mendengarkannya. Kerana sengaja mendengarkan bererti mengakui kebohongannya. Oleh itu wajib meninggalkan orang yang berdusta itu bagi sesiapa yang menyedarinya.

٣٥٩- وَعَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "كَفَّارَةُ مَنِ اغْتَبْتَهُ أَنْ تَسْتَغْفِرَ لَهُ". رَوَاهُ الْحَارِثُ بْنُ أَبِي أُسَامَةَ بِسَنَدٍ ضَعِيفٍ.

359. Daripada Anas (r.a), daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Kifarat (penebus dosa) bagi orang yang pernah mengghibah orang lain adalah memintakan ampun atas orang itu." (Diriwayatkan oleh al-Harits bin Abu Usamah dengan sanad yang dha'if: 1546)

**Makna Hadis**

Rasulullah (s.a.w) mengajarkan kepada kita beberapa perkara yang boleh menghapuskan dosa yang kita lakukan sehingga terhindar daripada azab di hari kiamat. Salah satunya disebutkan dalam hadis ini yang menyatakan dosa ghibah akan diampuni dengan syarat memintakan ampunan atas dosa orang yang dighibah.

**Analisis Lafaz**

"كفّارة", sesuatu yang boleh menghapus kesalahan dan menutupinya.

"له", *dhamir* (kata ganti) ini kembali kepada pihak yang dighibah.

"بإسناد ضعيف", sanadnya dha'if, kerana di dalamnya terdapat nama 'Anbasah bin Abdurrahman al-Qurasyi dan Khalid bin Yazid al-Yamami.

**Fiqh Hadis**

Sesiapa yang mengghibah orang lain, kemudian dia memintakan ampunan untuk orang itu, maka perbuatan itu akan menghapus dosa ghibahnya. Lalu apakah tetap dikehendaki meminta maaf dan memberitahukan kepadanya apa yang pernah dighibah tentangnya? Terdapat dua pendapat dalam masalah ini. Pendapat yang lebih kuat mengatakan, jika ghibah itu sampai ke telinga orang yang dighibah, maka wajib bagi yang mengghibah meminta maaf, sepertimana disebutkan dalam hadis riwayat al-Bukhari yang berbunyi:

مَن كَانَت عِندَهُ مَظلَمَةٌ لِأَخِيهِ فِي عِرضِهِ أَو شَيءٌ فَليَتَحَلَّلهُ.

"Sesiapa yang pernah berbuat zalim kepada saudaranya berkaitan harga dirinya atau apa saja yang dapat dikatakan sebagai kezaliman, maka hendanya dia meminta maaf kepada orang itu."

Tetapi apabila tidak sampai ke telinganya, cukuplah memintakan ampunan untuknya, kerana adakalanya apabila disampaikan kepadanya tentang ghibah itu akan membuatnya marah.

٣٦٠- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَبْغَضُ الرِّجَالِ إِلَى اللهِ الْأَلَدُّ الْخَصِمُ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

360. Daripada 'Aisyah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Seseorang (lelaki) yang paling dibenci Allah adalah orang yang mengelak daripada kebenaran dan mau menang sendiri ketika berdebat'." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1547)

**Makna Hadis**

Hadis ini mengandungi larangan berdebat dengan tujuan menciptakan permusuhan dan menjadikannya sarana kebatilan. Mereka yang melakukannya termasuk orang yang paling dibenci Allah (s.w.t).

**Analisis Lafaz**

"الرجال", hadis ini menggunakan perkataan 'lelaki', kerana yang suka berdebat itu kebanyakannya adalah lelaki. Tetapi perlu diingat, meskipun yang disebut hanya lelaki bukan bererti perempuan tidak termasuk dalam larangan ini.

"الألدّ", maksud asalnya adalah dua tepi jurang. Dalam konteks hadis ini, ia merujuk kepada orang yang ketika dihadapkan kepada dalil (hujah) yang kuat, dia lari dan membuka perbahasan lain kerana takut mengakui kesilapannya.

"الخَصِم", bersikap memusuhi dan keras kepala ketika berdebat.

**Fiqh Hadis**

Hadis ini mencela perdebatan yang beorientasi kepada permusuhan. Dan pelakunya adalah orang yang paling dibenci Allah.

Di dalam kitab al-Adzkar, al-Nawawi berkata: "Apabila ada bertanya: 'Bukankah manusia harus berebut untuk mendapatkan haknya?' Maka saya akan menjawab dengan jawapan daripada al-Ghazali: 'Hadis ini mencela orang

yang berebut-rebut atau berdebat secara batil, atau tanpa ilmu. Celaan itu juga diarahkan kepada orang yang menuntut haknya tetapi setelah mendapatkannya, dia mengambilnya melebihi kadar yang semestinya. Malah dia berdusta untuk mengalahkan lawannya. Demikian pula orang yang suka mengajak orang lain berdebat atau orang yang ketika berdebat suka menggunakan kata-kata kasar yang menyakiti perasaan orang, sedangkan dia tidak perlu berbuat demikian'."

**Penting!**

Pada sebahagian kitab mazhab Syafi'i disebutkan bahawa orang yang suka berdebat dan bermusuhan tidak boleh diterima kesaksiannya, kerana perbuatannya itu telah mengurangi maruahnya.

**Soalan**

1. Sebutkan hadis yang mencela sifat hasad (iri dan dengki) dan bincangkan maksudnya!
2. Sebutkan dua hadis yang melarang marah!
3. Apa yang disunatkan kepada orang yang sedang marah?
4. Sebutkan tiga hadis yang melarang melakukan kezaliman!
5. Apa pendapat ulama tentang *syuh* (kikir), dan bagaimana umat terdahulu boleh hancur akibat sifat ini?
6. Menurut pendapat ulama, apa yang menyebabkan seseorang menjadi bakhil dan bagaimana pula cara menyembuhkannya?
7. Apa yang dimaksudkan dengan syirik kecil?
8. Apa hukum melakukan ibadah apabila selepas melakukannya seseorang menjadi riya'?
9. Sebutkan hadis yang menerangkan tentang sifat-sifat orang munafik dan mungkinkah sifat-sifat tersebut terdapat dalam diri seorang muslim?
10. Syarahkan hadis berikut ini: "سباب المسلم فسوق وقتاله كفر"!
11. Bolehkah memaki orang fasik?
12. Lanjutkan hadis berikut ini kemudian syarahkan: "أياكم والظن..."!
13. Para ulama membahagikan prasangka kepada empat jenis dan sebutkan keempat jenis prasangka itu!
14. Lanjutkan hadis berikut: "ما من عبد يسترعيه الله رعية ..."!
15. Lanjutkan hadis berikut: "اللّٰهُمَّ من ولى من أمر أمتى شيئا ..."!
16. Apa dalil yang menyatakan memukul wajah itu haram?
17. Lanjutkan hadis berikut kemudian syarahkan maksudnya: "إنّ رجالا يتخوّضون فى مال الله ..."!

18. Apa yang dimaksudkan dengan ghibah?
19. Bilakah ghibah itu dibolehkan?
20. Lanjutkan hadis berikut kemudian syarahkan lafaz-lafaznya yang penting: "لاتحاسدوا ولاتناجشوا ولاتباغضوا ..."!
21. Lanjutkan hadis berikut kemudian syarahkan lafaz-lafaznya yang penting: "اللّٰهُمَّ جنبنى منكرات الأخلاق..."!
22. Sebutkan hadis yang melarang perdebatan dan melampau dalam bergurau, bincangkan masalah ini!
23. Lanjutkan hadis ini: "خصلتان لايجتمعان فى مؤمن ..."!
24. Apabila ada dua orang yang saling memaki, siapakah yang menanggung dosa? Sebutkan dalilnya!
25. Sebutkan satu atau dua hadis tentang sifat seorang muslim bahawa dia tidak boleh mencela dan tidak boleh memaki orang lain!
26. Apa maksud hadis: "لا يدخل الجنة قتات"?
27. Lanjutkan hadis berikut: "لايدخل الجنة خبّ ..."!
28. Lanjutkan hadis berikut dan bahas kandungannya: "من تسمع حديث قوم ..."!
29. Apa maksud sabda Rasulullah (s.a.w): "طوبى لمن شغله عيبه عن عيوب الناس..."?
30. Lanjutkan hadis berikut: "من تعاظم فى نفسه ..."!
31. Apa maksud sabda Rasulullah (s.a.w): "العجلة من الشيطان"? Apakah semua perbuatan tidak boleh dilakukan secara terburu-buru?
32. Lanjutkan hadis berikut: "من عيّر أخاه بذنب ..."!
33. Lanjutkan hadis berikut: "ويل للذى يحدث فيكذب ليضحك ..."!
34. Apakah kifarat bagi orang yang pernah mengghibah saudaranya dan apakah disyaratkan meminta maaf dengan cara memberitahu apa yang pernah dighibahkannya?
35. Apa maksud hadis berikut ini: "أبغض الرجال إلى الله الألد الخصم"?

# BAB KELIMA
# KEUTAMAAN BERAKHLAK MULIA

٣٦١- عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "عَلَيْكُمْ بِالصِّدْقِ، فَإِنَّ الصِّدْقَ يَهْدِي إِلَى الْبِرِّ، وَإِنَّ الْبِرَّ يَهْدِي إِلَى الْجَنَّةِ، وَمَا يَزَالُ الرَّجُلُ يَصْدُقُ وَيَتَحَرَّى الصِّدْقَ، حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللهِ صِدِّيقًا، وَإِيَّاكُمْ وَالْكَذِبَ، فَإِنَّ الْكَذِبَ يَهْدِي إِلَى الْفُجُورِ، وَإِنَّ الْفُجُورَ يَهْدِي إِلَى النَّارِ، وَمَا يَزَالُ الرَّجُلُ يَكْذِبُ وَيَتَحَرَّى الْكَذِبَ، حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللهِ كَذَّابًا". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

361. Daripada Ibn Mas'ud (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Jujurlah kamu kerana kejujuran itu akan membimbingmu kepada kebaikan, dan kebaikan itu akan membimbingmu kepada syurga. Tidaklah seorang lelaki bersifat jujur dan berusaha mempertahankannya melainkan Allah menuliskan namanya sebagai al-Shiddiq. Takutlah kamu kepada kebohongan, kerana ia akan membawamu kepada kejahatan, dan kejahatan itu akan membawamu kepada neraka. Tidaklah seorang lelaki berbohong dan berusaha mempertahankannya melainkan Allah menuliskan namanya sebagai al-Kazzab'." (Muttafaq 'alaih: 1548)

**Makna Hadis**

Suatu kebaikan akan mendatangkan kebaikan yang lain, demikian pula kejahatan akan mendatangkan kejahatan yang lain sepertimana firman Allah (s.w.t):

كَلَّا ۖ بَلْ ۜ رَانَ عَلَىٰ قُلُوبِهِم مَّا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿١٤﴾

"*Sungguh! (Ayat-ayat Kami itu tidak ada cacatnya) bahkan mata hati mereka telah ditutupi kotoran (dosa), dengan sebab (perbuatan kufur dan maksiat) yang mereka kerjakan.*" (Surah al-Mutaffifin: 14)

Dan firman-Nya:

إِنَّ ٱلْأَبْرَارَ لَفِى نَعِيمٍ ﴿١٣﴾ وَإِنَّ ٱلْفُجَّارَ لَفِى جَحِيمٍ ﴿١٤﴾

"*(Gunanya catitan malaikat-malaikat itu adalah untuk menyatakan siapa yang berbakti dan siapa pula yang bersalah) kerana sesungguhnya orang-orang yang berbakti (dengan ketaatan dan amal kebaikan), tetap berada di dalam syurga yang penuh nikmat. Dan sesungguhnya orang-orang yang bersalah bertempat tinggal di dalam neraka yang menjulang-julang.*" (Surah al-Infithar: 13-14)

Orang yang sentiasa berusaha untuk bersifat jujur akan selalu bersifat jujur dan kejujuran itu akan menjadi tabiatnya. Demikian pula sebaliknya.

**Analisis Lafaz**

"يهدى", menunjuki dan membimbing, iaitu membawa kepada …

"البر", semua jenis kebaikan dan ketaatan.

"ويتحرى الصدق", berusaha jujur.

"الفجور", Maksud asalnya adalah memecah, membelah, menghancurkan. Dinamakan demikian kerana orang yang fajir seolah-olah sedang menghancurkan agamanya. Dalam hadis ini ia merujuk kepada orang yang cenderung kepada kejahatan dan selalu ingin berbuat maksiat. Jadi maksudnya adalah segala macam kejahatan.

**Fiqh Hadis**

1. Diperlukan latihan atau kebiasaan untuk menjadi insan yang baik. Demikian pula orang yang ingin menjadi jahat.
2. Suatu maksiat dapat membawa kepada kemaksiatan yang lain. Demikian pula ketaatan.
3. Betapa mulianya kejujuran dan betapa jahat dan hinanya kebohongan.

٣٦١- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِيَّاكُمْ وَالظَّنَّ، فَإِنَّ الظَّنَّ أَكْذَبُ الْحَدِيثِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

361. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Hendaklah kamu menjauhi prasangka kerana ia sedusta-dusta berita." (Muttafaq 'alaih:1549)

٣٦٣- وَعَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِيَّاكُمْ وَالْجُلُوسَ بِالطُّرُقَاتِ. قَالُوا: يَا رَسُولَ اللهِ، مَا لَنَا بُدٌّ مِنْ مَجَالِسِنَا نَتَحَدَّثُ فِيهَا. قَالَ: "فَأَمَّا إِذَا أَبَيْتُمْ، فَأَعْطُوا الطَّرِيقَ حَقَّهُ، قَالُوا: وَمَا حَقُّهُ؟ قَالَ: "غَضُّ الْبَصَرِ، وَكَفُّ الْأَذَى، وَرَدُّ السَّلَامِ، وَالْأَمْرُ بِالْمَعْرُوفِ، وَالنَّهْيُ عَنِ الْمُنْكَرِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

363. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Hindarilah duduk-duduk di jalanan.' Para sahabat berkata: 'Wahai Rasulullah, kami mesti duduk-duduk di mana kami biasa untuk duduk dan tidak dapat meninggalkan kebiasaan itu untuk berbincang-bincang perseoalan keseharian kami.' Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Jika kamu terpaksa melakukan itu, maka berilah hak jalan itu.' Para sahabat bertanya: 'Apa yang dimaksudkan dengan hak jalan itu, wahai Rasulullah?' Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Menjaga mata, tidak menyakiti orang lain, menjawab salam, melakukan amar makruf dan nahi mungkar'." (Muttafaq 'alaih: 1550)

**Makna Hadis**

Duduk di jalanan dapat membawa kepada fitnah, di antaranya melihat aurat orang lain, ghibah, memandang orang yang melintas dan perkara-perkara lain yang dilarang agama. Oleh itu Rasulullah (s.a.w) melarang para sahabatnya duduk di jalanan.

Sebelumnya para sahabat kurang memahami kenapa Nabi (s.a.w) melarang mereka duduk di jalanan. Tatkala Nabi (s.a.w) menyampaikan hadis ini mereka seakan-akan meminta keringanan kerana pada hari itu mereka perlu duduk-duduk di sana. Selain itu tidak ada tempat lain yang boleh dijadikan sebagai tempat mereka berkumpul. Nabi (s.a.w) lalu membolehkan mereka duduk di jalan dengan syarat menjaga mata, tidak mengganggu orang, menjawab salam, melakukan amar ma'ruf dan nahi mungkar. Semua itu dijaga supaya terhindar daripada perkara-perkara yang buruk.

**Analisis Lafaz**

"أبيتم", tidak mahu.

"غض البصر", menjaga mata supaya tidak memandang orang yang melintas sehingga aib mereka terjaga.

"كف الأذى", tidak mengganggu orang, sama ada melalui perkataan ataupun perbuatan.

"وردّ السلام", menjawab salam orang yang mengucapkan salam, kerana memberi salam kepada orang yang sedang duduk disunatkan ke atas orang yang berjalan, sepertimana dijelaskan dalam hadis.

**Fiqh Hadis**

Dilarang duduk di jalanan kecuali mampu menjaga syarat-syarat yang disebutkan dalam hadis ini.

**Penting!**

Masih ada beberapa hadis lain yang menjelaskan hak-hak jalan selain yang disebutkan dalam hadis ini.. Dan semuanya telah dikumpulkan oleh Ibn Hajar dalam empat bait sya'ir berikut:

Kukumpulkan beberapa adab bagi orang yang duduk di jalanan. Adab ini diambil daripada sabda sebaik-baik manusia.

Tebarkanlah salam, bercakaplah dengan sopan, jawablah orang yang bersin dan jawablah salam dengan baik.

Apabila ada orang yang menanggung beban yang berat, tolonglah dia. Apabila ada orang yang dizalimi, selamatkanlah dia. Bantulah orang yang memerlukan pertolongan, tunjukilah jalan kepada orang yang tersesat dan bimbinglah orang yang kebingungan.

Lakukanlah amar makruf dan nahi mungkar, jangan menganggu orang yang melintas, jagalah mata dan perbanyaklah zikir kepada Tuhan.

٣٦٤- وَعَنْ مُعَاوِيَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ يُرِدِ اللهُ بِهِ خَيْرًا، يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

364. Daripada Mu'awiyah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Sesiapa yang dikehendaki Allah menjadi baik, maka Dia memberi orang itu kefahaman dalam masalah agama'." (Muttafaq 'alaih: 1551)

**Makna Hadis**

Mempelajari ilmu syariat, hukum-hakamnya, halal-haramnya merupakan cara yang paling tepat untuk mempertahankan agama dan mendakwahkannya kepada seluruh manusia. Orang yang melaksanakannya akan beroleh ilmu dan amal di samping dibalas dengan kebaikan oleh Allah (s.w.t).

Orang yang tidak mengenal ilmu agama biasanya menjadi manusia yang kurang berguna di tengah-tengah masyarakat dan sering melakukan kesilapan.

**Analisis Lafaz**

"يفقهه:, maksud asalnya adalah penuh dan faham. Di sini maksudnya adalah orang yang memiliki kefahaman yang baik terhadap hukum-hakam dan misi-misi agama.

**Fiqh Hadis**

Alangkah mulia ilmu fiqh dan orang yang menuntutnya.

**Penting!**

Kebanyakan orang menganggap ulama fiqh tidak perlu mengetahui ilmu hadis, mana hadis yang sahih dan mana pula yang dha'if. Untuk mengetahui maqasid syari'ah (masalah fiqh yang lebih mendalam), dia cukup mendengarkan pendapat para imam saja. Anggapan semacam ini benar-benar salah. Ia mencerminkan kefahaman yang dangkal. Seseorang tidak akan mampu memahami ilmu fiqh tanpa memahami nas al-Qur'an dan hadis, terutamanya hadis. Sesiapa yang tidak boleh membezakan antara nas-nas syariat yang tetap dan nas-nas syariat yang tidak tetap tidak akan memahami mana amalan yang disyariatkan dan mana yang bukan. Di sinilah diperlukan pengetahuan mengenali hadis yang sahih dan hadis yang dha'if.

Dalam masalah ini terdapat soalan penting: Untuk mengenali kedudukan hadis, apakah dibolehkan bertaqlid kepada ulama hadis? Jawapannya adalah boleh, jika seseorang itu tidak mampu berijtihad dalam bidang itu, namun dia tidak memperoleh ganjaran pahala orang yang mampu berijtihad dan hendaklah dia memilih orang yang patut ditaqlid dalam ijtihadnya.

٣٦٥- وَعَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَا مِنْ شَيْءٍ فِي الْمِيزَانِ أَثْقَلُ مِنْ حُسْنِ الْخُلُقِ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ.

365. Daripada Abu al-Darda' (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Tidak ada timbangan yang lebih berat berbanding akhlak yang baik'." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Tirmizi. Hadis ini dinilai sahih oleh al-Tirmizi: 1552)

٣٦٦- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْحَيَاءُ مِنَ الْإِيمَانِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

366. Daripada Ibn 'Umar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Malu itu sebahagian daripada iman'." (Muttafaq 'alaih: 1553)

٣٦٧- وَعَنْ أَبِي مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ مِمَّا أَدْرَكَ النَّاسُ مِنْ كَلَامِ النُّبُوَّةِ الْأُولَى: إِذَا لَمْ تَسْتَحِ، فَاصْنَعْ مَا شِئْتَ". أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ.

367. Daripada Ibn Mas'ud (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Sebahagian daripada sabda nabi-nabi terdahulu yang masih sempat diingat oleh manusia adalah: 'Jika kamu tidak punya malu, maka berbuatlah sekehendak hatimu'." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1554)

**Makna Hadis**

Malu itu termasuk akhlak yang mulia dan sebahagian daripada iman. Selain itu sifat malu juga boleh membimbing seseorang melakukan kebaikan serta meninggalkan dosa dan maksiat. Orang yang tidak punya sifat malu sulit menghindarkan dirinya daripada maksiat kerana tiada bimbingan dari dalam hatinya.

**Analisis Lafaz**

"الحياء", menurut bahasa, ia bermaksud perubahan dan perasaan yang muncul di dalam hati manusia berupa ketakutan melakukan sesuatu yang dipandang aib oleh orang lain. Sedangkan menurut syarak ia bermaksud sifat yang membimbing seseorang menjauhi kejahatan dan membimbingnya supaya tidak lalai menjalankan hak-hak agama.

"من الإيمان", salah satu cabang iman, salah satu daripada perkara iman, sepertimana disebut di dalam hadis-hadis yang lain. Ada yang mengatakan malu itu sama dengan iman. Dengan mempunyai sifat malu, seseorang terhindar daripada maksiat. Jadi malu ini menjadi bahagian daripada iman kerana dapat menghalangi seseorang melakukan maksiat. Demikian yang dikatakan Ibn Qutaibah.

"... إن مما أدرك الناس من كلام النبوة الأولى", sebahagian ulama mengatakan kalimat yang berbunyi: "إذا لم تستح فاصنع ماشئت" (Jika kamu tidak punya malu, maka

berbuatlah sekehendak hatimu). Kalimat ini adalah sabda paling awal yang diucapkan Nabi (s.a.w).

Ulama yang lain berpendapat, kalimat ini adalah wasiat daripada para nabi terdahulu, sepertimana yang disebut dalam Sunan Abu Dawud, iaitu hadis riwayat Hudzaifah (r.a) yang berbunyi:

إِنَّ آخِرَ مَا تَعَلَّقَ بِهِ أَهْلُ الْجَاهِلِيَّةِ مِنْ كَلَامِ النُّبُوَّةِ الْأُولَى ...

"Kalimat (wasiat) terakhir yang masih dipegang oleh orang-orang jahiliyyah adalah …".

Selain itu ada pula ulama yang berpendapat kalimat itu disabdakan sejak zaman Nabi Adam (a.s). Ulama yang lain lagi berpendapat kalimat itu adalah ajaran yang disepakati oleh para nabi. Masih banyak pendapat yang lain mengenai kalimat ini.

"فاصنع ما شئت", Ada dua pendapat yang masyhur mengenai maksud kalimat ini, iaitu:

1. Seluruh kebaikan terletak pada sifat malu. Sesiapa yang kehilangan sifat ini, maka dia tidak mendapat kebaikan pada apa yang dia lakukan. Berapa pun besarnya sesuatu yang dia buat, kalau tidak ada malu menjadi tidak berguna.
2. Maksudnya adalah menimbang sesuatu yang hendak dia lakukan. Apabila ia tidak termasuk perkara yang memalukan, maka lakukanlah. Tetapi jika ia memalukan, maka tinggalkanlah.

**Fiqh Hadis**

Malu adalah sifat yang amat mulia, kerana ia bahagian daripada iman.

**Penting!**

Malu itu ada dua jenis. Ada yang bersifat naluri, insting dan alami, dan ada pula yang bersifat perilaku. Jenis yang kedua ini mesti diusahakan (melatih diri untuk malu). Kita wajib mengarahkan sifat malu kita menjadi perilaku yang sesuai dengan syariat, agar kita termasuk dalam sabda Nabi (s.a.w):

الْحَيَاءُ لَا يَأْتِي إِلَّا بِخَيْرٍ.

"Malu itu tidak mendatangkan sesuatu kecuali kebaikan."

Di dalam kitab al-Mufham, al-Qurthubi menyebutkan bahawa Nabi (s.a.w) memiliki dua jenis sifat malu ini. Sifat malu baginda mengalahkan sifat malu seorang anak dara. Selain itu baginda juga adalah insan yang paling malu melakukan sesuatu yang melanggar syariat.

٣٦٨- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ، وَفِي كُلٍّ خَيْرٌ، اِحْرِصْ عَلَى مَا يَنْفَعُكَ، وَاسْتَعِنْ بِاللهِ، وَلَا تَعْجَزْ، وَإِنْ أَصَابَكَ شَيْءٌ فَلَا تَقُلْ: لَوْ أَنِّي فَعَلْتُ كَانَ كَذَا وَكَذَا، وَلَكِنْ قُلْ: قَدَّرَ اللهُ وَمَا شَاءَ فَعَلَ؛ فَإِنَّ لَوْ تَفْتَحُ عَمَلَ الشَّيْطَانِ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

368. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Mukmin yang kuat adalah lebih baik dan lebih disukai Allah daripada mukmin yang lemah. Namun begitu, semuanya mendapatkan kebaikan. Berusahalah memperoleh sesuatu yang memberi manfaat kepada dirimu, mintalah pertolongan Allah dan jangan lemah. Apabila kamu ditimpa sesuatu masalah, janganlah kamu katakan: 'Seandainya aku begini … seandainya aku begitu …' Akan tetapi katakan: 'Allah telah menentukan apa yang Dia gariskan dan yang Dia kehendaki.' Perkataan 'seandainya' akan membuka pintu kepada syaitan'." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1555)

**Makna Hadis**

Allah (s.w.t) mencintai semua orang beriman dan menganugerahkan kebaikan kepada semuanya. Tetapi Allah lebih suka kepada mukmin yang kuat. Kecintaan Allah kepada mukmin yang kuat melebihi cinta-Nya kepada mukmin yang lemah. Kenapa demikian? Kerana seorang mukmin yang kuat akan memberikan manfaat yang lebih banyak kepada saudaranya sesama mukmin.

Nabi (s.a.w) menggalakkan kita melakukan sesuatu yang bermanfaat. Baginda melarang kita menjadi manusia lemah dan pemalas, atau menjadi orang yang suka menyalahkan takdir. Seorang mukmin yang ditimpa bencana hendaklah berkata: "Allah mentakdirkan apa yang telah Dia kehendaki dan gariskan."

**Analisis Lafaz**

"كلّ", semuanya, iaitu mukmin yang kuat dan mukmin yang lemah.

"خير", kebaikan. Maksudnya keduanya sama-sama beriman.

"احرص", berusaha, pegangilah.

"ينفعك", bermanfaat, sama ada untuk kehidupan dunia ataupun untuk kehidupan akhirat.

"تعجز", dengan jim berbaris fathah atau berbaris kasrah.

**Fiqh Hadis**

1. Allah (s.w.t) menyukai semua orang beriman. Mereka mendapatkan kebaikan, kerana di hati mereka tedapat iman. Namun begitu, Allah lebih suka kepada mukmin yang kuat.
2. Hadis ini memerintahkan kita supaya berpegang kepada sesuatu yang membawa manfaat.
3. Hadis ini memerintahkan kita meminta pertolongan Allah dalam segala urusan.
4. Hadis ini melarang kita menjadi manusia lemah.
5. Hadis ini melarang kita menyalahkan takdir.
6. Hadis ini melarang kita mengucapkan kalimat semacam: "Andaikata … seandainya … jikalau … andai saja …"

Di dalam kitabnya al-Shahih, al-Bukhari menulis satu bab tentang 'Dibolehkan mengatakan seandainya'. Ia memuat banyak hadis tentang masalah ini, di antaranya:

- "... لَولَا حَدَثَانُ قومِكَ بِالكُفرِ لَهَدَمتُ الكَعبَةَ"
- "... لَولَا أَن أَشُقَّ عَلى أُمَّتي"
- "... لَو كُنتُ رَاجِمًا بِغَيرِ بَيِّنَةٍ"
- "... لَو أَنَّ أَحَدَهُم رَفَعَ رَأسَهُ لَرَآنَا"

Menurut al-Qadhi 'Iyadh, hadis-hadis yang dikemukakan al-Bukhari ini tidak boleh dijadikan hujah untuk membolehkan berkata 'seandainya …' dan sejenisnya. Kenapa demikian? Ini kerana pengandaian yang disebut dalam hadis-hadis itu bukan menunjukkan suatu penyesalan. Kalimat-kalimat itu hanya memberitahukan sesuatu yang akan terjadi. Menurut al-Qadhi 'Iyadh, larangan mengucapkan seandainya itu bersifat zahir dan umum. Akan tetapi pada asasnya larangan itu bersifat tanzih (makruh).

Menurut al-Nawawi, Nabi (s.a.w) juga pernah mengucakan 'seandainya' sepertimana dalam hadis berikut:

لَوِ استَقبَلتَ مِن أَمرِي مَا استَدبَرتُ مَا سَقتُ الهَدْىَ.

"Andaikan aku mengetahui perkaraku, maka aku tidak akan memikirkan apa yang telah ditetapkan untuk membawa haiwan kurban."

Menurut fahaman yang zahir, larangan menggunakan kalimat ini hanya bersifat *tanzih* (makruh), bukan haram. Jika ia diucapkan sebagai tanda penyesalan atas kebaikan yang sepatutnya dilakukan pada masa yang lalu maka tidak masalah. Hadis ini melarang kita mengucapkan pengandaian kerana kebiasaannya orang-orang mengatakannya untuk mengungkapkan penyesalan

terhadap takdir yang telah ditentukan Allah kepadanya.

٣٦٩- وَعَنْ عِيَاضِ بْنِ حِمَارٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ اللهَ أَوْحَى إِلَيَّ أَنْ تَوَاضَعُوا، حَتَّى لَا يَبْغِيَ أَحَدٌ عَلَى أَحَدٍ، وَلَا يَفْخَرَ أَحَدٌ عَلَى أَحَدٍ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

369. Daripada 'Iyadh bin Himar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Allah (s.w.t) telah mewahyukan kepadaku supaya kamu bersikap tawaduk, agar tiada lagi yang saling menzalimi dan saling membanggakan diri di antara kamu'." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1556)

**Makna Hadis**

Adakah seseorang yang terhindar dari sifat takbur bererti telah bersifat tawaduk? Menurut sebahagian ulama, tidak semestinya demikian, kerana selain takbur dan tawaduk ada sifat lain yang menjadi penengah di antara keduanya. Namun ada ulama yang berpendapat apabila sesorang tidak takbur bererti dia sudah tawaduk. Nampaknya pendapat inilah yang paling kuat.

**Analisis Lafaz**

"تواضعوا", menghinakan diri, merendah diri. Ada ulama yang mengatakan, untuk bersifat tawaduk cukup dengan meninggalkan takbur. Perbezaan pendapat ulama mengenai masalah ini berpunca daripada perbezaan kefahaman mereka tentang tawaduk.

"يبغى", Melampaui batas, sama ada perkataan ataupun perbuatan.

"يفخر", Menjadikan dirinya lebih daripada yang lain supaya dipandang mulia.

**Fiqh Hadis**

Hadis ini menyuruh kita bersifat tawaduk dan merendah diri di hadapan orang-orang beriman.

٣٧٠- وَعَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ رَدَّ عَنْ عِرْضِ أَخِيهِ بِالْغَيْبِ، رَدَّ اللهُ عَنْ وَجْهِهِ النَّارَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ". أَخْرَجَهُ التِّرْمِذِيُّ وَحَسَّنَهُ.

370. Daripada Abu al-Darda' (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Sesiapa yang mempertahankan maruah saudaranya sesama muslim daripada ghibahan orang lain, maka di hari kiamat nanti Allah akan menjauhkan wajahnya daripada api neraka." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan menurutnya hadis ini hasan: 1557)

٣٧١- وَلِأَحْمَدَ مِنْ حَدِيثِ أَسْمَاءَ بِنْتِ يَزِيدَ نَحْوُهُ.

371. Imam Ahmad turut meriwayatkan hadis daripada Asma' binti Yazid (r.a) dengan lafaz sama dengan hadis di atas: 1558.

**Makna Hadis**

Ada sebahagian hadis yang menyatakan bahawa orang yang mendengarkan ghibah hukumnya sama dengan orang yang mengghibah. Agama telah menetapkan orang-orang beriman itu saling bersaudara. Sebagai saudara, sudah semestinya saling membela terutama dalam menjaga maruah saudaranya. Hadis ini menjelaskan bahawa orang yang membela maruah saudaranya ketika dighibah orang akan mendapat balasan yang lebih besar, iaitu Allah akan menjauhkan wajahnya daripada sengatan api neraka. Ini disebabkan Allah (s.w.t) telah berfirman:

هَلْ جَزَآءُ ٱلْإِحْسَـٰنِ إِلَّا ٱلْإِحْسَـٰنُ ﴿٦٠﴾

"*Bukankah tidak ada balasan bagi amal yang baik - melainkan balasan yang baik juga?*" (Surah al-Rahman: 60)

Allah (s.w.t) berfirman:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ رُسُلًا إِلَىٰ قَوْمِهِمْ فَجَآءُوهُم بِٱلْبَيِّنَـٰتِ فَٱنتَقَمْنَا مِنَ ٱلَّذِينَ أَجْرَمُوا۟ ۖ وَكَانَ حَقًّا عَلَيْنَا نَصْرُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٧﴾

"*Dan demi sesungguhnya, Kami telah mengutuskan sebelummu (wahai Muhammad) Rasul-rasul kepada kaum masing-masing, lalu mereka membawa kepada kaumnya keterangan-keterangan yang jelas nyata; kemudian Kami menyeksa orang-orang yang berlaku salah (mengingkarinya); dan sememangnya adalah menjadi tanggungjawab Kami menolong orang-orang yang beriman.*" (Surah al-Rum: 47)

**Analisis Lafaz**

"نحوه", sama dengan hadis di atas di mana lafaznya adalah sebagai berikut:

مَن ذَبَّ عَن لَحمِ أَخِيهِ بِالغَيبِ كَانَ حَقًّا عَلَى اللهِ أَن يُعتِقَهُ مِنَ النَّارِ.

"*Sesiapa yang membela daging saudaranya daripada dimakan lantaran dighibah, maka Allah mewajibkan Zat-Nya menjauhkan dia daripada neraka*."

**Fiqh Hadis**

1. Hadis ini menyuruh setiap mukmin membela saudaranya sesama muslim ketika dighibah.
2. Pahala orang yang melakukan perbuatan ini adalah dijauhkan daripada api neraka.

٣٧٢- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ، وَمَا زَادَ اللهُ عَبْدًا بِعَفْوٍ إِلَّا عِزًّا، وَمَا تَوَاضَعَ أَحَدٌ لِلَّهِ إِلَّا رَفَعَهُ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

372. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Harta tidak akan berkurang dengan sebab sedekah. Allah tidak menambah kepada seorang yang pemaaf melainkan kemuliaan. Tiadalah seorang hamba bertawaduk kerana Allah melainkan Allah (s.w.t) mengangkat derjatnya. (Diriwayatkan oleh Muslim: 1559)

**Makna Hadis**

Allah (s.w.t) memberkahi harta yang diambil sedekahnya, sehingga harta itu seakan-akan tidak berkurang sedikit pun. Allah (s.w.t) akan menambah kemuliaan seseorang yang memaafkan orang lain yang pernah bersalah kepadanya. Allah (s.w.t) juga akan mengangkat derjat hamba-Nya yang tawaduk semata-mata kerana Dia.

**Analisis Lafaz**

"ما نقصت صدقة من مال", Ada tiga pengertian tentang kalimat ini, iaitu:

1. Allah (s.w.t) memberkahi harta itu dan menjaganya daripada segala macam keburukan, sehingga walaupun nampaknya sedikit, tetapi dirasakan berkahnya oleh pemiliknya.
2. Allah (s.w.t) menambah rezeki orang yang bersedekah itu. Untuk sementara hartanya memang berkurang, akan tetapi di masa yang akan datang harta itu akan semakin bertambah.
3. Orang yang bersedekah itu mendapat pahala sebagai ganti daripada harta yang telah dia keluarkan. Jadi sedekah itu seakan-akan tidak

mengurangi hartanya, kerana Allah (s.w.t) telah menjanjikan bahawa satu kebaikan akan dibalas dengan sepuluh kali ganda dan seterusnya.

Menurut pensyarah kitab ini, pendapat yang paling tepat adalah pendapat yang kedua sebab Allah (s.w.t) berfirman:

قُلْ إِنَّ رَبِّى يَبْسُطُ ٱلرِّزْقَ لِمَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦ وَيَقْدِرُ لَهُۥ ۚ وَمَآ أَنفَقْتُم مِّن شَىْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُۥ ۖ وَهُوَ خَيْرُ ٱلرَّٰزِقِينَ ﴿٣٩﴾

*"Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya Tuhanku memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendakiNya di antara hamba-hambaNya, dan Ia juga yang menyempitkan baginya; dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan menggantikannya; dan Dia lah jua sebaik-baik Pemberi rezeki"."* (Surah Saba': 39)

"بعفو", memaafkan orang yang pernah berbuat salah kepadanya.

"عزّا", Kemuliaan di sisi Allah dan juga manusia, sepertimana firman Allah (s.w.t):

وَجَزَٰٓؤُا۟ سَيِّئَةٍ سَيِّئَةٌ مِّثْلُهَا ۖ فَمَنْ عَفَا وَأَصْلَحَ فَأَجْرُهُۥ عَلَى ٱللَّهِ ۚ إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٤٠﴾

*"Dan (jika kamu hendak membalas maka) balasan sesuatu kejahatan ialah kejahatan yang bersamaan dengannya; dalam pada itu sesiapa yang memaafkan (kejahatan orang) dan berbuat baik (kepadanya), maka pahalanya tetap dijamin oleh Allah (dengan diberi balasan yang sebaik-baiknya). Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berlaku zalim."* (Surah al-Syura: 40)

"لله", kerana Allah semata.

**Fiqh Hadis**

1. Hadis ini menggalakkan kita bersedekah. Harta orang yang bersedekah pada hakikatnya tidak berkurang.
2. Hadis ini menyuruh kita memaafkan orang yang pernah bersalah kepada kita kerana Allah akan memuliakan orang yang melakukannya.
3. Tawaduk kerana Allah akan dibalas dengan kemuliaan.

٣٧٣- وَعَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ سَلَّامٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "يَا أَيُّهَا النَّاسُ، أَفْشُوا السَّلَام، وَصِلُوا الْأَرْحَامَ، وَأَطْعِمُوا الطَّعَامَ، وَصَلُّوا بِاللَّيْلِ وَالنَّاسُ نِيَامٌ، تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ بِسَلَامٍ". أَخْرَجَهُ التِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ.

373. Daripada 'Abdullah bin Sallam (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Wahai sekalian manusia, tebarkanlah salam, sambunglah tali silaturrahim, bagikanlah makanan, sembahyanglah di malam hari di kala orang-orang tertidur, maka kamu akan masuk syurga dengan selamat'." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan beliau menilai sahih hadis ini: 1560)

**Makna Hadis**

Pada riwayat yang lain disebutkan bahawa 'Abdullah bin Sallam (r.a) mendengar Nabi (s.a.w) mengucapkan hadis ini ketika baginda memasuki Madinah untuk pertama kalinya. Salah satu yang menyebabkan baginda memulakan dengan hadis ini ia mengandungi banyak pesan, di antaranya ajakan untuk hidup damai di antara sesama manusia, sesama kaum kerabat dan ajakan mendekatkan diri kepada Tuhan.

**Analisis Lafaz**

"أفشوا", nampakkan, tebarkan, sampaikan.

"الأرحام", kaum kerabat.

**Fiqh Hadis**

1. Hadis ini menyuruh kita menebarkan salam. Hadis daripada Ibn 'Umar (r.a) yang diriwayatkan al-Bukhari dan Muslim sudah menjelaskan maksud daripada menebarkan salam. Di sana disebutkan:

   وَتُقْرِئُ السَّلاَمَ عَلَى مَنْ عَرَفْتَ وَمَنْ لَمْ تَعْرِفْ.

   "Ucapkanlah salam kepada orang yang kamu kenal ataupun yang tidak kamu kenal." Maksudnya adalah orang-orang Islam. Kenapa hanya orang Islam saja? Kerana ada hadis yang melarang seorang muslim memulakan salam kepada kafir kitabi (Yahudi dan Nasrani).
2. Hadis ini menyuruh kita menyambung silaturrahim.
3. Hadis ini menyuruh kita memberi makanan, sama ada kepada orang-orang yang sudah menjadi tanggungan kita, ataupun sebagai sedekah kepada para peminta-minta.
4. Hadis ini menyuruh kita mengerjakan solat malam (tahajjud).
5. Perintah yang disebutkan di dalam hadis ini menjadi penyebab seseorang masuk syurga.

**Penting!**

Ada beberapa adab yang harus diperhatikan ketika mengucapkan salam, antara lain:

- Daripada Ibn 'Umar (r.a) yang hadisnya mauquf:

إِذَا سَلَّمتَ فَاسمَعْ.

"Jika kamu memberi salam, maka kuatkanlah suaranya supaya orang lain mendengarnya." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari di dalam kitab Adab al-Mufrad)

- Daripada Abu Hurairah (r.a) yang hadisnya marfu':

إِذَا قَعَدَ أَحَدُكُم فَليُسَلِّم وَإِذَا قَامَ فَليُسَلِّم.

"Apabila salah seorang kamu duduk, maka ucapkanlah salam. Dan apabila berdiri, ucapkanlah salam." (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i)

- Daripada Jabir (r.a) yang hadisnya marfu':

لَا تُسَلِّمُوا تَسلِيمَ اليَهُودِ فَإِنَّ تَسلِيمَهُم بِالرُّؤُوسِ وَالأَكُفِّ.

"Janganlah kamu jawab salam orang Yahudi, kerana salam mereka menggunakan kepala dan tapak tangan." (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i dengan sanad yang baik)

٣٧٤- وَعَنْ تَمِيمٍ الدَّارِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الدِّينُ النَّصِيحَةُ،" ثَلَاثًا. قُلْنَا: لِمَنْ يَا رَسُولَ اللهِ؟ قَالَ: "لِلّٰهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِأَئِمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

374. Daripada Tamim al-Dari (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Agama itu adalah nasihat (baginda mengucapkannya tiga kali).' Kami bertanya: 'Bagi siapa, wahai Rasulullah?' Baginda menjawab: 'Bagi Allah, kitab-Nya, Rasul-Nya dan bagi seluruh pemimpin umat Islam juga masyarakatnya'." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1561)

**Makna Hadis**

Para ulama mengkategorikan hadis ini sebagai salah satu pondasi agama. Kerana keikhlasan merupakan akar daripada segala perkara. Ialah yang menghubungkan antara hamba dengan Tuhan, kitab-Nya, Rasul-Nya dan sekalian orang beriman. Keikhlasan dapat memperbaiki yang rosak, mendekatkan yang jauh, menjelaskan yang samar, memberikan pertolongan dan menjauhkan seseorang daripada

kejahatan. Di dalam ikhlas dan nasihat terdapat pelbagai macam kebaikan.

**Analisis Lafaz**

"الدين النصيحة", agama itu adalah nasihat. Nasihat termasuk unsur yang terpenting dalam agama, sepertimana sabda Rasulullah (s.a.w):

الْحَجُّ عَرَفَةُ.

"Unsur yang terpenting dalam berhaji adalah (wukuf) di arafah."

Kita sedia maklum bahawa haji itu bukanlah arafah saja. Demikian pula agama. Nasihat hanyalah salah satu daripada unsur penting dalam agama.

Ada yang berpendapat biarlah kalimat ini difahami seadanya. Kerana ia bergantung kepada penafsiran orang mengenai nasihat.

"النصيحة", menurut al-Khatthabi, nasihat mempunyai makna yang pelbagai, di antaranya menjaga kesalahan orang yang dibagi nasihat. Jadi nasihat merupakan asas agama.

"ثلاثا", tiga kali. Nabi (s.a.w) mengucapkannya sebanyak tiga kali.

"لله", bagi Allah. Yakni dengan cara beriman kepada-Nya, menjauhkan hati daripada syirik, memuliakan nama-nama dan sifat-Nya, mencintai sesuatu atau benci kepada susuatu hanya kerana-Nya.

"ولكتابه", bagi kitab-Nya. Yakni percaya bahawa kitab itu diturunkan Allah kepada rasul-Nya di samping mentaati halal dan haramnya, tunduk kepada petunjuknya, merenungkan maknanya, rajin membacanya, mengambil pengajaran daripadanya dan takut terhadap ancamannya.

"ولرسوله", bagi Rasul-Nya. Yakni percaya terhadap apa yang disampaikannya, menolongnya, tidak menentangnya, mencintainya, menyebarkan sunnahnya dan mengikutinya.

"ولأئمة المسلمين", bagi para pemimpin umat Islam. Yakni dengan membantu mereka menegakkan kebenaran, tidak menentang mereka, mengajak mereka kepada kebenaran, solat bersama-sama mereka, mendoakan mereka, menasihati mereka dan berjuang bersama mereka.

"وعامتهم", dan juga masyarakatnya. Yakni dengan membimbing mereka, menunaikan hak-hak mereka, membela mereka dan lain sebagainya.

**Fiqh Hadis**

Hadis ini menggalakkan kita saling nasihat-menasihati untuk Allah, kitab-Nya, rasul-Nya, para pemimpin umat Islam dan masyarakatnya, kerana ia unsur yang penting dalam agama.

٣٧٥- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَكْثَرُ مَا يُدْخِلُ الْجَنَّةَ تَقْوى اللهِ وَحُسْنُ الْخُلُقِ". أَخْرَجَهُ التِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

375. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Perkara yang membuat seseorang masuk syurga adalah ketakwaan kepada Allah dan akhlak yang baik'." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan dinilai sahih oleh al-Hakim: 1562)

٣٧٦- وَعَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّكُمْ لَا تَسَعُونَ النَّاسَ بِأَمْوَالِكُمْ، وَلَكِنْ لِيَسَعْهُمْ بَسْطُ الْوَجْهِ وَحُسْنُ الْخُلُقِ". أَخْرَجَهُ أَبُو يَعْلَى وَصَحَّحَهُ اَلْحَاكِمُ.

376. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Janganlah menyenangkan hati orang dengan harta. Buatlah hati mereka gembira dengan senyuman dan akhlak yang baik'." (Diriwayatkan oleh Abu Ya'la dan dinilai sahih oleh al-Hakim: 1563)

٣٧٧- وَعَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْمُؤْمِنُ مِرْآةُ الْمُؤْمِنِ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ بِإِسْنَادٍ حَسَنٍ.

377. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Seorang mukmin merupakan cermin bagi saudaranya sesama mukmin'." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dengan sanad yang hasan: 1564)

**Makna Hadis**

Cermin merupakan gambaran yang paling jujur tentang diri kita yang sedang berdiri di hadapannya. Ia menunjukkan diri kita apa adanya, tiada lebih dan tiada kurang. Maksud daripada hadis ini adalah seorang mukmin wajib memberi nasihat kepada saudaranya, kerana tidak ada yang lebih jujur selain dia. Dan sesiapa yang ingin memuhasabah diri, maka tanyakanlah kepada saudaranya sesama muslim.

**Analisis Lafaz**

"مرآة", umpama cermin.

**Fiqh Hadis**

Hadis ini menyuruh kita untuk selalu meminta pendapat dan nasihat kepada sesama mukmin dan memberi nasihat kepada mereka.

٣٧٨- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْمُؤْمِنُ الَّذِي يُخَالِطُ النَّاسَ، وَيَصْبِرُ عَلَى أَذَاهُمْ خَيْرٌ مِنْ الَّذِي لَا يُخَالِطُ النَّاسَ وَلَا يَصْبِرُ عَلَى أَذَاهُمْ". أَخْرَجَهُ ابْنُ مَاجَه بِإِسْنَادٍ حَسَنٍ، وَهُوَ عِنْدَ التِّرْمِذِيِّ إِلَّا أَنَّهُ لَمْ يُسَمِّ الصَّحَابِيَّ.

378. Daripada Ibn 'Umar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Seorang mukmin yang bergaul dengan manusia dan sabar terhadap gangguan mereka adalah lebih baik daripada seorang mukmin yang tidak pernah bergaul dengan manusia dan tidak mampu bersabar terhadap gangguan mereka'." (Diriwayatkan oleh Ibn Majah dengan sanad yang hasan. Al-Tirmizi turut meriwayatkan hadis ini tetapi beliau tidak menyebutkan nama periwayatnya: 1565)

**Makna Hadis**

Ada sekumpulan manusia yang sedikit berbeza dengan kebanyakan orang. Mereka meninggalkan masyarakatnya dan pergi mengasingkan diri seperti yang dilakukan orang-orang sufi. Hadis ini dapat dijadikan hujah kepada mereka bahawa di dalam pergaulan itu terdapat pahala kesabaran atas pelbagai macam gangguan, boleh melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar, menolong orang-orang yang memerlukan, membela orang-orang yang dizalimi dan sebagainya. Syariat menegaskan bahawa pahala yang diberikan kepadanya bergantung kepada seberapa besar perjuangan yang dia lakukan dalam kehidupan bermasyarakat.

**Analisis Lafaz**

"يخالط الناس", hidup bersama orang ramai dan mengasingkan dari daripada mereka.

**Fiqh Hadis**

Hadis ini menjelaskan betapa banyak kelebihan hidup bersama-sama masyarakat berbanding berjauhan daripada mereka, dan dalam pergaulan hidup diperlukan

kesabaran.

Ada sebahagian ulama yang lebih suka mengasingkan diri daripada bergaul dengan masyarakat, seperti al-Ghazali dan beberapa ulama lainnya. Ulama yang lain berpendapat adakalanya pada masa dan keadaan tertentu salah satu daripada dua perkara ini menjadi lebih utama. Misalnya dalam masyarakat itu banyak fitnah, huru-hara, hak-hak masyarakat diabaikan serta tidak ada pemimpin. Maka akan lebih baik jika dia menjauhkan diri daripada keadaan itu. Pendapat ini dijelaskan oleh banyak hadis.

Tetapi apabila keadaan tidak seburuk mana, lebih baik tidak mengasingkan diri. Dengan demikian, tidak ada lagi pertentangan antara hadis-hadis yang sekilas nampak berbeza maksudnya antara satu dengan yang lain.

٣٧٩- وَعَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "اَللَّهُمَّ كَمَا أَحْسَنْتَ خَلْقِي، فَحَسِّنْ خُلُقِي". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

379. Daripada Ibn Mas'ud (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah berdoa: 'Ya Allah, sepertimana Engkau mengelokkan rupaku, maka elokkanlah akhlakku'." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban: 1566)

**Soalan**

1. Lanjutkan hadis berikut: "عليكم بالصدق فإن الصدق يهدى إلى البر"!
2. Apa yang kamu ketahui tentang hak-hak jalan?
3. Apa maksud sabda Nabi (s.a.w): "من يرد الله به خيرا يفقهه في الدين"?
4. Apa maksud sabda Nabi (s.a.w): "الحياء من الإيمان"?
5. Apa maksud sabda Nabi (s.a.w): "إن مما أدرك الناس من كلام النبوة الأولى: إذا لم تستح فاصنع ما شئت"?
6. Ada berapa banyak jenis malu?
7. Lanjutkan hadis berikut dan syarahkan lafaz-lafaz pentingnya: "المؤمن القوى خير وأحبّ"!
8. Bolehkah ketika mengucapkan 'seandainya'?
9. Adakah sebutan bagi orang yang tidak tawaduk juga tidak takbur? Jika ada cuba sebutkan dalilnya!
10. Sebutkan hadis yang menjelaskan kelebihan pahala orang yang membela maruah saudaranya ketika dighibah orang!
11. Apa maksud sabda Nabi (s.a.w): "ما نقصت صدقة من مال"?
12. Sebutkan adab memberi salam!

13. Lanjutkan hadis berikut dan bincangkan maksudnya: "الدين النصيحة"!
14. Apa maksud hadis: "المؤمن مرآة أخيه المؤمن"?
15. Lanjutkan hadis berikut dan sebutkan apa saja yang boleh dipetik daripada hadis ini: "المؤمن الذى يخالط الناس ويصبر ..."!

# BAB KEENAM
# ZIKIR DAN DOA

Zikir menurut bahasa adalah sesuatu yang diucapkan hati ataupun lidah dan apa yang dimaksudkan di sini adalah berzikir kepada Allah. Sedangkan doa diertikan dengan menuntut atau meminta, menyuruh orang melakukan sesuatu, melakukan ibadah dan lain sebagainya.

٣٨٠- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "يَقُولُ اللهُ تَعَالَى: أَنَا مَعَ عَبْدِي مَا ذَكَرَنِي وَتَحَرَّكَتْ بِي شَفَتَاهُ". أَخْرَجَهُ ابْنُ مَاجَه وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ وَذَكَرَهُ الْبُخَارِيُّ تَعْلِيقًا.

380. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Allah (s.w.t) berfirman: 'Aku bersama hamba-Ku selagi dia mengingat-Ku dan selagi kedua bibirnya bergerak menyebut-Ku'." (Diriwayatkan oleh Ibn Majah dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban sedangkan al-Bukhari menyebut hadis ini secara mu'allaq: 1567)

**Makna Hadis**

Alah (s.w.t) berfirman:

فَٱذْكُرُونِىٓ أَذْكُرْكُمْ وَٱشْكُرُوا۟ لِى وَلَا تَكْفُرُونِ ﴿١٥٢﴾

"*Oleh itu ingatlah kamu kepadaKu (dengan mematuhi hukum dan undang-undangKu), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepadaKu dan janganlah kamu kufur (akan nikmatKu).*" (Surah al-Baqarah: 152)

Sa'id bin Jubair mentafsirkan ayat ini, iaitu: "Ingatlah Aku dengan melakukan ketaatan, maka Aku akan mengingatmu dengan memberikan pahala dan ampunan."

Hadis di atas menegaskan bahawa Allah sentiasa bersama hamba-Nya apabila hamba-Nya itu mengingat-Nya. Maksudnya adalah Allah selalu mengawasi, melindungi dan membelanya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui atas apa yang Dia kehendaki.

**Analisis Lafaz**

"مع عبدى", bersama hamba-Ku. Menurut al-Sindi ertinya adalah pertolongan, penjagaan dan taufik Allah ada bersama hamba-Nya itu. Menurut al-Shan'ani, perkataan 'bersama' menunjukkan betapa besar pahala zikir kepada Allah. Allah memberikan rahmat, kasih sayang dan pertolongan-Nya kepada sesiapa yang mengingat-Nya. Sedangkan menurut Ibn Abu Jamrah, kebersamaan dalam hadis ini bermaksud Allah memberikan apa yang diniatkan hamba-Nya ketika dia berzikir. Zikir yang dimaksud hadis ini memiliki beberapa penafsiran. Boleh jadi yang dimaksudkan itu adalah zikir dengan hati, lidah, atau mungkin kedua-duanya atau boleh jadi dengan cara melaksanakan perintah dan menjauhi larangan Allah.

Menurut pensyarah kitab ini, yang dimaksudkan hadis ini adalah zikir di dalam hati yang disertai zikir secara lisan, sesuai dengan lanjutan hadis yang berbunyi: "… *dan selama kedua bibirnya bergerak menyebut-Ku*."

Berzikir di dalam hati saja tidak disyariatkan, kecuali dengan cara tafakkur.

**Fiqh Hadis**

Allah (s.w.t) menganugerahkan taufik dan pertolongan-Nya kepada hamba-Nya yang suka berzikir.

٣٨١- وَعَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَا عَمِلَ ابْنُ آدَمَ عَمَلاً أَنْجَى لَهُ مِنْ عَذَابِ اللهِ مِنْ ذِكْرِ اللهِ". أَخْرَجَهُ ابْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَالطَّبَرَانِيُّ بِإِسْنَادٍ حَسَنٍ.

381. Daripada Mu'adz bin Jabal (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Tidaklah seorang anak Adam mengerjakan suatu amalan yang lebih menyelamatkan dia selain daripada zikir kepada Allah'." (Diriwayatkan oleh Ibn Abu Syaibah dan al-Thabarani dengan sanad yang hasan: 1568)

**Makna Hadis**

Allah (s.w.t) berfirman:

ٱتْلُ مَآ أُوحِىَ إِلَيْكَ مِنَ ٱلْكِتَٰبِ وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ ۖ إِنَّ ٱلصَّلَوٰةَ تَنْهَىٰ عَنِ ٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكَرِ ۗ وَلَذِكْرُ ٱللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾

"*Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.*" (Surah al-'Ankabut: 45)

Menurut Ibn Mas'ud, Ibn 'Abbas, Abu al-Darda' dan beberapa ulama yang lain, maksud ayat ini adalah Allah (s.w.t) mengingat hamba-Nya yang suka berzikir dengan memberi pahala dan sanjungan yang lebih besar daripada zikir hamba-Nya kepada-Nya. Ibn 'Umar (r.a) pernah meriwayatkan hadis berkaitan perkara ini.

Berdasarkan hadis di atas jelaslah betapa besar balasan yang Allah berikan kepada sesiapa yang berzikir kepada-Nya, dan tiada amalan yang boleh menyelamatkan seorang hamba daripada azab Allah selain zikirnya itu.

**Analisis Lafaz**

"أنجى", lebih menyelamatkan.

**Fiqh Hadis**

Hadis ini menjelaskan keutamaan zikir. Ia merupakan amalan yang paling boleh menyelamatkan seseorang daripada azab Allah.

٣٨٢- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَا جَلَسَ قَوْمٌ مَجْلِسًا يَذْكُرُونَ اللهَ إِلَّا حَفَّتْ بِهِمُ الْمَلَائِكَةُ، وَغَشِيَتْهُمُ الرَّحْمَةُ، وَذَكَرَهُمُ اللهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

382. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Tidaklah suatu kaum duduk dalam suatu majlis untuk berzikir kepada Allah, melainkan para malaikat mengelilingi dan menaungi mereka dengan rahmat. Dan Allah menyebut-nyebut mereka di hadapan para malaikat itu'." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1569)

**Makna Hadis**

Allah (s.w.t) menciptakan malaikat dalam beberapa kumpulan dan memegang tugas masing-masing. Di antara kumpulan itu ada yang disebutkan Nabi (s.a.w) dalam hadis yang cukup panjang dan diriwayatkan oleh al-Bukhari dan ulama lainnya. Hadis itu berbunyi:

إِنَّ لِلهِ مَلَائِكَتَهُ يَطُوفُونَ فِي الطُّرُقِ يَلتَمِسُونَ حَلقَ الذِّكرِ، فَإِذَا وَجَدُوا قَومًا يَذكُرُونَ اللهَ تَعَالَى تَنَادَوا: هَلُمُّوا إِلَى حَاجَتِكُم، ثُمَّ يَحُفُّونَهُم بِأَجنِحَتِهِم إِلَى السَّمَاءِ الدُّنيَا.

"Sesungguhnya Allah mempunyai malaikat yang berkeliling di jalan-jalan. Mereka mencari majlis-majlis zikir. Apabila mereka menemukan suatu kaum yang menyebut-nyebut Nama Allah (s.w.t), mereka berseru: 'Kemarilah, ini yang kamu cari.' Kemudian mereka mengelilingi kaum tersebut dengan sayap mereka sampai ke langit dunia'."

Ada lagi hadis yang berbunyi:

إِنَّ اللهَ تَعَالَى يَسأَلُهُم وَهُوَ اَعلَمُ مَا يَصنَعُ العِبَادُ؟ فَيَقُولُونَ: يُعَظِّمُونَ آلَائِكَ وَيَتلُونَ كِتَابَكَ وَيُصَلُّونَ عَلَى نَبِيِّكَ وَيَسأَلُونَ، فَيَقُولُ اللهُ تَعَالَى: اِشهَدُوا بِأَنِّي قَد غَفَرتُ لَهُم.

"Allah bertanya kepada mereka (walhal Dia Maha Mengetahui): 'Apa yang sedang dibuat oleh hamba-hamba-Ku?' Mereka menjawab: 'Mereka membesarkan nikmat-nikmat-Mu, membaca kitab-Mu, berselawat kepada Nabi-Mu dan meminta …' Lalu Allah berfirman: 'Saksikanlah bahawa Aku mengampuni mereka'."

Dalam kaitan ini, Allah (s.w.t) berfirman:

فَٱذۡكُرُونِيٓ أَذۡكُرۡكُمۡ وَٱشۡكُرُواْ لِي وَلَا تَكۡفُرُونِ ﴿١٥٢﴾

"*Oleh itu ingatlah kamu kepadaKu (dengan mematuhi hukum dan undang-undangKu), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepadaKu dan janganlah kamu kufur (akan nikmatKu).*" (Surah al-Baqarah: 152)

Dalam hadis qudsi, Allah juga berfirman::

وَمَنْ ذَكَرَنِي فِي مَلَأٍ ذَكَرْتُهُ فِي مَلَأٍ خَيْرٍ مِنْهُمْ.

"Sesiapa menyebut-Ku di hadapan suatu kaum, maka Aku sebut pula dia di hadapan suatu kaum yang lebih baik lagi."

**Analisis Lafaz**

"حفتهم", mengelilingi mereka. Demikian disebut dalam kitab al-Nihayah.

"غشيتهم", menaungi mereka.

"فيمن عنده", para malaikat.

**Fiqh Hadis**

Hadis ini menjelaskan betapa besar keutamaan zikir dan majlis zikir.

**Penting!**

Beberapa ulama menyatakan zikir itu ada tujuh dimensi, iaitu zikir kedua mata dengan cara menangis, zikir kedua telinga dengan cara mendengarkan dengan baik, zikir lisan dengan cara memuji, zikir kedua tangan dengan cara memberi, zikir badan dengan cara menunaikan kewajipan dan zikir hati dengan cara mengharap dan takut.

٣٨٣- وَعَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَا قَعَدَ قَوْمٌ مَقْعَدًا لَمْ يَذْكُرُوا اللهَ وَلَمْ يُصَلُّوا عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَّا كَانَ عَلَيْهِمْ حَسْرَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ". أَخْرَجَهُ التِّرْمِذِيُّ، وَقَالَ: حَسَنٌ.

383. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Tidaklah suatu kaum duduk di suatu majlis, sedang dalam majlis itu mereka tidak berzikir kepada Allah (s.w.t) dan tidak pula berselawat kepadaku Nabi (s.a.w), melainkan mereka akan menyesal di hari kiamat nanti'." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan menurutnya hadis ini hasan: 1570)

**Makna Hadis**

Setiap majlis yang tidak menyebut nama Allah dan selawat ke atas Rasul-Nya pada hari kiamat nanti akan menjadi penyesalan bagi sesiapa yang berada dalam majlis itu, kerana mereka baru menyedari betapa besar pahala zikir.

**Analisis Lafaz**

"حسرة يوم القيامة", penyesalan di hari kiamat. Ada riwayat lain yang menambahkan:

إِنْ شَاءَ عَذَّبَهُمْ وَإِنْ شَاءَ غَفَرَ لَهُمْ.

"Sekiranya Dia menghendaki, diazab-Nya mereka dan sekiranya Dia menghendaki, diampuninya mereka."

Dalam riwayat Ahmad, redaksinya berbunyi:

إِلَّا كَانَ حَسْرَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَإِنْ دَخَلَ الْجَنَّةَ.

"Melainkan tempat itu menjadi penyesalan di hari kiamat nanti, sekalipun dia sudah masuk ke dalam syurga."

**Fiqh Hadis**

1. Hadis ini menerangkan besarnya pahala zikir kepada Allah dan selawat ke atas Nabi (s.a.w).
2. Hadis ini menerangkan kewajipan berzikir kepada Allah dan selawat ke atas Rasul-Nya pada setiap majlis. Sepertimana diterangkan dalam hadis yang diriwayatkan al-Tirmidzi, penyesalan di hari kiamat itu muncul akibat melalaikan kewajipan.

٣٨٤- وَعَنْ أَبِي أَيُّوبَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ قَالَ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ عَشْرَ مَرَّاتٍ كَانَ كَمَنْ أَعْتَقَ أَرْبَعَةَ أَنْفُسٍ مِنْ وَلَدِ إِسْمَاعِيلَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

384. Daripada Abu Ayyub al-Anshari (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Sesiapa mengucapkan:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحدَهُ لَاشَرِيكَ لَهُ، لَهُ المُلكُ وَلَهُ الحَمدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيئٍ قَدِيرٌ.

"Tiada tuhan selain Allah. Tiada sekutu bagi-Nya. Dia memiliki kerajaan. Baginya segala pujian dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu," sebanyak sepuluh kali, maka pahalanya sama dengan orang yang telah memerdekakan empat orang daripada keturunan Ismail'." (Muttafaq 'alaih: 1571)

**Makna Hadis**

Berzikir kepada Allah akan mendatangkan pahala yang amat besar. Ia mengandungi kalimat tauhid yang merupakan semulia-mulia kalimat dan inti daripada segala hukum yang dibebankan kepada seluruh hamba Allah. Selain itu, kalimat ini juga mengandungi puji-pujian kepada Allah (s.w.t).

**Analisis Lafaz**

"أربعة أنفس", empat jiwa.

Ada riwayat lain dengan redaksi:

كَمَنْ أَعْتَق نَفْسًا

"Seperti pahala orang yang memerdekakan satu jiwa manusia."

Ada lagi riwayat lain yang berbunyi:

كَمَنْ أَعْتَقَ عَشْرَة أَنْفُسٍ

"Seperti pahala orang yang memerdekakan sepuluh jiwa manusia."

Para ulama berbeza pendapat berapa bilangan tahlil yang mesti diucapkan. Mereka juga berbeza pendapat mengenai tambahan yang berbunyi: "يُحْيِي وَيُمِيْتُ" dan "بِيَدِهِ الْخَيْرُ".

Perbezaan yang terdapat dalam beberapa riwayat ini nampaknya boleh diselesaikan dengan mentakwilkan zikir dalam hadis ini sebagai zikir secara umum.

**Fiqh Hadis**

Membaca zikir berikut ini sebanyak sepuluh kali akan mendapat balasan pahala umpama memerdekakan empat orang keturunan Ismail:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ.

٣٨٥- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ قَالَ: سُبْحَانَ اللهِ وَبِحَمْدِهِ مِائَةَ مَرَّةٍ حُطَّتْ خَطَايَاهُ، وَإِنْ كَانَتْ مِثْلَ زَبَدِ الْبَحْرِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

385. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Sesiapa mengucapkan: "سبحان الله وبحمده" sebanyak seratus kali maka berjatuhanlah dosa-dosanya, walaupun sebanyak buih di lautan'." (Muttafaq 'alaih: 1572)

**Makna Hadis**

Membaca "سبحان الله وبحمده" sebanyak seratus kali akan menghapuskan dosa, meskipun dosa itu amat banyak.

**Analisis Lafaz**

"حطت", menggugurkan, menjatuhkan.

"زبد البحر", buih di lautan.

**Fiqh Hadis**

1. Pahala mengucap tasbih amat besar.
2. Membaca "سبحان الله وبحمده" sebanyak seratus kali akan menggugurkan dosa-dosa. Para ulama berpendapat yang diampuni itu hanyalah dosa-dosa kecil saja, sepertimana disebut dalam hadis-hadis sahih tentang keutamaan amal ibadah, misalnya keutamaan hari Jumaat. Rentang waktu antara satu Jumaat kepada Jumaat berikutnya boleh menebus semua dosa kecuali dosa besar.

٣٨٦- وَعَنْ جُوَيْرِيَةَ بِنْتِ الْحَارِثِ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ لِي رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَقَدْ قُلْتُ بَعْدَكِ أَرْبَعَ كَلِمَاتٍ، لَوْ وُزِنَتْ بِمَا قُلْتِ مُنْذُ الْيَوْمِ لَوَزَنَتْهُنَّ: سُبْحَانَ اللهِ وَبِحَمْدِهِ عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

386. Daripada Juwairiah binti al-Harits (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda kepadaku: 'Aku akan mengucapkan empat kalimat yang apabila ditimbang dan dibandingkan dengan zikir yang kamu ucapkan sejak tadi, nescaya ia lebih utama, iaitu:

سُبحَانَ اللهِ وَبِحَمدِهِ عَدَدَ خَلقِهِ وَرِضَاءَ نَفسِهِ وَزِنَةَ عَرشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

"Maha Suci Allah dan segala pujian bagi-Nya sebanyak makhluk-Nya, seluas keredhaan-Nya, sebesar kerajaan-Nya dan sepanjang kalimat-Nya'." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1573)

**Makna Hadis**

Pada suatu pagi, Nabi (s.a.w) melihat Juwairiah (r.a) sedang bertasbih dan berzikir kepada Allah. Kemudian pada tengah hari, baginda melihat Juwairiah (r.a) masih tetap bertasbih seperti sebelumnya. Maka Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Aku akan mengucapkan …"

**Analisis Lafaz**

"بعدك", selepas aku keluar dari sini.

"أربع كلمات", empat kalimat. Dalam istilah bahasa Arab kalimat boleh diertikan sebagai bilangan sepertimana dalam hadis berikut:

أفضَلُ كَلِمَاتٍ قُلتُهَا وَالنَّبِيُّونَ مِن قَبلِي: لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ.

"Semulia-mulia kalimat yang aku dan nabi-nabi lain baca adalah: 'Tiada Tuhan selain Allah'."

Nampaknya kalimat: "سُبحَانَ اللهِ وَبِحَمدِهِ عَدَدَ خَلقِهِ" dikira satu atau boleh jadi semua kalimat itu dari awal sehingga akhir dikira satu, dan untuk menggenapkan kiraan sehingga empat kali, ia harus dibaca berulang-ulang.

"لوزنتهن", melebihi timbangan kalimat-kalimat itu.

"عدد خلقه", sebanyak makhluk-Nya. Maksudnya adalah semua jenis makhluk.

"ورضاء نفسه", sampai-sampai tasbih itu mencapai bilangan yang membuat Allah meredhainya. Ada yang mengatakan maksudnya adalah sejumlah para nabi, para siddhiq, para syuhada`dan orang-orang soleh yang redha kepada Allah diredhai-Nya.

"مِداد", maksud asalnya adalah tinta atau dakwat.

"كلماته", apa yang dimaksudkan dengan kalimat Allah di sini adalah maklumat dan kekuasaan Allah yang tiada terhingga. Allah (s.w.t) berfirman:

قُل لَّوۡ كَانَ ٱلۡبَحۡرُ مِدَادٗا لِّكَلِمَٰتِ رَبِّي لَنَفِدَ ٱلۡبَحۡرُ قَبۡلَ أَن تَنفَدَ كَلِمَٰتُ رَبِّي وَلَوۡ جِئۡنَا بِمِثۡلِهِۦ مَدَدٗا ﴿١٠٩﴾

*"Katakanlah (wahai Muhammad): "Kalaulah semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis Kalimah-kalimah Tuhanku, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis Kalimah-kalimah Tuhanku, walaupun Kami tambahi lagi dengan lautan yang sebanding dengannya, sebagai bantuan"."* (Surah al-Kahfi: 109)

**Fiqh Hadis**

Hadis ini menerangkan tentang fadhilat (keutamaan) zikir.

٣٨٧- وَعَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْبَاقِيَاتُ الصَّالِحَاتُ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ، وَسُبْحَانَ اللهِ، وَاللهُ أَكْبَرُ، وَالْحَمْدُ لِلهِ

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ". أَخْرَجَهُ النَّسَائِيُّ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ.

387. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: '(Amal-amal) soleh yang tidak pernah habis adalah:

لَاإِلَهَ إِلَّا اللهُ وَ سُبحَانَ اللهِ وَاللهُ أكبَرُ وَالحَمدُ لِلهِ وَلَا حَولَ وَلَاقُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ.

"Tiada tuhan selain Allah, Maha Suci Allah, Allah Maha Besar, segala pujian hanya milik Allah dan tiada daya serta kekuatan melainkan dengan pertolongan Allah'." (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban dan al-Hakim: 1574)

**Makna Hadis**

Allah (s.w.t) berfirman:

ٱلْمَالُ وَٱلْبَنُونَ زِينَةُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَٱلْبَٰقِيَٰتُ ٱلصَّٰلِحَٰتُ خَيْرٌ عِندَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمَلًا ﴿٤٦﴾

"*Harta benda dan anak pinak itu, ialah perhiasan hidup di dunia; dan amal-amal soleh yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan.*" (Surah al-Kahfi: 46)

Menurut Ibn 'Abbas (r.a), yang dimaksud dengan amal-amal soleh yang tidak pernah habis iaitu solat lima waktu. Ada ulama yang mengatakan maksudnya adalah setiap amal yang baik. Sedangkan jumhur ulama berpendapat yang dimaksud dengan amal soleh yang tidak pernah habis itu adalah seperti yang disebut oleh hadis ini, iaitu tahlil, tasbih, takbir, tahmid dan hawqalah. Pendapat ini juga bersandarkan kepada riwayat Ibn 'Abbas (r.a).

**Analisis Lafaz**

"الباقيات", kalimat ini merupakan kata sifat, namun digunakan sebagai kata benda, kerana amalan yang disebutkan dalam hadis ini beserta pahalanya bersifat kekal sehingga ke akhirat nanti. Manakala harta benda dan anak keturunan yang menjadi kebanggaan manusia sama sekali tidak kekal.

"حول", daya dan upaya.

**Fiqh Hadis**

Dalam surah al-Kahfi disebutkan bahawa amal soleh yang tidak pernah habis adalah tahlil, tasbih, takbir, tahmid dan hawqalah.

٣٨٨- وَعَنْ سَمُرَةَ بْنِ جُنْدُبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَحَبُّ الْكَلَامِ إِلَى اللهِ أَرْبَعٌ لَا يَضُرُّكَ بِأَيِّهِنَّ بَدَأْتَ: سُبْحَانَ اللهِ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَاللهُ أَكْبَرُ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

388. Daripada Samurah bin Jundab (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Perkataan yang paling disuka Allah ada empat:

سُبحَانَ اللهِ وَالحَمدُ للهِ وَلَاإِلَهَ إِلَّا اللهُ وَاللهُ أكبَرُ.

'Maha suci Allah, segala puji bagi Allah, tiada tuhan selain Allah dan Allah Maha Besar' dan kamu bebas memilih mana satu yang hendak kamu dahulukan ketika membacanya'." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1575)

**Makna Hadis**

Hadis ini menjelaskan kalimat-kalimat yang paling disuka oleh Allah. Dia amat suka mendengar kalimat-kalimat tersebut diucapkan oleh hamba-hamba-Nya. Kerana ia merupakan tanda keimanan, membesarkan Nama Tuhan, mensucikan Zat-Nya daripada segala sifat kekurangan dan mengagungkan ketuhanan-Nya.

**Analisis Lafaz**

"لا يضرك بأيهن بدأت", kamu tidak diwajibkan membacanya sesuai dengan susunan yang termaktub dalam hadis ini. Dibolehkan memulai dari mana saja.

**Fiqh Hadis**

Hadis ini menjelaskan pahala orang yang bertasbih, bertahmid, bertahlil dan bertakbir. Allah sangat menyukai kalimat-kalimat itu.

٣٨٩- وَعَنْ أَبِي مُوسَى الْأَشْعَرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ لِي رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "يَا عَبْدَ اللهِ بْنَ قَيْسٍ، أَلَا أَدُلُّكَ عَلَى كَنْزٍ مِنْ كُنُوزِ الْجَنَّةِ؟ لَا حَوْلَ وَلَا

قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْه زَادَ النَّسَائِيُّ: "وَلَا مَلْجَأَ مِنَ اللهِ إِلَّا إِلَيْهِ".

389. Daripada Abu Musa al-Asy'ari (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda kepadaku: 'Wahai Abdullah bin Qais, mahukah kamu aku ajarkan perbendaharaan syurga? Iaitu mengucapkan: "لا حول ولا قوة إلا بالله". (Muttafaq 'alaih)

Dalam lafaz al-Nasa'i, redaksinya berbunyi: "لَا مَلْجَأَ مِنَ اللهِ إِلَّا إِلَيْهِ" (Tiada tempat melarikan diri daripada Allah melainkan kepada-Nya jua: 1576).

**Makna Hadis**

Dalam satu riwayat al-Bukhari daripada Abu Musa (r.a), beliau berkata:

كُنَّا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي سَفَرٍ فَكُنَّا إِذَا عَلَوْنَا كَبَّرْنَا فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا أَيُّهَا النَّاسُ ارْبَعُوا عَلَى أَنْفُسِكُمْ فَإِنَّكُمْ لَا تَدْعُونَ أَصَمَّ وَلَا غَائِبًا إِنَّمَا تَدْعُونَ سَمِيعًا بَصِيرًا ثُمَّ قَالَ يَا عَبْدَ اللهِ بْنَ قَيْسٍ: أَلَا أُعَلِّمُكَ كَلِمَةً هِيَ مِنْ كُنُوزِ الْجَنَّةِ: لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ.

"Pada suatu hari kami bersama-sama Nabi (s.a.w) dalam suatu perjalanan. Apabila kami mendaki kawasan yang tinggi, maka kami bertakbir. Lalu Nabi (s.a.w) bersabda: 'Wahai sekalian sahabatku, janganlah kamu membuat kebisingan. Kamu bukan berdoa kepada Zat yang tuli dan ghaib. Akan tetapi kamu berdoa kepada Zat yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat.' Kemudian baginda bersabda: Wahai Abdullah bin Qais, mahukah kamu jika aku mengajarkan satu kalimat yang merupakan salah satu daripada perbendaharaan syurga: "لا حول ولا قوة إلا بالله".

**Analisis Lafaz**

"كنز", menurut Ibn Hajar, kalimat "لا حول ولا قوة إلا بالله" ini dinamakan sebagai perbendaharaan syurga kerana nilainya yang sangat tinggi dan akan melindungi sesiapa yang membacanya daripada pandangan jahat manusia.

"ملجأ", tempat berlindung, tempat bersandar, tempat meminta pertolongan.

**Fiqh Hadis**

Hadis ini menjelaskan kelebihan kalimat "لا حول ولا قوة إلا بالله" yang merupakan salah satu perbendaharaan syurga. Dan menjadi lebih baik lagi jika kalimat itu ditambahi dengan kalimat: "لا ملجأ من الله إلا إليه".

٣٩٠- وَعَنِ النُّعْمَانِ بْنِ بَشِيرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِنَّ الدُّعَاءَ هُوَ الْعِبَادَةُ". رَوَاهُ الْأَرْبَعَةُ وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ.

390. Daripada al-Nu'man bin Basyir (r.a), daripada Nabi (s.a.w), baginda bersabda: "Doa itu adalah ibadah." (Diriwayatkan oleh al-Arba'ah dan dinilai sahih oleh al-Tirmizi: 1577)

٣٩١- وَلَهُ مِنْ حَدِيثِ أَنَسٍ بِلَفْظِ: "الدُّعَاءُ مُخُّ الْعِبَادَةِ".

391. Al-Tirmizi turut meriwayatkan hadis lain marfu' dengan maksud yang hampir sama daripada Anas (r.a), iaitu: "Doa itu adalah inti ibadah.": 1578.

٣٩٢- وَلَهُ مِنْ حَدِيثِ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ رَفَعَهُ: "لَيْسَ شَيْءٌ أَكْرَمَ عَلَى اللهِ مِنَ الدُّعَاءِ". وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ.

392. Al-Tirmizi turut meriwayatkan hadis lain marfu' daripada Abu Hurairah (r.a), iaitu: "Tidak ada sesuatu yang paling mulia bagi Allah selain doa." (Dinilai sahih oleh Ibn Hibban dan al-Hakim: 1579)

**Makna Hadis**

Menurut bahasa mahupun syarak, doa itu adalah ruh ibadah. Hadis ini memberi pengertian doa menurut syarak. Pengertian yang dinyatakan di dalam hadis ini sama dengan yang disebut dalam al-Qur'an, iaitu:

وَقَالَ رَبُّكُمُ ٱدْعُونِىٓ أَسْتَجِبْ لَكُمْ ۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِى سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ ﴿٦٠﴾

*"Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepadaKu, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina."* (Surah Ghafir: 60)

Dalam ayat ini, Allah (s.w.t) menyebut orang yang enggan berdoa kepada-Nya sebagai golongan yang sombong. Kerana doa hamba kepada Khaliknya merupakan pengakuan atas kelemahan dan keterbatasannya. Dengan berdoa, dia menyedari tiada yang kuasa memberi pertolongan kecuali Allah semata yang bersifat Maha Sempurna dan Maha Besar. Dialah satu-satunya yang patut dimintai pertolongan. Inilah makna ibadah. Inilah dia otak seluruh ibadah. Oleh itu doa memiliki kedudukan yang mulia dalam pandangan Allah (s.w.t).

**Analisis Lafaz**

"وله", *dhamir* (kata ganti) ini kembali kepada al-Tirmidzi.

"مخ", otak, inti daripada sesuatu.

**Fiqh Hadis**

Doa adalah perkara paling mulia di sisi Allah (s.w.t)

٣٩٣- وَعَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الدُّعَاءُ بَيْنَ الْأَذَانِ وَالْإِقَامَةِ لَا يُرَدُّ". أَخْرَجَهُ النَّسَائِيُّ وَغَيْرُهُ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ وَغَيْرُهُ.

393. Daripada Anas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Berdoa antara azan dan iqamat tidak akan ditolak'." (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i dan ulama selainnya. Hadis ini dinilai sahih oleh Ibn Hibban dan ulama yang lain: 1580)

٣٩٤- وَعَنْ سَلْمَانَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ رَبَّكُمْ حَيِيٌّ كَرِيمٌ، يَسْتَحِي مِنْ عَبْدِهِ إِذَا رَفَعَ إِلَيْهِ يَدَيْهِ أَنْ يَرُدَّهُمَا صِفْرًا". أَخْرَجَهُ الْأَرْبَعَةُ إِلَّا النَّسَائِيَّ، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

394. Daripada Salman (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Sesungguhnya Tuhan kamu Maha Pemalu lagi Maha Mulia. Dia Malu apabila membiarkan (tidak memenuhi permohonan) hamba-Nya yang mengangkat tangan seraya berdoa kepada-Nya'." (Diriwayatkan oleh al-Arba'ah kecuali al-Nasa'i dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban: 1581)

**Makna Hadis**

Allah (s.w.t) adalah Zat yang Maha Mulia lagi Maha Pemurah. Oleh itu Dia sangat malu apabila ada hamba-Nya yang memohon dan sangat memerlukan pertolongan-Nya tetapi Dia tidak mengabulkannya.

**Analisis Lafaz**

"حيّ", sangat malu. Ini merupakan salah satu sifat Allah (s.w.t). Tetapi perlu diingat bahawa malu Allah itu sesuai dengan kebesaran Zat-Nya.

"صفرا", hampa. Maksudnya tidak dikabulkan.

**Fiqh Hadis**

1. Allah (s.w.t) adalah Zat yang Maha Pemurah dan sentiasa mengabulkan permohonan (doa) hamba-Nya.
2. Disunatkan mengangkat tangan ketika berdoa.

٣٩٥- وَعَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا مَدَّ يَدَيْهِ فِي الدُّعَاءِ لَمْ يَرُدَّهُمَا حَتَّى يَمْسَحَ بِهِمَا وَجْهَهُ. أَخْرَجَهُ التِّرْمِذِيُّ.

395. Daripada 'Umar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) mengangkat kedua tangannya ketika berdoa, dan baginda tidak akan menurunkannya sebelum mengusap wajahnya dengan kedua tangannya itu." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi: 1582)

Hadis ini dikuatkan oleh hadis-hadis lain antara lain hadis berikut ini.

٣٩٦- وَلَهُ شَوَاهِدُ مِنْهَا حَدِيثُ ابْنِ عَبَّاسٍ عَنْ أَبِي دَاوُدَ، وَمَجْمُوعُهَا يَقْتَضِي أَنَّهُ حَدِيثٌ حَسَنٌ.

396. Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dawud dan ulama hadis yang lain daripada Ibn 'Abbas (r.a) yang secara keseluruhanya hadis ini dapat dikategorikan sebagai hadis hasan: 1583.

**Makna Hadis**

Hadis ini menjelaskan perkara yang disunatkan ketika berdoa sepertimana yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) apabila berdoa, iaitu:

1. Mengangkat kedua tangan dan menadahkannya tinggi-tinggi. Ini merupakan tanda bahawa kita sangat memerlukan-Nya dan tiada yang boleh diharap selain Dia.
2. Mengusap wajah dengan kedua tangan selepas berdoa. Ini dilakukan sebagai sikap optimis atau untuk mengambil berkah daripada doa yang telah dibaca seperti tasbih, tahmid serta selawat dan salam ke atas Nabi (s.a.w). Baginda berbuat demikian setiap kali membaca surah al-mu'awwidzatain. Mengusap wajah ini boleh jadi dilakukan kerana mengharapkan keberkatan kedua-dua surah al-mu'awwidzatain itu. Jadi seolah-olah rahmat Allah telah berada pada kedua tangan itu. Dan alangkah baiknya jika kedua tangan itu diusapkan ke wajah kerana ia adalah anggota badan yang paling mulia.

**Analisis Lafaz**

"وله شواهد", hadis ini dikuatkan oleh hadis-hadis yang lain. Di antaranya hadis yang diriwayatkan oleh al-Sa'ib bin Yazid daripada bapanya bahawa apabila Nabi (s.a.w) berdoa, baginda mengangkat kedua tangannya dan menyapu wajahya dengan kedua tangannya itu.

**Fiqh Hadis**

1. Disunatkan mengangkat kedua tangan ketika berdoa. Banyak hadis sahih yang menjelaskan perkara ini. Di antaranya hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari tentang doa, iaitu pada bab mengangkat tangan dalam berdoa. Di dalam kitab Syarahnya, Ibn Hajar juga mengemukakan sebanyak sepuluh hadis tentang masalah ini. Kebanyakan hadis-hadis itu diambil daripada Sahih al-Bukhari dan Muslim atau salah satunya. Berdasarkan hadis-hadis ini pula jumhur ulama sepakat tentang hukum sunat mengangkat tangan ketika berdoa. Tetapi ada sebahagian ulama yang menganggap mengangkat tangan itu tidak disunatkan. Tetapi hadis-hadis yang dijadikan hujah oleh mereka sesungguhnya tidak bertentangan dengan hadis-hadis yang menceritakan bahawa Rasulullah (s.a.w) mengangkat tangannya ketika berdoa.
2. Disunatkan mengusap wajah dengan kedua tangan selepas berdoa. Al-Thaibi mengatakan bahawa berdasarkan hadis ini apabila seseorang berdoa tanpa mengangkat tangannya maka dia juga tidak perlu mengusap wajahnya. Penjelasan ini baik sekali, kerana Nabi (s.a.w) selalu berdoa misalnya ketika solat, tawaf, selepas solat sunat, ketika mahu tidur, selepas makan dan lain sebagainya. Adakalanya baginda juga tidak mengangkat tangannya dan tidak mengusap wajahnya.

٣٩٧- وَعَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ أَوْلَى النَّاسِ بِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَكْثَرُهُمْ عَلَيَّ صَلَاةً". أَخْرَجَهُ التِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

397. Daripada Ibn Mas'ud (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Manusia yang paling utama bagiku adalah yang paling banyak berselawat kepadaku'." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban: 1584)

**Makna Hadis**

Manusia yang paling utama dan akan mendapat syafa'at Nabi (s.a.w) adalah mereka yang paling banyak berselawat kepadanya. Kerana dengan selawat itu kita mengharapkan doa diterima, dosa diampuni dan hajat dikabulkan. Dengan selawat majlis kita menjadi baik. Dengan selawat cinta kita kepada Nabi (s.a.w) semakin bertambah. Selain itu, dengan berselawat akan mendapat pelbagai kebaikan.

**Analisis Lafaz**

"أولى الناس بى", manusia yang paling utama bagiku. Maksudnya adalah yang paling dekat dan berhak mendapatkan syafaat Nabi (s.a.w).

**Fiqh Hadis**

1. Hadis ini menjelaskan pahala selawat kepada Nabi (s.a.w). Ia menyebabkan seseorang menjadi dekat dengan Nabi (s.a.w).
2. Ulama-ulama hadis mempunyai kedudukan yang mulia. Ibn Hibban mengatakan bahawa hadis ini merupakan penjelasan yang sahih bahawa manusia yang paling utama mendapat syafa'at Rasulullah (s.a.w) di hari kiamat nanti adalah para pakar hadis, kerana di antara seluruh umat manusia tiada yang lebih banyak mengucapkan selawat selain mereka.

٣٩٨- وَعَنْ شَدَّادِ بْنِ أَوْسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "سَيِّدُ الِاسْتِغْفَارِ أَنْ يَقُولَ الْعَبْدُ: اَللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ أَبُوءُ لَكَ

بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ لَكَ بِذَنْبِي فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ". أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ.

398. Daripada Syaddad bin Aws (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Penghulu istighfar itu adalah apabila seseorang mengucapkan:

اَللَّهُمَّ أَنتَ رَبِّى لَا إِلَهَ إِلَّا أَنتَ خَلَقتَنِى وَأَنَا عَبدُكَ وَأَنَا عَلَى عَهدِكَ وَوَعدِكَ مَااستَطَعتُ أَعُوذُ بِكَ مِن شَرِّ مَا صَنَعتَ أَبُوءُ لَكَ بِنِعمَتِكَ عَلَيَّ وَ أَبُوءُ بِذَنبِى فَاغفِرلِى فَإِنَّهُ لَا يَغفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنتَ.

"Ya Allah, Engkau adalah Tuhanku. Tiada Tuhan selain Engkau. Engkau ciptakan aku. Aku adalah hamba-Mu. Aku tetap mematuhi janji setia dengan-Mu dan melaksankan ketetapan hukum-Mu semampuku. Aku berlindung kepada-Mu daripada akibat buruk perbuatan yang telah aku lakukan. Aku mengakui nikmat-Mu atasku dan aku mengakui dosaku. Ampunilah aku, kerana tiada yang boleh mengampuni dosa-dosa ini selain Engkau'." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1585)

**Makna Hadis**

Ucapan istighfar yang diajarkan Nabi (s.a.w) disebut penghulu istighfar kerana ia mencakupi ungkapan meminta ampunan, mengakui bahawa tiada daya dan kekuatan melainkan daripada Allah, pengakuan dosa yang pernah dilakukan sama ada disengaja ataupun tidak, pengakuan atas kemurahan Allah (s.w.t), menyebut-nyebut keesaan Allah dan tiada yang dapat mengampuni dosa hamba-hamba-Nya selain Dia semata.

Sesungguhnya masih ada lanjutan doa dalam hadis ini tetapi Ibn Hajar tidak menyebutkannya. Lanjutan hadis itu adalah:

مَن قَالَهَا مِنَ النَّهَارِ مُوقِنًا بِهَا فَمَاتَ مِن يَومِهِ قَبلَ أَن يُمسِىَ فَهُوَ مِن أَهلِ الجَنَّةِ، وَمَن قَالَهَا مِنَ اللَّيلِ وَهُوَ مُوقِنٌ بِهَا فَمَاتَ قَبلَ أَن يُصبِحَ فَهُوَ مِن أَهلِ الجَنَّةِ.

"Sesiapa membacanya di waktu siang dan meyakininya, lalu dia mati sebelum petang tiba, maka dia termasuk ahli syurga. Dan sesiapa membacanya di waktu malam dan meyakininya, lalu dia mati sebelum pagi tiba, maka dia termasuk ahli syurga."

**Analisis Lafaz**

"أنا عبدك", aku adalah hamba-Mu. Kalimat ini menguatkan kalimat sebelumnya, iaitu 'Engkau adalah Tuhanku'. Atau boleh jadi maksud kalimat ini adalah 'Sedangkan aku adalah hamba-Mu'.

"على عهدك ووعدك", terhadap hukum dan janjimu.

Al-Khatthabi mengatakan bahawa maksud kalimat ini adalah: "Aku bersedia melaksanakan ketetapan hukum yang telah Engkau tetapkan dan aku setia terhadap janji-janji-Mu."

Ada yang mengatakan maksud hukum dan janji di sini adalah hukum dan janji yang telah disepakati ketika manusia masih berada di alam arwah, seperti mana firman Allah (s.w.t):

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنۢ بَنِىٓ ءَادَمَ مِن ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ ۖ قَالُوا۟ بَلَىٰ ۛ شَهِدْنَآ ۛ أَن تَقُولُوا۟ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَٰذَا غَٰفِلِينَ ﴿١٧٢﴾

*"Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan Ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Ia bertanya dengan firmanNya): "Bukankah Aku tuhan kamu?" Mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi". Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini"."* (Surah al-A'raf: 172)

"أبوء", aku mengaku.

**Fiqh Hadis**

Membaca penghulu istighfar akan mendatangkan pahala yang besar. Ia dibaca pada waktu pagi dan petang.

٣٩٩- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: لَمْ يَكُنْ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدَعُ هَؤُلَاءِ الْكَلِمَاتِ حِينَ يُمْسِي وَحِينَ يُصْبِحُ: اَللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ فِي دِينِي وَدُنْيَايَ وَأَهْلِي وَمَالِي، اَللَّهُمَّ اسْتُرْ عَوْرَاتِي وَآمِنْ رَوْعَاتِي وَاحْفَظْنِي مِنْ بَيْنِ يَدَيَّ وَمِنْ خَلْفِي وَعَنْ يَمِينِي وَعَنْ شِمَالِي وَمِنْ فَوْقِي، وَأَعُوذُ بِعَظَمَتِكَ أَنْ أُغْتَالَ مِنْ

تَحْتِي". أَخْرَجَهُ النَّسَائِيُّ وَابْنُ مَاجَه وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

399. Daripada Ibn 'Umar (r.a), beliau berkata: "Setiap pagi dan petang Rasulullah (s.a.w) selalu membaca:

أَللَّهُمَّ إِنِّى أَسأَلُكَ الْعَافِيَةَ فِى دِينِى وَدُنيَايَ وَأَهلِى وَمَالِى، اللَّهُمَّ استُر عَورَاتِى وَآمِن رَوعَاتِى وَاحفَظنِى مِن بَينِ يَدَيَّ وَمِن خَلفِى وَعَن يَمِينِى وَعَن شِمَالِى وَمِن فَوقِى، وَأَعُوذُ بِعَظَمَتِكَ أَن أُغتَالَ مِن تَحتِى.

"Ya Allah, aku meminta kepada-Mu 'afiat dalam agama, dunia, keluarga dan juga hartaku. Ya Allah, tutupilah auratku, hilangkanlah rasa takutku, peliharalah aku dari sebelah depan, belakang, kanan, kiri, atas dan aku berlindung dengan kebesaran-Mu supaya aku tidak mati kerana gempa bumi." (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i, Ibn Majah dan dinilai sahih oleh al-Hakim: 1586)

٤٠٠- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ زَوَالِ نِعْمَتِكَ وَتَحَوُّلِ عَافِيَتِكَ وَفُجْأَةِ نِقْمَتِكَ وَجَمِيعِ سَخَطِكَ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

400. Daripada Ibn 'Umar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah berdoa:

اللَّهُمَّ إِنِّى أَعُوذُ بِكَ مِن زَوَالِ نِعمَتِكَ وَتَحَوُّلِ عَافِيَتِكَ وَفُجَاءَةِ نِقمَتِكَ وَجَمِيعِ سَخَطِكَ.

"Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu daripada hilangnya nikmat-Mu, berpindahnya 'afiat-Mu, datangnya azab-Mu dan segala yang menyebabkan Engkau murka." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1587)

٤٠١- وَعَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ غَلَبَةِ الدَّيْنِ وَغَلَبَةِ الْعَدُوِّ وَشَمَاتَةِ الْأَعْدَاءِ". رَوَاهُ النَّسَائِيُّ وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

401. Daripada 'Abdullah bin 'Umar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah berdoa:

أَللَّهُمَّ إِنِّى أَعُوذُ بِكَ مِن غَلَبَةِ الدَّينِ وَغَلَبَةِ العَدُوِّ وَشَمَاتَةِ الأَعدَاءِ.

"Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu daripada lilitan hutang, dikuasai dan dihina oleh musuh." (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i dan dinilai sahih oleh al-Hakim: 1588)

**Makna Hadis**

Doa yang terdapat dalam hadis yang disebut di atas merupakan kumpulan daripada beberapa doa. Di antara doa-doa itu ada yang sunat dibaca pada waktu-waktu tertentu dan ada pula yang bebas dibaca bila-bila masa saja. Doa-doa itu mengandungi pelbagai permintaan seperti meminta perlindungan dan lain sebagainya.

**Analisis Lafaz**

"العافية فى دينى", 'afiat dalam agama. Maksudya adalah terhindar daripada maksiat, melakukan perkara bid'ah, meninggalkan kewajipan dan perbuatan sejenisnya.

"ودنياى", 'afiat di dunia. Maksudnya adalah tidak lupa pada akhirat, tidak tergoda oleh dunia dan tidak bersedih ketika kehilangan nikmat dunia itu.

"وأهلى", 'afiat dalam keluarga, seperti harmoni dalam keluarga, tidak saling bertengkar, tidak ada yang sakit ataupun hilang dan sebagainya.

"روعاتى", takut.

"بين يديّ", di depanku.

"أن أغتال من تحتى", berlindung kepada Allah daripada mati kerana gempa bumi.

"تحوّل", perpindahan.

"نقمتك", azab-Mu.

"سخطك", murka iaitu lawan daripada redha.

**Fiqh Hadis**

1. Disunatkan berdoa dengan doa-doa yang diajarkan Nabi (s.a.w) pada setiap pagi dan petang.
2. Disunatkan meminta 'afiat kepada Allah.
3. Disunatkan meminta ditutupi aurat dan dihilangkan ketakutan dari dirinya.
4. Disunatkan berlindung daripada tipu daya.

5. Disunatkan berlindung daripada ditariknya nikmat dan dipindahnya 'afiat.
6. Disunatkan berlindung daripada azab dan murka Allah.
7. Disunatkan berlindung daripada terlilit hutang dan dikuasai musuh.
8. Disunatkan berlindung daripada celaan musuh.

٤٠٢- وَعَنْ بُرَيْدَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلاً يَقُولُ: اَللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ بِأَنِّي أَشْهَدُ أَنَّكَ أَنْتَ اللهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ الْأَحَدُ الصَّمَدُ الَّذِي لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ. فَقَالَ: "لَقَدْ سَأَلَ اللهَ بِاسْمِهِ الَّذِي إِذَا سُئِلَ بِهِ أَعْطَى، وَإِذَا دُعِيَ بِهِ أَجَابَ". أَخْرَجَهُ الْأَرْبَعَةُ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

402. Daripada Buraidah (r.a), beliau berkata: "Nabi (s.a.w) pernah mendengar seorang lelaki berdoa: 'Ya Allah, aku meminta kepada-Mu supaya aku bersaksi bahawa Engkau adalah Allah, tiada Tuhan selain Engkau. Engkau Maha Esa, yang tiada beranak dan tiada pula diperanakkan, dan tiada sekutu bagi-Mu.' Lalu Nabi (s.a.w) bersabda: 'Lelaki itu telah meminta dengan Nama-Nya yang apabila Nama itu disebutkan, maka Dia akan memberi, dan apabila Nama itu dipanggil, Dia akan menjawab'." (Diriwayatkan oleh al-Arba'ah dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban: 1589)

**Makna Hadis**

Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda:

لِلهِ تِسْعَةٌ وَتِسْعُوْنَ اسْمًا.

"Allah mempunyai sembilan puluh sembilan nama."

Dalam hadis sahih disebutkan bahawa Allah memberi keistimewaan pada salah satu atau sebahagian daripada Nama-Nama-Nya. Jika seorang hamba meminta dengan menyebut Nama-Nama itu, maka permintaannya tidak akan ditolak. Hadis ini menguatkan tentang perkara tersebut.

**Analisis Lafaz**

"الصمد", hanya Allah tempat bersandar. Dia tidak memerlukan kepada yang lain.

**Fiqh Hadis**

Dalam doa yang diajarkan dalam hadis ini mengandungi Ism al-A'zam. Demikian pendapat jumhur ulama.

Beberapa ulama yang lain meriwayatkan hadis daripada Anas (r.a). Anas (r.a) menceritakan bahawa pada suatu hari beliau duduk-duduk bersama Rasulullah (s.a.w). Di tempat itu ada seorang lelaki yang ketika selesai solat dia berdoa:

أَللَّهُمَّ إِنِّى أَسأَلُكَ بِأَنَّ لَكَ الحمدُ لَاإِلَهَ إِلَّا أَنتَ ٱلْمَنَّانُ بَدِيعُ السَّمَوَاتِ وَالأَرضِ يَا ذَا الجَلَالِ وَالإِكرَامَ يَاحَيُّ يَا قَيُّومُ.

"Ya Allah, aku meminta kepada Zat-Mu yang memiliki segala pujian. Tiada Tuhan selain Engkau yang Maha Pemberi. Engkaulah Pencipta langit dan bumi wahai Zat yang Agung lagi Mulia, wahai Zat yang Maha Hidup lagi Maha Kaya dan tidak memerlukan kepada sesuatu."

Lalu Nabi (s.a.w) bersabda:

لَقَد دَعَا اللهَ بِاسمِهِ العَظِيمِ الَّذِى إِذَا دُعِيَ بِهِ أَجَابَ.

"Lelaki itu berdoa dengan menyebut Nama Allah yang Agung. Sesiapa yang memanggil Allah dengan Nama itu ketika berdoa, maka doanya akan dikabulkan." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Nasa'i)

Sebahagian ulama mengatakan bahawa Ism al-A'zam adalah kalimat: "ياحي ياقيوم". Pendapatkan didasarkan pada hadis yang diriwayatkan al-Hakim. Beliau mengatakan bahawa Ism al-A'zam itu terdapat pada tiga surah al-Quràn, iaitu surah al-Baqarah, Ali 'Imran dan surah Taha. Perawi berkata: "Aku mengambil riwayat ini daripada 100 orang sahabat Nabi (s.a.w) dan aku juga telah mencari Ism al-A'zam itu. Rupa-rupanya ia adalah kalimat "ياحي ياقيوم". Manakala Ibn 'Abbas (r.a) mengatakan bahawa Ism al-A'zam itu adalah kalimat "ربّ". Masih banyak pendapat lain tentang perkara ini.

٤٠٣- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَصْبَحَ يَقُولُ: اللَّهُمَّ بِكَ أَصْبَحْنَا وَبِكَ أَمْسَيْنَا وَبِكَ نَحْيَا وَبِكَ نَمُوتُ وَإِلَيْكَ النُّشُورُ"، وَإِذَا أَمْسَى قَالَ مِثْلَ ذَلِكَ إِلَّا أَنَّهُ قَالَ: "وَإِلَيْكَ ٱلْمَصِيرُ". أَخْرَجَهُ الْأَرْبَعَةُ.

403. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Setiap kali datang waktu pagi, Rasulullah (s.a.w) membaca:

أَللَّهُمَّ بِكَ أَصبَحنَا وَبِكَ أَمسَينَا وَبِكَ نَحيَا وَبِكَ نَمُوتُ وَإِلَيكَ النُّشُورُ.

"Ya Allah, dengan rahmat-Mu lah kami menjumpai pagi, dengan rahmat-Mu kami hidup lagi, dengan rahmat-Mu kami mati dan dengan rahmat-Mu kami dibangkitkan." Dan apabila datang waktu petang, baginda membaca doa itu lagi, tetapi dengan tambahan:

وَإِلَيْكَ الْمَصِيْرُ.

"… dan kepada-Mu lah kami kembali." (Diriwayatkan oleh al-Arba'ah: 1590)

**Makna Hadis**

Allah (s.w.t) berfirman:

ٱللَّهُ يَتَوَفَّى ٱلْأَنفُسَ حِينَ مَوْتِهَا وَٱلَّتِي لَمْ تَمُتْ فِي مَنَامِهَا ۖ فَيُمْسِكُ ٱلَّتِي قَضَىٰ عَلَيْهَا ٱلْمَوْتَ وَيُرْسِلُ ٱلْأُخْرَىٰٓ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأَيَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٤٢﴾

"*Allah (Yang Menguasai Segala-galanya), Ia mengambil dan memisahkan satu-satu jiwa dari badannya, jiwa orang yang sampai ajalnya semasa matinya, dan jiwa orang yang tidak mati: dalam masa tidurnya; kemudian Ia menahan jiwa orang yang Ia tetapkan matinya dan melepaskan balik jiwa yang lain (ke badannya) sehingga sampai ajalnya yang ditentukan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan Allah bagi kaum yang berfikir (untuk memahaminya).*" (Surah al-Zumar: 42)

Jika Allah (s.w.t) tidak mengembalikan ruh kita, tentulah kita tidak boleh bangun daripada tidur. Oleh itu di dalam doa itu diucapkan: "Dengan rahmat-Mu lah kami menjumpai pagi, dengan rahmat-Mu kami hidup lagi, dengan rahmat-Mu kami mati dan dengan rahmat-Mu kami dibangkitkan."

**Analisis Lafaz**

"بك", dengan perintah-Mu, dengan kekuatan-Mu, dengan kekuasaan-Mu.

"النشور", dihidupkan. Tidur itu adalah saudara daripada kematian.

**Fiqh Hadis**

Disunatkan membaca doa-doa yang terdapat dalam hadis ini setiap pagi dan petang.

٤٠٤- وَعَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ أَكْثَرُ دُعَاءِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

404. Daripada Anas (r.a), beliau berkata: "Doa yang paling selalu Nabi (s.a.w) ucapkan adalah:

رَبَّنَا آتِنَا فِى الدُّنيَا حَسَنَةً وَفِى الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

"Ya Tuhan kami, berikanlah kepada kami kebaikan di dunia ini dan di akhirat nanti, dan selamatkanlah kami daripada azab neraka." (Muttafaq 'alaih: 1591)

٤٠٥- وَعَنْ أَبِي مُوسَى الْأَشْعَرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدْعُو: اَللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي خَطِيئَتِي وَجَهْلِي وَإِسْرَافِي فِي أَمْرِي وَمَا أَنْتَ أَعْلَمُ بِهِ مِنِّي، اللَّهُمَّ اِغْفِرْ لِي جِدِّي وَهَزْلِي وَخَطَئِي وَعَمْدِي وَكُلُّ ذَلِكَ عِنْدِي، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي مَا قَدَّمْتُ وَمَا أَخَّرْتُ وَمَا أَسْرَرْتُ وَمَا أَعْلَنْتُ وَمَا أَنْتَ أَعْلَمُ بِهِ مِنِّي أَنْتَ اَلْمُقَدِّمُ وَالْمُؤَخِّرُ وَأَنْتَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ." مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

405. Daripada Abu Musa al-Asy'ari (r.a), beliau berkata: "Nabi (s.a.w) pernah berdoa:

اللَّهُمَّ اغفِر لِى خَطِيئَتِى وَجَهلِى وَإِسرَافِى فِى أَمرِى وَمَا أَنتَ أَعلَمُ بِهِ مِنِّى، اللَّهُمَّ اغفِرلِى جِدِّى وَهَزلِى وَخَطَئِى وَعَمدِى وَكُلُّ ذَلِكَ عِندِى، اللَّهُمَّ اغفِرلِى مَا قَدَّمتُ وَمَا أَخَّرتُ وَمَا أَسرَرتُ وَمَا أَعلَنتُ وَمَا أَنتَ أَعلَمُ بِهِ مِنِّى أَنتَ المُقَدِّمُ وَأَنتَ المُؤَخِّرُ، وَأَنتَ عَلَى كُلِّ شَيئٍ قَدِيرٌ.

"Ya Allah ampunilah aku atas kesalahanku, kejahilanku, sikap melampauku dalam segala perkaraku, dan dosa-dosa yang Engkau lebih mengetahuinya. Ya Allah, ampunilah dosaku yang kubuat ketika aku masih kuat ataupun sudah lemah. Ampunilah kesilapanku yang disengaja ataupun yang tidak disengaja. Ampunilah semua yang ada padaku. Ya Allah, ampunilah dosaku yang telah lalu dan yang akan datang, dosa yang aku sembunyikan ataupun yang aku nampakkan. Ampunilah dosa yang hanya Engkau yang lebih mengetahuinya. Engkau Maha Awal, Maha Kekal dan Engkau Maha Kuasa atas segala sesuatu." (Muttafaq 'alaih: 1592)

٤٠٦- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "اَللَّهُمَّ أَصْلِحْ لِي دِينِيَ الَّذِي هُوَ عِصْمَةُ أَمْرِي، وَأَصْلِحْ لِي دُنْيَايَ الَّتِي فِيهَا مَعَاشِي، وَأَصْلِحْ لِي آخِرَتِي الَّتِي إِلَيْهَا مَعَادِي، وَاجْعَلِ الْحَيَاةَ زِيَادَةً لِي فِي كُلِّ خَيْرٍ، وَاجْعَلْ الْمَوْتَ رَاحَةً لِي مِنْ كُلِّ شَرٍّ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

406. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah berdoa:

اللَّهُمَّ أَصلِح لِى دِينِيَ الَّتِى هُوَ عِصمَةُ أَمرِى وَأَصلِح لِى دُنيَايَ الَّتِى فِيهَا مَعَاشِى وَأَصلِح لِى آخِرَتِيَ الَّتِى إِلَيهَا مَعَادِى وَاجعَلِ الحَيَاةَ زِيَادَةً لِى فِى كُلِّ خَيرٍ وَاجعَلِ المَوتَ رَاحَةً لِى مِن كُلِّ شَرٍّ.

"Ya Allah, perbaikilah agamaku yang menjadi penjagaku, perbaikilah duniaku yang menjadi tempat hidupku, perbaikilah akhiratku yang menjadi tempatku kembali, jadikanlah hidup ini sebagai tempat untuk aku membekali diri dengan segala kebaikan, dan jadikanlah matiku sebagai tempat rehatku daripada segala kejahatan." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1593)

٤٠٧- وَعَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "اَللَّهُمَّ انْفَعْنِي بِمَا عَلَّمْتَنِي، وَعَلِّمْنِي مَا يَنْفَعُنِي، وَارْزُقْنِي عِلْمًا يَنْفَعُنِي". رَوَاهُ النَّسَائِيُّ وَالْحَاكِمُ.

407. Daripada Anas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah berdoa:

اللَّهُمَّ انفَعنِى بِمَا عَلَّمتَنِى وَعَلِّمنِى مَا يَنفَعُنِى وَارزُقنِى عِلمًا يَنفَعُنِى.

"Ya Allah, jadikanlah ilmu yang telah Engkau ajarkan kepadaku ini bermanfaat, ajarkanlah aku ilmu yang bermanfaat bagiku dan anugerahkanlah aku ilmu yang boleh memberiku manfaat." (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i dan al-Hakim: 1594)

٤٠٨- وَلِلتِّرْمِذِيِّ مِنْ حَدِيثِ أَبِي هُرَيْرَةَ نَحْوُهُ وَقَالَ فِي آخِرِهِ: "وَزِدْنِي عِلْمًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى كُلِّ حَالٍ، وَأَعُوذُ بِاللهِ مِنْ حَالِ أَهْلِ النَّارِ". وَإِسْنَادُهُ حَسَنٌ.

408. Al-Tirmizi turut meriwayatkan hadis daripada Abu Hurairah (r.a). Redaksinya sama dengan hadis sebelum ini. Tetapi pada bahagian akhir hadis itu terdapat tambahan berikut:

وَزِدنِي عِلمًا، الحَمدُ للهِ عَلَى كُلِّ حَالٍ وَأَعُوذُ بِاللهِ مِن حَالِ أَهلِ النَّارِ.

"Tambahkanlah ilmuku. Segala pujian adalah milik Allah di setiap perkara. Aku berlindung kepada Allah daripada perkara ahli neraka." (Sanad hadis ini hasan: 1595)

٤٠٩- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَّمَهَا هَذَا الدُّعَاءَ: "اَللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنَ الْخَيْرِ كُلِّهِ عَاجِلِهِ وَآجِلِهِ مَا عَلِمْتُ مِنْهُ وَمَا لَمْ أَعْلَمْ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الشَّرِّ كُلِّهِ عَاجِلِهِ وَآجِلِهِ مَا عَلِمْتُ مِنْهُ وَمَا لَمْ أَعْلَمْ، اَللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ خَيْرِ مَا سَأَلَكَ عَبْدُكَ وَنَبِيُّكَ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا عَاذَ بِهِ عَبْدُكَ وَنَبِيُّكَ، اَللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْجَنَّةَ وَمَا قَرَّبَ إِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ أَوْ عَمَلٍ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ النَّارِ وَمَا قَرَّبَ مِنْهَا مِنْ قَوْلٍ أَوْ عَمَلٍ، وَأَسْأَلُكَ أَنْ تَجْعَلَ كُلَّ قَضَاءٍ قَضَيْتَهُ لِي خَيْرًا". أَخْرَجَهُ ابْنُ مَاجَه وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ.

409. Daripada 'Aisyah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) mengajarkan kepadanya doa ini:

أَللَّهُمَّ إِنِّى أَسأَلُكَ مِنَ الخَيرِ كُلِّهِ عَاجِلِهِ وَآجِلِهِ مَا عَلِمتُ مِنهُ وَمَا لَم أَعلَم، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الشَّرِّ كُلِّهِ عَاجِلِهِ وَآجِلِهِ مَا عَلِمتُ مِنهُ وَمَا لَم أَعلَم، اَللَّهُمَّ إِنِّى أَسأَلُكَ مِن خَيرِ مَا سَأَلَكَ عَبدُكَ وَنَبِيُّكَ وَأَعُوذُ بِكَ مِن شَرِّ مَا عَاذَ مِنهُ عَبدُكَ وَنَبِيُّكَ، اَللَّهُمَّ إِنِّى أَسأَلُكَ الجَنَّةَ وَمَا قَرَّبَ إِلَيهَا مِن قَولٍ أَوعَمَلٍ وَأَسأَلُكَ أَن تَجعَلَ كُلَّ قَضَاءٍ قَضَيتَهُ لِى خَيرًا.

"Ya Allah, aku meminta kepada-Mu seluruh kebaikan, sama ada cepat ataupun lambat, sama ada kebaikan itu aku sedari ataupun tidak aku sedari. Aku berlindung kepada-Mu daripada seluruh kejahatan, sama ada cepat ataupun lambat, sama ada kejahatan itu aku sedari ataupun tidak aku sedari. Ya Allah, aku meminta kebaikan sepertimana yang dipinta hamba dan nabi-Mu. Aku berlindung kepada-Mu daripada kejahatan sepertimana hamba dan nabi-Mu berlindung daripadanya. Ya Allah, aku meminta kepada-Mu syurga dan apapun

yang boleh mendekatkanku kepadanya, berupa perkataan ataupun perbuatan. Aku meminta agar Engkau menetapkan takdir yang terbaik untukku." (Diriwayatkan oleh Ibn Majah dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban dan al-Hakim: 1596)

**Makna Hadis**

Hadis-hadis ini memuatkan doa-doa yang kerap dibaca oleh Rasulullah (s.a.w) dalam kehidupan seharian. Doa-doa itu mengandungi permintaan untuk mendapat kebaikan dan berlindung daripada segala bentuk kejahatan.

**Analisis Lafaz**

"حسنة", ada satu pendapat yang mengatakan maksudnya adalah nikmat. Ada pula yang mengatakan maksudnya adalah segala yang diminta.

"قنا", selamatkanlah kami.

"خطيئتى", dosaku.

"وإسرافى", melampaui batas.

"عصمة أمرى", melindungiku daripada kecelakaan.

"معاشى", rezekiku.

"معادى", tempat kembaliku.

"آجله", lambat.

**Fiqh Hadis**

Disunatkan berdoa dengan doa-doa yang terdapat dalam hadis-hadis di atas dan setidaknya dibaca setiap kali selesai mengerjakan solat.

٤١٠- وَأَخْرَجَ الشَّيْخَانِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "كَلِمَتَانِ حَبِيبَتَانِ إِلَى الرَّحْمَنِ خَفِيفَتَانِ عَلَى اللِّسَانِ ثَقِيلَتَانِ فِي الْمِيزَانِ: سُبْحَانَ اللهِ وَبِحَمْدِهِ، سُبْحَانَ اللهِ الْعَظِيمِ."

410. Al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan hadis daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: 'Ada dua kalimat yang disuka oleh al-Rahman, ringan di lidah tetapi berat timbangan amalnya, iaitu:

سُبْحَانَ اللهِ وَبِحَمْدِهِ سُبْحَانَ اللهِ الْعَظِيْمِ.

"Maha Suci Allah, segala pujian hanya milik-Nya. Maha Suci Allah lagi Maha Agung'.": 1597.

**Makna Hadis**

Ada dua kalimat yang disukai Allah. Kalimat itu mudah diucapkan tetapi berat timbangan amalnya. Ia mengandungi tasbih, tahmid dan ta'zim kepada Allah (s.w.t). Dua kalimat itu adalah: "سبحان الله وبحمده سبحان الله العظيم".

Di dalam kitabnya al-Sahih, al-Bukhari juga mengakhiri babnya dengan hadis ini. Ibn Hajar mengikuti langkah al-Bukhari dan beberapa ulama lainnya ini.

**Analisis Lafaz**

"كلمتان", dua kalimat. Dalam bahasa Arab ia bermaksud bilangan dua seperti kalimat syahadat, kalimat ikhlas dan lain sebagainya.

"حبيبتان", disukai. Allah menyukai dua kalimat itu dan orang yang membacanya.

"خفيفتان على اللسان ثقيلتان فى الميزان", menurut Ibn Hajar, pada satu sisi dua kalimat itu dikatakan ringan tetapi pada sisi yang lain ia dikatakan berat. Kerana dua kalimat itu relatif mudah mengucapkannya tetapi besar pahalanya.

Menurut al-Thibi, dua kalimat itu dikatakan ringan hanya sebagai majas. Dua kalimat itu mudah dibaca sepertimana orang mengangkat barang yang ringan.

"سبحان الله وبحمده", menurut bahasa, kalimat ini merupakan mubtada' (subjek) yang diakhirkan.

**Fiqh Hadis**

1. Di antara beberapa zikir, ada sebahagiannya yang lebih disukai Allah.
2. Pahala zikir tidak dapat diukur dengan kuantiti bacaan.
3. Hadis ini menunjukkan bahawa di hari kiamat nanti betul-betul ada mizan (timbangan amal), sepertimana diterangkan di dalam al-Qur'an.
4. Disunatkan selalu membaca doa yang tersebut dalam hadis ini, iaitu: "سبحان الله وبحمده سبحان الله العظيم".

Kitab ini selesai ditulis oleh Abu 'Abdullah 'Abdul Salam bin Muhammad bin Ghamr 'Allusy pada awal Muharram 1418 H.

Segala pujian hanya milik Allah yang dengan nikmat-Nya jualah amal soleh ini dapat diselesaikan dan dengan nikmat-Nya itu pula pahala akan didapatkan.